

**PANDUAN TOLERANSI AGAMA DALAM HUBUNGAN  
MUSLIM-KRISTIAN MALAYSIA MELALUI PENDEKATAN  
ISMAIL AL-FARUQI**

**NUR FARHANA BINTI ABDUL RAHMAN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

**PANDUAN TOLERANSI AGAMA DALAM  
HUBUNGAN MUSLIM-KRISTIAN MALAYSIA  
MELALUI PENDEKATAN ISMAIL AL-FARUQI**

**NUR FARHANA BINTI ABDUL RAHMAN**

**TESIS INI DISERAH SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

## ABSTRAK

Pelaksanaan toleransi agama telah terlaksana di Malaysia melalui pelbagai cara dan pihak sama ada secara langsung dan tidak langsung. Walau bagaimanapun terdapat isu salah faham dalam pelaksanaan toleransi agama dalam hubungan Muslim-Kristian sehingga menyebabkan pelbagai masalah masih berstatus belum diselesaikan antaranya disebabkan oleh kekurangan sumber dan rujukan. Bertolak dari situasi ini kajian bertujuan memformulasikan panduan dalam pelaksanaan toleransi agama di Malaysia melalui konsep dan pendekatan toleransi agama Ismail al-Fārūqī. Ismail al-Fārūqī memberi penekanan bahawa pelaksanaan toleransi agama perlu bermula dengan memahami agama terutamanya melalui pendekatan fenomenologi dan penilaian meta agama. Selaras dengan itu, kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk fenomenologi agama al-Fārūqī. Instrumen yang digunakan dalam pengumpulan data adalah instrumen temu bual mendalam (in depth interview) kepada enam orang wakil pemimpin Muslim dan lima orang wakil pemimpin Kristian yang dipilih berasaskan teknik pensampelan bertujuan . Data temu bual telah dianalisis secara tematik menggunakan perisian AtlasTi. Hasilnya kajian mendapati bahawa fenomena toleransi agama dalam hubungan Muslim dan Kristian tidak menafikan dua perkara utama iaitu (i) pengiktirafan kepelbagaian agama (ii) kesediaan untuk hidup berharmoni. Kajian turut mendapati terdapat tiga cadangan pendekatan dalam pelaksanaan toleransi agama iaitu melalui pendekatan memahami agama, pendekatan dialog agama dan pendekatan perbandingan agama dengan syarat dan limitasi yang berbeza. Bertolak dari perbezaan ini , akhirnya kajian mendapati wujudnya limitasi . yang perlu diketahui dalam pelaksanaan toleransi agama. Secara keseluruhan idea dan pendekatan al-Fārūqī boleh dilaksanakan dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia namun perbezaan cara pelaksanaan berlaku mengikut ketetapan syarat-syarat dari wakil pemimpin agama Islam dan Kristian Malaysia.

## ABSTRACT

Religious tolerance has been widely discussed and instigated in either direct or indirect manner. However, there are many unresolved issues in instigating Muslim-Christian relation in Malaysia due to lacking of proper references and guidance. Thus, the purpose of this research is to analyze the religious tolerance phenomenon in Malaysia, based on the al-Fārūqī approach of religious tolerance from the perspective of Muslim and Christian religious leaders. Al-Fārūqī argued that religious tolerance is best to be approached by phenomenology and meta-religion methodology. Grounding on this platform, this qualitative research uses al-al-Fārūqī's approach of phenomenology in understanding the issue. This research employs in-depth interview session with six Muslim representative religious leaders and five Christian representative religious leaders. Data from the interviews were analyzed thematically using Atlas Ti software. The findings show that the most important component of religious tolerance phenomenon in Muslim-Christian relation are; (i) recognition of religious diversity, and (ii) willingness to live in harmony. This study recommends three imperative approaches in developing the religious tolerance which are understanding of religion, interfaith dialogue and guided comparative religion approach. However, there are some relevant limitations that must be acknowledged in establishing a religious tolerance in a society. Hence, grounded on the religious leaders' views, the al-Fārūqī approach with some modifications is still pertinent and feasible to be implemented in Malaysia.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, dapatlah penulis menyelesaikan penulisan tesis ini sebagai syarat bagi mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah (Akidah dan Pemikiran Islam) Universiti Malaya. Jutaan terima kasih ditujukan kepada semua jawatankuasa pentadbiran serta pensyarah di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya khususnya ditujukan khas kepada Prof Madya Dr Khadijah binti Mohd. Khambali @Hambali selaku penyelia tesis kerana telah banyak membantu serta memberi bimbingan, pandangan, teguran, dan nasihat kepada penulis dalam menjayakan kajian dan penulisan ini. Sekalung penghargaan juga turut diberikan kepada pensyarah-pensyarah dan pengurusan di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam serta Urus Setia Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang turut sama membantu penghasilan tesis ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga Allah S.W.T merahmati kalian dengan kebahagiaan dan kejayaan hidup di dunia dan akhirat.

Sekalung penghargaan diberikan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia khasnya kepada pengurusan Unit Cuti Belajar, UKM dan Kementerian Pengajian Tinggi khasnya kepada pengurusan Unit Cuti Belajar KPT yang telah meluluskan permohonan, memberi penajaan dan menyediakan dana dan kemudahan bagi melaksanakan dan menyempurnakan pengajian Doktor Falsafah ini.

Setulus salam kasih dan penghargaan pula ditujukan khas buat suami tercinta Mohd Fandi Al-Khafiz bin Kamis, anak-anak Muhammad Aqil Fakhri dan Muhammad Al Fateh, ayahanda Tn. Haji Abd.Rahman b. Haron, bonda Pn. Hajah Rokiah bt. Yusof serta adinda-adinda yang dikasihi iaitu Nur Farah Huda bt. Abdul Rahman , Mohd Fakhrurrazi b. Abdul Rahman serta seluruh keluarga yang disayangi kerana telah banyak memberi dorongan dan bantuan sama ada secara material, fizikal mahupun mental kepada penulis dalam menyempurnakan kajian dan menghasilkan penulisan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan buat semua informan kajian yang terdiri dari wakil pemimpin agama Islam dan Kristian Malaysia, ahli-ahli akademik dan rakan-rakan NGO, teman-teman seperjuangan khususnya kepada Dr Ros Aiza Mokhtar, Dr Sharifah Noraida Wan Hassan, Dr Aeidah Abdul Khalek, Puan Saidah Harith, Puan Hajah Sri Rahayu@Nurjanah haji Dolah , Puan Mariam Abdul Rahman, Puan Hajah Masuriyati Hj Yahya dan Puan Nurhanisah Senin serta rakan-rakan pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, FPI,UKM, yang telah banyak berkongsi idea, pengalaman, bantuan teknikal dan memberi sumbang saran dalam menyempurnakan penulisan ini.

Penulis,  
Nur Farhana Abdul Rahman  
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya.  
Mei 2016.  
hanaalkhafiz@gmail.com

## SENARAI KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
JADUAL TRANSLITERASI	x
SENARAI ILUSTRASI	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

### **BAB 1 :PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	7
1.4 Persoalan Dan Objektif Kajian	17
1.5 Kepentingan Kajian	18
1.6 Skop Dan Limitasi Kajian	19
1.7 Tinjauan Literatur (Literature Review)	19
1.8 Metodologi Kajian	47
1.8.1. Reka bentuk Pendekatan Fenomenologi	49
1.8.2 Kaedah Pengumpulan Data	52
1.8.3 Kaedah Analisis Data	62
1.8.4. Triangulasi Kajian	68
1.9 Kesimpulan	70

### **BAB 2: TOLERANSI AGAMA MENURUT ISMAIL AL FĀRŪQĪ**

2.1 Pengenalan	71
2.2 Biografi Ringkas Isma'Il Raji Al-Fārūqī	71
2.2.1 Keperibadian Dan Keluarga	72
2.2.2 Sumbangan Kesarjanaan.	75
2.2.3 Sumbangan Penerbitan Ilmiah.	82
2.2.4 Sumbangan Di Malaysia	84
2.3 Konsep Toleransi Agama Ismail Al Fārūqī	84
2.3.1 Definisi Toleransi Agama	86
2.3.2 Prinsip Toleransi Agama	88

2.3.3 Asas Toleransi Agama	96
2.4 Pendekatan Dan Kaedah Toleransi Agama Al-Fārūqī	104
2.4.1 Pendekatan Fenomenologi Agama Menurut Al Fārūqī	104
2.4.2 Kaedah Pelaksanaan Toleransi Agama	133
2.5 Kerangka Konseptual Pendekatan Al-Fārūqī	145
2.6 Kesimpulan	148

### **BAB 3: TOLERANSI AGAMA DI MALAYSIA : PANDANGAN WAKIL PEMIMPIN AGAMA ISLAM DAN KRISTIAN**

3.1 Pengenalan	149
3.2 Sejarah Hubungan Antara Agama Di Malaysia	149
3.2.1 Hubungan Muslim-Kristian Di Malaysia	152
3.2.2 Isu Dalam Hubungan Muslim-Kristian Malaysia	162
3.2.3. Halangan Dalam Hubungan Harmoni Muslim-Kristian Malaysia	176
3.3 Konsep Toleransi Agama	187
3.3.1 Definisi Toleransi Agama	188
3.3.2 Asas Dan Ciri-Ciri Pelaksanaan Toleransi Agama	198
3.4 Penerimaan Pelaksanaan Toleransi Agama	204
3.4.1 Pengiktirafan Kepelbagaian Agama	204
3.4.2 Kesediaan Untuk Hidup Harmoni	216
3.5 Kesimpulan	239

### **BAB 4 : PENDEKATAN TOLERANSI AGAMA MENURUT WAKIL PEMIMPIN AGAMA ISLAM DAN KRISTIAN MALAYSIA**

4.1 Pengenalan	240
4.2 Pendekatan Memahami Agama	240
4.2.1 Penerimaan Dan Tujuan Pendekatan Memahami Agama.	241.
4.2.2 Pengalaman Memahami Agama Lain.	246
4.2.3. Cadangan Pelaksanaan Kaedah Untuk Memahami Agama.	250
4.2.4. Syarat Pelaksanaan Pendekatan Memahami Agama	257
4.3 Pendekatan Dialog Agama	264
4.3.1 Penerimaan Dan Tujuan Pendekatan Dialog Agama	262
4.3.2 Syarat Dan Ciri Dialog Agama.	268
4.3.3 Tema Dialog Antara Agama	275
4.4 Pendekatan Perbandingan Agama	281
4.4.1 Penerimaan Pendekatan Perbandingan Agama.	281
4.4.2 Syarat Pendekatan Perbandingan Agama.	286
4.5. Kesimpulan	293

## **BAB 5 PENILAIAN META AGAMA PANDUAN PEMBENTUKAN LIMITASI TOLERANSI MENURUT PEMIMPIN AGAMA ISLAM DAN KRISTIAN MALAYSIA**

5.1 Pengenalan	294
5.2 Keperluan Limitasi Toleransi Agama	294
5.3 Penilaian Meta Agama Sebagai Panduan	303
5.3.1 Prinsip 1: Penerimaan Dualiti (Perbezaan Ideal Being (Pencipta ) Dan Actual Being (Makhluk)	303
5.3.2 Prinsip 2: Ideal Being (Pencipta) Dan Actual Being (Makhluk) Mempunyai Hubungan Yang Relevan	328
5.3.3 Prinsip 3: Kerelevanan Hubungan Ideal Being (Pencipta) Dan Actual Being (Makhluk) Adalah Satu Arahan Atau Ketentuan.	344
5.3.4 Prinsip 4: Makhluk (Actual Being) Adalah Baik	359
5.3.5 Prinsip 5 : Makhluk (Actual Being) Boleh Ditempa	366
5.3.6 Prinsip 6: Kesempurnaan Alam (Kosmos) Hanyalah Beban Kepada Manusia(Human)	374
5.4. Kesimpulan	378

## **BAB 6 : RUMUSAN DAN CADANGAN**

6.1 Pengenalan	379
6.2 Rumusan	379
6.2.1 Rumusan Objektif 1	380
6.2.2 Rumusan Objektif 2	380
6.2.3 Rumusan Objektif 3	381
6.2.4 Rumusan Objektif 4	386
6.3 Cadangan	392
6.4 Kesimpulan	395
6.5 Rujukan	396



## SENARAI RAJAH

Rajah 2.1:	Kerangka Perbincangan Toleransi Agama menurut al-Fārūqī	85
Rajah 2.2	Kerangka Konseptual Pendekatan Toleransi Agama menurut al-Fārūqī	145
Rajah 3.1	Carta Taburan Penduduk Malaysia mengikut Agama	150
Rajah 3.2	Isu dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia	162
Rajah 3.3	Penerimaan Informan Muslim dan Kristian terhadap istilah toleransi agama	189
Rajah 4.1:	Perbezaan syarat Memahami Agama di antara Wakil Pemimpin Muslim dan Kristian Malaysia	260
Rajah 4.2	Cadangan pendekatan toleransi agama menurut Informan Islam dan Kristian Malaysia	293
Rajah 6.1 :	Sumbangan Dan Kepentingan Kajian	395

## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Hubungan Objektif Kajian- Persoalan Kajian	17
Jadual 1.2	Perbandingan Falsafah Kajian menurut Silverman	48
Jadual 1.3	Proses Pelaporan Data menurut al-Fārūqī	53
Jadual 1.4	Perbandingan Proses Pengumpulan Data berdasarkan Reka bentuk Kajian	54
Jadual 1.5	Proses pembinaan makna data menurut al-Fārūqī	55
Jadual 1.6	Perbandingan Pendekatan Pembentukan Data Induktif-Deduktif	56
Jadual 1.7	Proses Pentafsiran Data menurut al-Fārūqī	63
Jadual 1.8	Proses Penilaian data menurut al-Fārūqī	65
Jadual 1.9	Triangulasi Data Kajian	68
Jadual 3.1	Perkembangan Hubungan Antara Agama Di Malaysia	152
Jadual 3.2	Isu Kalimah Allah menurut pandangan informan Muslim	164
Jadual 3.3	Isu Kalimah Allah menurut pandangan Informan Kristian Malaysia.	166
Jadual 3.4	Isu Islamisasi menurut pandangan informan Muslim.	169
Jadual 3.5	Isu Islamisasi menurut pandangan informan Kristian	170
Jadual 3.6	Isu Kebebasan beragama menurut Informan Muslim	171
Jadual 3.7	Isu kebebasan beragama menurut informan Kristian	172
Jadual 3.8	Isu Keadilan Hak menurut informan Muslim	174
Jadual 3.9	Isu Keadilan Hak menurut informan Kristian	174
Jadual 3.10	Halangan untuk Hidup Harmoni dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia.	177
Jadual 3.11	Definisi dan Konsep Toleransi Agama menurut Informan Muslim	190
Jadual 3.12	Istilah Toleransi Agama menurut wakil pemimpin agama Kristian	193
Jadual 3.13	Ciri Toleransi Agama menurut informan Muslim	199
Jadual 3.14	Ciri- Ciri Toleransi Agama menurut informan Kristian	201
Jadual 3.15	Punca kepelbagaian agama menurut Informan Muslim	205
Jadual 3.16	Punca Kepelbagaian agama menurut informan Kristian	207
Jadual 3.17	Kesediaan untuk Hidup Harmoni menurut informan Muslim	217
Jadual 3.18	Kesediaan untuk hidup Harmoni Menurut Informan Kristian	219
Jadual 4.1	Pandangan penerimaan pendekatan memahami agama menurut informan Muslim	242
Jadual 4.2	Pandangan Penolakan pendekatan memahami agama menurut informan Muslim	244
Jadual 4.3	Penerimaan pendekatan Memahami Agama menurut informan Kristian	244
Jadual 4.4	Pandangan pengalaman dalam memahami agama lain menurut informan Muslim	247
Jadual 4.5	Pandangan Pengalaman memahami agama lain menurut informan Kristian	248
Jadual 4.6	Cadangan pelaksanaan memahami agama-agama menurut informan Muslim	250
Jadual 4.7	Cadangan Pelaksanaan Memahami Agama Lain menurut informan Kristian	253
Jadual 4.8	Syarat pelaksanaan pendekatan memahami agama lain menurut informan Muslim	257
Jadual 4.9	Syarat pelaksanaan pendekatan memahami agama lain menurut wakil pemimpin agama Kristian Malaysia.	259

Jadual 4.10	Penerimaan Pendekatan Dialog Agama menurut informan Muslim	265
Jadual 4.11	Penerimaan dan Tujuan Dialog Agama menurut Informan Kristian	266
Jadual 4.12	Syarat dan Ciri Dialog Agama menurut Informan Muslim Malaysia	268
Jadual 4.13	Syarat dan Ciri Dialog Agama menurut Informan Kristian Malaysia	273
Jadual 4.14	Tema dalam Dialog Agama menurut Informan Muslim Malaysia	274
Jadual 4.15	Tema Dialog Agama menurut Informan Kristian Malaysia	277
Jadual 4.16	Pendekatan Perbandingan agama menurut informan Muslim	281
Jadual 4.17	Penerimaan dan Tujuan Pendekatan Perbandingan Agama menurut informan Kristian	283
Jadual 4.18	Syarat Pendekatan Perbandingan Agama Menurut Informan Muslim	287
Jadual 4.19	Syarat Pendekatan Perbandingan agama menurut informan Kristian	290
Jadual 5.1	Keperluan Limitasi Toleransi agama menurut informan Muslim	296
Jadual 5.2	Keperluan limitasi toleransi agama menurut informan Kristian	300
Jadual 5.3	Kewujudan Tuhan informan Kristian	317
Jadual 5.4	Kewujudan MakhluK menurut informan Kristian	326
Jadual 5.5	Hubungan Tuhan dan MakhluK menurut informan Kristian	337
Jadual 5.6	Memahami Tuhan menurut informan Kristian	339
Jadual 5.7	Panduan arahan Tuhan menurut informan Kristian.	356
Jadual 5.8	Fitrah makhluK menurut pandangan informan Kristian.	362
Jadual 5.9	Kebebasan manusia untuk berubah menurut informan Kristian	370
Jadual 5.10	Alam menurut pandangan Kristian	376
Jadual 6.1	Rumusan Pendekatan Memahami agama	382
Jadual 6.2	Rumusan Pendekatan Dialog agama	383
Jadual 6.3	Rumusan Pendekatan Perbandingan Agama	385
Jadual 6.4	Rumusan Persamaan dan perbezaan hasil penilaian meta agama	386
Jadual 6.5	Cadangan Instrumen	390

## SENARAI TRANSLITERASI

### 1. 1. HURUF

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ء	,	تأليف	Ta' līf
ب	<b>B</b>	بيروت	Beirūt
ت	<b>T</b>	تعليم	Ta' līm
ث	<b>Th</b>	ثورة	Thawrah
ج	<b>J</b>	جماعة	Jamā' ah
ح	<b>H</b>	حديث	Ḥadīth
خ	<b>Kh</b>	خلدون	Khaldūn
د	<b>D</b>	دار	Dār
ذ	<b>Dh</b>	ذيادة	Dhiyād
ر	<b>R</b>	رسالة	Risālah
ز	<b>Z</b>	زيارة	Ziyārah
س	<b>S</b>	سيرة	Sīrah
ش	<b>Sh</b>	شريف	Sharīf
ص	<b>S</b>	صف	Ṣaf
ض	<b>D</b>	ضابط	Ḍābit
ط	<b>T</b>	طارق	Ṭāriq

ظ	<b>Z</b>	ظلال	Zilāl
ع	‘	عهد	‘Ahd
غ	<b>Gh</b>	غاية	Ghāyah
ف	<b>F</b>	فكر	Fikr
ق	<b>Q</b>	قصور	Qusūr
ك	<b>K</b>	كتاب	Kuttāb
ل	<b>L</b>	لسان	Lisān
م	<b>M</b>	مسجد	Masjid
ن	<b>N</b>	نظرية	Nazariyyah
و	<b>W</b>	وصل	Wasala
هـ	<b>H</b>	هدف	Hadaf
ي	<b>Y</b>	يمين	Yamīn

## 2. VOKAL PENDEK

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
-----َ-----	A	قنت	Qanata
-----ِ-----	I	شرب	Shariba
-----ُ-----	U	جمع	Jumi'a

## 3. VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
أ / آ	Ā	احياً	Bāb/Iḥyā'
ي	Ī	تجدید	Tajdīd
و	Ū	علوم	'Ulūm

## 4. DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
و	Aw	قول	Qawl
ي	Ay	غير	Ghayr
ي	iyy / ī	عربي	'Arabiyy atau 'arabī (di akhir kalimat)
و	uww / ū	عدو	'Aduww atau 'adū (di akhir kalimat)

## EJAAN DAN TRANSLITERASI

Pengecualian daripada menggunakan panduan itu bagi kes-kes berikut:

- i. Bagi akhir perkataan asal yang ditulis dengan “ة” ( Ta’ Marbutah) dieja mengikut sebutan “e”.
- ii. Tanwin tidak dieja dengan mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan.  
Contoh: *Sur‘ah* (سرعة) dan *Sā‘ah* (ساعة).
- iii. Alif Lam diteransliterasikan sebagai al (sama ada bagi *Lam Shamsiyyah* atau *Qamariyyah*) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. “a” dalam al tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Malaysia. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.
- iv. Istilah sesuatu perkataan yang berasal dari perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan bahasa Malaysia. Semua perkataan ‘Arab/ Inggeris (Bahasa Asing) hendaklah di*italick*an kecuali nama khas.

Ejaan yang digunakan dalam latihan ilmiah ini juga adalah mengikut Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia 1998. Transliterasi yang diguna pakai ialah berdasarkan rujukan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Pedoman Transliterasi huruf Arab ke Huruf Rumi, 1998.

## SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

<b>Singkatan</b>	<b>Penggunaan</b>
Aswj	Ahli sunah waljamaaah
Dlm	Dalam
hlm./h.	Halaman
jil.	Jilid
S.A.W	Solallahu Alayhi Wassallam
S.W.T	Subhanahu wa Ta'ala
t.pt.	tiada penerbit
t.th	tiada tarikh
t.tp	tiada tempat terbit

:

:



## SENARAI LAMPIRAN

<b>Lampiran</b>	<b>Tajuk</b>
Lampiran A	Proses Atlas Ti.
Lampiran B	Jadual Proses Kajian
Lampiran C	Senarai Penerbitan al-Fārūqī
Lampiran D	Soalan temu bual.
Lampiran E	Piagam Madinah
Lampiran F	Perjanjian Aelia
Lampiran G	Dokumen Christian Witness in Multi-Religious World: Recommendation for Conducts

University of Malaya



## **BAB 1: PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Abad ke 21 Masihi memperlihatkan tuntutan dalam toleransi agama semakin diperjuangkan. Tuntutan ini diperjuangkan dari kalangan penganut agama bagi mencari panduan keharmonian dan persefahaman untuk hidup bersama dalam realiti kepelbagaian. Tuntutan dan perjuangan toleransi agama ini dilantunkan dari banyak pihak sama ada secara individu mahupun secara kumpulan dan organisasi. Dari konteks Malaysia, pembentukan masyarakat harmoni sememangnya menjadi asas matlamat setiap pemimpin negara bermula dari kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman sehingga kini. Buktinya, kewujudan komponen perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam setiap objektif perjuangan yang dilaungkan oleh pemimpin negara sama ada dalam perjuangan pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Perjuangan Wawasan 2020, Masyarakat Madani, Islam Hadhari mahupun Gagasan Satu Malaysia menggambarkan perkara ini terus diperjuangkan dalam setiap pemerintahan. Hal ini di dasari dengan kemajmukan rakyat Malaysia sama ada dari sudut bangsa mahupun agama. Sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat daripada pelbagai agama dan bangsa yang berbeza, hak untuk berinteraksi dan hidup bersama perlu diberi perhatian sepenuhnya. Hubungan dan isu-isu antara agama perlu diatasi dengan sebaiknya bagi menghindari salah faham dan pergaduhan yang boleh menyebabkan kejatuhan negara Malaysia.

### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Sejarah mencatatkan bahawa kepelbagaian agama sudah wujud di Tanah Melayu (kini dikenali sebagai Malaysia) sejak awal lagi. Islam telah berada di Tanah Melayu 500 tahun bersama dengan agama-agama lain. Penganut Islam telah bersama-sama menyertai

penentangan terhadap Portugis dan Belanda. Setelah pemergian Portugis dan Belanda diekori kedatangan British ke Tanah Melayu, soal agama Islam tidak diganggu lagi dan tidak disentuh oleh kuasa mereka sama ada melalui Perlembagaan Malayan Union 1946 mahupun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Justeru dalam peruntukan perkara 3 dalam perlembagaan jelas menyatakan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan<sup>1</sup>.

Kewujudan pelbagai agama di Tanah Melayu lebih jelas kelihatan selepas pentadbiran British kerana mereka telah membawa masuk agama Kristian serta Hindu dan Buddha melalui pengambilan buruh-buruh dari Tanah Besar China dan benua India. Meskipun Hindu dan Buddha dikatakan telah wujud lebih awal lagi di Tanah Melayu, kedua-dua agama ini jelas kelihatan diamalkan selepas penjajahan. Justeru terdapat suatu fasal imbalan yang menyebut “tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”. Pada waktu tersebut buruh-buruh ini ditempatkan mengikut kawasan dan bangsa seperti buruh berbangsa Cina di kawasan lombong dan bandar, buruh berbangsa India di kawasan estet dan kemudiannya penduduk Tanah Melayu berbangsa Melayu melakukan pekerjaan di kawasan tempat tinggal mereka di kampung-kampung. Pengasingan berasaskan bangsa yang berlaku pada waktu ini menunjukkan bahawa percampuran antara penganut agama kurang berlaku cuma yang pasti adalah kepelbagaian agama yang wujud.

Terdapat tiga agenda utama yang diberi perhatian penuh oleh kerajaan selepas kemerdekaan iaitu membasmi kejahilan, kemiskinan dan penyakit. Namun begitu, dua belas tahun selepas kemerdekaan 1957, satu penggubalan agenda baru dalam kerajaan telah dilaksanakan semula berpunca dari peristiwa rusuhan berdarah yang berlaku pada

---

<sup>1</sup> Abdull Rahman Mahmood, Kamaruddin Hj Salleh et.al,(2009).Penerimaan Bukan Islam terhadap proses Islamisasi di Malaysia. *Jurnal Hadhari* (2).33-51.

13 Mei 1969. Menurut Abdul Hamid Othman<sup>2</sup>, ketegangan antara kaum mula diluahkan dengan berani sehingga tercetusnya peristiwa 1969 ini disebabkan berakhirnya tempoh perjanjian yang telah dimeterai bersama British dalam perjanjian kemerdekaan. Beliau turut menjelaskan bahawa dalam perjanjian kemerdekaan, British memberi masa selama 10 tahun percubaan kepada Tanah Melayu bagi menunjukkan bahawa setiap kaum dan bangsa boleh hidup bersama dengan harmoni, sekiranya wujud persengketaan maka kemerdekaan akan ditarik semula. Peristiwa berdarah ini menjadi titik tolak kepada percampuran penganut agama dengan meluas di Tanah Melayu akibat dari situasi yang menggesa kerajaan agar turut mengambil kira keharmonian umat beragama sebagai asas kemajuan negara. Peristiwa ini akhirnya menyebabkan penggubalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilakukan pada tahun 1970 dengan tujuan untuk merapatkan jurang ekonomi antara kaum. Dasar ini akhirnya menyebabkan berlaku migrasi secara besar-besaran penduduk kampung dan estet ke bandar. Sektor pekerjaan yang berasaskan etnik sudah berubah sewajarnya dengan tekanan DEB dan globalisasi, masyarakat yang mempunyai intelektual yang tinggi mula wujud dan berubah berbanding zaman sebelum merdeka dahulu. Semua ini mengubah bentuk serta struktur hubungan kaum di negara ini. Malah pertukaran dari dasar DEB ke wawasan 2020 yang telah diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad<sup>3</sup> dengan meletakkan bahawa terdapat 9 cabaran utama untuk

---

<sup>2</sup> Abdul Hamid Othman, "Toleransi Agama sebagai Teras Dialog Perdana", Dalam (pnyt) Azizan Baharudin, Mohd Khairudin Mohamad, et.al ). *.Dialog Peradaban Peranan dan Kepentingannya di Malaysia.*, (62-70)).( Kuala Lumpur:Universiti Malaya,2005), 64.

<sup>3</sup>1. Mewujudkan Negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat dikongsi bersama  
2. Mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang ada dan yang dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah.  
3. Mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun.  
4. Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika.  
5. Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, rakyat pelbagai kaum bebas mengamalkan idea, kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing dan pada masa yang sama, meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara.  
6. Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan, yang bukan sahaja pengguna teknologi tinggi tetapi juga menyumbangkan kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.

menjayakan wawasan 2020, 8 dari cabaran tersebut adalah berkisar dengan pembangunan dan perpaduan masyarakat Malaysia. Hal ini menegaskan bahawa integrasi nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia sememangnya diberi perhatian oleh kerajaan Malaysia.

Ekoran dari peristiwa 1969 itu juga terdapat pelbagai cadangan dan usaha lain yang telah dijalankan di Malaysia khususnya dalam mengimbangi hak antara agama dan memupuk keharmonian untuk hidup bersama. Antaranya seperti penubuhan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang mempunyai sebuah jabatan khusus bagi menjaga perpaduan negara iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) pada tahun 1970. Menurut Raymond dan Ackerman<sup>4</sup> terdapat tiga isu utama yang sentiasa menimbulkan ketegangan semasa antara penganut agama di Malaysia khususnya antara Muslim dan Bukan Muslim iaitu ketegangan dari isu kedudukan dan hak penganut bukan Muslim berbanding Muslim, persoalan kekuasaan sekular yang akhirnya membantu golongan fundamentalisme khususnya dalam Islam, dan persoalan kebangkitan kumpulan-kumpulan pemimpin yang akhirnya mencabar kestabilan agama. Jabatan Perpaduan Negara telah ditugaskan untuk mengimbangi dan menjadi pendengar serta penyelesai terhadap tuntutan - tuntutan dan salah faham yang muncul antara kaum dan agama di Malaysia terutamanya setelah kerajaan memperkenalkan dasar Islamisasi pada tahun 1982. Persediaan untuk menghadapi tuntutan dari isu-isu agama ini telah menjadi satu fokus yang serius sehingga JPNINM

- 
7. Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mengutamakan kepentingan masyarakat, kebajikan insan tidak akan berkisar kepada Negara atau orang perseorangan, tetapi sekeliling sitem keluarga yang kukuh.
  8. Memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi.
  9. Mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.

<sup>4</sup> Raymond, L.M. Lee & Susan E. Ackerman, *Sacred Tensions Modernity and Religious Transformation in Malaysia*, (University of South Carolina Press, 1997).

bersetuju menubuhkan satu unit hubungan agama pada April 2008 di bawah pemerintahan JPNIN.

Selain itu terdapat juga usaha lain yang dijalankan antaranya seperti penggubalan garis panduan penubuhan tempat ibadah bagi setiap agama yang ada<sup>5</sup>, dan mewujudkan pengagihan penempatan kediaman yang bersifat adil terhadap pelbagai agama mahupun bangsa yang tidak bersifat perkauman seperti pada zaman awal kemerdekaan. Semua usaha ini disasarkan di bawah satu perjuangan iaitu pemupukan keharmonian agama di Malaysia melalui pelaksanaan toleransi agama. Malah satu usaha yang lebih jelas dan meluas bagi mempromosikan keharmonian antara umat beragama dilakukan dengan lebih terbuka melalui penubuhan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang telah ditubuhkan pada 24 Februari 2010. JKMPKA ini dianggotai oleh wakil pemimpin agama-agama besar di Malaysia dan *Non- Government Organization (NGO)* agama di Malaysia yang terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti seperti dialog antara agama, ziarah agama dan semua aktiviti yang menjurus ke arah membina persefahaman antara penganut beragama di Malaysia.

Selain dari usaha pihak kerajaan, tidak dinafikan bahawa usaha pemupukan keharmonian antara agama di Malaysia juga turut disertai oleh golongan akademik IPTA dan IPTS dan NGO Islam yang berpusat di bawah ACSIN<sup>6</sup> dan NGO bukan Muslim

---

<sup>5</sup> Garis Panduan Rumah Ibadah, dicapai pada 13 November 2013. Di capai dari , <http://www.townplan.gov.my/>.

<sup>6</sup> ACCIN (Allied Coordinating Committee of Islamic NGO'S) merupakan Gabungan Pertubuhan-Pertubuhan Islam bukan kerajaan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966, dan dianggotai 17 NGO Islam termasuk PERKIM (Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia), PUM (Persatuan Ulama' Malaysia), ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia), MUFAKAT (Pertubuhan Muafakat Rakyat Sejahtera), Darul Fitrah (Persatuan Darul Fitrah), JIM (Jemaah Islam Malaysia), MACMA (Malaysian Chinese Muslim Association), IIS (Islamic Information and Services Foundation), RICOI (Research and Information Centre on Islam), Al-Hidayah (Persatuan Dakwah Islamiah & Kebajikan Saudara Baru India Se-Malaysia), ISMA (Ikatan Muslimin Malaysia), Al-Hunafa (Persatuan al-Hunafa'), IMAN (Interactive Muslimah Association), Jam'iyah (Persekutuan Seruan Islam Selangor & W.P), Darusshifa (Persatuan Kebajikan & Pengubatan Islam Malaysia), WAMY (World Assembly of Muslim Youth) dan GEPIMA (Pergerakan India

seperti MBBHST<sup>7</sup>. Usaha yang lebih bersifat perbincangan dan akademik telah wujud dalam kalangan para sarjana dan tokoh agama khususnya melalui beberapa pendekatan seperti forum yang menjelaskan kefahaman agama, majlis dialog antara agama atau perbincangan tertutup dalam kalangan pakar-pakar agama seperti Muzakarah Pakar-Pakar Agama seperti yang telah dianjurkan oleh IKIM dan persidangan meja bulat dalam kalangan jawatankuasa agama dan seumpamanya. Pendekatan-pendekatan ini selalunya mendapat sambutan dan berjalan dengan baik mengikut batas-batas yang ditetapkan<sup>8</sup>.

Usaha ini juga boleh dilihat melalui pelaksanaan kursus-kursus wajib di Institusi pengajian Tinggi. Dalam kurikulum pendidikan tinggi, kesedaran terhadap agama dijadikan satu subjek teras di universiti. Namun pengenalan terhadap agama di dalam modul kursus tersebut adalah secara ringkas dan umum. Sebagai contoh, pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah mewajibkan beberapa kursus yang berkaitan dengan hubungan etnik dan agama sebagai kursus wajib. Kursus wajib ini ditawarkan kepada mahasiswa dari semua bidang antaranya seperti kursus hubungan etnik serta kursus tamadun Islam dan Asia Tenggara (TITAS) di semua Institusi Pengajian Tinggi. Tidak dinafikan, terdapat juga kursus-kursus lain yang menjelaskan mengenai agama-agama secara lebih mendalam seperti kursus Pengenalan Agama-Agama, kursus ini masih bertaraf kursus pilihan bebas iaitu mahasiswa bebas untuk memilih subjek ini atau

---

Muslim Malaysia).ACCIN bermatlamat untuk memperjuangkan kepentingan syariah agama Islam.Dicapai dari Accin. 26 November 2012. <https://accinmalaysia.wordpress.com/about/>.

<sup>77</sup> MCCBHST adalah satu badan berwakil yang menyatukan suara dari penganut agama selain Islam. MCCBHST merupakan singkatan kepada Malaysia council of Christian, Buddha, Hindu, Sikh and Tao bertujuan menyampaikan suara dari penganut bukan Islam (dicapai dari <https://harmonymalaysia.wordpress.com/> pada 26 November 2012). MCCBHST khususnya berperanan dalam menyatakan hak mereka. Walaupun wujudnya kontroversi dari tuntutan yang ditimbulkan oleh badan NGO ini, terdapat juga usaha-usaha keharmonian agama yang disertai oleh wakil persatuan ini khususnya melalui penyertaan di dalam badan JKMPKA yang ditubuhkan oleh JPNIN Malaysia.

<sup>8</sup> Usaha-usaha ini boleh dirujuk di laporan program yang disenaraikan di laman-laman web Ngo dan Agensi seperti ACCIN( <https://accinmalaysia.wordpress.com/about/>), MCCBHST (<https://harmonymalaysia.wordpress.com/>),ABIM, JKMPKA (<http://www.jpnin.gov.my/ms/jawatankuasa-mempromosikan-persefahaman-dan-keharmonian-antara-penganut-agama-jkmpka>), IKIM (<http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/> ) dan programa-program di universiti.



sebaliknya<sup>9</sup>. Manakala, dalam kurikulum pendidikan sekolah menengah mahupun rendah, subjek pengenalan agama-agama ini tidak dapat dilihat sebagai satu subjek khusus. Hubungan antara penganut agama hanya dijelaskan secara langsung melalui pendidikan subjek akhlak bagi pelajar Muslim dan moral bagi pelajar beragama selain Islam.

Kekurangan dari usaha ini turut dilihat wujud terutamanya apabila isu antara agama yang menjadi isu yang paling tinggi peratusan antara isu-isu lain timbul dalam program perpaduan Malaysia<sup>10</sup>. Justeru, hal ini menunjukkan bahawa pemupukan keharmonian antara agama dilihat sebagai satu perkara penting dalam memacu kemajuan negara Malaysia.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Masyarakat pelbagai kaum menghadapi cabaran untuk memelihara keharmonian dalam hubungan antara satu sama lain. Dalam konteks kepelbagaian kaum di Malaysia, masyarakat sejak asalnya terbahagi mengikut bahasa, budaya dan agama masing-masing. Hubungan kaum yang stabil menjadi satu penanda aras dan kunci utama dalam memastikan kestabilan politik dan ekonomi negara. Buktinya, Malaysia pernah menghadapi krisis perkauman yang tragis pada tahun 1969 dan hal ini memberi kesan yang besar sehingga memaksa negara dan kerajaan melupuskan polisi ekonomi pasaran bebas *laissez fair* yang dibentuk sejak zaman kemerdekaan 1957 bagi menjaga kelestarian hubungan sesama kaum dan pembangunan ekonomi<sup>11</sup>. Walau bagaimanapun

---

<sup>9</sup> Hubungan etnik merupakan kursus wajib bagi semua Institusi Pengajian Tinggi yang menerima akreditasi sah di Malaysia . Boleh rujuk ke laman web IPTA Malaysia.

<sup>10</sup> Temu bual bersama En. Zulkifli (Penolong Pengarah, Unit Perpaduan, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional Malaysia) pada 23 Mei 2013 di Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Putrajaya.

<sup>11</sup> Muda@Ismail Ab. Rahman & Farah Salwani, "Toleransi Agama dan Kepelbagaian Budaya di Malaysia", (pnyt) Dalam, Jaffary Awang. Mohd Nasir Omar & Kamarudin Salleh. *Agama dan Perpaduan Kaum di Malaysia*. (103-108) (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, 2003), 104.

kelestarian ini seringkali tergugat antaranya disebabkan tercetusnya konflik-konflik yang mana tidak boleh tidak ia tetap berkaitan dengan sensitiviti agama. JPNIM<sup>12</sup> menyatakan bahawa dalam senarai isu-isu keharmonian masyarakat di Malaysia sekitar tahun 2010-2012, isu agama mendapat kedudukan tertinggi berbanding isu keharmonian yang lain. Antara tuntutan yang sering berlaku adalah Isu Kalimah Allah, Isu Rumah Ibadat, Isu Tanah Perkuburan, Isu Khinzir, Isu Pertukaran Agama, Isu Permintaan Kristian Agama Rasmi, Isu pemeriksaan Jais di D'Sara Methodist Church (DUMC), Isu Tuntutan Mayat, Isu Al-Kitab, dan Isu Hudud. Sehingga tahun 2013 pula, JPNIN mendapati bahawa isu agama berada di tahap utama ekoran kes kalimah Allah yang masih belum selesai. Kajian ini mengklasifikasikan isu di atas kepada empat bahagian iaitu isu hak teologi dan beragama, isu hak kekeluargaan, isu hak sosial dan isu hak perayaan.

i. Pertikaian dalam hak teologi dan beragama

Sekitar tahun 2010 hingga kini, isu teologi yang tercetus hangat dalam perbincangan penganut beragama di Malaysia adalah isu penggunaan Kalimah Allah dan isu kebebasan menganuti agama (kebebasan beragama).

- Isu Kalimah Allah

Penggunaan Kalimah Allah ini menjadi isu apabila pihak penerbitan The Herald dari gereja Katolik membuat tuntutan untuk menggunakan perkataan Allah dalam penerbitan mereka. Isu penggunaan kalimah Allah bermula dengan lebih awal. Sekitar tahun 1981, sekatan telah dikenakan terhadap penerbitan dan penggunaan al kitab dalam bahasa Melayu di kawasan semenanjung. Di bawah akta ISA, sekatan ini dilakukan kerana mengancam keselamatan awam di semenanjung. Namun pada tahun 1982, Christian

---

<sup>12</sup> Ibid.

Council Malaysia (CCM) berhak mendapatkan hak dan akhirnya Al-Kitab hanya boleh digunakan dalam institusi gereja dan tidak boleh disebar<sup>13</sup>.

Pada tahun 1992 wujudnya akta yang menyatakan bahawa halangan penggunaan kalimah Allah, Baitullah, Kaabah dan Solat ke atas penganut selain Islam. Dalam konteks Muslim halangan ini adalah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan umat Islam dan mengelakkan kekeliruan. Namun, halangan ini mendapat tentangan hebat dari penganut Kristian yang mana kalimah Allah merupakan kalimah yang telah lama digunakan dalam ibadah mereka. Mereka menganggap sekatan ini menghalang hak kebebasan beragama penganut Kristian. Pada tahun 1992 ini juga rampasan ke atas Bible Bahasa Melayu telah dilakukan kerana menggunakan perkataan Allah dan pada tahun 2003 rampasan ke atas Bup Kudus<sup>14</sup> juga dilakukan kerana penggunaan perkataan Allah Taala manakala pada tahun 2010 penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan The Herald turut mendapat perhatian.

- Isu kebebasan menganuti agama

Isu kebebasan menganuti agama isu tuntutan untuk murtad dan isu pendakwahan di antara agama Islam dan Kristian<sup>15</sup>. Isu tuntutan untuk murtad telah muncul secara berulang kali yang mengeruhkan hubungan Muslim dan Kristian di Malaysia. Bermula dengan isu dari operasi LALANG 1987 yang membawa kepada penangkapan Jamaluddin Othman (Yeshua Jamaluddin) dan gereja Kristian didakwa menyebarkan propaganda atas dakwaan menyebarkan dakwah kepada Melayu. Namun mahkamah memutuskan Jamaluddin mempunyai hak memilih agama . Kes seterusnya diikuti pada tahun 1988

---

<sup>13</sup> Walters, Albert Sundararaj, "Issues in Christian-Muslim Relations: A Malaysian Christian Perspective", *Islam and Christian-Muslim Relations* 18,1(2007), 67-83. <http://dx.doi.org/10.1080/09596410601071139>.

<sup>14</sup> Walters, (2007), 72.

<sup>15</sup> Pemilihan kalimah Allah di semenanjung kerana ia menggambarkan kuasa agung yang difahami oleh orang-orang Sabah Sarawak dan Melayu bagi menggambarkan Tuhan yang maha Esa.

oleh Aishah Bukhari yang meminta murtad atas sebab perkahwinan, kes Azlina Jailani (Lina Joy) yang mohon memansuhkan agama Islam dari kad pengenalan dan beberapa kes yang lain.

Bagi menjelaskan hak menganuti agama, perkara yang sering dipersoalkan adalah kebebasan individu untuk memilih agama dan kebebasan untuk menukar agama yang dianuti. Dalam konteks Malaysia, kedua-dua masalah ini menjadi isu apabila ia melibatkan bangsa Melayu dan agama Islam. Ini kerana di dalam perlembagaan telah menyatakan bahawa Islam merupakan satu daripada elemen penting yang mendefinisikan seorang itu berbangsa Melayu<sup>16</sup>. Dalam hal ini, masalah dan konflik agama mula timbul apabila seorang individu berbangsa Melayu membuat tuntutan untuk menukar agama kepada selain Islam. Tuntutan seperti ini dianggap menyalahi perlembagaan dan kebiasaannya akan ditolak oleh pembuat keputusan (sekiranya kes ini diluluskan sekalipun hanyalah selepas melalui proses perbicaraan dari mahkamah sivil). Penolakan ini akhirnya menimbulkan isu sekatan beragama yang sering didakwa dari penganut-penganut selain Muslim. Isu dasar Islamisasi.

Selain dari kes yang ditimbulkan secara individu, isu kebebasan agama juga dilihat telah ditimbulkan oleh badan NGO. Pada 1982, Majlis Perundingan Kristian, Buddha, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBHST) yang telah menyuarakan bantahan terhadap program Islamisasi ekoran wujudnya pelaksanaan dasar Islamisasi yang digagaskan oleh pihak kerajaan pada tahun 1982. Malah isu-isu ini turut melahirkan pertikaian yang lebih besar terhadap pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam sehingga Majlis Perundingan Kristian, Buddha, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBHST) menyatakan

---

<sup>16</sup> Perlembagaan Persekutuan. Artikel 160 Perlembagaan Malaysia mentakrifkan pelbagai istilah yang digunakan dalam Perlembagaan Malaysia. Menurut Perkara 160 (2) Perlembagaan Malaysia, orang Melayu itu mestilah beragama Islam, mengamalkan adat budaya Melayu, bertutur menggunakan bahasa Melayu dan lahir sebelum hari merdeka sama ada di Tanah Melayu atau Singapura, atau pada hari merdeka telah bermastautin di Tanah Melayu atau Singapura, sumber Perlembagaan persekutuan Malaysia, dicapai pada 20 Julai 2012, [http://wikisource.org/wiki/Perlembagaan\\_Persekutuan\\_Malaysia](http://wikisource.org/wiki/Perlembagaan_Persekutuan_Malaysia).

penolakan terhadap aplikasi undang-undang Syariah ke atas masyarakat bukan Islam dan kemuncaknya ialah tuntutan hak kebebasan beragama di Malaysia diperjuangkan oleh Inter Faith Commission (IFC) pada tahun 2009 yang menyokong antaranya bahawa setiap individu berhak memilih agama sendiri tanpa boleh dipaksa oleh ibu bapa<sup>17</sup>.

ii. Pertikaian dalam hak Kekeluargaan antara agama.

Ekoran dari isu-isu hak-hak kebebasan beragama, masalah lanjutan yang akan timbul adalah hak kekeluargaan yang melibatkan pertukaran agama khususnya pertukaran kepada agama Islam atau pertukaran keluar dari agama Islam. Situasi ini banyak melahirkan tuntutan-tuntutan lanjutan terutamanya jika hanya seorang sahaja yang bertukar agama. Isu pertukaran agama bagi yang telah berkahwin melibatkan dua mahkamah yang berbeza iaitu sivil dan syariah. Sebagai contoh, jika suami telah memeluk agama Islam, sedangkan isteri tidak melakukan sedemikian dan tidak juga memfailkan perceraian di mahkamah sivil, maka suami yang memeluk Islam itu akan terpaksa menanggung nafkah isterinya lagi kerana ia masih menjadi tuntutan dari mahkamah sivil. Dalam hal ini mahkamah sivil seolah-olah menjadi mahkamah rayuan untuk kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah syariah<sup>18</sup>. Ini menyebabkan suami itu teraniaya. Selain itu, pertukaran agama ini akan memberi kesan terhadap hak anak-anak sebagai contoh hak menyusukan anak bagi kes ibu masih kekal dalam agama asal manakala bapanya telah masuk Islam, hak menziarahi keluarga yang bukan Islam semasa perayaan dan seumpamanya. Pelbagai penyelesaian telah diberikan namun pertikaian dan

---

<sup>17</sup> Paul Tan, "Human Right, Freedom of Expression and Belief." dalam. *Human Rights in Malaysia, Democratic Action Party Human Right Committee*, (Kuala Lumpur,1986),98-1200 dan Northcott,Ibid,h,55.

<sup>18</sup> Zuliza Mohd Kusrin, "Kebebasan beragama dan implikasinya terhadap pemeluk Islam di Malaysia" (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, (1999),103.

rasa tidak puas hati di kalangan keluarga yang terlibat masih berlaku sehingga berlaku masalah penyisihan dari keluarga.

iii. Pertikaian dalam hak pengurusan ibadah

Isu-isu yang sering timbul berkaitan dengan hak ibadah adalah isu penerbitan yang berkaitan dengan ibadah dan kepercayaan sesuatu agama, tuntutan mendirikan rumah ibadah, aduan mengenai gangguan daripada ibadah yang dijalankan dan isu ziarah tempat-tempat ibadah sesuatu agama. Sebagai contoh, antara pertikaian yang sering diutarakan oleh masyarakat bukan Muslim Malaysia adalah seperti pengharaman penggunaan Injil dalam bahasa Melayu dan Indonesia. Pertikaian terhadap peraturan pembinaan gereja, masjid dan surau yang mana bagi membenarkan penubuhan gereja memerlukan 4000 ahli manakala hanya 150 orang Islam sudah memadai bagi membenarkan penubuhan surau turut menjadi bukti tidak puas hati masyarakat bukan Muslim kepada Muslim. Bagi menjelaskan hal ini satu garis panduan telah diwujudkan sebagai asas panduan kepada pendirian rumah ibadah<sup>19</sup>. Namun hal ini tidak dapat menyelesaikan sepenuhnya masalah perebutan dan gangguan dari pembinaan rumah ibadah kerana terdapat lagi penubuhan tempat-tempat ibadah secara haram.

iv. Pertikaian dalam hak sosial (perayaan)

Ekoran dari pemupukan semangat menghormati antara setiap kaum dan budaya, perayaan setiap penganut agama diraikan sebagai satu tanda penghormatan kepada semua warga negara Malaysia. Namun begitu akibat dari kurang faham masyarakat mengenai batasan dalam hal ini akhirnya menimbulkan pelbagai kontroversi seperti timbul tuduhan-tuduhan murtad dan syirik dalam kalangan Muslim. Sebagai contoh, isu pemakaian kurta (pakaian tradisional masyarakat India) oleh Perdana Menteri Malaysia semasa meraikan sambutan Deepavali mula dibincangkan sebagai satu isu yang melanggar sensitiviti agama Islam

sedangkan di India, ramai warganegara India yang beragama Muslim memakai pakaian ini. Bagi contoh sebaliknya pula, terdapat sebahagian masyarakat sewenang nya membolehkan sesuatu perayaan tersebut diraikan sehingga melanggar hukum-hukum asas agama yang dianuti seperti yang terjadi dalam sambutan Hari Natal (*Christmas Day*) yang mana akhirnya difatwakan haram kepada Muslim disebabkan sejarah perayaan tersebut yang berbentuk teologi<sup>20</sup>. Isu yang sama turut terjadi di Institusi Pengajian Tinggi, tuntutan merit yang tinggi dalam kurikulum dan kokurikulum diperlukan bagi menentukan seseorang mahasiswa layak mendapat kolej kediaman atau sebaliknya. Antara program-program yang dikira dalam pengambilan merit adalah menghadiri program sambutan perayaan-perayaan yang disediakan. Jika panduan dan penjelasan secara rasmi tidak dihasilkan maka akan wujud salah faham boleh menimbulkan pergaduhan dan melahirkan perbuatan yang bercanggah dengan tuntutan agama khususnya dalam kalangan mahasiswa Muslim dan bukan Muslim.

Selain dari pertikaian yang timbul dari kalangan penganut agama, konflik antara gama turut dipandu oleh masalah yang lebih meruncingkan iaitu apabila terdapat sebahagian pihak yang mengambil kesempatan atas konflik agama yang berlaku dengan menawarkan cadangan penyelesaian yang lebih agresif iaitu melalui pengenalan ajaran dan fahaman pluralisme agama<sup>21</sup>. Melalui pemahaman yang lebih liberal atau bebas, ajaran dan fahaman pluralisme agama merupakan satu fahaman yang membawa penyelesaian penyamaan agama- agama atau dalam erti kata lain semua agama adalah

---

<sup>20</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-68, Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama orang Bukan Islam, dicapai pada 12 April 2005, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/garis-panduan-orang-islam-turut-merayakan-hari-kebesaran-agama-orang-bukan-islam>.

<sup>21</sup> Di Malaysia gerakan pluralisme agama tidak kelihatan jelas. Namun menurut Zaini Hassan, ia boleh dilihat dari tuntutan yang disampaikan atas nama kesaksamaan (Zaini Hassan, Utusan Malaysia . Dicapai apda 15 Oktober 2012 dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20121003/re\\_05/AncamanIFCdanPluralismeKitamudahlupa](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20121003/re_05/AncamanIFCdanPluralismeKitamudahlupa). PPluralisme agama berkembang pesat di Indonesia dan telah difatwakan harap oleh Majlis Ulama' Indonesia (MUI) ini telah di fatwakan haram juga di beberapa buah negeri di Malaysia .( Lihat Fatwa MUI 2005 dalam laman sesawang Mui dan Fatwa Negeri Perak 2006 dalam laman sesawang Fatwa Negeri Perak.).

benar dan sama (kesatuan kebenaran agama). Jika dilihat secara logik sahaja, tawaran penyelesaian dari pluralisme agama seumpama satu penyelesaian yang positif. Namun begitu, pada peringkat teori dan praktikal ia mengundang pelbagai reaksi dari pemikir agama dan para sarjana tambahan lagi ia menyalahi akidah Islam. Melalui kajian dan penilaian yang dibuat kepada pendukung dan ajaran dalam fahaman ini, ramai para sarjana khususnya para agamawan menolak dengan mengatakan bahawa fahaman ini merupakan satu ancaman kepada pembentukan keharmonian dalam masyarakat beragama kerana seolah-olah cuba menimbulkan sebuah agama baru. Ini kerana, fahaman ini seolah-olah cuba mengharmonikan antara agama sehingga menafikan perbezaan hakiki yang wujud antara agama. Hal ini ditentang kerana melibatkan penafian dan pengubahsuaian ajaran teras atau akidah sesuatu agama. Namun disebabkan tiada penjelasan yang lebih telus kepada masyarakat awam, penawaran pendekatan pluralisme agama akhirnya menjadi salah satu dari konflik agama yang telah timbul di Malaysia.

Berdasarkan contoh konflik dan tuntutan antara agama yang timbul kajian merumuskan bahawa situasi ini menunjukkan pembentukan masyarakat harmoni khususnya melalui toleransi agama masih belum terlaksana dengan baik di Malaysia. Ini kerana, walaupun usaha untuk pemupukan toleransi agama giat dijalankan namun usaha ini tidak dapat menafikan wujudnya tuntutan semasa dalam hal keagamaan ini. Maka, kajian ini mendapati bahawa wujudnya kelompangan atau “*blind spot*” iaitu perkara terlepas pandangan yang perlu diberi perhatian dalam hal ini.

Permasalahan utama dalam pembentukan masyarakat harmoni di Malaysia adalah seperti, kurangnya kefahaman mengenai sejarah agama lain dan kefahaman terhadap maksud dan keperluan toleransi agama di Malaysia. Terdapat golongan yang tidak faham dan kenal mengenai sejarah dan latar belakang agama-agama di Malaysia dan hal ini



seterusnya membawa kepada kurangnya kefahaman terhadap toleransi agama yang merangkumi kepentingan dan cara pelaksanaan toleransi yang betul.

Tiada panduan rasmi bagi membezakan tuntutan budaya dan agama. Malah ia menjadi lebih memudaratkan apabila pengkategorian antara agama dan budaya ini hanya dilakukan mengikut kefahaman dan keinginan individu tanpa merujuk kepada golongan yang pakar. Ini akan menyebabkan kekeliruan timbul dalam kalangan orang awam.

Penjelasan skop dan limitasi toleransi perlu merangkumi teologi dan sosio agama. Berdasarkan tinjauan ke atas isu-isu antara agama yang berlaku akhir-akhir ini, isu kalimah Allah dan kebebasan beragama dilihat lebih mendominasi. Ini menunjukkan bahawa masalah utama dalam toleransi turut berkait rapat dengan teologi dan pemahaman terhadap teologi agama lain. Meskipun terdapat kajian yang menunjukkan bahawa di tahap hubungan sosio budaya merangkumi perkahwinan, perayaan, kematian, toleransi berjalan dengan lancar<sup>22</sup>, namun ini tidak membawa maksud toleransi agama turut berjalan lancar tanpa skeptik. Ini kerana berdasarkan kajian dan tinjauan yang dilakukan ramai berpendapat bahawa toleransi agama hanya boleh dijalankan dalam program dan aktiviti sosial sahaja seperti upacara ziarah ketika sakit, ziarah hari raya dan sumbangan ketika menghadapi bencana. Namun, jika ia berkaitan dengan hak organisasi agama mahu pun hak tempat ibadah, seperti gotong royong membersihkan rumah-rumah ibadah (masjid, gereja, kuil dan seumpamanya), dikatakan tidak boleh untuk diharmonikan bersama agama lain dan hanya melibatkan penganut agama tersebut tanpa dihadiri oleh penganut agama yang lain. Hal seumpama ini dikategorikan toleransi malas (*lazy tolerance*). Ini kerana, seseorang itu hanya bersedia mengakui adanya agama lain tanpa turut menyumbang atau mengambil kira keadaan atau perjalanan agama yang lain.

---

<sup>22</sup>Ahmad Tarmizi Talib , Sarjit Singh Darshan Singh, Prof Jayum A. Jawan, Dr Zaid Ahmad, dr Ismi Arif Ismail, Mohd Roslan Rosnon & Nur Ayuni Mohd Isa, "Toleransi Sosio- Agama di semenanjung Malaysia" (Laporan Penyelidikan Kerjasama Universiti Putera Malaysia Dan Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional Malaysia,2014), Bahan tidak Terbit.

Wujudnya pandangan yang bersifat relatif akibat tiada panduan, penjelasan dan kerjasama dari pakar agama secara bersepadu .

Justeru, pengkaji berpendapat bahawa sekiranya pemahaman terhadap agama dan pemahaman konsep toleransi agama dapat difahami dengan baik maka permasalahan teologi dan agama dapat diselesaikan tanpa menimbulkan tuntutan agresif yang mengganggu ketenangan hubungan penganut sesuatu agama. Manakala permasalahan lain iaitu hak sosial, hak keluarga dan hak ibadah juga kurang menjadi isu. Selaras dengan situasi di atas, kajian ini dianggap penting kerana bertujuan untuk menyediakan satu formulasi kepada pembentukan garis panduan toleransi agama sebagai cara untuk meningkatkan pemahaman agama-agama di kalangan masyarakat Malaysia dan satu alternatif untuk mengurangkan masalah dan konflik agama.

Dalam mengukuhkan lagi pendirian yang telah dinyatakan di atas, pengkaji bertujuan untuk membawa idea dan pendekatan dari seorang tokoh pemikir Islam yang turut melibatkan diri dalam perbincangan toleransi agama sebagai alternatif untuk hidup aman dalam kepelbagaian agama .Tokoh yang dimaksudkan di sini adalah Ismail Raji Al-Fārūqī. Al-Fārūqī menjelaskan bahawa antara syarat utama dalam proses mewujudkan toleransi agama adalah melalui proses memahami agama lain supaya dapat melaksanakan toleransi agama dengan sempurna<sup>23</sup>. Berasaskan pemahaman terhadap agama-agama yang wujud bersama-sama di sekitar kita, akhirnya penganut agama-agama ini dapat membuat perbandingan dan sekali gus dapat membezakan antara perkara yang terkandung dalam agama dan budaya bagi mengelakkan kekeliruan. Mengenal pasti budaya dan agam ini bertujuan untuk memahami pemahaman agama berdasarkan konteks

---

<sup>23</sup> Al-Fārūqī, I.R, *History of Religions: Its Nature and Significance for Christian Education and the Muslim-Christian Dialogue (Continuation)*, *Numen: international Review For the History of Religions*. 12(2) (1965), 81-86. & Al-al-Fārūqī, *Christian Ethics: A Systematic and Historical Analysis of Its Dominant Ideas*.(Montreal: McGill University Press,1967),21-25, Al-Fārūqī, I. R, “Meta Religion : Towards A critical world Theology” , *American Journal of Islamic Social Science*, 3 (1) (1986), 13-57).

budaya tersebut agar penilai yang akan dibuat nanti adalah berkaitan dan boleh dipraktikkan ke atas agama-agama yang hidup di dalam budaya sesuatu tersebut tertentu. Perbandingan ini bertujuan memberi keyakinan mengapa agama-agama ini berbeza dan mengetahui perbezaannya serta mengenal pasti persamaan yang ada bagi memudahkan urusan bekerjasama. Al-Fārūqī turut menekankan bahawa hal ini tidak boleh ditafsirkan secara individualistik tanpa penglibatan semakan dari penganut sesuatu agama yang dikaji. Justeru dialog dan semakan pengesahan dari penganut agama-agama turut ditekankan oleh al-Fārūqī bagi menyempurnakan proses pemahaman dan penilaian terhadap agama-agama yang muncul.

#### 1.4 Persoalan Dan Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian di atas, persoalan dan objektif kajian ini adalah seperti yang dijelaskan dalam jadual di bawah.

**Jadual 1.1 Objektif Kajian- Persoalan Kajian**

<b>Persoalan Kajian</b>	<b>Objektif Kajian</b>
Apakah konsep dan pendekatan al-Fārūqī dalam berhadapan dengan kepelbagaian agama?.	Mengkaji konsep dan pendekatan toleransi agama menurut al-Fārūqī seperti telah dijelaskan dalam bab 2
Adakah kepelbagaian agama diiktiraf oleh agama Islam dan Kristian Malaysia?. Bagaimana kepelbagaian agama ini ditanggapi wakil pemimpin Islam dan Kristian Malaysia?	Menghuraikan fenomena toleransi agama menurut pandangan wakil pemimpin agama Muslim dan Kristian di Malaysia telah dijelaskan dalam bab 3.
Apakah pendekatan toleransi agama yang sesuai dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia? Bagaimanakah pendekatan ini boleh dilaksanakan?.	Menganalisis kesesuaian pendekatan toleransi agama al-Fārūqī dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia telah dibincangkan dalam bab 4.
Apakah panduan limitasi yang perlu dihormati dalam pelaksanaan toleransi agama hubungan Muslim-Kristian di Malaysia?.	Menganalisis limitasi toleransi agama menurut pandangan agama Islam dan Kristian di Malaysia telah dibincangkan dalam bab 5.

Sumber: Pengkaji

## 1.5 **Kepentingan Kajian**

Berdasarkan permasalahan di atas, ketiadaan panduan rasmi kepada masyarakat berkaitan syarat dan limitasi proses Toleransi Agama yang akhirnya mengakibatkan pandangan yang bersifat relatif akibat tiada panduan, penjelasan dan kerjasama dari pakar agama secara bersepadu yang dilihat penting dalam menentukan Keselarasan Pelaksanaan Toleransi Agama Yang Dilaksanakan Menurut Ajaran Agama Masing-masing. Antara dua kecenderungan yang ekstrem adalah sama ada ekstrem untuk Tidak Toleransi atau ekstrem menyamaratakan kebenaran agama (Pluralisme Agama). Selaras dengan ini, kajian ini dianggap penting kerana bertujuan untuk menyediakan satu formulasi kepada pembentukan panduan toleransi agama sebagai cara untuk meningkatkan pemahaman agama-agama dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Tambahan lagi, tokoh yang dipilih merupakan sarjana Muslim moden yang terkenal dalam bidang perbandingan agama dan kepakarannya diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai tokoh kajian agama semasa (sehingga beliau menghembuskan nafas terakhir)<sup>24</sup>. Sebagai seorang tokoh perbandingan agama semasa, pendekatan yang digunakan dalam berhadapan dengan agama-agama melibatkan integrasi antara pendekatan klasik (khususnya dari sarjana perbandingan agama Muslim) dan pendekatan ilmu moden (fenomenologi agama). Pengintegrasian dalam pendekatan yang digunakan oleh al-Fārūqī jelas menunjukkan kecaknaan beliau bagi mendepani isu kepelbagaian agama masa kini (moden) tanpa mengabaikan sumber-sumber ilmu klasik dari sarjana sebelum ini. Dalam erti kata lain, pendekatan al-Fārūqī adalah respons kepada dua ekstrem di atas. Iaitu menggalakkan untuk memahami agama lain dengan sumber yang tepat dan meletakkan keperluan penilaian dengan nilai universal agar tidak menjadi agama sebagai kebenaran yang relatif. Malah, al-Fārūqī sendiri pernah berkhidmat

---

<sup>24</sup> Rujuk kepada penjelasan biografi al-Fārūqī di dalam bab 1.

sebagai felo dan pensyarah pelawat di beberapa institusi pengajian tinggi di Malaysia yang seterusnya menjelaskan bahawa wujudnya pandangan beliau dalam konteks reaksi terhadap realiti masyarakat beragama di Malaysia.

## **1.6 Skop Dan Limitasi Kajian**

Secara asasnya kajian ini bertujuan untuk memformulasikan panduan toleransi agama dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia dengan memfokuskan kajian kepada perkara-perkara seperti memahami konsep dan pendekatan toleransi agama menurut al-Fārūqī yang dijelaskan dalam bab II, memahami fenomena toleransi agama merangkumi penerimaan istilah, faktor bagi memahami pengiktirafan kepelbagaian agama yang dijelaskan dalam bab III, mengenal pasti pendekatan toleransi agama yang membuktikan kesediaan untuk hidup harmoni merangkumi syarat dan tujuan sesuatu pendekatan yang dijelaskan dalam bab IV dan memformulasikan limitasi toleransi agama melalui proses penilaian meta agama yang dijelaskan dalam bab V. Justeru, kajian ini cuba menghasilkan satu panduan toleransi agama yang berbentuk teoritikal-konseptual.

## **1.7 Tinjauan Literatur (*Literature Review*)**

Isu-isu yang telah dikemukakan dalam kajian ini menjurus kepada persoalan mengenai pelaksanaan toleransi agama dalam hubungan Kristian Muslim Malaysia. Oleh itu, perbincangan dalam bab ulasan kepustakaan ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu i. Kajian Lepas berkaitan hubungan Muslim-Kristian. ii. Kajian Lepas berkaitan Pendekatan Toleransi Agama, iii. Kajian Lepas yang membincangkan pendekatan al-Fārūqī dalam menghadapi kepelbagaian agama khususnya dalam hubungan Muslim-Kristian.

**i. Kajian Lepas berkaitan Hubungan Muslim-Kristian .**

Hubungan Muslim-Kristian merupakan satu tema kajian yang istimewa dan dilakukan oleh ramai sarjana. Dalam tempoh beberapa tahun ke belakang ini, terdapat beberapa penulisan yang membincangkan kajian hubungan Muslim-Kristian antaranya seperti Alwi Shihab dalam artikel bertajuk “Christian–Muslim Relations into the Twenty-first Century<sup>25</sup>”. Penulisan ini menjelaskan bahawa hubungan Muslim-Kristian secara umumnya mempunyai dua aspek iaitu negatif dan positif. Pada asasnya hubungan Muslim-Kristian berlaku dalam keadaan yang tegang kerana disebabkan tuntutan dakwah dari ajaran agama masing-masing. Walau bagaimanapun dalam beberapa dekad yang terakhir ini pelbagai isu yang timbul dari ketegangan ini cuba diatasi dengan cadangan pendekatan dialog.

Penulisan Alwi mencadangkan bahawa terdapat beberapa langkah yang perlu dilakukan bagi memastikan hubungan Muslim dan Kristian ini berjalan baik antaranya adalah pertama: melepaskan diri dari menjadi mangsa manipulasi ahli politik dan hal ini adalah tanggungjawab besar ke atas pemimpin agama tersebut untuk mempertahankan kesucian agama. Kedua: melaksanakan idea dan persetujuan yang suci dari ajaran agama masing-masing secara berterusan. Ini kerana sebagai contoh dalam konteks Kristian, apabila pope Vatican 2 memberi ruang kepada agama lain dengan mengeluarkan kenyataan ‘*Christians should have respect and esteem for Muslims*’, maka gereja Katolik telah membuka langkah ke arah seruan ini melalui tranformasi program yang mereka laksanakan namun ia tidak berterusan selepas tiga tahun dan akhirnya tidak membawa hasil yang baik. Ketiga, mewujudkan perwakilan dari agama pihak Muslim dan Kristian yang mempunyai sifat berlapang dada agar dapat membincangkan isu yang timbul dengan

---

<sup>25</sup> Alwi Shihab, *Christian–Muslim Relations into the Twenty-first Century*, *Islam and Christian–Muslim Relations*, Vol. 15, January 2004. No. 1, 65–77, (<http://dx.doi.org/10.1080/09596410310001631821>).

lebih profesional bukan secara emosiona. Keempat; keperluan utama untuk melaksanakan semua perkara di atas adalah wujudnya perasaan hormat dan kebersamaan dalam masyarakat Muslim dan Kristian dalam sesebuah negara agar interaksi antara kedua kumpulan ini berjalan lancar. Perasaan hormat dan kebersamaan ini hanya timbul apabila kepercayaan dan kefahaman terhadap satu sama lain telah diwujudkan. Kelima, seperti yang telah dijelaskan bahawa ketegangan utama yang muncul dalam hubungan Muslim-Kristian adalah wujudnya tuntutan dakwah dan hal ini tidak boleh dinafikan atau tidak dilaksanakan. Terakhir, hubungan Muslim-Kristian mestilah tidak terikat dengan dikotomi Tamadun Barat dan Tamadun Timur Tengah kerana pada abad 21 ini hubungan Muslim dan Kristian perlu dijalankan berdasarkan budaya dan adat negara yang mereka duduki.

Hubungan Muslim-Kristian yang negatif dilihat berlaku di negara seperti Afrika dan Nigeria. Hal ini dijelaskan dalam penulisan Klaus Hock yang bertajuk “Christian-Muslim relations in the African context<sup>26</sup>” bahawa kepelbagaian agama turut wujud di Afrika namun ekoran dari majoriti Muslim di Afrika berpegang teguh kepada aliran tradisionalis Islam maka hubungan dan interaksi yang harmoni antara Muslim dan Kristian sukar untuk berlaku. Ini juga menyukarkan pelaksanaan dialog antara agam juga kerana tiada satu pun elemen kebangsaan yang boleh diangkat sebagai asas perpaduan negara. Kajian ini merupakan kajian konseptual dan bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan hubungan antara Muslim dan Kristian di Afrika.

Dalam penulisan Tariq Maqdood<sup>27</sup> yang bertajuk *Multicultural Politics: Racism, Ethnicity, and Muslims in Britain* menyatakan bahawa perkauman dan perbezaan etnik

---

<sup>26</sup> Klaus Hock), “Christian-Muslim relations in the African context” , *International Journal for the Study of the Christian Church*.. 3:2, ,(2003), 36-57 ( DOI: 10.1080/14742250308574032).

<sup>27</sup> Tariq Maqdood, *Multicultural Politics: Racism, Ethnicity, and Muslims in Britain*, ( USA: University of Minnesota Press,2005), 240 .

“*dualism in ethnicity* atau *black and white dualism*” adalah perkara yang memberi kesan dan nilai yang buruk dalam konteks negara yang pelbagai budaya termasuk dalam hubungan Muslim dan Kristian. Antara kesan negatif adalah seperti mewujudkan Islamophobia, oleh masyarakat bukan Muslim, mewujudkan tuntutan sekular moden yang akhirnya membentuk perpuakan dan penghapusan agama. Tulisan ini merupakan sebuah buku yang membuat analisis secara empirikal dan teori melalui pemerhatian terhadap kepelbagaian budaya di Britain.

Namun dalam konteks Timur Tengah dan Asia, hubungan Muslim dan Kristian dilihat lebih positif namun tidak menafikan wujudnya konflik. Thomas Michel dalam penulisan yang bertajuk “Social and Religious Factors Affecting Muslim-Christian Relations<sup>28</sup>” memberi fokus untuk mengenal pasti faktor-faktor agama dan sosial yang memberi kesan terhadap hubungan Muslim dan Kristian khususnya di Timur Tengah dan Asia. Thomas menyatakan bahawa hubungan Muslim-Kristian di Timur tengah dan Asia mempunyai perbezaan dari hubungan Muslim-Kristian di Barat kerana disebabkan hubungan diplomatik antara negara, Vatikan dan wakil Muslim, polisi gereja, isu politik semasa seperti isu Palestin dan negara Israel yang mana turut melibatkan polemik dari isu teologi. Walau bagaimanapun kajian tidak menafikan wujudnya usaha dialog dan pembinaan kesefahaman antara Muslim dan Kristian di Timur Tengah dan Barat khususnya bagi menghadapi isu-isu di sekitar mereka dan usaha dialog ini berjalan dengan positif. Rumusan penulisan ini adalah mendapati bahawa faktor agama dan hubungan kemanusiaan merupakan faktor utama yang dapat membantu wujudnya hubungan positif dalam kawasan ini. Ini kerana dalam konteks agama, Islam dan Kristian mempunyai persamaan apabila kedua-dua agama ini mempunyai ajaran rahmat dan kemaafan yang dinyatakan di dalam al-Quran dan Bible. Malah Kristian dan Islam juga mempunyai

---

<sup>28</sup> Thomas Michel, “Social and Religious Factors Affecting Muslim-Christian Relations”, *Islam and Christian-Muslim Relations*. 8:1,(2007), 53-66 (<http://dx.doi.org/10.1080/09596419708721106>).



ajaran supaya bersikap positif dalam menghadapi masa depan tanpa memenjarakan diri dari kisah-kisah negatif yang lepas. Inilah ajaran yang terbaik untuk meneruskan dan mewujudkan hidup harmoni dalam abad ke 21 tanpa mengingati atau bersikap pasif mengenang sejarah buruk yang terlalu.

Dalam konteks Malaysia, isu-isu antara Muslim-Kristian juga telah diulas dalam beberapa penulisan antaranya seperti penulisan yang bertajuk *Is the Rule of Law an Antidote for Religious Tension? The Promise and Peril of Judicializing Religious Freedom*<sup>29</sup>. Penulisan ini mempersoalkan sejauh mana undang-undang sesuatu negara dapat memainkan peranan dalam membina keharmonian agama. Melalui kajian kes yang dilakukan ke atas, empat buah negara iaitu Sri Lanka, India, Malaysia dan Pakistan, kajian ini merumuskan wujudnya tuduhan, dakwaan dan kes bahawa permasalahan dan ancaman toleransi agama di dalam empat buah negara ini juga disebabkan oleh undang-undang negara tersebut. Dalam konteks Malaysia, kajian ini telah mengambil contoh kes Lina Joy di dalam perjuangan kebebasan beragama sekitar tahun 2002 yang akhirnya seolah-olah menggambarkan bahawa artikel 11 dan dalam artikel 4 adalah bertentangan. Selaras dengan penjelasan ini maka tulisan ini mencadangkan bahawa undang-undang yang digubal mestilah berkemampuan untuk menghadapi isu-isu antara agama dengan adil dan harmoni. Bagi memastikan hal ini berlaku undang-undang boleh bekerjasama dengan aliran-aliran politik dan lebih bersifat adil dalam membina keharmonian dan toleransi dalam sebuah negara yang pelbagai. Kajian mendapati bahawa penulisan di atas meletakkan bahawa wujudnya perundangan yang bertentangan di dalam artikel 11 dan 4 perlembagaan Malaysia yang menyekat kebebasan beragama.

---

<sup>29</sup> Benjamin Schonhall, Tamir Moustafa Matthew Nelson , and Shylashri Shankara), *Is the Rule of Law an Antidote for Religious Tension?The Promise and Peril of Judicializing ReligiousFreedom* , *American Behavioral Scientist* 1(2015), .21 (DOI: 10.1177/0002764215613380).

Ulasan dari sudut yang berbeza berkaitan perundangan dan toleransi agama khasnya yang melibatkan hubungan Muslim -Kristian Malaysia telah dinyatakan oleh Zuliza Kusrin<sup>30</sup> dalam artikel yang bertajuk *Kebebasan Beragama dan Implikasinya terhadap Pemeluk Islam* dan Farahwahida et.al<sup>31</sup> dalam penulisan yang bertajuk *Kaedah Penyelesaian dalam menangani kes pertukaran agama dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Kajian-kajian ini menjelaskan bahawa dalam konteks perundangan Malaysia penghormatan kepada sejarah dan perlembagaan adalah tunjang utama. Kelonggaran Undang-Undang di Malaysia dalam hal agama-agama menjadi sebab kepada timbulnya konflik agama di Malaysia. Kajian ini mendapati terdapat enakmen-enakmen undang-undang yang bertentangan atau bertindih antara sivil dan syariah sehingga menyebabkan keputusan sesuatu kes sukar untuk dibuat. Justeru, kajian ini mencadangkan agar undang-undang ini perlu ditambah baik khususnya dalam mahkamah syariah dan sivil agar isu pertukaran agama dapat diselesaikan dengan cara yang baik tanpa konflik lanjutan. Kedua-dua kajian ini merupakan kajian kualitatif yang memberi fokus kepada isu dan permasalahan pertukaran agama atau murtad di Malaysia yang berkait rapat dengan masalah kekaburan ruang bidang kuasa mahkamah sivil dan syariah.

Selain isu perundangan dan kebebasan beragama, isu Islamisasi juga dilihat sebagai isu utama dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia. Albert Sundarark Walter dalam penulisannya “Issues in Christian–Muslim Relations: A Malaysian Christian Perspective<sup>32</sup>” menjelaskan bahawa isu utama yang menyekat hubungan harmoni

---

<sup>30</sup> Zuliza Mohd Kusrin (, *Kebebasan Beragama dan Implikasinya terhadap Pemeluk Islam*, (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Syariah , Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999).

<sup>31</sup> Farahwahida Mohd Yusof (Dr) et.al, *Kaedah Penyelesaian dalam menangani kes pertukaran agama dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan*, (Kuala Lumpur, 2008).

<sup>32</sup> Albert Sundarark Walter, *Issues in Christian–Muslim Relations: A Malaysian Christian Perspective. Islam and Christian–Muslim Relations Jurnal*, 18:1, (2007), 67-83. (<http://dx.doi.org/10.1080/09596410601071139>).

Muslim-Kristian di Malaysia yang hidup sebagai minoriti dan Islam adalah majoriti adalah melalui gerakan Islamisasi. Malaysia sebagai sebuah negara demokratik sekular dengan meletakkan Islam sebagai agama persekutuan menyebabkan toleransi agama di Malaysia sering kali timbul bersama-sama dengan isu etnik, kaum, ekonomi dan politik malah mustahil untuk mengasingkan perbincangan. Albert meletakkan Islamisasi ini sebagai satu ancaman keharmonian agama yang sering berselang dengan usaha toleransi yang telah dilakukan dalam pentadbiran agama beberapa dekad yang lalu. Islamisasi yang ditanggapi oleh kajian Albert ini antaranya melalui penggunaan istilah-istilah Islam dalam perkara dan urusan badan kerajaan termasuk negara seperti konsep negara Islam, Islam Hadhari, yang mana tidak menggambarkan langsung dakwaan Islam yang mengatakan Islam sebagai agama universal. Permasalahan dan ancaman ke atas Kristian di Malaysia juga timbul apabila wujudnya usaha di kalangan Muslim yang berusaha untuk meletakkan Islam sebagai asas pentadbiran negara sehingga menimbulkan ancaman dan ketakutan kepada bukan Islam di Malaysia. Selaras dengan ini, kajian Albert mencadangkan beberapa polisi yang dilihat signifikan sebagai jalan penyelesaian hubungan Muslim-Kristian iaitu dengan mempromosi keharmonian antara agama melalui sistem pendidikan, mempromosi kebebasan beragama dan memupuk hormat ke atas tradisi agama yang berbeza.. Malah Albert juga mencadangkan agar Muslim dan Kristian Malaysia perlu secara bersama memberi fokus kepada pembinaan negara bangsa dan matlamat yang sama. Kajian mendapati bahawa penulisan di atas cenderung untuk meletakkan agama sebagai nilai yang dijaga oleh individu. Penulisan ini juga cuba meletakkan hak yang sama rata antara agama Islam dan Kristian di Malaysia yang berpelembagaan Islam sebagai agama persekutuan.

Jaffary Awang<sup>33</sup> dalam penulisan bertajuk “Toleransi Agama dan Perpaduan Kaum Pandangan Intelek: Satu Observasi Ringkas” menegaskan bahawa faktor dalaman umat beragama juga turut menyumbang kepada kesukaran pelaksanaan toleransi agama. Sebagai contoh, dalam hasil kajian terhadap golongan intelektual mendapati bahawa toleransi agama gagal dijalankan di Malaysia antaranya disebabkan oleh sikap prejudis yang tebal dalam diri orang Melayu terhadap penganut agama lain selain Islam. Hal ini sekali gus memberi kesan kepada hubungan Muslim-Kristian Malaysia. Malah, kegagalan umat Islam memahami idea universal dalam agama Islam menyebabkan arus kebangkitan Islam di Malaysia yang melanda bangsa Melayu khususnya seolah-olah secara tidak langsung telah menyisihkan masyarakat bukan Islam dan menimbulkan satu perasaan negatif di kalangan mereka terhadap ajaran Islam. Namun penulisan ini juga merumuskan penghormatan kepada hak di dalam perlembagaan tidak boleh disisih.

## **ii. Kajian Lepas berkaitan Pendekatan dan konsep Toleransi Agama**

Dalam penulisan Ewa Golebiowska<sup>34</sup> yang bertajuk “Ethnic and Religious Tolerance in Poland” pula mengaitkan hubungan toleransi agama yang baik dengan politik demokrasi. Menurut Ewa, pelaksanaan toleransi agama atau hubungan antara agama yang baik hanya berjalan selepas wujudnya pemerintahan secara demokrasi. Hal ini terbukti berlaku di Poland yang mana revolusi demokratik yang bergerak di Poland adalah muncul setelah kejatuhan aliran pemikiran komunis. Maka demokrasi yang menyebabkan golongan minoriti diberi ruang untuk mendapatkan hak mereka khasnya hak beragama. Ia bertentangan dengan prinsip aliran komunis yang membataskan hak golongan minoriti. Buktinya pelbagai pemberian hak agama yang dilakukan dalam pemerintahan demokrasi

---

<sup>33</sup> Jaffary Awang, *Agama dan Perpaduan Kaum di Malaysia*, (Selangor:Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia,2003),.76-93.

<sup>34</sup> Ewa Golebiowska, *Ethnic and Religious Tolerance in Poland* , *East European Politics and Societies* 23 :3. Sage Publications 2009, 371-391, (<http://online.sagepub.com> 10.1177/0888325409333191).

Poland antaranya penubuhan institusi-institusi yang menjaga hak-hak golongan minoriti, penerimaan perjanjian hak-hak asasi manusia yang memberi perlindungan kepada hak kebebasan golongan minoriti termasuk perjanjian “kejiranan”, penambahan undang-undang Poland yang mengiktiraf etnik dan kumpulan agama untuk menjaga hak budaya, adat dan bahasa mereka. Hasil demokrasi ini menyebabkan wujudnya toleransi dan interaksi agama dan etnik di Poland.

Dalam kajian yang telah dijalankan oleh Laursen<sup>35</sup> dan Nederman<sup>36</sup> menegaskan bahawa dalam apa sahaja usaha dan pendekatan secara deklarasasi atau praktikal ; dalam toleransi agama ini perlu melihat perkara-perkara yang terlepas pandang (*blind sport of toleration*) . Antara perkara yang dijelaskan sebagai *blind spot* (terlepas pandang) pada masa ini adalah dalam konteks menghormati hak-hak manusia, perbincangan toleransi sama ada dari sudut teori, batasan dan pendekatan perlu diteliti semula kerana wujudnya apa yang diistilahkan oleh mereka sebagai “ *blind spot in toleration*”. Kajian yang berbentuk analisis kritikal yang dijalankan fokus kepada situasi toleransi di Barat ini mengenal pasti bahawa “*blind spot*” ini diguna pakai kepada perkara-perkara yang terlepas pandang seperti hak golongan ateis dan Katolik yang dipinggirkan dalam perbincangan toleransi agama serta kepada toleransi yang dijalankan atas perkara yang tidak boleh untuk di toleransi sehingga menyebabkan penolakan terhadap toleransi berlaku dalam kalangan masyarakat Barat . Penjelasan yang padat mengenai toleransi yang terlepas pandang ini turut menyatakan cara penyelesaiannya melalui melihat semula kategori masyarakat yang ada dalam masyarakat Barat khususnya kepada agama yang menjadi fokus kajian iaitu agama Kristian dan ateis. Kajian ini dilihat memberi sumber

---

<sup>35</sup> Lausen, J.C, ‘Blind Spot in Toleration’, Dalam *Critical Review of International Social and Political Philosophy*,14:3, (2011),307-322.

<sup>36</sup> Nederman, C. J., Toleration in a new key: historical and global perspectives, *Critical Review of International Social and Political Philosophy*,14:3(2011), 349-361.

idea kepada pengkaji agar dapat menghalusi situasi toleransi agama yang dijalankan di Malaysia bagi melihat sama ada wujud atau sebaliknya “*Blind Spot*” ini. Cuma beberapa pendefinisian “*Blind Spot*” perlu didefinisikan mengikut isu dan situasi toleransi agama di Malaysia.

Kajian turut meninjau hasil penyelidikan toleransi agama khasnya yang membincangkan faktor dan halangan toleransi agama Malaysia. Antara kajian yang menjadi rujukan utama adalah melalui penulisan Ghazali Basri yang bertajuk *A Comparative Study on Religious Tolerance in post-Independent Malaysia-Nigeria with special reference to Christian Muslim Relation*<sup>37</sup>. Kajian Ghazali Basri yang menggunakan method (survey) ke atas penganut agama bagi melihat toleransi agama pada waktu itu dengan melibatkan perbandingan dua negara yang dijajah British iaitu Malaysia dan Nigeria. Ghazali merumuskan bahawa penjajahan memberi impak yang besar dalam kewujudan kepelbagaian agama, hak dalam kepelbagaian serta kewujudan dan tahap toleransi agama dalam sesebuah negara tersebut. Kajian Ghazali turut menekankan bahawa faktor ketidakharmonian beragama disebabkan oleh kurang penghayatan sejarah. Buktinya, kurangnya penghargaan orang-orang bukan Islam terhadap penghormatan yang telah diberikan oleh bangsa Melayu (Islam) selepas penjajahan menyebabkan kesukaran untuk bertoleransi. Ini kerana tanpa menghormati sejarah yang lepas, maka mustahil beberapa keistimewaan yang diberikan kepada Islam sama ada melalui perlembagaan undang-undang dan hak-hak lain dalam negara sukar difahami dan diterima oleh bukan Islam. Kesannya pelbagai tuntutan dari bukan Islam yang cuba menyamaratakan hak sehingga menimbulkan konflik agama. Namun begitu,

---

<sup>37</sup> Ghazali Basri, ‘A Comparative Study on Religious Tolerance in post-Independent Malaysia-Nigeria with special reference to Christian Muslim Relation’ (Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial, UKM).

kajian ini tidak memberi pandangan yang khusus dari pemimpin agama-agama Islam dan Kristian di Malaysia.

Penjelasan berkaitan toleransi juga diulas oleh Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri dalam penulisan bertajuk 'Islam Embedded: Religion and Plurality in Southeast Asia as a Mirror for Europe'<sup>38</sup>. Penulisan ini berkaitan toleransi dalam hubungan etnik dan budaya di Malaysia. Kajian ini menegaskan bahawa kebudayaan dan adat dalam setiap masyarakat Malaysia bersifat (*embedded*) antara satu budaya dan budaya yang lain. Sukar untuk mengenal pasti atau mengasingkan kesan ke atas satu budaya dan budaya yang lain. Atas faktor ini, semua masyarakat perlu menghormati budaya dan adat yang ada bagi melaksanakan keharmonian. Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa dalam konteks Malaysia. Toleransi dalam erti kata hormat dan meraikan sudah berjalan di Malaysia. Kajian ini lebih memberi fokus kepada kepelbagaian budaya dan etnik dalam memupuk keharmonian secara langsung dan tanpa menyentuh secara khususnya berkaitan toleransi antara agama khususnya Muslim-Kristian Malaysia.

Gambaran terhadap penerimaan toleransi agama di Malaysia juga dilihat melalui hasil kajian terhadap beliau yang dijalankan oleh Nazri Muslim yang bertajuk Islam dan Melayu Dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia<sup>39</sup>. Penulisan ini bertujuan untuk meninjau hubungan pemahaman ke atas perlembagaan dapat membentuk toleransi agama yang baik. Hubungan ini dilakukan dengan melihat tinjauan ke atas para pelajar. Antara rumusan utama kajian ini adalah mahasiswa bersetuju bahawa perlembagaan Malaysia perlu difahami bagi menjamin keamanan sesebuah negara. Namun kajian turut menunjukkan bahawa tahap kefahaman perlembagaan yang berbeza wujud antara

---

<sup>38</sup> Shamsul, A. B. 'Islam Embedded: Religion and Plurality in Southeast Asia as a Mirror for Europe', *Asia Europe Journal*, 3:2,(2005), 159-178.

<sup>39</sup> Nazri Muslim, *Islam dan Melayu Dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*, (Selangor: Penerbit UKM. 2014).

mahasiswa menurut bangsa dan agama. Namun, kajian ini tidaklah menyentuh khusus perbandingan antara belia Muslim dan Kristian ataupun khusus kepada isu Muslim dan Kristian di Malaysia.

Kajian Ahmad Tarmidzi dan Sarjit S, Gill di dalam artikel bertajuk *Socio-Religious Tolerance: Exploring the Malaysian Experience*<sup>40</sup> turut mengulas berkaitan halangan dan tahap toleransi agama di Malaysia. Kajian ini menjelaskan bahawa toleransi agama di Malaysia di tahap yang tinggi namun tidak selamat. Ketinggian tahap toleransi ini diukur melalui penglibatan pelbagai agama dan budaya dalam sambutan hari perayaan secara multi agama di Malaysia, wujudnya perkongsian tempat tinggal yang harmoni seperti yang berlaku di Kelantan di mana wujudnya golongan minoriti Buddha di dalam perkampungan Melayu di Kelantan, yang dapat hidup selesa tanpa ancaman. Walau bagaimanapun toleransi ini perlu dijaga dengan baik kerana tidak dinafikan wujudnya isu-isu antara agama yang mencetuskan kontroversi khususnya dalam isu pertukaran agama seperti yang berlaku dalam kes Lina Joy ada tahun 2006.

Dalam kajian lain yang bertajuk *Toleransi Sosio Agama Di Semenanjung Malaysia* dan *Toleransi sosio Agama di Sabah dan Sarawak*, Ahmad Tarmizi<sup>41</sup>. turut mengenal pasti tahap toleransi agama di kalangan penganut di Malaysia Dalam kajian ini menjelaskan bahawa toleransi berjalan dengan baik dalam hal sosio budaya iaitu perkahwinan, kematian, perayaan dan sosial. Selain itu, melalui soal selidik ke atas penganut agama di Malaysia khasnya di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur penulisan ini menyatakan bahawa tahap toleransi agama berada di tahap yang tinggi. Hal ini

---

<sup>40</sup> A.T.Talib & Sarjit S. Gill.).*Socio-Religious Tolerance: Exploring the Malaysian Experience*. Dalam *Global Journals Inc. USA*,(2012),.8- 12.

<sup>41</sup> Ahmad Tarmizi Talib , et.al. Laporan Penyelidikan Toleransi Sosio Agama Di Semenanjung Malaysia . Penyelidikan Kerjasama Universiti Putera Malaysia Dan Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional Malaysia. (Bahan Tidak Terbit).



dirumuskan bahawa Malaysia boleh dikenali sebagai sebuah negara yang mengamalkan toleransi dalam masyarakat pelbagai agama. Tambahan lagi setiap komuniti agama di dalamnya terlibat dalam membuat keputusan berkaitan isu-isu toleransi agama.

Berdasarkan dari tiga artikel yang ditulis oleh Ahmad Tarmizi atlib et.al, kajian mendapati bahawa kajian toleransi agama yang dijalankan adalah memberi fokus kepada penerimaan dan faktor toleransi agama menurut penganut agama sahaja. Akan tetapi kajian ini tidak mencadangkan panduan khas dalam skop yang melibatkan ancaman akidah sedangkan pengkaji mendapati bahawa isu utama yang mengancam keharmonian agama adalah isu kebebasan beragama dan konversi dan kalimah Allah yang mana ini semua adalah isu akidah.

### **iii. Kajian lepas berkaitan kaedah pelaksanaan toleransi agama.**

Menurut Fatmir<sup>42</sup>, dalam kajiannya yang bertajuk *Nostra Aetate and Inter Religion Dialogue; An Islamic Perspective* pendekatan dialog agama wujud dalam Kristian hanya selepas tarikh 28 Oktober 1965 melalui persetujuan Deklarasi Hubungan Kristian dan Bukan Kristian yang diisytiharkan pada 28 Oktober 1965 yang juga dikenali sebagai *Nostra Aetate*. Deklarasi ini menjadi titik tolak masyarakat Kristian melakukan hubungan baik dengan komuniti bukan Kristian. Namun, dalam konteks Islam, ia didapati lebih awal dan merupakan asas Islam khususnya melalui tuntutan al-Quran dan Hadis Rasulullah yang telah memberi penjelasan toleransi terhadap bukan Muslim, melalui tuntutan menjalinkan kerjasama, kebebasan membuat pilihan, keadilan, memupuk sikap saling hormat menghormati dan memahami agama masyarakat yang lain. Malah Islam turut meletakkan beberapa pendekatan pilihan untuk bekerjasama antara Muslim dan bukan Muslim mengikut situasi antaranya seperti *hiwar* atau *jidal*. Biarpun begitu, kajian yang dilakukan oleh Fatmir

---

<sup>42</sup> Fatmir Mehdi Shehu, (2007) "Nostra Aetate and Inter Religion Dialogue; An Islamic Perspective", (Tesis kedoktoran IIUM), Bahan Tidak Terbit.

hanya membicarakan senario dialog antara agama yang berlaku dalam dunia Kristian dan Islam secara umum dan kajian ini bersifat konsep teoretikal-konseptual.

Pelaksanaan dialog agama sebagai wadah toleransi dalam Islam adalah wujud dari ajaran Islam itu sendiri juga dipersetujui oleh beberapa penulisan lain antaranya seperti penulisan Al Fārūqī<sup>43</sup> dalam artikel utama *Islam and Other Faith*, Tantawi<sup>44</sup> dalam tulisan *Adab-Adab Berdialog*, Ramli Awang yang bertajuk *Dialog antara Agama Dari Perspektif Al-Quran*<sup>45</sup>, dan seumpamanya. Dalam artikel- artikel ini menjelaskan konsep dialog menurut al-Quran, budaya dan contoh dialog yang diaplikasikan oleh Rasulullah serta dialog al-Quran terhadap agama selain daripada Islam dan penambahan dan keperluan yang perlu difahami dalam menjalankan dialog masa kini. Antaranya seperti yang dinyatakan oleh al-Fārūqī khasnya dalam dialog antara Islam dan Kristian mestilah tidak mempunyai bias kepercayaan dan terpengaruh dengan emosional individu. Walaubagaimanapun perbincangan masih tertumpu terhadap teori-teori asas dalam dialog dengan disesuaikan mengikut kaca mata Islam. Antara syarat-syarat utama adalah niat yang ikhlas, hormat kepada ahli dialog, tidak membawa kepada ancaman pertukaran agama dan tidak melanggar kesucian agama

Tidak dinafikan wujudnya pandangan yang negatif terhadap dialog agama di kalangan Kristian. Menurut John Azumah dalam penulisan yang bertajuk 'Evangelical Christian Views and Attitudes Towards Christian– Muslim Dialogue'<sup>46</sup> golongan evangelical Kristian ragu –ragu untuk melaksanakan dialog antara agama kerana mereka

---

<sup>43</sup> Al-Fārūqī, *Islam and other Faith*, (IIIT; Herdon Virginia, 1989).

<sup>44</sup> Tantawi, Muhammad Sayid, *Adab Dialog Dalam Islam*, (terj) Mohd Noor Mamat. (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara, 2008).

<sup>45</sup> Ramli Awang, *Dialog antara Agama Dari Perspektif Quran* Skudai, (Universiti Teknologi Malaysia, 2008).

<sup>46</sup> John Azumah, , *Evangelical Christian Views and Attitudes Towards Christian– Muslim Dialogue* . *Transformation* 29(2) (2012):128–138. (DOI: 10.1177/0265378812439946 trn.sagepub.co)

menganggap seolah-olah wujudnya usaha untuk meuniversalkan ajaran Kristian kepada agama lain dan ini bertentangan dengan dakwaan kebenaran mereka. Hasil dari keraguan ini maka satu pendekatan dialog agama telah dilakukan dengan mengambil kira kehormatan terhadap agama-agama lain tanpa menafikan dakwaan kebenaran mereka. Usaha ini dilihat sebagai jalan tengah antara toleransi dan dakwah. Penulisan ini merumuskan bahawa golongan evangelical Kristian yang bersifat tertutup dalam berhadapan dengan agama lain telah berubah dan lebih terbuka dengan menyertai pelaksanaan dialog antara agama. Walau bagaimanapun golongan ini masih banyak membina hala tuju mereka sendiri dalam pembinaan hubungan antara agama agar tidak sampai menerima perjuangan liberal Kristian.

Dalam konteks Malaysia, terdapat penulisan yang memberi gambaran dan realiti pelaksanaan toleransi agama melalui pendekatan dialog agama. Antaranya seperti, penulisan yang ditulis Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli and Paizah Ismail yang bertajuk “Religious Dialogue: Its Reality and Prospects in Malaysia”<sup>47</sup>. Kajian ini merumuskan pelaksanaan dialog agama adalah perkara yang penting dan ia telah dilaksanakan dalam pelbagai bentuk di Malaysia . Walau bagaimanapun kajian ini adalah sebuah penulisan konseptual dan teoretikal yang tidak melibatkan pandangan dari golongan sarjana agama-agama di Malaysia.

Dalam penulisan Wan Sabri Wan Yusof and Arfah Ab Majid yang bertajuk “Inter-Religious Dialogue Models in Malaysia”<sup>48</sup> telah membincangkan pendekatan dialog antara agama di Malaysia dengan lebih lengkap dengan memberi fokus kepada pelaksanaan dialog dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia. Penulisan ini

---

<sup>47</sup> Rahim, Rahimin Affandi Abd.; Ramli, Mohd Anuar; Ismail, Paizah, & Nor Hayati Mohd Dahlal. Religious Dialogue: Its Reality and Prospects in Malaysia. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 29 ( 2) (2011):91-110.

<sup>48</sup> Wan Sabri Wan Yusof dan Arfah Ab. Majid, “Inter-Religious Dialogue Model in Malaysia”, *Global Journal Al-Thaqafa*.(2) (2012):7-13.

menyatakan bahawa melalui analisis yang dilakukan ke atas pendekatan tiga organisasi yang terlibat dalam pelaksanaan dialog antara agama iaitu Civilizational Dialogue (CCD), Students Representative Council of Malaysia Science University (Health Campus) dan Inter-faith Spiritual Fellowship (INSaF) maka didapati bahawa pelaksanaan dialog agam di Malaysia masih dalam keadaan yang tidak jelas malah dilakukan dalam pelbagai bentuk yang berbeza disebabkan kekurangan panduan untuk melakukan dialog antara agama. Kebanyakan dari hasil dialog antara agama hanyalah memberi fokus dalam mencari persamaan. Hasil penelitian terhadap pendekatan-pendekatan ini maka kajian ini telah mencadangkan satu panduan dialog antara agama yang lebih memberi fokus kepada pembinaan kefahaman antara agama bukan sekadar untuk penyelesaian sesuatu masalah tertentu. Kajian ini merupakan kajian yang lengkap namun penerimaan ketua-ketua agama terhadap panduan ini tidak dinyatakan dengan jelas dalam penulisan.

Peranan dialog antara agama diulas dengan lebih fokus di dalam penulisan Khairulnizam Mat Karim, Suzy Aziziyana bt.Saili and Muhd Anuar Awang Idris yang bertajuk "*The Role of Interfaith Dialogue in Societal Development: Malaysian Experience*"<sup>49</sup>. Peranan utama yang menjadi fokus penulisan ini adalah keberkesanan dialog antara agama dalam membina kesatuan dan integrasi kemajuan dan agama di Malaysia. Kajian ini juga memberikan pandangan bahawa dialog antara gama dapat menyelesaikan isu –isu yang menghalangkan keharmonian agama di Malaysia. Namun kajian ini memberi fokus terhadap pembinaan integriti dan kesatuan tanpa melibatkan isu teologi.

---

<sup>49</sup> Khairulnizam Mat Karim, Suzy Aziziyana Saili and Muhd Anuar Awang Idris. "The Role of Interfaith Dialogue". Dalam *Societal Development: Malaysian Experience. British Journal of Arts and Social Sciences*. 8 (1), (2012):112-116.

Dalam kajian Kamaroniah melalui penulisan bertajuk *Religion and Pluralistic Co-Existence The Muhibbah Perspective*<sup>50</sup> Azizan Baharuddin dalam penulisan *Cabaran-cabaran dalam dialog antara penganut agama*<sup>51</sup> dan Ahmad Sunawari Long melalui penulisan *Dialog Antara Agama-Agama: Pra Syarat Persefahaman Antara Agama*<sup>52</sup> menjelaskan bahawa dalam konteks Malaysia antara pendekatan yang dipersetujui sebagai langkah untuk memupuk toleransi agama adalah melalui pelaksanaan dialog antara agama (*interfaith dialogue*). Penulisan-penulisan di atas menjelaskan bahawa halangan dalam berdialog di Malaysia biasanya timbul dari penganut agama yang kurang faham tujuan dan keperluan dialog di samping perasaan phobia dan rendah diri menghadiri pengalaman dialog yang buruk. Selain itu, menurut Paul Tan<sup>53</sup> dalam penulisan *Human Right, Freedom of Expression and Belief*. menjelaskan bahawa halangan lain dalam pelaksanaan dialog juga dilihat dari sudut kekurangan pakar yang benar-benar memahami agama-agama di Malaysia dalam melaksanakan dialog antara agama yang lebih mendalam.

Berdasarkan dari halangan-halangan yang telah dijelaskan ini menunjukkan bahawa dialog amat perlu dijalankan dengan penuh etika dengan mengambil kira batasan yang dibenarkan bagi menghormati hak dan sensitiviti setiap penganut agama selaras dengan apa yang telah dijelaskan oleh Kamaroniah<sup>54</sup> yang menegaskan bahawa dialog

---

<sup>50</sup> Kamar Oniah Kamaruzzaman, '*Religion and Pluralistic Co-Existence The Muhibbah Perspective*', (Selangor: IIUM Press, 2010).

<sup>51</sup> Azizan Baharudin, "Cabaran-cabaran dalam dialog antara penganut agama". Dalam *Kertas Kerja Muzakarah Pakar Mencari Kesepakatan Perspektif Islam Tentang Dialog Antara Penganut Agama*. (Kuala Lumpur : Penerbit IKIM, 2012).

<sup>52</sup> Ahmad Sunawari Long, "Dialog Antara Agama-Agama: Pra Syarat Persefahaman Antara Agama" Dalam *Agama dan Perpaduan Kaum di Malaysia*. (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003).

<sup>53</sup> Paul Tan. 1986. "Human Right, Freedom of Expression and Belief". Dalam. *Human Rights in Malaysia*, (Kuala Lumpur. Democratic Action Party Human Right Committee. Kuala Lumpur, 1986).

<sup>54</sup> Kamar Oniah Kamaruzzaman, "Religion and Pluralistic Co-Existence The Muhibbah Perspective", (Selangor: IIUM Press, 2010).

mestilah mengandungi perbincangan dua dimensi dalam setiap agama iaitu persamaan dan perbezaan. Satu kemustahilan bagi menghilangkan perbezaan kerana ia akan membawa kepada permasalahan undang-undang. Justeru beliau mencadangkan bahawa batasan dialog merangkumi apa sahaja perbincangan yang mencari kesepakatan nilai-nilai yang baik tanpa melibatkan isu, polemik, kepercayaan. Beliau turut mencadangkan agar dialog antara agama ini perlu dibahagikan kepada dua bentuk perbincangan iaitu dialog mengenai agama dan dialog mengenai cara untuk bekerjasama dalam agama.

Dalam artikel bertajuk *Interaksi dan dialog agama (Dialog Peradaban): Satu paparan Awal*<sup>55</sup>, Khadijah Khambali et al mencadangkan agar dialog peradaban dijadikan landasan pembentukan toleransi agama. Malah, dalam penulisan Suraya Sintang, Azizan Baharudin, and Khadijah Mohd Khambali@Hambali yang bertajuk, “Dialogue of Life and Its Significance in Inter-Religious Relation in Malaysia”<sup>56</sup> mula memperincikan pelaksanaan dialog agama melalui pendekatan dialog kehidupan. Kajian ini cuba menjelaskan wujudnya limitasi dalam berdialog agama mengikut responden dan sasaran. Justeru kajian ini mencadangkan agar dialog agama dilaksanakan dalam konteks dialog kehidupan dengan erti kata dialog antara agama berlaku dalam hubungan seharian tanpa terus membincangkan teologi. Penulisan ini menyatakan bahawa kepentingan dialog kehidupan adalah untuk membina kepercayaan terlebih dahulu.

Dalam artikel “Dialog Antara Agama Dalam Konteks Ilmu Perbandingan Agama Menurut Perspektif Islam”<sup>57</sup>, Khadijah Khambali et.al pula menjelaskan bahawa konsep

---

<sup>55</sup> Khadijah Mohd. Hambali dan Khairul Nizam Mat Karim, “Interaksi dan dialog agama (Dialog Peradaban: Satu paparan”, Dalam (Pnyt) Azizan Baharuddin., *Islam dan Dialog Peradaban: Satu Perspektif*, ( Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya,2005).

<sup>56</sup> Sintang, S., Baharuddin, A., Khambali, M., & Hambali,, “Dialogue of Life and Its Significance in Inter-Religious Relation in Malaysia”, *International Journal of Islamic Thought*. 2.(2012): 69-79.

<sup>57</sup> Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Suraya Sintang & Azmil Zainal Abidin, “ Dialog Antara Agama Dalam Konteks Ilmu Perbandingan Agama Menurut Perspektif Islam”. *Jurnal Tafhim*. Institut Kefahaman Islam Malaysia, 6 (2015),.83-120.

dialog agama yang dicadangkan adalah diasaskan dengan pengetahuan perbandingan agama dan diistilahkan sebagai *hiwar al dini*. *Ḥiwār Dīnī* dan *Jidāl* seperti yang disebutkan di dalam al-Qur'an dilihat sejajar dengan konsep dialog menerusi *tasāmuḥ* dan *maḥabbah*. yang membolehkan setiap individu berinteraksi dengan harmoni. Ianya juga sebahagian daripada risalah Tauhid dalam memastikan pelestarian dialog dalam masa yang sama memantapkan kepercayaan agama. Selain itu, pendekatan dialektikal dan analisis fenomena agama yang dipraktikkan ketika dialog adalah digalakkan. Hal ini akan membawa pendialog tersebut kepada pemikiran yang terbuka dalam mencari titik persamaan dan mengelakkan dari bersikap bias terhadap agama lain. Oleh yang demikian, kesejajaran pendekatan etika Tauhid dan aplikasi metode perbandingan agama dilihat dapat membawa peserta dialog antara agama kepada satu dialog yang bersifat harmonis dan efektif.

Terdapat juga penulisan yang membincangkan tema dialog agama yang bersesuaian dengan konteks Malaysia. Melalui penulisan Ahmad Munawar Ismail and Wan Kamal Mujani dalam penulisan yang bertajuk "Themes and Issues in Research on Interfaith and Inter-Religious Dialogue in Malaysia"<sup>58</sup> mencadangkan agar perbincangan dialog antara agama hendaklah sentiasa memenuhi tema utama yang menyebabkan kefahaman antara agama terbina iaitu kesatuan, toleransi, sensitiviti Agama dan cabaran. Seterusnya penulisan ini mencadangkan bahawa pelaksanaan dialog antara agama hanya berkesan apabila dimulakan oleh ahli politik atau ketua agama supaya menjadi contoh kepada yang lain.

---

<sup>58</sup> Ismail, A. M., & Kamal Mujani, W, Themes and Issues in Research on Interfaith and Inter-Religious Dialogue in Malaysia. *Advances in Natural & Applied Sciences*, 6(6), (2012), 1001-1009.

Penentuan tema ini turut dinyatakan dalam kajian Haslina Ibrahim yang bertajuk *Developing A Profile Of Religions In Malaysia For Inter-Faith Discourses*<sup>59</sup> dengan menyatakan keperluan untuk memahami agama secara kontekstual sebagai asas hubungan antara agama di Malaysia. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti elemen dan ajaran agama-agama yang bersifat “permanent” dan dynamic” sebagai sumbangan dalam membina asas kefahaman agama –agama di Malaysia . Melalui temu bual kepada ketua-ketua agama yang terpilih dari Islam, Kristian, Hindu dan Buddha maka kajian merumuskan bahawa lima tema utama yang dilihat sebagai perkara yang bersifat permanent dalam agama-agama iaitu Tuhan sebagai Pencipta, Ciptaan Tuhan, Tujuan Penciptaan, Penilaian Baik dan Buruk dan Matlamat akhir ciptaan. Namun dalam konteks pentafsiran wujudnya perbezaan dan kepelbagaian jawapan dan tafsiran terhadap lima perkara tersebut dan kepelbagaian ini diistilahkan oleh kajian sebagai “*dynamic pari*” . Kajian ini dianggap penting dan menjadi kajian rujukan awal khasnya dalam mendapatkan gambaran dari wakil pemimpin agama, berkaitan ajaran sesuatu agama sebagai asas kefahaman agama .

Dalam kajian yang terkini, dalam penulisan yang bertajuk “Dialogue on 1 Malaysia’: The uses of meta discourse in ethno political accounting<sup>60</sup>” oleh Richard Buttny dan Azirah Hashim mula mengenal pasti atau menggunakan pendekatan meta discourse bagi mengenal pasti limitasi dialog antara agama dalam konteks Malaysia. Kajian ini beranggapan bahawa semua peserta dialog sering meletakkan wujudnya limitasi dialog adalah tidak menyebut perkara-perkara yang sensitif. Namun persoalan

---

<sup>59</sup> Developing Profile Religion merupakan kajian Gran FRGS Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Responden Kajian ini diwakili oleh Dr. Ong See Yew dari the Young Buddhist Association of Malaysia (YBAM), Dr. Wan Azhar Wan Ahmad dari Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dr. Hermen Shastri from the Christian Federation of Malaysia (CFM) dan Mr. Radhakrishnan. Sanavagamalai from the Malaysia Hindu Dharma Mahamandram (MHDM) .

<sup>60</sup> Richard Buttny dan Azirah hashim , Dialogue on ‘1 Malaysia’: The uses of metadiscourse in ethno political accounting *Discourse & Society* Vol. 26(2) (2015): 147– 164 sagepub.co.uk/journalsPermissions.nav(DOI: 10.1177/0957926514556033).



yang timbul adalah bagaimana untuk menentukan perkara-perkara yang sensitif. Maka tulisan ini menggunakan pendekatan meta discourse iaitu “talk about talk” sebagai sumber untuk mengenal pasti responden dapat memahami apa yang dibincangkan. Pemerhatian terhadap meta discourse yang digunakan oleh responden menunjukkan bahawa etnik dan agama telah pun dipolitikkan dalam isu politik semasa. Isu-isu yang bermasalah dikenal pasti berkaitan dengan isu antara kaum Melayu dan bukan Melayu . Inilah merupakan isu sensitif yang disepakati dari semua informan yang terlibat dalam meta discourse ini dan ianya perlu dihalusi penyelesaian secara bersama. Namun kajian ini tidak menyatakan perkaitan kaedah ini dalam menyelesaikan isu tertentu di antara isu agama.

Selain dari dialog, terdapat juga kajian yang mencadangkan sistem pendidikan sebagai asas pemupukan toleransi agama di Malaysia. Ghazali Basri<sup>61</sup> dalam artikel yang bertajuk *An Integrated Education System in Multi Faith and Multi Cultural Country* mencadangkan bahawa pemupukan toleransi agama hendaklah dimulakan melalui suntikan pemahaman agama-agama di kalangan rakyat Malaysia. Suntikan ini dikatakan berkesan sekiranya disampaikan melalui sistem pendidikan di sekolah. Menurut Ghazali Basri<sup>62</sup>, Syed Ali Ashraf<sup>63</sup> dan Shaikh Abdul Mabud<sup>64</sup>, sekularisasi dalam sistem pendidikan merupakan halangan utama kepada pemahaman pelbagai agama dalam kalangan penganutnya. Ini kerana wujudnya dikotomi antara pendidikan dan agama

---

<sup>61</sup> Ghazali Basri (pnyt), *An Integrated Education System in Multi Faith and Multi Cultural Country*. (Malaysia: Muslim Youth Malaysia., 1991).

<sup>62</sup> Ghazali Bari (2010):10

<sup>63</sup> Syed Ali Ashraf (Prof,Dr), *Integration, Planning and Implementation Principles, Policies and Strategies*, Dalam *'An Integrated Education System in Multi Faith and Multi Cultural Country*, ( Malaysia: Muslim Youth Malaysia,2010).

<sup>64</sup> Shaikh Abdul Mabud, *Aims and Objectives of an Integrated Science Curriculum for a multi faith,Multi Cultural Society*,Dalam *'An Integrated Education System in Multi Faith and Multi Cultural Country*. (Malaysia: Muslim Youth Malaysia,2010).

sehingga menyebabkan ilmu yang tinggi tidak dapat menjanjikan masyarakat yang harmoni. Justeru mereka mencadangkan lebih praktikal melalui penilaian semula ke atas buku-buku teks di sekolah dan asas pendidikan sekolah-sekolah. Kajian Ghazali Basri ini dilihat sebagai satu kajian bersifat teoretikal tanpa menilai panduan akidah dan pandangan Muslim dan Kristian Malaysia secara khusus.

Khadijah Mohd Khambali dan Mohd Herzalli Mohd Haled<sup>65</sup> dalam artikel yang bertajuk “Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan kepada artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia” dan artikel bertajuk). Islam Agama Rahmah dan Toleransi Beragama: Realiti dan Cabaran<sup>66</sup> menjelaskan bahawa kepentingan dan keperluan terhadap pemahaman agama adalah pendekatan yang terbaik dalam memupuk semangat kebangsaan yang telus dalam diri masyarakat Malaysia tanpa mengira agama yang dianuti. Sekiranya hal ini tidak dapat dilakukan maka krisis dalam hubungan antara agama akan terus wujud terutama di kalangan generasi muda khususnya dalam mempersoalkan isu Islam sebagai agama Persekutuan, isu kedaulatan raja-raja Melayu, isu kebebasan beragama bagi penganut Islam dan penghapusan pengurusan institusi-institusi Islam di bawah kerajaan negeri.

Berdasarkan ulasan di atas, kajian pengkaji berkaitan toleransi agama menurut pandangan wakil pemimpin agama ini dilihat selaras dengan tema yang dianggap keperluan dalam perbincangan dialog agama di Malaysia. Pelaksanaan toleransi agama khususnya dalam hubungan Muslim-Kristian sememangnya telah terlaksana di Malaysia melalui pelbagai cara dan pihak sama ada secara langsung dan tidak langsung. Namun

---

<sup>65</sup> Khadijah Mohd Khambali @Hambali & Mohd Herzalli Mohd Haled, “Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan kepada artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia:”, Dalam. *Jurnal Usuluddin* (27) (2008) :81-92.

<sup>66</sup> Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “ Islam Agama Rahmah dan Toleransi Beragama: Realiti dan Cabaran”. Dalam (pnyt) Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Mohamad Kamil Abd. Majid dan Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman , *Isu dan Cabaran Hubungan Antara Agama di Malaysia*. (Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,2008).

jika diteliti kebanyakan isu besar dalam hubungan Muslim-Kristian masih berstatus belum diselesaikan (*pending*) antaranya disebabkan oleh kekurangan sumber untuk membuat keputusan<sup>67</sup>.Kebimbangan terhadap tiadanya garis panduan dalam melaksanakan hubungan antara penganut agama di Malaysia ini serta keperluan terhadap panduan ini pernah diutarakan oleh Prof Muda@Ismail Ab. Rahman<sup>68</sup> yang menyatakan bahawa “toleransi agama sememangnya telah berjalan tetapi kalaulah ada formula-formula yang lebih baik dalam konteks integrasi nasional maka eloklah dilaksanakan”, malah hal ini turut disebut oleh Jawatankuasa Unit perhubungan Agama JKMPKA<sup>69</sup> yang menyatakan bahawa kurang sumber panduan rasmi menyebabkan banyak masalah sukar untuk diselesaikan.

### iii. **Kajian Lepas Al-Fārūqī Dan Keterlibatan Dengan Agama-Agama.**

Al-Fārūqī merupakan seorang tokoh yang berusaha gigih dalam membina keharmonian antara agama khasnya dalam hubungan Muslim- Kristian. Seperti dalam penulिसannya<sup>70</sup> al-Fārūqī meletakkan toleransi itu sebagai satu perkara untuk menerima orang lain sehingga terbukti wujudnya perbezaan. Dalam erti kata lain. Al al-Fārūqī menitik beratkan sikap ingin tahu yang luwes dalam proses toleransi yang pertama iaitu memahami agama yang dikaji. Ini bertolak dari pandangannya bahawa sebagai pengkaji agama Muslim, tuntutan untuk bertoleransi agama adalah selaras dengan isi ajaran Islam

---

<sup>67</sup> Temu bual bersama En. Yong, Urusetia Jawatankuasa Mempromosikan Keharmonian Antara Penganut Agama Malaysia, JKMPKA) di Jabatan Perpaduan Negara, dalam temu bual dengan penulis pada 2 Julai 2012 dan 23 Mei 2013 di Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Putrajaya..

<sup>68</sup> Muda@Ismail Ab. Rahman & Farah Salwani, “Toleransi Agama dan Kepelbagaian Budaya di Malaysia,” dalam *Agama dan Perpaduan Kaum di Malaysia*, Jaffary Awang et.al (Pnyt), ( Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM, 2003): 104.

<sup>69</sup> Yong, Ibid.

<sup>70</sup> al-Fārūqī, *History of Religions: Its Nature and Significance for Christian Education and the Muslim-Christian Dialogue (Continuation)*, *Numen: international Review For the History of Religions*. 12(2)(1965): 81-86. al-Faruqī *Christian Ethics: A Systematic and Historical Analysis of Its Dominant Ideas*. Montreal: McGill University Press (1967): .21-25, Al-Fārūqī ,I. R, “Meta Religion : Towards A critical world Theology” , *American Journal of Islamic Social Science*, 3 (1) (1986), 13-57.).

yang menyatakan bahawa manusia secara fitrah adalah baik, ajaran yang menyatakan akan wujudnya kepelbagaian agama di muka bumi. Maka dalam erti kata lain, toleransi agama al-al-Fārūqī dalam lingkungan tuntutan berkenalan dan menghormati kepelbagaian kewujudan agama lain tanpa menafikan ajaran Tauhid.

Selain dari karya-karya al-Fārūqī, terdapat beberapa kajian utama yang menjadi rujukan berkaitan pendekatan al-Fārūqī dan kepelbagaian agama. Antara nya seperti penulisan Charles D. Fletcher<sup>71</sup> dalam penulisan bertajuk *Isma‘il Al-Fārūqī (1921-1986) And Inter-Faith Dialogue: The Man, The Scholar, The Participant* yang diterbitkan pada tahun 2008. Fletcher merumuskan bahawa pendekatan al-Fārūqī dalam hubungan antara agama khususnya Muslim-Kristian adalah satu pendekatan yang praktikal melalui perbandingan agama sebagai satu pendekatan. Bertolak dari perbandingan agama ini maka Fletcher turut menjelaskan bahawa hubungan antara agama perlu dilaksanakan melalui dialog antara agama kerana perbandingan agama hanya tepat dilakukan apabila wujudnya dialog khususnya dalam proses pengumpulan data agama untuk dibandingkan.

Penekanan yang sama turut disebut oleh Ibrahim Zin dalam penulisannya bertajuk *Religions As a “Life Fact”: Al Fārūqī ’s Impact on The International Islamic University Malaysia*<sup>72</sup> yang menyatakan bahawa pendekatan al-Fārūqī dalam mencari data agama secara realiti adalah penting dalam membina ilmu dan pengetahuan terhadap sesuatu perkara. Penulisan ini memberi penekanan terhadap penggunaan pendekatan fenomenologi dalam perbandingan agama dan hal ini telah pun dilaksanakan di IIUM.

Ata’ullah Siddique dalam penulisan suntingan buku “*Islam and other faith*” turut bersetuju bahawa pendekatan al-Fārūqī adalah pendekatan yang praktikal dan boleh

---

<sup>71</sup> Charles D. Fletcher. ‘Isma‘il Al-Fārūqī (1921-1986) And Inter-Faith Dialogue: The Man, The Scholar, The Participant’. (Tesis Doktor Falsafah, Institute of Islamic Studies at McGill University, Montreal.,2008).

<sup>72</sup> Ibrahim Mohamed Zain, Religions As a “Life Fact”: Al-Fārūqī ’s Impact on The International Islamic University Malaysia, *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 28:3,(2011), 53-74.

dijadikan panduan dalam membina hubungan antara gama. Ini juga disebabkan faktor yang sama iaitu kecenderungan al-Fārūqī untuk mendapatkan pemahaman gama berdasarkan konteks tempat dan suasana agama itu dikaji di samping perkongsian pengalaman berdialog agama yang dialami sendiri oleh al Fārūqī<sup>73</sup> .

Ulasan terhadap pendekatan al-Fārūqī dilakukan oleh Abdul Halim Ramli dalam penulisan yang bertajuk *Pemikir Islam, Prof Ismail Ragi Al al-Fārūqī*<sup>74</sup>. Penulisan ini merumuskan bahawa latar belakang falsafah al-Fārūqī mempengaruhi pendekatan perbandingan agama yang dilaksanakan. Berdasarkan penulisan ini, kajian merumuskan bahawa pendekatan al-Fārūqī dalam menghadapi kepelbagaian agama adalah berkait rapat dengan pendirian beliau dalam prinsip islamisasi ilmu yang diperjuangkan. Ini kerana, pendekatan al-Fārūqī dalam memahami agama mengambil kira panduan falsafah Islam yang sentiasa memberi penekanan kepada kenal pasti sumber kebenaran sesuatu ilmu.

Pendekatan al-Fārūqī melalui perbandingan agama turut dijelaskan dalam penulisan *Al-Fārūqī and His View on Comparative Studies* oleh Zuriati dan Engku Zaki<sup>75</sup>. Penulisan ini bertujuan untuk menjelaskan latar belakang al-Fārūqī dan sumbangannya terhadap perbandingan agama. Tulisan merumuskan bahawa pendekatan perbandingan agama al-Fārūqī adalah pendekatan yang istimewa kerana disempurnakan dengan pendekatan penilaian agama. Maka mana-mana agama yang selaras dengan prinsip penilaian meta agama adalah agama yang benar dan yang mempunyai tafsiran yang berbeza menunjukkan agama itu telah mempunyai penyelewengan. Namun penulisan

---

<sup>73</sup> Temu bual pada 26 Jun 2014, Institut Islam Hadhari, UKM.

<sup>74</sup> Abdul Halim Ramli, *Pemikir Islam, Prof Ismail Ragi Al al-Fārūqī*, (Qubah publication 2002),9.

<sup>75</sup> Zuriati Bt Mohd Rashid & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, “ Al-Fārūqī And His Views On Comparative Religion”, *International Journal Of Business And Social Science* 1(1) (2010):106.

ini merupakan satu penulisan konseptual berkaitan pendekatan perbandingan agama al-Fārūqī.

Penilaian data perbandingan agama yang diperolehi sama ada secara dialog atau kajian teks sangat diberi penekanan oleh al-Fārūqī. Hal ini dijelaskan oleh Nur Farhana Abdul Rahman dalam penulisan bertajuk Tauhid asas Toleransi Kepelembagaan Agama<sup>76</sup>. Penilaian ini penting kerana menurut al-Fārūqī, dalam menanggapi kepelembagaan agama ini, pendekatan agama perlu dilihat dari dua sudut pandang iaitu agama sebagai meta agama dan agama sebagai sejarah. Penulisan ini merumuskan bahawa mana-mana agama yang berlaku penyelewengan dari asas ini dianggap bukan agama yang benar. Penulisan ini bersifat teoritikal. Justeru, kajian ini akan mengambil panduan dari penjelasan dan penilaian meta agama yang dijelaskan untuk menganalisis keselarasan Islam dan Kristian di Malaysia dengan prinsip ini agar perbezaan yang terjadi menjadi limitasi toleransi agama yang dijalankan. Berdasarkan penjelasan dari ini, pengiktirafan terhadap kewujudan agama-agama lain dan pelaksanaan toleransi yang sewajarnya sememangnya menjadi tuntutan utama.

Haslina Ibrahim turut menjelaskan kepentingan penilai meta agama yang disampaikan dalam pendekatan al-Fārūqī dalam pelaksanaan ilmu perbandingan agama. Melalui penulisan *the Feasibility of Meta Religion*<sup>77</sup>, Haslina menjelaskan bahawa penekanan utama dalam pendekatan hubungan antara agama yang dicadangkan oleh al-Fārūqī adalah kepada penilaian *beyond phenomenology* melalui *meta religion judgement*. Ini juga adalah selaras dengan pandangan al-Fārūqī bahawa data agama tidak boleh dilaporkan secara deskriptif sahaja namun perlu diberi nilai berdasarkan prinsip penilaian

---

<sup>76</sup> Nur Farhana Abdul Rahman, "Tauhid asas toleransi dalam kepelembagaan agama", *International Journal On Islamic Thought*, 1:June 2012, (2012): .34-42.

<sup>77</sup> Haslina Ibrahim, "The Feasibility Of Al-Fārūqī's Meta-Religion Principles: Sharing Of Research Experience", Dalam *Kertas Kerja Seminar on Al-Fārūqī Thought*. (Malaysia:IIUM,2013).

yang universal. Haslina juga menegaskan bahawa pendekatan al-Fārūqī ini sememangnya bersifat universal dengan mengambil kira penggunaan wahyu dan rasional secara adil dan seimbang<sup>78</sup>.

Penilaian Meta Agama al-Fārūqī ini juga dijelaskan dalam kajian konseptual yang bertajuk *Konsep Meta-Religion Menurut Isma‘il Raji Al-Fārūqī oleh Ahmad Sabri Othman et,al*<sup>79</sup>. Walau bagaimanapun artikel ini berbentuk konseptual dengan menjelaskan semula penilaian meta agama dari artikel utama al-Fārūqī yang bertajuk *Toward Global Theology*. Walau bagaimanapun dalam penulisan yang lain<sup>80</sup>, Ahmad Sobri Osman merumuskan bahawa pendekatan *al-din fitrah, Abrahamic Faith, Meta Religion* al-Fārūqī adalah berada dalam kerangka Tauhid Islam serta diterima oleh ulama’ Islam.

Berdasarkan kajian lepas ini dapat dirumuskan bahawa al-Fārūqī dan idea berkaitan Islam dan agama-agama lain dilihat melalui pendirian Al-Fārūqī<sup>81</sup> yang dijelaskan dalam dua pendekatan utama iaitu melalui pendekatan perbandingan agama dan dialog agama. Di dalam perbandingan agama al-Fārūqī bergerak lebih ke hadapan dengan memberi penilaian kepada hasil data perbandingan berpandukan konsep penilaian universal (Meta Agama).

---

<sup>78</sup> Temu bual bersama Prof Madya Dr Haslina Ibrahim ( Pensyarah Kanan Jabatan Usuluddin dan Pebandingan Agama, Kulliyah Ilmu Wahyu , IIUM) pada 2 Januari 2015 di IIUM .

<sup>79</sup> Ahmad Sabri Osman, Mohd Farid Mohd Sharif, Raihaniah Zakaria, “Prinsip Tauhid Ideasional Dalam Hubungan Islam dan Agama-agama Lain: Analisis Peranannya Menurut Isma‘il Raji Al-Fārūqī”, *Jurnal Intelek* 7(1) (2015), 48-56.

<sup>80</sup> Ahmad Sabri Osman, *Konsep Tauhid menurut Ismail Raji al-al-Fārūqī: Analisis dalam isu-isu Pluralisme Agama*. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, 2015).

<sup>81</sup> Al-Fārūqī, *Christian Ethics: A Systematic and Historical Analysis of Its Dominant Ideas*. (Montreal: McGill University Press, 1967):1-7.

#### **iv. Rumusan Sorotan Literatur**

Berdasarkan penjelasan di atas menunjukkan toleransi agama telah pun menjadi pendekatan dalam menghadapi kepelbagaian agama sama ada di Timur, Barat, Timur Tengah dan Asia. Kajian-kajian yang telah dijelaskan dapat dirumuskan bahawa panduan-panduan umum dalam melaksanakan toleransi agama telah wujud secara terpisah-pisah mengikut agama masing-masing. Masih terdapat kelemahan yang menyebabkan toleransi agama yang berjalan masih diselangi dengan konflik khususnya di Malaysia.

Kajian juga mendapati bahawa kajian-kajian sosiologi yang lebih banyak dilakukan dalam konteks mengkaji tahap toleransi agama di Malaysia. Kajian berasaskan pendekatan sosiologi ini menyimpulkan penerimaan toleransi mengikut persetujuan penganut. Justeru kajian ini bermatlamat untuk melengkapkan ruang yang kurang dijelaskan melalui kajian-kajian sebelum ini dengan memilih pendekatan fenomenologi agama bagi tujuan untuk menjelaskan fenomena toleransi agama melalui mereka yang pakar sesuatu agama iaitu wakil pemimpin agama Muslim dan Kristian, Malaysia. Tambahan lagi, dalam konteks Kristian, bertolak dari realiti agama Kristian yang sentiasa mentafsirkan kepercayaan agama secara kontekstual maka tinjauan ke atas pandangan wakil pemimpin agama Kristian adalah penting bagi memahami kefahaman semasa pemimpin agama Kristian terhadap toleransi agama.

Pendekatan fenomenologi agama ini dilihat telah diaplikasikan oleh al-Fārūqī . Kajian intelektual yang melibatkan analisis secara kritikal dalam setiap kajian Al-Fārūqī ini telah menghasilkan satu teori yang selayaknya dijadikan panduan kepada masyarakat beragama untuk membentuk keharmonian. Tambahan lagi pendekatan yang dihasilkan ini turut dipraktikkan semasa penglibatan beliau dalam membuat kajian antara agama .Justeru, sewajarnya pendekatan Al-Fārūqī yang mempunyai nilai kesarjanaan yang



tinggi cuba diaplikasikan dan diadaptasi kan dalam pembentukan panduan toleransi agama bagi masyarakat Malaysia yang menjadi tujahan utama kajian ini .Pendekatan dan praktikal yang digabung guna ini perlu dijelaskan secara teliti agar dapat menjadi satu panduan rasmi dalam pelaksanaan toleransi agama khususnya di Malaysia. Kajian yang dilakukan bukanlah bertujuan untuk menyempurnakan idea Al-Fārūqī yang telah diiktiraf tahap keserjanaan tetapi bertujuan untuk memformulasikan dalam konteks masyarakat beragama di Malaysia.

### 1.8 Metodologi Kajian

Falsafah kajian merupakan landasan utama bagi mengenal pasti reka bentuk kajian dan teknik dalam penghasilan dan analisis data kajian. Terdapat Dua kecenderungan utama yang wujud sebagai elemen dalam falsafah kajian iaitu *Positivism* dan *Interpretivism (Social Constructivism)*<sup>82</sup>. Ia bertujuan untuk menggambarkan orientasi sesuatu kajian.

Pemilihan falsafah ini akan memberi kesan dalam pemilihan metodologi kajian. Kajian berorientasikan falsafah *Positivism* lebih berbentuk kajian yang menguji teori dan melibatkan proses penjelasan (*explanatory*) berasakan dapatan data berbentuk penomboran. Manakala kajian berorientasikan falsafah *Interpretivism* merupakan kajian berbentuk penjelasan kepada fenomena yang akan mencadangkan konsep bagi mengenal pasti fenomena atau kes tertentu. Data yang diperoleh mengambil kira makna di sebalik fenomena dan penjelasan data lebih berbentuk penerokaan (*exploratory*) namun memerlukan penjelasan (*explanatory*) dalam membuat analisis bersama sorotan literatur. Perkaitan in dapat digambarkan seperti yang telah dijelaskan oleh Silverman dalam jadual di bawah.

**Jadual 1.2 : Perbandingan Falsafah Kajian menurut Silverman**

<b>Approach</b>	<b>Concepts</b>	<b>Methods</b>
<b>Positivism</b>	Social Structure	Quantitative

<sup>82</sup> Siti, (2014),13.

	Social Facts	Hypothesis Testing
<b>Interpretive Science (Phenomenological)</b>	Social Construction Meanings	Qualitative Hypothesis Generation

**Sumber: Silverman<sup>83</sup>**

Berdasarkan penjelasan perbandingan ini maka kajian ini merupakan kajian yang bersandarkan kepada falsafah *Interpretivism*. Hal ini bertolak dari objektif kajian yang telah dijelaskan sebelum ini, iaitu melalui pendekatan fenomenologi al-Fārūqī, maka kajian merupakan sebuah kajian yang akan menjelaskan fenomena toleransi agama dengan mengambil kira perasaan, ungkapan, tindakan, dan perkataan dan emosi manusia yang terlibat di dalamnya.

Kajian ini merupakan satu kajian yang menggunakan pendekatan al-Fārūqī iaitu fenomenologi<sup>84</sup>. Pendekatan fenomenologi merupakan satu dari pendekatan di dalam reka bentuk kualitatif<sup>85</sup>. Secara ringkas kajian kualitatif ini dapat difahami sebagai satu kajian yang mengkaji makna di sebalik data seperti yang dijelaskan oleh Creswell bahawa :

<sup>83</sup> Silverman, D, “Qualitative Research meaning or practice?” *Information System Journal*, (3)(2008):3-20.

<sup>84</sup> Christian Ethics: A Systematic and Historical Analysis of Its Dominant Ideas. Montreal: McGill University Press & Al-Fārūqī, I. R., “Meta Religion : Towards A critical world Theology” , *American Journal of Islamic Social Science*, 3 (1), (1986): 13-57.

<sup>85</sup> Menurut Taylor & Bogdan kajian kualitatif selalunya memenuhi ciri-ciri seperti berikut iaitu: (i) Kajian Kualitatif adalah berbentuk induktif. Dalam hal ini, pengkaji akan membentuk konsep, dan pemahaman dari bentuk atau yang diperoleh dari data berbeza jauh dari kajian yang berasaskan pengumpulan data dengan pengujian teori atau hipotesis. Pengkaji kualitatif akan memulakan kajian dengan mencipta persoalan kajian yang akan dianggap sebagai panduan kajian. Kajian kualitatif menghendaki pengkaji melihat “manusia “ yang dikaji sebagai satu sumber utama dan secara keseluruhan bukan sebagai satu variable. (ii). Pengkaji Kualitatif amat sensitif dengan kesan dari manusia yang dikaji. Mereka berinteraksi dengan manusia (informan) secara natural .Sebagai contoh, dalam penyertaan pemerhatian , pengkaji akan cuba untuk “ blend into the wood-work” , sehingga mereka dapat membina set kefahaman. Manakala dalam konteks temu bual (in depth interview), pengkaji akan memulakan soalan temu bual hanya selepas melakukan perbualan normal (kebiasaan ) terlebih dahulu. Ia bukan satu sesi soal jawab semata-mata di dalam temu bual. (iii).Pengkaji Kualitatif berusaha untuk memahami manusia dari kerangka dan pandangan manusia itu sendiri. Sasaran utama adalah melihat perspektif sesuatu fenomena maka pengkaji kualitatif cuba melalui pengalaman sesuatu fenomena seperti mana informan melaluinya. Dalam erti kata lain. Pengkaji akan cuba mengenal pasti sesuatu data dengan informan yang dikaji bagi mengetahui cara mereka informan itu sendiri melihat sesuatu perkara.(iv). Pengkaji Kualitatif menggantung sementara kepercayaan, perspektif, tanggapan dari dirinya sendiri. Semua perkara boleh dipersoalkan oleh pengkaji. (v).Semua perspektif adalah bernilai bagi pengkaji kualitatif. Pengkaji bukan mencari “kebenaran” truth atau “kebaikan” morality tetapi tumpuan adalah diberikan kepada menjelaskan perspektif seseorang terhadap sesuatu perkara.(vi)Kaedah kualitatif lebih bersifat kemanusiaan. Apabila kita mengkaji manusia secara kualitatif, ia dapat memberi pengetahuan kepada kita secara personally. Kita akan mengetahui konsep sesuatu keadaan sama ada kesedihan, kegembiraan, cinta dan seumpamanya.(vii).Kajian kualitatif menekankan kesahan (validity) dalam kajian. Kajian kualitatif tetap memberikan tetap mempunyai kaitan dengan kajian empirikal. Ia dibentuk bagi menghubungkan data dan perbuatan dan percakapan manusia. Melalui observasi ke atas perlakuan harian manusia, mendengar pa yang diperkatakan manusia dan

“ Qualitative Research is an inquiry process of understanding based on distinct methodological tradition of inquiry that explore a social or human problem. The researcher build a complex , holistic picture, analyzes words, report detailed views of informants and conduct study in natural setting<sup>86</sup>”.

Terdapat lima bentuk tradisi utama dalam kajian kualitatif iaitu Kajian Biografi , Kajian Fenomenologi, Kajian Grounded Theory, Kajian Etnografi dan Kajian Kes<sup>87</sup>. Bagi mencapai objektif kajian, kaedah fenomenologi telah dipilih sebagai kerangka asas pembentukan hasil kajian. Matlamat pendekatan fenomenologi adalah untuk memahami subjek kajian melalui pandangan dan perspektif mereka.

### **1.8.1. Reka bentuk Pendekatan Fenomenologi.**

Umumnya, kajian fenomenologi agama merupakan satu kajian berkaitan sesuatu yang jelas atau penampakan (*the description of study of appearance*). Ia lebih mementingkan penglibatan secara langsung iaitu melalui pemerhatian berbanding dengan kajian perujian(eksperimental research)<sup>88</sup>. Fenomenologi merupakan satu kerangka yang menekankan kajian bagaimana pengalaman harian mempengaruhi dan membentuk perlakuan manusia<sup>89</sup>. Selaras dengan ini, Craswell <sup>90</sup> pula menegaskan pengkaji fenomenologi (phenomenologist) melihat perlakuan manusia, apa yang mereka perkatakan dan lakukan sebagai memberi makna tentang dunia mereka. Fokus utama dalam fenomenologi adalah memahami inti pati pengalaman tentang sesuatu fenomena.

---

mengkaji dokumen-dokumen yang manusia terbitkan, pengkaji kualitatif memperoleh data utama sebagai sumber kepada ilmu pengetahuan sosial manusia.(viii)Bagi pengkaji kualitatif, semua peraturan dan manusia adalah bernilai untuk dikaji. Ini kerana setiap satunya mempunyai persamaan dan keunikan.(x)Kajian kualitatif adalah satu seni. Ia tidak di taklukan kepada satu-satu pendekatan tertentu. Pengkaji Kualitatif lebih flexible dalam melakukan kajian mereka.(Taylor, Steveb,J & Bogdan, R, Introduction to Qualitative Research Method: The Search For Meaning . Canada:John Wiley & Sons Wiley Inter science Publication,1984).

<sup>86</sup> Creswell, J.W, *Qualitative Inquiry and Research Design Choosing Among Five Traditions* London: SAGE Publication, (1998): . 15.

<sup>87</sup> Creswell, (1998), 5.

<sup>88</sup> *Dictionary of Theory*,(2002), 408-409.

<sup>89</sup> Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan Kepada Teori Dan Metod* ,Tanjong Malim, Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007). .

<sup>90</sup> Creswell, (1998), 147.

Walau bagaimanapun kajian ini memberi penekanan utama dalam melaksanakan metodologi pengumpulan data melalui pendekatan fenomenologi Ismail al-Fārūqī .

Menurut al Fārūqī , kaedah fenomenologi agama merupakan antara kaedah kajian agama moden yang digunakan oleh para pengkaji agama. Al-Fārūqī menjelaskan bahawa terdapat pelbagai pendekatan kajian agama yang telah dibentuk dalam dunia Moden ini dan diaplikasikan dalam setiap jabatan pengajian antaranya seperti kaedah antropologi, kaedah sosiologi, kaedah psikologi, kaedah falsafah, kaedah teologi dan kaedah fenomenologi<sup>9192</sup>..

---

<sup>91</sup> Al-Fārūqī ,I. R, “Meta Religion : Towards A critical world Theology” , *American Journal of Islamic Social Science*, 3 (1) (1986): 13-57.

<sup>92</sup> Kemunculan aliran yang menggunakan pendekatan fenomenologi dalam mengkaji agama adalah sebagai satu usaha untuk mengkritik pendekatan sains empirikal. Dalam konteks Barat, antara tokoh utama yang menjelaskan mengenai kajian ini adalah Edmund Husserl. Husserl merupakan seorang tokoh yang menggunakan pendekatan fenomenologi dalam melakukan sesuatu kajian. Dalam pendekatan fenomenologi inilah pendekatan Epoche ditemui. Antara tokoh lain yang menulis mengenai Epoche ini adalah Heidegger yang mana beliau merupakan anak murid kepada Husserl. Namun penjelasan Heidegger dilihat sedikit berbeza dari Husserl dan lebih kompleks. Husserl membina pendekatan ini untuk menjelaskan sesuatu penjelasan deskriptif dijelaskan secara pengalaman langsung “the immediacy of experience” dan terasing dari segala bentuk tanggapan atau pengaruh yang menyebabkan sesuatu keadaan itu berlaku. Dalam erti kata lain, matlamat pendekatan fenomenologi ini adalah sebagai satu analisis deskriptif dan terpisah tentang apa yang ada dalam kesedaran manusia (human consciousness) malah kaedah ini juga dilihat oleh Husserl sebagai satu usaha untuk mengembalikan sains Barat setelah mengalami krisis dan konflik dalam yang hebat selepas era Pencerahan (Enlightenment) .

Menurut Husserl , terdapat proses-proses utama dalam pelaksanaan kajian fenomenologi iaitu proses Phenomena Reduction, Descriptive dan Bracketing.

**(I) Phenomena Reduction :** Dalam konteks agama, kajian fenomenologi ini melihat agama sebagai sesuatu yang istimewa dan unik yang mana pengalaman agama ini muncul dari pengalaman manusia. Pendekatan yang lebih adil mestilah dipilih bagi menjelaskan pengalaman agama yang hadir dari latar belakang dimensi yang pelbagai. Menurut Husserl, bagi mencapai fenomena yang asas (essence), pengkaji perlu melalui kaedah pengurangan fenomena yang mana ia merupakan satu proses membawa satu yang real (fakta) kepada sesuatu yang kesedaran yang asli (pure consciousness). Proses pengurangan fenomena ini berusaha menyetepikan fakta-fakta terhadap sesuatu yang dianggap sebagai fakta (real).Justeru, proses pertama ini dimulakan dengan meneliti objek kajian dengan tanpa bias. Objek kajian yang dilihat akan terhasil melalui hubungan langsung pengalaman terhadap sesuatu yang wujud di dunia melalui kesedaran (consciousness) bahawa ia adalah mengenai sesuatu. Hal ini diistilahkan oleh Husserl sebagai Intentionality .Objek kajian yang berbentuk pengalaman dan tidak muncul secara fizikal ini boleh ditanggapi melalui beberapa perkara yang diistilahkan sebagai (representation) iaitu sama ada melalui tanda (signs), simbol, intuisi, dan niat (*intention*) . Struktur pelbagai pengalaman yang dikaji dalam fenomenologi ini merangkumi persepsi (*perception*), pemikiran (*thought*), ingatan (*memory*), imaginasi (*imagination*),emosi (*emotion*), keinginan (*desire*),kehendak (*volition*), kesedaran jasariah (*bodily awareness*), *perbuatan yang terkandung (embodied action) dan aktiviti sosial (sosial aktiviti)* .

**(ii) Discriptive :** Deskripsi merupakan pendekatan asas yang digunakan dalam kajian fenomenologi ini. Ia bermaksud sebuah pemerhatian yang teliti terhadap fenomena sama ada mitos, simbol, upacara, peribadatan, doktrin dan seumpamanya (seperti yang telah disebut sebelum ini). Ia turut merangkumi

Dalam konteks pengkajian agama, al-Fārūqī menegaskan bahawa agama bukanlah wujud dengan satu perbuatan semata-mata malah ia merupakan satu dimensi setiap perbuatan dan setiap perkara terlibat dalam proses mempelajari sesuatu agama. Proses pemulihan ruang batasan dan skop perbincangan agama merupakan cabang dari kajian fenomenologi agama.

Selaras dengan hal ini, apa yang penting untuk difahami adalah pendekatan ini menuntut agar semua maklumat dan dapatan kajian diperoleh dari maklumat secara langsung dengan subjek kajian dan tidak perlu membuat tanggapan terhadap subjek kajian tersebut terlebih dahulu (prejudis). Prejudis berlaku kerana wujudnya percubaan untuk membataskan bidang kuasa fenomena agama dengan memberi definisi yang sempit kepada agama atau melaksanakan dasar pemencilan ini akhirnya membawa kepada teori pengasingan elemen agama kepada sesuatu yang bersifat suci (sacred atau holy). Ini juga bertujuan untuk menegakkan batasan pengkajian dalam agama<sup>93</sup>. Justeru dalam pendekatan ini, secara hakikatnya, peribadi, perbuatan sosial, mahupun kehidupan dan keseluruhan masa dan ruang yang wujud dalam agama yang akan membentuk data sesuatu agama kerana setiap perbuatan manusia adalah merupakan sebahagian daripada agama yang kompleks.

---

penjelasan mengenai pengalaman berdasarkan apa yang dijumpai dari pengalaman lepas atau dalam erti kata lain menjelaskan pengalaman yang telah dilalui.

(iii) **Bracketing** : Menurut Husserl, dalam proses ini pengkaji harus menyetepikan apa sahaja konsep atau pandangan yang telah sedia ada dalam dirinya. Dalam konteks agama, pandangan keagamaan yang telah sedia harus diketepikan supaya pengkaji tidak bersifat bias dalam mengkaji dan memahami fenomena keagamaan yang dikaji dari penganut agama itu sendiri. Secara mudahnya dapat difahami bahawa ketiga-tiga proses yang dijelaskan oleh Husserl ini saling melengkapi antara satu sama lain dan bertindak dengan satu cara yang sama iaitu membuat penggantungan fakta yang telah diketahui untuk mendapatkan kesedaran yang asli terhadap sesuatu perkara yang dikaji. Dari penjelasan ini dapat difahami proses ini yang dimaksudkan dengan Epoche atau A Cessation dalam konteks pelaksanaan Epoche menurut al Fārūqī .

<sup>93</sup> Ibid:22.

Maka al-Fārūqī merumuskan bahawa pendekatan fenomenologi agama ini lahir kerana rasa tidak senang dengan semua pendekatan kajian agama sebelum ini terutama pendekatan teologi dan falsafah. Pendekatan ini sebagai pendekatan *Religionswissenschaft* atau sains agama yang bertujuan untuk menggambarkan proses yang bersungguh-sungguh dan lebih tenaga dan rasional dalam mengumpul, melapor, dan menyusun data-data agama. Penekanan terhadap konsep *epoche* (suspension of judgment) bertujuan untuk memeriksa semula pemahaman seseorang terhadap agama berpandukan data dari agama itu sendiri <sup>94</sup>.

### 1.8.2 Kaedah Pengumpulan Data

Terdapat beberapa prosedur yang dilakukan bagi mendapatkan hasil dapatan yang baik antaranya ialah kajian rintis dan pembinaan rappo.

#### i. Kajian Rintis

Kajian rintis adalah penting kepada seorang penyelidik untuk menguji idea-idea dan membolehkannya mendapatkan maklumat awal. Ianya membolehkan seorang penyelidik mengkaji dan mengesahkan beberapa aspek konseptual yang terlibat dalam penyelidikannya<sup>95</sup>. Dalam penyelidikan ini, kajian rintis telah dijalankan melalui proses pengesahan instrumen kajian (validation). Dalam hal ini set soalan temu bual telah diedarkan kepada tiga orang ahli akademik dan pakar dalam bidang ini iaitu Prof Datin Dr Azizan Baharudin (Pengarah IKIM, Malaysia), Prof Madya Dr Abdul Halim Ramli (Pensyarah UITM, Negeri Sembilan) dan Prof Madya Dr Haslina Ibrahim (Pensyarah UIAM). Data-data dari kajian rintis ini dilakukan untuk mengesan perkara yang harus diberi perhatian semasa temu bual.

---

<sup>94</sup> Al-Fārūqī, I. R, "Meta Religion : Towards A critical world Theology" , *American Journal of Islamic Social Science*, 3 (1) (1986),13-57.

<sup>95</sup>Patton, M.Q. *Qualitative Evaluation and Research Methods*,( Sage, Newbury Park,1990).

ii. Pembinaan Rappo

Dalam kajian kualitatif, rappo antara penyelidik dan informan adalah perlu untuk mengurangkan kebimbangan dan pembinaan kepercayaan khususnya dalam temu bual. Rappo memudahkan penyelidik mendapatkan maklumat yang secukupnya untuk kajian di mana rappo yang terbina membolehkan informan memberikan pelbagai maklumat dalam keadaan yang biasa dan rasa selamat tanpa dipengaruhi oleh kehadiran penyelidik. Dalam kajian ini, rappo antara penyelidik dan informan dilakukan melalui sesi perbincangan dan seminar yang telah dihadiri secara bersama sebelum temu bual di adakan. Selain itu, rappo juga terhasil melalui jaminan kerahsiaan yang dilakukan secara lisan antara pengkaji dan informan. Maka, dalam kajian ini, lampiran transkrip penuh tidak akan dilampirkan dan semua nama bagi informan akan dirahsiakan

Menurut al Fārūqī, bagi memahami sesuatu perkara di dalam sebuah kepercayaan, kaedah fenomenologi digunakan dengan melibatkan tiga proses utama yang mempunyai peraturan syarat tersendiri. Tiga proses ini adalah proses pelaporan data, proses penyusunan data dan proses penilaian data seperti yang dijelaskan dalam jadual di bawah<sup>96</sup>.

**Jadual 1.3: Proses Pelaporan Data menurut al Fārūqī**

<b>Proses</b>	<b>Pelaporan data</b>
Tujuan	Menjelaskan pengkaji makna sebenar sesuatu data bagi melihat sesuatu agama merangkumi seluruh aspek dan komponen dalam agama.
Syarat	Pengkaji perlu turun kelapangan berjumpa sumber Pengkaji perlu mengetepikan tanggapan dan kepercayaan dalam diri semasa pengumpulan data.
Kaedah	Mengumpul data dari pelbagai sumber dan aspek.
Sumber	Manusia/individu (Pakar agama, penganut Agama/ Individu yang terlibat dalam agama waktu dan kawasan yang dikaji) Nilai-nilai dalam agama (sumber kitab suci) Simbol, Kebudayaan, Percakapan Sumber persejarahan

<sup>96</sup> Penjelasan lanjut jadual proses fenomenologi agama Al-Fārūqī akan dijelaskan dalam bab 2

**Sumber: al-Fārūqī**

Pandangan al-Fārūqī ini juga dilihat selaras di dalam panduan kajian penyelidikan seperti yang ditulis Silverman dan Creswell. Menurut Silverman<sup>97</sup>, pemilihan sampel bertujuan sesuai digunakan supaya dapat memberikan maklumat kajian. Creswell pula secara umumnya menjelaskan proses pengumpulan dan analisis data fenomenologi yang digunakan dapat digambarkan seperti dalam jadual di bawah.

**Jadual 1.4: Perbandingan Proses Pengumpulan Data berdasarkan Reka bentuk Kajian**

<b>Data Collection Activity</b>	<b>Phenomenology</b>
<b>What is traditionally study (site/individu)</b>	Multiple individuals who have experienced the phenomenon.
<b>What are Typical access and rapport issue? (access or report)</b>	Finding people who have experienced the phenomenon.
<b>How does one select sites or individuals to study? (purposeful sampling strategies)</b>	Finding individuals who have experienced the phenomenon, a criterion sample
<b>What type of information typically is collected (forms of data)</b>	Interview with up to 10 people.
<b>How is information recorded? (recording information)</b>	Long Interview Protocol
<b>What are common data collection issue?</b>	Bracketing one's experience, logistic of interviewing.
<b>How is information typically stored? (storing data)</b>	Transcription, computer files

**Sumber: Creswell<sup>98</sup>**

Dalam konteks pembinaan makna data, kajian pula merumuskan pendekatan al-Fārūqī seperti dalam jadual di bawah.

<sup>97</sup> Silverman.D., *Doing Qualitative Research: A Practical Handbook*, (London : SAGE Publication,2005): 172-173.

<sup>98</sup> Creswell, John W, *Qualitative Inquiry And Research Design: Choosing AmongFive Traditions.*( Thousand Oaks, CA: Sage.1998), 112-113.



**Jadual 1.5: Proses pembinaan makna data menurut al-Fārūqī**

<b>Proses</b>	<b>Pembinaan makna data secara menyeluruh.</b>
Tujuan	Menjelaskan kepada pengkaji makna keseluruhan dari data yang diambil. Membebaskan data dari prejudis sejarah. Dalam proses penilaian ini, ketepatan, hubungan dan perkaitan hasil kajian dinilai melalui persoalan yang boleh mengesahkan ketepatan responden.
Huraian	undang-undang logik diperlukan selaras dengan keperluan perbincangan mahupun kepentingan dalam kajian. pengkaji tidak dibenarkan membuat perbandingan hanya untuk mendapat kepuasan hati pengkaji sahaja. objek perbandingan telah difahami sebaik mungkin dan kepentingan mereka (penganut dan ahli perbandingan) juga difahami terlebih dahulu. Pengkaji harus membezakan kesilapan perbandingan atau kesilapan persefahaman sesuatu yang dibandingkan. setiap perkara yang dibandingkan mestilah mendatangkan kebaikan sebagai hasil.
<b>Kaedah</b>	<b>Huraian</b>
Penilaian secara fitrah. menghantar hasil dapatan sejarah agama-agama untuk diuji bagi menentukan sama ada manusia dalam kajian ini menerima atau bersetuju dengan hasil kajian yang telah dibuat oleh ahli-ahli perbandingan agama.	Data tersebut bukanlah dari kelompok jawapan yang minoriti dan ia perlu dipersetujui oleh setiap responden tanpa pengecualian. Pengkaji juga boleh menimbang jawapan yang diperolehi daripada kumpulan majoriti yang terdiri dari agamawan atau ketua-ketua agama. Jawapan dari kumpulan majoriti ini boleh dijadikan ukuran mengenai ketepatan hasil kajian yang telah diperolehi Namun kejayaan ini amat sukar untuk dicapai dalam mana-mana sejarah agama kerana terdapat kesukaran untuk memujuk kelompok ini untuk membuat penilaian .
pengakuan oleh penganut agama perlu melalui beberapa ujian kelayakan kerana mungkin terdapat penganut agama-agama yang telah salah faham atau menukar nilai agama mereka sendiri.	penghakiman terhadap pendapat mereka tidak boleh diperiksa kecuali dengan melihat tradisi asas dalam agama seperti yang dicatatkan dalam kesusasteraan. Dialog juga dapat dijalankan yang mana penganut agama dan ahli perbandingan agam sama –sama bersedia menunjukkan kesediaan untuk mendengar, disangkal dan menimbang semula suatu hasil kajian.

**Sumber: al-Fārūqī**

Kajian mendapati bahawa pendekatan al-Fārūqī ini melibatkan pembentukan data secara induktif dan deduktif. Terdapat dua perbezaan utama dalam pembentukan data iaitu secara Induktif dan secara deduktif seperti yang dijelaskan dalam jadual di bawah:

**Jadual 1.6: Perbandingan Pendekatan Pembentukan Data Induktif-Deduktif**

Deductive Process for research	Inductive Process for research
<p>The Researcher test a theory</p> <p style="text-align: center;">↓</p> <p>Hypotheses or research questions are derived from the theory</p> <p style="text-align: center;">↓</p> <p>Concepts and variables are operationalized</p> <p style="text-align: center;">↓</p> <p>An Instrument is used to measure the variables in the theory</p> <p style="text-align: center;">↓</p> <p>Verification of Hypothesis</p>	<p>The Researcher gathers information and data.</p> <p style="text-align: center;">↓</p> <p>Questions are asked about the phenomenon.</p> <p style="text-align: center;">↓</p> <p>The Data is classified and placed into categories.</p> <p style="text-align: center;">↓</p> <p>Patterns are looked for in the data and potential theories and hypotheses.</p> <p style="text-align: center;">↓</p> <p>Theories are tested and developed and patterns compared with other pattern and theories.</p>

**Sumber: Hart<sup>99</sup>**

Berdasarkan perbandingan dalam jadual di atas, sebagai sebuah kajian fenomenologi yang berasaskan falsafah *social constructionism*, yang mana memberi sumbangan ilmu (epistemologi) melalui penjelasan terhadap sesuatu fenomena, bersifat *Idealism* dari sudut antologi dan merupakan satu kajian yang bersifat bias dalam pentafsiran (*value laden*) kepada pengkaji, maka semestinya komponen-komponen ini disampaikan dalam bentuk penerokaan (*exploratory*). Ini kerana, pembentukan data

<sup>99</sup> Hart, C, Doing a literature Review-Releasing the Social Science Research Imagination.(London: SAGE Publication,1998).

secara induktif dan penilaian data bagi membentuk konsep dan teori secara semula jadi memerlukan tugas penerokaan oleh pengkaji ke atas data yang diperolehi. Walau bagaimanapun dalam sebahagian tempat khususnya dari data tinjauan literatur, kajian ini turut bersifat penjelasan (*explanatory*) berdasarkan sorotan literatur yang dilakukan.

**i. Pensampelan: *Purposive Sampling***

Seperti yang dijelaskan dalam jadual pengumpulan data al Fārūqī di atas, kajian sesuatu fenomena mestilah dilakukan kepada golongan yang mempunyai kepakaran dan mempunyai pengalaman langsung dengan fenomena di kaji. Ini kerana mereka dapat memberi gambaran yang lebih jelas dan menepati realiti fenomena tersebut. Maka ini menjelaskan bahawa pensampelan yang dipilih mestilah bertujuan untuk mendapatkan penjelasan fenomena tersebut.

Hal ini turut ditegaskan dalam penulisan kajian metodologi kajian yang lain. Sebagai contoh, Creswell<sup>100</sup> menekankan bahawa dalam reka bentuk kajian fenomenologi khususnya responden yang memberi data kajian mestilah dari mereka yang mengalami fenomena itu sendiri. Maka kajian ini menggunakan teknik pensampelan bertujuan dalam mengenal pasti sumber data. Silverman<sup>101</sup> pula menjelaskan bahawa sebagai satu kajian kualitatif yang berteraskan falsafah kajian *social constructionism*, maka matlamat utama kajian adalah menjelaskan sesuatu konsep atau fenomena di sebalik perkara, bukan menguji kebenaran sesuatu perkara merujuk kepada teori. Maka bagi memberi penjelasan ini, maka sampel yang dipilih mestilah dipilih daripada individu yang dapat memberi dapatan yang lebih jelas terhadap fenomena atau konsep yang dikaji. Maka individu yang dipilih adalah mengikuti tujuan kajian dan ia dinamakan sebagai pensampelan bertujuan (*purposive sampling*).

---

<sup>100</sup> Creswell (1998).

<sup>101</sup> Silverman, D (2005)..

Bagi memahami konsep dan pendekatan al-Fārūqī, seramai empat orang wakil dari kenalan dan penyelidik yang membuat kajian berkaitan Ismail al-Fārūqī telah ditemui dalam kajian ini. Selain itu, kajian juga diperolehi dari hasil temu bual bersama rakan dan pengkaji pemikiran Al-Fārūqī seperti Prof Madya Dr Abdul Halim Ramli yang telah melakukan kajian biografi al-Fārūqī di dalam penulisan sarjana<sup>102</sup>, Dr Mohd Manuty pelajar Al-Fārūqī, Professor Dr Abdul Hamyd Abu Sulayman, Dr Ataullah Siddique pengulas buku tulisan Al-Fārūqī yang bertajuk *Islam and Other Faith* dan Prof Madya Dr Haslina Ibrahim yang telah melakukan kajian berkaitan Al-Fārūqī di dalam penulisan Doktor Falsafah.

Bagi mendapatkan kefahaman terhadap hubungan toleransi agama Muslim dan Kristian Malaysia secara khusus daripada wakil pemimpin agama sendiri (hal ini bertujuan menjawab objektif kajian 2,3 dan 4). Maka dalam kajian ini, wakil pemimpin agama dilihat antara sumber utama yang mengajar, mengetahui dan menjadi tempat rujukan bagi memahami keperluan dan batasan dalam toleransi agama menurut agama masing-masing. Wakil pemimpin agama Islam yang dipilih adalah di kalangan mufti. Ini kerana ketua agama Malaysia iaitu Yang Dipertuan Agong telah pun melantik mufti bagi membantu Sultan dalam urusan agama Islam di setiap negeri. Bagi kajian ini, informan kajian Muslim<sup>103</sup> terdiri dari wakil pemimpin agama Majlis Fatwa Kebangsaan (Muslim 1, M1), Pulau Pinang (Muslim 2-M2), Sabah (Muslim 3-M3), Melaka (Muslim 4-M4),

---

<sup>102</sup> Prof Madya Dr Abdul Halim ( Temu bual pada 10 Januari 2014 di UITM Kuala Pilah), Dr Mohd Manuty pelajar Al-Fārūqī ( Temu bual pada 4 Februari 2014 di UITM Shah Alam), Professor Dr Abdul Hamyd Abu Sulayman rakan al-Fārūqī di IIIT Herndon Virginia (Temu bual pada 4 April 2014, di IIUM Malaysia), Dr Ataullah Siddique pengulas buku tulisan Al-Fārūqī yang bertajuk *Islam and Other Faith* (Temu bual pada 26 Jun 2014 di Institut Islam Hadhari, UKM Malaysia), Prof Madya Dr Haslina Ibrahim yang telah melakukan kajian berkaitan Al-Fārūqī di dalam penulisan Doktor Falsafah (Temu bual pada 2 Januari 2015, di IIUM Malaysia).

<sup>103</sup> Informan Muslim, Majlis Fatwa Kebangsaan (Muslim 1, M1) (temu bual pada 9 Januari 2014 di USIM, Wakil pemimpin agama Pulau Pinang (Muslim 2-M2) (Temu bual pada di Pejabat Mufti Pulau Pinang, wakil pemimpin agama Sabah (Muslim 3-M3) (temu bual pada 19 Mac 2014 di Pejabat Mufti Sabah., wakil pemimpin agama Islam Melaka (Muslim 4-M4) (temu bual pada 11 April 2014 di pejabat mufti melaka), Selangor (Muslim 5-M5) (temu bual melalui email dan wakil Institut Kefahaman Islam Malaysia Muslim 6-M6) (Temu bual pada 7 Februari 2014).

Selangor (Muslim 5-M5) dan wakil pemimpin agensi IKIM (Muslim 6-M6). Manakala dalam konteks Kristian, wakil pemimpin agama Kristian<sup>104</sup> dipilih mengikut cadangan dari Christian Federation Malaysia (Kristian 1,K1). Bagi Kristian Katolik, responden kajian dipilih dari ahli Jawatankuasa Tertinggi Gereja Katolik (Kristian 2-K2), manakala bagi Protestan, kajian merujuk kepada seminari teologi di semenanjung Malaysia yang mewakili paderi dari pelbagai denominasi seperti Lutheran (Kristian 5-K5), Methodist (Kristian 3-K3) manakala bagi Sabah (Kritsian 4-K4), kajian merujuk kepada paderi yang berkhidmat di dalam denominasi Sidang Injil Borneo. Bilangan responden ditentukan secara ketepuan data kerana kajian ini merupakan satu kajian kualitatif yang mengukur ketepuan data sebagai penanda aras data yang baik. Ketepuan data menurut Creswell<sup>105</sup> ia dengan melihat terjawabnya persoalan kajian yang diberikan sehingga berlakunya pengulangan yang sama dari data informan.

## ii. Instrumen Pengumpulan Data

Secara umumnya, data kajian ini diperolehi dari dua sumber iaitu sumber utama (*primary sources*) daripada teknik temu bual secara mendalam (*in-depth interview*) dan sumber kedua (*secondary sources*) daripada teknik kajian tinjauan dokumentasi (*document review*).

- Temu bual Mendalam (*In-Depth Interview*) sebagai sumber utama (*Primary Sources*).  
Kaedah temu bual merupakan satu kaedah utama yang digunakan dalam melaksanakan satu kajian bersifat kualitatif. Patton<sup>106</sup> (1980) menyatakan terdapat tiga jenis teknik temu bual iaitu temu bual formal, temu bual tidak formal dan temu bual terbuka. Manakala

---

<sup>104</sup> Christian Federation Malaysia (Kristian 1,K1)(temu bual pada 11 february 2014),. Bagi Kristian Katolik, responden kajian dipilih dari ahli Jawatankuasa Tertinggi Gereja Katolik (Kristian 2-K2 9Temubual pada 20 Februari 2014di Kuala Lumpur), manakala bagi Protestan, kajian merujuk kepada seminari teologi di semenanjung Malaysia yang mewakili paderi dari pelbagai denominasi seperti Lutheran (Kristian 5-K5)((Temubual pada 5 Mei 2015 di negeri Sembilan) , Methodist (Kristian 3-K3 tembual pada 19 Februari 2014 di Negeri Sembilan) manakala bagi Sabah (Kritsian 4-K4 tembual pada 18 Mac 2014 di Sabah).

<sup>105</sup> Creswell,(1998)

<sup>106</sup> Patton,Ibid.

Merriem<sup>107</sup> pula menamakan tiga teknik ini sebagai temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan temu bual separa berstruktur sebagai asas kepada proses temu bual secara mendalam (*in depth interview*). Ini kerana, menurut Merriem, penggunaan temu bual ini bersifat lebih fleksibel dan ini membenarkan informan menghuraikan apa yang difikirkannya kepada penyelidik khususnya dalam soalan bagi mendapatkan maklumat toleransi di Malaysia.

Dalam kajian ini, setiap sesi temu bual secara mendalam (*in-depth interview*) telah mengambil masa selama 1 jam sehingga 1 jam 30 minit bagi tiap seorang. Setiap informan yang terlibat dalam kajian ini diberi taklimat ringkas berkaitan kajian yang dilakukan di awal sesi temu bual. Mereka juga diberi jaminan bahawa nama mereka tidak akan dinyatakan semasa laporan kajian dikemukakan. Penyelidikan bertujuan untuk memberi maklumat yang berkualiti kepada pihak tertentu bagi menyatakan keperluan terhadap panduan toleransi agama di Malaysia. Informan juga diberi penghargaan terhadap kesediaan memberi maklumat dan sumbangan mereka dalam penyelidikan. Temu bual dijalankan kepada dua kumpulan iaitu Temu bual bersama rakan dan penyelidik Ismail Al-Fārūqī dan Temu bual bersama wakil pakar Agama- Agama.

- **Kajian Kepustakaan**

Kajian Kepustakaan dilakukan ke atas bahan-bahan penerbitan sama ada jurnal, buku-buku, karya dan sumber-sumber elektronik terutamanya dalam mencari data tiga perkara utama iaitu dokumen berkaitan dengan Ismail al Fārūqī, dokumen berkaitan teks agama Islam dan Kristian, dan dokumen berkaitan toleransi agama di kalangan penganut di Malaysia.

---

<sup>107</sup> Merriem, S.B, *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. (San Francisco: Jossey Bass, 1998).

a. Dokumen berkaitan pendekatan al-Fārūqī .

Kajian analisis dokumen dilakukan terutama dalam kajian terhadap tokoh iaitu dalam menganalisis dan mengenal pasti pendekatan Ismail al-Fārūqī dalam menghadapi kepelbagaian agama. Antara dokumen utama yang dilihat adalah seperti Al-Fārūqī, I.R (1967). *Christian Ethics: A Systematic and Historical Analysis of Its Dominant Ideas*. Montreal: McGill University Press, Al-Fārūqī, I.R.(1986). *Meta Religion: Towards A Critical Worlds Theology*. *American Journal of Islamic Social Sciences*. 3 (1): 13-58., Al-Fārūqī, I.R.(1991). *Triologue of the Abrahamic Faith*. 1991. Virginia: International Institute of Islamic Thought, Al-Fārūqī, I.R. (1992). *Al-Tauhid: Its Implication for Thought and Life*. USA: International Institute of Islamic Thought dan Al-Fārūqī, I.R. (1998). *Islam and other Faiths*. Ataulloh Siddiqui (pnyt). Leicester: The Islamic Foundation.

b. Dokumen Laporan Kajian Toleransi Sosio Agama

Kajian ini memberi fokus kepada dokumen utama iaitu Laporan Penyelidikan Toleransi Sosio-Agama Di Semenanjung Malaysia yang Yang Dijayakan Oleh Barisan Penyelidik Iaitu Pm Dr Ahmad Tarmizi Talib (Ketua Penyelidik) , Dr Sarjit Singh Darshan Singh, Prof Jayum A. Jawan, Prof Dr Zaid Ahmad, Dr Ismi Arif Ismail, Mohd Roslan Rosnon Dan Nur Ayuni Mohd Isa. Laporan Ini Merupakan Hasil Penyelidikan Dari Dana Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Dan Universiti Putra Malaysia Yang Telah Disempurnakan Pada Tahun 2012. Laporan dokumen ini merangkumi populasi kajian yang disasarkan kepada seluruh masyarakat di negeri Semenanjung Malaysia. Seramai 743 orang responden telah diambil untuk melengkapkan kajian .Pemilihan responden adalah diambil secara rawak daripada pelbagai kaum yang menetap Malaysia seperti Melayu, Cina, India, Orang Asli serta kaum bumiputera lain. Pemilihan secara rawak juga dilakukan terhadap responden yang menganut bagai agama seperti Islam, Buddha, Kristian, Hindu, Sikh, Taoism dan sebagainya. Pilihan responden di set-tiap negeri

Semenanjung Malaysia juga tidak terbatas pada penduduk di kawasan bandar sahaja. Sejumlah responden dari kawasan luar bandar termasuk masyarakat yang tinggal di kawasan pinggir bandar dan juga di kampung turut dipilih untuk melengkapkan kajian ini. Tumpuan diberikan ke atas responden yang tinggal di kawasan penempatan yang terdiri daripada penduduk berbilang bangsa dan agama. Namun begitu, pemilihan responden adalah terbatas kepada penduduk yang paling hampir dengan kawasan penempatan kaum lain. Kaedah persampelan dalam kajian ini adalah menggunakan teknik pemilihan secara rawak dan teknik 'snowball'<sup>108</sup>. Laporan Ini Merupakan Bahan Tidak Terbit. Rujukan kepada laporan ini adalah di bawah cadangan wakil JPNIN dan mendapat keizinan penggunaan khusus bagi tesis ini daripada ketua penyelidik kajian iaitu Prof Madya Ahmad Tarmizi Talib,

### **1.8.3 Kaedah Analisis Data**

Proses yang penyusunan data dan penilaian data kajian ini dilakukan berpandukan kepada panduan penilaian al-Fārūqī namun dilaksanakan dalam bentuk analisis kandungan. Al-Fārūqī menjelaskan bahawa dapatan data tersebut perlu ditafsir dengan baik merangkumi makna di sebalik data bagi mengenal pasti fenomena. Data tersebut bukan sahaja hanya dilapor perbezaan dan persamaan namun perlu diberi penilaian. Kajian merujuk kepada jadual prinsip pentafsiran data dan jadual penilaian data agama yang digunakan oleh al-Fārūqī seperti yang dijelaskan di bawah.

---

<sup>108</sup> Semua responden dalam kajian laporan toleransi sosio budaya, adalah terdiri daripada penduduk di seluruh negeri Semenanjung. Semua responden adalah terdiri daripada penduduk di seluruh negeri Semenanjung Malaysia meliputi sebanyak 12 buah negeri iaitu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Negeri Selangor mencatatkan jumlah responden tertinggi iaitu sebanyak 24.13% peratus diikuti Perak sebanyak 14.13 % dan Johor sebanyak 12.4 %. Manakala, peratusan responden dari negeri lain pula ialah kurang daripada 10 % iaitu Kuala Lumpur sebanyak 8.8%, Kelantan 8.13%, Pahang 6.53%, Terengganu 5.33%, Pulau Pinang 4.67% dan kedah 4.27%, Melaka (4.13%) dan Perlis sebanyak 4%. Responden berbangsa Melayu mendominasi jumlah keseluruhan populasi kajian iaitu sebanyak 60.16 % dan diikuti oleh bangsa Cina 21.14%, India 9.08% dan bangsa-bangsa lain sebanyak 1.9 %. Selain itu, terdapat juga responden yang Melanau 1.63% dan Orang Asli sebanyak 1.63%. Kedudukan responden yang demikian rupa menggambarkan populasi keseluruhan penduduk semenanjung Malaysia berasaskan pada taburan kumpulan etnik.



**Jadual 1.7: Proses Pentafsiran Data menurut al Fārūqī**

<b>Proses</b>	<b>Pentafsiran Data</b>	
<b>Syarat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melihat data dalam konteks sejarah sendiri</li> <li>Melihat faktor pembentukan data dari tindak balas manusia sendiri seperti emosi, perasaan, penerimaan dan seumpamanya secara menyeluruh.</li> <li>Membuang tanggapan kepercayaan pengkaji dari data yang dikumpul.</li> <li>• Makna data dari sejarah</li> <li>• Makna data dari konteks semasa</li> <li>• Persamaan dan perbezaan keduanya.</li> </ul>	
<b>Kaedah</b>	<b>Tujuan</b>	<b>Syarat</b>
<b>Mengklasifikasikan data.</b> Data –data yang di dapati dari proses pertama ia perlu diklasifikasikan mengikut keperluan susunan dan aturan pengkaji moden	mengenal pasti pertalian idea-idea tersebut.  membenarkan pengkaji moden untuk menyedari dengan mudah keseluruhan idea dan perkara di dalam setiap agama atau aspek agama.	Pengkaji perlu memahami semua terma dalam agama itu sendiri terlebih dahulu.  Menganalisis data dalam konteks keselarasan semasa
<b>ii. Mencari hubungan setiap data</b> Mencari hubungan data dengan sejarah agama yang dikaji merangkumi, asal usul , perkembangan , penyelewengan, kejatuhan salah dahama, faktor emosi terhadap data-data yang dikaji.	mengenal pasti ketepatan fakta dalam sejarah	Setiap individu dalam pembangunan teori ini mestilah memberi kesan sama da menyokong atau menentang fakta sejarah. Melihat data dalam konteks sejarah sendiri
<b>iii. Memahami makna data</b> Data- data agama yang telah diklasifikasikan dan disusun perlu dianalisis untuk melihat makna di sebaliknya dan makna ini harus difahami satu persatu	menegaskan bahawa perkaitan antara data-data ini disebabkan makna data-data itu sendiri bukan disebabkan oleh fakta sejarah yang telah ada.	melihat makna data dahulu dan melihat dari pada sejarah  Melihat faktor pembentukan data dari tindak balas manusia sendiri seperti emosi, perasaan, penerimaan dan seumpamanya secara menyeluruh.
<b>Iv. Membandingkan data agama. 5 prinsip utama:</b>  melihat perkaitan antara agama secara dalaman	mencari prinsip-prinsip tertinggi (Higher Principal) yang selaras.	membandingkan data sejarah dan semasa (faktr kemanusiaan, dan realiti).

<p>(mencari perkara-perkara yang tidak bercanggah antara agama).</p> <p>mencari perkaitan secara luaran ( mencari doktrin-doktrin dalam agama yang dikaji yang boleh diterima rasional sahaja).</p> <p>melihat keselarasan antara wahyu dan pengalaman keagamaan manusia (ia boleh diperolehi dari hasil dari persamaan yang diperolehi).</p> <p>Melihat perkaitan antara agama dan realiti.</p> <p>mencapai matlamat yang benar (prinsip ini mencari satu istilah yang boleh diterima oleh semua agama bagi menjelaskan kebenaran yang telah diperolehi).</p>	<p>merupakan satu usaha untuk membentuk panduan dan asas dalam melakukan perbandingan antara pelbagai sistem sama ada sistem agama , budaya, reka bentuk dan akhlak</p>	<p>Mencari persamaan dan perbezaan serta penambahbaikan.</p>
--	---	--

**Sumber Jadual: Al-Fārūqī**

Kajian mendapati bahawa penjelasan yang hampir sama dijelaskan dalam konteks pentafsiran data kualitatif yang disebut oleh Creswell. Menurut Creswell<sup>109</sup>, bagi mentafsirkan data-data ini maka, pengkaji haruslah membina tema-tema secara teks dengan berdasarkan soalan “ Apa yang telah berlaku ( *What happened* ) , kemudian diikuti penjelasan yang lebih mendalam dengan membina penjelasan yang lebih berstruktur bagi menjawab persoalan “ Bagaimana fenomena itu dirasai”( *How the phenomenon are experienced*), kemudian membina tema yang lebih besar melalui hakikat di sebalik pengalaman tersebut. Kemudian tema-tema yang terbentuk dari hakikat sesuatu fenomena tersebut menjadi dapatan yang perlu dijelaskan dalam kajian. Setelah data telah disusun

<sup>109</sup> Creswell, Ibid.

dan di tafsir maka data-data tersebut akan di nilai melalui prinsip meta agama yang dicadangkan oleh al-Fārūqī seperti di dalam jadual di bawah<sup>110</sup>.

**Jadual 1.8: Proses Penilaian data menurut al Fārūqī**

<b>Proses</b>	<b>Penilaian data melalui Prinsip Meta Religion</b>
Tujuan	prinsip meta religion ini dibentuk berdasarkan dua tugas utama iaitu: memeriksa perbezaan yang wujud di peringkat permukaan (surface) agama-agama . memeriksa persamaan yang wujud dalam inti sari(essence) agama-agama . Mengesahkan kebenaran agama.
Syarat	Prinsip-prinsip dalam meta agama ini adalah nilai-nilai yang menjadi asas dalam semua agama dan bangsa
Kaedah	Huraian
<b>Kejadian terdiri dua Alam: <i>Ideal</i> dan sebenar.</b>  Terdapat dua bentuk kejadian iaitu kejadian dalam bentuk <i>Ideal</i> dan sebenar ( <i>actual</i> ). Kedua-duanya adalah kejadian yang berbeza. Prinsip ini bertujuan untuk menjelaskan kewujudan Tuhan. Kewujudan Tuhan tidak dapat dilihat secara kejadian <i>actual</i> (sebenar),namun ia tidak boleh dinafikan.	Oleh itu, tidak ada di antara kejadian yang <i>Ideal</i> dan sebenar berlaku dalam satu masa yang sama, Jika terjadi maka fakta ini adalah palsu dan membuktikan wujudnya percanggahan dengan prinsip ini. Fakta yang tidak boleh dinafikan di sini adalah kejadian <i>Ideal</i> dan sebenar merupakan dua kejadian yang berbeza .
<b>Kejadian <i>Ideal</i> Relevan kepada Makhluk sebenar.</b> Dalam pengertian ini, kejadian <i>Ideal</i> adalah punca wujudnya kejadian sebenar malah sesuatu kejadian yang telah wujud tidak akan ada tanpa adanya kejadian di peringkat idea.	Melalui hubungan ini, kedua-dua <i>Ideal</i> dan sebenar adalah relevan.
<b>Kaitan <i>Ideal</i> kepada sebenar adalah perintah.</b> Tuhan mempunyai kaitan dengan diriNya sebenar melalui arahan yang diturunkan melalui wahyu dan kitab. Oleh itu melalui ini ayat-ayat, makhluk sebenar datang untuk mengenali Dia.Kejadian <i>Ideal</i>	perintah Tuhan adalah perlu di dunia, jika tidak dunia itu akan tidak wujud. Ini adalah kerana dunia adalah ciptaan Tuhan. Setiap makhluk akan pergi melalui undang-undang semula jadi(berikutan arahan Tuhan). Manusia dilahirkan mengikut arahan Tuhan kepada arahan tetapi mereka

<sup>110</sup> Justifikasi pemilihan pendekatan fenomenologi menurut al-Fārūqī dijelaskan dalam bab 3.

menjadi penilai kepada kejadian sebenar.	mempunyai pilihan, sama ada untuk taat atau tidak. Manusia mempunyai hak untuk memilih. Sebaliknya, manusia tahu tentang akibat (melanggar arahan) namun dia masih memilih. Oleh itu, apa yang manusia telah dilakukan, ia akan diberi ganjaran atau dihukum.
<b>Makhluk sebenar adalah baik</b> Dunia adalah baik.	Dunia adalah satu kesempurnaan yang boleh diperbaiki. Kesempurnaan adalah prinsip yang berkaitan dengan moral, maka usaha untuk kesempurnaan ini adalah moral.
<b>Makhluk sebenar adalah mudah dibentuk.</b> kesedaran nilai amat penting.	Arahan Tuhan boleh dipatuhi dan tidak ada keperluan yang luar biasa untuk menjadi baik melainkan untuk menjadi orang yang bermoral.
<b>Kesempurnaan daripada Cosmos adalah Tanggungjawab Manusia</b>	Hanya manusia yang terdedah kepada arahan Tuhan. Ini kerana arahan Tuhan diarahkan kepada mereka. Dengan sebab itu, manusia adalah tertakluk untuk melibatkan diri dalam kosmos dan menukar dirinya kepada kedudukan yang lebih baik Manusia tidak boleh hanya meletakkan diri pasrah dan menunggu tetapi manusia mesti mengambil cabaran untuk mengubah dunia dan menjadikan ia satu tempat yang lebih baik untuk hidup.

**Sumber: al-Fārūqī**

Berdasarkan jadual di atas, prinsip penilaian ini bertujuan untuk menjelaskan persamaan dan perbezaan data agama yang dikaji dengan tujuan dan ajaran agama fitrah yang diturunkan kepada Manusia. Ringkasnya, jika terdapat percanggahan sesebuah agama itu boleh dilihat ada kecenderungan terpengaruh dengan pengubahsuaian dan dalam kajian ini, perbezaan pandangan ini menjadi titik limitasi dalam pengesahan kebenaran agama yang dikaji dan sikap hormat perlu dilaksanakan Hal ini akan dibincangkan dalam bab 5.

Pembinaan kod , kategori dan tema perlu dilakukan bagi melihat makna dan perkaitan data antara tema . Justeru kajian mendapati, bahawa proses analisis kandungan ini secara tidak langsung akan melibatkan analisis perbandingan dan hal ini melibatkan dua bentuk perbandingan iaitu secara semantik dan tematik. Bagi kajian ini, pengkaji

mengkhususkan analisis kandungan digunakan secara perbandingan semantik dan tematik.

- **Analisis Perbandingan: Semantik**

Perkataan semantik berasal dari bahasa Yunani dalam perkataan (*semantics*) atau istilah “semantik” yang bermaksud penting atau bermakna “having meaning”. Ada yang menyebut sebagai “science of meaning”. Ia bersifat adjektif. “bermakna” ini membawa maksud nama yang difahami atau diinterpretasikan sebagai peristiwa yang dikehendaki<sup>111</sup>. Menurut Rohaiza Rapiyee<sup>112</sup>, analisis semantik boleh dilakukan dalam beberapa keadaan iaitu secara imej( memberi makna semantik kepada sesuatu perkataan melalui gambaran didalam minda), *behaviorism* (memberi makna semantik sesuatu perkataan melalui perlakuan), analisis secara simbol (lambang), analisis komponen iaitu memberi makna sesuatu perkataan dengan menghuraikan perkataan yang mempunyai hubungan makna antara satu dengan yang lain. Dikenali sebagai struktur leksikal. Makna bagi sesuatu perkataan bukan dianalisis sebagai satu unit, tetapi secara terperinci sebagai satu komponen. Digunakan untuk menentukan istilah berdasarkan hubungan sesuatu perkataan atau ujaran. Turut menghuraikan makna perkataan dengan memasukkan unsur pertentangan. Analisis semantik ini membantu untuk memilih perkataan yang tepat dalam sesuatu ujaran dan memahami pelbagai kemungkinan makna sesuatu perkataan. Justeru dalam kajian ini analisis semantik komponen digunakan bagi mengenal pasti perkataan dan makna perkataan yang mempunyai makna yang sama dengan istilah toleransi. Perkataan ini akan dianalisis didalam teks kitab-kitab suci agama.

---

<sup>111</sup> Tarigan, H.D, *Pengajaran Semanti*, (Bandung, Angkasa,1985),9.

<sup>112</sup> Rohaiza Rapiyee, *Semantik dalam peristilahan bahasa Melayu*, (Malaysia,2013),5.

- **Analisis Perbandingan: Tematik**

Analisis perbandingan secara tematik ini dilakukan bagi mengenal pasti tema-tema tertentu di sebalik pengalaman fenomena yang di kaji. Analisis tematik bermula dengan membentuk kumpulan-kumpulan data yang didapati daripada bacaan, kajian lapangan, video mahupun temu bual. Kemudian data-data tersebut dijelaskan mengikut pengalaman pengkaji. Seterusnya, data-data tersebut akan diklasifikasikan mengikut sesuatu makna tertentu sama ada secara individu atau berkumpulan<sup>113</sup>. Justeru dalam kajian ini, analisis tematik ini akan dibuat mengikut kerangka teoritikal kajian ini .

- **Analisis data kualitatif melalui Perisian Atlas ti**

Kajian ini memilih untuk menggunakan perisian Atlas Ti bagi melaksanakan proses analisis data semantik dan tematik. Pemilihan perisian Atlas Ti ini disebabkan kelebihan perisian ini yang dapat menghimpunkan pelbagai bentuk sumber data sama adalah secara teks, video, audio dan gambar dalam satu fail bagi menganalisis satu tema yang sama. Malah perisian ini membantu pengkaji dalam menghimpun dan mencari pertalian antara sumber data yang ada dalam proses analisis. Pemilihan perisian adalah bergantung kepada kemahiran penyelidik dengan sesuatu perisian<sup>114</sup>.Pengurusan penggunaan atlas Ti ini dijelaskan dalam lampiran A.

#### **1.8.4. Triangulasi Kajian**

Pengesahan data dilakukan bagi mendapatkan kebolehpercayaan data. Merriem<sup>115</sup>menekankan bahawa kebolehpercayaan data menggambarkan situasi sesuatu dapatan dalam penyelidikan. Pengesahan data juga meningkatkan kredibiliti penemuan

---

<sup>113</sup> Craswell, (1998),148-149.

<sup>114</sup> Menurut Patton terdapat empat faedah utama menggunakan perisian CAQDAS dalam kajian kualitatif iaitu pemprosesan data dapat dianalisis dengan mudah untuk mengkaji persoalan analitis, mengurangkan kesukaran seperti menentukan kekerapan berlakunya sesuatu fenomena, memudahkan penyelidikan berpasukan kerana menggunakan skim pengkodan yang sama dan membantu membuat keputusan ke atas pensampelan dan membantu pembentukan teori. (Patton,(1990), 480).

<sup>115</sup> Merriem, Ibid.

dan sarana yang dihasilkan dalam penyelidikan.. Data kualitatif terdedah kepada data yang banyak dan pelbagai, permasalahan adalah dalam penentuan teknik analisis yang digunakan bagi mengukur *validity* (Keesahan), *reliability* (kebolehpercayaan) tiada satu prosedur yang jelas. Justeru, bagi mengurangkan salah tafsir terhadap data, pengkaji perlu melaksanakan beberapa prosedur, dua atau lebih teknik pengumpulan data dan proses menguji penjelasan data seperti dalam jadual di bawah

**Jadual 1.9: Triangulasi Data Kajian**

<b>Nama</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kaedah yang digunakan</b>
<b>Triangulasi Sumber</b>	Pelbagai sumber	Menggunakan data dari dua sumber: temu bual tinjauan dokumen
	Pelbagai Kumpulan sasaran	Wakil Pemimpin Agama Islam Wakil Pemimpin Agama Kristian
<b>Triangulasi Metodologi</b>	Metodologi Analisis Data	Kandungan Perbandingan }

Sumber: Siti<sup>116</sup>

Berdasarkan jadual di atas, kajian ini menekankan kaedah penilai data bagi kesahan data dengan memberi fokus kepada penilaian yang dicadangkan dalam rangka kerja Ismail al-Fārūqī iaitu melalui pakar agama dan kitab suci. Dalam kajian ini kaedah kesahan data dilihat berlaku dalam dua perkara iaitu:

Pertama: Pengesahan informan yang melibatkan wakil agama Islam dan Kristian itu sendiri.

Kedua: Pengesahan dari cara perolehan sumber iaitu melalui sumber, kitab suci, laporan penganut dan panduan yang disediakan dalam urusan agama-agama di Malaysia. Diharapkan kedua bentuk pengesahan data ini dapat menambah tahap kebolehpercayaan terhadap hasil kajian ini.

<sup>116</sup> Siti Uzairiah Mohd Tobi, *Qualitative Research and Nvivo 10 Expoloration*, (Kuala Lumpur: Aras Publisher, 2014), 42..

## **1.9 Kesimpulan**

Secara keseluruhan, kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan fenomenologi. Penjelasan al Fārūqī , Creswell , Silvermenn dan Taylor dan Bogdan serta Merriem di atas menunjukkan bahawa bahawa fenomenologi merupakan pendekatan yang boleh digunakan untuk mengkaji manusia dan kaitan dengan sesuatu perkara. Sebagai sebuah kajian kualitatif, kesemua objektif kajian menjadi panduan kepada pemilihan metodologi .

University of Malaya



## BAB 2: TOLERANSI AGAMA MENURUT ISMAIL AL FĀRŪQĪ

### 2.1 Pengenalan

Bab ini bertujuan untuk menjelaskan kerangka konsep al-Fārūqī yang dipilih sebagai asas kepada pembinaan pendekatan toleransi dalam hubungan Muslim-Kristian. Berdasarkan penjelasan di atas, kajian mendapati bahawa prinsip menghadapi kepelbagaian agama Al-Fārūqī ini difahami bersama-sama bersama konsep KeEsaan (iaitu Kuasa Allah yang Esa dan panduan dari Nabi dan Rasul), rasional (boleh difahami dan mempunyai justifikasi kebenaran) dan toleransi (sangka baik dan hormat sehingga terbukti ketidakbenaran).

### 2.2 Biografi Ringkas Ismā'īl Rājī Al-Fārūqī

Di awal penulisan bab ini, pengkaji berusaha menjelaskan dan memperkenalkan tokoh Al-Fārūqī secara ringkas bukan secara komprehensif<sup>117</sup>. Dr Ismā'īl Rājī Al-Fārūqī telah dilahirkan di Jaffa, Palestin pada 1 Januari 1921 Masihi. Gelaran *al-Fārūq* diberikan kepada beliau dengan dinisbahkan kepada keturunan Umar al-Khatāb yang dikenali sebagai Al-Fārūqī. Beliau memperoleh pendidikan tinggi di pelbagai universiti seperti Universiti Beirut, Universiti Indiana dan Universiti Harvard. Beliau turut berkhidmat sebagai tenaga akademik di beberapa buah universiti seperti di Institut Of Islamic Studies di McGill Universiti Montreal, di Centre Institute of Islamic Research Karachi, di Institut of Higher Arabic Studies of the League of Arabic States Cairo dan di Syracuse University.

---

<sup>117</sup> Terdapat ramai pengkaji dan sarjana yang telah menulis dan melakukan kajian biografi terhadap Al-Fārūqī. Dalam kajian ini, rujukan biografi Al-Fārūqī, dirujuk kepada empat rujukan utama iaitu tulisan M.Quraishi, John Esposito dan Charles D. Fletcher (dari sumber antarabangsa), manakala dari sumber Malaysia dengan merujuk penulisan Ibrahim Zein, Abdul Halim Ramli, dan prosiding seminar Al-Fārūqī yang dianjurkan oleh International Islamic University Malaysia (IIUM) pada 2012 serta beberapa rujukan lain. Selain itu, kajian juga diperolehi dari hasil temu bual bersama rakan dan pengkaji pemikiran Al-Fārūqī

Beliau juga telah menerima tawaran sebagai profesor pelawat di Universiti Cairo, Universiti al- Azhar dan Universiti Alexandria<sup>118</sup>.

### 2.2.1 Keperibadian dan Keluarga

Keperibadian Al-Fārūqī banyak dipengaruhi dari keadaan persekitaran yang terpaksa dihadapi bermula dari pergolakan yang berlaku di negara kelahiran beliau sendiri iaitu Palestin hingga mendorong beliau berhijrah ke Amerika. Kemudian, perjalanan hidup beliau disusuli dengan kesukaran kewangan yang di hadapi dalam perjuangan bagi melanjutkan pelajaran. Sebagai seorang mahasiswa, peristiwa –peristiwa ini menjadikan Al-Fārūqī seorang yang gigih dan bersemangat tinggi. Rentetan hidup Al-Fārūqī dan kesukaran yang dihadapinya telah diceritakan oleh Quraish<sup>119</sup> yang menyatakan bahawa setelah Al-Fārūqī mendapatkan ijazah M.A, beliau bercita-cita untuk terus melanjutkan pelajaran ke doktor falsafah. Namun halangan utama yang dihadapi oleh Al-Fārūqī pada waktu itu adalah kekurangan sumber kewangan untuk menampung kos pendidikan. Akan tetapi, dengan kesungguhan yang telah sedia ada dalam diri Al-Fārūqī, beliau tetap berusaha untuk meneruskan cita-cita tersebut.

Berbekalkan wang 100 dolar Amerika yang diperoleh hasil dari kerja penterjemahan nya, Al-Fārūqī menjadikan wang tersebut sebagai modal untuk membuka perniagaan bidang pembinaan dan perhiasan kediaman seperti hiasan dan perabot yang diusahakannya sendiri. Hasil dari perniagaannya dikumpul dan setelah memperoleh keuntungan dan wang yang mencukupi, beliau bertekad untuk berhenti berniaga dan meneruskan cita-cita nya dalam bidang kesarjanaan yang lebih diminati.

---

<sup>118</sup> Al-Fārūqī. R. and Sopher, D. E., eds *Historical Atlas of the Religions of the World* . (New York and London: Macmillan, 1974), xi, .231-236.

<sup>119</sup> Quraishi M. Tariq & Ahmad Shah Mohd Noor, *Ismā'īl Al-Fārūqī, Warisa Zaman Yang Abadi*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), 6-7.

Dalam konteks kerjaya, beliau bertugas sebagai seorang pendidik. Keikhlasan dan kesungguhan Al-Fārūqī dalam menyampaikan ilmu pengetahuan terutamanya kepada orang Islam sememangnya diakui ramai. Beliau sangat memberi perhatian dan mengambil berat terhadap kebajikan setiap pelajar khususnya di bawah seliaannya. Quraish mencatatkan bahawa Al-Fārūqī sanggup berkorban apa sahaja demi membantu menyampaikan ilmu kepada umat Islam. Antara perkara yang dibimbangi oleh Al-Fārūqī adalah sikap sambil lewa umat Islam terhadap pencapaian akademik yang cemerlang. Beliau amat kesal terutama kepada pelajar-pelajar pengajian doktor falsafah yang melanjutkan tempoh pengajian ijazah dengan sengaja kerana tidak bersungguh-sungguh dalam pengajian<sup>120</sup>.

Beliau juga seorang yang tegas dalam mempertahankan agama dan ajaran Islam. Bagi Al-Fārūqī kebenaran mesti ditegakkan dan beliau akan menegaskan kebenaran dengan penuh keyakinan. Sifat ini menyebabkan beliau dihormati oleh banyak pihak malah tidak terkecuali dari dikecam oleh sebahagian pihak yang lain. Ketegasan dan kesungguhan Al-Fārūqī mempertahankan Islam turut diakui oleh rakan dan penyelia beliau iaitu John Esposito dan Wilfred Cantwell Smith. Menurut Quraishi, Esposito menyatakan bahawa Al-Fārūqī seorang yang hebat dan bersemangat sehingga menyebabkan ajaran Islam itu hidup dalam setiap kelas yang diajarnya. Malah kesungguhan Al-Fārūqī ini telah mendorong Esposito untuk mendalami Islam. Menurut Esposito lagi, Al-Fārūqī seorang yang bersedia menerima perbezaan pandangan namun beliau tidak takut untuk mempertahankan kebenaran dan menggunakan peluang untuk memberi penjelasan mahupun berhujah mempertahankan apa yang diyakini benar<sup>121</sup>.

---

<sup>120</sup> Quraishi, Ibid (1988), 11. Rujukan lanjut dalam John Esposito, "Ismail Raji Al-Fārūqī", *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World* (Pnyt), Vol 2 (New York: Oxford University Press, 2001).

<sup>121</sup> Quraishi, Ibid, (1988), 49.

Dalam proses pembentukan keluarga, Al-Fārūqī telah berkahwin dengan seorang wanita yang berasal dari Montana dengan nama asalnya bernama Lois Ibsen dan kemudiannya telah memeluk Islam dengan nama Lois Lamyā' Al-Fārūqī. Lamyā' memeluk Islam dengan kerelaannya sendiri dan berkahwin dengan Al-Fārūqī ketika berusia 25 tahun. Lamyā' merupakan seorang ahli akademik. Kerjaya dan semangat akademik Lamyā' ini akhirnya banyak mendorong dan menjadi tulang belakang kepada perjuangan Al-Fārūqī. Ijazah dan sarjana Lamyā' diperolehi dalam bidang Muzik dari Universiti Montana dan seterusnya beliau bertukar bidang pengajian kepada pengajian Islam di Universiti Mc Gill, dan kemudiannya ke universiti Pennsylvania, Universiti Temple dan Universiti Syracuse sehingga memperolehi ijazah doktor falsafah dengan kajian silang bidang merangkumi muzik, seni dan agama. *The Nature of Musical Art of Islamic Culture* merupakan tajuk tesis doktor falsafah yang dihasilkan oleh Lamyā'. Antara sumbangan Lamyā' yang utama ialah menjadi pendidik di beberapa buah universiti di Amerika, Pakistan dan Filipina. Beliau juga aktif dalam berbagai-bagai persatuan seperti Persatuan Sains Sosial Muslim, ahli UNESCO dan ahli lembaga editor Arts in Islamic World London. Beliau sempat menghasilkan hampir 40 buah penulisan dalam bidang seni dan muzik sehingga dilihat sebagai pembangun teori baru muzik dan kesenian Islam. Beliau turut dikenali sebagai feminis Islam yang berpaksikan ajaran al-Quran Hadis dan menentang ajaran feminisme Barat.<sup>122</sup>

Sebagai seorang wanita yang mempunyai sifat rendah diri, beliau sentiasa lebih senang menjauhkan diri dari pemerhatian umum dan berselindung di sebalik kemasyhuran suaminya<sup>123</sup>. Sumbangan Lamyā' dalam perjuangan hidup Al-Fārūqī amat besar dan hal ini disokong oleh Esposito yang menyifatkan Lamyā' sebagai komponen yang penting dalam kehidupan dan kerjaya Al-Fārūqī. Lamyā' bertindak sebagai seorang

---

<sup>122</sup> Islamic Horizon, Ogos/September (1986), 67-68.

<sup>123</sup> Quraishi, (1988), 14.

ibu, suri rumah, penulis, pengajar dan pemegang Ijazah Ph. D namun dalam masa yang sama beliau juga merupakan penasihat dan pembantu Al-Fārūqī dalam pelbagai penyelidikan dan perjuangan<sup>124</sup>.

Kehidupan Al-Fārūqī dan Lamyā' akhirnya diakhiri dengan sebuah tragedi berdarah yang mencatat sejarah dalam perjalanan tokoh pemikir Islam. Pada 27 Mei 1986, Al-Fārūqī yang berusia 65 tahun dan isterinya Lamyā' 60 tahun telah meninggal dunia dengan dibunuh kejam oleh musuh di rumah kediaman mereka sendiri dan jenazah mereka kemudiannya dikebumikan pada hari Jumaat 30 Mei 1986.

### **2.2.2 Sumbangan Kesarjanaan**

Fletcher, telah melakukan satu kajian biografi yang hampir komprehensif terhadap al Faruqi seriat sumbangan al-Fārūqī dalam dialog antara agama. Menurut Fletcher<sup>125</sup>, sumbangan kesarjanaan Al-Fārūqī dapat dilihat melalui tiga fasa kehidupannya iaitu pengalaman hidup di Unites States (1948-1986). Kedua, Kehidupan di kawasan Arab (1954-1968). Ketiga Kehidupan sebagai seorang aktivis Islam dalam perjuangan kajian agama(1968-1986).

#### **i. Fasa kehidupan di Amerika Syarikat (1948-1954).**

Pendidikan awal Al-Fārūqī bermula di Masjid<sup>126</sup> dan selama 10 tahun bermula pada tahun 1926 sehingga 1936 beliau mendapatkan pendidikan rasmi di College des Freres (St. Joseph). Pendidikan awal beliau di College ini memperoleh keputusan yang cemerlang walaupun menggunakan bahasa Perancis sebagai bahasa pengantar. Suasana pendidikan ini memberikan pengalaman dan menjadi tempat persediaan kepada Al-Fārūqī untuk menghadapi kehidupan beliau terutamanya apabila beliau terlibat dalam bidang politik yang bermula sekitar usia 24 tahun dengan dilantik sebagai Gabenor

---

<sup>124</sup> Islamic Horizon, Ogos/Septembe, ibid, (1986), 51.

<sup>125</sup> Fletcher, (2008.)

<sup>126</sup> Quraishi, ibid (1988), 5.

wilayah Galilee.<sup>127</sup> Namun begitu, tidak lama selepas perlantikan beliau sebagai gabenor Galilee, pergolakan di negara Palestin bermula pada tahun 1948 dengan penubuhan negara Israel. Akibat dari pergolakan ini, Al-Fārūqī telah membuat keputusan untuk berpindah ke Amerika bagi melanjutkan pelajaran beliau ke peringkat yang lebih tinggi.

Di Amerika, beliau mula mendalami bidang falsafah di Universiti Indiana dan berjaya memperoleh M.A pada tahun 1949 dan pada tahun 1951, Al-Fārūqī memperoleh M.A falsafah sekali lagi dari Universiti Harvard<sup>128</sup>. Dalam membuat pengajian di bidang falsafah beliau turut memberi perhatian dalam bidang kajian yang berkaitan dengan perbandingan agama<sup>129</sup>. Al-Fārūqī kemudiannya telah melanjutkan lagi pendidikannya di peringkat doktor falsafah di universiti Indiana dengan pengkhususan dalam bidang falsafah Barat terutamanya dalam bidang falsafah klasik Barat<sup>130</sup>. Tesis Ph.D beliau bertajuk *On Justifying the Good: Methaphysic of Value*<sup>131</sup> dan dibentangkan di universiti Indiana pada tahun 1952<sup>132</sup>.

Bertolak dari kajian Ph. D nya, kecenderungan utama yang wujud dalam dirinya adalah untuk mengenal pasti teori nilai berasaskan dua persoalan utama. Pertama, mengenal pasti apakah itu kebaikan ? Kedua, Bagaimana untuk mengklasifikasikan nilai secara sistematik atau memberi tahap kepada nilai tersebut?. Bermula dari persoalan nilai ini, kecenderungan beliau terhadap penggunaan fenomenologi dalam falsafah yang diperkenalkan oleh Max Scheler dan Nicolai Hartmann. Pada masa ini , pendekatan fenomenologi falsafah ini digunakan untuk mengenali dan mencari falasi-falasi yang muncul dalam teori nilai. Idea ini dilihat mempengaruhi pendekatan beliau dalam mempercayai agama-agama kerana pendekatan fenomenologi agama telah digunakan

---

<sup>127</sup> Quraish (Ibid).

<sup>128</sup> Quraishi,(Ibid),.21.

<sup>129</sup> Abdul Halim Ramli, *Pemikir Islam, Prof Ismail Ragi Al al-Fārūqī*, (Segamat:Qubah publication,2002),9.

<sup>130</sup> Quraishi,(1988), 6-7.

<sup>131</sup> Islamic Horizons ,(1986 )(a),h. 21

<sup>132</sup> Abdul Halim,Ibid,(2002),.10.

bagi mengasingkan agama dari perkara yang berbentuk dogmatik. Pengkaji melihat, al-Fārūqī cenderung untuk melaporkan sesuatu nilai mahupun agama dari sudut pandang nilai dan agama itu sendiri tanpa campur atau tambahan dari salah tanggapan yang dinamakan falasi bagi konteks falsafah nilai dan dogmatik yang muncul dalam agama.

Selain itu, Quraishi<sup>133</sup> pula mencatatkan bahawa sebab utama Al-Fārūqī memberi tumpuan sepenuhnya dalam pengkajian bidang falsafah adalah bertolak dari pertanyaan dan monolog yang wujud dalam dirinya. Ia adalah kesan dari perasaan Al-Fārūqī yang terpaksa meninggalkan negaranya disebabkan penjajahan dan perluasan wilayah yang dilakukan oleh Israel tambahan lagi apabila melihat bangsa dan saudara seagamanya ditindas. Keadaan ini menjadikan beliau seorang yang bersifat kritis. Pada peringkat awal, Al-Fārūqī mengkritik agama dan kebudayaannya sendiri kerana agama selalunya dikaitkan dengan kegagalan mereka mempertahankan diri mereka sendiri. Bermula dengan prasangka awal ini menyebabkan desakan dalaman dirinya untuk menjawab persoalan seperti Siapa Aku?, Apakah Aku, dan Apakah yang harus aku lakukan?<sup>134</sup>. Al-Fārūqī berharap persoalan-persoalan ini akan terjawab melalui pemerhatian dan pendidikan yang mendalam melalui bidang falsafah, namun apa yang berlaku adalah sebaliknya. Al-Fārūqī mendapati bahawa tidak semua persoalan hidup terjawab dengan falsafah. Akhirnya beliau mengambil keputusan untuk menyelami warisan Islam sendiri. Beliau menolak ketuanan Barat dan cara hidup Barat. Pertentangan diri Al-Fārūqī dengan Barat ini akhirnya menghasilkan semangat juang yang tinggi dalam dirinya dan mendorong beliau berusaha untuk mempertahankan ajaran agama Islam.

Dalam konteks kerjaya, pencapaian beliau yang utama adalah menjadi pengasas pembentukan fakulti pengajian Islam di beberapa universiti di Amerika. Al-Fārūqī

---

<sup>133</sup> Quraishi, Ibid,(1988), 6-8.

<sup>134</sup> Quraishi, Ibid (1988),8.

merupakan sarjana Islam pertama dalam abad itu yang mengabdikan diri dalam bidang pengajian Islam di Amerika serta menjadikan Amerika sebagai tempat tinggal. Hal ini turut dipersetujui oleh Esposito yang menyatakan bahawa Al-Fārūqī merupakan individu pertama yang membangunkan program pengajian Islam di universiti-universiti di Amerika<sup>135</sup>.

ii. Fasa Kehidupan di Tanah Arab(1954-1968)<sup>136</sup>

Bagi memenuhi cita-cita mempertahankan agamanya Islam, beliau mengambil keputusan untuk mendalami agamanya melalui pendidikan rasmi dengan menyambung pengajian pasca doktoral (post doctorate) dalam bidangan pengajian Islam di Universiti Azhar Mesir bagi mendapatkan ilmu dan melengkapkan kekosongan ilmu pengetahuan dalam bidang Islam dalam dirinya bermula tahun 1954 sehingga 1957<sup>137</sup> di bawah penajaan Rockefeller Foundation Fellow<sup>138</sup>. Sumbangan utama al-Fārūqī apabila bermulanya pengubahan titik fokus dari seorang pengkaji falsafah etika (pengkajian dalam bidang Ph. D nya di Amerika) kepada kecenderungan mengkaji inti pati agama-agama khususnya Islam. Penghasilan penerbitan yang bertajuk *On Arabism; 'Urubah and Religion : A Study of the Fundamental Ideals on Arabism and of Islam at Its Highest Moment of Consciousness*. Amsterdam: Djambatan. 1962 merupakan satu perubahan corak pengkajian beliau dari sudut falsafah kepada agama melalui penekanan yang diberikan dalam agama Islam melalui konsep Tauhid. Dalam syarahan beliau berkaitan penerbitan on Arabism sebanyak enam siri menjelaskan sebab al-Fārūqī menekankan Muslim perlu mempelajari agama lain dan pengenalan kepada pendekatan kajian agamanya.

Kajian ini mendapati bahawa antara tujuan utama Muslim dikehendaki mempelajari agama lain menurut al-Fārūqī adalah kerana mempelajari sesuatu kajian

---

<sup>135</sup> Quraishi, Ibid, (1988), 26 & 50.

<sup>136</sup> Fletcher, Ibid, (2008), 8

<sup>137</sup> Ibid..

<sup>138</sup> Islamic Horizon, (1986) 77 & Abdul Halim (2006), 11.



terhadap agama lain merupakan satu disiplin dan legasi dalam sejarah pemikiran Islam yang pernah terjadi dan perlu dikembangkan masa kini. Buktinya, banyak sejarah dan sirah Rasulullah yang dijelaskan oleh al-Fārūqī berserta dengan tuntutan dari sumber asal iaitu al-Quran dan Hadis yang dijelaskan dalam penulisan beliau<sup>139</sup>. Ini menunjukkan bahawa kajian terhadap agama lain bukanlah satu disiplin ilmu yang baru dalam Islam. Hal ini dibuktikan oleh al-Fārūqī dengan mengangkat pendekatan sarjana Islam al-Bayruni dan Ibn Hazm sebagai rujukan dalam kajian kritikal terhadap agama-agama dalam kebanyakan penulisan dan idea pemikiran beliau<sup>140</sup>. Walaupun begitu, pengakaji mendapati bahawa pendekatan Ibn Hazm lebih tegas dalam menyatakan pendapat berbeza dengan pendekatan al-Fārūqī yang lebih cenderung kepada usaha dan pendekatan dialog.

Selain itu, pengkaji melihat kecenderungan al-Fārūqī dalam kajian agama juga disebabkan oleh kecenderungan tuntutan dan perjuangan dari pihak Kristian pada waktu itu sekitar tahun 1960 yang semakin aktif dalam pengembangan agama. Justeru dengan sebab ini, beliau berpendapat bahawa Muslim harus turut serta dalam pengembangan agama ini dimulai dengan mengenali agama-agama lain yang turut berkembang bersamasamanya. Tuntutan dari penolakan terhadap agama dari golongan sains juga menyebabkan al-Fārūqī nekad untuk menonjolkan bahawa agama Islam bukanlah agama yang difahami mereka kerana Islam sebuah agama yang mengangkat martabat sains dan agama dengan seimbang<sup>141</sup>. Sebagai sarjana yang bertugas di Mesir, al-Fārūqī telah menjadikan Mesir sebagai pusat dan negara yang memberi pengaruh moden dalam kajian agama, dengan menekankan pendekatan yang lebih rasional dan logik dalam memahami agama-agama lain.

---

<sup>139</sup> Al-Faruqi, I. R & Ibsen, Louis Lamya, *The Cultural Atlas of Islam*, (New York: McMillan, 1986), 99-119.

<sup>140</sup> Imtiyaz Yusuf, "Introduction", Dalam, *Ismā'il R. Al-Fārūqī, Islam : religions, Practice, Culture & World Order* (IIIT Oublisher, 2011), .xiv.

<sup>141</sup> Al-Fārūqī, I.R, *On Arabism: Urubah and Religion*. ( Djambatan. 1962).

Setelah sempurna melanjutkan pelajaran dalam bidang pengajian Islam di Universiti al-Azhar, beliau kemudian mencari bekalan bagi pengetahuan dalam bidang agama-agama dengan meneruskan pengajian pasca doktoral di School of Divinity di McGill Universiti selama dua tahun di bawah penajaan Full bright untuk mengkaji Judeo-Kristian. Beliau turut dilantik sebagai penolong penyelidik di Fakulti Ketuhanan ini di bawah penyeliaan Prof Willfred Cantwell Smith<sup>142</sup> bagi mendapatkan pengalaman hidup dalam persekitaran agama Kristian. McGill dikatakan merupakan sebuah institusi khas Kristian yang bertujuan membentuk pelajar Muslim selaras dengan kehendak Kristian, namun tujuan ini dikatakan tidak berjaya mempengaruhi Al-Fārūqī malah perkara sebaliknya pula berlaku pada waktu itu di mana Al-Fārūqī pula cuba membawa pemikiran Islam yang kritikal untuk mempengaruhi teologi di sana<sup>143</sup>.

Selain dari sumbangan besar dalam bidang pengajian Islam, Al-Fārūqī turut dilihat memainkan peranan dalam bidang perbandingan agama khususnya melalui usaha beliau untuk mencari titik persamaan antara agama bagi membentuk toleransi agama dan keharmonian kaum. Pendekatan utama yang ditawarkan oleh Al-Fārūqī adalah melalui dialog antara agama. Pendirian Al-Fārūqī dalam berdialog amat jelas dan berani. Al-Fārūqī tidak takut dan gentar malah bersifat terbuka di samping turut menghormati agama-agama lain selagi tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Bagi Al-Fārūqī, penghormatan yang diberikan kepada agama-agama lain selain Islam adalah berasaskan pegangan beliau sendiri terhadap tujuan Allah menjadikan kepelbagaian ini disertai<sup>144</sup>. Hasilnya, Al-Fārūqī menekankan bahawa perbezaan antara setiap agama tetap mendorong sikap saling hormat-menghormati. Walau bagaimanapun, dalam percakapan dan perbincangan yang disertainya, Al-Fārūqī sentiasa menimbulkan

---

<sup>142</sup> Abdul Halim, Ibid (2008), 12.

<sup>143</sup> Al-Fārūqī, Ibid, (1967), iv, dan Abdul Halim, Ibid, (2008), 12.

<sup>144</sup> Penjelasan lanjut mengenai hal ini pada halaman 22-46.

penghormatan orang bukan Islam kepada orang Islam dan Muslim<sup>145</sup>. Komitmen Al-Fārūqī dalam pelaksanaan dialog agama ini terserlah apabila beliau menubuhkan Kumpulan Kajian Islam bersama dengan Akademi Agama Amerika dan menjadi pengerusi selama beberapa tahun. Malah beliau telah mencatatkan sejarah melalui kejayaannya mempertemukan tiga agama besar dunia iaitu Islam, Yahudi dan Kristian melalui pendekatan dialog dan trialog<sup>146</sup>

iii. Fasa Kehidupan sebagai aktivis Islam (1968-1986)<sup>147</sup>

Dalam konteks khidmat sosial, Al-Fārūqī turut melibatkan diri dengan beberapa persatuan dan institusi pemikiran lain. Al-Fārūqī dilihat melibatkan diri dengan Muslim Student Association (MSA) dan MSA ini dijadikan landasan untuk Al-Fārūqī lebih hampir bersama mahasiswa dan menyampaikan ajaran Islam dengan konteks pemikiran Barat kepada mahasiswa. Al-Fārūqī menganggap MSA sebagai satu tempat perkumpulan ilmu dan pertemuan ilmuwan Islam dari seluruh dunia tanpa mengira batas kaum dan bangsa dan hanya berdiri sebagai seorang Muslim.

Malah sumbangan yang lebih besar terhasil melalui kajian dan penelitian yang dibuat dalam bidang pengajian sains sosial, Al-Fārūqī berpendapat bahawa ilmu sains sosial barat Moden dilihat kurang sesuai untuk memahami kehidupan sosial umat Islam. Bertolak dari kesedaran ini, Al-Fārūqī mengatur beberapa langkah untuk mengharmonikan ilmu sains sosial dalam rangka konseptual Islam sehingga menubuhkan The Association of Muslim Social Scientist (AMSS) pada tahun 1972 bagi menyelesaikan masalah ini. Bermula pada tahun 1972 hingga 1978, Al-Fārūqī menjadi presiden AMSS ini dan mula menjalankan serangan Islamisasi Ilmu Pengetahuan yang turut tersenarai sebagai perjuangan utama Al-Fārūqī. Idea Islamisasi ilmu ini pada mulanya disampaikan

---

<sup>145</sup> Al-Fārūqī, Ibid, (1967), 51.

<sup>146</sup> Islamic Horizon , Ogos September (1986),50 & Al-Fārūqī (1991)..

<sup>147</sup> Fletcher,Ibid, (2008),15-16.

oleh rakan beliau Abdul Hamyd Abu Sulayman dan kemudian idea ini diteruskan oleh Al-Fārūqī sebagai wadah perjuangan AMSS. Pembentukan kurikulum pendidikan Islam berlandaskan gagasan Islamisasi ilmu mula digerakkan dan disampaikan oleh Al-Fārūqī kepada universiti-universiti Islam di seluruh dunia. Malah gerakan ini akhirnya telah berjaya menubuhkan Kolej Islam Amerika di Chicago dan pembentukan Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT) Herndon di Virginia pada tahun 1981<sup>148</sup>.

Gagasan Islamisasi ilmu ini turut bertolak dari idea utama Al-Fārūqī yang berkaitan dengan konsep Tauhid. Pelaksanaan konsep Tauhid dalam kehidupan sangat ditekankan oleh Al-Fārūqī kerana beliau berpendapat bahawa kemunduran umat Islam adalah disebabkan oleh masalah dalam umat Islam (tidak berpegang kepada ajaran Islam) ditambah dengan kesan dari penjajahan Barat. Maka Al-Fārūqī menjadikan pandangan hidup Islam dengan berpaksikan Tauhid sebagai asas untuk menggerakkan dan mengeluarkan umat Islam dari kemunduran dan penjajahan Barat. Justeru, di fasal terakhir kehidupan beliau, Al-Fārūqī telah berusaha untuk menyelesaikan masalah umat Islam dengan membentuk satu rangka kerja yang dinamakan sebagai Gagasan Islamisasi Ilmu ini.

### **2.2.3 Sumbangan Penerbitan Ilmiah**

Kesarjanaan seseorang tokoh semestinya dilihat melalui penerbitan yang telah dihasilkan. Penerbitan pertama dihasilkan pada waktu beliau melanjutkan pelajaran di Mesir. Sebagai reaksi kepada sentimen nasionalisme yang muncul dalam dunia Arab pada waktu itu akhirnya pada tahun 1962, Al-Fārūqī telah menghasilkan sebuah karya yang bertajuk *On Arabism, Urubah and Religion: A Study of the Fundamental Ideas of Arabism and Islam at Its Highest Movement Consciousness*. Amsterdam:Djambatan. Kemudian sebagai reaksi terhadap kajiannya berkaitan agama Kristian khususnya di peringkat

---

<sup>148</sup> Fletcher, Ibid,(2008) , 16-17.

doktor falsafah, Al-Fārūqī telah menghasilkan sebuah buku yang bertajuk *Christian Ethics: A Historical and Systematic Analysis of Its Dominant Ideas*. Montreal: Mac Gill Universiti Press pada tahun 1967. Dalam menghadapi situasi masyarakat Barat yang memandang serong kepada Islam, Al-Fārūqī akhirnya mengambil keputusan untuk menjelaskan Islam dengan sebaiknya maka terhasil lah sebuah buku bertajuk *Islam* pada tahun 1984, Illionis :Argus Communication. Selepas itu pada tahun 1982, Al-Fārūqī menghasilkan buku bertajuk *Al-Tauhid: Its Implication For Thought and Life* , Virginia: International Institute of Islamic Thought sebagai panduan kepada umat Islam untuk terhindar dari kemunduran. Karya-karya lain juga seperti dijelaskan dalam lampiran C.

Selain dari kerjaya rasmi sebagai pensyarah di beberapa buah universiti di atas, beliau juga terlibat sebagai perancang program pengajian Islam di beberapa negara lain seperti di Pakistan, Mesir, Arab Saudi, Libya, Afrika Selatan, Filipina dan Malaysia. Beliau juga dilantik menjadi *editorial board* lebih kurang hampir tujuh buah jurnal akademik antarabangsa seperti *Journal of South Asian and Middle Eastern Studies*, *Islamic*<sup>149</sup>, dan merangkumi beberapa artikel penting seperti penulisan beliau yang telah diterbitkan dalam *The Canadian Journal of Theology*, *The Journal of American Cairo University*, *The Bulletin of the Faculty of Arts of Cairo University*, *The Muslim World*, *Numen*, *Zygon*, dan jurnal-jurnal lain.

Berdasarkan penjelasan ini, keserjanaan Al-Fārūqī tidak dapat dinafikan lagi. Senarai di atas merupakan sebahagian sahaja dari penerbitan rasmi Al-Fārūqī tidak termasuk penerbitan dalam akhbar, karya bacaan awam, kertas kerja seminar dan seumpamanya. Penulisan yang dihasilkan merangkumi pelbagai bidang antaranya berkaitan Islam, agama-agama, ekonomi, kesenian, islamisasi ilmu dan Tauhid.

---

<sup>149</sup> Abdul Halim, ibid, (2002) ,12-14.

#### **2.2.4 Sumbangan di Malaysia.**

Kehadiran Al-Fārūqī di Malaysia merupakan satu penghormatan kepada Malaysia dalam konteks perkembangan ilmu pengetahuan. Menurut Abdul Halim<sup>150</sup>, Tun Dr Mahathir Muhammad iaitu perdana menteri Malaysia yang ke empat mempunyai hubungan rapat bersama Al-Fārūqī. Al-Fārūqī, melihat Malaysia sebagai sebuah negara Muslim yang dibentuk oleh rakyat dan situasi ini merupakan faktor yang menjamin keharmonian antara rakyat Malaysia. Al-Fārūqī menyukai Malaysia dan menghormati Tun Dr Mahathir Mohamad kerana dilihat berusaha untuk melaksanakan institusi Islam tanpa menyetepikan penjagaan hak asasi manusia.

Sebagai seorang aktivis gerakan Islam, Al-Fārūqī telah membuat hubungan rapat dengan pimpinan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)<sup>151</sup>. ABIM dilihat sebagai satu gerakan Islam yang memainkan peranan besar dalam menggerakkan gerakan kebangkitan semula Islam di Malaysia. Hasilnya, semasa di Malaysia, Al-Fārūqī telah menerbitkan dua buah karya buku yang bertajuk (i) *Islam and Culture* pada tahun 1980 dan (ii) *The Hijrah: The Necessity of Its Iqamat or Vergegenwartigung* pada tahun 1983. Kedua-dua buah buku ini telah diterbitkan oleh ABIM<sup>152</sup>.

### **2.3 Konsep Toleransi Agama Menurut Ismail Al Fārūqī .**

Kajian mendapati bahawa pendekatan toleransi agama digambarkan melalui pelaksanaan fenomenologi agama dan penilaian meta agama. Pelaksanaan kedua-dua pendekatan ini juga menggambarkan pendirian al-Fārūqī dan tindakan beliau dalam menyatukan prinsip kesatuan dan rasional secara menyeluruh dalam kehidupan umumnya dan dalam

---


<sup>150</sup> Abdul Halim, Ibid, (2002), 13.

<sup>151</sup> ABIM merupakan sebuah gerakan NGO Islam yang ditubuhkan pada tahun 1969 dan menjadi sebuah pertubuhan rasmi dan terdaftar di bawah kerajaan Malaysia pada tahun 1972. Tujuan utama penubuhan ABIM ialah untuk menyebarkan pengertian Islam yang sebenar kepada belia Muslim khususnya dan masyarakat Malaysia secara umumnya dengan berdasarkan satu slogan iaitu Islam sebagai cara hidup.

<sup>152</sup> Abdul Halim, Ibid, (2002), 13-14

hubungan antara agama khususnya. Ini bermaksud kesatuan, rasional dan toleransi bersifat lengkap melengkapi antara satu sama lain. Dalam erti kata lain, kajian mendapati bahawa toleransi dalam masyarakat tidak boleh terlaksana tanpa wujudnya sikap yang rasional dalam pengumpulan dan pemahaman ajaran dan cara hidup sesebuah masyarakat. Namun pemahaman terhadap masyarakat tidak sempurna atau bersifat relatif jika tidak dilimitasi dengan prinsip kesatuan yang utama. Justeru, Kajian ini akan menjelaskan pandangan toleransi agama Al-Fārūqī meliputi penjelasan dari sudut definisi, konsep dan pendekatan. Hal ini diringkaskan dalam rajah di bawah.

**Rajah 2.1 : Kerangka Perbincangan Toleransi Agama menurut Al-Fārūqī**



**Sumber: Rumusan buku al-al-Fārūqī<sup>153</sup>**

<sup>153</sup> Sumber: Ringkasan Pengkaji dari penjelasan al-al-Fārūqī terhadap konsep dan pendekatan dalam menghadapi kepelbagaian agama. Penjelasan lanjut boleh dirujuk kepada Al-Fārūqī (1995). *Atlas Of Cultural Islam*, New York: Mc Millan, al-Faruqī 1967. *Christian Ethics: A Systematic and Historical Analysis of Its Dominant Ideas*. Montreal: McGill University Press, h 21-25) dan Al-Fārūqī .I. R, (1986), "Meta Religion : Towards A critical world Theology" , *American Journal of Islamic Social Science*, 3 (1), 13-57), (al-Fārūqī . I.R, (1992), *Al- Tauhid: Its Impication For Thought and Life*, IIIT Publisher, h.47,dan al.Faruqi . *Atlas Of Cultural Islam*, New York: Mc Millan. (1995).

### 2.3.1 Definisi Toleransi Agama

Kajian mendapati bahawa Al-Fārūqī mendefinisikan toleransi merupakan penerimaan terhadap apa yang wujud sehingga timbulnya ke tidak kebenaran. Toleransi penting bagi ilmu epistemologi dan sama pentingnya dengan ilmu etika kerana darinya akan menerima sesuatu yang disenangi sehingga timbul rasa tidak senang<sup>154</sup>. Al-Fārūqī menyatakan definisi toleransi kepada konsep *sa'ah* dan *yusr* iaitu (tolak ansur). Seperti yang dijelaskan oleh al-Fārūqī:

“ sebagai satu prinsip epistimologi, toleransi adalah sikap optimis iaitu penerimaan apa yang ada sehingga kepalsuannya dibuktikan dan didedahkan manakala dalam prinsip etika ia adalah menerima keinginan sehingga tidak diingini” dan inilah yang diistilahkan sebagai *saah* dan *yusr*.<sup>155</sup>”

Al-Fārūqī menyandarkan prinsip toleransi ini kepada prinsip fiqh dengan mengatakan bahawa para fuqaha' telah menetapkan prinsip iaitu “Umumnya semua perkara diterima kecuali perkara-perkara yang dilarang oleh Allah sebagai asas perundangan”<sup>156</sup>.

Bertolak dari definisi ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan toleransi bertujuan untuk menggalakkan manusia mengkaji data-data baru dengan kritis, melakukan usaha yang membina dan membawa tamadun ke hadapan serta menghalang kejumudan dan *relativisism*. Al-Fārūqī berpendapat walaupun wujud kesukaran dan halangan bagi memahami data dengan kritis pengkaji agama haruslah mengingati bahawa Allah mengajar untuk manusia bersangka baik dalam semua keadaan<sup>157</sup>. Allah mencipta

---

<sup>154</sup> Al-Fārūqī . *Ibid*. (1995).

<sup>155</sup> Jika dilihat kepada terjemahan, *sā'ah* ini bermaksud memudahkan dan *yusr* bermaksud tolak ansur atau dalam pelaksanaan menerima sesuatu yang disenangi sehingga timbul rasa tidak senang.(al-Fārūqī . I.R, (1992), *Al- Tauhid: Its Impication For Thought and Life*, IIIT Publisher, h.47, al.Faruqi .*Ibid*. (1995).

<sup>156</sup> al-Fārūqī menyatakan bahawa konsep *sa'ah* dan *yusr* ini melindungi umat Islam dari pengasingan diri terhadap dunia luar dan bersifat jumud. Kedua-dua prinsip ini menjadikan menggalakkan umat Islam manusia bertegas dan mengatakan ya kepada dunia dan pengalaman baru. Kedua-dua ini menggalakkan manusia melihat data data baru dengan pengertian yang teliti, semangat yang membina, hasilnya dan menambah pengalaman dalam kehidupan agar dapat menggerakkan budaya dan tamadun ke hadapan (Al-Fārūqī, (1992), *Ibid*, h. 48).



manusia, supaya manusia dapat membuktikan diri mereka mampu berbuat demikian (iaitu tidak mudah putus asa dalam melaksanakan taklif yang diberikan Allah). Manusia juga bebas melakukan sesuatu tindakan positif atau disebut sebagai hukum dan undang-undang (*raison d'être*) manusia.

Dalam konteks agama dan tamadun, penerimaan kepada toleransi adalah berasaskan kepercayaan bahawa Tuhan tidak membiarkan manusia tanpa mengutus rasul di kalangan mereka. Hal ini berkait rapat dengan fenomena kerasulan yang diutuskan untuk mengajar kepada kaum rasul tersebut bahawa tiada Tuhan selain Allah dan agar mereka menyembah dan berkhidmat dengannya. Dalam konteks kepelbagaian agama, toleransi terbentuk bertitik tolak dari kepercayaan bahawa kepelbagaian agama adalah disebabkan oleh sejarah, keadaan, tempat, masa, nafsu, prejudis dan segala faktor dunia yang mempengaruhinya. Di sebalik agama yang telah dipengaruhi ini wujudnya sebuah agama yang bersifat fitrah, yang asli atau disebut oleh Al-Fārūqī sebagai *al dīn al hanīf* iaitu sebuah agama Allah yang tinggi dan asli di mana akhirnya membimbing manusia sehingga beralih kepada agama lain<sup>158</sup>.

Kajian mendapati bahawa pelaksanaan toleransi agama ini bermula dari proses pengkajian yang dilakukan terhadap agama dan kepercayaan yang hendak difahami. Dalam erti kata lain, Al-Fārūqī memberi penekanan bahawa pengkaji agama atau sesuatu kajian agama mestilah mengumpul data agama yang dikaji dengan telus, sumber yang dipercayai dan mempunyai justifikasi kebenaran semasa membuat penilaian. Selaras

---

<sup>158</sup> Al-Faruqi merujuk kepada Hadis:

- أَفْضَلُ الْإِسْلَامِ الْحَنْفِيَّةُ السَّمْحَةُ

Hadith Hasan diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Umar (Al Bani, Muhammad Nāsr al-Dīn, *Sahīh al-Jamī' al Saghīr wa Ziyādātihī*., Beirut: Maktab al-Islāmī, 3(1090).

Dan Hadis

سُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْأَدْيَانِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ؟ قَالَ: الْحَنْفِيَّةُ السَّمْحَةُ

Diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Abas (Al-ALBani, Muhammad Nāsr al-Dīn, *Silsilah Al-Ahādīth Al-Sahīhah wa Syai' min Fiqhuhā*, Maktab al Ma'arif, 1(5), h. 541.)

dengan hal ini, al-Fārūqī menyatakan bahawa pendekatan fenomenologi adalah lebih disenangi dan mewakili semua yang dinyatakan. Malah Al-Fārūqī juga menambah syarat penilaian terhadap data yang diperolehi di dalam pendekatan fenomenologi yang beliau gunakan. Tambahan lagi, bertolak dari definisi toleransi menurut Al-Fārūqī yang menjelaskan “menerima adanya sesuatu kebenaran sehingga wujudnya ketidakbenaran atau ketidaksamaan” jelas terbukti perlunya panduan penilaian bagi melihat ketidaksamaan tersebut.

Walau bagaimanapun Al-Fārūqī menyatakan adalah tidak adil jika penilaian ditentukan dengan keinginan individu tertentu. Ia sepatutnya dinilai dengan prinsip yang universal. Bertolak dengan kenyataan ini, Al-Fārūqī turut membekalkan set panduan penilaian yang dijelaskan sebagai satu prinsip umum dalam semua agama khasnya agama semetik. Al-Fārūqī menyatakan prinsip ini sebagai prinsip agama Hānīf yang dinamakan sebagai prinsip Meta Agama.

Bertolak dari penjelasan ini, kajian merumuskan terdapat tiga asas utama yang perlu difahami dalam menjelaskan toleransi agama dalam pandangan Al-Fārūqī iaitu Pertama ; kepelbagaian agama sebagai satu kehendak Tuhan. Kedua, keharmonian dapat dicapai di dalam kepelbagaian kerana ia adalah salah satu dari taklif dan ketiga toleransi adalah asas keharmonian.

### **2.3.2 Prinsip Toleransi Agama**

Pelaksanaan toleransi agama ini dilihat sebagai satu jalan bagi mendidik manusia khususnya orang Islam agar mengkaji sejarah dan kepercayaan agama –agama lain. Al-Fārūqī menjelaskan bahawa kajian agama- agama ini bertujuan untuk mengetahui dan melihat kebesaran Allah dan kesan perutusan nabi-nabi dan rasul-rasul kepada semua tempat dan masa. Halangan utama adalah proses mengubah hubungan manusia beragama. Dalam hal ini, kajian mendapati bahawa Al-Fārūqī cuba menerapkan perlaksanaan

toleransi sebagai panduan untuk mengubah pertentangan dan tuduh menuduh antara agama kepada kerjasama untuk mengkaji asal-usul perkembangan agama secara akademik .

Prinsip toleransi agama Al-Fārūqī dilihat memberi penekanan kepada dua perkara asas utama (i) wujud pengiktirafan terhadap wujudnya kepelbagaian agama secara organisasi dan kebenaran (ii) wujudnya kesediaan untuk hidup harmoni antara penganut agama. Dalam erti kata lain, toleransi agama hanya terlaksana jika penganut agama berpegang kepada dua prinsip utama di atas. Dua prinsip ini dirumuskan oleh pengkaji dari penjelasan idea Al-Fārūqī dalam hal-hal berikut:

**i. Kepelbagaian agama: Punca dan Realiti menurut Al-Fārūqī**

Melalui analisis yang dilakukan ke atas prinsip-prinsip di dalam Meta agama<sup>159</sup>, kajian mendapati bahawa Al-Fārūqī menekankan bahawa wujudnya kepelbagaian agama adalah disebabkan dua sebab utama iaitu:

**a. Pentafsiran manusia terhadap ajaran Tuhan**

Dalam hal ini, Al-Fārūqī menjelaskan bahawa Islam mengakui bahawa semua nabi yang diutuskan kepada manusia adalah membawa mesej yang satu. Di dalam mesej yang satu ini mengandungi dua elemen iaitu Tauhid dan Akhlak. Tauhid adalah pengakuan kepada Tuhan yang Esa dan satu-satunya Tuhan yang layak disembah, ditaati dan diserahkan diri dan taat setia manakala akhlak pula dijelaskan sebagai tanda kepatuhan terhadap perintah Tuhan ( *Amar Ma'rūf Nahī Munkar*. Panduan perintah Tuhan dari mesej yang satu ini disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui peraturan dalam kod tingkah laku yang sesuai dengan manusia dan sejarah manusia pada waktu itu. Namun begitu, Al-Fārūqī menegaskan bahawa pengkhususan kod tingkah laku ini tidak memberi kesan kepada

---

<sup>159</sup>Al-Faruqi,I.R , “Meta Religion: Toward A Critical World Theology”. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 3(1), (1986):13-33.

ajaran utama wahyu iaitu Tauhid. Sekiranya ia memberikan kesan kepada Tauhid maka keuniversalan ajaran Tuhan itu merupakan satu falasi atau dakwaan yang tidak tepat<sup>160</sup>.

Pengkhususan dalam undang-undang Tuhan hanya memberi kesan kepada “bagaimana” manusia perlu taat kepada Tuhan bukan kepada persoalan “apa” yang perlu ditaati. Penjelasan ini membawa maksud bahawa perbezaan hanya berlaku kepada cara pelaksanaan (syariah) bagi mentaati Tuhan tapi bukan kepada akidah (kepercayaan terhadap Tuhan yang satu). Melalui persoalan ini, munculnya jawapan kepada isu-isu akhlak seperti berbuat baik, jujur, amanah dan patuh kepada Tuhan

b. Kepelbagaian agama disebabkan oleh tidak semua manusia mengalu-alukan wahyu Allah.

Al-Fārūqī menjelaskan terdapat lima sebab utama manusia menjadi sebab kepada kepelbagaian agama di dunia iaitu<sup>161</sup> sebahagian orang yang berkepentingan tidak bersetuju dengan ketetapan dan wahyu Tuhan untuk sentiasa menyokong kebajikan serta memberi sedekah kepada orang miskin. Wahyu sentiasa menyeru supaya patuh kepada undang-undang yang adil namun keadilan undang-undang itu tidak dipersetujui oleh semua raja dan pemerintah yang mempunyai cara tersendiri. Wahyu Tuhan mengingatkan manusia untuk mengukur diri mereka dengan merujuk kepada Tuhan dan undang-undangNya bukan kepada diri mereka sendiri. Wahyu meminta manusia mengawal naluri dan perasaan mereka kerana manusia cenderung untuk mengikut nafsu dan kecenderungan itu memaksa mereka melanggar seruan wahyu. Jika kandungan wahyu itu tidak diingati, diajar secara bijaksana dan teliti, dan dilakukan oleh sebilangan besar manusia, maka wahyu itu akan terhapus, berubah atau terus dilupakan. Apabila wahyu Tuhan merentasi sempadan-sempadan linguistik, bahasa, etnik dan budaya, walaupun kepada bangsa yang sama tetapi tinggal berjauhan dari penerima asalnya dari

---

<sup>160</sup> Al-Faruqi, I.R, “Towards A critical World Theology”, Dalam *.Towards, islamisation of Disciplines.*, (IIIT Publisher, 1989), 439-440.

<sup>161</sup> Al-Fārūqī, Ibid (1986), 45-47.

segi masa, wahyu tersebut terdedah kepada pelbagai pentafsiran. Maka pentafsiran yang salah akan membawa kepada penyelewengan wahyu dari yang benar.

Al-Fārūqī menegaskan bahawa punca di atas turut menjelaskan tujuan pengulangan fenomena kerasulan dengan menurunkan rasul –rasul bagi menyampaikan mesej Tuhan bagi mengingatkan semula ajaran-ajaran Tuhan yang patut menjadi asas fikiran serta hati manusia.

## **ii. Keharmonian Antara Agama satu keperluan.**

Al-Fārūqī menegaskan bahawa keharmonian agama merupakan asas dalam konsep toleransi agama<sup>162</sup>. Menurut Al-Fārūqī, tuntutan keharmonian agama ini jelas kelihatan dalam ajaran wahyu Tuhan khususnya wahyu terakhir iaitu al-Qur’ān yang menggambarkan keperluan hidup harmoni di antara hubungan Islam dengan agama-agama lain. Pendekatan al-Qur’ān ini dijelaskan dalam tiga bentuk hubungan iaitu hubungan Islam terhadap Yahudi dan Kristian, hubungan Islam terhadap kepercayaan lain dan hubungan Islam terhadap sesama manusia.

### **a. Hubungan Islam terhadap Yahudi dan Kristian.**

Al-Fārūqī menjelaskan bahawa antara anggapan mulia agama Islam terhadap agama Yahudi dan Kristian adalah dalam beberapa perkara iaitu<sup>163</sup> seperti pengakuan kepada nabi-nabi dan kitab-kitab mereka bukan sekadar satu pengakuan hormat namun pengakuan kebenaran ajaran nabi-nabi tersebut. Keimanan penganut Islam kepada nabi yang diturunkan oleh Allah kepada kaum Yahudi dan Nasrani yang seterusnya membuktikan bahawa tidak ada agama di dalam dunia ini yang percaya kepada nabi yang wujud untuk agama lain sebagai syarat penting kepercayaan yang dianutinya kecuali Islam. Ini kerana, Islam mengajarkan bahawa semua nabi-nabi terdahulu yang diturunkan

---

<sup>162</sup> Al-Fārūqī, Ibid, (1986), & Al-Fārūqī, Ibid (1995), 201.203, Al-Fārūqī, *Islam and Other Faiths*, Ataulloh Siddique (pnyt), (Leicester: The Islamic Foundation, 1998), 86-87.

<sup>163</sup> Al-Fārūqī, Ibid (1995) & Al-Fārūqī, Ibid, (1998), 88.

kepada Yahudi dan Kristian dianggap sebagai Islam dan mereka semua membawa ajaran satu dan sama. Yahudi, Kristian dan Islam semua adalah tentang kesedaran kepada agama yang satu. Kesatuan kesedaran agama yang satu dikesan dalam kesusasteraan manusia purba ini dan disokong oleh kesatuan geografi, bahasa (mereka dikenali sebagai Semit), demografi, sejarah dan pernyataan intrinsik seperti yang dijelaskan dalam penjelasan lima prinsip asas dan pengaruh dari tamadun Mesopotamia<sup>164</sup>. Tradisi utama orang-orang Semit ini dikenali sebagai Hānīf isme dan menganggap mereka sebagai sama. Hānīf ialah kategori yang dibuat oleh al-Qur’ān bukan hasil ahli teologi moden yang merasa malu terhadap dakwaan gereja tentang Tuhan

Penghormatan yang Islam berikan kepada Yahudi dan Kristian kerana kesederhanaan dan rendah diri mereka serta mereka diisytiharkan sebagai golongan yang paling hampir dengan Islam. Walau bagaimanapun penghormatan Islam kepada penganut Yahudi dan Nasrani hanyalah kepada nabi dan kitab mereka yang asal. Ini tidak menafikan wujudnya orang Kristian dan Yahudi tetap menentang Rasulullah ﷺ dan para pengikutnya. Oleh itu Islam terpaksa menyeru mereka kembali kepada agama yang benar<sup>165</sup>.

Al-Fārūqī merumuskan bahawa Islam telah memberikan penghormatan terhadap Yahudi dan Kristian di tahap maksimum melalui pengiktirafan nabi-nabi dan rasul dan kebenaran yang mereka sampaikan pada agama Yahudi dan Nasrani<sup>166</sup>. Bertolak dari hal ini, kajian mendapati bahawa kebenaran yang dimaksudkan oleh Al-Fārūqī adalah kebenaran agama yang disampaikan oleh nabi dan rasul. Walau bagaimanapun Al-Fārūqī turut menjelaskan secara kronologi persejarahan. Yahudi dan Kristian yang dimaksudkan

---

<sup>164</sup> Menurut al-Fārūqī, lima prinsip ini menggambarkan kesusasteraan tamadun Mesopotamia, (-al-Fārūqī, Ibid(1995), 50-53).

<sup>165</sup> al-Fārūqī menegaskan bahawa konsep Islam terhadap Hānīf isme ini tidak sepatutnya disamakan dengan istilah “Kristian tanpa nama” Anonymous Christian yang diperkenalkan oleh Karl Rahner (Ibid, h.89-90).. Seruan kepada agama yang benar menurut al-Fārūqī dirujuk kepada surah Surah Ali Imran (3):64

<sup>166</sup> al-Fārūqī, I.R (1998), h.86-88.

adalah menjurus kepada ajaran kebenaran yang disampaikan oleh para Nabi bermula Nabi Ibrahim, sehingga Isa dan disempurnakan oleh Muhammad. Penjelasan ini bukanlah bermaksud kajian ini bersifat apologetik terhadap Al-Fārūqī akan tetapi limitasi kebenaran yang diakui oleh Al-Fārūqī adalah jelas apabila beliau turut menegaskan kepentingan dan tanggungjawab orang Islam yang utama adalah dakwah.

#### **b. Hubungan Islam dan Kepercayaan Lain**

Selain dari hubungan Islam bersama Yahudi dan Kristian, Al-Fārūqī turut menjelaskan bahawa hak keharmonian turut diberikan dalam kehidupan bermasyarakat dengan agama lain. Hal ini di dasari dengan sebab-sebab seperti Islam mengajar bahawa fenomena kerasulan adalah universal yang berlaku di sepanjang lingkungan ruang dan masa dan tidak akan ada pembalasan kecuali setelah nabi diutuskan kepada mereka<sup>167</sup>. Al-Fārūqī merumuskan bahawa dengan keadilan Tuhan seseorang itu tidak dipertanggungjawabkan kecuali perintah Nya telah disampaikan dan disebarkan . Penyampaian dan penyebaran seperti itu adalah fenomena kerasulan. Selain itu, keharmonian terhadap agama lain juga disebabkan sebahagian daripada rasul ini dikenali ramai dan sebahagiannya tidak. Malah Islam juga mengajar bahawa Tuhan yang Esa tidak membeza-bezakan pesuruhnya. Sepanjang masa dan tempat mereka mengajarkan perkara yang sama dan satu iaitu untuk menyembah dan mengabdikan diri semata-mata kepada Tuhan, kejahatan mesti dijauhi, kebaikan mesti dilakukan<sup>168</sup>.

Maka, dalam hal ini Al-Fārūqī menjelaskan bahawa Islam mengasaskan bahawa hubungan sesama manusia adalah sebagai penerima wahyu yang sama dengan Islam.

---

<sup>167</sup> al-Fārūqī, I. R,(1995),.203& al-Fārūqī,I.R,ibid, (1998), 89-91. Dalam hal ini , al Faruqi merujuk kepada ayat al Quran, surah al-Isra' (17): 15

<sup>168</sup> Al-Nahl (36):16

Tetapi jika wahyu semua mempunyai mesej yang sama mengapa kepelbagaian yang timbul? Hal ini telah dijelaskan dalam punca kepelbagaian di atas.

**c. Hubungan Islam dan Umat Manusia.**

Menurut Al-Fārūqī, Islam juga menjaga hubungan keharmonian dengan semua umat manusia sama ada beragama atau tidak. Hal ini disebabkan oleh tujuan Islam bagi memulihkan mereka yang merupakan anggota masyarakat manusia yang universal<sup>169</sup>. Hubungan ini juga bertolak dari konsep universal dan kemanusiaan Islam yang mengakui pada dasarnya telah wujud dalam tujuan penciptaan yang diistilahkan oleh Islam sebagai kebolehan semula jadi (fitrah) untuk mengetahui kekuasaan Allah<sup>170</sup>. Malah ia juga sebagai bukti pengiktirafan wujudnya alat imperatif untuk mengetahui Allah secara rasional. Hasilnya setiap individu mempunyai keinginan semula jadi untuk membuat pertimbangan dan fikiran terhadap kebenaran. Oleh itu, di sebalik kepelbagaian manusia wujudnya agama fitrah yang tidak dapat dipisahkan langsung dari manusia<sup>171</sup>. Al-Fārūqī menjelaskan bahawa semua manusia mempunyai fakulti untuk mempunyai gambaran tentang Tuhan kecuali mereka diberi panduan yang salah. Sesungguhnya Islam dari mula penurunan kepada nabi-nabi sebelum Muhammad lagi telah memperkenalkan dirinya sebagai agama semula jadi (agama dīn al Fitrah) yang menjadi agama Tuhan.

Selaras dengan hal ini, Al-Fārūqī menegaskan keperluan terhadap dakwah kerana berdasarkan prinsip hubungan antara Tuhan dan makhluk yang dijelaskan di atas menunjukkan bahawa agama Islam berusaha meyakinkan manusia tentang kebenarannya dan melatih manusia menjadi penganutnya. Islam tidak menjadikan agama sebagai satu

---

<sup>169</sup>Al-al-Fārūqī. Ibid,(2005) , 203-204.

<sup>170</sup> Istilah ad-dīn Fitrah yang digunakan oleh al-Fārūqī bermaksud agama yang dikurniakan oleh Allah secara semula jadi kepada setiap manusia agar mengenal penciptanya dan supaya mereka menerima undang-undangnya (al-al-Fārūqī Ibid, (2005), 87-90)

<sup>171</sup> Al-Fārūqī merujuk kepada firman Allah surah Al- Rum (30): 30 dan Surah Ali Imran (3): 19.



upacara sembah. Islam juga bukan satu agen agama rasmi atau kepaderian yang menolak dunia.

Menurut Al-Fārūqī<sup>172</sup>, Islam memerintahkan Nabi Muhammad untuk bangkit dan memberi peringatan kepada kaum keluarganya serta kaumnya<sup>173</sup> (yang mana ada masa itu tidak mengikut ajaran Islam yang asal seperti yang disampaikan oleh nabi-nabi sebelum ini dan mula menafikan wujudnya dualiti antara Tuhan dan Makhhluk). Nabi Muhammad diperintahkan untuk meneruskan tugas tersebut walaupun baginda berasa takut terhadap bebanan tanggungjawab itu. Nabi Muhammad patuh kepada seruan dan perintah tersebut supaya beriman (Tauhid). Proses penyeruan bermula tetapi mempunyai jalan yang amat panjang ke arah matlamatnya untuk menukarkan dunia kepada Islam. Sebagai satu gerakan baru yang berhasrat untuk mengubah agama yang telah kukuh, agama Islam telah dibenci dan diperangi<sup>174</sup>.

Bagi Al-Fārūqī, tuntutan untuk berdakwah bukanlah rekaan para Nabi tetapi ia merupakan perintah Tuhan yang Esa (Allah) yang menjadikan seluruh umat Manusia dan Tuhan yang menurunkan ajarannya kepada nabi dari Adam sehingga Muhammad. Namun dakwah yang diperintahkan oleh Tuhan adalah dakwah mengajak umat manusia kepada ajaran yang satu yang diturunkan kepada semua nabi. Ajaran yang satu ini bertolak dari prinsip kepercayaan kepada Tuhan yang Esa tiada selainnya dan selaras

---

<sup>172</sup> Nabi Muhammad menghadapi sumpah seranah, penghinaan, penindasan dilontarkan kepada baginda dan pengikutnya dari menyebarkan agama baru. Penindasan ini berlaku sehingga membentuk usaha untuk menghapuskan baginda (rujuk kisah cubaan pembunuhan Rasulullah s.a.w dalam Sirah Nabawiyah Ibn Hisyam) . Dengan Pertolongan Allah, Rasulullah berjaya melarikan diri dan mereka mula melancarkan peperangan demi peperangan. Melalui keimanan, kesabaran dan usaha yang kuat oleh Rasulullah dan pengikutnya akhirnya musuh dapat ditumpaskan (Al-Fārūqī, Ibid, (2005). 195).

<sup>173</sup> As Syuaraa'(26):214

dengan prinsip hanifisme. Tuntutan untuk berdakwah ke atas semua umat Islam jelas dalam al-Quran<sup>175176</sup>.

Secara rumusannya dapat disimpulkan bahawa penjelasan di atas menggambarkan keperluan untuk melaksanakan keharmonian dalam menghadapi kepelbagaian agama yang wujud. Dalam proses membina keharmonian, pengiktirafan terhadap agama lain perlu di akui. Ia dapat diusahakan melalui pendekatan memahami agama-agama yang dilaksanakan dengan sikap rasional, keterbukaan, jujur namun tegas agar dapat menghasilkan sikap hormat kepada agama –agama kesucian agama-agama tanpa menghasilkan kebenaran yang relatif. Namun penjelasan di atas menunjukkan bahawa penegasan al-Fārūqī terhadap limitasi penghormatan kebenaran ini juga terbatas kepada agama yang asal yang dibawa oleh Nabi Ibrahim dan para nabi kepada Yahudi dan Kristian

### **2.3.3 Asas Toleransi Agama**

Kajian mendapati bahawa pendekatan toleransi agama yang dilakukan oleh al-Fārūqī melibatkan dua asas . Pertama: bersifat rasional. Kedua: mematuhi asas kesatuan wahyu. Terlebih dahulu dijelaskan bahawa rasional al-Fārūqī bukanlah seperti yang difahami

---

<sup>175</sup> Al- Faruqi merujuk kepada firman Allah surah As Syuara (42):15

<sup>176</sup> . Ini penting ditegaskan kerana Al-Fārūqī menyifatkan penindasan dan halangan terhadap ajaran Islam yang disampaikan oleh Rasulullah adalah merupakan kisah biasa dalam sejarah agama ini bermaksud umat Yahudi dan Kristian juga tidak menerima sepenuhnya ajaran yang disampaikan oleh nabi-nabi yang diturunkan kepada mereka. Dari penjelasan ini, kajian mendapati bahawa agama yang telah kukuh sebelum kedatangan Muhammad bukanlah seperti agama Monotheism asal yang disampaikan oleh Nabi Ibrahim hingga nabi Isa. Ini kerana, apabila diuji kepada lima prinsip hanifimse, sejarah dan teks suci membuktikan bahawa pada tarikh sebelum kedatangan Muhammad telah wujud pelanggaran terhadap prinsip agama Hānif isme. Buktinya telah wujud kepercayaan tuhan Trinititi, Tuhan Israel, Bangsa pilihan dan kembali kepada kepercayaan banyak Tuhan atau penyatuan Tuhan dan Manusia sehingga berlaku penyembahan berhala. Buktinya, dapat dilihat dengan merujuk kepada ayat al-Quran serta usaha halangan dan kegagalan yang dihadapi oleh nabi-nabi (seperti yang telah dijelaskan dalam sejarah agama Yahudi dan Kristian terhadap prinsip Mesopotamia di atas) termasuk nabi Muhammad dan pengikutnya dalam penyebaran Islam.

dalam acuan rasionalisme barat<sup>177</sup> yang meletakkan akal satu-satunya punca pengetahuan dan menolak sumber wahyu.

#### **i. Rasional**

Penegasan akan perlunya wujud komponen rasional dalam sesuatu tamadun adalah bagi mengelakkan dan menghalang daripada berlaku kejumudan dan kebekuan pemikiran dan tindakan umat dalam tamadun tersebut. Rasional yang ditekankan oleh al-Fārūqī adalah hasil dari Tauhid dan ia hanya terlaksana dengan mematuhi tiga syarat utama iaitu <sup>178</sup>:

Pertama: Penolakan terhadap semua yang tidak sesuai dengan realiti. Ketiga, keterbukaan terhadap bukti baru atau bertentangan. Al-Fārūqī menjelaskan bahawa peraturan ini bertujuan mencegah seseorang Islam membuat dakwaan atau menerima pendapat yang tidak diuji dan disahkan dengan ilmu. Ini kerana dakwaan atau sesuatu ilmu yang tidak sah menurut al-Quran adalah satu contoh *ẓann* atau ilmu yang tidak pasti dan hal ini dilarang oleh Allah.

Kedua: Penafian terhadap pertentangan. Peraturan ini bertujuan mencegah seseorang daripada pertentangan yang kecil dan pertentangan yang kompleks pada pihak yang lain pula. Pelaksanaan rasionalis sepatunya bertindak mengkaji tesis yang bertentangan berulang kali, dengan andaian bahawa masih terdapat aspek yang terlepas dari pengetahuan dan ini akan mengakibatkan hubungan yang bertentangan. Sebagai contoh, al-Fārūqī menjelaskan dalam memahami al-Quran, pembaca ayat al-Quran mengulangi pembacaannya kerana ia khuatir sesuatu makna yang tidak jelas telah tertinggal, jika hal ini diberi perhatian maka risiko wujudnya aspek yang bertentangan semakin kurang. Dari sudut sumber, rujukan kepada akal atau kefahaman yang sempurna

---

<sup>177</sup> Rasionalisme Barat adalah satu fahaman yang meletakkan akal sahaja sebagai sumber ilmu dan hanya perkara yang diterima akal atau logik dianggap memberi makna (al-Fārūqī, Ibid,(2005),82)

<sup>178</sup> AL-Faruqi, Ibid,(2005,)h, 83.

merupakan cara yang berkesan untuk mengharmonikan sumber ilmu wahyu atau akal, kefahaman dan pentafsiran orang Islam dari manipulasi manusia. Hal ini kerana wujudnya bukti yang belum ditemui akal telah dan mudah difahami dari sumber wahyu. Al-Fārūqī menegaskan bahawa hanya akal yang lemah sahaja menerima sesuatu yang bertentangan sebagai sah. Jadi Muslim yang rasional atau orang rasional merupakan mereka yang mengakui dua sumber ilmu dirujuk iaitu wahyu dan akal

Ketiga: sifat terbuka kepada bukti baru atau pendapat bertentangan. Peraturan ini bertujuan agar dapat mencegah seorang Muslim bersifat *literalism*, *fanatism* dan akhirnya menjadi konservatif. Ini kerana al-Fārūqī menegaskan bahawa sifat *literalism* dan *fanatism* ini akan menyebabkan daya intelek kurang dan rendah.

Dalam konteks agama, kajian mendapati bahawa pandangan al-Fārūqī dalam pelaksanaan sikap rasional telah diaplikasikan di dalam pendekatan memahami agama-agama yang berasaskan proses fenomenologi. Dalam pendekatan ini nilai rasional dilihat terlaksana semasa proses pengumpulan bukti-bukti baru terhadap data-data agama terutamanya dengan menerima secara terbuka penjelasan atau bukti data agama tersebut tanpa taklid kepada kepercayaan agama yang dianuti.

Kajian berpendapat bahawa sebagai seorang tokoh yang hidup bersama-sama dengan agama lain di Barat, al-Fārūqī memberi perhatian menggunakan pendekatan fenomenologi agama yang telah dirangka oleh pengkaji Barat. Namun al-Fārūqī memberi kritikan terhadap pendekatan fenomenologi Barat yang didakwa banyak menghasilkan *relativism* hasil dari pra sayarat *epoche*. Justeru, sebagai penyelesaian al-Fārūqī membentuk kerangka pendekatan fenomenologi yang memberi penekanan kepada pengumpulan data kajian agama dengan lebih tepat dan rasional namun menekankan akan keperluan proses penilaian selepas pengumpulan data di buat berpandukan kepada

prinsip –prinsip rasional dan fitrah manusia khususnya dalam konteks Yahudi, Islam dan Kristian.

## **ii. Kesatuan Wahyu**

Prinsip kesatuan wahyu pula diberi penekanan dalam menilai data-data agama yang telah dikumpulkan secara rasional. Bagi al-Fārūqī, kesatuan wahyu ini adalah disebabkan keyakinan dan keimanan manusia bahawa semua perkara dijadikan dan menerima panduan dari Tuhan yang sama. Maka panduan atau asas kepercayaan yang sama ini merupakan satu prinsip universal. Selaras dengan keyakinan ini, data-data kajian agama yang terkini perlulah dinilai berdasarkan prinsip universal bagi melihat keselarasan data terkini dengan panduan yang asal. Ini bertujuan untuk membuktikan kewujudan perbezaan dan persamaan antara agama bagi melihat ruang dan tahap hubungan antara agama–agama ini. Prinsip penilaian universal inilah yang dikenali oleh al-Fārūqī sebagai prinsip meta agama. Pendekatan penilaian meta agama merupakan satu elemen tambahan dalam kaedah fenomenologi al-Fārūqī.

Kesatuan wahyu ini penting untuk diakui kerana secara praktikalnya, al-Fārūqī menegaskan bahawa setiap agama mempunyai persamaan yang tertentu. Namun realiti yang berlaku majoriti gerakan agama berusaha untuk mengawal dirinya dengan cara menghalang gerakan agama lain daripada mengganggu perkembangannya. Begitu juga halnya dengan budaya dan kaum. Apabila ada kumpulan minoriti, pihak majoriti tentulah akan bekerja keras untuk menyerapkannya. Bagi al-Fārūqī, ini adalah satu tanda yang sihat dan berkuasa bagi pihak majoriti yang berusaha untuk mengembangkan dirinya dan untuk menyerapkan minoriti. Nafsu universal ini tiada salahnya. Tapi apa yang salah adalah pada kaedah penyerapan yang menggunakan tindakan ganas, penindasan paksaan dan kekejaman untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Hal tindakan ganas ini tidak berlaku dalam ajaran agama Islam. Ini kerana Islam mempunyai teori dakwah yang unik,

tentang kepercayaan lain, tentang agama lain dan tentang pemelukkan di kalangan masyarakat Islam<sup>179</sup>. Islam sememangnya agama dakwah kerana dakwaan yang dibuatnya adalah bersifat rasional dan kritikal. Tambahan pula Islam menanggap dirinya sebagai wahyu akhir, sebagai pembaharuan definitif bagi semua agama khususnya Yahudi dan Kristian yang telah mendahului dalam tradisi agama. Dakwaan-dakwaan Islam diarahkan kepada penegasan-penegasan yang bertentangan dengan agama lain. Oleh itu secara intelektual, Al-Fārūqī berpendapat bahawa dakwah Islam merupakan hasil yang perlu sebagai penegasan dan penafian. Semua orang dijemput berhujah dan orang Islam secara epistemologi adalah bertanggungjawab untuk membuktikan kebenaran dakwaan Islam dan mendapatkan persetujuan lawannya.

Maka bertolak dari kesatuan wahyu ini, kajian mendapati bahawa al-Fārūqī meletakkan dakwah adalah penting untuk pengesahan kebenaran agama yang dianuti agar selaras dengan wahyu yang asal. Malah, al-Fārūqī berpegang bahawa tiada agama yang menolak usaha pengembangan (dakwah) jika berteraskan asas intelektual. Menafikan usaha pengembangan (dakwah) bermakna menafikan keperluan permintaan persetujuan dari orang lain terhadap kebenaran yang ditentukan oleh agama atau perkongsian kebenaran yang ditentukan oleh agama kepada penganut agama lain. Jika kita tidak meminta persetujuan orang tentang sesuatu dakwaan, maka itu bermakna bahawa kita tidak serius dengan dakwaan kita atau kita hanya menganggap dakwaan itu benar-benar subjektif, partikular atau subjektif dan hanya sesuai bagi golongan yang membuat dakwaan sahaja. Sifat seperti ini merupakan sikap yang *relativisme*<sup>180</sup> (atau juga disebut sebagai *ekstremisme*, *tribalisme*, atau *etnosentrisme*) agama. Sedangkan dalam agama, sifat *relativisme* ini merupakan bukti kelemahan terhadap hujahan dalam sesuatu dakwah

---

<sup>179</sup> Al-Fārūqī, Ibid,(2005),h 197.

<sup>180</sup> Relativisme di sini membawa maksud persembahan dakwaan sebagai “benar hanya bagi penganut penganutnya dan dakwaan yang bertentangan mungkin hanya benar bagi orang lain”

dan tuntutan kebenaran. Justeru, konsep dakwah Al-Fārūqī menekankan tiga asas utama iaitu kebebasan, rasional dan universal<sup>181</sup>.

### **Pertama: Kebebasan**

Prinsip kebebasan di dalam dakwah islamiah merangkumi sifat integriti pendakwah dan orang yang didakwahkan. Ini kerana, Al-Fārūqī menjelaskan bahawa dakwah itu ialah satu seruan untuk mempertimbangkan dakwaan yang paling penting tentang kehidupan dan kematian, kebahagiaan atau penyeksaan abadi, kegembiraan atau kesengsaraan, kebenaran yang terang atau kepalsuan yang gelap. Meminta dan menerima rasuah, menggunakan kekerasan atau menggunakan tujuan selain dari keredaan Allah, menyebabkan satu kesalahan dan jenayah besar dalam dakwah. Ketakutan mesti dibebaskan dari diri orang yang didakwahkan sehingga dia yakin bahawa dia sendiri yang membuat pilihan. Namun begitu walaupun tanpa kekerasan, seruan kepada Islam ini perlu dilakukan dengan serius dan seruan itu juga mesti diterima dengan penuh yakin. Syarat serius kepada pendakwah dan yakin kepada orang yang didakwahkan menunjukkan hal ini merupakan proses yang berlarutan bukan sekali dua.

### **Kedua: Rasionaliti**

Menurut al-Fārūqī, dakwah Islamiah merupakan jemputan untuk berfikir, berdebat, berhujah dan untuk menilai sesuatu perkara. Jemputan itu tidak boleh diterima dengan rasa dingin kecuali orang yang suka mempersendakan, atau orang yang tidak berpengetahuan. Ini kerana, hak untuk berfikir adalah milik semua manusia. Tidak ada manusia yang boleh menghalang orang lain untuk berfikir. Hak ini hanya dapat dihalang oleh orang yang tidak berintegriti dalam konteks masa itu. Matlamat yang dicari dari dakwah adalah kebenaran dan proses yang mesti dilalui oleh orang yang menerima

---

<sup>181</sup> Al-Fārūqī, Ibid(2005), 198.

dakwah adalah penilaian. Selaras dengan proses penilaian ini maka syarat penerimaan dakwah memerlukan penerimaan secara beralasan dan teliti terhadap isi kandungan seruan. Dakwah yang melibatkan emosi, atau kecacatan kewarasan atau *Psychopathic expansion*, atau umpama silap mata dan ilusi, provokasi emosi yang berlebihan adalah dakwah yang tidak sah. Penyampaian dakwah kepada pemikiran seseorang mestilah dengan tenang dan keputusan yang dicapai adalah hasil tindakan akal, intuisi, dan emosi yang seimbang. Akal berfungsi mendisiplinkan pemikiran dan emosi berfungsi memperkukuhkan. Penilaian mestilah dilaksanakan dengan membuat perbandingan, memikirkan alasan yang tepat, mencari hubungan di antara ilmu pengetahuan dengan realiti. Islam memandang rendah orang yang menolak Islam tanpa mengemukakan sebarang hujah dan alasan yang kukuh. Memeluk atau menolak Islam mestilah berasaskan hujah dan alasan yang sah tidak kira kepada pemeluk atau penganut selain Islam. Penyeru-penyeru Islam bukan lah duta *Autoritarian* tetapi mereka adalah pemikir bersama yang bekerjasama dengan orang yang diseru dalam usaha untuk memahami dan menghargai wahyu Allah.

### **Ketiga : Universalism**

Konsep Universalism al-Fārūqī bertolak dari pegangan beliau bahawa tiada siapa yang boleh diketepikan dari seruan Islam. Ini kerana, kewujudan Tuhan, keEsaan-Nya, kepentingan-Nya terhadap alam dan kehidupan dan perintah-Nya semua adalah melibatkan semua manusia. Allah memanggil semua manusia kepada-Nya kerana semua manusia adalah makhluk-Nya. Apa sahaja batasan terhadap seruan-Nya adalah batasan tentang diri dan kuasa Nya. Tuhan tidak bersifat *etnosentrik* atau perkauman. Selaras dengan seruan universal ini maka agama Islam tidak terbatas bagi golongan tertentu. Al-Fārūqī menjelaskan hal ini bertolak daripada firman Allah:



يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ  
لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Surah al Hujurat (43):13

Bermaksud: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan Yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

Al-Fārūqī menjelaskan bahawa semua manusia mempunyai asal yang sama maka tujuan penciptaan turut sama dan pencipta yang sama. Hal ini dikukuhkan oleh al-Fārūqī dengan memetik khutbah Rasulullah yang akhir yang menyebut :“ Kamu semua dilahirkan daripada Adam dan Adam dicipta dari tanah”. Maka ajaran pencipta (Islam) tidak boleh tidak, perlu disampaikan dengan penuh serius kepada semua manusia. Malah semua manusia yang Mukallaf iaitu wajib menyahut seruan Allah dengan patuh<sup>182</sup>. Maka apa yang diperlukan adalah:

What is needed is the establishment and elaboration of the higher principles which are to serve as basis for the comparison of various system of meanings, of cultural patterns, of moralities and of religions; the principle by reference to which the meanings of such system and patterns may be understood, conceptualized and systematized <sup>183</sup>

Dalam penjelasan di atas, al-Fārūqī menekankan agar prinsip tertinggi perlu dibentuk oleh pengkaji sebagai asas pemahaman dan penilaian agama.

Berdasarkan penjelasan di atas, keharmonian agama antara Islam bersama dengan agama lain merupakan ajaran Islam. Ia merangkumi prinsip menghormati, bertolak ansur,

<sup>182</sup> Al-al-Fārūqī, Ibid, (2005), 201.

<sup>183</sup> Al-Fārūqī, *Christian Ethic: A Historical and Systematic analysis of its Dominant Ideas*. (Montrell: Mc Gill University Press,1967), 9-10.

kerjasama dan saling memahami. Walau bagaimanapun al-Fārūqī menjelaskan bahawa keharmonian yang dituntut oleh agama Islam terhadap agama lain tidak menafikan keperluan berdakwah dalam Islam. Dalam erti kata lain, Islam mengakui wujudnya agama lain yang salah dan dianggap tidak membawa kebenaran yang sebenar.

Secara keseluruhannya, kajian mendapati bahawa prinsip toleransi agama al-Fārūqī bergerak di antara tuntutan menjaga keharmonian dan keperluan berdakwah.

## **2.4 Pendekatan Dan Kaedah Toleransi Agama Menurut Al-Fārūqī**

Selaras dengan prinsip toleransi agama yang dijelaskan di atas, kajian mendapati bahawa prinsip asas toleransi agama menurut al-Fārūqī ini mestilah bermula dari toleransi dalam memahami agama. Hal ini menggambarkan bahawa toleransi agama memberi ruang kepada penganut agama untuk menjelaskan agama mereka dan hal ini diperlukan dalam pelaporan data. Namun begitu, hasil pelaporan data ini tidak membawa kepada membenarkan *relativism* sebagai asas penentuan kebenaran. Selaras dengan ini, penilaian dengan prinsip universal adalah satu keperluan. Hal ini dilihat diberi penekanan oleh al-Fārūqī melalui panduan dalam mengkaji agama-agama di bawah satu kaedah yang dinamakan iaitu kaedah fenomenologi agama dan kaedah penilaian meta agama.

### **2.4.1 Pendekatan Fenomenologi Agama Menurut Al Fārūqī**

Ironi, pendekatan fenomenologi agama al-Fārūqī ini menggambarkan kecenderungan beliau dalam melaksanakan kajian perbandingan agama. Kajian fenomenologi agama al-Fārūqī melalui dua proses utama yang perlu dilakukan oleh pengkaji agama iaitu (a) memahami data melalui proses pelaporan (*reportage*), pengumpulan data-data (*collection of data*), proses pembentukan makna keseluruhan (*construction of meaning*) atau penyusunan data (*systemization of data*). (b) Menilai data dengan prinsip meta agama (*judgement with meta religion Principe*).

### **i. Proses Pelaporan atau Pengumpulan data**

Al-Fārūqī menjelaskan bahawa melalui perjalanan sejarah agama yang panjang, terdapat dua pengaruh besar yang cuba membataskan sesuatu bidang kuasa agama iaitu pertama terdapat cubaan untuk mentakrifkan semula agama dalam cara yang terhad dan sempit dan kedua wujudnya dakwaan eksklusif agama atau dasar pemencilan sesuatu agama seperti yang didakwa wujud dalam agama Yahudi, Kristian dan Islam<sup>184</sup>. Kedua-dua perkara ini di dakwa boleh mengakibatkan kebenaran agama dipertikaikan. Berdasarkan permasalahan ini, terdapat beberapa perkara penting dalam proses pelaporan data fenomenologi iaitu<sup>185</sup> :

**Pertama:** Pengkaji perlu berusaha untuk melupuskan tanggapan atau fakta yang sedia ada dalam diri pengkaji tentang sesuatu agama yang ingin dikaji sama ada berkaitan sejarah , kumpulan atau budaya dalam agama tersebut. Sebaliknya, kumpulan-kumpulan data yang baru didapati perlu dianalisis dan mencari perkaitan antara data tersebut supaya dapat mendedahkan inti pati budaya agama secara keseluruhannya.. Justeru, sumbangan konsep epoche dalam perbandingan agama adalah membuang konsep prejudis yang mana akan menafikan kredibiliti sesuatu agama seperti yang dinyatakan oleh Al-Fārūqī:

“religion that is valid only for its adherents is no religion at all. Even at best, such a religion is but a tribalism ethic, just as truth which is truth only for those who accept it and has no claim to the acceptance of all men , is nit truth at all but prejudice. There is no escape , therefore in the comparative study of religion for some evaluation that are here in question<sup>186</sup>.

**Kedua:** pengumpulan data agama ini mengambil kira pandangan peribadi ,perbuatan sosial, mahupun kehidupan yang wujud dalam agama yang dikaji sebagai sebahagian data

---

<sup>184</sup> Ibid, 22

<sup>185</sup> Ibid,22-23

<sup>186</sup> Ibid,.42

untuk memahami agama yang kompleks. Ini bertolak dari hakikat bahawa agama bukanlah wujud dengan satu perbuatan semata-mata atau perbuatan seorang semata-mata.

**Ketiga:** Pengumpulan terhadap data yang dilakukan ini turut melibatkan usaha yang bersungguh-sungguh dan penuh minat dan beretika agar data yang diperolehi bukan melalui cara paksaan mahupun mengambil data-data yang berbentuk spekulasi atau fakta yang sedia ada. Setelah data-data ini di kumpul dan diperolehi, terdapat proses seterusnya yang perlu dilakukan bagi memberi makna atau mendapatkan makna di sebalik dari data tersebut dan proses ini melibatkan analisis perkaitan antara data dan makna di sebalik data yang diperolehi sehingga hasilnya akan membentuk nilai-nilai agama.

ii. **Penyusunan data (Systemization of data)**

Setiap data yang dikumpul dari proses pengumpulan data sebelum ini adalah umum dan data-data ini mestilah disusun melalui tiga proses iaitu<sup>187</sup>:

**Pertama:** Data yang di dapati dari proses pertama ia perlu diklasifikasikan mengikut keperluan susunan dan aturan pengkaji moden. Data-data yang didapati dalam setiap elemen kajian perlu dianalisis dan dilihat perkaitan antara satu sama lain bagi mengenal pasti pertalian idea-idea tersebut. Penyusunan setiap data kajian bertujuan untuk membenarkan pengkaji moden untuk menyedari dengan mudah keseluruhan idea dan perkara di dalam setiap agama atau aspek agama. Ini kerana setiap aspek agama dalam mana-mana agama mempunyai satu pertalian yang membawa kepada sistem makna tertentu.

**Kedua:** Hubungan setiap kumpulan data-data (*datum*)<sup>188</sup> dengan keseluruhan sejarah yang berkaitan dengan agama tersebut perlu dikenal pasti, dijelaskan dan diwujudkan

---

<sup>187</sup> Ibid,17-20.& al-Fārūqī , I.R (1998), 168-170.

<sup>188</sup> *data*. Bermaksud fakta atau cadangan yang digunakan untuk membuat kesimpulan atau membuat keputusan. *Datum* pula bermaksud satu titik, garisan, atau permukaan yang digunakan sebagai rujukan, seperti di ukur, pemetaan, atau geologi.(al-al-Fārūqī ,1967) h.19).

untuk membentuk sebuah pemikiran. Asal-usulnya mestilah dikenal pasti, pertumbuhan dan perkembangannya malah jika perlu penyelewengan, dan salah faham yang perlu diketahui dengan tepat. Pembentukan idea-idea yang berkaitan dengan institusi, penilaian mahupun penemuan-penemuan yang berkaitan dengan sikap dan kehendak manusia yang dikaji perlu dijelaskan bagi mengenal pasti ketepatan fakta dalam sejarah.

Setiap individu dalam pembangunan teori ini mestilah memberi kesan sama da menyokong atau menentang fakta sejarah. Menurut al-Fārūqī, Profesor Kitagawa seorang pengkaji sejarah agama dan telah menghasilkan artikel *The History of Religions in America* menekankan proses ini dengan menjelaskan bahawa:

“Setiap pengkaji mestilah mempelajari sejarah kewujudan dan pembangunan sesuatu agama dari sudut sejarah itu sendiri dan dalam konteks interaksi sejarah tersebut dengan budaya dan masyarakat yang terlibat. Pengkaji mestilah cuba untuk memahami faktor emosi yang membina sesuatu masyarakat agama dan reaksi atau hubungan mereka dengan dunia luar. Ini kerana, di sana pasti terdapat tambahan analisis sosio agama yang mana ia bertujuan untuk menjelaskan struktur sosiologi yang memberi implikasi dan relevan terhadap perkembangan sesebuah agama”.

**Ketiga:** Data agama yang telah diklasifikasikan dan disusun perlu dianalisis untuk melihat makna di sebaliknya dan makna ini harus difahami satu persatu. Ia bertujuan untuk menegaskan bahawa perkaitan antara data-data ini disebabkan makna data-data itu sendiri bukan disebabkan oleh fakta sejarah yang telah ada. Setiap *datum* agama sama ada ia adalah satu ungkapan idea, sikap atau perasaan, penolakan mahupun penerimaan mempunyai nilai-nilai tersendiri. Ini kerana data-data gama ini merupakan tindak balas manusia, sama ada dalam bentuk sikap atau perbuatan. Setiap tindak balas manusia tidak boleh difahami tanpa melihat perkaitannya dengan sesuatu nilai (*The Former is a planar relation dan the latter is a relation in depth*). Sebagai contoh, isu dosa warisan adalah nilai kepercayaan dalam agama Kristian. Kita mesti terlebih dahulu memahami maknanya dengan membaca takrif dan analisis pemikir Hebraic dan Yahudi dalam Old testament

dan pemikir Kristian modern seperti Paul Tillich bagi berkaitan penjelasan isu ini dalam New Testament. Setelah mengetahui sejarah pembangunan doktrin ini, barulah pengkaji melihat perkaitan dengan sejarah perkembangan Kristian, dari sudut peringkat penerimaan, kejatuhan dan doktrin perkembangan. Oleh itu susunan maklumat ini akan membangunkan satu idea yang menyeluruh dan ia akan berkait rapat dengan pembentukan nilai-nilai dan makna di sebalik nilai dalam agama Kristian.

Namun timbul persoalan, bagaimana tiga proses ini dapat memberi makna dan hubungan di sebalik data? Justeru al-Fārūqī menekankan bahawa selepas pelaksanaan *epoche* terdapat set penilaian nilai yang tinggi (higher principle) perlu diikuti dalam penyusunan data. Prinsip-prinsip tertinggi ini merupakan satu usaha untuk membentuk panduan dan asas dalam melakukan perbandingan antara pelbagai sistem sama ada sistem agama, budaya, reka bentuk dan akhlak<sup>189</sup>. Prinsip-prinsip tertinggi adalah pembinaan prinsip-prinsip teori ia bertujuan untuk mengawal cara untuk memahami, membuat penilaian mencari asas rasional setiap manusia yang berkaitan dengan agama daripada agama-agama lain. Ia mengandungi lima perkara utama iaitu<sup>190</sup>:

**Pertama:** melihat perkaitan elemen dalam agama iaitu mencari perkara-perkara yang tidak bercanggah antara elemen dalam agama). Menurut Al-Fārūqī tiada suatu sistem yang sepatunya diiktiraf sehingga ia mengesahkan setiap elemen yang terbentuk dalam sistem tersebut saling tidak bertentangan antara satu sama lain. Ini kerana, pertentangan antara satu sama lain (*self contradiction*) merupakan perkara yang salah (fatal) dalam sesuatu sistem. Maka jika kita menafikan keperluan perkaitan elemen-elemen dalam satu sistem ia akan melemahkan sistem tersebut. Fakta ini tidak hanya terbatas dalam bidang kajian perbandingan agama semata-mata malah ia melibatkan semua bidang pemikiran

---

<sup>189</sup>Ibid,10

<sup>190</sup> Ibid,.3-7.

manusia sama ada dalam bentuk ideologi mahupun komunikasi. Al-Fārūqī turut menegaskan bahawa jika dari mula lagi elemen yang bertentangan dalam hubungan dalaman sesuatu sistem diterima, maka pengkaji tidak akan berjaya menemui apa-apa penjelasan. Apakah perlunya sesuatu nilai itu dikaji dan dianggap benar jika ia secara awal adalah bertentangan. Maka dengan sebab itu, perkaitan atau hubungan antara elemen dalam sesebuah sistem mempunyai kuasa untuk mengesahkan sesuatu wahyu<sup>191</sup>.

Sebagai contoh, dalam alam satu masa mereka mempercayai bahawa Tuhan itu satu, namun dalam satu masa lain mereka percaya wujud tiga tuhan. Justeru hal ini sukar dijelaskan kepada penganut mereka mahupun agama lain. Ia hanya dianggap sebagai satu kepercayaan keimanan. Maka menurut al-Fārūqī ini dianggap pertentangan dalam antara elemen dalam agama dan pertentangan sesuatu hubungan dalaman elemen agama tersebut tidak boleh menjadi asas kesahan sesuatu wahyu<sup>192</sup>.

Ini bermaksud data-data yang didapati dalam setiap elemen kajian perlu dianalisis dan dilihat perkaitan antara satu sama lain bagi mengenal pasti pertalian idea-idea tersebut. Penyusunan setiap data kajian bertujuan untuk membenarkan pengkaji moden untuk menyedari dengan mudah keseluruhan idea dan perkara di dalam setiap agama atau aspek agama. Ini kerana setiap aspek agama dalam mana-mana agama mempunyai satu pertalian yang membawa kepada sistem makna tertentu.

**Kedua:** Mencari perkaitan secara luaran iaitu mencari doktrin-doktrin dalam agama yang dikaji yang boleh diterima rasional sahaja. Dalam proses ini sistem atau pandangan yang dijelaskan mestilah selaras dengan pengetahuan manusia atau rasional manusia. Al-Fārūqī menjelaskan bahawa setiap ilmu pengetahuan manusia yang ada telah wujud

---

<sup>191</sup> Al-Fārūqī. Th Culture of Islam ( 1986),11

<sup>192</sup> Ibid,12

secara sah mengikut bidang kepakaran masing-masing dan setiap ilmu ini bertindak saling rujuk merujuk antara satu sama lain.

Ini kerana pengkaji akan menjumpai bahawa setiap bidang baru tidak akan terjadi dengan sendiri, ia tidak boleh tidak mesti mempunyai perkaitan walaupun tidak secara langsung dengan sesuatu bidang yang telah sedia ada. Hal ini bertolak dari proses tesis, anti-tesis dan sintesis yang berlaku dalam proses perkembangan ilmu pengetahuan manusia. Malah penjelasan mengenai penemuan-penemuan baru merupakan satu usaha untuk membentuk sempadan ilmu yang baru dan asas kepada kebenaran baru. Maka hubungan dan perkaitan antara bidang pengetahuan manusia (rasional) merupakan satu perkara yang mesti berlaku dalam semua penemuan kebenaran yang asli<sup>193</sup>.

Dalam konteks agama, analogi perkaitan di atas dapat difahami dengan penjelasan Al-Fārūqī bahawa tiada satu wahyu yang diturunkan menjadi undang-undang mutlak dirinya sendiri tetapi ia mestilah disebabkan perkaitan atau hubungan dengan bidang pengetahuan manusia sebagai satu tanda kesempurnaan pencipta. Setiap wahyu yang diturunkan adalah seiring dengan keperluan dan realiti manusia. Fizikal, geografi, sosio ekonomi, politik kesenian dan ideologi-ideologi merupakan faktor penyebab untuk manusia memahami wahyu. Namun Al-Fārūqī menegaskan bahawa ia tidak bererti wahyu Tuhan hasil kehendak manusia iaitu wahyu Tuhan bersifat relatif mengikut kehendak manusia<sup>194</sup>. Hakikat wahyu yang sebenar menurut Al-Fārūqī ialah kebenaran yang diwahyukan adalah sentiasa rasional dan selaras dengan kehidupan manusia. Tuhan tidak mencipta wahyu sebagai satu yang sia-sia. Kerasionalan wahyu Tuhan dengan keperluan manusia dibuktikan melalui antaranya seperti kepentingan al-Quran sebagai

---

<sup>193</sup> Ibid, 13.

<sup>194</sup> Ibid.



panduan, undang-undang Musa, pembinaan Piramid pada 20 tahun sebelum Masihi dan seumpamanya..

**Ketiga** : melihat keselarasan antara wahyu dan pengalaman keagamaan manusia (ia boleh terhasil dari persamaan yang diperolehi). Dalam proses ini setiap yang diwahyukan oleh Tuhan adalah benar, dan kebenaran ini tidak akan bercanggah antara setiap manusia. Kenyataan ini bertitik tolak dari keimanan Tuhan itu Esa. Menurut Al-Fārūqī, Tuhan itu Esa dan Tuhan yang Esa ini adalah sumber penurunan semua wahyu maka wahyu-wahyu yang diturunkan dari sumber yang sama ini tidak akan menghasilkan arahan yang bertentangan antara satu dengan yang lain. Terdapat kemungkinan wujudnya penambahan atau pengubahsuaian antara satu wahyu dengan wahyu lain yang diturunkan tetapi ia tidak membawa kepada pertentangan antara satu sama lain serta tidak mengubah tujuan asal penurunan wahyu. Kandungan wahyu itu turut menjelaskan kebenaran sumbernya.

Jika berlaku percanggahan dari sudut tujuan wahyu tersebut, maka ia adalah disebabkan oleh manusia/sejarah bukan daripada Tuhan yang sebenar-benar Tuhan<sup>195</sup>. Maka perkara yang boleh dijadikan asas pembentukan kepada prinsip kesatuan hanyalah konsep dan doktrin yang mempunyai persamaan dalam setiap agama. Dalam erti kata lain, prinsip ini menyatukan kedua-dua prinsip sebelumnya apabila ia bercanggah dengan agama maka terserlah penyelewengan doktrin tersebut.

**Keempat**: Melihat perkaitan antara agama dan realiti. Sesuatu sistem agama, budaya, kefahaman ataupun sistem nilai yang ingin mendakwa ia adalah benar, kebenaran yang ada dalam sistem tersebut mestilah selaras dan tidak bertentangan dengan realiti. Pertentangan dengan realiti akan menjadikan sesuatu sistem itu tidak sah. Dalam konteks

---

<sup>195</sup> Ibid,13.

agama, asas-asas agama sama ada dari sudut metafizik, akhlak dan sejarah yang membentuk dakwaan dan kefahaman yang bertentangan dengan realiti pasti akan menderita kerana perlu melakukan proses semakan semula tesis (teori-teori asas mereka) mengikut realiti yang mereka tolak<sup>196</sup>. Dalam hal ini jika prinsip-prinsip kebenaran dalam setiap agama itu bercanggah dengan realiti dan pengetahuan yang diiktiraf oleh masyarakat umum, maka prinsip itu adalah tidak absah.

**Kelima:** Melakukan proses mencapai matlamat yang benar iaitu prinsip ini mencari satu istilah yang boleh diterima oleh semua agama bagi menjelaskan kebenaran yang telah diperolehi. Bagi sesuatu sistem agama yang cuba membentuk satu sistem keagamaan atau cuba menjadi satu sistem yang menyeluruh ia mestilah bertindak sepenuhnya untuk menunjukkan kematangan dan ketinggian nilai dari sudut akhlak dan hubungan dengan Tuhan.

Pembentukan prinsip-prinsip tertinggi ini merupakan satu usaha untuk membentuk panduan dan asas dalam melakukan perbandingan antara pelbagai sistem sama ada sistem agama, budaya, reka bentuk dan akhlak<sup>197</sup>. Berdasarkan penjelasan ini membuktikan bahawa proses penyusunan data ini merupakan satu perkara yang penting perlu dikaji dari dalam penganut agama itu sendiri (mendapatkan maklumat dari penganut, turun ke padang) bukan hanya mengulas secara luaran atau ulasan yang bersifat *superficial* sahaja. Bahagian-bahagian yang membentuk pelbagai budaya agama tidak semestinya diubah, tapi apa yang perlu hanyalah setiap data tersebut mesti diklasifikasikan, dianalisis dan mencari pertalian antara satu sama lain berdasarkan konteks realiti sesuatu agama tersebut bukan berasaskan fakta sejarah yang sedia ada.

---

<sup>196</sup> Ibid,14.

<sup>197</sup> Al-Fārūqī, (1967),h10

## ii. Penilaian Data

Setelah memahami agama hasil dari data perbandingan agama secara teori, maka kesempurnaan data pula hendaklah dilengkapi dengan proses penilaian. Melalui dua langkah pertama iaitu proses memahami agama melalui pelaporan dan penyusunan data, tidak dinafikan bahawa agama-agama telah dijelaskan dan dapat difahami dengan baik oleh ahli-ahli perbandingan agama. Namun tidak juga dinafikan bahawa pelaksanaan prinsip ini akan menimbulkan beberapa persoalan antaranya seperti membentangkan bagaimana untuk mendapatkan bukti penganut agama tersebut bersetuju dengan data-data yang telah dikaji? dan bagaimana persetujuan tersebut boleh dinyatakan?. Maka al-Fārūqī berpendapat bahawa dalam hal ini, jika pengkaji mengambil ia sebagai satu prinsip pembelajaran maka minta ahli sejarah agama untuk menyemak dapatan kajian ini kerana mereka lebih arif terhadap perspektif penganut agama yang dikaji. Hasilnya akan berlaku proses semak dan teknik imbangan untuk melindungi pengkaji dari melakukan penyelewengan maklumat.

Selain itu, al-Fārūqī turut mempersoalkan pula adakah cukup melaporkan data agama dengan meletakkan data setiap agama bersama-sama secara bersebelahan. Ini bukanlah memberikan kebenaran yang sebenar malah ia menghasilkan relativism<sup>198</sup>. Sebahagian ahli sejarah merasakan hal ini sudah cukup kerana tugas mereka hanyalah untuk memahami agama sahaja dan penjelasan seperti ini dan muncul dalam satu bidang akademik yang diistilahkan sebagai *Religionwissenschaft*. Akan tetapi, al-Fārūqī membidas jawapan kumpulan ini dengan menyatakan bahawa dengan memahami agama tanpa perlu menjelaskan pengesahan hasil penemuan dari prinsip pertama itu tadi hanyalah satu usaha untuk mengembangkan agama yang telah mereka anuti. Pengkaji yang mempunyai ciri-ciri seperti ini didakwa al-Fārūqī sebagai pengkaji agama yang

---

<sup>198</sup> al-Fārūqī, *The cultural Atlas of Islam* (1986), 26-27 & al-Fārūqī, *Tawhid and its implication to the life* (1998), 172-175.

gagal. Ini kerana, mereka ini memberi reputasi dan kesan yang buruk kepada generasi akan datang. Malah dari satu sudut, kajian agama seperti yang dilakukan ini hanya akan membantu para mubaligh menyebarkan agama-agama yang dianuti sehingga menukarkan pegangan seseorang<sup>199</sup> .

Dalam erti kata lain, Al-Fārūqī ingin menegaskan bahawa data-data agama yang telah diperolehi dari usaha *epoche* dalam memberi kefahaman tentang sesuatu agama tidak cukup sekadar difahami. Akan tetapi data agama ini perlu dinilai ketepatan dan kesahihan data yang diperolehi. Bagi menjadikan hasil kajian dari prinsip pertama yang telah dijelaskan sebelum ini sebagai sebuah hasil kajian perbandingan agama yang baik, terdapat beberapa persoalan yang perlu dijadikan panduan pengukuran kepada penghasilan sesuatu teori agama yang baik.

Dalam erti kata lain, al-Fārūqī ingin menegaskan bahawa data-data agama yang telah diperolehi merupakan sumber untuk memberi kefahaman tentang sesuatu agama. Namun ia tidak cukup sekadar difahami, tetapi perlu dinilai ketepatan dan kesahihan data yang diperolehi. Selaras dengan tujuan ini, al-Fārūqī menekankan dua bentuk penilaian utama iaitu penilaian melalui pakar agama dan penilaian berpandukan prinsip meta agama.

#### **Pertama: Penilaian Data Melalui Pengesahan Pakar Agama.**

Secara fitrah, setiap sejarah agama bertujuan untuk mencari dan menghasilkan kepercayaan, pemikiran dan pengetahuan sesuatu kelompok agama tertentu. Malah dari sudut sejarah agama, ia juga bertindak untuk menilai dan menghakimi kepercayaan, pemikiran dan pengetahuan agama tersebut bagi mendapatkan kesahihan maklumat.

Dalam proses penilaian ini, ketepatan hubungan antara data dalam hasil kajian dinilai dengan pengesahan dari ketepatan responden. Al-Fārūqī menyatakan pengesahan

---

<sup>199</sup> al-Fārūqī , I. R. (1965),.15.

ini bertujuan untuk melihat adakah benar atau sebaliknya manusia yang terlibat dalam kajian perbandingan ini berfikir, mengetahui, mempercayai dan menilai seperti yang mereka dakwakan. Ini secara tidak langsung ingin membuktikan manusia yang dilibatkan dalam kajian dapat menjadi penilai terbaik . Kesukaran pengesahan maklumat ini akan berlaku terutamanya apabila manusia yang terlibat dalam kajian itu telah tiada atau tidak wujud lagi. Maka kesannya penemuan yang dilengkapi dengan data kesusasteraan atau bahan peninggalan (Arkeologi)perlu disemak semula<sup>200</sup>..

Dalam kes seperti ini, perkaitan atau hubungan dalam sesuatu elemen agama yang telah dikenal pasti sejak awal lagi amat memainkan peranan dan menjadi undang-undang utama, diikuti dengan peratusan hubungan kekal yang tinggal dalam bentuk keadaan persekitaran sesuatu bangsa.Ini menunjukkan bahawa tugas untuk membina sesuatu pengetahuan yang berkaitan dengan kumpulan manusia bukanlah tugas yang mudah dan ia perlu melalui dua langkah utama iaitu<sup>201</sup>:

- menghantar hasil dapatan sejarah agama-agama untuk diuji bagi menentukan sama ada manusia dalam kajian ini menerima atau bersetuju dengan hasil kajian yang telah dibuat oleh ahli-ahli perbandingan agama. Seterusnya adakah persetujuan ini dengan tepat atau memerlukan penambahbaikan, adakah hasil kajian ini mencukupi dan disepakati dan memberi faedah. Dalam erti kata lain, adakah hasil kajian ini sememangnya seperti yang difikir atau diketahui oleh manusia yang terlibat dalam kajian. Syarat di sini adalah jawapan tersebut bukanlah dari kelompok jawapan yang minoriti dan ia perlu dipersetujui oleh setiap responden tanpa pengecualian. Dari sudut lain, pengkaji juga boleh menimbang jawapan yang diperolehi daripada kumpulan majoriti yang terdiri dari agamawan atau ketua-ketua agama. Jawapan dari kumpulan majoriti ini boleh dijadikan

---

<sup>200</sup> Ibid,16.

<sup>201</sup> Ibid.

ukuran mengenai ketepatan hasil kajian yang telah diperolehi Namun kejayaan ini amat sukar untuk dicapai dalam mana-mana sejarah agama kerana terdapat kesukaran untuk memujuk kelompok ini untuk membuat penilaian<sup>202</sup>.

- Pengesahan pengakuan oleh penganut agama. Namun begitu, pengesahan dari penganut agama perlu melalui beberapa ujian kelayakan kerana mungkin terdapat penganut agama-agama yang telah salah faham atau menukar nilai agama mereka sendiri. Sudah tentu penganut agama boleh memberi pandangan yang salah. Namun penghakiman terhadap pendapat mereka tidak boleh diperiksa kecuali dengan melihat tradisi asas dalam agama seperti yang dicatatkan dalam kesusasteraan. Malah adalah lebih baik, jika perbincangan ataupun dialog dapat dijalankan yang mana penganut agama dan ahli perbandingan agama sama –sama bersedia menunjukkan kesediaan untuk mendengar, disangkal dan menimbang semula sesuatu hasil kajian.

#### **Kedua: Penilaian Data Melalui Prinsip Meta Agama (Prinsip fitrah agama)**

Meta Agama adalah satu set panduan dan prinsip yang luas dan bebas dari batasan setiap fahaman agama. Ia merupakan prinsip penilaian yang bersifat universal, natural dan bebas bagi memahami dan mengkaji sesebuah agama. Ia memberi perhatian kepada sebuah agama atau penganut yang mengiktiraf dan menyembah Tuhan yang satu walaupun agama yang telah diwahyukan itu telah diselewengkan atau diubah suai. Enam prinsip Meta Agama ini merupakan panduan untuk mengukur keselarasan agama-agama yang telah diwahyukan dengan prinsip universal (*universal rationality*). Mana-mana agama yang tidak selaras dan bertentangan dengan enam prinsip ini diistilahkan sebagai agama yang bermasalah. Ini kerana, al-Fārūqī menegaskan bahawa enam prinsip Meta Agama ini adalah fakta-fakta agama yang logik dan tidak bertentangan dengan logik yang universal.

---

<sup>202</sup> Ibid.

Al-Fārūqī menjelaskan bahawa prinsip Meta Agama ini bertujuan untuk memeriksa perbezaan yang wujud di peringkat permukaan (*surface*) agama-agama dan memeriksa persamaan yang wujud dalam inti sari(*essence*) agama-agama<sup>203</sup>. Hal ini bertolak dari panduan asas al-Fārūqī iaitu Tuhan menjadikan manusia dan mengamanahkan setiap manusia ini kemampuan untuk menghakimi dan menilai perbezaan makna secara menyeluruh di antara agama-agama. Dalam hal ini, kajian mendapati bahawa al-Fārūqī menggunakan prinsip –prinsip yang wujud alam agama Mesopotamia kerana agama tersebut secara sejarah, merupakan punca dan kawasan asal kelahiran agama-agama sehingga mempengaruhi agama-agama ini khususnya Yahudi, Kristian dan Islam<sup>204</sup>.

- **Prinsip Asas Agama Mesopotamia.**

Bagi menjelaskan prinsip penilaian meta agama, kajian ini perlu untuk menjelaskan secara ringkas sejarah dan ciri tamadun Mesopotamia. Ini kerana al-Fārūqī mendakwa bahawa prinsip meta agama ini dianggap universal bertolak kepada sebab asasnya dari tamadun Mesopotamia yang banyak mempengaruhi Yahudi, Kristian, Islam. Menurut al-Fārūqī, ciri asas agama-agama Mesopotamia yang dapat dikesan menerusi tiga ribu tahun sejarah boleh dikatakan mengandungi lima prinsip utama iaitu<sup>205</sup>:

Pertama: Wawasan terhadap realiti kejadian yang mengandungi dua bahagian. Satu bahagian bersifat suci, mutlak dan memerintah manakala bahagian yang lain bersifat kebendaan, kemanusiaan, kemakhlukan sentiasa berubah dan tertakluk kepada undang-undang Tuhan.

Prinsip pertama ini disebut sebagai dualisme kewujudan (ontology). Prinsip ini mencegah Mesopotamia daripada sebarang penyatuan antara dua realiti untuk selama-

---

<sup>203</sup> Al-al-Fārūqī. (1995),.177

<sup>204</sup> Ibid, 178. Dengan sebab itu al-Fārūqī turut mengistilahkan prinsip meta agama ini sebagai prinsip asas sesebuah agama Semetik (agama-agama Hānīf).

<sup>205</sup> Al-al-Fārūqī, (1986). 42 dan Al-Fārūqī, (1995), h50-51.

lamanya. Walau bagaimanapun orang-orang Mesopotamia mempunyai cara tersendiri untuk menggabungkan kedua-duanya ini dengan menyatukan fungsi Tuhan dengan kuasa fenomena alam semula jadi di samping memelihara sifat transenden Tuhan yang berlainan. *Dualisme* pencipta dan makhluk telah membezakan Mesopotamia daripada Mesir Purba yang mempercayai bahawa *monophysitism* (realiti bersifat berlawanan)<sup>206</sup>. Al-Fārūqī juga menjelaskan bahawa kepercayaan Mesopotamia bertentangan dengan kepercayaan India yang mempercayai prinsip *Tat twam Asi*<sup>207</sup>. Rumusan akhir dalam akidah kedua-dua kepercayaan ini menghasilkan kepercayaan *dualisme* dalam makna melihat realiti sebagai sesuatu yang semula jadi. Perbezaan antara dua kepercayaan ini hanya berbeza dari sudut fokus kepercayaan mereka. Bagi Mesir kuno, kehidupan mereka mementingkan penyerapan kepada alam semula jadi, melakukan apa yang wujud segala semula jadi dan menyesuaikan hidup diri dengan alam secara semula jadi, namun bagi India, penyerapan adalah dengan Tuhan dan keagungan adalah di pihak Tuhan bukan pada alam. Malah *Ideal* kehidupan di India adalah menjauhkan diri dari alam semula jadi, membebaskan diri dari keterikatan dengan kehidupan dan bernaung di bawah *Brahma*.

Dualisme dalam kedua-dua kepercayaan ini bertentangan dengan dualisme Mesopotamia. Orang-orang Mesopotamia percaya bahawa *ehlil* adalah ribut, *Inanna* dewi tumbuh tumbuhan laut atau dewi bulan. Ribut, tumbuhan laut dan bulan itu sendiri bukanlah dewa dewi yang dikaitkan dengan mereka. Dalam hal ini, kajian mendapati bahawa kepercayaan Mesopotamia tetap mengekalkan dualisme antara ribut dan *ehlil*

---

<sup>206</sup> Al-Fārūqī, (1995), Ibid h. 50-51) menjelaskan bahawa istilah *Monophysitisme* dipinjam dari istilah teologi Kristian dan merujuk kepada ciri tunggal Christ untuk menunjukkan bahawa prinsip Mesir mempercayai bahawa ketuhanan itu sendiri adalah keduniaan dan begitulah sebaliknya, kedua-dua kewujudan itu berkesinambungan dan serupa antara satu sama lain. Istilah ini turut digunakan oleh John A. Wilson dalam penulisan yang bertajuk "Egypt the Fiction of State" dalam Henry Frankfort et.al Before Philosophy: The *Intellectual Adventure of Ancient Man* (Baltimore: Penguin Books, 1996, 75)

<sup>207</sup> Tat Twam asi yang berpegang di dalam alam ada kewujudan Tuhan. Sebagai contoh, dalam Mesir Kuno, Firaun en chair et en os, merupakan Tuhan, matahari, dengan cahaya dan kepanasannya adalah Tuhan Atum. Rumput yang tumbuh di bumi selepas banjir dengan kehijauan adalah Tuhan Osirisi. Keagungan adalah hak alam semula jadi yang mana di dalam imejnya terdapat Tuhan dan perintah dan kedua-duanya sama dari sudut kewujudan. Prinsip ini mengangkat kepercayaan naturalisme menjadi teologi mereka. (Ibid, h.51).



tersebut. Menurut al-Fārūqī, agama Mesopotamia mengekalkan doktrin duality bahawa Tuhan adalah suci dan makhluk bersifat kemahklukan. Walaupun terdapat percubaan dan tekanan untuk mengenal pasti Tuhan dan makhluk, agama Mesopotamia tetap memisahkan kedua-duanya<sup>208</sup>.

Dalam erti kata lain, dari sudut manifestasi di atas muka bumi, orang Mesopotamia mempunyai banyak dewa dewi namun dewa dewi ini bukanlah Tuhan dan ia berbeza dari Tuhan serta tidak pernah bersatu. Sebagai contoh, al-Fārūqī menceritakan bahawa orang-orang Mesopotamia mempunyai banyak dewa dan dewa yang tertinggi adalah dewa langit iaitu *Anu* dan bersifat agung. Sesiapa pun dari kalangan dewa tidak dapat menandinginya. Kehadiran dewa *Anu* ini mempunyai darjat yang sangat tinggi sehingga kehadirannya disembah dalam pengertian “tunduk kepadanya termasuk menyembah dan mengikuti semua undang-undang, adat istiadat yang berkaitan dengan *Anu*. Mengetahui dan mengenali *Anu* merupakan pra syarat kemanusiaan yang bererti menyesuaikan diri seseorang dengan perintah tuhan. Bukan hanya manusia sahaja yang tunduk kepada *Anu*, malah haiwan, tumbuhan, semua benda malah tuhan –tuhan sendiri tunduk kepadanya secara sukarela. Seperti yang dijelaskan

“ Apa yang telah kamu perintahkan menjadi nyata. Kata-kata raja dan Tuhan tidak lain merupakan apa yang telah kamu perintahkan (yang dengannya kamu selitkan perjanjian. Oh *Anu*!, Perintah kamu telah mendahului, siapakah yang berani mengatakan tidak (kepadanya)? Oh bapa segala dewa, dewa manakah yang mengingkarinya? ”<sup>209</sup>.

Berdasarkan ungkapan ini kajian mendapati bahawa, al-Fārūqī menjelaskan bahawa orang Mesopotamia mempercayai Tuhan iaitu Dewa yang paling Agung bernama *Anu*. Namun ia tidak menafikan mereka juga mempercayai dewa dewi an banyak tuhan. Akan tetapi semua ini patuh kepada Tuhan *Anu* merangkumi perintah dan undang-undang

---

<sup>208</sup> Ibid.

<sup>209</sup> Ibid,52. Al-Fārūqī merujuk kepada Jacobsen, “Mesopotamia”, hlm. 153

tanpa boleh dipertikaikan. Maka prinsip asas yang ingin ditonjolkan adalah di dalam kepercayaan orang Mesopotamia, wujudnya Tuhan yang maha berkuasa dan berbeza kejadian dengan makhluk ciptaan nya. Tuhan ini mesti dipatuhi.

Selain itu, al-Fārūqī mendatangkan bukti kepercayaan orang Mesopotamia terhadap dualiti ini dengan menjelaskan bahawa dalam penceritaan orang Samaria yang wujud dalam tradisi ini sejak 800 s. m dan dijumpai dalam bentuk sekeping tanah tinggalan *Ashhur*, seorang penyair. *Ashhur* ini telah mendakwa sebagai mewakili Tuhan.

Ashur berkata :

“ Ayuh kita ciptakan manusia perhambaan kepada tuhan-tuhan menjadi sebahagian daripada hidup mereka. Demi memelihara sempadan terusan, kita meletakkan cangkul dan bakul di dalam tangan mereka. Demi mengairi empat bahagian bumi, demi menumbuhkan tumbuh-tumbuhan sebanyak-banyaknya demi memenuhi kepek padi, demi menambah tanah, demi merayakan penyembahan tuhan-tuhan. demi menambah lembu jantan, kambing, ternakan, ikan dan burung (maka Tuhan ) memberikan mereka matlamat-matlamat yang besar<sup>210</sup>.

Berdasarkan contoh syair di atas, al-Fārūqī membuktikan dari syair *Ashhur* wujudnya penjelasan orang Mesopotamia berkaitan duality tuhan dan makhluk. Ini kerana, dalam syair di atas menunjukkan bahawa makhluk itu dicipta (Ciptaan) bukan dijelmakan atau dialirkan atau dilimpahkan dari Tuhan. Syair di atas menunjukkan wujudnya pengakuan diri *Asshur* sebagai Tuhan yang berfungsi untuk menciptakan makhluk, air, tumbuhan, haiwan. Malah dari syair ini, *Asshur* juga menggambarkan bahawa beliau memberikan tugas kepada makhluk air, tumbuhan, haiwan agar melaksanakan pemberiannya dengan baik. Bagi sesiapa yang tidak taat maka akan ditimpa musibah atau teguran. Hal ini secara tidak langsung menggambarkan wujudnya penafian ke atas kesatuan Tuhan dan makhluk. Al-Fārūqī mendatangkan syair ini dengan tujuan menggambarkan dua prinsip di atas dalam kehidupan orang Mesopotamia.

---

<sup>210</sup> Ibid.

Kedua: Kuasa Tuhan adalah penting bagi makhluk kerana perintah Tuhan merupakan sesuatu yang sepatutnya dilakukan oleh makhluk. Perintah ini dapat diketahui melalui wahyu<sup>211</sup>.

Prinsip kedua ini menjelaskan bahawa pada pandangan orang Mesopotamia, pemisahan di antara pencipta dan makhluk menerusi prinsip pertama tidak bermakna menyingkirkan sesuatu hakikat dari sesuatu yang lain. Mereka sentiasa mempercayai Tuhan yang suci sentiasa mempunyai hubungan dengan dunia yang diciptanya. Kehendak Tuhan adalah apa yang ditakdirkan pada makhluk. Perintahnya pula adalah apa yang sepatutnya dilakukan. Kehendak ini dilihat sebagai terdapat di dalam alam semula jadi yang dapat dikesan menerusi penyucian diri dan pembacaan risalah. Ini juga dianggap sebagai apa yang diturunkan oleh Tuhan dalam bentuk undang-undang. Pendedahan ini di buat oleh Tuhan supaya perintah itu dapat dipatuhi. Kepatuhan kepada perintah Tuhan secara semula jadi adalah keperluan. Bagi manusia perintah Tuhan mestilah dilakukan secara suka rela andainya nilai akhlak ingin di capai. Inilah sebab nya manusia dicipta untuk “ menyembah tuhan-tuhan ”<sup>212</sup>.

Kajian merumuskan bahawa di dalam prinsip ini penceritaan kuasa *Anu* dan kepatuhan terhadap kekuasaannya di kalangan orang Mesopotamia adalah wujud. Malah secara tidak langsung menggambarkan bahawa orang-orang Mesopotamia turut menjelaskan cara menunjukkan kepatuhan kepada *Anu* ini adalah merangkumi ketaatan kepada perintah dan undang-undang.

---

<sup>211</sup>Ibid, 52

<sup>212</sup> Ibid, rujukan lanjut Al-Fārūqī merujuk istilah ini kepada penulisan Thorkild Jacobsen “ *Mesopotamia: The function of The State* ” , t.th, 200.

Ketiga: Manusia diciptakan bukan sia-sia dan bukanlah untuk mereka sendiri, tetapi untuk menyembah Pencipta. Isi penyembahan tersebut ialah kepatuhan dan pelaksanaan perintah –perintah Tuhan.

Prinsip ketiga ini menjelaskan bahawa Tuhan menciptakan manusia untuk membebaskan dirinya<sup>213</sup> dari membina semula dunia ini dan menjadikannya produktif<sup>214</sup>. Selaras dengan tujuan ini, maka manusia wajib memuji Tuhan<sup>215</sup>. Maka menyembah Tuhan bermakna mematuhi perintahnya sebagaimana yang diterima melalui wahyu dan melakukannya dengan sukarela. Ketaatan tersebut melahirkan peranan manusia kepada ciptaan Tuhan ini. Ketaatan penting untuk memelihara ketertiban alam yang tanpanya alam akan musnah. Manusia adalah jambatan yang menyalurkan perintah Tuhan untuk dilaksanakan. Manusia merupakan satu-satunya makhluk yang melaksanakan perintah Tuhan dengan sedar dan suka rela dan kerana itu memenuhi kehendak Tuhan. Ketaatan mereka merupakan matlamat yang besar<sup>216</sup>.

Berdasarkan penjelasan ini kajian merumuskan bahawa mendapati bahawa orang Mesopotamia merupakan orang-orang yang mempercayai kewujudan mereka adalah bersebab dan fokus utama kepada penyembahan pencipta. Ketaatan kepada pencipta ini mestilah berlaku secara suka rela berpandukan kepada undang-undang *Anu*<sup>217</sup>.

**Keempat:** Disebabkan manusia mampu memahami, mentaati dan memenuhi perintah tersebut dan ia adalah tanggungjawab manusia, maka manusia boleh di balas dengan kemakmuran dan kebahagiaan jika mereka taat dan keseksaan jika mereka ingkar.

---

<sup>213</sup> nya dalam kenyataan ini digunakan dengan “n” huruf kecil menggambarkan manusia.

<sup>214</sup> Ibid, rujukan lanjut, Al-Fārūqī merujuk istilah ini kepada penulisan Alexander Heidel, *Babylonian Genesis; The Story of Creation* ( Chicago, University of Press, 1963), 55.

<sup>215</sup> Ibid, 51

<sup>216</sup> Ibid.

<sup>217</sup> Ibid, 52

Prinsip keempat ini menjelaskan bahawa dari sudut manifestasi, mereka mempercayai bahawa *Enlil* dewa ribut merupakan satu kuasa yang menghapuskan kuasa lain untuk memaksa seseorang mematuhi *Anu*. Dalam hal ini, orang-orang Mesopotamia mempercayai bahawa kedatangan tiupan ribut secara tiba-tiba dan kemusnahan serta serangan musuh merupakan serang *Enlil* kepada mereka-mereka yang zalim”.

Penceritaan di atas menggambarkan bahawa prinsip ini menekankan kemampuan manusia untuk memikirkan dan memahami wahyu , melaksanakan dan mencapai matlamat dan tujuannya. Oleh sebab tujuan dan matlamat ini bersifat normatif, dan oleh manusia berkemampuan melakukan nya, maka mereka bertanggungjawab terhadapnya. Kewajipan ini menyebabkan manusia di balas dengan kemakmuran, kebahagiaan atau keseksaan mengikut ketaatan atau keingkaran yang dipilih oleh manusia. Tuhan melihat manusia dengan pandangan rahmat kepada mereka yang patuh dan sebaliknya kepada yang ingkar<sup>218</sup>.

Dari penjelasan prinsip ini, kajian mendapati bahawa al-Fārūqī menegaskan bahawa orang Mesopotamia mengakui bahawa undang-undang Tuhan mesti dipatuhi sekiranya tidak maka akan ditimpa balasan bencana. Hal ini jelas kelihatan dalam perumpamaan dewa ribut *Enlil* yang menyerang mereka yang zalim.

Kelima: Rancangan Tuhan melibatkan dunia dan kemanusiaan sebagai satu kesatuan organik. Masyarakat merupakan objek tindakan kosmik Tuhan. Perbuatan masyarakat bersifat kosmos. Keahlian di dalam masyarakat dan kerjasama dengannya dapat menerangkan kemanusiaan dan alam.

Al-Fārūqī menyatakan bahawa prinsip ini menjelaskan berkaitan peraturan sosial. Dalam hal ini peraturan sosial ini merumuskan keseluruhan pandangan hidup

---

<sup>218</sup> Ibid,53.

Mesopotamia. Tidak seperti pemahaman orang-orang Mesir yang mempercayai bahawa alam semula jadi melahirkan peraturan yang tetap. Berdasarkan syair di atas, orang Mesopotamia mempercayai bahawa manusia mesti bersatu untuk menguruskan dan menentukan tugas-tugas warganegara di hulu dan hilir sungai untuk memelihara pengaliran dan perparitan, tebing-tebing dan empangan untuk pertanian, Mereka mesti menggerakkan diri mereka untuk menghadapi kesan ribut. Jika tidak, pertanian akan gagal dan hidup menjadi mustahil. Disiplin diri inilah yang menjadikan manusia seorang warganegara dan ahli satu peraturan sosial. Masyarakat adalah satu alat kehidupan, seorang memerintah dan yang lainnya pula mematuhi dengan sukarela demi mencapai matlamat yang sama. Peraturan sosial amat penting untuk kemakmuran dan hidup itu sendiri. Orang mesopotami memuji masyarakat yang tersusun dan yang tanggungjawab harus dijalankan bagi kemajuan tamadun manusia"<sup>219</sup>. Peraturan sosial ini menyebabkan manusia padang pasir berpindah kepada empat penjuru alam untuk mewujudkan keadilan dan kemakmuran. Ini membuktikan bahawa manusia menurut orang Mesopotami mestilah berusaha dalam kehidupan.

Berdasarkan contoh dan penjelasan di atas, menggambarkan bahawa orang Mesopotamia adalah orang-orang yang berusaha dalam kehidupan untuk memilih perjalanan hidup mereka. Orang Mesopotamia memandangnya alam itu sebagai tempat untuk tanggungjawab mereka kepada pencipta. Mereka memandang alam sebagai kejadian yang positif dan perlu dimanfaatkan sebaiknya. Bukan hanya berserah kepada perjalanan semula jadi semata-mata, mereka percaya perkara yang dilihat tidak baik atau malapetaka boleh diatasi dengan usaha manusia dan kehendak Tuhan. Kejadian alam dan usaha manusia adalah berbeza bukan satu kejadian yang sama.

---

<sup>219</sup>Ibid.

- **Pengaruh Mesopotamia terhadap asas kepercayaan Yahudi, Kristian dan Islam**

Kajian mendapati bahawa al-Fārūqī berusaha untuk membentuk satu prinsip bagi melimitasi atau menilai kepercayaan agama yang telah dilaporkan. Selaras dengan tujuan ini, al-Fārūqī cuba melihat apakah asas-asas yang membentuk agama-agama khasnya agama semetik. Ini bertujuan agar asas ini dapat menjadi penilai yang adil terhadap perkembangan agama-agama.

Berdasarkan kepada pengaruh kepercayaan yang masuk lebih awal dan berkembang dalam kepercayaan Yahudi, Kristian dan Islam, al-Fārūqī menjelaskan bahawa tamadun Mesopotamia sangat memberi kesan kepada pembentukan kecenderungan agama-agama ini. Buktinya, al-Fārūqī menjelaskan bahawa agama Mesopotamia telah mempengaruhi tanah Arab dengan kemunculan Cyrus dan Empayar Parsi yang menjadikan Mesopotamia sebagai asas agama mereka yang disebut Zoroaster sehingga unsur baru Parsi tidak berjaya mempengaruhi Semenanjung Arab yang terus mengamalkan unsur-unsur agama Mesopotamia lama. Konsep *eskatologi* dan *messianisme* dalam Zoroaster yang dianggap sebagai karut akhirnya tidak berjaya menarik minat bangsa Arab lalu ditolak. Semenanjung Arab tetap meneruskan kepercayaan penyekutuan (syirik)<sup>220</sup>.

Walau bagaimanapun, di sebalik kepercayaan syirik ini telah mula wujudnya suara dari dalam semenanjung Arab yang mempertahankan pandangan Ibrahim seorang Amori berbangsa Mesopotamia dari Ur. Ibrahim ini telah tinggal bersama isterinya Hajar dan anak sulungnya Ismail di Barat semenanjung Arab. Dia mengajar kepercayaan baru yang menyebabkan beliau disingkir dari Ur lalu berhijrah. Ajaran yang diajar oleh Ibrahim ini diistilahkan oleh al-Fārūqī bersifat *Monotheistic*<sup>221</sup> tentang Tuhan dan

---

<sup>220</sup> Zoroaster bertanggungjawab memperkenalkan konsep eskatologi, angelology dan idea-idea tentang messianisme yang mempengaruhi Yahudi dan kemudiannya turut mempengaruhi Kristian (Al-Fārūqī, Ibid, h.,54).

<sup>221</sup> menurut istilah moden yang membawa maksud kepercayaan Tuhan itu satu)

pandangan kemanusiaan yang bersifat moral. Namun pandangan ini tidak aktif seketika pada mulanya dan pendapat Ibrahim ini kekal ditengah-tengah semenanjung Arab yang masih mempercayai konsep syirik dan terus diutuskan kelahiran nabi-nabi untuk memulihkan kepercayaan ini<sup>222</sup>.

Walaupun diperingkat awal ajaran monotheistic ini ditolak disemenanjung Arab, akhirnya ia dilihat turut mempengaruhi masyarakat dan akhirnya menjadi asas kepercayaan agama di sana khasnya dalam Yahudi, Kristian dan Islam. Sebagai contoh, dalam konteks agama Yahudi, Orang-orang *Amorit* ini tiba di Mesopotamia dengan satu konsep *monotheistic* juga. Akan tetapi *monotheistic* mereka bertujuan untuk memiliki satu kerajaan dan kewarganegaraan yang sama di bawah undang-undang suci yang digubal oleh pemerintah kota iaitu *Hammu rabbi*. Bertolak dengan inti sari ajaran yang sama, kedatangan ajaran dari Ibrahim dianggap sebagai satu pandangan yang baru oleh kaum Amorit walaupun turut berasaskan *monotheistic*. Ini kerana, konsep *monotheistic* Ibrahim bertindak sebaliknya iaitu mempertikai *Marduk* dengan hujah yang mana jika ia benar-benar Tuhan ia tidak memerlukan tuhan lain, mempertikaikan *Enlil* dan seumpamanya dengan hujah mereka bukanlah dewa tapi hanyalah khayalan semata-mata. Penolakan ini kemudiannya menyebabkan Ibrahim dan kaum yang bersetuju dengannya diancam bunuh lalu mereka keluar dari Ur dan ke semenanjung tanah Arab. Di semenanjung Tanah Arab atau disebut kawasan hilal subur, bermula pengembangan ajaran Ibrahim oleh kaumnya Ibrani. Konsep ajaran monotheistic yang disebarkan pada waktu ini adalah tuntutan menyembah hanya satu Tuhan bukan yang lain. Tuhan yang Maha esa ini menyebabkan tuhan-tuhan lain perlu ditolak dan sekali gus menunjukkan Tuhan dan Makhluk adalah kewujudan yang berbeza.

---

<sup>222</sup> Ibid, 55.



Berdasarkan penjelasan sejarah di atas, jelas wujud salah paham dalam pandangan Ibrani terhadap *monoteistic* kepercayaan Ibrahim yang menegaskan Tuhan yang satu namun akhirnya ditukar kepada kepercayaan bangsa yang satu (bangsa pilihan). Idea pemisahan syirik yang disampaikan oleh Ibrahim (yaitu perbezaan Tuhan dan Makhluk) ditafsirkan oleh kaumnya sebagai pemisahan fizikal dengan manusia selain bangsa Israel. Menurut al-Fārūqī pemisahan yang berlebihan ini bertindak dengan lebih ekstrem apabila mula menafikan pandangan asal Ibrahim yang menekankan keesaan Tuhan bertukar kepada keesaan kepaderian. Bertolak dari usaha membezakan diri mereka atas dasar mempunyai pandangan yang lebih tinggi untuk Tuhan, maka akhirnya telah menyebabkan konsep *monotheistic* Ibrahim bertukar kepada monolitik yang menggelar diri mengikut semangat kesukuan. Kepercayaan Ibrani yang bertukar kepada kepaderian pula dapat dilihat mempunyai penambahan dari aspek penjelasan kekuasaan Tuhan. Al-Fārūqī menjelaskan bahawa kepercayaan Tuhan mereka adalah satu Tuhan dan telah menyebabkan mereka menganggap bahawa Tuhan sebagai “Bapa” kepunyaan mereka sebagaimana mereka menjadi kepunyaan khas Tuhan. Ini cukup terbukti dengan istilah seperti “Tuhan bapa-bapa kami”, “Tuhan nenek Moyang kami”, “Tuhan Ibrahim” “Tuhan Yaakub” dan mereka memulakan gelaran anak-anak Tuhan apabila merujuk kepada diri mereka. Maka bermula saat itu, hubungan unik Tuhan dan makhluk telah dimasukkan unsur kemanusiaan. Maka wujud istilah *Elohim* yang merujuk kepada Tuhan satu bangsa dalam tradisi Ibrani<sup>223</sup>.

Hal ini berlarutan hingga zaman Nabi Musa yang kemudiannya membentuk perjanjian suku-suku untuk bersama-sama menyembah Tuhan Yahweh. Semangat kesukuan Ibrani menyebabkan Nabi Musa terpaksa membesar sebagai orang Mesir dan mempunyai nama Mesir sehingga diambil sebagai anak angkat oleh puteri Mesir. Namun

---

<sup>223</sup> Ibid, h. 56-57. Menurut al-Faruqi hal ini terbukti dalam kitab Deuteronomi kurun ke 7 dan Injil suntingan paderi. Nisbah sebutan *Elohim* bagi istilah Yahweh ialah 2222 dan 398

bermula dari sokongan Musa dalam membela nasib Ibrani dalam suatu kes pergaduhan Ibrani dan pengintip Mesir sehingga berlaku kematian, maka Musa melarikan diri dan bersembunyi di Madyan<sup>224</sup>. Menurut al-Fārūqī di Madyan ini, bermulalah sekali lagi pengembangan ajaran *monotheistic* yang diajarkan oleh Ibrahim dan diusahakan oleh Nabi Musa. Musa mula menyeru semula orang Ibrani kepada agama asal dan menyeru meninggalkan kekotoran agama Mesir waktu itu. Suara yang didengari Musa di bukit Tuhan (Horeb) membangkitkan semangatnya dengan pembaharuan semangat agama yang ditanam oleh Jethro bapa mertuanya orang Madyan<sup>225</sup> sehingga terbitnya undang-undang Sinai dan kemudian dicemari semula oleh kesyirikan oleh bangsa Ibrani. Seterusnya konsep *monotheistic* Ibrahim cuba dipulihkan semula oleh Nabi Daud namun tidak berjaya ekoran percampuran dengan pelbagai kaum dan bangsa seperti Canaan, Judah dan seumpamanya<sup>226</sup>..

Dalam sejarah panjang ini, al-Fārūqī menjelaskan bahawa Yahudi tidak berjaya menyebarkan konsep *monotheistic* ajaran Ibrahim sebaliknya mereka berfikir, menulis dan hidup dalam semangat kesukuan yang tebal. Mereka terikat dengan tulisan undang-undang hanya untuk bangsa mereka sendiri tanpa berjaya membina undang-undang yang universal<sup>227</sup>.

Seterusnya, prinsip Mesopotamia ini turut mempengaruhi Kristian. Menurut al-Fārūqī, seperti mana yang difahami dari *Holy Bible, Matthew, Mark* dan *Luke*, inti sari pengalaman agama sebagaimana yang difahami dan diajarkan oleh Isa ialah pengabdian merupakan kesedaran yang dikuasai oleh keimanan kepada Tuhan yang Maha Berkuasa dan Maha Pemurah. Pengabdian juga adalah kepatuhan terhadap perintah Tuhan. Sifat dan ajaran Nabi Isa merupakan penawar kepada sikap *Literalism* dan *particularism*

---

<sup>224</sup> Exodus 2.

<sup>225</sup> Exodus 3;1-10.

<sup>226</sup> Al-al-Fārūqī, Theh. 58.

<sup>227</sup> Ibid, h, 59-61.

*etnosentrik* orang Yahudi dan kesinisan dan kesombongan orang Rom waktu itu. Tambahan pula ajaran Isa meletakkan kepatuhan dan ketakwaan pada tahap semua manusia adalah sama di sisi Tuhan. Apabila ini digunakan sebagai kriteria tidak ada manusia yang boleh didiskriminasikan kerana hanya tuhan sahaja yang Maha Adil. Namun begitu, pemisahan antara Tuhan dan Makhluk ini bertindak dengan lebih lagi apabila mengangkat manusia menjadi Tuhan. Inilah faktor utama yang menunjukkan wujudnya ketidakselarasan konsep ini dengan *monotheistic* Ibrahim dan menyebabkan wujudnya penyekutuan Tuhan dan Makhluk .

Hal yang sama kemudian disampaikan semula oleh nabi Muhammad S.a.w. disebabkan kejahilan orang Arab yang tidak boleh lepas dari prinsip penyekutuan yang menyamakan Tuhan dan makhluk. Ajaran Nabi Muhammad juga menuntut kepada *monotheistic* Ibrahim . Muhammad bukan mencipta agama baru namun ia penyempurna kepada usaha dan ajaran nabi-nabi sebelum ini ke arah *monotheistic* Ibrahim..

Bertolak dari penjelasan ini, al-Fārūqī menjelaskan bahawa ajaran *monotheistic* Ibrahim adalah asas kepada agama-agama dan dipengaruhi dari prinsip Mesopotamia. Ini kerana Ibrahim berasal dari Mesopotamia dan bertindak memberi gambaran yang lebih jelas terhadap lima prinsip Mesopotamia sehingga membentuk prinsip *monotheistic* Ibrahim. Kajian mendapati bahawa prinsip Mesopotamia dan Monotheism Ibrahim pada asasnya tetap sama namun berlaku seruan kepada penghapusan dewa-dewi dan perantara kerana asas ajaran Ibrahim adalah penyembahan kepada Tuhan yang satu dan tiada selainnya. Ajaran *monotheistic* Ibrahim akhirnya memberi tambahan batasan lima prinsip utama agama Mesopotamia. Justeru dalam hal ini, al-Fārūqī menjelaskan bahawa penilaian kepada agama-agama semetik iaitu Yahudi, Kristian dan Islam ini perlu ditinjau menurut lima prinsip asas Mesopotamia yang telah diharmonikan oleh Ibrahim. Ini kerana, prinsip-prinsip inilah yang lebih universal untuk dijadikan asas perbandingan

khususnya bagi tiga agama Yahudi Kristian dan Islam. Jika realiti dan prinsip ini bertentangan maka secara logiknya wujud masalah dan percampuran budaya dan unsur luar yang bukan bersifat utama.

- **Prinsip Meta Agama menurut al-Fārūqī<sup>228</sup>:**

Panduan asas al-Fārūqī iaitu Tuhan menjadikan manusia dan mengamanahkan setiap manusia ini kemampuan untuk menghakimi dan menilai perbezaann makna secara menyeluruh di antara agama-agama<sup>229</sup>. Al-Fārūqī menggambarkan prinsip ini dalam kajian beliau terhadap pendidikan Kristian dengan menyatakan bahawa;

Intellectual honesty is here most crucial, and must be satisfied before our loyalty to our religions traditions-indeed even at the cost of this loyalty if such sacrifice is necessary<sup>230</sup>.

Dalam konteks penilaian berdasarkan meta agama ini, melalui kecenderungan elemen yang muncul dalam agama-agama Mesopotamia, maka al-Fārūqī merumuskan enam asas agama (meta agama) yang semestinya digunakan bagi memahami agama

---

<sup>228</sup> Penjelasan lanjut dan mendalam berkaitan penilaian meta agama menurut Ismail al-Fārūqī dijelaskan di dalam bab 5 kajian ini.

<sup>230</sup> Menurut Fletcher, penegasan yang dilakukan oleh al-Fārūqī seumpama memberi peringatan kepada sistem pendidikan Kristian dengan menggambarkan bahawa kajian yang suci terhadap agama adalah bersih dan suci dari apa sahaja unsur agenda Kristianisasi atau bebas dari menjadi hujah dan sokong untuk mengakui kebenaran agama Kristian. Malahan penegasan al-Fārūqī ini dilihat menimbulkan ragu-ragu yang mana ia kelihatan seperti bias kepada agama Islam kerana seumpama panduan khusus kepada ahli sejarah Muslim. Namun Fletcher, menegaskan bahawa al-Fārūqī meneruskan penjelasan dengan mencabar pihak yang terlibat (his audience) dengan menyatakan keperluan terhadap menilai semula dan sejarah Kristian dengan melihat semula sejarah asal tradisi Kristian termasuk pandangan dari ortodoks. Namun sebilangan idea ini seolah-olah mengatakan bahawa semua agama perlu dinilai semula (Fletcher, Ibid, (2008), 165-166, ) rujukan lanjut kepada Al-Fārūqī, "History of Religions: Its Nature and Significance for Christian Education and the Muslim-Christian Dialogue (Continuation)", *Numen: international Review For the History of Religions*. 12(2) (1965): 81-86, 85.

khasnya Kristian dan Islam. Enam asas utama yang menjadi prinsip meta agama adalah  
231232.;

a. Wujud kejadian *Ideal* dan kejadian actual yang berbeza.

Prinsip pertama adalah sebuah agama semetik yang asli mestilah mengakui dan mempercayai wujudnya dua bentuk kejadian iaitu kejadian *Ideal*( Tuhan) dan kejadian actual (mahluk). Kejadian ini wujud dengan fitrah yang berbeza.

b. Kejadian yang *Ideal* relevan kepada actual

Prinsip kedua pula menjelaskan bahawa sebuah agama semetik asli mestilah mengakui bahawa kejadian *Ideal* ini mempunyai hubungan kepada kejadian actual. Hubungan dua kejadian ini boleh difahami. Hubungan utama adalah *Ideal* menciptakan actual. Maka *Ideal* dan actual tidak akan sama namun berkaitan.

c. Hubungan antara *Ideal* dan actual adalah perintah.

Prinsip Ketiga menjelaskan agama semetik yang asli adalah yang mempercayai bahawa hubungan *Ideal* dan actual adalah satu perintah. Perintah ini menunjukkan bahawa actual adalah tertakluk kepada *Ideal*.

---

<sup>231</sup> Al-al-Fārūqī, ( 1967),21-31

- i) beings of two realms: Ideal and actual,
- ii) Ideal being is relevant to actual being,
- iii) relevance of the Ideal to the actual is a command,
- iv) actual being is as such good,
- v) actual being is malleable and
- vi) perfection of the cosmos is a human burden.

<sup>232</sup> , Ibid,

d. Kejadian aktual adalah baik

Prinsip keempat menjelaskan bahawa agama semetik yang sebenar mempercayai bahawa kejadian aktual adalah baik. Makhluq alam dan manusia adalah baik kerana ia merupakan imej *Ideal*.

e. Kejadian aktual adalah sesuatu yang boleh di tempa

Prinsip kelima menjelaskan bahawa agama semetik yang asli mempercayai kejadian aktual merupakan sesuatu yang boleh ditempa. Ini bermaksud walaupun aktual adalah imej kepada *Ideal* Namun ada ruang untuk aktual bertindak bebas untuk dirinya sendiri.

f. Kesempurnaan alam hanyalah beban kepada manusia.

Prinsip keenam menjelaskan bahawa agama semetik asli mestilah mempercayai bahawa alam ini adalah tanggungjawab manusia. Tidak boleh bersifat pasif terhadap alam. Optimis terhadap alam adalah tanggungjawab manusia.

Setelah agama-agama ini dinilai berasaskan prinsip –prinsip Mesopotamia ini maka selagi mana agama tersebut mengikut prinsip-prinsip di atas, ia masih mengekalkan ciri asas semetik. Sekiranya wujudnya perubahan atau percanggahan, agama tersebut tidak lagi benar mengikut prinsip agama semetik ia sekali gu menunjukkan agama tersebut bukanlah agama *hanif* yang dimaksudkan. Perubahan penerimaan agama Kristian dan Islam terhadap prinsip asal agama ini membuktikan wujudnya usaha penyelewengan atau asimilasi yang perlu dilihat oleh kajian lanjutan. Bertolak dari prinsip ini juga kajian mendapati bahawa apabila wujudnya percanggahan antara data agama dan prinsip ini berlaku , maka disanalah berlakunya limitasi dalam toleransi agama khususnya dalam konteks hubungan Muslim-Kristian Malaysia.

#### 2.4.2 Kaedah Pelaksanaan Toleransi Agama

Dalam konteks kepelbagaian agama, al-Fārūqī menjelaskan bahawa toleransi agama penting untuk diwujudkan bagi menjamin kelestarian dan keharmonian umat beragama. Toleransi ini hanya boleh diteruskan bermula dengan proses mempelajari atau membuat kajian terhadap agama-agama yang wujud. Dalam konteks kepelbagaian agama, toleransi terbentuk bertitik tolak dari kepercayaan bahawa kepelbagaian agama adalah disebabkan oleh sejarah, keadaan, tempat, masa, nafsu, prejudis dan segala faktor dunia yang mempengaruhinya. Di sebalik agama yang telah dipengaruhi ini wujudnya sebuah agama yang bersifat fitrah, yang asli atau disebut oleh al-Fārūqī sebagai *al din al hanif* iaitu sebuah agama Allah yang tinggi dan asli di mana akhirnya membimbing manusia sehingga beralih kepada agama lain.

Kajian mendapati bahawa pendekatan Toleransi Agama al-Fārūqī adalah selaras dengan definisi iaitu menerima sesuatu sehingga wujudnya atau toleransi adalah sikap optimis iaitu penerimaan apa yang ada sehingga kepalsuannya dibuktikan dan didedahkan<sup>233</sup>. Ini membawa maksud tujuan utama toleransi agama al-Fārūqī tidak membawa kepada penyaruhan kebenaran agama. Ini kerana, jika ia terjadi ini menafikan kepelbagaian. Namun toleransi agama juga tidak bersama dengan pergaduhan. Sekiranya pergaduhan terjadi ini menunjukkan tidak ada kesediaan untuk hidup harmoni dalam kepelbagaian agama yang wujud. Justeru berdasarkan penjelasan teori al-Fārūqī kajian merumuskan bahawa secara tidak langsung pendekatan toleransi agama al-Fārūqī terbahagi kepada tiga peringkat keperluan iaitu Pertama, memahami agama-agama secara kontekstual (untuk memahami doktrin semasa), berdialog antara agama (bagi mengadakan interaksi dan memperoleh dapatan dari sumber yang tepat), dan ketiga

---

<sup>233</sup> Al-Fārūqī, (1992), 48

membuat perbandingan agama bagi mengetahui persamaan dan perbezaan dan menilai agama tersebut.

#### **i. Pendekatan Memahami Agama**

Persoalan kefahaman agama dilihat menjadi komponen utama yang perlu dikenal pasti dalam perbincangan toleransi agama menurut pendekatan al-Fārūqī . Kajian mendapati bahawa pendekatan fenomenologi yang dicadangkan di dalam pendekatan al-Fārūqī merupakan bukti pelaksanaan pendekatan memahami agama-agama secara relaiti tanpa bias. Bertolak dari penjelasan ini, pendekatan yang digunakan oleh al-Fārūqī membawa kepada dua penegasan . Pertama , kajian agama bukanlah kajian ke atas fakta-fakta saintifik kerana asas dan inti sari sesuatu agama dala fakta kehidupan (life –fact) ,maka dengan sebab ini agam tidak boleh dipelajari sebagai satu siri kajian fakta-fakta yang statik<sup>234</sup>. Kedua, al-Fārūqī menganggap bahawa penganut agama dapat memahami agama selain dari agama yang dianuti berdasarkan fakta kehidupan (life-fact) dan makna di sebaliknya. Sekiranya tidak, maka perbandingan agama tidak boleh dijalankan<sup>235</sup>. Berdasarkan penjelasan pendekatan fenomenologi di atas, kajian terdapat tiga syarat utama bagi yang mesti ada dan dipraktikkan bagi seseorang yang ingin memahami sesuatu kepercayaan iaitu penggantungan sementara (*Epoche*), keterbukaan(*Emphaty*) dan pengalaman (*Experience*)<sup>236</sup>.

---

<sup>234</sup> Al-al-Fārūqī, Chritsian Ethic, (1967),8

<sup>235</sup> Ibid.,4.

<sup>236</sup> Al-al-Fārūqī, Al Tawhid, (1995),50.



- **Epoche**<sup>237</sup>

Pendekatan *epoche* perlu diaplikasikan bagi mendapatkan pemahaman agama yang sebenar dan lebih telus . Bagi mengelakkan prejudis dalam pelaporan, sikap *Epoche* (penangguhan sementara) kepercayaan pengkaji dijadikan syarat utama dalam pelaksanaan pengumpulan dan pelaporan data agama yang dikaji. Epoche menurut al-Fārūqī adalah.

..to get out of oneself and putting oneself as it were entirely in parenthesis, to exercise by means of the imagination a leap into the religious factum in question. Then, and there we go beyond the technical sense of the epoche –standing freely and within the life fact, one has to “live: it; i.e to enable himself, and *actually* to suffer himself, to be determined by the content beheld alone. Only then can he be said to have apprehended the meaning presented to have not only surveyed that content as it were for the outside but to have “been” it<sup>238</sup>.

Menurut al-Fārūqī, *Epoche* bermaksud penangguhan atau sikap berkecuali daripada kepercayaan agama, etika dan budaya pengkaji semasa membuat pengumpulan data kajian (*suspension of judgement*).<sup>239</sup>. Dalam erti kata lain, seorang pengkaji agama tidak patut memaksa kefahaman agamanya dalam berurusan dengan bahan agama lain dan memberikan tanggapan awal. Kajian mendapati bahawa sikap *Epoche* ini merupakan asas utama dalam pembentukan proses pelaksanaan fenomenologi dan pelaksanaan penilaian meta agama yang dilaksanakan dalam rangka kerja al Fārūqī .

---

<sup>237</sup> Seperti yang telah dibincangkan di awal bab 3, antara tokoh utama yang mempengaruhi reaksi al-Fārūqī terhadap kajian agama adalah Ibn Hazm, dan Al Biruni. Namun konsep epoche ini dilihat telah digunakan oleh Ibn Hazm dalam pengumpulan data kajian teks agama-agama terlebih dahulu. Namun perbezaan yang wujud adalah bentuk ulasan dan corak penjelasan dapatan kajian yang mana penjelasan Ibn Hazm lebih tegas dan berupa kritikan manakala penjelasan al-Fārūqī pula menjelaskan setiap agama-agama membawakan pandangan dari penganut agama tersebut terlebih dahulu sebelum dikritik supaya wujudnya dialog dalam proses harmoni. Selain al Ibn Hazm, tokoh lain yang juga mempengaruhi pendekatan epoche al-Fārūqī adalah Husserl. Ini bermakna konsep epoche mempunyai pengaruh falsafah atau satu usaha pengharmonian antara pendekatan etika, falsafah dan kajian sejarah.

<sup>238</sup> Al-al-Fārūqī *Christian Ethic*, (1967), 3-4

<sup>239</sup> Ibid.

Walau bagaimanapun al-Fārūqī jelas membatasi *epoche* dengan penekanan bahawa pelaksanaan *epoche* bukan dalam keadaan yang kekal, ia hanyalah langkah awal menuju pemahaman. Malah beliau juga mengkritik kecenderungan yang menuju lebih dari *epoche* kerana ia akan membawa kepada pemupukan relativisme.

True, the longer he can suspend from his own religion, the great freedom he can give himself to determinants of other religio-culture. It will be great to understanding of phenomena insight.....but this does not mean the epoche question must be entire permanent or radical<sup>240</sup>

Al-Fārūqī menjelaskan bahawa salah satu cara atau usaha untuk mematkan sementara atau menggantung sementara (*to hold on*) kepercayaan dalam diri, adalah seumpama meletakkan diri dalam kurungan. Ia bermaksud meletakkan diri secara *neutral* sepenuhnya semasa mengumpul data. Hasilnya, setelah *Epoche* dilaksanakan dalam kajian kepercayaan yang ditemui boleh dinamakan sebagai fakta kehidupan<sup>241</sup>. Al-Fārūqī menjelaskan bahawa usaha seperti ini lebih bersifat adil kepada penganut agama tersebut kerana terhindar dari sikap skeptic atau buruk sangka terhadap agama lain, dan juga adil kepada penganut agama selainnya untuk memahami agama tersebut. Maka keperluan dan batasan toleransi akan didapati dengan lebih tepat relevan dengan keperluan realiti penganut agama-agama di Malaysia.

- ***Experience (Pengalaman).***

Al-Fārūqī menjelaskan bahawa syarat pengalaman ini memberi fokus kepada pengalaman atau kemahiran dengan bahan-bahan agama. Dalam makna yang lain, pengkaji dapat merasai dan memahami bahawa setiap bahan agama memberi erti kepada orang yang beragama. Pengalaman seumpama ini akan memberi sifat yang terbuka dan hampir selalu menjadi prasyarat penting. Hal ini amat tepat terutamanya bagi agama yang

---

<sup>240</sup> Ibid, 4.

<sup>241</sup> Ibid.

pandangan hidup dan nilai etikanya berkait rapat dengan data yang dikaji. Ini kerana, ia dapat menjadi jalan tengah antara kecenderungan yang ekstremis sama ada terhadap kritikan positif perkara yang dikaji atau kritikan negatif melalui penilaian yang bersifat telus dan adil). Al-Fārūqī menggambarkan pentingnya pra syarat ini sebagaimana contoh, terdapat seorang pengkaji yang merupakan pelajar yang berfikiran sekular (yang melihat agama itu bersifat peribadi) dan bertindak selalu melarikan diri dari terkongkong dengan nilai agama. Maka kebenaran agama yang diperolehi oleh mereka dapat dilihat terhasil dari dua bentuk iaitu:

- Kebenaran yang mengandungi kebenaran kepada masyarakat, negara, harta dan pencarian sumber-sumber yang memberi kebahagiaan.
- Kebenaran dogmatik iaitu kebenaran tanpa pengetahuan kritis,

Berdasarkan hal ini bagaimana golongan sekular ini nak melihat makna di sebalik teks, atau bagaimana nak melihat perkaitan ekonomi, dan kehidupan dengan agama dan seumpamanya. Justeru hal ini tidak berlaku bagi mereka yang mempunyai prasyarat pengalaman bagi sesuatu kajian perbandingan. Ini kerana, melalui prasyarat ini yang ditekankan ini, maka pendirian seseorang individu tidak akan mengecewakan dirinya, sementara sifat berkecuali nya dapat menanggukkan kefahaman yang sedia ada, sifat terbuka nya dan pengalaman yang diperolehi memberi peluang kepada pengkaji tersebut bagi menilai makna-makna bagi bahan perundangan, politik dan mitos sesuatu agama. Sama seperti kajian akademik yang lain, pemikiran yang kreatif adalah keperluan mutlak.

- ***Empathy (Keterbukaan)***

*Empathy* menurut al-Fārūqī adalah sifat terbuka kepada penemuan bahan-bahan yang dikaji. Data-data tentang agama merupakan “ bahan-bahan hidup” iaitu wawasannya ditentukan oleh bahan itu sendiri. Pengetahuan tentangnya lahir dari refleksi pemahaman

itu. Seperti makhluk lain yang peka, data-data agama tidak berbicara sendiri tetapi menonjolkan dirinya kepada pengkaji yang bersimpati kepadanya. melalui simpati yang ditonjolkan oleh pengkaji kepadanya.

## ii. Pendekatan Dialog Antara Agama

Bagi melaksanakan proses memahami agama dari sumber agama itu sendiri, al-Fārūqī turut mencadangkan pelaksanaan dialog antara agama. Berdasarkan hal ini, al-Fārūqī menjelaskan bahawa dialog agama antara jalan atau wadah bagi memenuhi tiga syarat utama memahami sesuatu kepercayaan dengan mematuhi tiga syarat yang telah dijelaskan sebelum ini.

Dalam usaha dialog agama khususnya dalam konteks hubungan Muslim-Kristian, al-Fārūqī menegaskan bahawa dialog bukan bermaksud melibatkan diri dengan seseorang dalam satu perbualan semata-mata. Dialog agama secara tepatnya adalah perlu kepada penglibatan warisan semasa antara Islam dan Kristian yang telah dijumpai dalam Kitab Suci Islam dan Kristian semasa pada tahun pembentukan Islam<sup>242</sup>. Namun apa yang lebih penting adalah penegasan al-Fārūqī supaya dialog itu dijalankan dalam keadaan yang lebih semula jadi dan harmoni . Dialog hendaklah dilakukan dalam realiti sesuatu kawasan domestik atau ahli keluarga bukan seumpama penganut agama yang sedang berbeza pandangan<sup>243</sup>.

Al-Fārūqī menegaskan bahawa dialog agama yang diperlukan bagi seorang ahli sejarah agama adalah yang memberi hasil kepada pengkaji agama melaporkan data agama

---

<sup>242</sup> Al-Fārūqī, (1995), Op.cit , hl.89-191.

<sup>243</sup> Agama Kristian dan Islam mengakui bahawa tiga agama yang bermula dari agama Ibrahim ini dianggap agama semetik kerana mempunyai wahyu dari Tuhan. Menurut Fletcher, tanggapan al-Fārūqī terhadap penggunaan semetik merupakan pernyataan semula dari idea asal yang digunakan dalam penulis *On Arabism* yang mana perkataan Semetic digunakan bagi penggunaan Arab dalam penulisan *On Arabism*. Ini kerana, Fletcher mendapati bahawa ia bertujuan untuk lebih mudah diterima oleh penganut Kristian. Namun terdapat juga keadaan al-Fārūqī menggunakan Semitic dan Arab ini sebagai perkataan yang menggunakan makna yang sama dan ada juga penulisan yang menggambarkan ia berbeza ( Fletcher. Op.cit, h. 166).

secara bebas dari dogmatik. Dogmatik ini keterikatan dengan sejarah yang ada tanpa kajian telus yang diperolehi dari konteks semasa. Kajian berbentuk dogmatik ini memberi ketidakadilan kepada kehidupan beragama. Beliau menegaskan hal ini dengan mengatakan bahawa:

“ Despite the domestic nature of the contention between Islam and Christianity, neither Christianity nor Islam is really capable of going over its categories in the examination of the historical facts involved. Only a complete suspension of categories of both, such a history of religions is capable of, holds any promises. The historical truth must be discovered and established. If when that is done, either Christianity or Islam continuous to hold to its old versions and vies, it would do so only dogmatically, not critically. And we may hope the impact of reestablishment of the formative history of Semitic consciousness in its Judaic, Christian and Islam moments, the road would be paved for some dogma spirit, loyal to that consciousness, to prepare the larger segment of mankind for meeting the challenge of the world community. So too re establishment of the history of semitic consciousness make possible a new reconstruction of Christian religious thought which does not suffer from dependence upon epistemology<sup>244</sup>”.

Dialog antara agama yang diperjuangkan oleh Al-Fārūqī untuk mewujudkan sifat toleransi agama dan keharmonian kaum. Ini kerana al-Fārūqī berpendapat bahawa konflik antara agama hanya akan menghasilkan keburukan. Dialog antara agama penting untuk melihat sejauh mana agama-agama menyimpang dari asas melalui pengkajian yang telah dibuat ke atas teks-teks wahyu agama masing-masing. Dialog agama penting dijalankan kerana bertitik tolak dari fitrah manusia yang mempunyai *sensus numinis* atau kepercayaan kepada keesaan Tuhan. Justeru itu, usaha titik temu dilihat dapat dilaksanakan melalui pelaksanaan dialog dan perbincangan antara agama

Pendirian Al-Fārūqī dalam pelaksanaan dialog agama khasnya dalam hubungan Muslim –Kristian perlu mematuhi tiga syarat iaitu<sup>245</sup>:

- a. Niat yang ikhlas. Kejayaan sesuatu dialog adalah bergantung kepada niat para pendialog. Mereka seharusnya mempunyai sikap saling faham memahami dan

---

<sup>244</sup> Al-Fārūqī, I. R. (1995). Op. Cit, h. 197-198

<sup>245</sup> Al-Fārūqī, I.R. (1967). Op. Cit, h.1-7 & al-Fārūqī, I.R., (1998), Op.cit, h. 248-249.

cuba memupuk hubungan yang baik demi masa depan sesebuah agama. Dialog agama haruslah dijadikan sebagai salah satu proses pembelajaran dan proses pembelajaran ini hanya dapat berjalan lancar sekiranya peserta yang terlibat dalam berdialog ini berfikiran terbuka dan berhati mulia.

- b. Hormat kepada agama –agama lain. Sifat saling percaya-mempercayai merupakan keperluan utama yang wajib dipupuk dalam proses dialog ini. Pendekatan yang digunakannya boleh diistilahkan sebagai tegas dalam hormat. Sebagai contoh, beliau telah mengkritik agama Kristian namun beliau sering menegaskan bahawa kritikan dia bukan untuk menghina agama Kristian namun untuk memberi fahaman yang lebih baik .
- c. Memberi fokus kepada keperluan agama dan kehidupan manusia. Dalam hal ini, al-Fārūqī menegaskan bahawa agama tidak boleh tidak telah dilihat sebagai satu faktor yang membentuk cara kehidupan. Selaras dengan ini, Al-Fārūqī telah mencadangkan agar para sarjana dalam bidang perbandingan agama ini seharusnya memberikan lebih perhatian kepada agama-agama besar dalam dunia supaya dapat memberi manfaat yang besar kepada masyarakat dunia.

Al-Fārūqī turut memberi penekanan agar setiap proses dialog akan melibatkan proses perbandingan dan perbezaan tuntutan. Jika sesuatu perkara itu betul mestilah dipersetujui, jika tidak tepat hendaklah dipinda atau diubah suai namun jika ianya salah hendaklah ditolak. Proses ini kelihatan mudah namun pelaksanaannya melibatkan risiko-risiko yang besar terutamanya kepada pendirian dan minda penganut agama-agama kerana boleh menjejaskan iman seseorang. Maka al-Fārūqī menyediakan enam prinsip dalam berdialog iaitu <sup>246</sup>:

---

<sup>246</sup> Al-Fārūqī, (1998), h. 250- 254

- a. Tiada perbincangan mengenai perkara-perkara di luar batasan pemikiran
- b. Tiada perbincangan yang boleh melanggar undang-undang asas sesuatu agama (*internal coherence*). Tentangan atau kritikan dibenarkan sekiranya sesuatu undang-undang itu tidak muktamad.
- c. Tiada perbincangan yang melanggar undang-undang hubungan luar .
- d. Tiada perbincangan yang melanggar undang-undang yang berkaitan dengan realiti.
- e. Dialog diandaikan sebagai satu lambang kebebasan .
- f. Melihat situasi atau keadaan hari ini, persoalan etika menjadi keutamaan.

Selain itu, al-Fārūqī turut mencadangkan tema-tema yang sesuai dalam pelaksanaan dialog Muslim-Kristian iaitu<sup>247</sup>:

Pertama: Isu Kesucian Manusia

Ini kerana, menurut al-Fārūqī, Muslim dan Kristian moden meletakkan diri mereka berada dalam keadaan yang suci. Walau apa pun pegangan dalam kepercayaan mereka terdahulu namun dalam zaman moden ini mereka menerima manusia itu secara peribadinya adalah baik, kehidupan individu atau sosial adalah baik dan hakikat alam ini adalah baik.

Kedua: Penentu atau Pembuat Nilai Baik.

Ini kerana, menurut al-Fārūqī moden Muslim dan Kristian sedar, tahu dan mengakui keperluan dan pentingnya mengiktiraf dan mempercayai wujud nya kehendak Tuhan yang menghendaki manusia mengiktiraf arahannya. Perbincangan mungkin berlaku bagi

---

<sup>247</sup> Ibid, h. 256-258.

menjelaskan cara atau bagaimana kita nak mengetahui kebenaran atau panduan dari Tuhan ini . Mungkin ada pelbagai jadi perlu dibincangkan adakah panduan ini mempunyai set panduan yang tersendiri.

Ketiga: Pembalasan

Ini kerana, menurut al-Fārūqī Muslim dan Kristian Moden mengiktiraf bahawa akhlak yang baik adalah misi utama kehidupan manusia di muka bumi yang belum disempurnakan. Hanya Tuhan sahaja yang dapat memberi ukuran dan penentu dalam pelaksanaan akhlak yang baik dan buruk. Bermula dengan kepercayaan bahawa semua manusia dilahirkan dalam keadaan yang suci dan sama. Dalam erti kata lain Tuhan telah menjadikan manusia tanpa diskriminasi dan keadilan Tuhan adalah yang paling agung.

### **iii. Pendekatan Perbandingan Agama**

Pendekatan perbandingan agama dilihat secara langsung terlibat sebagai satu bentuk pendekatan penilaian. Proses perbandingan agama menurut Al-Fārūqī bukanlah dilihat sebagai kajian akademik semata-mata akan tetapi ia melibatkan pelaksanaan moral dan akhlak pengkaji. Kajian perbandingan agama merupakan satu usaha dan tugas yang berat. Ia dimulai dengan usaha pemurnian agama-agama dari prejudis dan salah faham dan kemudian usaha pembentukan hubungan yang positif antara seorang individu dengan individu lain dalam sebuah masyarakat.

Dalam kajian perbandingan ini pengkaji akan menemui satu nilai yang lebih tinggi dari nilai yang lain, atau yang lebih rendah dari yang lain , lebih maju dari nilai yang lain serta terdapat juga nilai yang bercanggah dengan nilai yang lain. Justeru bagi melaksanakan perbandingan agama dengan penuh toleransi, setiap nilai dalam sesebuah agama tidak boleh terlepas dari proses penilaian dan pemeriksaan namun perlu penilaian ini perlu dijelaskan dengan penuh hormat. Perkara ini amat sukar untuk dilaksanakan tetapi ia merupakan satu keperluan. Pendekatan perbandingan agama yang dilakukan oleh



al-Fārūqī jelas kelihatan dalam proses pentafsiran data fenomenologi agama dan penilaian data agama melalui penilaian meta gama<sup>248</sup>.

Sebagai satu pendekatan penilaian, maka al-Fārūqī merumuskan tiga tujuan utama yang menjadi asas keperluan perbandingan agama iaitu:

- a. Penilaian bertujuan untuk mengeluarkan pendapat yang tidak selari dengan kenyataan. Prinsip ini bertujuan menyingkirkan semua kepalsuan dan penipuan dari agama kerana ia menjadikan agama itu terdedah kepada dipersoalkan dan dipertikaikan
- b. Penilaian bertujuan untuk menafikan pendapat-pendapat yang bercanggah antara satu sama lain. Prinsip ini adalah asas penaakulan kerana jika tidak pengkaji juga kan membawa kepada *skeptic* dan ragu-ragu yang menafikan adanya kebenaran.
- c. Penilaian bertujuan sebagai satu cara membuka atau bersifat terbuka kepada bukti-bukti baru atau yang bercanggah. Prinsip ini membantu pengkaji untuk bergerak mencari landasan yang adil dan *wasatiyyah* iaitu menjauhi pandangan literalis, fanatik atau konservatif.

Syarat perbandingan agama ini selaras dengan tujuan perbandingan agama yang dimaksudkan oleh al-Fārūqī iaitu untuk menjelaskan bahawa kebenaran itu mestilah dari perkara yang bersifat yakin bukan dari perkara yang bersifat ragu-ragu. Ini menjelaskan bahawa manusia boleh memahami dan mencapai kebenaran yang dimaksudkan oleh Tuhan melalui cara dan panduan Tuhan (*Ideal*) tanpa perlu unsur kepalsuan dan ragu<sup>249</sup>.

Pengkaji perbandingan agama tidak boleh membuat perbandingan antara pemikiran, perasaan dan pendapat penganut agama dengan pemikiran, pendapat dan

---

<sup>248</sup> Jadual Proses Fenomenologi Agama seperti yang g telah dijelaskan di bab 1.

<sup>249</sup> Pengaplikasian hal ini dijelaskan lagi di dalam bab5.

tanggapan pengkaji itu sendiri. Bagi mengesahkan perbandingan yang dibuat, beberapa perkara perlu diberi perhatian iaitu objek perbandingan telah difahami sebaik mungkin dan kepentingan mereka (penganut dan ahli perbandingan) juga difahami terlebih dahulu. Pengkaji harus membezakan kesilapan perbandingan atau kesilapan persefahaman sesuatu yang dibandingkan, setiap perkara yang dibandingkan mestilah mendatangkan kebaikan sebagai hasil. Selain itu, dalam usaha untuk melakukan kerja perbandingan dengan betul, undang-undang logik diperlukan selaras dengan keperluan perbincangan mahupun kepentingan dalam kajian, Sebaliknya, pengkaji tidak dibenarkan membuat perbandingan hanya untuk mendapat kepuasan hati pengkaji sahaja. Maka secara tidak langsung, perbandingan agama ini adalah proses untuk mengenal pasti sumber kebenaran.

Al-Fārūqī turut meletakkan syarat untuk menjadi ahli perbandingan agama iaitu bermula dengan kesediaan jati diri pengkaji agama tersebut. Bagi al Fārūqī . Sebagai seorang pengkaji agama atau yang diistilahkan ahli perbandingan agama, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian iaitu<sup>250</sup>:

- a. Ahli perbandingan agama yang baik dan bijak adalah pengkaji yang mampu untuk memahami agama dan menyampaikan pemahaman yang diperolehi dengan bersungguh-sungguh.
- b. Ahli perbandingan agama hendaklah menyatakan dengan jujur dan secara sukarela tanpa perlu disoal di dalam penerbitan hasil kajian mengenai proses kajian yang dilakukan dari pelbagai sudut antaranya seperti sama ada menjelaskan aspek kesusahan yang dihadapi semasa melakukan kajian, atau proses pengesahan maklumat yang diperolehi serta individu yang terlibat untuk menyemak hasil kajian yang dilakukan agar dapat mengurangi kesalahan maklumat.

---

<sup>250</sup> al-Fārūqī, *Christian ethic*, (1967), 15

- c. Ahli perbandingan agama juga perlu mengisytiharkan dalam hasil kajian yang dilakukan terdapat andaian-andaian yang tidak dapat dielakkan namun berusaha menjadikan andaian tersebut sesuatu yang bersifat kritis. Dalam erti kata lain, ahli perbandingan agama perlu melahirkan teologi yang kritis bukan bersifat dogmatik semata-mata<sup>251</sup>.

Berdasarkan penjelasan ini maka kajian merumuskan bahawa perbandingan agama dalam konteks al Faruqi bertujuan untuk menjelaskan kebenaran. Percanggahan dan sangkaan adalah ditolak sebagai sumber ilmu . Justeru dalam kajian ini, bagi tujuan toleransi, percanggahan yang ditemukan semasa perbandingan akan dijadikan sebagai limitasi toleransi agama yang perlu di santun dengan konsep hormat, manakala persamaan yang ditemui dianggap titik temu. Ini selaras dengan definisi toleransi agama menurut al-Fārūqī iaitu menerima sesuatu perkara sehingga munculnya perbezaan.

## **2.5 Kerangka Konseptual Pendekatan Al-Fārūqī Dalam Kepelbagaian Agama.**

Dalam kerangka al Fārūqī ,toleransi agama terjadi apabila kepelbagaian agama diiktiraf. Ini kerana sekiranya agama semua adalah sama-sama benar, maka logiknya, tidak akan timbul perbezaan yang memerlukan toleransi. Ini kerana apa sahaja cara yang disampaikan oleh agama tersebut adalah benar dan boleh diterima.

Selain itu, al-Fārūqī turut menjelaskan bahawa kepelbagaian adalah disebabkan oleh kebebasan yang Tuhan bagi dan menjadi kepada manusia fitrah (*sensus numinous*). Kajian mendapati bahawa kepelbagaian agama mesti dihadapi dan mempunyai sudut pandangan positif kerana Allah menciptakan sesuatu itu dengan tujuan yang baik. Hal ini juga menjelaskan bahawa al-Fārūqī cuba menjelaskan toleransi ini harus dipupuk. Ini bermaksud usaha untuk mencari keharmonian di sebalik kepelbagaian adalah dituntut.


---

<sup>251</sup> Rujuk kepada penjelasan Jadual Penilaian Meta agama di bab 1.

Kajian turut mendapati bahawa pendekatan dalam membina keharmonian ini adalah perkara yang perlu difikirkan mengikut tempat dan keadaan. Dalam hal ini al-Fārūqī menggunakan dialog ataupun perbincangan sebagai asas pendekatan utama. Dialog ini bukan sahaja bertujuan untuk menjelaskan perkara yang berbeza namun untuk mencari limitasi perbincangan dalam hal perbezaan tanpa menafikannya serta meraikan persamaan yang wujud antara agama dikaji.

Justeru berdasarkan konsep, prinsip dan pendekatan toleransi agama al-Fārūqī di atas, kajian merumuskan bahawa toleransi agama hanya berlaku dan menjadi keperluan apabila wujudnya dua perkara iaitu (i) pengiktirafan terhadap kepelbagaian agama iaitu tidak menyamakan agama-agam sama-sama benar (ii).kesediaan untuk hidup harmoni iaitu keharmonian perlu dan boleh dicari di sebalik kepelbagaian agama. Kerangka teoritikal pendekatan al-Fārūqī dijelaskan dalam rajah di bawah:

**Rajah 2.2: Kerangka Teoritikal Pendekatan Toleransi Agama al-Fārūqī**



Sumber :Rumusan idea pendekatan toleransi agama al-Fārūqī

Berdasarkan penjelasan di atas kajian mendapati bahawa perbincangan toleransi agama menurut al-Fārūqī terbahagi kepada dua aspek iaitu teori toleransi agama dan pendekatan toleransi agama. Teori toleransi agama al-Fārūqī dirumuskan bahawa toleransi agama hanya akan berjalan dan terlaksana apabila wujud pengiktirafan akan kewujudan kepelbagaian agama dari sudut kewujudan dan kebenaran. Seterusnya pengiktirafan kepelbagaian agama ini diikuti dengan kesediaan untuk harmoni dalam kepelbagaian agama.

Pendekatan toleransi agama yang dicadangkan oleh al-Fārūqī adalah melalui pelaksanaan fenomenologi agama yang merangkumi pendekatan memahami agama, dialog agama dan perbandingan agama. Kajian mendapati bahawa al-Fārūqī menegaskan pendiriannya terhadap pendekatan-pendekatan ini sebagai aplikasi konsep *sā'ah* dan *yusr*. Walau bagaimanapun, di dalam pelaksanaan konsep *sā'ah* dan *yusr*, al-Fārūqī tidak membawa kepada konsep kenisbian nilai yang didakwa merupakan perosak sistem nilai dan penyebab timbulnya keraguan.

“Sikap skeptic atau ragu-ragu ini disifatkan menolak kebenaran dan ia timbul apabila seseorang itu gagal mencari kebenaran sehingga akhir atau putus asa terhadap kemungkinan mengetahui kebenaran. Sebagai hukum nilai (etika) ia merupakan petunjuk kepada kehampaan sambil menyerah tanpa usaha bahawa manusia hanyalah hidup bermimpi tanpa kesudahan<sup>252</sup>”.

Bertolak dari definisi toleransi dan konsep toleransi yang al-Fārūqī pegang, ketiga-tiga pendekatan ini adalah bertepatan kerana bertujuan untuk mencari sesuatu bukti dan mengetahui sesuatu yang tidak diingini adalah penting untuk dijadikan limitasi. Apabila limitasi jelas maka pelaksanaan toleransi tidak dijalankan dalam keadaan ragu-ragu. Hal ini secara tidak langsung, akan menunjukkan kebenaran dalam agama tersebut.

---

<sup>252</sup> Al-Fārūqī, (1992), 52-53

## 2.6 Kesimpulan

Al-Fārūqī menjelaskan bahawa pendekatan yang digunakan adalah sesuai digunakan dalam mengkaji sesuatu agama, adat atau kepercayaan. Pendekatan ini melibatkan penilaian secara fitrah yang bertujuan mencari aspek persamaan dan perbezaan dalam agama dengan disahkan oleh pemimpin agama. Ini bertujuan untuk merangka limitasi dan dalam membina kepercayaan baik sesama penganut agama. Manakala penilaian kedua iaitu prinsip meta religion pula bertujuan untuk mengenal pasti agama melalui prinsip logik yang dibina berlandaskan konsep universal.

Pendekatan al-Fārūqī juga menekankan bahawa pendekatan agama perlu dilihat dari dua sudut pandang iaitu agama dalam konteks sejarah dan agama dalam konteks fitrah asas agama (meta agama). Meta agama merupakan agama asal yang diturunkan oleh Tuhan manakala agama sejarah merupakan agama asal yang telah bercampur dan diubahsuai oleh sesuatu bangsa, zaman, tempat, sejarah, kebudayaan, corak kepimpinan dan yang seumpamanya. Pendekatan utama yang perlu dilaksanakan adalah menganalisis perbezaan dan persamaan antara agama serta secara tidak langsung menjelaskan sebab-sebab penolakan atau penerimaan sesuatu agama itu benar atau tidak.

Melalui tinjauan yang dilakukan terhadap kajian-kajian Al-Fārūqī, tidak dinafikan bahawa idea dan pendekatan yang dibentuk oleh beliau merupakan ilmu yang berharga khususnya dalam bidang kajian agama. Kajian intelektual yang melibatkan analisis secara kritikal dalam setiap kajian Al-Fārūqī ini telah menghasilkan satu teori yang selayaknya dijadikan panduan kepada masyarakat beragama untuk membentuk keharmonian. Tambahan lagi pendekatan yang dihasilkan ini turut dipraktikkan semasa penglibatan beliau dalam membuat kajian antara agama. Kajian yang dilakukan bukanlah bertujuan untuk menyempurnakan idea Al-Fārūqī yang telah diiktiraf tahap keserjanaan ya tetapi bertujuan untuk mengaplikasikannya dalam konteks masyarakat beragama di Malaysia.

## **BAB 3: TOLERANSI AGAMA DI MALAYSIA MENURUT PANDANGAN WAKIL PEMIMPIN AGAMA ISLAM DAN KRISTIAN**

### **3.1 Pengenalan**

Bab ini bertujuan menjelaskan pandangan wakil pemimpin agama Islam dan Kristian Malaysia terhadap realiti toleransi agama. Penjelasan akan dilakukan secara tematik berpandukan pandangan wakil pemimpin Muslim dan Kristian Malaysia dalam beberapa tema iaitu isu dan faktor ketidakharmonian antara agama di Malaysia, pandangan terhadap toleransi agama dan kepelbagaian agama.

### **3.2 Sejarah Hubungan Antara Agama Di Malaysia**

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri dari pelbagai agama, bangsa dan kaum. Menurut Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri, kepelbagaian agama, bangsa dan kaum di Malaysia ini akhirnya terpusat dengan lebih tepat sebagai masyarakat *ethocentric* yang mana bangsa yang menjadi asas pengenalan diri masyarakat Malaysia<sup>253</sup>. Justeru segala isu yang dilaporkan berkaitan dengan hak individu dalam negara secara tidak langsung dipengaruhi dengan perspektif dari sesuatu kaum. Isu agama juga tidak terkecuali dari stereotaip ini seperti Melayu itu Islam, Hindu untuk India, Buddha untuk kaum Cina dan Kristian juga untuk cina.


Berdasarkan bancian yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Negara pada tahun terakhir 2010 menunjukkan bahawa berlakunya pertambahan penduduk di Malaysia dari masa ke semasa khususnya sebanyak 28.8 juta penduduk dengan pecahan mengikut

---

<sup>253</sup> Shamsul Amri Badaruddin. *Hubungan Etnik di Malaysia*, (Selangor : Universiti Teknologi Mara Malaysia, 2007).

agama adalah seperti Islam 60.4%, Buddha 19.3%, Kristian 9.1%, Hindu 6.2%, Taoist 2.9%, Sikh 0.3% dan lain –lain sebanyak 1.8% seperti dalam rajah di bawah.

**Carta 12: Taburan peratus penduduk mengikut agama, Malaysia, 2010**  
*Chart 12: Percentage distribution of the population by religion, Malaysia, 2010*



### **Rajah 3.1: Carta Taburan Penduduk Malaysia mengikut Agama <sup>254</sup>**

Kewujudan Islam dan Kristian di Malaysia telah melalui sejarah yang panjang. Bermula dengan sejarah Melayu sebagai rakyat asal (*son of the soil*) di tanah Melayu yang mana pada masa itu kebanyakannya beragama Islam dan kehadiran penganut Kristian yang dilihat jelas melalui kedatangan orang-orang asing sama ada pedagang, penjajah, doktor perubatan dari luar negara mahupun kader-kader Kristian sendiri ke Tanah Melayu dari masa ke semasa sehingga berlakunya kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957. Ekoran dari pengisytiharan kemerdekaan Malaysia 1957 yang disertai dengan penggubalan perlembagaan Malaysia maka secara rasminya agama Islam diiktiraf sebagai agama Persekutuan tanah Melayu dan agama Kristian pula diiktiraf sebagai agama yang dibenarkan wujud dan diamalkan di Tanah Melayu (kemudiannya disebut Malaysia) bersama-sama agama –agama lain yang mana tiap satu hak agama-agama ini dilengkapi dengan syarat dan limitasi yang kemas tercatat di dalam perlembagaan.

<sup>254</sup> Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2010).



Sehubungan dengan itu, keberadaan dan pelaksanaan agama Islam khususnya dan agama-agama lain amnya adalah tertakluk dan berpandukan kepada perlembagaan Malaysia dan dokumen serta perjanjian yang berkaitan dengan perlembagaan ini.

Pengiktirafan Perlembagaan Malaysia terhadap wujudnya kepelbagaian agama jelas terbukti melalui peruntukan enakmen yang membenar dan mengiktiraf kebebasan beragama. Peruntukan Perkara 3 (I) Perlembagaan Persekutuan (1957) telah memperuntukkan bahawa Islam merupakan agama rasmi negara tetapi agama-agama lain juga boleh diamalkan dengan aman dalam negara. Seterusnya dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan (1957) pula menyebut secara jelas mengenai kebebasan beragama, iaitu setiap orang berhak menganut dan beramal dengan ajaran agama masing-masing<sup>255</sup>. Kebebasan beragama yang dijelaskan sebagai tanda meraikan kepelbagaian agama di dalam perlembagaan Malaysia tidak lah bebas tanpa panduan. Ini Kerana ia dilihat boleh mendatangkan kesan yang tidak baik antaranya mencabar Perkara 3 yang dianggap sebagai tiang seri perlembagaan. Justeru perkara 11(5) menjelaskan had ke atas

---

<sup>255</sup> Perlembagaan juga meraikan kepelbagaian dengan menghormati agama melalui kebebasan mendapat pendidikan agama yang dijelaskan dalam Perkara 12. Dalam perkara ini, Tiap-tiap kumpulan agama berhak menubuhkan dan menyelenggarakan institusi bagi pendidikan kanak-kanak dalam agama kumpulan itu, dan tidak boleh ada diskriminasi semata-mata atas alasan agama dalam mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu; tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyelenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyelenggarakan institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang perlu bagi maksud itu.

Kebebasan beragama yang dijelaskan sebagai tanda meraikan kepelbagaian agama di dalam perlembagaan Malaysia tidak lah bebas tanpa panduan. Ini Kerana ia dilihat boleh mendatangkan kesan yang tidak baik antaranya mencabar Perkara 3 yang dianggap sebagai tiang seri perlembagaan. Justeru perkara 11(5) menjelaskan had ke atas kebebasan beragama dengan tidak membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral. Selain itu, Perkara 11(4) Yang memperuntukkan Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

Malah perlindungan terhadap kepercayaan dan anutan seseorang juga dilindungi di bawah Perkara 12 (3) yang memperuntukkan bahawa Tiada seorang pun boleh dikehendaki menerima ajaran sesuatu agama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau upacara sembahyang sesuatu agama, selain agamanya sendiri dan Perkara 12 (4) yang bertujuan melindungi kanak-kanak. Bagi maksud Fasal (3) agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya.

kebebasan beragama dengan tidak membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral. Selain itu, Perkara 11(4) Yang memperuntukkan Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam

### 3.2.1 Hubungan Muslim-Kristian di Malaysia.

Secara ringkasnya, penulis menyimpulkan bahawa hubungan Muslim dan Bukan Muslim di Malaysia dilihat melalui tiga fasa utama yang mempengaruhi perkembangan iaitu fasa selepas kemerdekaan, fasa selepas kebangkitan semula Islam (1970), dan fasa pelaksanaan dasar Islamisasi (1982) sehingga kini seperti yang dijelaskan dalam gambar jadual di bawah.

**Jadual 3.1: Perkembangan Hubungan Antara Agama Di Malaysia**

Perkara	FASA 1 (1957-19700)	FASA 2 (1970-1985)	FASA 3 (1985- 2000)	FASA 4 (2000- Kini)
<b>Tahap Toleransi</b>	Kurang	Baik	Sederhana	Kurang
<b>Isu</b>	Dasar pecah perintah	Dasar Ekonomi Baru	Dasar Islamisasi	Islam Hadhari, Gagasan 1 Malaysia
<b>Realiti</b>	Sangka Buruk, Perkauman	Peringkat Awal: Migrasi, Urbanisasi  Peringkat kedua: Mencari Identiti	Prejudis dan Perkauman semula  Kebangkitan semula Islam	Kepartian dalam agama

#### Sumber Jadual: Ringkasan Pengkaji

- i. Fasa pertama : Realiti Kepelbagaian Agama selepas merdeka

Fasa ini bermula pada awal kemerdekaan, sekitar tahun 1957 . Pada masa ini bermula dengan tahap toleransi yang masih kurang. Ekoran kesan pecah dan perintah yang

dilaksanakan oleh penjajah British melalui pengasingan penduduk mengikut bangsa dan kawasan. Bandar bagi Cina, Kampung bagi Melayu dan estet bagi India. Malah usaha perpaduan kurang dijalankan oleh pihak kerajaan kerana selepas kemerdekaan terdapat tiga agenda utama yang diberi perhatian penuh oleh kerajaan iaitu membasmi kejahilan, kemiskinan dan penyakit.

Jurang dalam hubungan antara agama ini akhirnya mencabar keharmonian Malaysia khususnya pada tahun ke 12 selepas kemerdekaan dengan berlakunya tragedi 1969. Menurut Abdul Hamid Othman<sup>256</sup> (2005:64), ketegangan antara kaum mula diluahkan dengan berani sehingga tercetusnya peristiwa 1969 ini disebabkan berakhirnya tempoh perjanjian yang telah dimeterai bersama British dalam perjanjian kemerdekaan. Beliau turut menjelaskan bahawa dalam perjanjian kemerdekaan, British memberi masa selama 10 tahun percubaan kepada Tanah Melayu bagi menunjukkan bahawa setiap kaum dan bangsa boleh hidup bersama dengan harmoni, sekiranya wujud persengketaan maka kemerdekaan akan di tarik semula. Kajian ini mendapati bahawa peristiwa berdarah ini menjadi titik tolak kepada percampuran penganut agama dengan meluas di Tanah Melayu akibat dari situasi yang menggesa kerajaan agar turut mengambil kira keharmonian umat beragama sebagai asas kemajuan negara. Akhirnya satu penggubalan agenda baru dalam kerajaan telah dilaksanakan semula berpunca dari peristiwa rusuhan berdarah yang berlaku pada 13 Mei 1969. Hal ini sekali gus membentuk fasa baru dalam hubungan kepelbagaian agama khususnya hubungan Muslim-Kristian di Malaysia.

ii. Fasa Kedua: Hubungan Muslim-Kristian Fasa Awal 1970

Bermula tahun 1970, ekoran dari peristiwa 1969, kerajaan telah menggubal Dasar Ekonomi Baru bagi merapatkan jurang ekonomi antara kaum dan agama. Walaupun

---

<sup>256</sup> Abdul Hamid Othman, "Toleransi Agama sebagai Teras Dialog Peradaban". Dalam (pnyt) Azizan Baharudin et.al. *Dialog Peradaban Peranan dan Kepentingannya di Malaysia*. (Kuala Lumpur:Universiti Malaya,2005),64).

peristiwa 1969 adalah berteraskan perkauman namun dalam konteks Malaysia apa sahaja perkara yang melibatkan perkauman sering kali turut menjejaskan hubungan agama . DEB ini dilihat memberi kesan dalam dua peringkat iaitu

- Peringkat Awal DEB: 1970

Pelaksanaan DEB 1970 ini menyebabkan kaum Melayu, India dan Cina mula duduk bersama. Sektor pekerjaan yang berasaskan etnik sudah berubah sewajar dengan tekanan DEB dan globalisasi, masyarakat yang mempunyai intelektual tinggi mula wujud dan berubah berbanding zaman sebelum merdeka dahulu. Semua ini mengubah bentuk serta struktur hubungan kaum di negara ini. Dasar ini akhirnya menyebabkan berlaku migrasi secara besar-besaran penduduk kampung dan estet ke bandar. Pelaksanaan DEB 1970 ini menyebabkan kaum Melayu, India dan Cina mula duduk bersama. Wujud pengagihan penempatan kediaman yang bersifat adil terhadap pelbagai agama mahupun bangsa yang tidak bersifat perkauman seperti pada zaman awal kemerdekaan dan memberi kebebasan hak beragama kepada agama lain untuk sama-sama wujud di Malaysia yang telah mengiktiraf Islam sebagai agama persekutuan.

Dalam konteks hubungan beragama, pada peringkat ini mula muncul dialog sosial antara penganut agama kesan dari proses urbanisasi. Sebagai contoh, wujudnya penyertaan kaum India dan Cina dalam pekerjaan sebagai polis akhirnya menonjolkan percampuran keluarga Melayu dan India di kuarters polis, percampuran anak-anak di sekolah, perkongsian tapak jualan makanan di kedai antara kaum Melayu dan Cina, kehadiran penganut agama yang pelbagai dalam satu-satu perayaan sama ada pada Sambutan Hari Raya, Tahun Baru Cina mahupun Deepavali tanpa syak wasangka dan lebih terbuka.

Usaha dan pelaksanaan dalam perpaduan kaum dan agama ini turut diberi perhatian oleh pihak kerajaan khususnya dalam mengimbangi hak antara agama dan

memupuk keharmonian untuk hidup bersama . Maka, kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang mempunyai sebuah jabatan khusus bagi menjaga perpaduan negara iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah ditubuhkan pada tahun 1970. Malah pertukaran dari dasar DEB ke wawasan 2020 yang telah di perkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan meletakkan bahawa terdapat 9 cabaran<sup>257</sup> utama untuk menjayakan wawasan 2020 menunjukkan 8 dari cabaran tersebut adalah berkisar dengan pembangunan dan perpaduan masyarakat Malaysia. Hal ini menegaskan bahawa integrasi nasional di kalangan masyarakat Malaysia sememangnya diberi perhatian. Namun ini tidak menafikan berlakunya isu –isu antara kaum dari masa ke semasa antaranya seperti Peristiwa Kerling 1978, Demonstrasi Penganut Kristian di Melaka pada hari Wesak 1980, Peristiwa Lubuk Merbau dan Memali 1985 dan seumpamanya.

- Peringkat Kedua : Pengaktifan Kebangkitan Semula Islam 1982.

Sekitar tahun 1970, Kesan dari kebangkitan semula Islam di dalam Revolusi Iran, arus kebangkitan semula Islam telah mula melanda seluruh dunia Islam termasuk di Malaysia.

Di sana sini kelihatan masyarakat Muslim telah mula ghairah untuk kembali menghayati

- 
1. <sup>257</sup> Mewujudkan Negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat dikongsi bersama.
  2. Mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang ada dan yang dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah.
  3. Mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun.
  4. Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika.
  5. Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, rakyat pelbagai kaum bebas mengamalkan idea, kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing dan pada masa yang sama, meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara.
  6. Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan, yang bukan sahaja pengguna teknologi tinggi tetapi juga menyumbangkan kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.
  7. Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mengutamakan kepentingan masyarakat, kebajikan insan tidak akan berkisar kepada Negara atau orang perseorangan, tetapi sekeliling sistem keluarga yang kukuh.
  8. Memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi.
  9. Mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.

ajaran agama Islam dalam pelbagai sudut. Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang menjadikan agama Islam sebagai agama persekutuan dan selaras dengan itu, pada tahun 1982 satu dasar Islamisasi kerajaan mula diperkenalkan. Lahir satu semangat baru untuk memperjuangkan kebangkitan semula Islam yang mana ia boleh digambarkan sebagai satu usaha untuk menegakkan semula nilai-nilai Islam, amalan-amalan Islam, institusi-institusi Islam, undang-undang Islam dan segala pelaksanaan sistem dan penghayatan yang penuh keislaman secara menyeluruh bagi mewujudkan sebuah negara Islam<sup>258</sup>.

Selain dari revolusi Iran, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru turut menyumbang kepada kebangkitan semula Islam di Malaysia melalui proses urbanisasi. Ini kerana berlakunya penghijrahan masyarakat desa ke kota secara berleluasa dengan berbagai tujuan. Majoriti penduduk desa yang berhijrah ini terdiri daripada kaum Melayu dan beragama Islam. Mereka berusaha untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan baru sehingga sesetengahnya tidak menyedari bahawa rutin-rutin kehidupan di kota telah menjejaskan kemanusiaan dan akhirnya menjadikan mereka semakin bersifat mementingkan kebendaan dan kesenangan hidup semata-mata. Namun, isu yang timbul apabila terdapat pula sebahagian masyarakat yang berhijrah ini tidak berjaya menyesuaikan diri mereka dengan keadaan di kota dan kecewa kerana kehidupan baru ini tidak mempunyai interaksi sosial, perpaduan komuniti serta memberi kesukaran kepada mereka untuk mematuhi etika dan cara hidup Islam yang sebenarnya. Apabila sampai ke tahap yang tidak boleh dikawal, mereka mula memberontak dan mencari sesuatu untuk menyempurnakan keperluan rohaniah mereka. Akibat daripada tekanan ini, golongan ini mula mendesak untuk kembali kepada asas yang mereka perlukan iaitu penghayatan semula ajaran agama Islam. Mereka mula mengubah suai corak kehidupan mereka

---

<sup>258</sup> Chandra Muzaffar, *Islamic resurgence in Malaysia*, (Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd,1987),2.

dengan mempraktikkan cara hidup serta suruhan Islam seperti menunaikan solat, taat dalam mengerjakan ibadah dan akhirnya mula menubuhkan atau menyertai kegiatan-kegiatan pertubuhan-pertubuhan Islam dengan penuh minat sehingga mencapai kepuasan yang mereka perlukan.

Selain itu, proses urbanisasi ini juga menimbulkan kecenderungan sesuatu kaum untuk menimbulkan identiti tersendiri. Ini kerana, masyarakat Malaysia ini dibahagikan mengikut garisan etnik. Apabila masyarakat telah dibahagikan secara menyeluruh mengikut etnik, maka identiti menjadi satu perkara yang paling penting. Bahasa, bentuk pakaian, amalan budaya dan agama adalah satu saluran yang biasa untuk melahirkan identiti maka ini menyebabkan terdapat hasrat yang kuat dalam diri masyarakat Muslim Malaysia untuk mencari lambang-lambang identiti mereka tersendiri <sup>259</sup>.

Faktor penindasan dan diskriminasi juga turut menyumbang kepada kebangkitan semula Islam Malaysia. Sebagai contoh, dalam peristiwa tragik yang berlaku di Lubuk Merbau dan Tragedi Memali, terdapat golongan-golongan Islam ditindas. Penindasan yang berlaku kepada mereka ini telah mendapat perhatian dan simpati dari masyarakat Muslim yang lain. Penindasan dan diskriminasi yang berlaku ini telah membakar semangat mereka untuk memperjuangkan Islam dan bertujuan untuk membela nasib golongan yang tertindas. Hal ini jelas menunjukkan kebangkitan semula Islam ini juga bertujuan untuk membersihkan kesan pengaruh-pengaruh penjajah yang telah lama membelenggu pentadbiran, kebudayaan dan tamadun negara ini<sup>260</sup>.

Dalam konteks beragama, peringkat kedua ini memberi impak yang berbeza kepada Muslim dan bukan Muslim. Sebagai contoh, ekoran usaha gerakan dakwah yang lahir dari kebangkitan semula Islam munculnya kesedaran di kalangan pihak Muslim

---

<sup>259</sup> Chandra, Ibid (1987).31.

<sup>260</sup> Nur Farhana Abdul Rahman, *Impak kebangkitan Semula Islam di Malaysia*, (Disertasi, Ijazah Sarjana Muda, Pengajian Islam, UKM, 2006),19.

bagi meletakkan batasan percampuran dan aurat antara lelaki dan perempuan serta yang berlainan agama. Sebelum ini sudah menjadi kebiasaan kanak-kanak atau individu Muslim yang bersalam dengan individu berlainan jantina tanpa mengira Akan tetapi selepas kesedaran akan batasan dan limitasi, Pihak Muslim tidak lagi akan bersalam sewenang nya terhadap individu berlainan jantina tidak kira agama.

Hal yang sama juga berlaku dalam persoalan halal dan haram. Seperti yang telah dijelaskan , melalui proses urbanisasi, perayaan antara gama akhirnya diraikan bersama sama dari semua penganut agama. Selepas kebangkitan semula Islam, aktiviti meraikan perayaan penganut agama dan bangsa lain masih dilaksanakan kerana ia merupakan lambang perpaduan negara Malaysia yang terdiri pelbagai bangsa dan agama akan tetapi penggunaan pinggan, sudu dan cawan plastik serta memastikan makanan yang disediakan oleh sesuatu majlis perayaan mula dilakukan.

Bagi Muslim hal ini dilihat bagi melaksanakan toleransi agama tanpa melanggar batasan ajaran Islam akan tetapi dalam konteks bukan Muslim kesedaran dan limitasi yang diberikan oleh golongan Muslim dilihat menyekat untuk bertoleransi dan menyebabkan mereka merasa pelik namun perlu difahami dan dihormati. Seperti yang dijelaskan oleh wakil pemimpin agama:

“sebelum ini kami menghadiri perayaan Muslim dengan senang hati namun selepas dari tahun 1970 setiap majlis yang dilakukan oleh muslim selalunya menyediakan pinggan dan tempat letak pinggan khas bagi membezakan Muslim dan bukan Muslim. Pada mulanya kami rasa pelik namun kami perlu untuk menerima walaupun rasa sedih. Jadi Masalah utama adalah kita kurang dengar cerita baik berkaitan hubungan baik antara agama. Kita hanya dengar konflik. Tapi kalau kita keluar dari bandar, Bentong, famous for ice kacang. Di kedai itu ada konsep stall, Jadi di kedai cina, ada satu stall nasi lemak Makcik beragama Islam, . Dia tidak ada masalah. Orang cina pun tahu dia Islam jadi dia pun ada tempat sedia ada dia punya pinggan. Jadi dia pun dihormati. Mereka hidup dia bercakap bergurau semua okay. Akan tetapi ini yang orang tidak dengar cerita yang baik. Kalau kita ke kampung, banyak orang hidup satu sama lain. Kawasan kecil di luar kawasan Kuala Lumpur<sup>261</sup>.

---

<sup>261</sup> Temu bual bersama wakil pemimpin agama Kristian, Kuala Lumpur pada Januari 2014 di Gereja Katolik Kuala Lumpur.



- Fasa Ke Tiga: Pelaksanaan Dasar Islamisasi 1982

Pelaksanaan dasar Islamisasi dalam polisi kerajaan dilihat bermula dengan perantikan Tun Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri pada tahun 1980. Dalam konteks hubungan Muslim dan Bukan Muslim Malaysia, pelaksanaan dasar Islamisasi dalam polisi kerajaan menambah kebimbangan bukan Muslim terhadap tuntutan Muslim. Persoalan utama yang timbul adalah sebesar manakah sekatan yang akan dikenakan kepada pihak bukan Muslim khususnya dalam melaksanakan ibadah mereka. Mereka turut mempersoalkan keperluan melaksanakan Islam dalam sistem pemerintahan negara kerana bagi mereka walaupun Islam adalah agama persekutuan Malaysia namun ia tidak membawa kepada Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Kenyataan Tunku Abdul Rahman dan Hakim Pertama Tanah Melayu Muhammad Suffian Hashim menjadi rujukan mereka<sup>262</sup>.

Dalam konteks hubungan beragama Islamisasi ini menimbulkan kecenderungan untuk mempertahankan agama melebihi kecenderungan untuk memperjuangkan keharmonian antara kaum dan bangsa di Malaysia. Buktinya, pihak bukan Muslim mula melakukan persiapan bagi menjaga dan memantau usaha-usaha polisi kerajaan bagi menjaga hak mereka. Sebagai contoh, Penubuhan MCCBHST, *Malaysia Council of Christian Buddha, Hindu, Sikh dan Tao* merupakan satu landasan bagi menyampaikan suara bukan Muslim kepada kerajaan. MCCBHST ini menyuarakan bantahan terhadap program Islamisasi ekoran wujudnya pelaksanaan dasar Islamisasi yang digagaskan oleh

---

<sup>262</sup> Tunku Abdul Rahman telah menyatakan dengan jelas bahawa tiada keperluan mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam walaupun agama Islam sebagai agama Persekutuan Tanah Melayu ini kerana wujudnya pelbagai bangsa dan agama di Tanah Melayu.

Ketua hakim Pertama Tanah Melayu Muhammad Suffian Hashim turut menjelaskan hal ini dengan mengatakan bahawa agama Islam sebagai agama persekutuan hanyalah membawa maksud kepada pelaksanaan dalam upacara rasmi seperti bacaan doa di majlis rasmi, pakaian rasmi menurut Islam dan seumpamanya.

pihak kerajaan pada tahun 1982. Tuntutan ini muncul sebagai bukti kebimbangan dan reaksi masyarakat bukan Muslim dalam mengimbangi hak Muslim dan bukan Muslim yang selaras dengan artikel 11 dalam Perlembagaan Malaysia<sup>263</sup>. Malah isu-isu ini turut melahirkan pertikaian yang lebih besar terhadap pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam sehingga MCCBHST menyatakan penolakan terhadap aplikasi undang-undang Syariah ke atas masyarakat bukan Islam dan kemuncaknya ialah tuntutan hak kebebasan beragama di Malaysia diperjuangkan oleh Inter Faith Commission (IFC) pada tahun 2009<sup>264</sup> yang menyokong antaranya bahawa setiap individu berhak memilih agama sendiri tanpa boleh dipaksa oleh ibu bapa .

Selain itu, Isu Islamisasi ini semakin dipertikaikan apabila pada 29 September 2001. Perdana Menteri pada masa itu iaitu Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan bahawa Malaysia sememangnya sebuah Negara Islam dan pengisytiharan ini menimbulkan gelombang dari reaksi dari Muslim dan bukan Muslim Malaysia. Manakala pada Jun 2002, pula Dr. Mahathir Mohamad turut mengumumkan bahawa Malaysia adalah negara Fundamental Islam kerana pemerintahan kerajaan adalah berasaskan kepada ajaran fundamental dalam Islam. Malah lebih kontroversi apabila Gagasan Islam Hadhari mula diperkenalkan Oleh Tun Abdullah Badawi perdana Menteri Keempat.

Persoalan yang menjadi isu utama di pihak bukan Muslim adalah pertikaian terhadap keperluan nilai-nilai Islam ini diterapkan dalam sebuah negara pelbagai bangsa. Mereka berpandangan bahawa sekiranya nilai-nilai ini bersifat universal dan sesuai untuk semua peringkat, maka tiada keperluan bahawa nilai- nilai ini masih diistilahkan kepada

---

<sup>263</sup> Nortcott, "The Christian Muslim Relationship in West Malaysia", *The Moslem World* Vol 81,(1), (1991):59. Antara objekif MSSBSHT adalah:

- a. to promote dialogue with all the religions for a mutually constructive exploration of different traditions and of controversial issues such as conversion.
- b. to represent the interest of non-Muslim religions to the government and the state authorities on issues such as non Muslim burial grounds, the building of temple, etc.

<sup>264</sup> Paul Tan. "Human Right, Freedom of Expression and Belief". Dalam *Human Rights in Malaysia*, (Democratic Action Party Human Right Committee. Kuala Lumpur,1986).

nilai-nilai Islam (Islamisasi). Adalah lebih tepat disebutkan sebagai nilai-nilai Universal<sup>265</sup>. Seterusnya pertikaian yang hampir sama juga dilemparkan oleh bukan Muslim kepada gagasan Islam Hadhari yang hanya memperuntukkan satu sahaja prinsip dari 10 prinsip dalam Islam kepada golongan minoriti<sup>266</sup>. Pertikaian-pertikaian ini menjadikan pihak bukan Muslim bersifat *defensive* dan wujud pihak Muslim yang mengambil kesempatan menggunakan dasar Islamisasi ini yang memupuk semangat eksklusif Islam yang ekstrem di Malaysia sekali gus memberi kesan yang buruk terhadap imej Islam sebagai agama universal.

Kesan dari dua kecenderungan ini adalah muncul isu-isu dalam hubungan Muslim dan bukan Muslim yang berlegar sekitar isu sekatan mengamalkan agama dan hak agama lain dalam kehidupan<sup>267</sup>. Antara isu yang sering timbul adalah seperti isu dan konflik perobohan rumah Ibadah yang tidak mengikut spesifikasi<sup>268</sup>, isu ketidakadilan dalam garis panduan pembinaan rumah ibadah bukan Muslim, isu hak pengagihan kawasan perkuburan, isu gangguan azan, isu pertukaran agama, isu perebutan anak, isu perebutan mayat dan seumpamanya. Ini jelas menunjukkan usaha membentuk sifat kenegaraan

---

<sup>265</sup> Ghazali Basri, 'A Comparative Study on Religious Tolerance in post-Independent Malaysia-Nigeria with special reference to Christian Muslim Relation' (Tesis Doktor Falsafah Universiti Aberdeen, 1988), 112, dan Walter, (2007). 67-83.

<sup>266</sup> Walter, Ibid, 70.

<sup>267</sup> Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Raymond dan Susan Ackerman dalam bab 1 berkaitan 3 isu utama di Malaysia.


<sup>268</sup> Sebagai contoh, berikutan tindakan kerajaan negeri yang mula menghadkan pembinaan rumah ibadah (melihat peristiwa penolak permohonan penubuhan gereja di Shah Alam), melibatkan kekurangan tanah cimetri, mengurangkan pengagihan tanah dalam konteks pembinaan rumah ibadah dan apa sahaja bangunan yang melibatkan aktiviti agama. Situasi ini dilihat lebih membimbangkan penganut agama minoriti bermula sekitar 1990 yang mana sekatan dilakukan lebih banyak. Sebagai contoh lain, penganut Kristian mempertikaikan pengagihan kuota rumah Ibadah di Johor. Pembinaan rumah ibadah bukan Muslim dibenarkan ke atas setiap kawasan yang mempunyai 4000 penganut agama tersebut ini bermakna 40000 penganut satu rumah Ibadah berdasarkan syarat dan spesifikasi yang dibenarkan. Berbanding dengan nisbah rumah Ibadah agama Islam, setiap satu Masjid dinisbahkan kepada 800 penganut agama dalam kawasan 0.4 hektar. Ini juga diikuti berlaku di negeri-negeri lain. Hal ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan bukan Muslim dan protes dilakukan. Hasilnya, setelah mendapat protes dari bukan Muslim ini kerajaan menyatakan bahawa kawasan yang diperuntukkan bagi kawasan ibadah bukan Muslim adalah 0.2 hektar (Albert, W.A, Ibid). Hakikatnya, satu garis panduan pembinaan rumah Ibadah turut dibentuk. Namun begitu, garis panduan pembinaan rumah Ibadah yang dibentuk ini turut mendapat kritikan dari pihak bukan Muslim.

dalam jati diri Malaysia ditutupi dengan isu keagamaan dan menghasilkan sikap berpuak-puak di kalangan masyarakat Malaysia.

### 3.2.2 Isu Dalam Hubungan Muslim-Kristian Malaysia: Menurut Pandangan Pemimpin Agama

Melalui temu bual yang telah dijalankan ke atas informan Muslim dan Kristian Malaysia jelas menunjukkan terdapat beberapa isu utama yang mengundang ketidakharmonian di kalangan penganut Islam dan Kristian di Malaysia. Antara isu-isu utama yang mengundang salah faham adalah isu Kalimah Allah, diikuti isu Islamisasi seperti penolakan Malaysia sebagai negara Islam, Isu kebebasan beragama dan konversi dan Isu diskriminasi rumah ibadah . Hal ini dijelaskan dalam rajah di bawah.

Rajah 3.1 Isu dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia



Sumber Analisis Temubual

#### i. Isu Kalimah Allah

Berdasarkan temu bual yang telah dilakukan kajian mendapati bahawa pemimpin agama Islam dan Kristian Malaysia menegaskan bahawa isu penggunaan Kalimah Allah adalah isu yang melanggar sensitiviti agama Islam dan Kristian. Berdasarkan tujuan penggunaan Allah, informan Muslim menjelaskan bahawa sekatan kalimah Allah di Malaysia adalah bertujuan menjauhi kekeliruan ke atas masyarakat Muslim Malaysia khasnya di semenanjung kerana ia bukan menjadi kebiasaan. Informan Muslim tidak menafikan

kegunaan kalimah Allah di negara lain namun dalam konteks semenanjung Malaysia ia tidak bersesuaian. Secara istilahnya, semua informan Muslim berseruju bahawa dalam menjelaskan bahawa kalimah Allah, rujukan utama dalam surah al Ikhlas yang menjelaskan Allah merupakan satu *lafaz al-jalālah* yang selaras dan bertolak di bawah konsep Tauhid melalui surah al Ikhlas<sup>269</sup>:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝

Surah al-Ikhlas (112): 1-4

Bermaksud: 1. Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; 2. "Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang yhg hajat; 3. "Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakkan; 4. "Dan tidak ada sesiapa pun Yang serupa denganNya".

Dalam surah ini, Allah itu adalah Esa, matlamat kehidupan semua makhluk, tidak beranak dan diperanakkan serta tiada satu pun makhluk yang dapat menyerupai Allah. Bertolak dari hujah ini maka informan Muslim menjelaskan bahawa kekeliruan yang dielakkan menurut informan Muslim adalah menjauhi mensyirikkan atau menyekutukan Allah. Malah dalam hal yang sama, informan Muslim menjelaskan bahawa pegangan Tauhid ini juga mendatangkan ayat al- Kāfirūn sebagai asas hubungan dengan agama lain dalam bidang akidah terutamanya dalam penekanan ayat "*Lakum dīnukum wa liyadīn*"<sup>270</sup>.

Berdasarkan penjelasan ini, semua informan Muslim bersetuju bahawa penggunaan kalimah Allah di dalam *Al-Kitab* atau penerbitan bahasa Melayu adalah tidak sesuai di semenanjung Malaysia kerana akibat pemahaman konsep Allah yang berbeza.

Maka tujuan halangan mereka kerana menjaga akidah Islam. Pandangan ini dijelaskan dalam jadual di bawah.

**Jadual 3.2: Isu Kalimah Allah menurut pandangan informan Muslim**

<b>Tema: Isu kalimah Allah di Malaysia</b>		
<b>ISU</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
<b>Tujuan Penggunaan Kalimah Allah</b>	Tujuannya mestilah tidak mengelirukan umat Islam dan selaras dengan ajaran Islam.	M1
	Sebelum membuat sebarang perbincangan kita perlu tahu mengapa mereka ingin menggunakan kalimah ini.	M2, M3, M4
	Jika dibenarkan akan menghasilkan persoalan dan kekeliruan Allah yang mana? Islam atau Kristian?	M3
<b>Asal Kalimah Allah</b>	Allah adalah Lafz Al Jalalah , yang menggambarkan Tuhan yang Esa tiada Tuhan selain Nya. Penggunaan Allah tidak boleh dipermainkan dan wajib dihormati.	M 1
	Kita tahu di timur tengah itu Allah dalam bahasa arab. Tapi bila mereka memahami agama masing-masing mereka tak guna Allah, mereka guna God juga, roh kudus juga. Mereka tak sebut Allah sahaja. Begitu juga sebaliknya. Jadi penggunaan di luar di timur tengah itu tidak ada. Dalam setakat yang saya baca dia Azhar misalannya , buku-buku yang ditulis oleh syekh azhar, maka kata Allah itu tiga takdak.	M1
<b>Konsep Kalimah Allah</b>	Konsep Allah itu esa tiada beranak dan diperanakan adalah jelas dalam al-Quran “Qul huwaallhu ahad” ., Maka apabila wujud satu makna yang lain maka kita tak boleh terima. Kerana Tiba-tiba kita nak dengarkan Allah itu dalam maksud lain, kita umat Islam tak boleh dan tak masuk dalam toleransi. Ia adalah sensitiviti	M1
	Kira kalau Tuhan kita satu, esa, jadi bila dia kata nak Trinity tapi Tuhan yang sama , kita memang tak boleh terima . Jelas dalam mazhab akidah.	M2
	Jelas tuhan itu satu esa, konsepnya dalam surah al ikhlas	M3
	Tuhan itu satu tak beranak dan esa, tidak sama dengan makhluk. Dalam surah ikhlas jelas hal tersebut.	M4
	Tuhan yang Esa adalah termasuk dalam hal akidah. Dalam hal ini kita adalah Thabit dan tidak berubah. Malah dalam hal ini kita berpegang dengan Tauhid, maka hubungan dengan agama	M5

	lain dalam pengajian Tauhid berasaskan konsep al wala' dan al bara'. Jadi ayat al Kafirun menjadi prinsip	
	kalau mereka berhujah dengan mereka cara trinity (3 in 1) , kita katalah tuhan kita tetap satu dan kita boleh berhujah dengan mereka.	M6
<b>Penggunaan Kalimah Allah di Malaysia</b>	Kita kena melihat realiti Malaysia khususnya tidak perlu ditimbulkan perkara ini kerana ini satu sensitiviti.	M1
	Kalau orang bukan islam dia tahu ini sensitiviti orang Islam , tak perlu dia gembar gemburkan nya. Selama ini, ketika Tun Mahathir tak pernah kita bercanggah pun tak pernah ditimbulkan pun, tapi kenapa nak timbulkan sekarang. Tentulah bila kita buat action, react akan berlaku. Kerana perkara yang sensitif. Dan ini akan menimbulkan masalah.	M1
	Dari saya lahir hingga hidup lebih 50 tahun, tidak pernah dahulu saya dengar mereka hendak menggunakan kalimah Allah , mereka selalu gunakan God. Kenapa sekarang tidak boleh terus hormat hak Muslim.	M2
	Ya, perkataan Allah itu sebenarnya yang tidak dibenarkan dikalangan Kristian. Kitab sebenarnya tidak juga dibenarkan. Benda itu sudah diterima dari segi undang-undang memang tidak ada. Dulu orang-orang Sabah yang Kristian, mereka mendapat sumber pengajaran dari orang-orang Indonesia. Indonesia telah melaksanakan liberalisme agama ini sudah lama, namun ini bukan bermakna mereka betul kerana sekarang banyak yang ulama' Muslim Indonesia tidak setuju. Sebab itu sebahagian cara liberalisme adalah mentafsir dengan cara kontekstual sehingga melanggar hal akidah Kesannya, ia membawa pengkaji menyamakan sesuatu. Contohnya mengatakan bahawa Tuhan yang disembah adalah Tuhan yang sama dan menggunakan perkataan-perkataan yang sama. Maka akan melahirkan pluralisme agama dan di Indonesia ia berdaya memurtadkan ramai Muslim. .	M4
	Saya tidak mempunyai masalah tentang lafaz . Namun kes yang dibicarakan iaitu kes nak tukar nama Tuhan kepada Allah , timbul banyak masalah dan kes ini. Ia lebih dibesarkan jika timbul terjemahan "Allah bapa Allah anak Allah roh kudus", "ini rumah Allah". Bagi saya di situlah timbul banyak masalah.	M4
	Fatwa telah bersetuju dalam hal ini dan orang Islam boleh rujuk kepada fatwa yang telah dikeluarkan.	M 1, M 2, M 3, M4 M5

	Boleh jika nak ikut pandangan lai tetapi mestilah lihat pada keadaan waqi' dan kesan terhadap umat Islam. Dalam hal akidah berpegang kepada satu dan yang berbeza hanyalah dari hal furu'.	M1 M2
--	--	----------

**Sumber: Temu bual informan Muslim**

Dalam konteks Kristian, informan Kristian menjelaskan bahawa penggunaan kalimah Allah di semenanjung adalah bagi memenuhi hak penganut mereka yang telah lama menggunakan kalimah Allah di dalam gereja yang menggunakan bahasa Malaysia khususnya mereka yang datang dari Sabah Sarawak dan Indonesia. Menurut mereka lagi, kalimah Allah ini adalah terjemahan yang paling hampir dengan konsep “ El” di dalam bahasa asal mereka namun ia tidak membawa kepada Tuhan yang banyak. Tuhan Allah (*Lord*) yang utama dan Jesus adalah anak Tuhan (*son of God*). Namun semua informan Kristian mengakui bahawa wujudnya perbezaan konsep Allah antara Kristian dan Islam. Namun menurut informan Kristian, perbezaan ini harus dihormati kerana ia hanya digunakan di dalam gereja berbahasa Melayu bukan untuk semua gereja Malaysia. Pandangan ini dirincikan dalam jadual di bawah.

**Jadual 3.3: Isu Kalimah Allah menurut pandangan Informan Kristian Malaysia.**

<b>Tema: Isu kalimah Allah di Malaysia</b>		
<b>ISU</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
<b>Tujuan Penggunaan Kalimah Allah</b>	Itu bukan masalah besar kita,kalau kita boleh membawa semua orang Malaysia untuk percaya Allah atau tuhan , bukankah lebih baik untuk masyarakat kita? Bahawa semua orang ada pegangan pada agama mereka dan mengikut ajaran mereka.	K2
	This is the perception that was created by government that Christian nak guna Allah dalam semua church. Dalam bahasa Inggeris saya tak guna perkataan Allah. Dalam bahasa Tamil tak guna. Cuma sekarang kita guna bahasa Malaysia lebih sebab kesan dari kedatangan orang dari luar semenanjung Malaysia iaitu Sabah dan Sarawak malah Indonesia. Sebab mereka dah sembahyang dalam bahasa Melayu untuk	K2



	beberapa abad sekarang mereka di sini. Kalau saya sembahyang sendiri, sebab bahasa Malaysia bukan bahasa pertama (first language) jadi saya guna English iaitu God dan saya tidak sebut Allah.	
<b>Asal Kalimah Allah</b>	Sebelum Islam datang dah ada word Allah in Arabic word. Jadi apabila di Malaysia, bila the Arab traders used in Malaysia maka ia adalah campuran,. Munsyi Abdullah telah membuat terjemahan lebih 4 abad dengan menterjemahkan the word God sebagai Allah.	K2
	Lord datang daripada Greek word Kurios, simply mean the lord the master. Tetapi God is lain. Dia lebih daripada just lord. Lord tu hanya sebagai expression sahaja. Sebagai Tuhan yang agunglah.	K2
	Bagi kami tiada isu, ia datang menjelaskan kalimah Tuhan yang maha Agung dan Satu. Ia hanya terjemahan kepada Tuhan .	K3
	That is translation issues. Tuhan for us is Lord. Dalam translation al-Kitab you boleh check. This discussion mereka I means bible scholar sudah argue before. Indonesia pun sudah argue tentang issue tu. So the Allah word, the bible scholars stress that it is the closes translation kepada “El” yang untuk Hebrew. And also dalam specialization merekalah, mereka fikir itu terjemahan yang paling tepat.	K5
<b>Konsep Kalimah Allah</b>	He son of God is gelaran not he is son of god. I will agree you when you say God is not have a children. Then I say yes. It just “ The” gelaran in English Language. The son of God is a title(Gelaran). So Allah Not a name. But it is istilah untuk God. Name like Brahma Siva. But even dalam Islam as I knowed , is not a personal nama,	K1
	We was always say everybody know arguing using Allah. It is true the Christian concept of Allah is different with the Muslim concept of Allah. Its true. Can’t be help. Because we have two kitab. But I don’t go and say to you, you got wrong or I can not go if you don’t listen to me you are wrong. No body right and wrong in this moment.	K1
	hukum pertama dalam 10 commandment pertama kamu tidak boleh mempermainkan nama Allah. So who is my god who is my Lord? Jawapan: Satu sahaja. Its same different ekspresi sahaja. Bukan sifat. Itu adalah seperti menggunakan perkataan, bukan ganti nama,	K2

	tetapi dua ekspresi yang berbeza mengenai Allah.	
	Ya tapi one person bukan 2 atau 3 orang. Jesus bukan tuhan. So when its come to Jesus its be son of god lah. That's is our believe, That is different to understand but our believe is Jesus tu son of god. That's why kita guna word Allah in fact bukannya kita	K2
	Bagi perkataan Lord , use the word Tuhan. Jadi etymologically dari segi asalnya Allah bukannya in reference kepada God of Islam. Jadi kita menggunakan hanya apa yang telah diterjemahkan. Sarjana linguistik kata that is the word, sebab kalau kita panggil Tuhan, Tuhan itu Lord. Jesus nama Jesus lah, tak da tuhan tak da God nama dia. Jesus sahaja .	K2
	Some people were said Christian polytheism (syirik), say how God can show himself as a father son and holy spirit?. Yes that all are god. The Answer is, that all we are faith theologically, you believe don't believe you are all so haven't to debate lah.	K2
	I have to said there was a different concept of Allah between Muslim and Christian. But we refer to Allah as a tuhan yang Satu you know	K4
<b>Penggunaan Kalimah Allah di Malaysia</b>	Jadi sekarang kita lihat ramai politician said kita tak boleh guna Allah dalam Kristian sebab ada trinity. Sebenarnya mereka tidak ada fundamental konsep. Dan susah kalau mereka tidak duduk dengan kita dan bincang.	K2
	untuk 15 tahun kita tidak pernah tergugat mengapa sekarang .	K2
	Of Course dalam public sphere a lot of issue berkait dengan constitution. Saya berpendapat bahawa kita perlu bincang sosio cultural understanding. Sebenarnya saya fikir, kalau mereka boleh faham history penggunaan kalimah Allah means dalam isu Sabah Sarawak dan dari mereka yang gunakan gereja guna bahasa Malaysia sepatutnya kita boleh bincang dengan lebih reasonable.	K5
	So Tuhan, I know dalam bahasa seorang Melayu , bila die tengok Tuhan , they think God, for us is Allah and God, Lord Tuhan Allah or in Iban Allah Taala. We can disagree, but the government guna kuasa pentadbiran untuk menyekat. Ada negara Muslim macam Indonesia setuju.	K5
	Dalam isu Kalimah Allah ni sebenarnya banyak legal issue yang ditimbulkan firstly adalah	K5

	permit printing. I ask, Islamic Scholar, is nobody have a problem accept the Malaysian.	
	Boleh Digunakan di dalam Bible tidak boleh digunakan dalam The Herald	K1,K2

**Sumber: Temu bual informan Kristian Malaysia**

ii. Isu Islamisasi.

Melalui temu bual yang dijalankan, kajian mendapati isu islamisasi menjadi ulasan utama di dalam perbincangan halangan keharmonian agama di Malaysia. Dalam konteks informan Muslim, kajian merumuskan bahawa wakil Muslim berpandangan bahawa ia harus dihormati sebagai tanda hormat rakyat Malaysia kepada perlembagaan negara. Malah mereka juga menafikan islamisasi ini sebagai satu penzaliman kerana wujudnya hak-hak terhadap agama selain Islam diperuntukkan dalam perlembagaan. Islamisasi ini bukanlah isu dominasi agama akan tetapi ia sudah menjadi lumrah kepada mana-mana negara yang mengiktiraf agama sebagai panduan kehidupan. Ia juga berlaku di Rom, Canada dan United Kingdom yang meletakkan Kristian sebagai panduan pengurusan negara. Penganut agama selain agama persekutuan sesebuah negara masih diberikan hak dan tidak dizalimi. Pandangan informan Muslim dirincikan dalam jadual di bawah

**Jadual 3.4: Isu Islamisasi menurut pandangan informan Muslim.**

<b>Tema</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
<b>Isu Islamisasi</b>	Setiap negara sudah mempunyai panduan, maka memang kita kena ikut .Di Malaysia Islam agam persekutuan, namun kita juga ada ajaran untuk bagi mereka hak	M1
	Kalau kita ke Rom contohnya agama Kristian utama ,semua memang ikut peraturan mereka	M5
	Islam memang telah diajar untuk membuat hubungan toleransi agama dengan landasan islam sebagai agama yang utama.	M6

**Sumber: Temu bual bersama informan Muslim**

Dalam konteks Kristian, isu Islamisasi ini dilihat sebagai isu diskriminasi agama Islam ke atas agama lain. Salah seorang dari informan Kristian menggunakan isu diskriminasi pihak majoriti kepada minoriti. Informan Kristian berpandangan bahawa

gerakan Islamisasi ini dilihat suatu ancaman apabila mengatakan prinsip-prinsip Islamisasi ini sebagai prinsip universal. Wujud pertikaian yang mengatakan Islamisasi ini tidak menggambarkan semangat Malaysia. Ini kerana, mereka menjelaskan bahawa pelaksanaan proses Islamisasi ini banyak menyekat dan mula menggugat hak agama bukan Islam yang tertakluk di dalam perlembagaan. Melalui Islamisasi, pihak Islam menjatuhkan sesuatu hukum dengan hanya mengira kepentingan pihak Muslim sehingga tidak memikirkan kesusahan yang dihadapi oleh pihak bukan Islam seperti contoh pengharaman arak di Selangor yang dipertikaikan oleh Informan Kristian<sup>4</sup>. Pandangan ini dirincikan dalam jadual di bawah.

**Jadual 3.5: Isu Islamisasi menurut pandangan informan Kristian**

<b>Tema</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
<b>Isu Islamisasi</b>	Kata saya difahamkan bahawa Islam tu universal tapi mengapa perlu lagi perkataan Islam dalam sesuatu perkara yang universal.	K1
	Isu negara Islam or not, semuanya mengikut satu pihak sahaja. Kami sampai bila juga boleh tahan. Kami sebagai pemimpin agama think that apa yang terjadi satu teguran tuhan untuk kami, apa pun kami nasihat dan sentiasa baiki penganut kami sendiri. Kami dari wakil rasmi Kristian tidak pernah untuk protes di lapangan. Dan sentiasa nasihati ahli jemaat untuk tidak buat. Kalau dia buat kami not from Christian representative.	K2
	Kita perlu tengok dari atas ke bawah dan kadangkala dari bawah ke atas. Kadang-kadang arahan dari atas tidak sampai pun ke Grassroots. Ia macam ada dikotomi atasan bawahan dan kuasai majoriti ke atas minoriti.	K3
	Jika Selangor haramkan arak di Selangor atas sebab majoriti Islam, jadi bagaimana hak non Islam nak beli arak, kami perlu beli di mana. Tapi muslim told that hudud untuk muslim sahaja. So in fact kami kena	K4
	Saya rasa dalam Malaysia yang pelbagai bangsa kita perlu melihat isu Negara sebagai isu bersama. Tak boleh lihat sorang atau satu persepsi sahaja.	K5

**Sumber: Temubual Informan Kristian Malaysia**

### iii. Isu Kebebasan beragama dan Konversi

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, seorang dari informan Muslim telah meletakkan isu kebebasan beragama sebagai contoh isu yang mencetuskan kontroversi. Kajian mendapati bahawa informan Muslim meletakkan perbincangan isu kebebasan beragama dan konversi adalah perbincangan yang diletakkan di bawah isu akidah. Selaras dengan ini, informan Muslim meletakkan bahawa keputusan ke atas pelaku yang melibatkan isu kebebasan beragama adalah bergantung kepada perundangan Islam sepenuhnya. Ayat al-Quran yang dirujuk dalam isu ini adalah “*La ikrah fid din*”. Bagi informan Muslim, tiada paksaan dalam agama ini jelas dan dipraktikkan. Maka dengan sebab itu terdapat sesi perakuan sebelum seorang yang bukan Islam ingin menganut Islam. Namun apabila ia telah menganuti Islam, kepatuhan kepada perundangan Islam adalah utama termasuk dengan kepatuhan kepada pertukaran Islam jika perkahwinan melibatkan perkahwinan dengan Islam. Hal ini dijelaskan dalam pandangan di bawah.

**Jadual 3.6: Isu Kebebasan beragama menurut Informan Muslim**

<b>Tema</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
<b>Isu kebebasan beragama</b>	Namun dalam isu perkahwinan beza agama Islam tak benar. Itu putus. Maknanya ini adalah kehendak agama dan kita kena akur. Siapa yang nak berkahwin dengan orang Islam dia kena masuk Islam . Maka dalam hal akidah kita kena pegang kerangka Islam.	M1
	ini pandangan kita. Sebab itu die kena selesaikan ikut sivil dulu sebab dia kahwin ikut sivil, kemudian barulah kita balik pada Islam. Sebab itu , kerana agama ini di bawah kuasa sultan, seorang yang nak masuk Islam kita kena kenal peribadi dan rekod diri dia dulu. Pertama kita kena explain, bila masuk Islam you kena mengikut peraturan Islam?. Kita tak da paksaan dalam Islam. Bila you sanggup kita sampaikan apa yang kita ajar.	M1

**Sumber: Temu bual bersama informan Muslim**

Dalam konteks Kristian, dua orang dari informan Kristian turut melaporkan hal ini sebagai isu kontroversi dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia. Informan Kristian menjelaskan pandangan bahawa kewajipan pertukaran kepada agama Islam dalam kes perkahwinan di antara bukan Islam dan Muslim merupakan satu paksaan beragama. Namun seorang Informan Kristian 1 menyatakan wujudkan juga galakkan kepada penganut Kristian untuk berkahwin sesama penganut dan ia memberi kesan kepada upacara perkahwinan. Pandangan ini dirincikan dalam jadual di bawah.

**Jadual 3.7: Isu kebebasan beragama menurut informan Kristian**

<b>Tema</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
<b>Isu kebebasan beragama</b>	Kami ada juga percaya dalam Kristian digalakkan kahwin sesama Kristian. Tapi tak boleh nak paksa. So bila dia kahwin kita tanya adakah orang yang dikahwini itu sedia untuk datang ke gereja, atau jika dia ada anak, kita kan kata adakah anak dia sedia untuk ke gereja. Sebab tu ada orang yang kahwin di gereja untuk dapat restu sahaja, ada pula orang yang betul-betul melalui gereja ceremony	K1
	Kami di sini bebas bercakap tentang agama saya dan agama awal. Kami duk satu rumah yang sama, Sebab kami yakin tidak boleh seseorang iu masuk agama kalau hati dia tidak dapat dan jika dipaksa. Sebab itu saya rasa dalam kebebasan beragama, sekatan untuk sampai dakwah pun susah juga nak kata ada lagi kesan kerana semua pun boleh dapat dari internet, media.. Tidak sapa tahu.	K4
	Dalam Kristian tiada halangan. Kerana memang tidak dinafikan ada orang Kristian masuk Islam, tiada halangan untuk diberikan kerana itu adalah haknya. Cuma ada masalah yang Islam masuk Kristian.	K4

**Sumber: Temu bual bersama informan Kristian**

#### iv. Isu Keadilan Hak

Berdasarkan Temu bual yang dijalankan kajian mendapati bahawa informan Muslim berpandangan bahawa tahap toleransi dari Muslim kepada bukan Muslim adalah di tahap yang tinggi sehingga ada yang boleh mengambil kesempatan. Menurut informan 2, isu keadilan hak ini sering kali adalah isu yang melibatkan sesuatu agama dan penguasa namun akhirnya turut dikaitkan kepada islamisasi yang tidak adil. Tidak dinafikan wujud

pemimpin agama sendiri yang tidak menunjukkan pelaksanaan dan *attitude* yang baik dalam melaksanakan keadilan contohnya semasa berdialog. Malah menurut informan Muslim 4 , pelaksanaan toleransi yang diberikan oleh Islam kepada agama bukan Islam di Malaysia adalah tinggi sedangkan dalam negara yang lain, masyarakat Muslim yang selalu menjadi mangsa penindasan dan tidak dipertikaikan. Pandangan ini dirincikan dalam jadual di bawah

**Jadual 3.8: Isu Keadilan Hak menurut informan Muslim**

<b>Tema</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
<b>Isu Rumah ibadah</b>	<p>Kita selalu dikatakan ada isu rumah ibadah. Itu adalah isu dengan penguasa bukan dengan agama Islam. Dalam hal pembinaan rumah ibadah, kita ada peraturan. Kalau orang Islam pun kena ,minta kelulusan dari majlis, majlis setuju, bawak pada fatwa, boleh ke tak untuk buat masjid. Kalau lulus buat.</p> <p>Begitu juga agama lain , jangan main buat sahaja, Tiba kata bila minta kebenaran, dia jawab tak ada, tak boleh ni. Dia pun kena minta kebenaran dari pemerintah masa nak buat. Tapi tak ikut. Bila kita kata nak roboh bising kata tak ada tolak ansur. Tapi tak ikut peraturan.</p>	M2
	<p>Sebenarnya kita orang Islam ni baik dan orang Islam ni selalu dia patuh kepada agama kebanyakannya patuh walaupun ada juga yang tak patuh. Jadi dalam kesempatan-kesempatan begitu orang lain mengambil peluang.</p>	M2
	<p>Masalah pada kita pula, ketua agama yang tak patuh terhadap apa yang ada dalam benda yang telah dipersetujui. Itulah konflik yang ada dalam negara kita hari ini.</p>	M2
	<p>Dalam dialog pun dahulu ada pihak nak mengambil kesempatan ada yang nak dominan dialog. Dia sahaj betul, kita cakap apa pun dia nak cakap dia juga. Baik tak perlu dialog.</p>	M3
	<p>kita menawarkan toleransi yang melebihi keperluan mereka. Contohnya, orang kristian mewakili sembilan peratus sahaja daripada rakyat Malaysia, namun cuba kita kira berapa banyak gereja yang ada, malah mereka lebih banyak daripada masjid. Ini kerana masjid diwakili oleh 60 peratus ummat islam, ini adalah toleransi yang sangat tinggi. Sebagai perbandingan, cuba tengok di Filipina, ummat islam terlalu ramai. Tapi cuba tengok masjid mereka, tidak mendapat bantuan apa-apa dan sangat dha'if. Itu negara sebelah, yang mendominasinya adalah kristian, namun orang islam jauh ketinggalan. Walaupun</p>	M4

	mereka yang kristian di sini hanya Sembilan peratus, tapi cuba tengok bagaimana kita memberi kepada mereka sampai bangunan sebesar-besarnya dan jadi tempat konvensyen.	
	Jadi kita dapat rumuskan bahawa sikap toleransi kita sebenarnya sangat tinggi. Jika kita masih tidak jelas, cuba kita bandingkan dengan negara-negara jiran di mana ummat islam ditindas. Namun jika mereka bandingkan dengan negara Indonesia yang dianggap seimbang antara islam dan kristian, sebenarnya ianya tidak boleh kerana golongan majoriti tidak mempunyai kuasa terhadap negara sendiri, dan ini adalah punca daripada kepincangan politik	M4

**Sumber: Temu bual bersama informan Muslim**

Dalam konteks Kristian, informan Kristian berpandangan bahawa mereka selalu menjadi mangsa dan prejudis dari masyarakat Muslim. Terdapat banyak perkara berkaitan hak beribadah yang terpaksa diusahakan oleh organisasi mereka sendiri. Malah menurut informan Kristian 5 sudah sampai masanya rakyat Malaysia bertindak untuk bertoleransi bukan sekadar dengan pemahaman kepada agama-agama lain, namun dengan tindakan. Perincian hal ini dijelaskan dalam jadual di bawah.

**Jadual 3.9: Isu Keadilan Hak menurut informan Kristian**

<b>Tema</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
<b>Prejudis</b>	<i>Actually we need both. For example, hearing some from politician, sometime they say I can sit down with you here, but went I go back to kampung I cannot say like this, Than I say this is hipokrit, why can you say the same thing? Ohh because the grassroots is not ready. They don't like this.</i>	K2
	Kami memang susah. Banyak yang di usahakan sendiri.	K1
	Pada kami, sudah sampai masanya kita bergerak beyond understand, means able to concern, macam dalam isi kalimah Allah, rumah ibadat utamanya	K5

**Sumber: Temu bual bersama informan Kristian.**

v. Analisis Isu

Berdasarkan penjelasan isu di atas, kajian mendapati bahawa isu-isu ini bertolak dari dua perkara iaitu Pertama: dari pandangan yang menjelaskan isu Malaysia Negara Islam.



Kedua : Pandangan yang menyentuh berkaitan pelaksanaan undang-undang Islam. Wujudnya perbezaan pandangan yang ketara antara kumpulan Informan Muslim dan Informan Kristian. Dalam perbincangan Malaysia sebagai negara Islam, informan Muslim menjelaskan bahawa isu yang timbul sehingga menggambarkan tidak toleransi adalah pertikaian pihak bukan Islam terhadap fatwa dan penggubalan dasar mengikut neraca Islam. Bagi informan Muslim, agama Islam sebagai agama persekutuan itu sendiri menjelaskan ruang panduan yang sepatutnya mengikut panduan Islam dan ia patut dihormati sebagaimana yang berlaku di negara lain yang mempunyai agama lain sebagai agama persekutuan seperti di Rom. Maka pertikaian ke atas panduan ini sememangnya menyebabkan perasaan tidak senang bagi Muslim.

Dalam konteks Kristian, kategori ini juga dijelaskan dengan mempertikaikan isu peruntukan Islam sebagai agama persekutuan dan hak kebebasan beragama. Bagi informan Kristian, pertikaian dibuat terhadap fatwa dan gagasan Islam dalam konteks kepimpinan. Mereka mengakui maklumat yang menjelaskan fatwa itu khas kepada umat Islam telah sampai kepada mereka dengan jelas secara teori namun ia menjadi tidak jelas dari sudut pelaksanaan khususnya apabila fatwa itu turut melibatkan golongan bukan Islam maka pertikaian ini mula muncul.

Kajian mendapati bahawa penjelasan terhadap Islam sebagai agama persekutuan dilihat telah dilihat dan difahami secara berbeza antara Muslim dan Kristian. Berdasarkan penjelasan ini kajian mencadangkan agar penggunaan istilah islamisasi perlu difahami sebagai melaksanakan prinsip-prinsip nilai Islam dalam semua acara dan urusan negara termasuk pemerintahan, perundangan dan pengurusan negara. Ini kerana Islam sebagai agama persekutuan bukanlah agama rasmi yang perlu hanya di dalam aktiviti rasmi sahaja. Kajian juga menegaskan bahawa Islamisasi tidak boleh difahami sebagai istilah pendakwahan Islam seperti yang difahami dalam istilah Kristianisasi yang bermaksud

proses penyebaran pendakwaan Kristian. Dalam konteks kefahaman Islamisasi, proses Islamisasi tidak membawa kepada penafian hak-hak yang telah diperuntukkan kepada agama lain. Sebagai contoh, menghormati hak perundangan Islam yang meletakkan hukum haram dalam pertukaran agama dan dalam masa yang sama memberi hak pengadilan yang adil kepada mahkamah sivil dalam membicarakan hak perkahwinan di kalangan muallaf (iaitu perkahwinan asalnya dalam agama selain Islam). Ini membuktikan bahawa pemahaman di atas bukan sekadar satu kefahaman teori dan konsep tapi telah dipraktikkan.

Kajian berpandangan kefahaman definisi ini jelas menunjukkan bahawa sebarang tuntutan atau penghinaan kepada hak Islam sebagai agama persekutuan adalah extreme dan zalim. Hal yang sama juga boleh didakwa ke atas usaha untuk menafikan dan hak-hak bukan Islam yang diperuntukkan di dalam perlembagaan Malaysia. Dua usaha ini adalah extreme, tidak toleransi dan cubaan merosakkan pemerintahan negara. Tambahan lagi apabila prinsip-prinsip yang didakwa umum dari Barat cuba untuk diserapkan sepenuhnya kepada Malaysia tanpa saringan dengan kesesuaian budaya masyarakat Majoriti Malaysia. Ini juga merupakan satu tindakan yang tidak memberi dan meraikan hak asasi masyarakat Malaysia yang berpegang kepada acuan perlembagaan bukan kepada penjajahan.

### **3.2.3. Halangan Dalam Hubungan Harmoni Muslim-Kristian Malaysia.**

Sebagai sebuah negara berpelembagaan, sejarah dan agama di jadikan panduan asas dalam pembinaan dasar-dasar negara. Data dari wakil pemimpin agama menunjukkan bahawa faktor kurang faham sejarah dan jahil agama yang menjadi faktor utama menghalang keharmonian agama dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia. Ini kerana tanpa memahami agama sama ada agama yang dianuti mahupun agama lain maka

seseorang individu mungkin akan terlepas batasan toleransi atau terlalu bersikap jumud untuk bertoleransi.

Faktor jahil agama adalah berpunca daripada jahil agama yang dianuti dan jahil agama selain dianuti sehingga membatasi ruang lingkup perbincangan antara agama, membawa rujukan agama yang tidak tepat, mengancam sensitiviti agama dan kurang berakhlak baik sama ada sesama penganut agama mahupun penganut agama lain. Faktor tidak menghormati sejarah dan perlembagaan Malaysia juga didapati menyebabkan berlakunya pertikaian undang-undang-, pertikaian batasan bidang kuasa, salah guna kuasa politik, salah guna media dan penyebaran fitnah media Jahil agama dan sejarah ini akhirnya menyumbang kepada wujudnya sangka buruk dan prejudis sehingga menyebabkan ketidakharmonian alam hubungan Muslim-Kristian Malaysia. Hal ini dirincikan dalam jadual di bawah.

**Jadual 3.10: Halangan untuk Hidup Harmoni dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia.**

<b>FAKTOR MENGHALANG KEHARMONIAN DALAM HUBUNGAN MUSLIM DAN KRISTIAN Malaysia</b>		
<b>Tema</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
<b>Jahil Agama</b>	Orang yang ekstrem dan dia jahil satu perkara. Jahil dalam agama dia sendiri dan dia apabila dia jahil dari memahami sesuatu bukan mengikut ajaran agama sangat tapi kadang-kadang mengikut tokoh gerakan dan sebagainya maka dia menjadi ekstrem	<b>M1</b>
	Jahil tentang ajaran agama yang sebenar secara menyeluruh. Kadangkala dia faham agamanya itu dari segi ibadahnya sahaja. Tetapi dari segi kehidupan dia tak tahu.	<b>M1</b>
	Ini isu agama. Kita mungkin boleh faham tapi masyarakat awam faham tak. Itu yang ulama tengok. Kita tak boleh ikut faham yang sorang dua tu kita kena tengok implikasi pada masyarakat bawah ni.	M2
	Kita melihat kepada orang kita sendiri...sebab ilmu itu tak banyak sangat	M2

	... yang itu kadang-kadang kelemahan kita. Kita kena kembali kepada umat Islam seperti dahulu sama ada dari segi pendidikan, perpaduan dan jati diri.	
	Kita tak tahu batasan akidah dan kehidupan. Umpamanya program atau perayaan tertentu seperti Deepavali, Aidilfitri.. kita join sekali...seperti orang panggil Kongsi Raya dan itu pun jadi perdebatan.	M3
	Kekhuatiran itu datang daripada kita... orang Islam itu sendiri. jadi orang Islam sendiri masih lemah dari tahapnya dalam pemahaman Islam... dan apa yang kita lihat ini lah yang menjadi sasaran kemurtadan .	M4
	Berlaku sesuatu kejahatan juga adalah kerana mereka jahil tentang Islam dan puncanya juga kerana kita sendiri tidak memberitahu tentang keindahan Islam kepada mereka.	M4
	Namun akibat salah faham kepada konsep toleransi agama terdapat sesetengah pihak terlajak menghormati agama lain sehingga menjatuhkan maruah agama itu sendiri dan mengiktiraf kebenaran agama lain.	M5
	kita menghormati penganut-penganut agama lain yang menjadi penghalangnya kelemahan-kelemahan kita dalam memahami agama kita sendiri.	M6
	bagi saya masalahnya ialah kefahaman kita dalam keterbukaan agama. Kalau kita lihat dalam piagam Madinah ketika itu, nabi sendiri menghormati kaum-kaum Yahudi selagi mereka tidak mengkhianati or mengingkari perjanjian tersebut. Agama kita sendiri tidak mengajar kita mengingkari perjanjian. Selain itu, kita juga tidak ada keyakinan diri, emosi dan tidak yakin dengan ketepatan agama kita dan kita takut nak berdepan dengan mereka.	M6
	In religious respect to one another the grassroots at the level, are not engaging. Akademia have no problem.	K1
	I don't know what to say. I think in Malaysia, I quite interested when you say , we should encourage people tu understand one and other better. I think we ara not doing good.	K3
	Try not to say so much about bad or negative of difference religion. The holy book is there but sometimes, is the human being our bias,	K3

	therefore we are not understanding capturing of all the holy book . The confusion of the holy book, is very much in modern social science and philosophy. I will say that most of the time, we get this bios and that we not aware and understand. Because you are not aware so you keep fighting.	
<b>Tidak berakhlak baik (tidak ikhlas dalam berbincang dan tidak hormat sensitiviti agama</b>	kita dituntut berilah penjelasan kebenaran kepada mereka bil hikmah dengan bijaksana. Tetapi sebenarnya tak de pun usaha dibuat.	M2
	Saya kira kita banyak penutup realiti yang sebenar dan kesannya kita menjadi tidak terbuka untuk membincangkan hal-hal agama di antara rakyat. Tetapi pimpinan politik memang bagus, mereka dapat mengawal atau cover semua itu. Namun hakikatnya penyatuan itu sebenarnya adalah tidak sampai ke hati kerana ianya tidak telus.	M4
	Sebagai contoh perkara 11, agama-agama lain dibenarkan dianuti , itu memang sudah ada ciri-ciri Islam. Dan ada juga 11(4) , bahawa agama-agama lain tidak dibenarkan berdakwah dengan orang Islam yang tu tidak relevan kerana sudah banyak website-website yang tidak boleh dihalang.	M5
	Kita perlukan dialog namun apa yang terjadi adalah monolog	K2,
	Ada juga yang selalu gunakan understanding tapi sebenarnya dia yang discriminate dan cerca agama lain.	K5
	Moral kita sekarang hanya textbook sahaja. Konsep text book. Saya rasa agak hairan, kalau kita dengar radio English, ada community messages, please give seat to old person in the bus, dan saya rasa 20 tahun dahulu tidak ada arahan malah secara automatik kita nampak orang tua terus bagi sekarang kita ada kelas moral dan kita harus minta lagi untuk duduk. Something wrong is it.	K2
<b>Tidak menggunakan sumber rujukan agama yang tepat</b>	Semuanya perlu disemak dengan pakar agama. Supaya apa yang disampaikan adalah tepat. Jika tidak kita kata Allah dan God tu lain. Tapi kata sama	M2
	Contoh. susah seorang untuk try to understand agama orang lain. Jadi untuk understand mereka harus ada informasi yang betul. Bukan informasi dari internet, bukan	K2

	<p>Wikipedia. So you must sit down like this let talk and try to understand where I come from. Why my teaching like this. And not to try and understand Islam in Katolik understanding. Cannot, tak boleh. I cannot use Katolik principal to understand Islam.</p>	
<p><b>Prejudis dan Sangka Buruk</b></p>	<p>When Muslim people come o you and ask your help. Don't go and say, eh you muslim. How come you ask me for help. The people need help, that you never said eh, pergilah tanya itu mosque. So for us kan. When we kena like that, we are shock you know. But people need help, how can I not help. So when we are accuse. We just say you know god we are not guilty, the only think that guilty of helping people. But we are more guilty if we don't help. If people say for now you help, yes, and then other time people help, thank you very much you have done our job</p>	<p>K1</p>
	<p>They want us to do program. In ppr. 2 , They need training, Dia kata lest said. Why don't you when ask social welfare people. They never do anything. How come you ask me? Your church dolah. Then we sharelah. We share resource, main power, you teach me new skill then I said eh you know lah if we go like that susah, because number 1. You can get mosque involve, you have to convince the mosque. Because if the mosque community they wont to do so cannot do lah. They have to convince mosque committee, and they have to convince on the ground. We are trying to bekerjasama dengan orang Kristian so that we can do this together bukan for dakwah missioner, atau mubaligh or everything.</p>	<p>K1</p>
	<p>we have the culture of fear. Culture tak percaya antara satu sama lain. We don't trust each other anymore. I am sure , when you walk in this office. Some people was think what the 3 Muslim people come here (you and your friends) . Its just that become like that. Unfortunately. You cannot walk anyway without suspicion. This is what our religious tolerance has brought about. Threaten miss trust one another.</p>	<p>K2</p>
	<p>.I think we can sit down and talk. Sit down and discuss. In that sense, any topic can be</p>	<p>K3</p>

	discuss provided that don't stand and fight. Yeas don't be to emotional.	
	Cuma kebelakangan ini, yang merisaukan kita adalah yang berlaku di semenanjung. Bagi saya, ini bukan masalah kerana agama itu sendiri. Tapi masalah timbul kerana penganut agam sendiri yang mungkin memiliki sikap yang pandangan yang ekstrem, dan ada sangka buruk dengan orang lain.	K4
<b>Tidak hormat perlembagaan dan sejarah kepelbagaian agama</b>	kalau ketua atau kepimpinan yang diberi kepercayaan berpegang pada asas penubuhan negara kita tak dak masalah	M2
	hari ni orang pun tak faham dah apa yang dikatakan asas penubuhan negara Malaysia yang telah dipersetujui oleh semua kaum ketika itu.	M2
	Dalam negara kita pun sama juga saya rasa. Kita pun tak faham apa yang disebut oleh penubuhan Malaysia yang telah dipersetujui oleh Tunku Abdul Rahman, Tun Sambatan, dan committee kemerdekaan berkaitan apa yang telah dipersetujui tu kena baca. Masing-masing faham dan perlu dibaca hingga kini. Perlu diperingatkan kembali kenapa wujudnya sebuah negara Malaya merdeka. Kenapa Malaya merdeka? Apa perjanjiannya? Takkan nak lupa gitu je. Kena tahu lah. Bila dah tahu barulah persetujuan perlembagaan difahami.	M2
	Sejarah sebahagiannya juga yang menyumbang kepada konflik terutamanya adalah isu perkauman yang sangat tebal. Orang cina, orang Melayu, orang India. Itulah faktor yang menyumbang kepada masalah agama di semenanjung. Oleh kerana sudah sekian lam wujud seperti itu, menurun ke generasi2 ke generasi maka cara berfikir setiap suku itu sangat pentingkan sukunya sendiri.	K4
<b>Perkauman</b>	The only things is start we always live like this ' saya orang Melayu, saya orang cina, daya org ni" tapi dia tak ada interrelationship. No bridges.	K1
	historically, if you want to hold power you must divide the community. Look at African, so many countries, in order to stay in power you must divide and rule. That was British	K2

	mentality. Which we today hold on here Malaysia. This is new form imperialisme.	
	Methodology in Malaysia unfortunately Is divide and rule. Divide them and rule. So the problem in Malaysia now I cannot stay with you, you cannot stay with me. The most bigger problem you not addressing like corruption. Education, ekonomi. Cost living growing up. No body talking about these. We always talking about you Chinese go back to china, you Indian go back to India. So this is our huge common fledge of the situation that we are in.	K2
	lebih membahayakan sekarang ada konsep sekolah tadika Islam, dan bukan tadika Islam. Bukan saya against tadika Islam tetapi bagi seorang kanak-kanak berumur 3 dan 4 tahun. Mereka harus tahu kawan-kawannya tidak mengira agama, warna, tidak ada harus perbezaan.	K2
	I think at the moment our course to narrow, and to very narrow on Malaysia, very narrow on just Islam. I am sorry to say that.	K3
	Keran ada juga sikap segelintir (minta maaf ya), khususnya ada kaitan dengan politik. Sebelum itu orang Islam kita boleh lihat sendiri, kalau sebelah Melayu sebelah Cina, kalau di semenanjung susah kita mahu cari. So dari situ boleh kita rasa bagaimana toleransi berlaku.	K4
<b>Politik</b>	Masalah pada kita pula, ketua yang tak patuh terhadap apa yang ada dalam benda yang telah dipersetujui. Itulah konflik yang ada dalam negara kita hari ini.	M2
	Kita melihat kepada orang kita sendiri...sebab ilmu itu tak banyak sangat ... yang itu kadang-kadang ..kelemahan kita ..Kita kena kembali kepada umat Islam seperti dahulu..dari segi pendidikan, .perpaduan..jati diri.....politik sesame...sekarang ini politik kita berpecah	M5
	But after that, you main politik dengan race dan agama. We don't want this you got politik oklah, you do your politik but don't involve the religion don't involve race. Whateverlah. So we keep on saying, orang dia tu kuat main politik untuk kepentingan sendiri. Its not even kepentingan race dan religion. They just using. Or event political party using it for self-interest.so sometime,	K1



	we also say what to do ? so we must look for people who don t look for self interest.	
	I think 20-30 tahun dahulu kita tidak ada masalah. You know konsep open house. Hari raya saya akan dapat kuih raya macam tu juga dengan Krismas. So religion respect or tolerance what is problem today? It is all about political problem interfere. We got something beautiful but we lost it. Dari permulaan kita semua sama sahaja. Kita tidak ada perbezaan sama ada kamu kritik hindu Buddhist islam tidak ada perbezaan. Kita pergi ke sekolah semua sama. Jadi saya rasa apa yang kita lihat sekarang adalah akibat politik. Itulah masalah kita.	K2
	Why today are we come on this situation. This is why I feel , 27 Malaysia was elected by 500 people to be in parlimen and whatever state assembly. But today 500 people are telling 27 people what to do. Whereas 500 will be telling by 27 what should be doing. pa yang telah berlaku, last 20 years? Sebab siapa yang ingin kuasa. T	K2
	In Malaysia now, our politician are using what our differences,	K2
	One think I want to say about, in the country, religious must step out on politic, races, and culture campur. So people, anything is religion become politic, and politic become religion. Then you see religion is interest politic. Too complicated, make stalk. That one of the problem, we can see. Once are hijacked religion and use religion for others purpose, like political, agenda then really become no more just pure religion. THE people became emotional . So Malaysia is very complicate din that sense. You know. So that leads to religious intolerance..	K3
	Apa yang terjadi di timur tengah, berlaku peperangan bukan kerana agama sebenarnya, tetapi kerana politik. Dan saya terfikir di Malaysia, timbul semua ini sudah sekian lam tidak pernah muncul, tapi akhir ini timbul keran sikap setengah penganut agama-agam yang melampau dan juga pada masa yang sama juga,	K4
	Unfortunately kita dipisahkan dari segi rancelah. Dari segi politik ada MIC, MCA, UMNO, dari segi politik pun kita dipisahkan dari segi kaum kita. Racial politik. kabinet tidak menunjukkan bahawa mereka ada	K2


	kemampuan atau kemahuan untuk implement.	
<b>Kurang Kerjasama dari agensi badan berkuasa</b>	Jabatan agama adalah susah. Mereka tidak sedia, Kalau kamu nanti pergi jumpa MCCBHST mereka akan bagi tahu kamu betapa susah nak ajak wakil jabatan agama ke meja berunding.	K2
	Jabatan perpaduan , JKMPKA tetapi (berdecit), mereka adalah jawatankuasa yang tidak mempunyai kuasa. Hanya berunding dua atau 3 jama. Alah apalagi nak buat. Cakap sudah tapi tidak ada kuasa untuk implement.	K2
<b>Media</b>	Media tidak boleh ditapis maka banyak isu yang tak sepatutnya di isu kan dan disalurkan kepada orang awam	M3
	First step ialah kita kurang dengar good stories berkaitan hubungan baik antara agama. Kita hanya dengar konflik.saya rasa masalah kita ialah media juga tidak mahu membawa cerita ini sebab cerita ini tidak ada benefit tak ada sensational lah. Kita harus dengar cerita ini dan orang Kristian tidak akan diragui. Mereka macam kita sahaja. Kita ada perbezaan tapi perbezaan tidak akan membawa kemudaratn pada kita. Hilangkan ragu dahulu. Kita tidak dengar cerita yang baik-baik.	K2
	dalam bidang akademik no problem. Tetapi apa yang diperlukan sekarang adalah grassroots. Kerana saya very honest with you, mereka dalam akademik mereka tahu sebab mereka baca internet dan seumpamanya. Akan tetapi grass root, apa yang mereka baca? Mereka tidak baca . Mereka baca seperti utusan, and what the utusan Malaysia telling out today, more hatred, more conflict. That is dangerous that what happen in living in Malaysia sekarang. because we need talk to the grass root. I have no access to the grassroots, to explain why and What I believe in. Can you accept my different. Saya tiada opportunity, saya tiada media. Grass root they are reading only utusan Malaysia. And they are been fact with information, you non Malay's, Muslim are our ancaman. It is very frightening. Tidak baca Malaysia insider atau malaysiakini. I think what they only read utusan Malaysia is giving free. So they are very difficult	K2

	situation in Malaysia now. In religious respect to one another the grassroots at the level, are not engaging. Akademia have no problem.	
	Malaysia ada sangat banyak kontroversi yang dilaporkan dalam Media.	K5
<b>Banyak sangat restriction dalam hal agama di Malaysia</b>	Some times kami tak sepatiutnya terlibat, tapi kadang-kadang susah juga bila sikit sudah ada fatwa, maka kami terlibat tidak langsung	K1
.	Ada condition means di Malaysia yang membabitkan agama , make it hard to do this. We want too. I think cfm dan mscbbhst are struggle . Because one hand they want dialogue and other hand ada banyak restriction. So, i think that a tension yang ada di Malaysia. isu yang menyebabkan tidak toleransi.	K5

**Sumber: Temu bual bersama informan Muslim dan Kristian**

Berdasarkan penjelasan ini, kajian merumuskan bahawa semua informan Muslim dan Kristian bersetuju jahil agama dan jahil sejarah merupakan faktor yang disepakati sebagai punca kepada ketidak harmonian dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia. Dua faktor ini akan membawa kepada lahirnya akhlak yang kurang baik, media yang tidak telus, tuntutan dan tentangan terhadap perlembagaan serta salah pentafsiran. Namun terdapat, beberapa faktor lain yang dinyatakan oleh informan Kristian sahaja iaitu halangan muncul dari tuduhan yang berbaur perkauman, kurangnya kerjasama dari agensi kerajaan dan wujud terlalu banyak *restriction* dan syarat dalam hal agama membawa kepada kesukaran pelaksanaan toleransi agama. Persamaan dan perbezaan faktor secara ringkasnya dijelaskan dalam rajah di bawah:

**Network View Perbandingan Halangan keharmonian dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia**



Sumber: Analisis Data Temu bual

Berdasarkan penjelasan di atas, kajian mendapati bahawa faktor-faktor ini menunjukkan pandangan informan Muslim menjelaskan persetujuan mereka terhadap undang-undang dan panduan yang disediakan oleh kerajaan dalam menghadapi hubungan Muslim-Kristian. Ini bermakna mereka menegaskan bahawa tidak harmoni berlaku apabila munculnya individu yang tidak mengikut atau tidak bersetuju terhadap panduan atau hak beragama yang telah ditetapkan di Malaysia. Bagi informan Kristian, wujudnya sekatan yang banyak menjadi sebab kesukaran untuk toleransi agama dilaksanakan.

Bagi mengukuhkan lagi dapatan toleransi ini kajian turut merujuk kepada laporan penganut agama<sup>271</sup>. Laporan menjelaskan bahawa terdapat beberapa faktor sikap di

<sup>271</sup> (1) Laporan Toleransi Agama : Kajian Kes di Malaysia. (2006). Laporan Projek IRPA Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI). Ahmad Tarmiz Ralib dan Mohd Mahadee Ismail, Prof Dr Jayum Jawa, Dr Zaid Ahmad dan HJ Ahmad Fauzi Morad. Universiti Putra Malaysia. Laporan ini telah melibatkan data dari lima penganut utama iaitu penganut agama Islam sebanyak 61.98 %, diikuti penganut agama Buddha seramai 17.27%, penganut agama Kristian seramai 10.94%, penganut agama Hindu seramai 7.5% , diikuti penganut Sikh seramai 0.94%, Tao 0.54% Konfusius 0.31% dan lain-lain seramai 0.8%. Kajian mendapati hasil laporan ini sesuai untuk dijadikan petunjuk bagi mengetahui tahap toleransi agama yang diukur melalui persepsi, sikap, kesediaan, pengalaman, tingkah laku dan pendapat umum penganut agama terhadap pelaksanaan toleransi agama di Malaysia

(2). Laporan Penyelidikan Toleransi Sosio-Agama Di Semenanjung Malaysia (2012). Pm Dr Ahmad Tarmizi Talib (Ketua Penyelidik) , Dr Sarjit Singh Darshan Singh, Prof Jayum A. Jawan, Dr Zaid Ahmad, Dr Ismi Arif Ismail, Mohd Roslan Rosnon Dan Nur Ayuni Mohd Isa. Laporan Ini Merupakan Hasil Penyelidikan Dari Dana Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Dan Universiti Putra Malaysia Yang Telah Disempurnakan Pada Tahun 2012. Secara umum, hasil kajian menunjukkan majoriti responden

kalangan individu beragama yang mendorong kepada tidak toleransi antaranya seperti pandangan peribadi individu tersebut yang tidak bersifat terbuka terhadap ajaran agama lain. <sup>272</sup>.Hal ini dirumuskan terbukti dari beberapa persetujuan penganut seperti persetujuan menyatakan bahawa ibu bapa enggan untuk memberi pendedahan agama lain terhadap anak-anak mereka. 52 % pula bersetuju bahawa ibu bapa tidak merasakan agama ia satu kepentingan kepada anak-anak. Malah 62% responden yang turut merasakan bukanlah satu kepentingan kepada diri mereka sendiri, diikuti juga dengan sikap tidak terbuka yang ditonjolkan oleh penganut terhadap pemimpin bukan dari agama yang dianuti<sup>273</sup>.

Berdasarkan penjelasan ini kajian mendapati bahawa penganut agama selaras dengan pandangan wakil pemimpin agama Islam dan Kristian yang meletakkan faktor sikap sebagai halangan utama antaranya seperti sikap mengambil kesempatan, tidak telus dalam membuat hubungan antara agama sama ada dalam usaha memahami atau berdialog, wujudnya sikap prejudis, perkauman dan tidak telus dalam melaksanakan hubungan dan interaksi.

### **3.3 Konsep Toleransi Agama**

Seperti yang telah dijelaskan lebih awal, toleransi merupakan terjemahan dari perkataan Inggeris *Tolerance* dan berasal dari perkataan Greek *Tolerare*. Toleransi merupakan satu sikap yang membentuk pendekatan dalam menghadapi kepelbagaian pandangan, kepercayaan, agama, puak dan sebarang bentuk perbezaan.

---

adalah beragama Islam iaitu 66.9 % (407), diikuti 23.2% (141) beragama Buddha, 6.1% (37) beragama Hindu, dan 3.6% (22) beragama Kristian.

<sup>272</sup> Laporan (2006), h: 206.

<sup>273</sup> Ibid 205-208.

Ahmad Tarmizi Talib,<sup>274</sup>”, mencadangkan definisi toleransi agama yang boleh digunakan secara bersama di Malaysia dan dalam konteks ASEAN adalah:

“ After considering all the descriptions and definitions given above, we can synthesis the concept of tolerance to be used in the context of this research by saying that: Religious tolerance is an attitude or behavior of willingness to allow and accept religious differences to be practiced in a pluralistic society without prejudice or discrimination, even though one has the power to reject or deny it, in order to achieve well-being and a harmonious society. In this context, the allowing and acceptance of any religious differences does not imply that one becomes a believer or follower of that particular religion. In other words, everybody has freedom to believe and practice any religion. The power to reject or deny diverse religious beliefs and practices may take any form, such as using legal authority, political power, religious institutions, community pressure and individual action. Also religious tolerance does not necessarily mean that one views other religions as being equally true, but it upholds the right of others to practice their beliefs.”

Walau bagaimanapun dalam kegunaan Malaysia, perkataan toleransi telah diguna pakai dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka dengan merujuk kepada sikap sedia menghormati atau menerima pendapat orang lain yang berbeza dari pendirian sendiri<sup>275</sup> dan kemudiannya toleransi yang membawa maksud sifat (sikap) toleran<sup>276</sup>.

Kajian mendapati bahawa toleransi agama dalam penjelasan wakil pemimpin agama Islam dan Kristian telah menyentuh beberapa perkara utama iaitu penerimaan istilah toleransi dalam agama, konsep toleransi agama, ciri pelaksanaan dan skop limitasi dalam toleransi agama.

### **3.3.1 Definisi Toleransi Agama .**

Kajian mendapati bahawa sebagai satu cara penghormatan terhadap kepelbagaian agama, penggunaan istilah toleransi agama dinilai dengan pandangan yang berbeza khususnya di kalangan ahli agama antara pihak Muslim dan Kristian Malaysia. Majoriti informan

---

<sup>274</sup> A.T.Talib, Sarjit S. Gill, Razaleigh Muhamat Kawangit dan Puvaneswaran Kunasekaran. “Religious Tolerance: The Key between One ASEAN One Community”. *Life Science Journal* . ;10(4), 2013); 1382-1385. (<http://www.lifesciencesite.com>).


<sup>275</sup> Kamus Dewan Edisi 4, (2005),Kuala Lumpur, *Dewan Bahasa dan Pustaka*, h.1463.

<sup>276</sup> Ibid.

Muslim menjelaskan toleransi lebih difahami sinonim dengan istilah *tasamuh* di dalam Bahasa Arab yang bermaksud *ihthiram al akharin* iaitu menghormati pandangan orang lain<sup>277</sup>. Manakala menurut informan Kristian toleransi difahami dari istilah *Tolerance*. Walau bagaimanapun, semua informan bersetuju bahawa istilah toleransi itu sendiri tiada di dalam ajaran asas dan kitab suci agama masing-masing. Akan tetapi toleransi secara konsep sememangnya merupakan ajaran asas dalam agama.

Kajian mendapati bahawa dalam konteks penerimaan penggunaan istilah toleransi agama dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia wujud pandangan yang berbeza. Semua informan Muslim bersetuju dan tidak mempunyai masalah terhadap penggunaan istilah toleransi agama manakala semua informan Kristian tidak bersetuju dengan istilah toleransi agama. Perbezaan ini seperti yang dipaparkan dalam rajah di bawah

**Rajah 3.2: Penerimaan Informan Muslim dan Kristian terhadap istilah toleransi agama**



**Sumber: Analisis data temu bual bersama informan Muslim dan Kristian**

Rajah di atas menggambarkan bahawa wujudnya perbezaan pandangan antara informan Muslim dan Kristian terhadap tindakan toleransi. Bagi informan Muslim, toleransi dilihat sebagai satu interaksi positif. Ini kerana secara istilahnya ia membawa maksud yang sama dengan *Tasamuh*. Mereka juga bersetuju dengan definisi toleransi yang digunakan dalam kamus dewan selagi mana tidak melanggar limitasi yang ditetapkan oleh Islam.

<sup>277</sup> Al-Munazzah al-Arabiyyah li al Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al- Ulum (t.th) *Mujam al-Arabi Al-Asasi*, Tunisia Larus h.640.

Dari sudut konsep, informan Muslim menjelaskan bahawa perkataan toleransi ini dilihat memberi penekanan untuk berbuat kebaikan, melaksanakan sikap hormat, memberi layanan yang baik dan bukti penegasan wujudnya perbezaan agama. Menurut informan Muslim 4, perbezaan ini jelas ditegaskan dalam firman Allah “*Lakum dinukum waliyadin*<sup>278</sup>” . Menurut informan Muslim 5, firman Allah yang menyuruh kepada pencarian *kalimah al-sawa*<sup>279</sup> yang bermaksud suruhan mencari titik temu sebagai bukti wujudnya perbezaan dan batasan untuk dihormati dan dipatuhi dalam pelaksanaan toleransi. Pandangan ini dirinci kan dalam jadual di bawah.

**Jadual 3.11: Definisi dan Konsep Toleransi Agama menurut Informan Muslim**

<b>DEFINISI TOLERANSI AGAMA MENURUT INFORMAN MUSLIM</b>			
<b>ISU</b>	<b>Perkara</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
Definisi Toleransi	Tasamuh	Istilah toleransi istilah baru. Pandangan Ulama dahulu toleransi ni sebut tasamuh.	M2
		Tasamuh itu berkaitan dengan bagaimana kita berkomunikasi dengan masyarakat atau dengan orang lain daripada kita.	M2
		Tasamuh selalunya nak menceritakan tentang kebaikan, nak menjauhkan dari perkara-perkara mafsadah tu. Perbahaasan tasamuh adalah untuk mencari kebaikan bersama.	M2
		Ada ayat Al-Quran “ <i>lakum di nukum waliyyadin</i> ” menjelaskan kebenaran agama no compromise. Tapi ini tidak menghalang kita dari berinteraksi dengan yang lain.	M4
		Toleransi itu adalah ajaran Islam, dan ianya diamalkan oleh Rasulullah saw. Al-Quran sendiri pun ada toleransi, tapi yang kita mahu tahu adalah tentang skop toleransi tersebut.	M4

<sup>278</sup> Al Quran, Surah al- Kafirun:6.

<sup>279</sup> Al-Quran , Ali Imran:64.



	Kalimatun sawa	Toleransi Agama bermaksud bagaiman orang Islam berinterasi dengan bukan Islam dalam martabat Islam kekal di tempat tertinggi. Hal ini sememangnya dituntut dalam unjuran mencari kalimatun sawa.	M5
Konsep Toleransi	Hormat	konsep yang pertama toleransi ini, kita hormat-menghormati. Itu yang dikehendaki oleh Islam dan dikehendaki dari masyarakat kita.	M1
		hormat-menghormati ini untuk kita melahirkan satu perasaan hormat-menghormati itu tidak menyentuh sensitiviti mana-mana pihak walaupun dalam perkara kecil. Kalau kita ada fahaman, ada hormat-menghormati, lahirlah toleransi.	M1
		kita kena budayakan toleransi kehidupan ini dari sekolah lagi. Kita pupuk dari pergaulan itu sendiri, dan hormat-menghormati kita tanam dan jelaskan batas. Kadang-kadang yang pergi belajar pun dia tak dipupuk dari sudut amalinya.	M1
		pokok segala toleransi, itu ialah kita tidak bertindak secara ekstrem dan agresif.	M1
		Islam secara asasnya memang beriman dengan kemuliaan diri manusia tidak kira agama, bangsa dan kulit. Hal ini jelas dipraktikkan oleh Rasulullah yang menghormati jenazah seorang Yahudi. Dalam hal ini Rasulullah telah disoal kerana bangun dan beri penghormatan pada jenazah tersebut sedangkan jenazah itu seorang Yahudi. Lalu Rasulullah menjawab: Tidakkah ia stu jasad? Sesungguhnya setiap jasad itu mendapat penghormatan dan tempat dalam Islam	M5
		masyarakat islam di ajar untuk menghormati penganut agama lain,	M6

		jadi tidak dibenarkan anda mengutuk tuhan agama mereka	
	Jaga agama Masing-Masing (Lakum dinukum Waliyadin)	Sekarang ni kita panggil masing-masing berjuang nak memperkenalkan agama dia kepada orang-orang lain. Sepatutnya kalau kita faham tasamuh tu agama kamu agama kamu lah agama kami agama kami. Kami amalkan apa yang kami amal dan percaya	M2
		tasamuh, apa yang diajar oleh Rasulullah pada kita ialah soal akidah kita kena jaga, maknanya akidah kita akidah kita. Kepercayaan kita keyakinan kita hak kita, hak dia hak dia lah saya tak tahu.	M2
	Layanan yang baik dan sepatutnya	dalam kalangan kita dan dari segi <i>dakwah bil hal</i> , bagi umum ia dari segi saling membantu antara Islam dengan bukan islam	M3
		Rasminya Agama Islam amat bertoleransi Dari sudut official, kita sebenarnya amat bertoleransi..	M4
		Kalau kita eksklusif, islam itu untuk orang islam itu tidak betul, islam itu untuk umat manusia dan apatah lagi dengan backdrop Malaysia, islam agama persekutuan. Maka layanan yang baik perlu ditonjolkan contoh dari Islam agama untuk semua.	M6

**Sumber: Temubual informan Muslim**

Walau bagaimanapun dalam konteks Kristian, majoriti informan Kristian menjelaskan bahawa istilah toleransi dilihat sebagai satu istilah yang membawa konotasi negatif Mereka berpendapat toleransi tidak mencukupi dan hanya langkah asas dalam hubungan harmoni. Justeru, dalam konteks Malaysia, informan Kristian menyatakan bahawa hubungan Muslim-Kristian memerlukan pelaksanaan yang lebih dari toleransi. Kajian mendapati anggapan toleransi sebagai satu konotasi negatif adalah disebabkan oleh asas dan sejarah toleransi dalam konteks agama Kristian. Hal ini telah dijelaskan dalam bab 2 bahawa toleransi agama dilihat negatif disebabkan pemerintahan Rom pada

masa tersebut yang mempunyai konflik terhadap agama selain Rom. Diskriminasi yang dijalankan dilaksanakan atas dasar toleransi terhadap agama Rom. Hal ini dilihat mempengaruhi pendirian wakil pemimpin Kristian di Malaysia. Selaras dengan ini, informan Kristian mencadangkan agar pertukaran istilah dilakukan seperti penggunaan istilah hormat (*respect*), meraikan (*celebrate*) malah ada seorang dari informan mencadangkan penggunaan istilah penerimaan menerima (*acceptance*). Walau bagaimanapun istilah *accept* ini tidak dipersetujui oleh beberapa informan Kristian lain kerana dalam toleransi ini, perlu wujudnya batasan terutamanya dalam hal teologi. Dalam erti kata lain, informan Kristian juga bersetuju bahawa toleransi agama tidak boleh melangkaui hal teologi.

Secara konsep, majoriti dari informan Kristian bersetuju bahawa toleransi yang sebenar dijalankan atas dasar “love”, atau yang disebut “*Love God and Love your neighbors*”. Toleransi juga difahami sebagai satu konsep hormat. Malah menurut informan Kristian<sup>1</sup>, selain “*Love*”, toleransi juga diasaskan kepada tuntutan buat baik “*do good*” yang dijelaskan dalam ajaran Kristian dan beliau istilah kan sebagai *Golden rule* iaitu “*do good to others as you want they do good onto you*”. Pandangan ini dirincikan dalam jadual di bawah

**Jadual 3.12: Istilah Toleransi Agama menurut wakil pemimpin agama Kristian**

<b>DEFINISI TOLERANSI AGAMA MENURUT INFORMAN KRISTIAN Malaysia</b>			
<b>Isu</b>	<b>Perkara</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
Istilah Toleransi	Konotasi Negatif	<i>Actually</i> I don't like the word toleration. Because tolerance is like low level, next accepted. Means Christian and Muslim we accept one another	<b>K1</b>
		Toleration, I don't use word tolerance. We need to learn acceptance and celebration.	<b>K1</b>
		Ini pendapat saya. Pertama sekali saya tidak gemar menggunakan perkataan tolerance. Untuk saya perkataan	<b>K2</b>

		tolerance ada satu negative effect sebab tolerance tu lebih kurang the English context : I tolerate u". meaning, saya tidak suka apa yang kamu buat tapi saya hanya tahan sajalah. Saya tahan sajalah sampai kamu hilang daripada pandangan saya.	
		Macam tolerance, toleransi itu membawa olah saya ada satu judgment terhadap apa yang kamu buat tapi saya hanya akan consider sampai kamu hilang atau mati.	<b>K2</b>
		So that's why dalam konteks Malaysia. Saya tak gunakan tolerance kerana for me it is a bad word. Kerana somebody was guna power to subject.	<b>K2</b>
		I think the word tolerance is not positive enough. Tolerance simply mean that I have to leave a bit. I think the word tolerance is have something better than tolerance. But even that tolerance means. Is like I have very noisy neighbor, what can I do. So I tolerate the neighbor but it doesn't mean I really enjoy the neighbor.	<b>K3</b>
		I never used tolerance in my speech or discussion	<b>K5</b>
Cadangan Istilah	Meraikan (Celebrate)	So celebration is something we should be able to enjoy and to do for each other. So far right now big problem lah.	<b>K1</b>
		Celebration, I celebrate, acceptance lebih highest then the celebration. I celebrated that you are a Muslim, I celebrated that you are a Christian. I accept that.	<b>K1</b>
		So celebrate its important, I thinks we haven't come to celebrate. but there are now people learn it.	<b>K1</b>
	Penerimaan (Acceptance)	Acceptance a little bit of celebration. But now I think we need to recover semula. All this. Take time, its not easy.	<b>K1</b>
		I think now a days people would go beyond tolerance. I mean more than tolerance. The better word , agree to disagree.	<b>K3</b>
		Mutual Acceptance. I am not sure about that. Accept up to external extend. Because, in my thinking., if I will to accept certain think. Would it being I is better convert to that. So tolerance its nt so much that yet. In the sense I will think	<b>K3</b>

		that, probably the word acceptance a bit to much. So something in between tolerance and acceptance.	
	Love	The other prinsip is Jesus said to people his teach is what is the summary of your teaching of your old testament? He says, love god number one, and then love your neighbor as yourself. That means, if you love yourself hundred percent, you love your neighbors hundred percent	K1
		So in the sense for the bible, as far as religion, because religion is concept we put inside there. religion lebih communal, like organization dan faith adalah kepercayaan terhadap Tuhan. So in that sense i can say that both paul and Jesus , they are quite positive to religious other (religious not faith).	K5
		all about love, so student will learn there. That carry tolerance	K3
		dan ayat yang telah memberikan satu panduan bagi kami yaitu ayatnya " terdapat di dalam fasal ke 2 , injil luke fasal ayat 37 dan 38. dan ini adalah pengajaran jesus sdiri. Dia katakan " tetapi kamu yang mendengarkan aku. aku berkata, kasihanilah musuhmu.dan berbuat baik kepada orang2 yang membenci kamu mintalah berkat bagi orang yang mengutuk kamu. berdoalah bagi orang yang mencaci kamu". Dan inilah dasar yang kami pegang untuk menerapkan sikap toleransi di dalam Kristian.	K4
		kalau dalam bahasa Latin, kasih pun ada beberapa istilah. tetapi yang selalu dirujuk dalam alkitab, kalau kasih yang berasal dari tuhan yang tiada syaratnya adalah kasih abadi (agabeh), itu merujuk latin, Englisnya love.	K4
		Love tak bermaksud dont tell the truth, tapi we still tell the truth . truth dan love tak akan bercanggah. Macam kita tegur anak tak semestinya kita tak sayang. So maybe konsep love bukan shadow love. Beza kalau sebut you are wrong, so that situation respect take part. Tapi tak boleh terima atas tolerate jika kamu cakap Jesus is Wrong .Itu tak boleh. Lagilah bila tiada bukti. Balik pada	K5

		Knowledge certainty atau Knowledge humility	
Konsep	Hormat	But today , because we respect other religion, we speak when we are asking. Because the Jesus say, whether in season or out of season we need to speak about god and life so be ready. So be ready is when people ask.	K1
		Nowadays also not sure, everybody all very sensitive, so we will as we learn we will have to respect religion because we want people respect us, so respect them dululah.	K1
		But if we respect each other and say yes tq very much please live out your religion as religion you have in the Quran and Sunah. And you will say to me, please live out your religion as you have in al Kitab.	K1
		Saya tau bahawa kamu berbeza, ajaran kamu berbeza tetapi saya ada respect bahawa itu adalah ajaran kamu. Saya respek kamu. Dan seperti saya respect kamu, kamu respect ajaran saya lah. Saya rasa konsep of respect adalah konsep yang harus atau has to grown in Malaysia lah.	K2
		Kalau dalam konteks nilai murni respect tinggi lebih daripada toleransi. sebab kalau kita lihat di seluruh dunia, di semua negara ada kaum yang majoriti dan kaum yang minoriti. Jadi, majoriti tolerate to minoriti. Ertinya saya tolerate you tak semestinya kamu dengan saya adalah sama. that always power relationship in tolerate there one who is power and one is a subject.	K2
		Kalau respect we are on the same level. Kita sama. Kita bermula kita adalah manusia. That is our starting point. There is no power here.	K2
		Respect is probably. At least in the middle between toleration and acceptance.	K3
		Ironinya, terutamanya protestant, dalam missionary movement, yg sepatutnya mereka dakwah, mereka masih respect agama lain. contoh dalam kes Confucianism, translator Analect adalah missionary. Protestan Missionary. So selalunya dalam fikiran kami missionary	K5

		kata semua ni tak bagus, tapi dalam kes ni mereka kata ada perkara yang baik.	
	Buat Baik (Do Good)	Okay one of the prinsip is the Golden Rule is, do baik to others as u want they do onto u. That means if you one others to respect you , you must respect them. If you want others do good to you u do good to them first. Don't wait Don't go and wait. If I wait, he do we good only I do good. No you just do good only. Because that you want them to good to you kan.	K1

**Sumber: Temu bual Informan Kristian**

Selaras dengan hal ini, kajian mendapati bahawa perbezaan pendapat di kalangan informan Muslim dan Kristian berlaku dari sudut penggunaan istilah “toleransi “ yang dikaitkan dengan agama. Namun secara konsep, wujudnya persamaan pandangan dari informan Muslim dan Kristian yang bersetuju bahawa toleransi adalah sesuatu tindakan yang dilahirkan berasaskan konsep hormat, kasih sayang, mencari kebaikan dan berusaha untuk melaksanakan tanggungjawab “ meraikan persamaan dan menghormati perbezaan” yang telah wujud antara agama.

Dalam konteks penganut, laporan menjelaskan bahawa umumnya penganut agama di semenanjung Malaysia memahami toleransi dengan bermaksud tolak ansur, sabar dan berlapang dada terhadap orang lain. Dalam konteks sosiologi, skop toleransi adalah lebih luas dan menyentuh hubungan yang terjalan sesama manusia. Ia bermaksud sikap menjaga diri sendiri, sabar dan menghormati hak orang lain dalam masyarakat. Sikap toleransi berupaya menerima perbezaan antara satu sama lain dan mampu mengorbankan kepentingan diri sendiri untuk menjaga hubungan. Masyarakat yang mengamalkan sikap toleransi akan membentuk hubungan baik sesama mereka seperti ramah mesra, bantu-membantu, belas kasihan, prihatin terhadap jiran, nasihat menasihati serta menjaga kepentingan orang lain. Dalam konteks toleransi agama, umumnya toleransi agama ialah sikap keterbukaan dan saling menghormati terhadap penganut agama lain. Selain itu, ia juga bermaksud penghormatan dan keterbukaan terhadap ajaran

dan amalan -agama lain selain yang dianuti oleh anggota dalam masyarakat. Ia amat penting dalam menjalinkan hubungan antara masyarakat yang berbilang agama. Laporan juga menjelaskan istilah dan konsep toleransi agama yang dijelaskan oleh penganut agama merujuk kepada istilah hormat, kerjasama dan kasih sayang. Penganut juga dilaporkan memahami toleransi agama sebagai satu usaha untuk hidup bersama pelbagai agama. Ini menunjukkan wujudnya persamaan konsep toleransi di kalangan penganut dan wakil pemimpin agama.<sup>280</sup> Walau bagaimanapun, dalam konteks istilah tiada pertikaian yang jelas di kalangan penganut agama. .

### **3.3.2 Asas dan ciri-ciri pelaksanaan Toleransi Agama**

Berdasarkan penjelasan di atas, menunjukkan bahawa informan Muslim dan Kristian secara tidak langsung bersetuju bahawa toleransi agama sama ada secara asas mahupun secara sempurna adalah satu keperluan bagi melestarikan hubungan antara Muslim dan Kristian Malaysia. Namun di sebalik persetujuan ini, kajian turut mendapati bahawa wujudnya perkara utama yang perlu diperhalusi terlebih dahulu iaitu ciri-ciri toleransi agama yang baik. Ini bertujuan bagi menambah baik hubungan yang sedia ada tanpa menjadikan individu yang bertoleransi itu sebagai seorang yang berdosa kepada agama.

Menurut informan Muslim, toleransi agama yang sempurna adalah bergerak secara pertengahan antara mencari keharmonian agama dan membenarkan agama yang dianuti. Ini bermakna penganut Muslim perlu berakhlak dengan akhlak baik dalam hubungan beragama dan dalam masa yang sama tidak lupa untuk mentaati ajaran Tauhid Islam. Antara ciri toleransi agama baik yang disenaraikan oleh informan Muslim adalah seperti menganjurkan perbincangan, membina hubungan atau saling berinteraksi antara agama tanpa melalui kekerasan, berusaha memahami budaya dan tabiat kaum dalam

---

<sup>280</sup>Laporan Toleransi Sosio budaya (2006.) 21-34.



agama mahupun agama lain. Semua ciri-ciri ini mestilah dianjurkan tanpa melupakan ajaran akidah Islam. Pandangan ini dijelaskan dalam jadual di bawah

**Jadual 3.13: Ciri Toleransi Agama menurut informan Muslim**

<b>CIRI-CIRI TOLERANSI MELALUI PANDANGAN INFORMAN MUSLIM Malaysia.</b>			
Ciri-ciri Toleransi	Wujud Perbincangan	Kita berbincang dan sebagainya dan kita mencari satu penyelesaian itu kalau timbul isu. Jadi toleransi yang kita harapkan itu itulah perbincangan yang ada.	M1
	Kesatuan jaga negara	Contoh toleransi yang baik jelas dalam piagam Madinah. Nak jaga negara Madinah mesti Semua rakyat yang ada dalam Madinah.	M2
	Bukan kekerasan	Fahaman dan penghormatan yang kita maksudkan ialah kita tidak mencaci apa yang dia pegang walaupun kita mendakwahkan dia masuk Islam. Dalam masa sama bukan kita tinggalkan dia. Dengan sebab itu kita tidak boleh secara kekerasan.	M1
		Sensitiviti kita tahu, kalau orang tahu al-Quran itu adalah kitab yang suci bagi umat Islam dan difahami oleh orang bukan Islam. Maka dia tidak boleh tidak menghormati walau dia tak beriman dengan dia tetapi dia tak bolehlah nak ambil campak, bakar ke dan sebagainya, nak buat, nak pijak ke sebagainya. Tidak boleh. Begitu juga kita. Kita tidak boleh juga nak mengatakan pegangan mereka itu kita bakar tokong dia pun tak boleh juga	M1
	Memahami Budaya	kita harus memahami tabiat, nature dan budaya orang itu. Kerana budaya inilah yang selalunya mendatangkan toleransi.	M1
	Tidak melupakan ajaran Akidah agama	Jadi bagi penganut Islam dia tidak boleh walau sekejap pun nak melupakan tentang asas Islam. Tapi kalau nak melupakan perkara2 ijtihad mungkin boleh dilupakan.	M1
	Adil	Keimaman orang Muslim adalah bahawa Allah menyuruh untuk bersikap adi;. Mencintai keadilan dan	M5

		menyeru kepada akhlak yang mulia biarpun bersama orang musyrikin, dan membenci kan kezaliman , tidak membalas seksaan kepada pelaku kezaliman rujuk kepada ayat al Maeidah8.	
		Dalam konteks penyusunan undang-undang dalam piagam madinah even personal law pun kita boleh bagi kepada mereka only the public law we have to subscribe Islam sebab personal law kamu punya but when it come to public law itu meliputi semua masyarakat then the Islamic law must prevail but Islamic law yg mcm mana yang nak kita bubarkan. Iaitu yang adil yang mana berteraskan pergumpalan undang-undang. Jika undang-undang itu tidak menghasilkan keadilan berlaku , itu bukan kehendak agama.	M6
	Perbincangan Komunaliti	perbincangan supaya komenaliti yang boleh kita kongsi bersama contohnya kita nak menghadapi masalah ekonomi hari ni masalah social, bagaimana agama-agama melihat, pendekatan agama pelbagai agama atasi masalah ini dalam konteks itu,	M6

**Sumber: Temu bual informan Muslim**

Dalam konteks Kristian, antara asas utama yang dinyatakan sebagai ciri toleransi agama yang baik iaitu toleransi agama dapat dilaksanakan sekiranya penganut agama menerima persamaan yang wujud antara agama. Selain itu, sangka baik perlu dijadikan asas utama bagi mengelak skeptik dan prejudis dalam bertoleransi. Toleransi yang sempurna hanya terjadi apabila hubungan, kerjasama dan interaksi dua hala berlaku antara Muslim dan Kristian. Ia memerlukan kefahaman agama khususnya dalam kefahaman agama menurut pentafsiran kontekstual Malaysia. Ini bermakna, sekiranya penganut sesuatu agama hanya hidup tanpa mempedulikan penganut agama lain maka situasi ini menyukarkan pelaksanaan toleransi. Pandangan ini dijelaskan dalam jadual di bawah.

**Jadual 3.14: Ciri- Ciri Toleransi Agama menurut informan Kristian**

<b>CIRI-CIRI TOLERANSI MELALUI PANDANGAN INFORMAN KRISTIAN MALAYSIA.</b>			
<b>Isu</b>	<b>Tema</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
Ciri-ciri Toleransi	Menerima Persamaan	But what we have in term of thing sin common we should accept that. So what are the important to find out is things in common.	K1
	Bersangka Baik	For us Sunday khutbah, it's a very important one. Because we are teaching our people, not to think badly other religion.	K1
		Jadi bagi saya , paling tepat adalah bina hubungan tanpa prasangka. bina hubungan berkawan rapat dan sesudah itu mula bincang dari hati ke hati. Maka tidak akan menghasilkan apa2 masalah	K4
	Membuat hubungan (Engagement) dan berkenalan	Engagement to bukan just engage, can I tell you what are you believe? Engagement is can I help you. So we are also try to tell the children. Like what we always say to churches , When Muslim people come o you and ask your help. Don't go and say, eh you Muslim. How come you ask me for help. The people need help, that you never said, pergilah tanya itu mosque.	K1
		by knowing the religion better, maybe in a way tolerate. Is not tolerate , respect	K3
		Vatican 2 sangat penting pada Katolik kerana bermula Vatican 2 relationship gereja Katolik dengan other religions changed. Katolik terbuka untuk dialog, mereka tidak condemn other religions in fact one of their document : i think the document call the church to the world', mereka kata mereka respect Muslim for their worship on the One God.	K5
	Memahami Kontekstual dan budaya	think number one, of course historical study or understanding is important. I think we cannot too euro centric dalam discussion.	K5

		Maksud saya, of Course , like John Hick, Rahner, hans Kung kita belajar tapi sebab mereka tidak dalam konteks yang sama. So a lot of us dalam dialogue of life we not discuss theology. Kita tanya "how are you" dan seumpamanya. So, for me maybe the starting point is not theology, walaupun theology adalah foundation. So the starting point is life issue	
	Perbincangan Harmoni	I think in our case, we can discuss anything. but we cannot force the our understanding on others.	K3

**Sumber: Temu bual bersama informan Kristian**


Berdasarkan penjelasan ini kajian mendapati bahawa informan Muslim meletakkan konsep "*amar makruf nahi Munkar*" sebagai ciri yang ciri toleransi agama. Malah kajian juga mendapati bahawa tuntutan pelaksanaan toleransi agama menurut informan Muslim tidak menafikan konsep dakwah. Penegasan syarat toleransi bukan melalui kekerasan menunjukkan bahawa toleransi dan dakwah tidak mewajibkan menghasilkan konversi (pertukaran) agama. Ia hanya bertujuan memberi faham ajaran agama Islam kepada penganut agama lain. Secara keseluruhannya, data bahawa menunjukkan membina interaksi atau hubungan antara agama khususnya Muslim dan Kristian Malaysia merupakan satu bentuk toleransi yang baik. Namun hubungan yang dibina perlu dijaga dengan pelaksanaan sangka baik. Tiada unsur paksaan atau mengambil kesempatan di benarkan dalam hubungan yang terjalin. Isu-Isu antara agama yang muncul perlu difahami dan diselesaikan mengikut realiti dan konteks budaya di Malaysia. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa informan Muslim dan Kristian bersetuju bahawa kefahaman agama menjadi asas pembinaan toleransi agama yang baik. Ia merangkumi kefahaman terhadap agama sendiri dan agama lain supaya dapat menghindari sangka buruk, seterusnya membentuk hubungan antara agama secara

harmoni tanpa melanggar limit asi yang dibenarkan oleh agama. Limitasi ini hanya diketahui melalui pengetahuan terhadap persamaan dan perbezaan antara agama.

Laporan dari penganut agama turut mendapati bahawa secara keseluruhannya toleransi agama yang difahami oleh penganut agama adalah berasaskan ciri-ciri hormat-menghormati, melibatkan perbincangan serta jauhi dari sangka buruk dan prejudis. Hal ini jelas dilaporkan bahawa sebahagian besar responden 89.5% mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menghormati anutan dan amalan agama lain. Ini menunjukkan masyarakat menyedari bahawa menghormati agama lain penting dalam meningkatkan kehidupan ang harmoni. Hanya kira-kira 8.61% responden yang menyatakan tidak pasti dan sebanyak 1.89 % yang lain pula tidak bersetuju<sup>281</sup>.

Secara ringkasnya, perbandingan konsep toleransi agama antara wakil pemimpin agama Islam dan penganut dijelaskan di bawah:

Network view : Perbandingan Toleransi Agama Antara Pemimpin Agama dan penganut



Sumber : Analisis Data Temu bual

<sup>281</sup> Laporan 2006. Ibid, h. 156

Kajian merumuskan bahawa pemimpin agama dan penganut agama meletakkan sikap hormat, sangka baik, dan bekerjasama sebagai asas utama ciri-ciri toleransi. Selain itu, persamaan juga berlaku apabila penganut agama-agama turut bersetuju bahawa wujudnya limitasi dalam toleransi khususnya antara masyarakat adalah berasaskan kepada isu teologi dan kepercayaan agama. Walaupun penganut sesuatu agama tidak berhak untuk campur tangan dalam kepercayaan agama lain tetapi mereka perlu saling membantu dalam tanggung jawab sosial. Terdapat persamaan pandangan antara wakil pemimpin agama Islam, Kristian dan Penganut Agama khasnya berkaitan keperluan nilai hormat dan terbuka dalam perbincangan. Berdasarkan penjelasan di atas kajian merumuskan bahawa keperluan toleransi agama di Malaysia terbukti melalui dilihat dari persetujuan konsep dan cadangan idea pemimpin agama Islam Dan kristian Malaysia.

### **3.4 Penerimaan Pelaksanaan Toleransi Agama**

Menurut Al-Fārūqī, toleransi agama boleh terlaksana berasaskan dua prinsip utama iaitu Pertama: pengiktirafan wujudnya kepelbagaian agama. Kedua: wujudnya kesediaan untuk hidup harmoni di dalam kepelbagaian agama. Jika salah satu dari dua prinsip ini tidak diterima maka ia bukanlah toleransi. Selaras dengan ini, kajian melihat pandangan wakil pemimpin agama terhadap dua prinsip di atas sebagai ukuran kepada penerimaan toleransi agama di Malaysia.

#### **3.4.1 Pengiktirafan Kepelbagaian Agama**

Dalam konteks Islam, kajian mendapati bahawa keperluan toleransi adalah disebabkan satu cara menghormati dan menjalankan amanah dari Tuhan yang telah menjadikan kepelbagaian ini. Kepelbagaian agama dilihat sebagai satu hakikat kejadian Allah diakui dan diiktiraf. Persetujuan ini mengambil kira persetujuan informan Muslim terhadap pengakuan informan terhadap kewujudan perbezaan teologi dan tuntutan dakwah dalam ajaran Islam.

**i. Pengiktirafan Kepelbagaian Agama menurut wakil pemimpin agama Islam dan Kristian.**

Menurut informan Muslim, kepelbagaian agama ini berpunca daripada Tuhan dan Manusia. Ini kerana dalam hal ini Tuhan bersifat Maha berkuasa dan mencipta tiap sesuatu. MakhluK juga dijadikan oleh Tuhan dan agama-agama yang pelbagai juga adalah diciptakan oleh Tuhan namun atas pilihan manusia sendiri. Ini kerana Tuhan telah memberikan beberapa panduan bahawa wujudnya agama yang benar dan mesti diikuti. Namun manusia yang telah diberikan panduan ini mempunyai kebebasan untuk memilih jalan atau laluan menggunakan panduan dan undang-undang yang Tuhan wahyukan. Perbezaan cara memilih dan mentafsirkan panduan oleh Manusia dalam menjalankan amanah sebagai makhluk Tuhan akhirnya menyebabkan kepelbagaian laluan atau syariaH atau agama. Informan Muslim juga bersetuju bahawa kepelbagaian ini dijadikan oleh Allah taala atas sebab yang tertentu seperti untuk berkenalan, namun kepelbagaian ini juga menunjukkan bahawa wujudnya kelemahan manusia dalam memilih agama yang benar sehingga perlunya Allah memberikan peringatan “ *lakum di nukum waliyadin*” yang bermaksud “ bagi kamu agama kamu dan bagi ku agama ku”. Pandangan ini dijelaskan dalam jadual di bawah.

**Jadual 3.15: Punca kepelbagaian agama menurut Informan Muslim**

<b>KEPELBAGAIAN AGAMA MENURUT PEMIMPIN MUSLIM</b>			
<b>Isu</b>	<b>Tema</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
Punca Kepelbagaian	Allah jadikan kepelbagaian untuk berkenalan.	Dan ini kita ambil Tuhan jadikan kita ber kabilah kabilah untuk berkenalan (litaarafu)	M 1
		Kepercayaan setiap orang islam bahawa kepelbagaian manusia dalam menganuti agama adalah berlaku dengan kehendak Allah yang telah memberikan kebebasan pilihan kepada makhluknya dalam setiap apa yang dilakukan atau ditinggalkan selaras dengan firman Allah	M5

		(al Kahf ;29) “ barangsiapa yang ingin (beriman) hendaklah ia beriman dan barangsiapa yang (kafir)biarlah ia kafir.	
	Syariat berbeza	Syariatnya berbeza dengan sebab itu di antara agama itu ada berbeza. Seperti yang dikatakan oleh Quran lakum dinukum waliyadin)jadi tak sama . Syariat nabi Muhammad menasahkan syariat yang lain.	M1
	Akidah agama lain hari ini berbeza dengan Islam	Kita kena berpegang kepada “ lakum dinukum waliyadin”	M2 & Mu 4
	Manusia: Pemahaman Agama Lemah	Berbeza fahaman tentang Tuhan, trinity dan sebagainya kekhawatiran itu datang daripada orang islam itu sendiri.. jadi orang islam sendiri masih lemah dari tahapnya dalam pemahaman islam(pemahaman agama yang berbeza)	Muslim 2 Muslim 3

Sumber: Temu bual informan Muslim

Pandangan Muslim ini dirumuskan bahawa kepelbagaian agama dilihat berpunca dari dua sudut dari kehendak Tuhan dan pemilihan manusia.

Dalam konteks Kristian, kajian mendapati bahawa pengakuan terhadap perbezaan teologi dan pengakuan wujudnya faktor penyebab kepada kepelbagaian merupakan bukti pengiktirafan mereka terhadap kepelbagaian agama. Pengiktirafan kepelbagaian agama ini semakin jelas kelihatan apabila informan Kristian Malaysia mengakui bahawa hampir majoriti jemaah Kristian Malaysia menolak idea John Hick yang memperkenalkan semua agama adalah sama-sama benar. Ini kerana informan Kristian mengakui bahawa perbezaan telah jelas wujud. Malah ia wujud secara asasnya dalam isu teologi yang membawa kepada persoalan kebenaran agama dan informan Kristian Malaysia turut mengakui bahawa hanya wujud satu agama yang sebenar dan selamat. Ini terbukti melalui wujudnya tuntutan untuk menyampaikan dakwah dalam ajaran Kristian , wujudnya



panduan dalam menjatuhkan hukum ke atas agama selain Kristian, wujudnya kepentingan dan kesan dari isu pertukaran agama khususnya antara Muslim dan Kristian Malaysia. Hal ini dijelaskan dalam jadual di bawah.

**Jadual 3.16: Punca Kepelbagaian agama menurut informan Kristian**

<b>KEPELBAGAIAN AGAMA MENURUT INFORMAN KRISTIAN Malaysia</b>			
<b>ISU</b>	<b>Tema</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
Realiti Kepelbagaian agama	Perbezaann Antara Agama telah wujud	If you believe diversity then is a plurality. But if you believe only one, is a problem because its so many different things already.	K1
	-	you can say that it many religious so plurality. If you don't believe plurality so then why its so many religion.	K1
		t's a religion of federation and other religion are to be practice with peace and harmony .So we are connected. So pluralism is already there in our constitution	K1
		Dalam agama semua orang ada perbezaan. Kristian pun ada Katolik dan Protestan berbeza. Kalau mula dengan perbezaan kita tidak boleh duduk sama-sama berunding dan akan bergaduh. Tapi mari kita lihat apa persamaan kita. At least we can do something.	K2
	Wujudnya tuntutan dalam agama untuk berdakwah	Of course when you ask honoration to other religion you have to respect other religion as well because there was great respect from religious under religious. But we were also sai, like paul, you all believe in religion, you all believe in God, let me now tell you who is the God. So it's a missionary trust. He also have to speak and tell people what is the experience and we also have to speak.	K1
		Pada kami berdakwah itu kami hanya menyampaikan hal pengajaran kami ,	K4

		Ada ajaran “ no salvation outside the church” That is one of our doktrin . But Christianity change for the interpretation not banyak. Tapi yang penting we not believe all religions are the sama.	K5
	Wujud hukum terhadap agama lain	Dalam Old Testament tetap menghukum agama di dalam dan di luar gereja . Allah judge religion di sekeliling Yahudi (Canaan Religion) seperti diceritakan dalam old Testament.	
	Wujud isu pertukaran agama	Tidak dinafikan ada orang Kristian masuk Islam, tiada halangan untuk diberikan kerana itu adalah haknya.	K4
	Menolak idea John Hick dan Kristian Malaysia mempunyai Inklusif dan Eksklusif part.	John hick never address this issues of Satan or evil forces. He was to simplistic in its mind.	K3
		John Hick tidak mewakili pandangan CFM Malaysia. Dia lebih as Philosopher, liberal Christianity . Dalam Malaysia tiada liberal Kristian.	K5
		Saya ada baca dalam satu website dakwah Islam mengatakan bahawa Kristian Malaysia berpegang pada idea Hick, tidak kami tidak. Jika kamu tanya di sini siapa Hick pun tidak ramai yang tahu unless mereka sudah mula pengajian berkaitan.	K5
		Idea John Hick hampir 90% ditolak di Malaysia dan idea Karl Rahner lebih diterima di Malaysia.	K5
Punca Kepelembagaan agama	Kuasa Kejahatan (Evil Force)	Yes, I must saying that’s one god. But in the Christian w also know about evil forces.so evil forces always s be there	K3

		for confuse the people. So all religion practices, or back to same god. So I say yes. It can be. But Satan is always there to confuse the people. So by confusing people, I cannot say that all religion are equally good, perfect.	
	Perbezaann Manusia dalam memahami Teologi	the Christian the concept of Allah is different with the Muslim of the concept of Allah. Say yes, its true. Can't be help.	K1
		They were be something we are calling it theologically we cannot accept because there is no similarities in what we have enough, not same to you. We have to say that.	K1
		But I respect because we are different believe. Mungkin cara kita sampai ke God berlainan, Ajaran dalam ajaran itu berlainan. Tetapi di manakah jalan itu berakhir? Berakhir pada satu Allah sahaja.	K2
		kita semua berasal, Abrahamic faith. Kita percaya bahawa hanya satu Allah, sama ada you panggil Allah atau God. We believe ada satu. Mungkin cara kita kepada Allah berbeza dan pegangan kita atau kepercayaan kita berbeza.	K2
		So is based On Christian understand. By having this theological understand. Theologically, we must believe all religion have some difference. Especially about the evil force. The evil forces, where by to corrupt confuse about general revelation.	K3
		Ada perbezaan teologi contohnya dalam idea Fault, Augustine percaya ada new creation, I old creation , in Christ then I become new creation , so that's concept yang tunjuk Islam dan Christian ada perbezaan.	K5

		Kepelbagaian agama diiktiraf , Inklusif dalam Eksklusif kerana kita menerima perbezaan seperti different God.	K5
		Paul believe they (orang lain) ada some knowledge of God, but knowledge tu tak clear. That's Why, Paul said you worship unknown God, yang kamu tidak tahu, I Know, dan I Introduce You.	K5
	Manusia berbeza dalam meletakkan limitasi salah (wrong) dan tidak baik (bad)	Setiap religion ada bad and goods. Religion are both bad and goods. In Christian, injustice is bad, idolatry is bad, but goes against Love is wrong, goes against 10 commandment is wrong, goes against holy communion is wrong .	K5
	Kitab berbeza	Yes we are people of the faith, and we are people book of the holy book. And but we also know that we are difference. Because we have two kitab.	K1
		You cannot use my rule interpretation on bible into Al-Quran and you cannot do otherwise. Because there to different things	K2
		Special revelation go to holy book and the general revelation go to all human kind. But the general revelation, in that sense all religion have same kind of that general revelation but special revelation is very specific.	K3
	Pentafsiran Berbeza	the kitab is fix already. But we have knew insight. Because orang dari American different dari orang Malaysia. They focus on different things. That's why sometimes when we read we say no cannot work on Malaysia. Different culture. Different social experience. Different.	K1
		Yes kita berbeza so many . You think differently, I think differently, but I respect you.	K2

	Kekeliruan Dalam pentafsiran kitab suci	Some time, Christian faith show the limitation of the human being that confuse the holy book. The holy book is there but sometimes, is the human being our bias, therefore we are not understanding capturing of all the holy book. The confusion of the holy book, is very much in modern social science and philosophy. that will be bound with some kind of prejudis. Non of us can escape, we try be objective s possible. But a bit of bios I always there.	K3
--	---	---	----

**Sumber: Temu bual bersama informan Kristian**

Melalui data yang diperoleh, kajian mendapati bahawa informan Kristian menjelaskan punca kepelbagaian adalah disebabkan oleh Manusia dan *Evil* . Ini kerana manusia dan syaitan yang menyebabkan wujudnya kitab suci yang berbeza, wujudnya pentafsiran yang salah terhadap kitab suci, wujudnya pentafsiran yang salah terhadap (specific revelation), dan hal ini sekali gus menyebabkan kepelbagaian agama.

**ii. Pengiktirafan Kepelbagaian Agama menurut penganut agama di Malaysia.**

Berdasarkan analisis kepada pandangan wakil pemimpin agama menunjukkan bahawa toleransi agama adalah satu wadah dan keperluan dalam membina keharmonian hidup antara penganut agama khususnya dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia. Persamaan konsep toleransi seperti hormat, berbuat baik dan menjaga batasan merupakan bukti kukuh hal ini. Persetujuan yang sama turut diperolehi oleh penganut agama –agama di Malaysia. Melalui tinjauan ke atas laporan toleransi sosio agama , penganut agama-agama di Malaysia bersetuju bahawa toleransi agama itu satu keperluan di Malaysia. Buktinya 89% responden bersetuju bahawa toleransi amat penting dalam memupuk dan mengukuhkan perpaduan negara dan realiti masyarakat majmuk<sup>282</sup>. Persetujuan terhadap keperluan toleransi agama sebagai asas hidup harmoni di Malaysia adalah satu tanda

<sup>282</sup>Laporan (2006). Ibid, h.164 & 202 .

pengiktirafan penganut terhadap wujudnya kepelbagaian agama di Malaysia. Sekiranya tidak mengiktiraf kepelbagaian maka apa perlunya toleransi dilakukan.

Berdasarkan dapatan di atas kajian merumuskan bahawa kedua-dua agama mengiktiraf kewujudan kepelbagaian iaitu kepelbagaian kewujudan kumpulan agama. Namun dalam konsep kebenaran, Islam dan Kristian tetap menyatakan hanya satu agama sahaja yang membawa kebenaran atau memberi jalan keselamatan.

Jika ditinjau kepada asas kitab suci agama Islam, al-Quran dilihat menjelaskan relaiti dan punca kepelbagaian dalam beberapa perkara iaitu:

- a. Kepelbagaian agama atas kehendak Tuhan.

Al-Quran menjelaskan bahawa kepelbagaian agama ini adalah dijadikan oleh Tuhan atas kehendaknya. Kepelbagaian agama merupakan rancangan Tuhan untuk menguji manusia yang pelbagai dalam berlumba-lumba mencari kebaikan kesamaan. Namun Kepelbagaian, hanya berlalu dalam cara hidup bukan akidah. Cara hidup (*syir'ah/minhajan*) berbeza kerana kitab suci diajar turut mengikut kaum pada masa itu dan terbatas untuk masa tersebut. Hal ini merujuk kepada firman Allah dalam surah al Maeidah<sup>283</sup>:

---

<sup>283</sup> Al Maeidah 5:48

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ  
 وَمُهَيِّمًا عَلَيْهِ ۖ فَاحْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ ۗ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ  
 عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا ۚ وَلَوْ شَاءَ  
 اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَٰكِن لِّيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ ۗ فَاسْتَبِقُوا  
 الْخَيْرَاتِ ۚ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ



surah al-Maeidah (5):48

Menurut al Qurtubi<sup>284</sup> , Allah mencipta Taurat untuk ahlinya, Injil untuk ahlinya dan al-Quran juga untuk ahlinya. Ini bertujuan untuk menjelaskan syariah (undang-undang dan Ibadah) namun bagi persoalan akidah tiada pertikaian.

- b. Kepelbagaian agama disebabkan pentafsiran manusia yang berbeza terhadap wahyu Tuhan yang satu kepada semua nabi.

Al-Quran juga menjelaskan bahawa di sebalik kepelbagaian agama ini, Tuhan telah menurunkan satu ajaran agama yang sama kepada semua manusia. Semua pesuruh Allah iaitu para nabi menyampaikan ajaran yang sama ini bermula dari nabi Adam hingga Muhammad, Dalam konteks agama Ibrahim, ajaran yang sama telah diajarkan dari Nabi Ibrahim sehingga Muhammad. Kesatuan Wahyu Tuhan dan kesatuan kenabian ini dijelaskan dalam firman Allah:

<sup>284</sup> al-Qurtubi, *jami' lil ahkam al Quran* ,( 2): 211.

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ فَيُضِلُّ اللَّهُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٤﴾

surah Ibrahim (14): 4

Bermaksud 4. dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan Dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. maka Allah menyesatkan sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan Dia lah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Menurut al- Razi<sup>285</sup> , berdasarkan persetujuan ini, agama-agama yang dibawa oleh semua nabi ini tidak akan berbeza. Namun perbezaan tetap wujud secara realiti, ini bukanlah disebabkan Allah tetapi penyembahan selain dari Allah .Ini bermaksud prinsip asas dalam agama semestinya tetap satu kecuali mereka berpaling dari panduan Allah. Ini bermakna, walaupun tuhan mencipta kepelbagaian, namun wahyu Tuhan adalah satu dan sama kepada semua nabi dan dipersetujui

c. Panduan memilih jalan yang benar

Allah yang maha pengasih dan Maha Penyayang telah menyediakan panduan kepada manusia bagi memilih jalan yang benar. Ini bermaksud, dalam konteks memilih kebenaran agama, kebebasan manusia tidaklah bersifat Mutlak kerana dalam hal ini Allah telah menyediakan panduan kepada manusia untuk memilih jalan yang benar. Manusia yang menggunakan kebebasan memilih ini dengan menjauhi panduan yang sebenar akhirnya menyebabkan wujudkan kepelbagaian agama. Ini kerana Panduan yang benar ini akhirnya membawa kepada satu agama yang benar<sup>286</sup>.

<sup>285</sup> Al razi , *Tafsir al kabir*,(10):113

<sup>286</sup> Surah Al Anbiya'21:92-9



Pengiktirafan kepelbagaian agama ini juga dinyatakan secara asasnya dalam kepercayaan Kristian. Mereka mempercayai bahawa Tuhan yang satu menjadikan manusia dalam kesatuan. Hal ini dilihat dalam penjelasan :

God call to human being to share in his own life not merely as individual, without any unifying bond between them, but rather to make them into a people in which His Children who had been widely scattered, might be gathered together in Unity( Ad Gents 7287).

Hal yang sama turut dijelaskan dalam Nostra Aetate yang mencatatkan bahawa:

All nations are one community and have one origin , because God caused the whole human race to dwell on the whole face of the earth. They also have one final end. God whose providence, manifestation of goodness and plans for salvation are extended all.

Namun, Katolik menjelaskan bahawa setiap manusia bertindak untuk meluahkan perasaan tidak senang dan gundah gulana dalam mencari Tuhan , lalu perjalanan dan usaha mencari Tuhan, memahami tujuan hidup dan mencari jalan keselamatan ini dilaksanakan melalui pelbagai cara<sup>288</sup>. Ini membawa maksud kepelbagaian agama dalam kitab suci Kristian menjelaskan bahawa kepelbagaian agama adalah disebabkan oleh manusia.

Kajian merumuskan bahawa kepelbagaian agama adalah diiktiraf oleh informan Muslim dan Kristian Malaysia. Pengiktirafan terhadap kewujudan kepelbagaian agama ini yang dijelaskan oleh informan Muslim, Kristian bukanlah perkara yang terkeluar dari asas akidah agama masing-masing. Pengiktirafan yang dilakukan hanya ke atas kewujudan kepelbagaian agama bukan kepada kebenaran agama. Kedua-dua agama Islam dan Kristian Malaysia mempertahankan adalah kebenaran atau jalan keselamatan adalah

---

<sup>287</sup> William Reiser, S.J Ibid.155

<sup>288</sup> Nostra Aetate 1 dan 2.

melalui agama masing-masing. Buktinya, penjelasan berkaitan wujudnya kepelbagaian agama ini telah pun dijelaskan al-Quran malah kitab rujukan Kristian juga. Hal yang sama turut dihormati dalam perlembagaan Malaysia. Maka ini menunjukkan bahawa kepelbagaian agama adalah diiktiraf dan ini menjelaskan lagi bahawa toleransi agama adalah satu keperluan hidup harmoni di Malaysia.

### **3.4.2 Kesiediaan Untuk Hidup Harmoni**

Menurut al-Fārūqī , toleransi agama hanya berjalan sekiranya keharmonian boleh dilaksanakan dan perlu dilaksanakan di sebalik pengiktirafan kepelbagaian agama. Ini bermaksud, sekiranya wujudnya penolakan kepelbagaian agama, toleransi tidak akan terhasil.

#### **i. Kesiediaan untuk hidup harmoni menurut pemimpin agama Islam Malaysia.**

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, informan Muslim menyatakan bahawa pentingnya usaha mencari keharmonian agama ini merupakan tuntutan utama dalam ajaran Islam. Keharmonian agama ini dapat dilakukan dengan mencari keharmonian antara penganut agama-agama, mencari kebaikan yang boleh diperolehi bersama. Selain itu, keharmonian antara agama boleh dilaksanakan melalui kepatuhan terhadap ajaran agama yang dianuti itu sendiri kerana semua agama mengajar untuk berbuat baik dan menjauhi kejahatan. Prinsip dan aspek etika yang baik perlu dilakukan seperti membina kerjasama dan sikap tolak ansur dalam hal yang dibenarkan, hormat antara satu sama lain, jangan campur urusan dan hak eksklusif agama lain. Semua ini hendaklah dilakukan tanpa melanggar dan mengubah akidah dan syariah Islam. Perincian hal ini dijelaskan dalam jadual di bawah.

**Jadual 3.17 : Kesiediaan untuk Hidup Harmoni menurut informan Muslim**

ISU	Tema	Huraian	Kod Informan
Meraikan kepelbagaian dengan mencari Keharmonian di kalangan penganut agama	Mencari Keharmonian antara penganut agama	Kita nak cari keharmonian antara penganut agama. Bukan agama.	M1
	Mencari Kebaikan bersama	selalunya nak menceritakan tentang kebaikan, nak menjauhkan dari perkara-perkara mafsadah.	M2
	Melaksanakan tuntutan agama	Umumnya , dari segi saling membantu antara Islam dengan bukan Islam adalah perlu dan bagi kita ia tarikan dakwah...	M3
	Keseimbangan dalam kepelbagaian.	Perkara ini perlu seimbang antara dua perkara. Pertamanya, usaha untuk menjelaskan kefahaman Islam dan kedua ianya perlu ada keterbukaan,	M4
Cara memupuk keharmonian	Kerjasama & Tolak Ansur	Untuk harmoni dirikan kerjasama, buat kerja amal sama, kerja gotong-royong sama, itu boleh datangkan harmoni.	M1
		Kalau orang lain tak nak bertolak ansur langsung. Kita sahaja nak bertolak ansur. Jadi macam mana nak selesai.	M2
		Jika untuk pendekatan agama bagi melahirkan keharmonian, dapat kita buat secara praktikal, keterbukaan, membersihkan tanggapan dan kerjasama antara agama.	M4
		Kita boleh panggil untuk membuat kerjasama seperti gotong-royong di sekolah	M4
	Hormat-menghormati	Dia, hormat-menghormati ini untuk kita melahirkan satu perasaan hormat-menghormati itu tidak menyentuh sensitiviti mana2 pihak walaupun dalam perkara kecil.	M1
		Kita lihat nabi pun, apabila orang Yahudi mati dan jenazah dia lalu, nabi bangun. Bukan dilempar najis, tak boleh tengok dan sebagainya. Ini jahil dan ekstrem namanya.	M1

	Perbincangan.	Baik Islam baik bukan Islam, maknanya kalau kita berbincang boleh berbincang.	M1
		keharmonian tak boleh dicari antara agama. Tidak, memang tidak boleh kerana agama itu suatu sistem yang telah sempurna” al yaum akmaltulakum ...ila akhir...” tapi dalam penganut dia boleh dan ajaran yang tidak ditentukan secara khususnya masih boleh bincang.	M1
		ada ayat Al-Quran yang menyebut “ lakum di nukum waliyyadin “. Maka dalam hal agama bersih dan no compromise. Tapi ini tidak menghalang kita dari berinteraksi dengan yang lain.	M4
	Laksanakan ajaran baik dalam agama	Kita bercakap benar, kita hormat orang, Kita tidak menyakiti orang, Kita tidak boleh mengkhianati orang, kita tak boleh memandang rendah pada orang, kita tak boleh memfitnah orang, kita tak boleh jijik pada orang tanpa sebab dan sebagainya. Jadi itu kalau dibiasakan maka dia akan hormat-menghormati dengan sendiri	M1
	Jangan campur hal agama lain	Kita cerita hak agama kita sahaja tidak perlu cerita agama orang lain.	M2
Batasan Keharmonian	Tidak boleh keharmonian antara agama	keharmonian tak boleh dicari antara agama. Tidak, memang tidak boleh kerana agama itu suatu sistem yang telah sempurna” al yaum akmaltulakum ...ila akhir...” yang tidak ditentukan secara khususnya masih boleh bincang.	M1
	Keharmonian dalam hal yang tidak menyentuh aqidah	Sudah ada asas sejak zaman rasulullah saw sendiri walaupun dari aspek-aspek tertentu.. yang penting sekali dalam aspek budaya dan amalan tradisi yang tidak menyentuh aqidah itu sememangnya dibolehkan	M3
		Asas bagi perkara ini adalah sosial. Jadi Badan Belia kita pun ada, apa salah kita pergi gotong-royong di gereja atau	M4

		melawat temple. Bagi saya itu perkara yang tiada halangan apa-apa dari sudut syarak. Ia ritual, sosial untuk keharmonian,	
--	--	---	--

**Sumber: Temu bual Informan Muslim**

Berdasarkan jadual di atas jelas menunjukkan informan Muslim bersedia untuk hidup harmoni di dalam kepelbagaian agama. Malah pandangan mereka turut menjelaskan bahawa kesediaan untuk hidup harmoni ini merupakan ajaran dalam agama Islam.

Dalam konteks Kristian, kajian merumuskan bahawa kesediaan untuk hidup harmoni di sebalik kepelbagaian agama merupakan perkara yang diberi penekanan dengan mengharapkan agar hubungan toleransi agama didalam hubungan Muslim-Kristian berlaku lebih dari toleransi. Antara tema utama yang dilihat menandakan kesediaan mereka adalah wujudnya cadangan pelaksanaan seperti meraikan persamaan, (*celebrate*) dan , hormat dan menerima seperti dalam cadangan kepada istilah Toleransi. Malah informan Kristian juga meminta agar suara dan pandangan mereka didengari (*give concerns*) . Ini merupakan salah satu cara untuk membina keharmonian antara hubungan Muslim dan Kristian Malaysia. Pandangan ini dirincikan dalam jadual di bawah.

**Jadual 3.18: Kesediaan untuk hidup Harmoni Menurut Informan Kristian**

ISU	Tema	Huraian	Kod Informan
Harmoni dalam kepelbagaian	Meraikan Kepelbagaian (Celebrate)	Every religion has good. So we were have to celebrate what is good. And bring that one. Whether is truthful or not truthful. I dont know.	K1
	Mencari kebaikan bersama.	No body right and wrong in this moment. Do Good.	K1
		Let different be different but so many similarities we can work on.	K2
		Tak payah cari perbezaann kita ada banyak perbezaann. Dalam agama sendiri juga ada perbezaann. Jadi kalau kita mula dengan perbezaann kita, tidak akan selesai sampai kiamat pun.	K2
		To highlight the communality of the good. Try not to say so much about bad or negative of difference religion.	K3

	Hormat	You ara human being. I am human being. We are temporary here only and created by god. Whatever you call him and whoever is, we start in same footing. So we respect each other because we are same there is no difference between us.	K2
	Menerima agama lain (Acceptance)	acceptance is the one thing we all human being and then we all to say, we are all trying to follow a path. A path that is given to us dari the prophet Muhammad atau prophet Jesus, whatever, so we are tend to follow the path. .	K5

**Sumber : Temu bual informan Kristian.**

Berdasarkan penjelasan di atas menunjukkan bahawa tuntutan dan cadangan pelaksanaan untuk hidup harmoni dari Informan Kristian adalah selaras dengan ajaran keharmonian agama dalam ajaran Kristian. Secara asasnya tuntutan keharmonian adalah sama dengan tuntutan toleransi yang bertolak dengan konsep Love.

**ii. Kesiediaan untuk hidup harmoni menurut penganut agama**

Dalam konteks penganut, kesiediaan membina hubungan ini selaras dengan ciri toleransi agama sempurna *engagement* yang ditekankan oleh wakil informan Muslim dan Kristian. Dalam konteks penganut agama, laporan menjelaskan bahawa secara umumnya responden kajian bersedia untuk hidup harmoni antara satu sama lain. Ini bertolak dari penegasan beberapa perkara iaitu majoriti dari penganut agama merasakan sedia untuk hidup harmoni atas faktor untuk hidup selamat dan gembira di Malaysia Penganut Islam mencatatkan tahap tinggi dengan 75.4% (307), tahap sederhana 22.1% (90) dan tahap rendah 2.5% (10) manakala penganut Kristian pula mencatatkan tahap tinggi 77.3% (17), tahap sederhana 18.2% (4). Selain itu, penganut agama bersedia untuk hidup harmoni kerana mempunyai tahap sangkaan baik kepada penganut agama lain yang tinggi. Majoriti responden iaitu sebanyak 86.44 p% bersetuju bahawa semua agama menuntut

penganutnya menjadi manusia yang baik. Manakala, 9.13 peratus lagi tidak pasti dan 4.43 peratus yang lain pula menyangkal pendapat ini<sup>289</sup> ..

Pendapat Minoriti ini sama sekali tidak dipersetujui oleh semua informan Muslim dan Kristian. Ini kerana pemimpin agama berpendapat bahawa perbezaan antara agama tak menghalang untuk buat baik kerana setiap agama khususnya Muslim dan Kristian menganjurkan konsep hormat dan inilah yang menunjukkan kewujudan toleransi. Kajian merumuskan bahawa wakil pemimpin Islam dan Kristian serta penganut agama di Malaysia bersedia untuk hidup harmoni namun tuntutan hidup harmoni, tidak melanggar ajaran agama masing-masing.

### **iii. Toleransi Agama dalam ajaran Islam dan Kristian**

Bertolak dari keterbatasan penulisan ini, kajian mengulas toleransi agama dalam konteks Islam dengan memberi fokus kepada ajaran, cara, pendekatan dan sasaran toleransi agama yang di ajarkan di dalam al-Quran dan ajaran Kristian.

- **Toleransi Agama menurut Islam<sup>290</sup>**

Secara umumnya kajian mendapati bahwa prinsip toleransi agama terhadap agama lain yang diajarkan dalam Islam mestilah sentiasa dan selaras dengan prinsip umum di bawah. Kajian membincangkan hubungan Islam dengan manusia umum dengan memberi fokus kepada ayat al-Quran yang membuktikan Islam merupakan agama yang universal dan untuk semua umat manusia. Antara firman-firman Allah yang dilihat berkaitan dengan

---

<sup>289</sup> Laporan (2012). Ibid, h.50-51.

<sup>290</sup> Pembahagian penulis terfokus kepada kumpulan yang melibatkan kepercayaan sahaja dan ini sedikit berbeza dengan pembahagian al-Fārūqī, beliau membahagikan kepada tiga kumpulan iaitu hubungan dengan Yahudi dan Nasrani, hubungan dengan selain Yahudi dan Nasrani dan hubungan dengan seluruh umat Manusia. Pembahagian ini juga sedikit berbeza dengan pembahagian sebahagian penulisan lain membahagikan perbincangan toleransi dalam konteks sejarah Islam dengan pembahagian contoh toleransi Rasulullah s.a.w di Mekah yang dianggap lebih linen kerana dalam keadaan tertekan, manakala toleransi Rasulullah di Madinah yang lebih luas kerana dalam hak pemerintah.

hal ini adalah seperti firman Allah yang menjelaskan bahawa Allah menjadikan semua manusia secara fitrahnya adalah baik seperti firman Allah:

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنْزَلَ  
مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِي مَا اخْتَلَفُوا فِيهِ وَمَا  
اخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمْ الْبَيِّنَاتُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ  
فَهَدَى اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِهِ وَاللَّهُ

يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Surah al Baqarah (2): 213

213. pada mulanya manusia itu ialah umat Yang satu (menurut ugama Allah Yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang Yang beriman Dengan balasan syurga, dan pemberi amaran (kepada orang-orang Yang ingkar Dengan balasan azab neraka); dan Allah menurunkan bersama Nabi-nabi itu Kitab-kitab suci Yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa Yang mereka perselisihkan dan (sebenarnya) tidak ada Yang melakukan perselisihan melainkan orang-orang Yang telah diberi kepada mereka Kitab-kitab suci itu, Iaitu sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan Yang jelas nyata, - mereka berselisih semata-mata kerana hasad dengki sesama sendiri. maka Allah memberikan petunjuk kepada orang-orang Yang beriman ke arah kebenaran Yang diperselisihkan oleh mereka (yang derhaka itu), Dengan izinNya. dan Allah sentiasa memberi petunjuk hidayahNya kepada sesiapa Yang dikehendakiNya ke jalan Yang lurus (menurut undang-undang peraturanNya).

Bermula dengan manusia yang fitrahnya baik ini, Allah berikan manusia anugerah istimewa iaitu aqal dan ini akan menyebabkan kebebasan pada manusia untuk membuat pilihan menggunakan aqal. Bagi mengelakkan salah menggunakan aqal, Allah sudah turunkan panduan kepada manusia dalam bentuk wahyu. dan mengutuskan Rasul pada semua manusia, dan semua rasul ini menyampaikan ajaran akidah yang sama<sup>291</sup>.

<sup>291</sup> Surah anbiya' (25): 21-25, Surah al- Fāatir (35):24 291-282.



Walau bagaimanapun, setelah diturunkan wahyu dan rasul tetap ada manusia menyelewengkan wahyu dan membunuh para rasul. Lalu Allah turunkan panduan wahyu al-Quran yang digelar sebagai *umm al Kitab*<sup>292</sup> yang Allah janji akan memeliharanya dan sesuai untuk semua umat manusia akhir zaman di bawah panduan Nabi Muhammad S.A.W seperti. Wahyu ini kemudiannya adalah menyempurnakan wahyu-wahyu sebelumnya yang hanya sesuai pada zaman itu sahaja<sup>293</sup>. Selaras dengan panduan yang Allah janjikan untuk semua umat manusia ini, Allah kemudiannya melarang sikap berpuak-puak dan menyuruh agar berpegang kepada agama yang Hānīf<sup>294</sup>.

Ayat-ayat di atas merupakan prinsip umum pandangan Islam terhadap semua umat manusia. Bertolak kepada prinsip universal yang bermula dengan penghargaan ke atas semua umat manusia yang Allah jadikan dalam fitrah asal manusia adalah baik kemudian bergerak kepada pembetulan atau usaha dakwah bagi memandu atau menegur manusia yang mula bergerak dan menggunakan akal sehingga jauh dari petunjuk universal dan agama yang hanif. Islam memberi panduan untuk membina hubungan dan berinteraksi dengan individu atau kumpulan yang kategorikan jauh dari agama yang hanif. Secara ringkasnya, dinyatakan bahawa perbincangan toleransi agama dalam kajian ini berasaskan kepada pembahagian kumpulan untuk ditoleransi. Dalam al-Quran hubungan Islam dengan agama selain dilihat dalam dua bentuk (i) Berasaskan Teologi maka

---

<sup>292</sup> Menurut al-Razi, perkataan *al Umm* ini merupakan *mother or original source* (al-Razi Fakhr al-Din, *Tafsir al-Kabir*. Beirut Dar Ihya al turah al Arabi, (3), (2001), 137-148.

<sup>293</sup> Surah Ali Imran (3):183

<sup>294</sup> Surah Ar Rum (30):30. Menurut al-Razi, semua bangsa kena patuh perintah ini yang telah dibuat bersama Tuhan di alam roh lagi (primordial truth). (Al-Razi, Ibid, (10), 113).

Menurut Ibrahim Kalin pula, Hānīf ini digunakan sebanyak 12 kali dan berasal dari perkataan *hanafa* yang membawa maksud "*inclining toward a right state*". Beliau terjemahkan ayat ini sebagai bertaubat dari kesalahan (*turning away from all that is fall*). Maka penganut hanif adalah penganut yang hanya patuh kepada Allah yang Esa. Sesiapa yang percaya Polytheism, Syirik atau tidak mempercayai Tuhan tidak tergolong di kalangan hanif. Ia selaras dengan ayat yang diturunkan kepada Ibrahim (Ibrahim Kalin, *Sources of Tolerance and Intolerance in Islam: The Case of the People of the book*, dalam *Religious Tolerance in world Religions* (2008)., Jacob Neusner & Bruce Chilton 9pnyt) Pennsylvania: Templeton foundation Press, h. 239-275.

wujudnya Islam dengan pagan Makkah, (ii) Islam dengan Agama Samawi Yahudi dan Nasrani (iii) Islam dengan Polytheism (Musyrikin). Manakala dalam isu kenegaraan ia terbahagi kepada dua kumpulan iaitu (i) Islam dan Kafir Harbi (Islam dan Kafir Zimmi). Namun disebabkan keterbatasan kajian, kajian hanya menjelaskan ringkasan pembahagian berasaskan kepercayaan iaitu (i) Hubungan Islam dengan Pagan Mekah. (ii) Hubungan Islam dengan ahl al –Kitab dan (iii) Hubungan Islam dengan Musyrikin (Polytheism) .

i. Hubungan dengan individu Pagan Makkah

Teguran kepada masyarakat Pagan Makkah dilihat bergerak dalam dua perkara iaitu teguran kepada kebudayaan dan kepercayaan amalan budaya mereka , kedua teguran ketuhanan mereka yang akan dibincangkan dalam hubungan dengan musyrikin. Dalam hal teguran kepada kepercayaan amalan budaya, toleransi agama dilihat berjalan dengan tidak menghapuskan atau menghina tanpa sebarang alasan. Malah al-Quran menegaskan bahawa dalam menegur kepercayaan kebudayaan dimulai dengan pertanyaan realiti dan tujuan budaya tersebut, melihat signifikan budaya tersebut ke atas agama, dan menjelaskan panduan dari ajaran Islam dengan cara yang lebih baik iaitu dijelaskan sebagai alternatif bersama hujah-hujah bukti kebenaran dari ajaran islam yang sempurna bukan secara sangkaan atau tanggapan. Sebagai contoh dalam firman Allah

﴿ يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ وَلَيْسَ الْبِرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنِ اتَّقَىٰ وَأَتُوا الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَابِهَا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴾

Surah al Baqarah(2); 189.

189. mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. katakanlah: "(peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khususnya Ibadat Haji. dan bukanlah perkara kebajikan: kamu memasuki Rumah dari bahagian belakangnya (ketika kamu berihram) akan tetapi kebajikan itu ialah perbuatan orang Yang bertaqwa; dan masuklah ke Rumah (kamu) itu melalui pintunya, serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya"

Ayat ini mengulas berkaitan kebudayaan masyarakat Makkah pada waktu itu yang memasuki rumah melalui pintu belakang, dan duduk di dalamnya ketika masuk musim haji. Mereka melakukannya ketika dalam berihram. Lalu Al-Quran menjelaskan bahawa sesuatu perkara itu hendaklah dilakukan dengan ada asasnya yang rasional bukan secara taklid buta. Maka dalam hal ini, Nabi Muhammad ditanya berkaitan signifikan perbuatan tersebut? Lalu Nabi Muhammad menjelaskan hal ini dengan mengubah pandangan mereka terhadap adat yang tiada signifikan. Ini kerana memasuki rumah dari pintu belakang tidak mempunyai apa-apa makna dan signifikan melainkan hanyalah budaya semata-mata. Lalu di sebalik budaya ini, maka Nabi Muhammad menegur agar memasuki sahaja rumah dari pintu hadapan. Dan seterusnya menyampaikan ajaran yang lebih sempurna dari Islam agar dalam makna berbuatlah sesuatu dengan lebih sempurna dan tinggi taqwa iaitu kepada kepercayaan taqwa kepada Allah. Taqwa adalah asas segala perbuatan. Dalam ayat di atas, *al-Birr* bermaksud perbuatan baik. Mereka yang melakukan *al-Birr* adalah mereka yang melakukan perbuatan dengan penuh kewaspadaan atau hikmah dan mindanya dengan rasa taat dan taqwa kepada Allah bukan secara taklid buta dan sia-sia.

### iii. Hubungan dengan Ahl-Kitab

Berdasarkan prinsip umum dalam hubungan kemanusiaan, maka hubungan baik dengan agama lain adalah dituntut. Dalam hal ni Islam telah memberi hubungan yang lebih

istimewa kepada ahli Kitab . Pada awalnya ahl-al Kitab ini dijelaskan sebahagian dari Yahudi dan Nasrani khususnya Nasrani. Namun dalam pentafsiran yang seterusnya ahl-al Kitab ini dikatakan merangkumi Sabian, Zoroaster berdasarkan firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرِينَ مَنْ ءَامَنَ  
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ ءَآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا  
خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾

Surah al Baqarah (2);62

62. Sesungguhnya orang-orang Yang beriman, dan orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasora (Nasrani), dan orang-orang Saabien sesiapa di antara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal soleh, maka bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian Yang tidak baik) kepada mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

Sebagai tambahan, kajian ini cuba menjelaskan Islam dan Yahudi dan Nasrani dalam konteks pembahagian hak kenegaraan iaitu antara hak *kafir harbi* dan kafir zimmi atau *ahli al -dhimmah*<sup>295</sup> . Seperti yang telah dijelaskan al-Fārūqī dalam bab 2, Pengikirafan kepada Yahudi dan Nasrani adalah berlaku atas dasar Tauhid<sup>296</sup> dan kesatuan ajaran nabi. Selaras dengan hal ini pelbagai hak istimewa yang diberikan antaranya hak kebebasan beragama, kebebasan perundangan, hak masjid dan rumah ibadah dan hak keselamatan. *Ahli Dhimmah* adalah mereka yang bukan Islam namun baiiah politik kepada negara Islam merangkumi memberi penghormatan kepada pemerintahan iIslam dengan baik dan tidak melakukan pertentangan. Antara ciri ahli Dhimmah yang dinyatakan dalam al-Quran melibatkan pembayaran jizyah . Ia bukan satu penghinaan ekapda penganut

<sup>295</sup> Pembahagian yang diberikan dalam hal adalah berdasarkan konsep pemerintahan atau kenegaraan Islam, ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu kafir zimmi dan Kafir harbi

<sup>296</sup> Rujuk kepada Tauhid dalam ayat al Quran (14;4) dan pembawa ajaran Tauhid yang memoengaruhi ketiga-tiga agama ini adalah Nabi Ibrahim seperti ayat al-Quran (Mumtahanah 60:4). Menurut al Razi dalam pentafsiran ayat 14;4, ajaran yang dibawa oleh semua nabi tidak akan berbeza dari sudut prinsip (Al-Razi, Ibid (3):h.254. .

bukan Islam namun ia adalah sebagai satu tanda sumbangan tanggungjawab kepada negara yang memberi tempat tinggal. Seperti yang dijelaskan dalam firman Allah:

قَتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَن يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٢٩﴾

Surah al-Tawbah (9);29297

29. perangilah orang-orang Yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat, dan mereka pula tidak mengharamkan apa Yang telah diharamkan oleh Allah dan RasulNya, dan tidak beragama Dengan ugama Yang benar, Iaitu dari orang-orang Yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar "Jizyah" Dengan keadaan taat dan merendah diri.

Hak kebebasan beragama seperti firman Allah:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۗ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۚ فَمَن يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾

Surah al Baqarah (2);256

256. tidak ada paksaan Dalam agama (Islam), kerana Sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). oleh itu, sesiapa Yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka Sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali ugama) Yang teguh Yang tidak akan putus. dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui<sup>298</sup>.

<sup>297</sup> . Tambahan lagi, menurut ibn Qayyim apabila mereka tidak diwajibkan berperang walaupun duduk dalam sebuah negara Islam. Kewajipan berperang adalah bagi Muslim sahaja (Ibrahim, Ibid, h. 262).

<sup>298</sup> Perkataan "La Ikraha" diulas dalam banyak keadaan. Menurut al-Qurtubi ada pandangan yang mengatakan ayat ini dimansuh dengan ayat lain berdasarkan peristiwa yang diceritakan oleh sulayman Ibn Musa mengatakan ayat ini dimansuh kerana buktinya Rasulullah s,aw, telah memaksa pagan Arab peluk Islam ,memerangi mereka dan menilak apa sahaja daripada pagan kecuali pengakuan beriman dengan Islam. Namun ada pandangan yang menafikan mansuhnya ayat ini . merunut al Qurtubi dengan merujuk peristiwa Bani Salim bin Afw yang telah memaksa anaknya yang Kristian untuk memeluk Islam lalu ayat ini dijelaskan. Hal yang sama juga berlaku dalam kisah Umar al Khattab dan Seorang perempuan Kristian

Menurut al-Qaradawi<sup>299</sup> agama Islam sendiri telah menggariskan panduan dan batasan toleransi yang dibenarkan iaitu toleransi melalui sikap tanpa menjejaskan pendirian akidah yang mestilah utuh. Beliau menyatakan bahawa toleransi melalui sikap ini jelas dilihat melalui ayat al-Quran yang menyatakan sikap terhadap tempat ibadat agama lain seperti firman Allah:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقْتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا ۖ وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ  
 ﴿٣٩﴾ الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَنْ يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ  
 وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُمْ بِبَعْضٍ لَفَسَدَتِ السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ  
 وَمَنْ فِيهِنَّ ۚ وَلَكِنَّ اللَّهَ عَظِيمٌ ذَا بَأْسٍ ۚ وَاللَّهُ كَثِيرٌ مَعْلُومٌ ۚ وَلْيَنْصُرَنَّ اللَّهُ  
 مَن يَنْصُرُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾

surah al Hajj (22);39-40

Tua . Umar menyuruh agar perempuan tersebut memeluk Islam lalu perempuan itu menjawab saya perempuan tua dan kematian menghampiri saya. Lalu Umar bacakan ayat ini dan tinggalkan perempuan tersebut.

\ Berdasarkan pentafsiran di atas, pengkaji sebagai seorang awam hanya memahami bahawa ayat ini tidak menafikan perlunya urusan dakwah dimulakan namun ia menegaskan berkaitan tiadanya pengulangan dakwaan yang akhirnya membawa kepada pemaksaan menganut ajaran Islam. Kajian juga mendapati bahawa ayat ini ditujukan dalam konteks kebebasan kepada mereka yang belum lagi memeluk Islam namun bagi mereka yang telah memeluk Islam, kebebasan beragama adalah tertakluk kepada panduan Islam iaitu Islam agama yang sebenar. Buktinya wujud hukum-hukum yang dijatuhkan kepada mereka yang murtad dan hukum ini berasaskan dalil al-Quran seperti firman Allah (Al Baqarah 2;217) dan hadith-hadith yang berkaitan .Tertakluk kepada syarat dan definisi murtad yang disahkan mengikut para ulama’.

<sup>299</sup> Yusuf al-Qaradawi *Golongan Bukan Islam dalam Masyarakat Islam*, Terj, Asril Ibrahim, ( Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1999), 16-17.

Bermaksud: diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) Yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana Sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan Sesungguhnya Allah amat berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan).(39). Iaitu mereka Yang diusir dari kampung halamannya Dengan tidak berdasarkan sebarang alasan Yang benar, (Mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: "Tuhan Kami ialah Allah". dan kalau Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya Yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) Yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya dan Sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa Yang menolong ugamanya (ugama Islam); Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa(40).<sup>300</sup>

Dalam ayat di atas, orang Islam seperti yang ditegaskan mestilah berjuang untuk memepertahankan masjid-masjid, biara-biara, gereja dan tempat sembahyang agama lain. Namun wujud peringatan kepada Islam dalam berhadapan dengan ahli Kitab. Allah mengingatkan wujudnya ahli-Kitab yang benar-benar baik dan ikhlas namun wujud juga mereka yang sebenarnya berpura-pura dalam penyaksian keEsaan Allah dan ajaran Tauhid dan membawa kepada penyekutuan Tuhan<sup>301</sup>. Begitu juga peringatan ke atas ketaksuban mereka.

Dalam erti kata lain al- Quran turun menjelaskan bahawa barang siapa yang bersikap ta'asub dan monopoli nabi-nabi tertentu dengan dakwaan eksklusif bahawa nabi tersebut hanyalah milik kaum mereka, maka dakwaan eksklusif itu adalah sia sia dan salah kerana Allah menjelaskan bahawa semua nabi membawa agama yang sama dan satu iaitu Islam <sup>302</sup>. Malah Islam mengajak Yahudi dan Nasrani supaya sentiasa kekal di atas jalan Allah dan memberi contoh kepada agan agar mempercayai Tuhan Yane Esa . Hal

---

<sup>301</sup> Surah Ali Imran(3) 113-115

<sup>302</sup> Surah Ali, Imran (3):84.

ini selaras dengan suruha Allah kepada Yahudi , Nasrani dan Islam agar mencari titik temu “kalimatun sawa” . Seperti dalam firman Allah:

قُلْ يٰٓأَهْلَ ٱلْكِتٰبِ تَعٰلَوْٓا۟ اِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَآءٍ بَيْنِنَا وَبَيْنَكُمْ اِلَّا نَعْبُدُ اِلَّا  
اَللهَ وَلَا ذُشْرِكَ بِهِۦ شَيْءًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا اَرْبَابًا مِّنْ دُوْنِ اَللهِ  
فَاِنْ تَوَلَّوْٓا۟ فَقُوْلُوْٓا۟ اَشْهَدُوْٓا۟ بِاَنَّا مُسْلِمُوْنَ ﴿٦٤﴾

Surah Ali Imran (3):64

64. Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai ahli kitab, marilah kepada satu kalimah Yang bersamaan antara Kami Dengan kamu, Iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengannya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian Yang lain untuk dijadikan orang-orang Yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah". kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka Katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu Bahawa Sesungguhnya Kami adalah orang-orang Islam".

### iii. Hubungan dengan *Polytheism* (Musyrikin)

Al-Quran menjelaskan bahawa dalam hubungan dengan Musyrikin iaitu mereka yang mengingkari dan menyekutukan Tuhan dengan selainnya maka Islam tidak akan berkompromi kerana dilihat bertentangan dengan prinsip umum hubungan di antara manusia dan prinsip asas agama Ibrahim. Musyrikin ini merangkumi yang wujud dalam dikalangan pagan, dan bukan pagan termasuk di kalangan Yahudi dan Nasrani. Panduan al-Quran yang menceritakan panduan untuk berhadapan dengan musyrikin adalah lebih tegas. Ini juga membuktikan bahwa syirik adalah larangan besar dalam ajaran islam dan mestilah diperbetulkan. Tambahan lagi sikap dan tentangan pihak Musyrikin Makkah pada waktu itu yang lebih keras dan agresif sehingga memberi ancaman bunuh kepada para nabi dan rasul . Antara ciri-ciri *musyrikin* yang ditentang adalah mereka berpaling dari kepercayaan Tuhan sepenuhnya, mereka mengingkari Tuhan, mengkhianati nabi dan mengkhianati Janji seperti dalam firman Allah:



ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلِ مِّنَ النَّاسِ  
وَبَاءُ وَبِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَلِكُمْ بِأَنَّهُمْ كَانُوا  
يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقِّ ذَلِكُمْ بِمَا عَصَوْا  
وَكَانُوا يُعْتَدُونَ ﴿١١٢﴾

Surah Ali Imran (3):112

112. mereka ditimpakan kehinaan (dari Segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali Dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia. dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari Segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah (perintah-perintahNya), dan mereka membunuh Nabi-nabi Dengan tiada alasan Yang benar. semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa mencerobohi (hukum-hukum Allah).

Maka seruan Islam adalah penegasan Tauhid seperti firman Allah

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ  
الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

Surah Ali Imran (3); 85

Bermaksud 85. dan sesiapa Yang mencari ugama selain ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang Yang rugi.

Selain garis panduan utama dalam hal toleransi ini telah dibentuk dengan lebih khusus oleh Nabi Muhammad s.a.w dalam pembentukan Piagam Madinah<sup>303</sup>. Fokus utama dalam Piagam Madinah adalah bertindak untuk menjelaskan hak-hak Muslim dan bukan Muslim yang hidup dalam satu negara yang sama. Secara asasnya, terdapat persamaan yang boleh menandakan kerelevanan pelaksanaan piagam Madinah di Malaysia khususnya persamaan dari sudut warganegara yang terdiri dari latar belakang agama yang berbeza dan pelbagai. Dalam perjanjian ini, semua penganut agama-agama

<sup>303</sup> Rujuk Lampiran E.

hendaklah menerima, menghormati dan mematuhi Islam dan sistemnya sebagai agama dan sistem yang rasmi. Hak-hak terhadap agama-agama lain diberi selagi mana mereka mengakui asas perpaduan ini. Hal ini turut diteruskan lagi oleh para khalifah seperti yang dilakukan oleh Khalifah Umar al-Khattab dengan penduduk di Jerusalem melalui “Piagam Aelia<sup>304</sup>” (kerana Jerusalem pada waktu itu turut dikenali sebagai Aelia). Dan usaha-usaha yang dilakukan oleh pemerintah-pemerintah Islam yang lain seperti khalifah- khalifah Umawi (Sepanyol) dan seumpamanya.

Berdasarkan penjelasan di atas, hubungan toleransi agama dalam konteks interaksi hormat dengan agama lain mempunyai panduan yang jelas dalam Islam sama ada melalui prinsip dan pendekatan. Apa yang lebih jelas, hormat dan toleransi diberikan dalam semua perkara dalam urusan kehidupan selagi mana ia tidak bercanggah atau ditafsirkan jauh dari ajaran Tauhid Islam yang mengatakan Allah adalah Tuhan Esa dan Nabi Muhammad adalah pesuruhNya. Dalam konteks perbezaan Tawhi ia mesti ditegur dan diperbentulkan namun masih secara toleransi sama ada secara dialog dengan hikmah, tanpa cercaan dan seumpamanya namun tidak membawa kepada pengakuan akidah yang salah. Ini selaras dengan ayat al-Quran al Kafirun “ *Lakum dinukum waliyadin*” yang diambil kira apabila usaha dakwah telah dilaksanakan.

- Toleransi agama dalam konteks ajaran dan sejarah Kristian

Dalam konteks Kristian, ajaran toleransi agama disandarkan kepada beberapa ayat utama khususnya di dalam Matthew dan dilihat bermula dari berbagai-bagai sejarah. Kajian membahagikan perbincangan hubungan Kristian dengan others. Dalam konteks Kristian, *others* ini membawa maksud orang yang tidak sama dengan penganut Kristian.<sup>305</sup> Kajian

---

<sup>304</sup> Rujuk Lampiran F.

<sup>305</sup> Chilton menjelaskan bahawa ayat ini diturunkan ketika Jesus berhadapan dengan ancaman kaisar Rom yang memberi ancaman bunuh kepadanya. Malah pemerintah Rom juga mengenakan cukai ke atas pengikut Jesus. Namun dari sudut lain, ayat ini juga menunjukkan pengorbanan Jesus yang dalam bertolak ansur yang mana berakhir di tiang salib (Chilton, B, “Tolerance and Controversy in Classical Christianity”;

ini membahagikan kepada tiga bahagian iaitu (i) Hubungan Kristian dengan Para Penentang (*the Persecutors*). (ii) Kristian dengan agama di luar gereja (iii) Hubungan Kristian dengan agama lain.

i. Toleransi dengan Penentang (Toleransi dengan Syahid (Martyrdom)).

Dalam konteks penentang, antara contoh utama yang sering dijelaskan dalam perbincangan Kristian dengan penentang agamanya adalah dalam konteks hubungan Kristian dan pemerintahan Rom yang menindas Kristian. Hasil dari penindasan ini akhirnya Jesus mengeluarkan ajaran Love merangkumi cintai musuh (love your enemy) termasuk *persecutors* penganiaya walaupun mempunyai tahap toleransi yang berbeza antara *neighbor* dan *enemy*. Hal ini dijelaskan dalam ayat :

5:37 "But let your `Yes' be `Yes,' and your `No,' `No.' For whatever is more than these is from the evil one. 5:38 "You have heard that it was said, `An eye for an eye and a tooth for a tooth.' 5:39 "But I tell you not to resist an evil person. But whoever slaps you on your right cheek, turn the other to him also.5:40 "If anyone wants to sue you and take away your tunic, let him have [your] cloak also.5:41 "And whoever compels you to go one mile, go with him two.5:42 "Give to him who asks you, and from him who wants to borrow from you do not turn away.5:43 "You have heard that it was said, `You shall love your neighbor and hate your enemy.'5:44" But I say to you, love your enemies, bless those who curse you, do good to those who hate you, and pray for those who spitefully use you and persecute you,5:45"that you may be sons of your Father in heaven; for He makes His sun rise on the evil and on the good, and sends rain on the just and on the unjust.5:46 "For if you love those who love you, what reward have you? Do not even the tax collectors do the same?5:47 "And if you greet your brethren only, what do you do more [than others]? Do not even the tax collectors do so?5:48 "Therefore you shall be perfect, just as your Father in heaven is perfect

Matthew 5:38-48<sup>306</sup>

Ayat ini merupakan suruhan dari Jesus untuk berbuat baik pada orang sekeliling (Others) sekalipun mereka tidak berbuat baik dengan Kita. Dalam erti kata lain, Jesus menunjukkan bahawa kejahatan juga perlu dibalas dengan kebaikan dalam konteks kamu

---

The Gospel According to Matthew and Justin Martyr". Dalam Jacob Neuser & Chilton, B, *Religious Tolerance in World Religions*, Pennsylvania: Templeton Press., Ibid., 135).

<sup>306</sup> Rujuk Luke 6: 27-36.

menyayangi musuh. Ayat ini secara konsepnya merupakan satu ajaran Yesus dalam berhadapan dengan pihak yang suka melakukan kekerasan seperti yang dilakukan dalam pemerintahan Rom ketika itu<sup>307</sup>.Kejahatan perlu dibalas dengan kebaikan sekalipun akan mengorbankan diri sendiri sekurang-kurangnya ia dapat memberi keadilan atau tidak akan menyakiti orang lain (*Others*).

Walaupun bagaimanapun, ayat di atas bukan sekadar penceritaan pengalaman Yesus, namun ia merupakan suruhan dari Yesus kepada pengikutnya yang dijelaskan dalam ayat seterusnya:

16:24 Then Jesus said to His disciples, "If anyone desires to come after Me, let him deny himself, and take up his cross, and follow Me. 16:25 "For whoever desires to save his life will lose it, but whoever loses his life for My sake will find it. 16:26 "For what profit is it to a man if he gains the whole world, and loses his own soul? Or what will a man give in exchange for his soul? 16:27 "For the Son of Man will come in the glory of His Father with His angels, and then He will reward each according to his works.

Matthew 16:24-16:27

Berdasarkan ayat ini suruhan Yesus adalah mempertahankan ajaran ini dengan sebab yang sama walaupun membawa kepada kematian. Bertolak dari ajaran ini, hal yang sama juga berlaku dengan Justin. Melalui *Apology 3-14*, Justin menceritakan kesusahannya menghadapi pemerintah pada waktu tersebut. Lalu Justin tetap mempertahankan ajaran Yesus dengan membuat pertikaian hujah-hujah logik kepada pemerintah Rom seperti kenyataan beliau kepada persoalan yang mempertikaikan Yesus sebagai Tuhan yang turun menjadi manusia, disalibkan dan hidup kembali sebagai satu kepercayaan jahil (*foolishness*). Lalu Justin menjawab bahawa hanya aabila keimanan dan kepercayaan ini dipercayai dalam hidup seseorang maka ia tidak lagi menjadi kepercayaan yang *foolishness* dan akan bertukar kepada kekuasaan Tuhan. Malah Justin menjelaskan

---

<sup>307</sup> Seperti yang telah dijelaskan dalam bab 2, perkataan *Tolerare* ini mula digunakan dalam pemerintahan Rom yang menggambarkan sikap tolak ansur kepada pemerintah Rom. Pemerintah Rom meletakkan syarat bagi penerima sesuatu agama di negerinya iaitu mestilah agama yang selaras dengan prinsip Rom, ekonomi dan perundangan. *Religious Licita* hanya akan diterima dengan syarat ini iaitu meletakkan pemerintah sebagai wakil Tuhan dan hal ini bercanggah dengan ajaran Kristian yang beriman bahawa Yesus adalah wakil Tuha. Sehingga satu tahap paderi Kristian terus dibunuh dan gereja diancam.

bahawa banyak percubaan rasional untuk menjelaskan “*impossibility*” ini akhirnya mengurangkan dakwaan Jesus sebagai Tuhan<sup>308</sup> dan akhirnya dan beliau juga terkorban.

Menurut Chilton<sup>309</sup> perbincangan konsep toleransi agama di dalam ajaran Kristian di lihat kepada penceritaan dalam Matthew kerana diterima oleh semua dominasi dan *Holy Bible* Matthew merupakan kitab yang paling banyak menceritakan hubungan sosial sama ada hubungan di dalam sebuah komuniti atau hubungan dengan mereka di luar komuniti. Selain Matthew, ajaran dan penceritaan Bapa Gereja (*The Father of Churches*) seperti Justin Mrytrm juga boleh dijadikan asas dalam penjelasan konsep toleransi dalam konteks ajaran Kristian. Justin seorang ahli falsafah Kristian yang hidup pada zaman rom. Berusaha untuk menerima atau bertoleransi dengan pemerintah rom namun akhirnya tidak berjaya sehingga beliau mati (*martyr*). Antara penulisan beliau adalah *Apology* dan *dialogue*.

#### ii. Toleransi Dengan agama di luar gereja

Contoh toleransi juga berlaku dalam kisah Jesus dan Cananite religion iaitu agama-agam di luar *Canaan* pada masa itu seperti yang dijelaskan:

15:21 Then Jesus went out from there and departed to the region of Tyre and Sidon. 15:22 And behold, a woman of Canaan came from that region and cried out to Him, saying, "Have mercy on me, O Lord, Son of David! My daughter is severely demonpossessed." 15:23 He answered her not a word. And His disciples came and urged Him, saying, "Send her away, for she cries out after us." 15:24 But He answered and said, "I was not sent except to the lost sheep of the house of Israel." 15:25 Then she came and worshiped Him, saying, "Lord, help me!" 15:26 But He answered and said, "It is not good to take the children's bread and throw [it] to the little dogs." 15:27 And she said, "Yes, Lord, yet even the little dogs eat the crumbs which fall from their masters' table." 15:28 Then Jesus answered and said to her, "O woman, great [is] your faith! Let it be to you as you desire." And her daughter was healed from that very hour.

Ayat di atas menunjukkan bahawa wujudnya keterbukaan dari pihak Jesus untuk memberi pertolongan terhadap orang di luar gereja. Dalam kajian ini, fokus diberikan

---

<sup>308</sup> Justin I Apology ; 26, Apology 12.

<sup>309</sup> Chilton, B.,(2008), 133-154.

kepada gereja Katolik yang banyak dan Hubungan Kristian dengan penganut di luar gereja.

Dalam hal ini, penganut luar agama yang dimaksudkan oleh gereja Katolik adalah penganut yang berada di luar dari Gereja (*Council*) namun menerima Yesus sebagai petunjuk. Agama katolik percaya bahawa di atas dunia ini wujudnya kepelbagaian agama. Namun Katolik percaya bahawa Tuhan Akan menunjukkan dirinya atau bercakap mengenainya melalui individu yang dipilih (*receptor*). Ini yang dianggap sebagai wahyu yang diturunkan, dan bersama-sama wahyu ini wujudnya tugas *mission* untuk menyampaikan penyaksian itu kepada orang lain. Lalu keselamatan hanya boleh dieproleh melalui gereja Katolik sahaja. Pada abad 21, merupakan kemuncak bagi katolik dalam berhadapan dengan agama dan denominasi yang berbeza. Kesannya berlaku perubahan terhadap kepercayaan rahmat dan petunjuk Tuhan.

Dalam erti kata lain, Vatican II membuka sedikit pemahaman dengan gereja. Wujudnya beberapa dokumen utama dari pihak Katolik dalam membincangkan panduan dan hubungan dengan penganut di luar gereja seperti *The Declaration on church relation to non Christian Religions (Nostra Aetate)*, *The Declaration of Religious Freedom (Dignitatis Humane)*, *Decree of ecumenism (Unitatis Redintegratio)*, *Decree on the Missionary Activity on Church (Ad gentes)*, *Dogmatic Constitution on The Church (Lumen Gentium)*, yang tidak akan dibincangkan dalam kajian ini.

Antara contoh keterbukaan vatican II adalah apabila memberikan takrifan yang luas kepada mereka yang dikatakan selamat. Dalam hal ini Vatican II mengatakan bahawa

“ All human being are called to the new people of God,,For all the nation of the Earth, therefore there ini one people of God since its Draws its citizen from all nation, but kingdom its not earthly character but heavenly. For alla faithfull scattered throughtout the world are in communion with the rest in holy spirit. To this Catholic unity the people of God,which prefigures and promote universal peace all are called, and they belong to it or

are ordered to it in various ways, whether they be Catholic faithful or others who believe in Christ, finally all people everywhere who by the Grace of God are called to salvation”<sup>310</sup>.

Berdasarkan contoh kenyataan “keselamatan” di atas, maka Vatikan II dilihat mula membuka hubungan dan interaksi yang positif dengan penganut di luar Katolik. Kajian mendapati *religious tolerance* dalam konteks ini membawa maksud kebebasan beragama selagi mana di bawah kepercayaan kepada Yesus dan penyaksian ke atasNya. Pandangan ini berbeza dengan kepercayaan “keselamatan” yang dipercayai di zaman awal Katolik yang meletakkan bahawa keselamatan hanya diperolehi melalui gereja “*No salvation outside the Church*”.

Semangat toleransi agama juga dilihat dalam kenyataan Martin Luther dalam menentukan mereka yang memperoleh keselamatan dengan mengatakan bahawa :

“The word of Men can be tolerated and endorsed provided they do not conflict with the Sacred Scripture”<sup>311</sup>

Menurut Sidjabat<sup>312</sup>, toleransi agama dalam hubungan antara agama adalah dalam konsep bukan untuk menentukan agama lain itu salah atau betul. Ini kerana, tiada satu pengukur yang adil bagi mengukur dua agama yang berbeza. Justeru itu, toleransi dalam agama Kristian adalah lebih tepat di bawah konsep bertemu dengan agama lain di dalam pegangan iman mereka dan beritahu mereka apa yang Holy Bible sampaikan kepada manusia. Tiada paksaan ke atas individu bukan Kristian untuk memasuki Kristian kerana hanya Roh Suci (*The Holy Spirit, The God in his self disclosure*) yang boleh memberi kesedaran kepada manusia untuk menerima kewujudan Tuan dan menerima Yesus sebagai penyelamat (*messiah*). Roh Kudus juga sahaja yang berkuasa untuk membantu manusia

---

<sup>310</sup> Reiser, W. Roman “ Catholic Understanding of Religious Tolerance in Modern Time : The Second Vatican Council (Vatican II)”, Dalam *Religious Tolerance in World Religion*, 154-168.

<sup>311</sup> Luther, M., *Luther Reply to King Henry VIII*. Buchaman E.S, (onyt) (New York 1928, h.56).

<sup>312</sup> Sidjabat, Ibid, (1960), 258.

membezakan roh salah dan roh yang betuk. Bertolak dalam kepercayaan ini, semua manusia hidup di bawah rahmat Tuhan.

iii. Hubungan Kristian dengan agama bukan Kristian.

Kajian memberikan contoh penjelasan Vatikan II dalam isu keselamatan (salvation). Ahli bukan Kristian. Vatikan II menjelaskan bahawa salvation adalah memasuki dunia akhirat untuk *union with God*. Dalam hal ini penganut bukan Kristian atau mereka yang tidak berpegang kepada agama sekalipun dapat melaluinya dengan syarat mengamalkan apa yang diajarkan Tuhan dengan betul. Menurutnya

“ All nation are one community and have one origin, because God caused the whole human race dwell to on the wholeface of the earth. They also have one final end, God whose providence, manisfestation of goodness and plans for salvation are extended to all”<sup>313</sup>

Dalam konteks yang terkini, panduan untuk toleransi agama di anatar Kristian dan bukan Kristian telah pun diputuskan oleh Majlis Gereja Sedunia iaitu *Christian Witness to other world faith*. seperti yang dijelaskan dalam Lampiran G.

Walau bagaimanapun dalam pelaksanaan toleransi di atas, limitasi utama adalah tertakluk kepada ajaran asas agama iaitu menyebarkan gospel dan keimanan kepada Tuhan Jesus<sup>314</sup>. Buktinya setiap penganut Kristian mengingati tugas mereka menyebarkan Holy Bible Jesus kepada manusia yang lain. Dalam hal ini, pembinaan interaksi, dialog adalah dapat menjadi satu dari jalan penyebaran. Penyebaran dakwah ini adalah tuntutan ajaran Kristian seperti:

Mark 16:14 Later He appeared to the eleven as they sat at the table; and He rebuked their unbelief and hardness of heart, because they did not believe those who had seen Him after He had risen. 16:15. And He said to them, "Go into all the world and preach the gospel to every creature. 16:16" He who believes and is baptized will be saved; but he who does not believe will be condemned.

Mark 16:5-7

---

<sup>313</sup> The Declaration of Christian to non-Christian dalam Reisser, W.j. Ibid, 156.

<sup>314</sup> Sidjabat, Ibid.



Berdasarkan penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa toleransi agama dalam agama Kristian terbahagi kepada dua bentuk iaitu: Pertama: dalam konteks Apologetik . Dalam erti kata lain bertoleransi dengan nyawa demi mempertahankan agama seperti contoh dari kisah Jesus dalam Matthew dan kisah Justin. Kedua : Toleransi Agama dalam konteks kebebasan beragama yang bertolak dari isu perluasan mereka yang mungkin menerima rahmat Tuhan. Limitasi Toleransi agama adalah ajaran dalam dakwah Kristian seperti yang mula dibincangkan oleh Vartican II, Luther sehingga kini.

### **3.5 Kesimpulan**

Teori Al-Fārūqī menekankan agar kajian agama mestilah bermula dengan memahami data dari agama yang dikaji secara realiti waktu dikaji. Dalam bab ini memberi fokus untuk memahami toleransi agama dalam konteks penerimaan di Malaysia sebagai langkah dalam membentuk keharmonian . Hasilnya, kajian mendapati bahawa dalam konteks Malaysia toleransi agama adalah satu keperluan yang bertujuan untuk meraikan kepelbagaian agama yang diiktiraf. Ini bermaksud, agama Islam dan Kristian di Malaysia menerima wujudnya perbezaan antara agama yang membawa kepada kepelbagaian agama. Pemimpin Islam, Kristian serta penganut agama bersetuju toleransi agama dilaksanakan atas dasar menjaga hubungan baik dan hormat-menghormati. Ini secara tidak langsung menggambarkan kesediaan mereka untuk hidup harmoni. Malah pemimpin agama Muslim dan Kristian serta dan penganut agama-agama juga bersetuju bahawa dengan mematuhi ajaran agama masing-masing semestinya dapat menghasilkan keharmonian di Malaysia.

## **BAB 4: PENDEKATAN TOLERANSI AGAMA MENURUT WAKIL PEMIMPIN AGAMA ISLAM DAN KRISTIAN MALAYSIA**

### **4.1 Pengenalan**

Bab ini bertujuan untuk mengenal pasti pandangan wakil pemimpin agama Islam dan Kristian Malaysia berkaitan pendekatan yang sesuai bagi memupuk toleransi agama. Hasil dari perbincangan bab 2, kajian mendapati bahawa Al-Fārūqī memberi penekanan terhadap pelaksanaan pendekatan fenomenologi dan penilaian meta agama dalam memahami sesuatu data agama. Pelaksanaan dua pendekatan utama ini secara tidak langsung memberi penegasan kepada perlunya wujud interaksi antara agama. Buktinya melalui proses melapor dan mengumpul data, pelaksanaan dialog agama adalah diperlukan, melalui proses penyusunan data pelaksanaan disiplin perbandingan agama pula dijalankan dan ini akhirnya memerlukan proses penilaian data bagi menentukan kesahihan data yang diperolehi.

### **4.2 Pendekatan Memahami Agama**

Al-Fārūqī menekankan keperluan pendekatan fenomenologi agama dalam mengkaji sesuatu agama atau sistem kepercayaan. Menurut Al-Fārūqī, tiga prinsip utama dalam pelaksanaan fenomenologi agama iaitu *epoche*, *emphaty* dan *experience* merupakan sebahagian dari syarat pendekatan fenomenologi agama. Kajian mendapati bahawa tiga syarat ini merupakan asas dalam memahami agama dengan realiti yang sebenar. Ia melibatkan memahami agama dari data semasa yang dikumpul dari informan yang wujud dalam konteks kajian dan turut melibatkan data yang dikumpul secara realiti dari individu agama yang dikaji khususnya dari pakar agama tersebut. Justeru, penerimaan pendekatan memahami agama sebagai cara memupuk toleransi agama, tujuan, syarat

dan cara pelaksanaan pendekatan memahami agama dari kalangan pemimpin Muslim dan Kristian menjadi fokus utama perbincangan ini.

#### **4.2.1 Penerimaan dan tujuan pendekatan memahami agama.**

Kajian mendapati majoriti dari informan Muslim bersetuju bahawa pendekatan memahami agama lain dapat memupuk toleransi agama khususnya dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia. Ini kerana, mereka menyatakan bahawa memahami agama-agama lain ini penting bagi tujuan saling kenal mengenali kepercayaan antara pelbagai masyarakat di Malaysia. Ia juga penting untuk bagi menjayakan keharmonian hidup bermasyarakat namun pendekatan memahami agama ini tertakluk kepada batasan dan syarat tertentu. Selain itu, memahami agama lain ini juga bertujuan untuk mengetahui sensitiviti agama lain agar menjadi panduan pelaksanaan hormat. Mereka berpendapat bahawa sensitiviti ini mestilah yang jelas mempunyai rujukan dari pakar agama dan kitab rujukan mereka. Hal ini ditekankan melalui persetujuan informan Muslim terhadap pendekatan semakan dan pembelajaran berkaitan sesuatu agama dari pakar agama tersebut dan rujukan ke atas kitab suci. Tambahan lagi, informan Muslim juga berpendapat bahawa dengan mengetahui realiti sebenar pandangan penganut sesuatu agama yang dikaji berpandukan pakar dan penganut ini, secara tidak langsung memberi sumbangan kepada kelestarian pelaksanaan dakwah, malah terdapat juga satu pandangan yang menyatakan bahawa memahami agama di kalangan pengkaji Muslim ini dapat meningkatkan dan menguatkan iman pengkaji Muslim terhadap ajaran Islam itu sendiri. Penjelasan persetujuan dan tujuan ini dapat dilihat dengan lebih terperinci dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.1: Pandangan penerimaan pendekatan memahami agama menurut informan Muslim**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Penerimaan Pendekatan Memahami Agama Lain	Setuju – Tujuan Mengenali Agama dan kepercayaan sesama masyarakat Malaysia	Kalau kita nak mendalami agama Kristian agama Yahudi dan sebagainya. Kita wajib tahu dulu agama kita. Kalau kita nak mencari dan memahami cara perniagaan agama Yahudi Nasrani dan sebagainya.	M1
		Sari segi pendedahan tentang agama-agama lain untuk kenal itu penting tapi ada syaratnya	M3
		ita umat islam di Malaysia dianggarkan dalam 60 peratus dan selebihnya itu adalah non-muslim. Jadi Di sini perlu untuk kita saling memahami, kristian perlu memahami islam dan begitu juga sebaliknya.	M4
	Setuju-Kenal pasti Sensitiviti	Kalau faham agama maka sensitiviti kita tahu. Cth kalau orang tahu al-Quranitu adalah kitab yang suci bagi umat Islam dan difahami oleh orang bukan Islam. Maka dia tidak bolehlah tidak menghormati walau dia tak beriman dengan dia tetapi dia tak bolehlah nak ambil campak, bakar ke dan sebagainya, nak buat, nak pijak ke sebagainya. Tidak boleh. Begitu juga kita. Kita tidak boleh juga nak bakar tokong dia	M1
		Memahami agama seperlunya penting kerana sama ada secara individu atau kolektif sewajibnya tahu sempadan dalam hubungan kita dengan penganut agam lain.	M5
	Setuju-Tujuan Dakwah	Sepatutnya kita kata itu agama jalan kebenaran. You pilihlah yang mana you rasa akan bawa jalan kebenaran pilihlah yang tu. Tapi kalau you pilih yang ni lah jalan kebenaran ikutlah yang ini. Asasnya ikut	M2

		kepada dalil dan hujah. Dalam surah naba'.kita akan di himpun oleh Tuhan kita, di situ Tuhan akan nyatakan mana yang benar mana yang tidak benar. Jadi sebelum tu you pergilah cari.	
		Boleh bagi Pengkaji special group adalah di university, para pengkaji, pakar-pakar agama, atau mana-mana pihak yang tertarik dengan bidang ini, mereka ini satu kelompok yang kecil. Jadi pada pandangan saya mereka ini tidak ada masalah. Contohnya juga, kita ingin mengetahui tentang agama kristian dan merujuk kepada paderi, bagi saya ianya tidak menjadi masalah, bahkan saya rasa paderi tersebut turut akan focus kepada kita.	M4
	Setuju-Menambah Kekuatan dan Kefahaman Agama terhadap agama sendiri.	bagi saya jika kita nak memahami agama mereka, apa salahnya jika kita menjemput mereka. Bagi saya, the more we read about their religion the more kita yakin tentang islam. Tidak ada hebatnya agama mereka	M6
	Setuju-penjelasan terhadap agama sendiri	Kalau kita tengok, kita ni bercakap lebih sahaja. Kalau kita tengok kita dituntut berilah penjelasan kebenaran kepada mereka " <i>bil hikmah</i> " dengan bijaksana. Tetapi sebenarnya tak ada pun usaha dibuat. Baca kitab banyak tak dak pun. Cuba fahamkan apa yang Islam ajar dengan contoh teladan yang baik	M2

**Sumber : Temu bual informan Muslim**

Walau bagaimanapun terdapat seorang dari informan Muslim yang tidak bersetuju dengan pendekatan memahami agama lain sebagai salah satu asas dalam pelaksanaan toleransi agama kerana beliau berpandangan bahawa menganggap toleransi agama boleh

berjalan dengan hanya memahami dan menjaga agama yang dianuti sahaja. Hal ini dijelaskan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.2: Pandangan Penolakan pendekatan memahami agama**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Penerimaan Pendekatan Memahami Agama Lain	Tidak setuju kerana Islam telah menyatakan ayat "Lakum dīnukum wālīyādīn"  " Bagi ku agama ku bagi kamu agama kamu :	Kenapa perlu untuk kita faham mereka kerana dengan faham dan amalkan apa yang diajarkan dalam Islam sendiri cukup untuk kita tahu batasan dan bagaimana nak laksanakan toleransi agama. Kita tak perlu tahu dan sibuk urusan agama lain dan agama lain tak perlu tahu dan sibuk dengan urusan agama kita. " Bagi ku agama ku dan bagi kamu agama kamu".	M2
		Jadi sekarang ni, saya dah nampak sebenarnya, kita nak memahami agama orang lain tidaklah perlu sangat. Kalau kita ajar pulak kan, orang kata kita nak promote agama kita dan sebaliknya	M2

**Sumber: Temu bual informan M2**

Dalam konteks Kristian, semua informan Kristian menyatakan persetujuan bahawa pendekatan memahami agama merupakan satu elemen penting dalam proses pembentukan pelaksanaan toleransi agama. Mereka menjelaskan bahawa memahami agama ini bertujuan untuk membina rasa hormat dan menolak sangka buruk, mengenali agama lain secara tepat menurut realiti dan ia juga tidak dinafikan sebagai satu medium dakwah Kristian. Pandangan ini dirinci kan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.3: Penerimaan pendekatan Memahami Agama menurut informan Kristian**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Penerimaan Pendekatan Memahami Agama Lain	Setuju- untuk mengenali agama lain dengan	if I would teach course of Islam some of seminary teach. We always ask them to bring the Muslim to teach. Then he	K1

	penjelasan yang tepat	can correct you. Because you need a muslim expert. To able teach them.	
	Setuju: Memahami agama untuk membuat mengetahui agama-agama.	when I learn in seminary, we have comparative religion. We do book study. I ask can I go to visit mosque and temple? Because, for me let them tell you what they believe, the you can compare, and experience.	<b>K1</b>
		First step , understanding world religious, lets learn from other people apa kepercayaan mereka. Apakah ajaran yang mustahak untuk mereka. Jadi kalau kita ada understanding kita boleh lebih hidup harmoni antara satu sama lain.	<b>K2</b>
	Setuju- kewajiban bagi pemimpin agama Kristian.	sekarang saya paderi. Sebelum jadi paderi saya kena belajar 8 tahun. Jadi dalam kurikulum kita, kita ada philosophy of Islam, Hinduism, Buddhism, Confucianism, Taoisme, ia compulsory.	K2
	Setuju- membina toleransi agama , mengurangkan salah faham dan prejudis dan membina hormat	Yes of course yes religious tolerance can be achieved by understanding other religions	K3
		We like a student know a little bit about other religion, the believe, and so on. So by understanding more others religion,less misunderstanding, less confusion, hopefully with that unnecessary conflict. So in that sense, by knowing the religion better, maybe in a way tolerate. Is not tolerate , it's a respect. Means don't say the wrong thing about others.	K4
		Bagi pengajar agama dalam agama Kristian, we also believe dan mengetahui agama laian sememangnya	K5

		sangat penting untuk membina hormat kerana of course they have some contribution	
		Sama juga saya mengambil pendapat muslim di sana dalam isu yang dikaji. It takes one step more real not just an idea	K5

**Sumber : Temu bual informan Kristian**

Berdasarkan dari pandangan –di atas, menunjukkan bahawa majoriti informan Muslim dan Kristian Malaysia bersetuju dengan pendekatan memahami agama lain sebagai proses pembinaan toleransi agama khususnya dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia. Mereka mempunyai persamaan pandangan berkaitan tujuan pendekatan memahami agama seperti membina rasa hormat, menjauhi prejudis dan mengurangkan kekeliruan dan sangka buruk ini. Melalui persamaan tujuan ini, kajian merumuskan bahawa wujudnya kesedaran dan kesediaan untuk hidup harmoni di kalangan pemimpin agama Islam dan Kristian Malaysia.

**4.2.2 Pengalaman memahami agama lain.**

Dalam konteks pengalaman memahami agama lain, kajian mendapati terdapat berbagai-bagai cara yang telah dilalui oleh wakil pemimpin agama Islam dan Kristian Malaysia sama ada secara langsung (seperti melalui temu bual, dialog , ziarah rumah ibadah , pemerhatian lapangan) atau secara tidak langsung ( melalui sumber rujukan, teks dan pandangan dari individu bukan dari penganut agama itu sendiri) atau secara rasmi melalui sistem pendidikan.

Bagi informan Muslim, majoriti dari informan Muslim berpengalaman memahami agama lain secara langsung dan tidak langsung. Dalam konteks sumber kajian, majoriti informan Muslim memahami agama lain dari sumber dan rujukan dari sumber Islam dan pengkaji Muslim. Walau bagaimanapun, dalam konteks kehidupan terutamanya di



alam pekerjaan, semua informan Muslim terlibat dalam berurusan dengan isu dan penyelesaian masalah dalam hubungan antara agama menurut konteks Islam bukan dari penganut agama tersebut. Pengalaman informan Muslim ini dirinci kan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.4: Pandangan pengalaman dalam memahami agama lain menurut informan Muslim**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Pengalaman Memahami Agama	Memahami agama Secara langsung dengan penganut agama yang dikaji	Saya belajar sebahagian daripadanya, saya mendengar dari mereka sendiri, ini apabila sudah diperingkat sarjana dan ke atas. Pandangan dan perbincangan maka itu juga memberi dan menyebabkan saya boleh buat perbandingan apa yang saya belajar dengan realiti yang ada..	M1
		Perkara ni sebenarnya boleh difahami dengan interaksi masyarakat sahaja. Contoh, saya ni dibesarkan dalam kelompok masyarakat berbilang kaum, maknanya bergaul dengan pelbagai. Dia orang cina, dia bergaul dengan india dan Melayu dan dia belajar di sekolah kebangsaan. Maka saya dah biasa dah bila makan minum saya sebut alahamdulillah. Dan mereka pun dah biasa dengar dan terikut. Kadang orang bukan Islam ni tanya saya “ boleh ke saya bukan Islam ni ikut sama sebut Alhamdulillah?.adakah dengan sebab saya sebut Alhamdulillah saya boleh dituduh menghina agama Islam. Saya dah biasa dari kecil lagi bergaul dgn orang Melayu”. Jadi saya rasa situasi ini juga tunjukkan kalau kita tengok dasar pendidikan negara yang dibuat oleh orang dahulu berjaya dilaksanakan.	M2
		Saya sendiri terlibat dalam perbincangan bersama ketua-	M5

		ketua agama lain yang dianjurkan oleh IKIM. Jadi saya dah biasa.	
	Tidak secara langsung dengan penganut	Oleh sebab saya lulusan usuluddin dan saya belajar di peringkat ijazah pertama iaitu “tārīkh adyān”, lepas tu Muqāranah adyān. Jadi saya ada mempelajari agama ini secara formal baik Yahudi , Nasrani, Hindu ke Buddha dan sebagainya. Tapi secara teori	M1
		Melalui bacaan perlu jika tidak kita juga tidak dapat menjelaskan apa yang perlu dari Islam itu sendiri.	M2
		Melalui pergaulan dan bacaan maka kita dapat faham bahawa mereka juga ada batasan.	M3
		Melalui bacaan, teks , dan perbincangan ulama .	M4,M6

**Sumber: Temu bual informan Muslim**

Dalam konteks pengalaman memahami agama lain dikalangan wakil informan Kristian, majoriti dari informan Kristian telah melalui dan menyertai kelas atau program yang bertujuan untuk memahami agama –agama lain. Program dan kelas pemahaman ini melibatkan pakar atau wakil dari penganut agama tersebut. Namun mereka tidak menafikan untuk melihat sumber kajian Kristian sendiri berdasarkan kerangka teologi Kristian dan panduan *Christian Witness to other Religion* yang dikeluarkan oleh World Christian Council dalam berhubungan dengan penganut agama lain. Pandangan-pandangan ini dirincikan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.5: Pandangan Pengalaman memahami agama lain menurut informan Kristian**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Pengalaman Memahami Agama	Secara langsung dengan penganut	I think the way to help people to not just to know without experiencing in the heart and mind, that whats the live lah. Last time, when I sit in university, we use to do work do a three weeks stay with the kampung folk. Thing those who went and stay	K1

		with the kampung folk, would have caught in essence of islam. Just like staying in the kampung folk. Because religion in kampung is part of life. Really. Morning prayer, afternoon prayer, evening prayer, bight prayer, khutbah, subuh, kuliah so part of life. 3 weeks sana you think they did not learn anything ka.	
		I went to the mosque on Friday when I am under jkmpka. Every time I suppose visit the mosque, temple. This time we visit wilayah mosque, and have lawatan sambil belajar. So we are giving briefing, step by step instruction. When you entered a mosque, how your dressing, take out the shoes. Then our member of majlis who are muslim they show us how they pray and show us the step and they give explanation.	K1
		Because something I learn when I am in oversea, I went to synagogue, then I go to six temple 10 hours, from morning to evening, makan sana, hear the prayer, where the scarf, sit, cover the head then I write my paper and the research book.	K1
		Islam penganut Islam ajar. Buddha , Buddhist ajar. Kalau Islam, Kasim Ahmad. Dia ajar saya mengenai falsafah Islam sebab di Penang, ramai daripada mereka yang datang mengajar dari USM.	K2
		My experience also through difference sources. Some I go through from Christian perspective , some by muslim. In library I also got book written by Buddhist Monk, about Muslim.We also read Quran and Hadih . So we try to hear what are other religions say about their own faith.	K4
		I always focus on sosio data, experiencing from their sources. For example, last time some student in my class doing about ahli tilik. I ask them to write on history of certain tample. And they go to the temple. Event for my master I go three	K4

		temple untuk memahami perkembangan.	
		I am learn both sources text and the people from that religion. As for my Ph.D, I'm doinf sociology method. Need to go for interview and survey. I done interview muslim people there which is they are minority, hear their perception and I always done this way of learning religion in Malaysia with my student	K5
	Tidak secara langsung dengan penganut	Okay. My limitation, at the moment understanding, I still reading book about Islam. Im reading from Christian writers. A little, once a while I read from the muslim perspectives but I difficulty to understand the Arabic. Because the language. I wish I will have chance to really understand religion from their perspective. To overcome that partly, is to visit the place to see it myself.	K3
	Bermula di peringkat awal	Bermula dari awal, sekarang susah semuanya hantar anak ke sekolah agama masing-masing . Dua-dua agama pun sama. I always ask my child if they have friends from other religion and ethnic, and they said yes 1 and 2.. so okaylah. At least they can understand.	K1

**Sumber: Temu bual informan Kristian**

Berdasarkan pandangan di atas,, kajian merumuskan bahawa kesediaan untuk memahami agama lain ini merupakan kesan dan kesedaran yang bertolak dari pengalaman memahami agama lain yang telah pun dilalui oleh setiap wakil pemimpin agama itu sendiri.

**4.2.3 Cadangan Pelaksanaan kaedah untuk memahami agama.**

Dalam konteks pelaksanaan pendekatan memahami agama lain, wakil informan Muslim bersetuju ia boleh dilakukan oleh penganut Islam melalui beberapa cara iaitu memahami agama melalui pemerhatian budaya dan tata cara hidup mereka seharian dan dialog

kehidupan, memahami agama lain melalui semakan pakar, memahami agama lain melalui kajian terhadap agama tersebut namun semuanya mestilah dinilai semula mengikut kerangka dan kefahaman terhadap akidah Islam. Penekanan yang diberikan dalam memahami agama lain adalah menjelaskan perbezaan antara agama agar limitasi dan sensitiviti yang bertolak dari perbezaan tadi dihormati. Cadangan ini dirincikan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.6: Cadangan pelaksanaan memahami agama-agama menurut informan Muslim**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Perlaksanaan Memahami agama	Memahami agama-agama lain melalui pembacaan dan semakan dari pakar	Kalau secara tak mendalam mungkin dia boleh baca dan dia faham. Tapi kita mesti belajar kepada orang yang pakar. Tidak mesti dari agama tersebut kerana terdapat juga pakar dalam sesuatu agama bukan dari agama tersebut.	M1
	Memahami melalui Observasi Budaya	...tetapi kita harus memahami tabiat, nature dan budaya orang itu. Kerana budaya inilah yang selalunya mendatangkan toleransi.	M1
	Memahami agama lain secara perbandingan	kita bukan belajar kristian, kita hanya belajar tentang perbandingan, hal ini perlu untuk kita faham dengan betul. Jika kita belajar kristian, ia sudah menjadi official, walaupun di peringkat universiti. Kita juga tidak boleh benarkan hanya fokus kepada subjek agama kristian tanpa mendalami agama lain.	M4
	Hanya untuk golongan tertentu	Namun tak mungkin kita nak bagi semua orang belajar ilmu-ilmu ini dengan penganut. kerana pertamanya faktor masa, sebagainya dan pengkhususan yang ada sekarang ini. tiada siapa yang mengambil syariah nak pergi belajar buddha secara mendalam misalnya tak mungkin kita nak bagi semua orang belajar ilmu-ilmu.	M1
		Saya sebutkan tadi, tidak semua kita mesti mengetahui. Tapi kita semua mesti menghormati. Kita tanamkan hormat-menghormati itu lebih dari mengetahui.	M1
		setakat ini kita tidak benarkan kepada orang awam belajar secara langsung kerana itu adalah salah satu diayah.	M3

		Tidak dibenarkan untuk awam tak sesuai.	M4
		Untuk special group, akademik boleh, . Saya kira untuk orang awam ianya tidak perlu. Lagipun undang-undang kita telah menetapkan yang tidak dibenarkan penyebaran agama-agama lain. Jika kita berada di negar bukan islam sekalipun, penyebaran agama islam secara terbuka turut tidak dibenarkan kerana agama rasmi Negara mereka bukanlah agama Islam.	M4
		Dalam konteks akademik, pada pandangan saya ia hanya boleh diajar pada peringkat Universiti, paling kurang peringkat diploma. Ini untuk akademik perbandingan agama kerana ianya suatu perkara yang serius	M4
	Formal Sistem Pendidikan	Kita nak mempelajari semua maklumat yang ada di dalam agama ini secara formal mungkin agak sukar bagi orang ramai. Ada orang yang mengkhusus dan mempunyai kepakaran dan sebagainya, Maka dia ada peluang dan kemampuan. Tidak semua orang mempunyai kemampuan untuk kaji Kristian, Hindu Budha,	M1
		Susah kerana mereka pun memahami agama kita atas kehendak masing-masing,atas kehendak sendiri tiada paksaan.	M2
		Kita perlu bezakan antara suatu perkara yang official dalam negara seperti 1 sememangnya tidak dibenarkan. Kemudian yang non-official kita perlu lihat kepada dua pembahagian pula.Pertama untuk masyarakat awam dan yang kedua untuk special group	M3
		Tetapi jika untuk pendekatan agama bagi melahirkan keharmonian, ini dapat kita buat secara praktikal, keterbukaan, membersih tanggapan dan kerjasama antara agama.Saya rasa ini boleh didedahkan diperingkat awal, seperti diperingkat menengah lagi.	M4

**Sumber: Temu bual informan Muslim**

Dalam konteks Kristian, informan Kristian turut menjelaskan bahawa memahami agama lain ini dapat kesediaan penganut agama untuk memberi ruang dan perhatian

kepada agama lain untuk hidup bersama. Informan K2 turut menjelaskan bahawa pendekatan ini boleh terlaksana melalui pengajaran subjek “ pengenalan agama dunia” di setiap institusi atau dalam sistem pendidikan malah ia lebih baik dari pengajaran moral. Selain itu, menurut K1 dan K3 ia juga boleh dilakukan melalui observasi terhadap cara hidup agama lain dan program ziarah rumah ibadah yang mana secara tidak langsung memberi peluang kepada pengkaji agama tersebut untuk membuat perbandingan antara agama yang dianuti dengan agama lain. Bagi melaksanakan hal ini di Malaysia, maka informan Kristian berpendapat bahawa dasar pintu terbuka (*open door policy*) perlu dijadikan asas dalam memberi ruang kepada setiap agama di Malaysia menjelaskan agama-masing sama ada di media, atau di tempat awam bagi memudahkan proses memahami agama berjalan dengan lancar. Pengkajian secara sosiologi dengan meninjau sosio agama yang dikaji khususnya fokus kepada kehendak penganut agama itu sendiri juga penting bagi mengelakkan pandangan yang bersifat eksklusif semata mata ( dari pihak atas agama sahaja) tanpa melihat kehendak penganut dan bagi membersihkan prejudis terhadap agama yang sama-sama wujud dalam sebuah negara. Dua pendekatan ini adalah satu keperluan kerana dalam konteks masyarakat majmuk, pemahaman agama untuk membina toleransi agama perlu dipandang dalam konteks ilmu yang menyeluruh (*epistemic humility*) bukan secara pra sangka dan tertakluk di bawah pandangan kelompok tertentu. Dalam hal ini, fokus hendaklah diberikan bagi mencari persamaan antara agama. Ini kerana sekiranya perbezaann yang dijelaskan atau ditonjolkan maka toleransi sukar untuk dilaksanakan. Pandangan-pandangan ini dirincikn dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.7: Cadangan Pelaksanaan Memahami Agama Lain menurut informan Kristian**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Cadangan Pelaksanaan	Ilmu World Religion	saya memang bangga dengan gereja Katolik di Kuala Lumpur.	K2

		<p>Lebih kurang 20 tahun dahulu, kita memulakan satu program yang dipanggil understanding world religion. Which means dalam setiap gereja mengadakan satu program selama 8 minggu, sekali satu minggu, di mana satu orang dari setiap agama akan dijemput untuk to teach us about other religions. That means one week , we will invite, one Buddhist monk to come and tell us what they believe. Why they do this thing. And the end we ask question. 1 week Buddhist, 1 week hindu, Islam, Bahai,Sikh, Taon confusion last week we have own discussion. For 20 years we are doing this for teach all people and need them know othe people faith and not to judge them. t we get the person from a person from their religion. We have gone through all the churches. Open to our people congregation. Bukan hanya untuk paderi sahaja. We have been going systematically.</p>	
		<p>Probably I would say that we not have module on religious tolerance. But we have the courses of world religion. So on the courses on world religion we will try to understand the different on religion. So in the sense, it not say about tolerance, but understand in different religion. In Christianity. There have teaching on tolerance.</p>	K3
		<p>I think Two way because in this Christian seminary, so went we study of God, theology and the teaching on respect, men's are created by god, all about love, so student will learn there. That carry tolerance.</p>	K4
		<p>For example, in our world religion class, we visit and bring the student to visit indian temple, budhhist muslim, went to wilayah mosque, and we have a</p>	K4



		short discussion. Yes we do that is part of our curriculum	
	Memahami agama melalui pendekatan sosiologi.	Bagi saya sosiologi awam satu tool yang bagus dalam memahami agama lain. We cannot get a value free thing tapi kita boleh bercakap nilai yang sama-sama seperti truth, justice, hope.	K5
	Sistem Pendidikan Formal	Pada pendapat saya konsep yang sama boleh dilakukan di suatu tempat. For example: dulu masa saya sekolah. Ada kelas POL iaitu People Own Language. Kelas Bahasa Sendiri. Apabila ada kelas agama, India akan pergi kelas bahasa Tamil, cina kelas bahasa china. Mengapa kia tidak boleh bawa konsep ini pada kelas kita sekarang. Apabila ada kelas agama, Kristian you pergi kelas agama Kristian, hindu pergi kelas hindu, china pergi ke kelas buddha atau konfius. Kenapa tidak boleh amalkan ini.	K2
		dalam bidang akademik no problem. Tetapi apa yang diperlukan sekarang adalah grassroots.	K2
		From non Muslim perspective, some us was also concern. If curriculum of different religion were in text book written in the fair manner, to teach wrongly .It is not a good thing. To be fair, different religion , to respect the religion to understand their religion from their perspective.	K3
		No objection, but we cant cover everything, they still have to go and search .	K4
	Polisi pintu terbuka (open door policy)	School curriculum, radio and the all religious bodies or group should have open door policy. For example: we go to church do they welcome you to come in? do they welcome you to explain? . I meant that kind of servis. I would encourage people to visit one other more.	K3

		<i>Ideally</i> should be everywhere. Should be on tv also, should be placed where different religion have slot to explain to others. What are they doing. Like know hat about baptism. I just want to see muslim pray, but when I go there and they say oo tak boleh masuk.	K3&k4
	Building Epistemic Humilty	Ya, got fair and same chance . Modern problem is epistemic certainty like Descartes. Nak dengar pendapat dia sahaja (alone). Apa yang saya rasa dalam konteks Malaysia, tidak boleh kerana majmuk. Apa yang perlu adalah menghubungkan kepelbagaian dan berfikir dengan menyeluruh atau apa yg saya kata sebagai epestemic humility	K5

**Sumber: Data Temu bual bersama informan Kristian Malaysia.**

Berdasarkan penjelasan di atas, kajian merumuskan bahawa informan Muslim membenarkan pendekatan memahami agama ini dikalangan Muslim namun ia terbahagi kepada dua bentuk pemahaman iaitu memahami cara hidup dan memahami kepercayaan. Hal ini dirumuskan dari pandangan majoriti informan Muslim yang menyatakan bahawa memahami agama lain ini cukup dengan bergaul dan berurusan dalam urusan seharian. Namun dalam kontes memahami kepercayaan sesuatu agama lain atau memahami agama lain dengan lebih terperinci, semua informan Muslim meletakkan syarat sebagai panduan dan limitasi proses memahami iaitu terbatas kepada peringkat umur dan tahap pendidikan tertentu. Seperti yang diungkap di dalam jadual iaitu tidak bermula kecuali telah memasuki pengajian di univeristi, atau ia mestilah dibenarkan kepada golongan pengkaji dalam bidang yang mana telah mengikuti latihan dan mempelajari disiplin perbandingan agama menurut panduang Islam dari awal dan mempunyai pengetahuan dan kefahaman akidah Islam yang lebih tinggi.

Bagi pandangan informan Kristian, kajian mendapati bahawa kefahaman terhadap agama, kepercayaan, cara kehidupan sesuatu agama dan penganut agama boleh sahaja dilakukan di setiap peringkat umur. Sebahagian mereka mencadangkan secara rasmi dan sistematik . Namun, majoriti dari informan Kristian memberi fokus kepada pelaksanaan kajian secara sosio yang mengambil kira pandangan semua penganut agama agar data dari sebuah agama dapat difahami menurut konteks agama dan penganut agama itu sendiri.

#### 4.2.4. Syarat Pelaksanaan Pendekatan Memahami Agama.

Kajian mendapati bahawa informan Muslim meletakkan syarat utama yang perlu dipatuhi oleh Muslim dalam memahami agama-agama iaitu mestilah memahami agama Islam terlebih dahulu merangkumi pengetahuan terhadap akidah, akhlak dan syariah. Wakil informan Muslim tidak bersetuju sekiranya pendekatan memahami agama lain di ajar melalui sistem pendidikan yang formal kepada semua peringkat umur kerana dua perkara iaitu kematangan umur pelajar dan latar belakang pendidikan pelajar tersebut. Hal ini turut diberi penegasan dengan wujudnya beberapa cadangan syarat dari pihak informan Muslim bagi individu Muslim yang bersedia untuk memahami agama lain. Syarat ini dirinci kan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.8: Syarat pelaksanaan pendekatan memahami agama lain menurut informan Muslim**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Syarat Memahami Agama Lain	Faham agama sendiri dahulu	Kalau sayalah , Islam tu dah jelas dalam al-Quran, apa yang kamu amal untuk kamu, apa yang kami amal untuk kami. Maka kamu jangan kacau hak kami dan kami tidak akan kacau hak kamu. Apa yang dari dulu sampai sekarang buatlah hak kamu dan jangan sentuh hak orang lain. Sepatutnya tak sentuh, kalau tidak sentuh aman.. Masyarakat kat bawah bukan senang nak fahaminya. Implikasinya banyak. Jadi cara yang	M2

		terbaik adalah dia dengan agama dia dan kita dengan agama kita. Patutnya dia patuhlah apa yang agama dia ajar dan kita pun sama fahamlah agama kita dan patuhlah apa yang diajar dalam agama kita ni.	
		Faham agama sendiri itu adalah perlu. Jika asas itu kuat, kita kkuatiri takut-takut kita pun terpengaruh sekali kerana takut-takut orang-orang nya pun lebih mempengaruhi daripada kita. Tapi dari segi pendedahan tentang agama-agama lain itu penting...	M3
		Semuanya hendaklah sudah memahami Islam dengan sempurna	M5
		Bagi saya , kalau kamu nak memahami bible, tidak ada salahnya tetapi kamu hendaklah sudah memahami Islam dengan baik. Kalau kita lihat kalau ada dalam realiti kita dapat lihat yang memeluk islam itu datangnya dari paderi-paderi dan sebagainya. Maknanya mereka faham agama mereka dan ianya menimbulkan kekeliruan kepada mereka tentang agama mereka dan mereka memeluk islam.	M6
		saya ada menganjurkan program iaitu <i>peace and sustainability</i> di mana semua penganut Buddha dari Thailand dan beberapa buah negara datang untuk mendengar kita memberi penerangan tentang Islam. Bagi saya kita sendiri yang tidak melengkapkan masyarakat Islam dengan kefahaman Islam.	M6

**Sumber: Temu bual informan Muslim**

Bagi informan Kristian, kajian mendapati bahawa syarat yang diberikan adalah lebih umum. Malah data temu bual menunjukkan bahawa informan Kristian bersetuju bahawa memahami agama lain perlulah bermula seawal umur pendidikan yang diperoleh. Walau bagaimanapun, informan Kristian telah meletakkan beberapa syarat utama yang dijadikan syarat dasar dalam memahami adalah kesediaan berdialog dan berinteraksi serta kesediaan untuk mendengar tanpa prejudis. Hal ini dirinci kan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.9: Syarat pelaksanaan pendekatan memahami agama lain menurut wakil pemimpin agama Kristian Malaysia.**


TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Syarat Memahami Agama Lain	As Young as Posibble	as young as possible. Because the younger you go its better. When you wait university, the mind is wet up sudah bias, so susah . So when they are young, so fair exposure, so they will understand respect, but it is not easy	K4
	Able to concern	After we understand, we must go beyond understanding. For me, we also able to share our concern. For example,in Malaysia context, Kristian must have right and able to shre their concern about it.	K5
	Honest to hear	Some inside christianity, to be honest scholars, mereka guna understanding tapi hakikatnya mereka discriminate and cerca agama lain. talk bad. saya disagree, i dont like . Moga tidak juga berlaku dari agama lain	K5

**Sumber: Temu bual bersama informan Kristian Malaysia.**

Kajian mendapati bahawa persetujuan antara wakil pemimpin agama Islam dan Kristian terhadap pendekatan memahami agama adalah berdasarkan hujah dan keperluan yang tertentu. Persamaan pandangan informan Muslim dan Kristian jelas dalam menyatakan persetujuan agar memahami agama tersebut hendaklah dari konteks agama itu sendiri. Namun wujud perbezaan dalam menyatakan justifikasi individu dari konteks agama itu sendiri. Buktinya, bagi informan Muslim individu itu mestilah dari pakar agama yang dikaji namun ia tidak semestinya dari penganut agama itu sendiri. Manakala bagi informan Kristian individu dari konteks agama sendiri adalah pakar dari agama itu sendiri khasnya dari penganut agama yang dikaji.

Persamaan pandangan antara informan Muslim dan Kristian juga berlaku dalam menyatakan tujuan pendekatan memahami agama ini adalah sebagai satu proses persediaan untuk menyebarkan dakwah agama masing-masing. Tujuan ini menjadi asas penegasan mereka untuk mengetahui data dan pemahaman agama dalam konteks realiti atau tempat yang dikaji. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan wujudnya perbezaan pandangan antara informan Muslim dan Kristian Malaysia dalam aspek syarat bagi pelaksanaan pendekatan ini. Hal ini dijelaskan dalam rajah di bawah.

**Rajah 4.1: Perbezaan syarat Memahami Agama di antara Wakil Pemimpin Muslim dan Kristian Malaysia.**



Sumber: Analisis Temu bual bersama Informan Muslim dan Kristian Malaysia.

Berdasarkan rajah di atas, perbezaan syarat utama antara wakil pemimpin agama Islam dan Kristian adalah pada syarat yang melibatkan dua perkara iaitu syarat ke atas kelayakan pendidikan individu yang terlibat dalam pendekatan ini dan syarat bagi kelayakan umur. Dalam konteks syarat, informan Muslim cenderung kepada penentuan syarat layak memahami agama lain bergantung pada umur pengkaji agama dan tahap pemahaman pengkaji terhadap agama Islam. Justeru, memahami agama lain disyaratkan untuk dilaksanakan pada peringkat kajian ilmu yang lebih tinggi walau bagaimanapun dalam memahami budaya kaum lain ia boleh dilakukan dari aspek dialog kehidupan


seharian. Manakala menurut informan Kristian ia boleh dilakukan seawal usia yang mungkin. Dari konteks pelaksanaan, semua informan bersetuju melalui ilmu pengenalan agama-agama sama ada secara langsung dalam pendidikan rasmi atau secara tidak langsung.

Bagi mengukuhkan lagi kesesuaian pendekatan memahami agama sebagai cara memupuk toleransi agama di Malaysia, kajian turut meninjau dokumen laporan toleransi beragama yang melaporkan data dari penganut agama. Laporan memberi fokus kepada dapatan penganut berkaitan kesediaan, pengalaman dan tingkah laku penganut agama dalam memahami agama lain, pandangan mereka terhadap keperluan pendidikan agama di sekolah dalam membentuk toleransi agama dan meninjau pandangan mereka terhadap keperluan untuk mempelajari dan memahami ajaran agama lain sebagai kayu ukur menjelaskan tahap toleransi penganut.

Pandangan wakil pemimpin agama Islam dan Kristian yang menyatakan bahawa pendekatan memahami agama lain adalah asas dalam toleransi agama dilihat tidak dipersetujui sepenuhnya oleh penganut agama. Ini kerana wujudnya dua bentuk kaedah memahami agama lain yang diulas oleh penganut. Pertama: memahami agama lain secara pendidikan formal. Kedua, memahami agama lain melalui dialog kehidupan. Bagi memahami agama lain secara sistem pendidikan formal, kajian mendapati bahawa laporan ini merumuskan bahawa kebanyakan responden tidak bersedia dan tidak menganggap mempelajari agama lain secara modul rasmi ini satu kepentingan di Malaysia. Dalam erti kata lain, wujudnya sikap tidak ambil tahu terhadap ajaran agama yang dianuti oleh orang lain. Ia dilihat melalui keseimbangan peratusan menunjukkan hanya 38.15 % responden sahaja yang bersetuju bahawa ajaran agama lain juga perlu dipelajari selain daripada mempelajari agama yang dianuti. Sebanyak 31.33 % pula responden yang tidak bersetuju dengan usaha mempelajari agama lain dan 30.2% s

responden menyatakan tidak pasti<sup>315</sup>. Walau bagaimanapun, pemahaman agama lain secara tidak formal ternyata telah berlaku di kalangan penganut agama khususnya melalui pergaulan seharian dan media massa. Buktinya, laporan menyatakan bahawa majoriti responden iaitu 81.1 % mengetahui mengenai ajaran agama lain melalui pergaulan seharian, 55.4 % responden mengetahui kepercayaan agama lain melalui media massa dan 54.2 % responden mengetahui amalan agama melalui media<sup>316</sup>. Ini menunjukkan bahawa corak kehidupan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang pelbagai ini secara tidak langsung memberi pendedahan berkaitan sistem amalan dan kepercayaan sesuatu agama lain. Walau bagaimanapun laporan menjelaskan bahawa majoriti penganut bersetuju untuk mengetahui dan memahami ajaran agama lain tanpa perlu campur tangan dalam hal ehwal kepercayaan dan agama tersebut. Pandangan Pemimpin agama Islam, Kristian dan penganut terhadap penkeatan memahami agama sebagai usaha pelaksanaan toleransi agama di Malaysia diringkaskan dalam di bawah.

### Network View: Perbandingan Pendekatan Memahami Agama menurut wakil pemimpin agama Islam, Kristian dan penganut Agama



Sumber : Analisis Data Kajian

<sup>315</sup> Laporan Toleransi Sosio Agama (2006), 83

<sup>316</sup> Ibid, h.107-108.



Berdasarkan penjelasan di atas, pendekatan memahami agama sesuai dijalankan bagi memupuk toleransi namun ia perlu menghormati syarat dan tujuan yang ditetapkan oleh pakar dan rujukan agama yang dikaji. Malah apa yang perlu difikirkan di Malaysia, adalah mekanisme yang sesuai untuk memahami agama lain. Melalui temu bual bersama 2 orang ahli akademik, terdapat beberapa permasalahan yang dilontarkan berkaitan kesesuaian wujudnya modul atau silibus memahami agama secara formal atau rasmi di sekolah. Menurut Professor Ulung Datuk Dr Syamsul Amri Baharudin<sup>317</sup>, pengajaran subjek untuk memahami agama lain sebagai satu subjek atau modul dalam pendidikan pra sekolah adalah tidak relevan dan kerana kekangan waktu persekolahan yang pendek<sup>318</sup>. Adalah lebih baik jika diajarkan nilai-nilai sahaja untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, menurut Prof Madya Dr Sarjit Singh Darshan Singh<sup>319</sup>, modul ini adalah penting dan hanya perlu diusahakan. Ia boleh dijadikan modul bersama atau tambahan semasa pengajian moral atau yang berkaitan untuk Muslim.

Kajian mendapati bahawa semua pakar agama mempunyai pengalaman dalam mempelajari agama selain yang dianuti dan mereka terlibat secara langsung dalam proses memupuk toleransi. Walau bagaimanapun dalam konteks penganut agama, laporan merumuskan bahawa semua responden mempunyai pemahaman agama sendiri yang tinggi namun tahap pemahaman agama lain adalah rendah. Selaras dengan hal ini kajian merumuskan bahawa dalam pendekatan memahami agama, pelaksanaan dialog kehidupan atau sosial adalah cara yang disepakati oleh banyak pihak. Rumusan ini dibuat dengan merujuk kepada cadangan pemimpin agama dan penganut agama dalam

---

<sup>317</sup>. Temu bual bersama Prof Ulung Datuk Dr Syamsul Amri Baharuddin, (Pegawai di Institut Kajian Etnik (KITA,UKM), Temu bual pada 25 Februari 2014 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

<sup>319</sup> Temu bual bersama Prof Madya Dr Sarjit Singh Darshan Singh, (Ahli Penyelidik Kajian Toleransi sosio agama), pada 11 September 2014 di Fakulti Ekologi Universiti Putra Malaysia (UPM).

berinteraksi dengan agama lain seperti merayakan perayaan agama, menziarahi jiran yang sakit walaupun berlainan agama dan membuat lawatan ke rumah-rumah ibadah.

Kajian tidak menolak kemungkinan bahawa wujudnya salah faham antara perkara yang di toleransi di kalangan penganut agama dan wakil pemimpin agama kerana tidak memahami limitasi toleransi agama. Dalam erti kata lain, adakah benar apa yang dilakukan oleh penganut itu satu usaha toleransi yang turut diiktiraf oleh penganut agama lain. Sebagai contoh, dalam membuat ucapan Hari Natal, timbulnya salah faham di kalangan masyarakat Malaysia berkaitan pengharaman untuk masyarakat Muslim mengucapkan selamat hari natal kepada penganut Kristian. Sekiranya penganut Muslim dan Kristian memahami sejarah Natal dalam agama Kristian dan sebab larangan tersebut dengan jelas maka pertikaian tidak sepatutnya berlaku selagi mana hak untuk merayakan hari natal di kalangan penganut Kristian tidak dihalang. Contoh ini sekaligus menjelaskan bahawa, dapatan analisis laporan yang merumuskan bahawa tahap toleransi agama dikalangan penganut agama adalah tinggi<sup>320</sup> berkemungkinan dilakukan mengikut pandangan penganut itu sendiri tanpa panduan yang disepakati semua agama di Malaysia.

#### **4.3 Pendekatan Dialog Agama**

Kajian mendapati pendekatan fenomenologi yang dicadangkan oleh al-Fārūqī yang meletakkan keperluan mendapatkan maklumat daripada individu dan kepakaran dari agama yang dikaji membuktikan secara langsung keperluan kepada pelaksanaan dialog agama. Melalui temu bual yang dijalankan, kajian mendapati bahawa pendekatan dialog agama juga diletakkan sebagai pendekatan toleransi agama menurut wakil pemimpin agama Islam dan Kristian. Penjelasan ini melibatkan beberapa perkara iaitu persetujuan dan tujuan pelaksanaan dialog agama, syarat dan ciri dialog agama dan tema yang sesuai dalam pelaksanaan dialog agama.

---

<sup>320</sup> Ibid, h 64.

### 4.3.1 Penerimaan dan Tujuan Pendekatan Dialog Agama.

Dari temu bual yang dijalankan, kajian mendapati bahawa wujudnya persetujuan di antara informan Muslim dan Kristian terhadap pelaksanaan dialog agama. Bagi informan Muslim, persetujuan berlaku dalam menyatakan pendekatan dialog antara agama dapat dijadikan wadah atau agen untuk memupuk toleransi agama khususnya dalam hubungan Muslim dan Kristian Malaysia. Hal ini selaras dengan tujuan dan matlamat pelaksanaan dialog agama menurut Islam iaitu bertujuan mencari keharmonian antara agama dalam masa yang sama ia juga merupakan satu kepentingan penyebaran dakwah Islam. Penjelasan ini dirincikan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.10: Penerimaan Pendekatan Dialog Agama menurut informan Muslim**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Penerimaan Dialog sebagai pendekatan toleransi agama	Setuju	Ya perlu bagi hidup yang harmoni	M1
		Dialog ini adalah perkara yang disuruh oleh agama, “bermujadalah lah kamu menggunakan cara yang terbaik dengan mereka” , mujadalah ini termasuk dalam dialog.	M4
		Rasulullah sendiri pernah berdialog dengan Nasrani najran kerana hakikatnya Islam memberi peluang interaksi dengan bukan Islam.	M5
Tujuan Dialog	Mencari Keharmonian	Kerana dialog ini bukan tujuannya untuk cari permusuhan. Penyelesaian yang timbul bagi kedua –dua pihak yang berdialog.	M1
		mencari perpaduan di kalangan orang Islam dan orang bukan Islam sudah wujud tetapi kurang usaha dari segi batas dan dari segi aspek apa yang boleh dibincangkan dan apa yg tidak boleh dibincangkan .	M4

	Kepentingan dakwah	Tujuan asalnya kita open adalah supaya kita memahami agama mereka, yang kedua mereka memahami agama kita, yang ketiga sebagai seorang yang beragama Islam memang wajib untuk kita mengajak orang ramai untuk mengenal Islam dan berniat agar yang non-muslim akan turut memeluk islam, ini adalah antara tujuan agama	M4
		Ia perkara yang bagus dalam kerangka kita. Jangan lupa yang official tadi, jangan lupa yang dialog itu adalah dengan tujuan dakwah.	M4

**Sumber: Temu bual informan Muslim**

Dalam konteks Kristian, kajian mendapati bahawa wujudnya persetujuan dalam menyatakan bahawa pendekatan dialog antara agama dapat dijadikan agen untuk memupuk toleransi agama di Malaysia khususnya dalam hubungan Muslim dan Kristian Malaysia. Persetujuan ini dikukuhkan dengan tujuan dan matlamat dialog agama menurut informan Kristian iaitu dialog agama sebagai jalan atau ruang dan peluang untuk berkongsi keprihatinan antara satu sama lain dengan satu tujuan iaitu menghasilkan keharmonian hidup di Malaysia. Penjelasan informan Kristian ini dirincikan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.11: Penerimaan dan Tujuan Dialog Agama menurut Informan Kristian**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Penerimaan dialog memupuk toleransi agama	Setuju	So dialogue are important thing to do lah. because we have different idea sekarang. And we need to dialogue more , and so we can see where muslim come from, hindu comes from, Buddhist come from, it have be a long process.	<b>K1</b>

		Saya rasa dialog kena ada beberapa level (peringkat). Kita ada dialog akademik level. Kita panggil dialog teologi. Kita datang untuk berbahas. It is also dialogue of life. Iaitu dalam kehidupan setiap hari tanpa membicarakan teologi kita. Saya rasa di Malaysia mungkin kita ada dialog teologi tapi masih belum dengan JAKIM dan jabatan lain.	K2
		I think dialog should formal and informal. Everyday life. I think we should cultivate the surrounding is the way people who not be stop interacting one another, people can be very natural way come together, do think together,	
		From perspective of CFM, dialogue amat penting untuk co existence dalam negara yang majmuk dan kepelbagaian agama. Sebagai rakyat Malaysia, contribution dari setiap agama adalah penting untuk membina negara yang modern dan makmur.	K5
	Dialog satu keperluan	because we have different idea sekarang and we need to dialogue more and so we can see where muslim come from, hindu comes from, Buddhist come from, it have be a long process.	K1
		To share the concern	K5
	Peluang untuk memperbetulkan salah faham	Bagi orang tu nak explain sebagai mana dia nak explain.Exactly Jika kita berdialog even untuk berdakwah, saya pun nak duduk dan nak dengar apakah kepercayaanM uslim tentang Jesus atau trinititi. Mungkin mereka dapat tahu dari source yang not accurate . Saya kena dengar dan clarify untuk dengar ada misconception and i ada chance untuk membetulkan. I cannot agree if there is misconception its unfair. In that	K5

		sense i think sociology of religion adalah satu tools yang bagus.	
--	--	---	--

**Sumber: Data Temu bual bersama informan Kristian**

#### **4.3.2 Syarat dan Ciri Dialog Agama**

Kajian mendapati bahawa persetujuan pelaksanaan pendekatan dialog agama dikalangan informan Muslim disandarkan kepada beberapa syarat utama. Antara perkara yang ditekankan oleh setiap informan Muslim adalah dialog antara agama mestilah dijalankan di antara ahlinya . Dalam erti kata lain, ahli dialog mestilah mengikut bidang dan kepakaran agama yang dikaji. Malah dialog juga mestilah dilakukan oleh mereka yang mahir dari sudut praktikal bukan sahaja ilmu,

Pendekatan dialog ini juga tidak boleh melanggar batasan Tauhid Islam dan mestilah mematuhi batasan yang ditetapkan dalam al-Qurandan Hadis. Konsep pelaksanaan dialog pula terbahagi kepada dua sama ada secara *mujadālah* (perdebatan) atau perbincangan. Keduanya mestilah dilakukan mengikut adab dan kesesuaian sasaran dan keadaan. Bagi memastikan keadaan ini maka terdapat pandangan dari wakil informan Muslim yang meletakkan syarat bahawa modul dialog agama mestilah berpandukan kepada ajaran Islam. Selain itu, terdapat juga beberapa syarat etika yang dicadangkan antaranya mestilah adil dan beradab, sedia untuk mendengar dan jujur dalam menjelaskan perbezaann.

Malah sebagai langkah mengekalkan keharmonian antara penganut, sesuatu proses dialog agama yang melibatkan perbincangan penyelesaian sesuatu isu agama haruslah dibuat secara tertutup. Ini kerana mengelakkan salah faham dan kekeliruan di kalangan penganut agama yang berbeza tahap didikan agama masing-masing. Pandangan ini dirincikan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.12: Syarat dan Ciri Dialog Agama menurut Informan Muslim Malaysia**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Syarat Dialog	Perlu berdialog dengan ahlinya dan menjaga batasan Tauhid	kalau dia bukan ahli yang betul kita kena cari baik orang memahami hakikat ilmu dia itu.	M1
		Selalunya yang pakar macam orang yang menguasai bahasa dan ilmu-ilmu yang lain. Maka sekiranya orang kita ada kepakaran boleh.	M2
		saya kira dialog ini suatu perkara yang bagus, jadi tidak kisah akan wakilnya, sebab jika dipanggil mufti sekalipun, belum tentu mufti ini ada idea yang baik dan mungkin tiada kemahiran untuk menyampaikan apatah lagi untuk berdebat. Atau mungkin juga ilmunya tinggi, tapi untuk menyampaikan itu belum tentu dapat, sebab itu perlu dilantik orang yang fasih dalam bidang ini	M4
	Tidak Boleh dalam bidang Teologi	Tapi bagi perkara dan isu pokok tak boleh dialog. Saya tidak setuju dialog teologi.	M1
		Jadi di sini kita boleh berdialog, mereka boleh menjelaskan apa itu trinity dan kita juga boleh menjelaskan perkara yang berkaitan dengan tauhid dan akidah. Dialog tidak ada masalah, tapi jika untuk mengubah dan berkongsi memang tidak boleh. Jika untuk sepakat sesuatu yang baru memang tidak dibenarkan. Hal yang berkaitan dengan akidah memang perlu kita jelaskan yang ia tidak boleh ada persamaan.	M4
		Sekali lagi saya nyatakan, kita ada akidah, kita ada politik, sosial, ekonomi, syariah dan sebagainya. Namun jika dari segi akidah memang tidak ada tolak ansur dari sudut prinsip. Walaubagaimanapun,	M4

		pendekatan untuk berbincang adalah dibenarkan.	
	Modul dari pihak Islam	Walau apapun, pelaksanaan dialogue interfaith ini mestilah mengikut modul kita sendiri, idea itu mestilah dari kita	M4
		Dialog yang dijalankan dikawal dengan garis-garis panduan .	M5
	Adil dan beradab	Sepatutnya dalam kaedah agama kita tadi tasamuh itu kita dialog, berdebat berbincang dalam keadaan sopan santun harmoni tenang.	M2
		Dialog dan toleransi dijalankan dengan baik, adil dan beradab. Keimanan seorang Muslim bahawa Allah menyuruh manusia bersikap adil.	M5
	Perlu sedia untuk mendengar	Bagi saya latar belakang di Malaysia cukup cantik kalau mereka nak buat dialog dengan kita boleh tetapi dengan syarat mereka perlu mendengar.	M5
	Menjelaskan perbezaann	Jika menyalahkan dengan mengikut pandangan kita sememangnya dibolehkan, jangan asyik sama sahaja sebab ia akan menjadi plural, kerana plural ini adalah menyamakan semua agama iaitu menuju Tuhan yang sama. Ini memang tidak boleh kerana dalam surah al-kafirun sudah menjelaskan tentang perbezaann ini.	M4
	Selaras dengan al-QuranHadis	Sesiapapun yang hadir bukanlah suatu yang penting, sebab Islam bukanlah seperti roman katolik. Roman katolik ini terdapat hirarki, ministry hirarki dan sebagainya,yang paling berautoriti dikalangan mereka ialah pope mereka.Apa yang keluar dari pope itu dianggap seperti sabda. Namun kita tidak, tokoh-tokoh agama kita samada mufti atau siapapun, mereka berbicara berdasarkan al-Quran, bukan hanya pendapat sendiri semata, inilah perbezaannnya, Jadi perkara-perkara sebegini diambil kira. Namun saya kira dialog ini suatu perkara yang	M4



		<p>bagus, jadi tidak kisah akan wakilnya, sebab jika dipanggil mufti sekalipun, belum tentu mufti ini ada idea yang baik dan mungkin tiada kemahiran untuk menyampaikan apatah lagi untuk berdebat. Atau mungkin juga ilmunya tinggi, tapi untuk menyampaikan itu belum tentu dapat, sebab itu perlu dilantik orang yang fasih dalam bidang ini. Mungkin ilmunya tidak sedalam mana, tapi kemahiran bercakap itu penting. Apapun, idea yang kamu ketengahkan itu sebenarnya sangat bagus.</p>	
	<p>Perlu secara tertutup untuk selesaikan isu</p>	<p>sebab itu dialog agama kita tak perlu secara terbuka. Kalau nak buat secara tertutup dan meeka yang faham apa isu yang timbul dan boleh tangani bersama. So golongan tertentu sahaja yang boleh terlibat dalam konteks memahami agama itu.</p>	<p>M1</p>
	<p>Perlu ada badan khusus jika tiada kepakaran</p>	<p>dalam konteks kita menjemput atau kita mengadakan dialog dari peringkat agensi agama dengan agama-agama lain setakat ini tidak ada malah di peringkat negeri pun tidak ada badan khusus untuk selaraskan dan kita bergerak dalam enakmen yang sedia ada dan aktiviti-aktiviti kita pun jurus kepada dalam usaha dakwah.</p>	<p>M3</p>
<p>Ciri- ciri dialog</p>	<p>Mujadalah</p>	<p>Dialog ini adalah perkara yang disuruh oleh agama, “bermujadalah lah kamu menggunakan cara yang terbaik dengan mereka” , mujadalah ini termasuk dalam dialog. Ia perkara yang bagus dalam kerangka kita. Jangan lupa yang official tadi, jangan lupa yang dialog itu adalah dengan tujuan dakwah.</p>	

**Sumber : Temu bual Informan Muslim**

Dalam konteks Kristian, kajian mendapati bahawa wujudnya kecenderungan dari informan Kristian untuk mengkategorikan pendekatan dialog agama kepada dua bentuk iaitu dialog tidak formal melalui interaksi sosial dalam kehidupan harian individu beragama dan dialog formal(rasmi) iaitu melalui perbincangan rasmi dan sesi tumbual yang rasmi. Dialog tidak formal merupakan perkara yang dituntut dan ia diatakan akan berlaku secara tidak langsung kerana ia akan memudahkan kelangsungan kehidupan antara contoh ialah terdapat wakil informan Kristian yang menggalakkan anak mereka untuk bersahabat dengan penganut agama lain di sekolah manakala ada juga dikalangan informan Kristian yang menjalankan sesi ziarah ke rumah –rumah ibadah agama di Malaysia.

Selain itu, informan Kristian turut memberi penekanan kepada syarat pelaksanaan dialog agama yang baik adalah melalui proses perbualan yang melibatkan dua orang dan lebih (*two way conversation*). Dalam erti kata lain, informan Kristian menekankan agar wujudnya perbincangan dan ruang penjelasan yang adil semasa sesi dialog. Wakil informan Kristian turut mensyaratkan bahawa kepercayaan terhadap peserta yang terlibat di dalam dialog agama perlu dibina terlebih dahulu. Kajian mendapati syarat ini cuba meletakkan proses memahami agama yang dikaji lebih awal sebelum dialog agama dijalankan. Dalam sudut etika, informan Kristian turut mensyaratkan bahawa dialog agama ini mestilah dilaksanakan dengan kerelaan tanpa paksaan dan ia juga mestilah sentiasa dikawal dan dijalankan selaras dengan pelaksanaan sifat hormat, jujur dan telus. Malah demi menjaga ketelusan dan hormat, terdapat seorang informan Kristian menjelaskan bahawa di dalam proses dialog adalah perlu untuk limitkan penyebaran dakwah. Pandangan ini dirincikan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.13: Syarat dan Ciri Dialog Agama menurut Informan Kristian Malaysia**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Syarat dan cara Dialog	Membina Kepercayaan dahulu	Jadi kalau kita boleh datang bersama, bekerjasama, understand one another. Then we learn to dialog one another	K2
		open friendly, lets talk about background studies. It is important if we go and understand of background. He can be firm. As a muslim this is what I believe but no aggressive. So if we are cool, then I think we can progress, because the angry cannot be angry all the time. And the people were moderate they were be one who will push the agenda the issue and the little progress.	K3
		I think number one, of course historical study is important, historical undersatnding or understanding is important. I think we cannot too euro centric dalam discussion. Maksu daya, of Couse , like John Hick, Rahner, hans Kung kita belajar tapi sebab mereka tidak dalam konteks yang sama.	K5
	Limitkan dakwah dalam dialog	Bila saya dalam dialog saya agak displin kan dakwah saya. Kita kena kenal matlamat tak sama. Apakah perkara untuk understanding that more taht convicning. Sholud be understanding lah baru convince kan. I think challenge untuk kita untuk clear and respect.	K5
	Bincang Isu kehidupan dahulu	But the starting point is life issue. Cth: Dalam konteks dialog Apakah kepercayaan yang menggalakan saya untuk kerja lebih masa, tanggungjawab kepada keluarga. ajaran menjadikan manusia lebih kuat dari lelaki? Ini tak sama dengan nak cakap agama kamu salah, agama kami betul.tak sama,	K5

		macam mana nak dialogu statrting with difference,	
	Melibatkan interaksi dua pihak .	the word dialog is two way , it is not monolog. Dalam konsep kerajaan untuk dialog selalunya monolog. I always cakap, kita tidak boleh guna perkataan dialog sebab etimologi is way discussion. Then yu call it interfaith monolog .	K2
	Tiada paksaan, ada hormat dan jujur	If your heart is clear before what is the problem. Is only when you have motif yang suspect then of course is the problem. If your motif is good, bring Malaysia together, I said join why you worry. Let them say lah because truth will always be stronger and tru than people want to make motif.	K1
		I think in our case, we can discuss anything. BUT we cannot force the our understanding on others.	K3
		Paling Tepat Adalah Bina Hubungan Tanpa Prasangka. Bina Hubungan Berkawan Rapat Dan Sesudah Itu Mula Bincang Dari Hati Ke Hati.Sememangnya Tidak Akan Menghasilkan Apa2 Masalah	K4
		Itu pun perlu diambil dengan niat yang jujur, ikhlas. Sebab banyak orang ini kalau dia berdialog, dia bukan mahu memahami memepelajari tapi mencari perdebatan yang sampai bila pun tidak tahu sapa yang menang sapa yang kalah . Masing masing mahu menang..	K5
	Bincang Perbezaan	Dalam dialog kita kena bincang juga perbezaannya.	K5
	Ruang perkongsian maklumat (sedia untuk didengari	Yes I think so . Again, stress that some must very concern to non muslim perspective.	K3
		Dialog mestilah memberi ruang untuk semua pihak memebri pandangan dan untuk didengari pandangan tersebut	K5

	Dilakukan oleh pakar jika dialog formal	I think dialogu should formal and informal. Dialogue must combine these academicians, but it doesn't go down to grass root.	K4
		Saya rasa dialog kena ada beberapa level (peringkat). Kita ada dialog akademik level. Kita panggil dialog teologi. Kita datang untuk berbahas. It is also dialogue of life. Iaitu dalam kehidupan setiap hari tanpa membicarakan teologi kita. Saya rasa di Malaysia mungkin kita ada dialog teologi tapi masih belum dengan JAKIM dan jabatan lain.	K2
	Dialog perkara yang ada asas persamaan	Cth, So Paul Tillich, dia pernah kata God is the ground of being. God is not being, but God is foundation of being so, maybe dalam Islam kita jumpa Tuhan sumber semua ciptaan. so dalam hal ni maybe kita boleh dialogue lah.	K5
	Perlu dilaksanakan dengan lebih berkesan bukan superficial	I think at the moment is still superficial. It should. But it not working out, I mean, the effect is not really there. I look at social term. Sometimes, changes can be brought about by from the top. The leaders insulted. Some time effect comes to the people. I think probably at the same time, we should encourage the grassroot.	K3

**Sumber: Temu bual informan Kristian**

#### **4.3.3 Tema Dialog Antara Agama**

Dalam konteks kesesuaian tema untuk dijadikan tema dialog agama, maka informan Muslim majoritinya bersetuju dengan tema kehidupan seperti kemiskinan dan hubungan sosial. Hanya segelintir sahaja yang bersetuju jika dibincangkan isu dan aspek teologi. Pandangan ini dirincikan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.14: Tema dalam Dialog Agama menurut Informan Muslim Malaysia**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Tema Dialog	Kehidupan	walaupun dari aspek-aspek tertentu yang penting sekali dalam aspek budaya dan amalan tradisi yang tidak menyentuh aqidah itu sememangnya dibolehkan la ...	M3
		masing masing kena g fahama batasan. Tentang hak agama jangan sentuhlah. Yang kita nak caranya keadilan sosial keadilan masyarakat. Kalau hal agam jangan sentuhlah.	M3
	Teologi	Walaubagaimanapun, pendekatan untuk berbincang adalah dibenarkan untuk tujuan dakwah. Namun jika mereka berkata bahawa mereka tetap percaya kepada trinity dan kita adalah islam, ini adalah berbeza. Jadi di sini kita boleh berdialog, mereka boleh menjelaskan apa itu trinity dan kita juga boleh menjeaskan perkara yang berkaitan dengan tauhid dan akidah. Dialog tidak ada masalah, tapi jika untuk mengubah dan berkongsi memang tidak boleh. Pengkajinya jika untuk sepakat sesuatu yang baru memang tidak dibenarkan. Hal yang berkaitan dengan akidah memang perlu kita jelaskan yang ia tidak boleh ada persamaan.	M4

**Sumber: Temu bual informan Muslim**

Dalam konteks Kristian, kajian mendapati bahawa tiada tema khas atau limitasi tema perbincangan dialog. Malah informan Kristian menyatakan dialog boleh sahaja berkaitan teologi, dengan tujuan untuk menjelaskan perbezaann teologi yang mungkin berlaku antara dua agama yang terlibat dalam dialog agama tersebut. Pandangan ini dirincikan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.15: Tema Dialog Agama menurut Informan Kristian Malaysia**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Tema Dialog	Sosial atau life	work together on life issues, or life dialogue. And what is life dialogue. The poverty, raising praises, the problem of children yang tiada jagaan dari ibu bapa why sebab ibu bapa working like in ppr flat.	K1
		So a lot of us dalam dialogue of life we not discuss theology. Tiap hari kita hanya ckaap mcm mana anak kamu, macam mana kerja kamu. Kita tanya "how are you" dan seumpamanya. So, for me maybe the starting point is not theology, walaupun theology adalah foundation.	K5
	Theological Dialogue	Even doctrinal issues, we can discuss, But at the end of the discussion, I should have better understanding of why the other person disagree with me. But I cannot force the others that you must agree with me, So in the sense, I will say any topic can be discuss.	K3
		So paul tillich, die pernah kata God is the ground a being. God is not being, but God is foundation of being so, maybe dalam Islam kita jumpa Tuhan sumber semua ciptaan. so dalam hal ni maybe kita boleh dialogue lah.	K5
		Dalam konteks theological dialogue, sy guna lebih broad, theological dialogue means dialog theology dan theologian atau dengan ordinary people tapi dengan god atau Allah tuhan mestilah di center. Like what the god means for me.. i think so we can done in malaysia.	K5
	Sosial and doktrin	We able to share our religion. At the same time We cannot ran away from the topic politic, economic, semua tulah especially Malaysis. It is imposible	K5

		Bukan semua orang boleh dialogue mcm ni. maybe some topic its easierst then others. Kalau saya semua topic boleh tapi bukan semua orang saya. Jadi bagi saya maybe kita boleh bincang berkaitan creation dan juga ethics. My approach is what is the question. We have same question but the answers maybe different	K5
Limitasi antara Dialog dan dakwah	Merujuk kepada panduan Kristian	Sekarang kami dah keluarkan Guidline of tolerance, include dialog..boleh check Christian witness on other faith	K1
		Cuba lihat dalam ccm , world ccm emang sudah ada panduan tersebut Christian witness on other faith. Cfm Malaysia cadangkan guidline kepada semua gereja , ikut atau tidak sepatutnya mesti ikut	K5

**Sumber: Temu bual bersama informan Kristian**

Analisis terhadap dapatan informan Muslim dan Kristian mendapati bahawa wujudnya persamaan syarat lain dalam pelaksanaan dialog antara agama khususnya yang menekankan bahawa pelaksanaan dialog agama perlulah dijalankan dengan komunikasi dua hala. Ini bermakna kedua-dua kumpulan informan menegaskan wujudnya dominasi satu pihak dalam berdialog bukanlah ciri dialog agama yang baik dan tidak akan memberikan kesan dalam memupuk toleransi agama. Selain itu, informan Islam dan Kristian turut bersetuju bahawa peserta dialog agama perlulah sedia mendengar. Ini sekali gus menunjukkan kehormatan terhadap wakil agama dalam menjelaskan ajran agama atau respon agama yang dianuti terhadap sesuatu isu. Malah ia menyebabkan kurang timbul salah faham atau bersifat mengurangkan kekeliruan dalam perbincangan sesuatu tema yang ditetapkan. Dalam konteks tema, kedua-dua kumpulan ini bersetuju bahawa tema utama yang sesuai dibincangkan dalam dialog agama awam dan pakar adalah tema kehidupan. Namun dalam tema teologi, majoriti wakil informan Kristian tidak mempunyai halangan untuk dibincangkan dengan tujuan menjelaskan perbezaann namun



dalam konteks informan Muslim, majoriti mereka meletakkan halangan dan sekatan atas tujuan mengelakkan kekeliruan. Ini dianggap sebagai kepatuhan kepada prinsip maqasid syariah yang mengandungi lima tanggungjawab iaitu menjaga agama, akal, harta, nyawa, dan keturunan penganut Islam tersebut.

Kajian meninjau pandangan penganut terhadap hal ini. Laporan menjelaskan bahawa sebanyak 64.47 % responden bersetuju bahawa dialog antara agama adalah satu keperluan dalam pelaksanaan toleransi agama <sup>321</sup>. Majoriti penganut agama-agama bersifat positif dan bersetuju bahawa dialog agama sebagai satu kepentingan dan amalan harian. Namun begitu, kajian mendapati bahawa dialog agama yang dimaksudkan adalah dialog kehidupan . Iaitu yang berlaku dalam aktiviti kehidupan, seperti ziarah harian atau penganut agama lain yang sakit, menghormati rumah ibadah, menghadiri perayaan, menghadiri jemputan majlis perkahwinan, bersahabat dengan penganut agama lain dan menolong penganut agama lain dalam kesusahan. Namun dalam konteks kesediaan dan amalan berbincang isu agama dengan penganut lain, dan kesediaan menerima pemimpin agama dari agama lain purata keseluruhan penganut agama bersifat pasif atau tidak bersedia dengan purata tidak sampai majoriti yang bersetuju. Ini kerana peratusan responden yang memahami ajaran dan amalan penganut agama melalui pendekatan dialog agama adalah rendah iaitu sebanyak 14% dan 11.3%. Hal ini menunjukkan bahawa wujudnya persetujuan dalam pelaksanaan dialog agama sebagai pendekatan yang memupuk toleransi akan tetapi kesediaan untuk berdialog hanya berlaku dikalangan wakil pemimpin agama bukan di kalangan penganut. Perbandingan ini dijelaskan dalam rajah di bawah:

---

<sup>321</sup> Laporan Toleransi Sosio Agama (2006), 157

## **Network View Perbandingan Pendekatan Dialog Antara Agama menurut pemimpin agama Islam, Kristian dan Penganut agama**



### **Sumber: Analisis Data Kajian**

Kajian mendapati bahawa wujud kurang kepercayaan diri di kalangan penganut agama untuk melaksanakan dialog kerana ia berkait dengan peratusan kurang memahami agama lain<sup>322</sup>. Majoriti penganut agama hanya memahami agama sendiri, Dalam konteks dialog agama secara tidak langsung membuktikan wujudnya kepercayaan penganut terhadap wakil pemimpin agama mereka yang dianggap sepatutnya mewakili agama untuk berdialog.

Selaras dengan ini kajian merumuskan bahawa pandangan al-Fārūqī bagi menggunakan pendekatan dialog dalam membina keharmonian umat beragama turut diepersetujui dalam oleh wakil pemimpin agama Islam dan Kristian Malaysia. Terdapat persamaan syarat dalam pelaksanaan dialog agama antara al-Fārūqī dan wakil pemimpin agama Islam dan Kristian di Malaysia khususnya dalam syarat yang memberi penekanan berkaitan etika berdialog merangkumi keikhlasan dan beradab.

<sup>1</sup> Ibid, 136.

#### 4.4 Pendekatan Perbandingan Agama

Menurut al Fārūqī , pendekatan perbandingan agama adalah penting sebagai satu penilaian terhadap data agama yang diperolehi. Al-Fārūqī menyifatkan bahawa para pengkaji agama yang bertindak melaporkan data agama secara mentah tanpa dinilai data tersebut akan menghasilkan data agama yang masih bersifat dogmatik tanpa tujuan. Dari temu bual yang dijalankan, kajian mendapati bahawa perbincangan pendekatan perbandingan agama sebagai wadah pembentuk toleransi agama di kalangan wakil pemimpin agama Islam dan Kristian Malaysia melibatkan penerimaan, tujuan dan syarat pendekatan perbandingan agama.

##### 4.4.1 Penerimaan Pendekatan Perbandingan Agama.

Bagi informan Muslim, matlamat pendekatan perbandingan agama haruslah dijalankan dengan tujuan menjadi proses persiapan dalam pencarian ilmu. Tambahan lagi pendekatan ini penting untuk memberi dan mengenal pasti limitasi dan perbezaan agar toleransi agama yang dijalankan tidak melanggar mana-mana sensitiviti agama. Dalam masa yang sama perbandingan agama ini sekali gus dapat menguatkan lagi iman para ahli perbandingan yang telah menemui sebab dan hujah yang mengukuhkan lagi kebenaran agama Islam. Pandangan ini dirinci kan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.16: Pendekatan Perbandingan agama menurut informan Muslim**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
<b>Pengalaman Ilmu Perbandingan Agama</b>	<b>Ya</b>	Apabila saya pergi pergi ke nagara2 barat. Saya belajar sebahagian daripadanya, saya mendengar dari mereka sendiri. Pandangan dan perbincangan maka itu juga memberi dan saya boleh buat perbandingan apa yang saya belajar dengan realiti yang ada. Kebetulan saya	<b>M1</b>

		mengambil perbandingan agama.	
<b>Setuju dengan tujuan</b>	<b>-Persediaan dalam proses mencari Ilmu</b>	.mempunyai persediaan untuk mempelajari agama itu sebagai mencari ilmu bukan sebagai keinginan nak tukar agama.	<b>M1</b>
	<b>Mengenali agama-agama</b>	Pertama , yang diajar untuk tujuan supaya kita memahami peluang yang saya sebutkan tidak semua orang ada, dan kita mengetahui agama-agama terutama yang kita Islam panggil agama samawi.	<b>M1</b>
		Quran mengajar untuk mengenali satu sama lain, Proses kenal mengenali antara satu sama lain.	<b>M6</b>
	<b>Mengetahui limitasi dan perbezaann</b>	boleh tiada masalah.. dan itu ada perbandingan agama.. itu perlu diajar agar mereka tahu mana yang boleh dan tidak boleh...	<b>M1</b>
		Belajar perbandingan agama boleh tiada masalah.. dan itu ada perbandingan agama.. itu perlu diajar agar mereka tahu mana yang boleh dan tidak boleh...	<b>M3</b>
		Perlu untuk kenali sensitiviti yang perlu dihormati. Namu ia lebih kepada kelompok tertentu yang kaji agama	<b>M4</b>
	<b>Mempertahankan akidah dan menguatkan iman</b>	Sebab tujuan utama kita adalah mencari kebenaran. Jadi dalam islam tujuan utama melakukan perbandingan adalah menguatkan iman agar kita boleh menguatkan bahwa hak kita ni benar.	<b>M2</b>
		Kalau diperingkat kolej ke atas barulah boleh dengan tujuan untuk mempertahankan akidah kita .	<b>M2</b>
		Perlu tahu selepas memahami agama bagi mengukuhkan lagi fahaman	<b>M3</b>

		Jika kita banding tiada apa pun yang perlu dirisaukan malah ia lebih menguatkan iman kita dalam Islam. Namun perlu selepas ada kefahaman yang kuat terhadap Islam	<b>M4</b>
--	--	---	-----------

**Sumber: Temubual informan Muslim**

Berdasarkan jadual di atas, wakil pemimpin agama Islam bersepakat bahawa perbandingan agama adalah peringkat tinggi dalam proses kenal mengenal antara agama. Ini bermaksud, pendekatan ini memerlukan pemahaman yang kuat terhadap agama Islam terlebih dahulu dan sekaligus dengan itu maka ia akan menjadi panduan dalam menjawab persolan agama lain sehingga boleh menambahkan kekuatan iman bagi pengkaji agama Muslim tersebut.

Dalam konteks Kristian, kajian mendapati informan Kristian turut berpengalaman dalam pengajian dan penggunaan ilmu perbandingan agama bagi berhadapan dengan isu dan kewujudan pelbagai agama di dunia sama ada secara langsung iaitu melalui disiplin ilmu perbandingan agama di dalam pengajian dan majoriti dari mereka melalui cara yang tidak langsung khususnya melalui kelas pengenalan agama-agama yang memerlukan perbandingan data agama terlaksana dengan sendiri. Pengalaman ini menimbulkan beberapa kategori pandangan dari informan Kristian terhadap penggunaan pendekatan ilmu perbandingan agama sebagai cara untuk memupuk toleransi agama di Malaysia. Majoriti dari informan Kristian bersetuju dengan pendekatan perbandingan agama. Walaubagaimanapun ia selalunya terjadi secara tidak langsung semasa dalam proses pencarian penjelasan agama-agama yang di kaji serta dalam proses penilaian agama mengikut kerangka teologi Kristian di sesebuah seminari.

Namun begitu, terdapat seorang informan Kristian yang tidak setuju dengan alasan ilmu perbandingan agama ini bukan sahaja tidak dapat membawa toleransi namun ia membawa kepada kesan yang lebih besar iaitu pengasingan diri atau pemencilan diri

(*isolation*) dari berinteraksi dengan penganut agama –agama lain akibat menyadari kesalahan dalam agama tersebut. Walaubagaimanapun kajian mendapati wujud penegasan dari informan Kristian 1 dan 5 bahawa perbezaann pandangan ini bergantung kepada latar belakang pusat latihan teologi yang diikuti oleh wakil pemimpin agama tersebut kerana tidak dinafikan terdapat pusat latihan pengajian teologi yang bergerak lebih eksklusif dengan membawa idea Karl Rahner, ada yang lebih bersifat pemabaharuan (*reform*) mengikut idea Bart dan Tillich dan semuanya bergantung kepada isu dan pandangan kontekstual yang mereka hadapi.

Selain itu, terdapat beberapa tujuan utama ilmu perbandingan agama yang dinyatakan oleh informan Kristian iaitu bertujuan untuk menguatkan akidah dan bagi mengetahui persamaan dan perbezaann antara agama. Maka tujuan yang dicadangkan ini jelas menunjukkan bahwa majoriti dari informan Kristian tidak menyebelahi pandangan John Hick dalam berhadapan dengan kepelbagaian agama. Dalam erti kata lain , semua informan Kristian yang ditemu bual tidak bersetuju dalam menyatakan semua agama sama-sama benar. Pandangan ini dirincikan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.17: Penerimaan dan Tujuan Pendekatan Perbandingan Agama menurut informan Kristian**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Pengalaman Ilmu Perbandingan Agama	Perbandingan dalam kelas ilmu pengenalan agama	I also have a subject world religion..but we do not do comparative secara dalam kursus.	K1
		I pernah buat dan memang belajar. Tapi in our church we have world religiou class, not comparative religion class. In last week we concluded wit Christian teaching	K2
		we are not doing this .we don't have course title comparative religion. We just course introduce world religious. So they are compare automatically. Then as at	K3

		teacher of course tell them, so by doing that we are teaching comparative.	
		Sekurang-kurangnya untuk mengurangkan tension yang tinggi di semenanjung adalah memiliki sikap keterbukaan menerima seadanya orang lain. Maksudnya cari persamaan. dalam hal perbezaann boleh bincang tetapi dengan hati yang ikhlas	<b>K4</b>
	<b>Tidak secara rasmi</b>	Some one say, even we don't compare but mind automatically compare.	<b>K3</b>
		secara umum gereja , sebenarnya kita tidak ada istilah .kami hanya fokus kepada pengajaran kristian sahaja. Percaya kepada Tuhan itu. Kecuali ada kes-kes tertentu di mana ada berlakunya dikalangan mazhab2 kritsian pun ada yang kita anggap itu adalah kumpulan yang tidak mengikuti ajaran yang sebenar (ajaran sesat). so ada beberapa kaedah yang diguna pakai oleh gereja sama ada dala seminar singkat atau kursus singkat yang melibatkan ahli congregation.Maka comparative digunakan untuk tujuan untuk apologetik.	<b>K4</b>
	<b>Tidak setuju</b>	<b>berapa</b> sometimes is not good because couse an isolation.	<b>K4</b>
		So by always comparing the superficial. It not good to all. Maybe good to highlight the difference and common but the must have thing is understanding all packages.	<b>K3</b>
		Oh sure.have this in world religion class. But i think comparative religion sebagai satu disiplin sekarang pun telah berubah.	<b>K5</b>
<b>Tujuan</b>	<b>Jelaskan perkara agama</b>	SO comparative religion some time is good in sense that help us to see certain thing very clear,	<b>K4</b>
		Dalam kelas thology, di sana kami ada lakukan apa yang al-Fārūqī say menas the judgment. Yeah memang sebab dalam Kristian pun	<b>K5</b>

		kami have a Christian framework means Christianity. Apakah attitude atau believ and value soerang Kristian terhadap agama lain. To clear do you take rahner position or john hick position . depends. So that's one ada berlaku comparative	
	<b>Untuk persamaan perbezaann</b>	<b>cari dan</b> Ia memang suruh kita banding juga at least kita tahu yang mana sama dan yg mana beza. Yeah I agree	<b>K5</b>

**Sumber: Temu bual informan Kristian**

Berdasarkan jadual di atas kajian mendapati bahawa majoriti informan Muslim dan Kristian terlibat dengan ilmu perbandingan agama sama ada secara rasmi seperti melalai pendidikan rasmi, atau secara tidak rasmi melalui proses perbandingan secara observasi dalam hubungan sosial yang dilalui antara pelbagai agama .

**4.4.2 Syarat Pendekatan Perbandingan Agama.**

Dalam konteks Muslim, terdapat syarat yang disarankan untuk dipatuhi dalam melakukan perbandingan agama iaitu menurut informan Mulsim, perbandingan antara agam mestilah dijalankan untuk menguatkan lagi kebenaran Islam, ini bermaksud ia mestilah didahului dengan kefahaman terhadap akidah Islam dan syariah Rasulullah terlebih dahulu dengan mendalam sebelum perbandingan ini dilaksanakan. Selain itu sepanjang proses perbandingan agama ini berjalan mula, semasa dan hasilnya, akidah dan syariah ini tidak langsung boleh diubah atau berubah . Selaras dengan penegasan ini, maka perbincangan perbandingan agama yang dijalankan mestilah satu perbincangan akademik dan ilmiah tidak bersifat emosional. Bagi mendapatkan sumber yang utama sebagai rujukan maka terdapat informan Muslim menjadikan pelajaran atau pengetahuan berkaitan bahasa agama yang dikaji sebagai syarat dalam perbandingan agama. Pandangan ini dirincikan dalam jadual di bawah.



**Jadual 4.18: Syarat Pendekatan Perbandingan Agama Menurut Informan Muslim**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Syarat	<b>Hanya Perbincangan Ilmiah</b>	tu hanya adalah sekadar perbincangan ilmiah bukan untuk penghayatan macam kita belajar sihir untuk belajar bukan untuk amalkan... jadi kita belajar itu untuk sekadar ilmiah... kalau kita amal.. baru tak leh...	<b>M3</b>
	<b>Faham Agama Islam dan tidak boleh lupakan asas Islam</b>	Jadi bagi orang Islam dia tidak boleh walau sekejap pun melupakan tentang asas Islam. Kita belajar-belajar dahulu baru compare atau buat perbandingan.	<b>M1</b>
		Pertama, dia mesti memahami agama dia dulu. Memahami agama Islam itu sedalam dalamnya yang berkaitan dengan akidah, muamalat, syariah, ibadah dan ebaginya. Kedua, baru keperluan sampingan.	<b>M1</b>
		kita dah faham dalil agama kita, kita dah faham agama kita so bila kita compare kita dah strong.	<b>M2</b>
	<b>Tidak mengubah akidah Islam dan syariah nabi Muhammad</b>	Akidah tidak akan berbeza seja dulu. tapi Bila dah diubah dan sebagainya satu perkaralah. Tapi sepatutnya dia kena tunduk kepada apa yang dikehendaki oleh Allah dalam al-Quran. Kita percaya dengan nabi isa sebagai nabi dan rasul. Orang Islam tidak boleh tak percaya. Kita percaya dengan nabi Ibrahim nabi Ismail semuanya nabi dan rasul. Tapi dalam kita nak mengamalkan dalam sistem ritual kita dalam kehidupan, kita kena ambil sistem yang diajarkan dari nabi Muhammad kerana dia adalah khatimah anbiya'.	<b>M1</b>
		Apa yang saya risau jika ada nak banding akidah. Sebab	<b>M2</b>

		bukan semua orang fahaman dan belajar agama dengan mendalam.	
		Jika tak faham terus buat compare maka akan jadi keliru. Kita kena ingat yang manusia selalu terpengaruh dengan personaliti kebaikan. Kadi perlu bila dah matang.	<b>M2</b>
		Bila sudah kuat akidah	<b>M3</b>
	<b>Perlu seimbang</b>	Dalam melakukan perbandingan agama, kita perlu tujuan yang seimbang antara menjaga komuniti islam, jangan pula akidah ummat islam yang menjadi rosak. Ini harus dilihat, bukan menunjukkan tertutupnya islam, Rasulullah saw menjelaskan bahawa ada hadnya, perlu seimbang. Mungkin kamu boleh cadangkan satu sukatan yang mana akhirnya masyarakat islam dan yang bukan islam sedar tentang hak dan batasan masing-masing. Batasan ini adalah supaya tidak melanggar peraturan.	<b>M4</b>
	<b>Faham bahasa asas agama tersebut</b>	Kemudian bahasa juga mempengaruhi . Kalau nak belajar Buddha kena sukar nak dapat dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa-bahasa lain.	<b>M1</b>
	Golongan yang diperingkat lebih tinggi	Dan tak mungkin kita nak bagi semua orang belajar ilmu-ilmu ini.	<b>M1</b>
		peringkat bawah tak boleh sebab takut mereka tak ada konsisten terhadap kefahaman agama asal dia.	<b>M2</b>
		tu sesuai untuk berpelajaran di peringkat universiti... untuk orang awam tak sesuai... kerana mereka dengan tak solat dan tak tahu mengaji nak belajar itu... tidak sesuai... baik pelajari agama yang belum sempurna.. pergi ke masjid.... dan itu ada tahap-tahap ikutnya..	<b>M3</b>

		Saya kira untuk orang awam ianya tidak perlu. Lagipun undang-undang kita telah menetapkan yang tidak dibenarkan penyebaran agama-agama lain.	<b>M4</b>
		Pengkaji special group adalah di university, para pengkaji, pakar-pakar agama, atau mana-mana pihak yang tertarik dengan bidang ini, mereka ini satu kelompok yang kecil. Jadi pada pandangan saya mereka ini tidak ada masalah..	<b>M4</b>
		Dalam konteks akademik, pada pandangan saya ia hanya boleh diajar pada peringkat Universiti, paling kurang peringkat diploma. Ini untuk akademik perbandingan agama kerana ianya suatu perkara yang serius.	<b>M4</b>
		Hanya untuk golongan tertentu sahaja	<b>M5</b>
		Dalam tema atau hal sosial, contoh ekonomi, alam tiada masalah	<b>M6</b>
	Persediaan dan kelayakan yang cukup untuk murid dan guru	Baik dan tak baik mesti ada. Baiknya, kalau boleh ada peluang sangat bagus. Tapi saya mengatakan peluang untuk kita semua nak ajar pada katalah peringkat ijazah pun tidak mungkin. Pertama, persediaan yang nak mengajar tu, pelajar nak mengambilnya, kemudiuhan guru2 nya,	
		saya memang rasa dalam konteks nak mengkaji perbandingan agama diperingkat yang lebih tinggi sahaja, pada orang awam, saya rasa tidak perlu	<b>M6</b>
	Bersifat akademik bukan emosional	kemudian kemuduhan2 yang ada, kemudian kita kena beri perbandingan itu secara ilmiah bukannya ada emosi.	<b>M1</b>
		Ada kes juga orang bertanya: saya dah kawan lama dengan orang Islam, saya tau agama, batas2 nya. So baguslah saya	<b>M2</b>

		kata. U kajilah.Kita sama-sama cari jalan kebenaran. Mungkin saru hari nanti ku buat perbandingan dan mana tau satu hari nanti u dapat cari jalan kebenaran. Kita tak cakap masuk islam.	
--	--	--	--

**Sumber: Temubual informan Muslim**

Dalam konteks Muslim, persetujuan pembelajaran agama dari konteks agama yang dikaji mestilah berpandukan syarat yang ditetapkan. Informan Muslim menegaskan bahawa adalah lebih baik untuk memahami agama dari pakar agama yang dikaji . Ini kerana tidak semua penganut agama itu mengetahui agama nya sendiri disebabkan perbezaann tahap pendidikan, maka beliau mencadangkan adalah lebih baik dalam memahami agama hendaklah dirujuk kepada pakar agama walaupun ia bukan dari penganut agama tersebut. Dalam erti kata lain, wakil Muslim menjelaskan kepakaran dalam agama bukan hanya dilihat melalui agama seseorang namun ia perlu dilihat melalui kepakaran atau pengetahuan yang mendalam terhadap agama tersebut kerana setiap penganut agama mempunyai tahap pemahaman yang berbeza dalam agama yang dianuti

Dalam konteks Kristian, , informan Kristian memberi penekanan kepada syarat – syarat berikut seperti pendekatan perbandingan agama mestilah dipersetujui atau melibatkan sumber dari dua-dua agama yang dikaji. Walau bagaimanapun kerangka teologi Kristian mestilah dijadikan asas dalam penentuan kebenaran semasa membuat rumusan terhadap hasil perbandingan. Dalam hal ini perbezaan yang terjadi perlulah di fahami dan dianggap sebagai satu ilmu atau bahan ilmiah untuk difahami. Pandangan ini dirinci kan dalam jadual di bawah

**Jadual 4.19: Syarat Pendekatan Perbandingan agama menurut informan Kristian**

TEMA	ISU	HURAIAN	KOD INFORMAN
Syarat	Bawa dua-dua pihak agama bersama-sama	So we have bring two together. Otherwise not to fair	K4
	Tahu kerangka agama yang dibandingkan terlebih dahulu	comparing, I think most universiti overseas step a step from a comparative religion. When we use word compare, we have to know from their religious framework. We should have have a whole perspective. And okay you can decide	K4
	Tiada batasan	We can do to anything. Because automatically compare kan	K3
		We compare every thing	K4


**Sumber: Temu bual informan Kristian**

Berdasarkan syarat dari informan Muslim dan Kristian di atas, kajian mendapati bahawa wujudnya persamaan dalam memberikan hak sumber agama yang dikaji kepada pakar atau penganut agama tersebut agar ia menjadi sumber yang boleh dipercayai. Walau bagaimanapun, wujudnya pendirian yang tegas di kalangan informan. Bagi informan Muslim semestinya dipandukan kepada akidah dan syariah Islam manakala bagi agama Kristian dipandukan kepada kerangka teologi Kristian. Ini menunjukkan semua informan yang ditemu bual amat tegas dan patuh kepada teologi dan akidah agama yang dianuti sebagai panduan penentuan hasil perbandingan data agama. Tiada satu prinsip umum yang digunakan .

Dalam konteks penganut agama , tiada penjelasan yang jelas berkaitan kesediaan dan keyakinan bahawa pendekatan perbandingan agama ini akan berkesan memupuk toleransi. Walau bagaimanapun , menurut laporan toleransi sosio agama, terdapat persetujuan yang tinggi (45%) di kalangan penganut yang menjelaskan bahawa penganut

tidak boleh fanatik terhadap agama.<sup>323</sup> dan dalam masa yang sama (43.9%) penganut juga bersetuju bahawa penganut setiap agama perlu bertanggungjawab mempertahankan agama<sup>324</sup>. Ini menunjukkan keraguan penganut terhadap pendekatan ilmu perbandingan agama sebagai jalan memupuk toleransi adalah tinggi. Perbandingan pandangan pemimpin agama dan penganut dijelaskan dalam rajah di bawah:

### Network View Analisis Perbandingan Pendekatan Penerimaan Pendekatan Perbandingan Agama.



Sumber: Analisis Data Kajian


Berdasarkan rajah di atas, kajian mendapati bahawa wujudnya perbezaan yang besar terhadap penerimaan dan pelaksanaan pendekatan perbandingan agama dalam aspek memupuk toleransi agama di Malaysia. Kajian mendapati penerimaan yang tinggi berlaku di kalangan pemimpin agama namun tidak kepada penganut agama. Ini membuktikan bahawa pemahaman agama adalah aspek pembentuk keyakinan dalam pelaksanaan perbandingan agama. Justeru sekali gus, pendekatan perbandingan agama ini didapati berjalan dengan lancar dan tepat hanya selepas pendekatan pemahaman agama-agama

<sup>323</sup> Ibid.,159.

<sup>324</sup> Ibid,161.

lain telah dilaksanakan terlebih dahulu. Keseluruhan hal ini dirumuskan dalam rajah di bawah.

**Rajah 4.2: Rajah cadangan pendekatan toleransi agama menurut Informan Islam dan Kristian Malaysia**



**Sumber: Analisis Data Temubual**

Rajah di atas menunjukkan bahawa pendekatan memahami agama, dialog antara agama serta perbandingan agama diterima dengan Namun analisis terhadap data menunjukkan bahawa dalam pendekatan perbandingan agama, informan Muslim dan Kristian lebih bertegas agar pengukur penilaian data tersebut adalah berpandukan kepada teologi masing-masing. Justeru dalam konteks ini kajian mencadangkan agar perbezaan yang dibuktikan dengan hujah dan sumber yang tepat dijadikan sebagai sensitiviti agama yang perlu dihormati.

#### **4.5 Kesimpulan**

Kajian merumuskan bahawa pendekatan yang digunakan oleh al-Fārūqī dalam toleransi agama dilihat bersesuaian dan boleh diterima oleh pemimpin agama Islam dan Kristian di Malaysia. Buktinya, semua pendekatan al-Fārūqī turut dicadang oleh wakil pemimpin agama Islam dan Kristian Malaysia . Akan tetapi setiap satu pendekatan ini mempunyai syarat yang berbeza bagi menjamin keselarasan keharmonian dari isu-isu antara agama di Malaysia.

## **BAB 5: LIMITASI TOLERANSI AGAMA MELALUI PENILAIAN META AGAMA**

### **5.1 Pengenalan**

Berdasarkan analisis terhadap pandangan wakil pemimpin agama Islam dan Kristian-Malaysia yang mengiktiraf kepelbagaian agama dan kesediaan mereka untuk hidup harmoni, maka kajian mendapati bahawa panduan limitasi dalam pelaksanaan toleransi agama adalah satu keperluan. Ia penting agar toleransi yang dijalankan tidak menafikan kepelbagaian (tidak membawa kepada kesatuan kebenaran agama) dan tidak pula membawa kepada pergaduhan dan gangguan isu-isu teologi agama. Bagi menghasilkan limitasi ini maka kajian mengambil panduan penilaian meta agama di dalam pendekatan fenomenologi al-Fārūqī sebagai asas untuk mengenal pasti limitasi toleransi agama dalam hubungan Muslim- Kristian Malaysia. Al-Fārūqī mengatakan bahawa prinsip ini adalah satu prinsip rasional yang universal dan boleh dijadikan sebagai penilaian kepada mana-mana sistem kepercayaan.

### **5.2. Keperluan Limitasi Toleransi Agama**

Bertolak dari definisi toleransi agama istilah toleransi agama yang dipersetujui adalah hormat dalam konteks “meraikan kepelbagaian dan menghormati perbezaan” yang dirumuskan dari pandangan wakil pemimpin agama, menunjukkan wujudnya perbezaan antara Islam dan Kristian ini. Malah hal ini juga bermaksud bahawa wujudnya perbezaan hakiki antara kedua agama ini yang tidak boleh diubah dan ia merupakan asas sesuatu agama. Penegasan terhadap hal ini dapat dilihat lebih jelas melalui persetujuan perlunya limitasi dalam pelaksanaan toleransi agama. Kajian merumuskan bahawa limitasi toleransi agama ini kebanyakannya dicadangkan dari informan Muslim berbanding informan Kristian.



Melalui temu bual yang dijalankan, informan Muslim menjelaskan bahawa dalam konteks agama Islam limitasi toleransi agama adalah satu keperluan selaras dengan pengiktirafan Islam terhadap kewujudan kepelbagaian agama. Ini bertujuan untuk mengelakkan salah faham yang membawa kepada ajaran yang menyatakan semua agama mempunyai kebenaran sama dan bertentangan dengan akidah Islam. Antara perkara yang dianggap menjadi panduan limitasi adalah tidak melampaui batasan akidah, tidak bersifat ekstrem dan dalam erti kata lain perlu pelaksanaan hormat, penegasan akidah dan tidak melampaui perlembagaan Malaysia. Malah sebahagian dari informan Muslim memberi cadangan limitasi adalah berpandukan kepada firman Allah:

- i. Limitasi satu keperluan kerana tidak berkawan dengan musuh namun tidak menzalimi musuh.

9. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. dan (ingatlah), sesiapa Yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

Surah al Mumtahanah (60) : 9

- ii. Limitasi perlu sebagai panduan agar tidak mengikuti hawa nafsu.

49. dan hendaklah Engkau menjalankan hukum di antara mereka Dengan apa Yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah Engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesonkanmu dari sesuatu hukum Yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima hukum Allah itu), maka ketahuilah, Hanyasanya Allah mahu menyiksa mereka Dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka; dan Sesungguhnya kebanyakan dari umat manusia itu adalah orang-orang Yang fasik.

surah al-Maediah (5): 49

iii. Limitasi perlu untuk mencari titik temu tanpa menafikan akidah agama.

64. Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai ahli kitab, marilah kepada satu kalimah Yang bersamaan antara Kami Dengan kamu, Iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengannya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian Yang lain untuk dijadikan orang-orang Yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah". kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka Katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu Bahawa Sesungguhnya Kami adalah orang-orang Islam".

Surah Ali-Imran (3):64

Menurut informan 2, wujud limitasi ini jelas dari firman Allah dalam surah al-Kāfirūn ayat 6 “*lakūm dīnukum waliyadīn*” yang bermakna dalam satu hal atau masa, kita akan menjaga agama kita sendiri dan membiarkan penganut agama lain dengan agama masing-masing. Selaras dengan ini, semua informan Muslim bersetuju bahawa toleransi agama hanya berlaku di dalam ajaran Islam yang bersifat *murūnah* (menerima perubahan mengikut konteks), namun tidak boleh dalam hal akidah yang *thabat* kerana ia bersifat *thabat*. Majoriti dari informan Muslim juga menyebut akidah Islam yang dijelaskan di Malaysia adalah menurut panduan Ahli Sunah Waljamaah. Pandangan ini dirincikan dalam jadual di bawah.

**Jadual 5.20: Keperluan Limitasi Toleransi agama menurut informan Muslim**

<b>KEPERLUAN PEMBINAAN SKOP DAN LIMITASI TOLERANSI AGAMA MENURUT INFORMAN MUSLIM</b>			
<b>ISU</b>	<b>Perkara</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
Keperluan limitasi Toleransi	Limitasi Toleransi satu kepentingan	kita boleh bermasyarakat dengan orang lain yang bukan seagama dengan kita tapi kita ada batasan. Dalam <i>thabat</i> , akidah tidak lah, kalau tidak nabi tak mengatakan <i>lakum dinukum waliyadin</i> .	M1
		kerajaan ada buat dialog perpaduan. Ada yang setuju dan ada yang kurang setuju barangkali dari segi inti pati	M3

		ataupun dari yang digariskan lebih kepada sifat umum dan kurang di khususkan. Usaha-usaha ke arah untuk mencari perpaduan di kalangan orang Islam dan orang bukan Islam sudah wujud tetapi dari segi batas dan dari segi aspek apa yang boleh dibincangkan dan apa yang tidak boleh dibincangkan kurang jelas	
		Toleransi asas sejak zaman rasulullah saw sendiri, walaupun dalam aspek-aspek tertentu..	M3
		Jadi kita wajib bertoleransi dengan mereka yang bukan Islam. Namun skopnya bagaimana.	M4
		Dalam perkara <i>al thawabit</i> ,, iaitu perkara pokok dan asas tiada tolak ansur. Bagi perkara <i>al mutaghayyirat</i> iaitu perkara yang menerima perubahan dan dibenarkan kita berselisih pendapat.	M5
Batasan Toleransi	Tidak Ekstrem	pokok segala toleransi, itu ialah kita tidak bertindak secara ekstrem dan agresif	M1
	Batasan akidah	kita bukan menghormati atau mengagungkan akidah dia. Tidak. Tetapi kita hormat dia sebagai seorang yang mempunyai fahaman dan anutan dia.	M1
		Yang akidah tu tetap ( <i>thabat</i> ). Perubahan macam mana pun sebagainya tidak boleh kita nak mengaku sekarang ni. Dalam konteks Malaysia, khasnya dalam hal akidah kita sepakati bahawa pegangan akidah Ahli Sunah Waljamaah digunakan sebagai panduan akidah Islam Malaysia dalam hal negara dan disepakati oleh kebanyakan negeri-negeri.	M1
		Oleh sebab kita nak toleransi, tak pelah orang nak sebut Tuhan itu maknanya tiga pun boleh, tak da itu bukan toleransi namanya	M1

		kerana perkara perkara ini tidak dibenarkan lagi. Ijtihad pun tak boleh.	
		Kristian dia ada trinity seperti yang ditulis dalam kitab dia., kita islam konsep <i>Allahu Ahad</i> itu dah berbeza tak sama so kita tak boleh ikut dan tak boleh tolak ansur dalam bab akidah	M2
		Sebab kita bila sebut akidah tu yakin 100 peratus bukan 90, tak boleh nak kompromi.	M2
		Dalam konteks itu kita boleh bermasyarakat dengan orang lain yang bukan seagama dengan kita tapi kita ada batasnya dari aspek kepercayaan dan aqidah khasnya dalam Malaysia ini kita kata kena berpegang dengan akidah Ahli Sunah Waljamaah .	M3
		Toleransi tidak boleh melampaui sekatan pengajaran dan pengembangan agama lain, tidak boleh ataupun institusi mereka, contohnya gereja St. George, kita tukar jadi surau dengan tanpa izin yang ini sememangnya tidak dibenarkan.	M4
		Dalam masa yang sama, kita perlu juga seimbangkan untuk menjaga akidah umat Islam. Kita perlu menjaga komuniti islam, jangan pula akidah umat Islam yang menjadi rosak. Ini harus dilihat, bukan menunjukkan tertutup nya islam, Rasulullah saw menjelaskan bahawa ada hadnya, perlu seimbang	M4
		Jadi satu ayat Quran yang lain, kalau orang bukan Islam,katakan agama lain, dia tidak menceroboh kita dan berbaik dengan kita, <i>antabaru ilaihim wa tuqsitu ilaihim</i> , kalau kita lihat situ ada ayat al-Quran yang jelas atau dalam surah mumtahinah ayat 8 <i>la yanhakumullah lam yuwqatilukum fiddin wa ...ila akhir</i> , Di sini kalau mereka tidak bermusuhan dengan kita dan tidak memungkiri janji tidak	M4

		memerangi kita atau tidak <i>yuhrijuna</i> kita dari rumah, dari negara kita, maka mereka hidup damai dengan kita baik tak da salahnya kita berbaik dengan mereka dan memberi keadilan dengan mereka. Itu adalah toleransi yang paling baik	
		Kita juga wajib menjaga batasan dalam hubungan muslim-kristian dengan melihat batasan Tauhid dalam prinsip al wala' dan al barra'. Akidah kita kepada Ahli Sunah Waljamaah dan tidak dibenarkan mencari titik pertemuan tauhid dan kufur, tegahan merujuk kepada al maeidah 49, dan mumtahanah;	M5
		Kelemahan-kelemahan kita dalam memahami agama kita sendiri. Inilah yang menyebabkan apabila kita duduk bersama dengan mereka dalam berdiskusi seolah-olah kita nak menyamaratakan agama iaitu pluralism, ianya sepatutnya tidak timbul sama sekali kerana ianya masalah akidah. Dalam hal ini, masalah akidah adalah perkara yang berlawanan dengan akidah Ahli Sunah Waljamaah	M6
	Kalimatun Sawa'	Kalimah sawa': " <i>ya ahlal kitab taaalau ila kalimah sawa..</i> " Dalam akidah dan syariah yang dikehendaki oleh nabi Muhammad menurut quran Hadis. Dia mesti patuh kepada apa yang diturunkan dari Allah.	M1
		Tapi dalam kehidupan bermasyarakat banyak disebut untuk toleransi. Jadi Ia boleh. Sebagai contoh, hari ni kalau kita tahu, di e- fatwa terdapat panduan pemimpin negara yang Muslim nak menghadiri hari kebesaran agama-agama lain.	M2
		yang penting sekali dalam aspek budaya dan amalan tradisi yang tidak menyentuh aqidah itu sememangnya dibolehkan la	M3

		Kita perlu menimbang dalam sudut syara' antaranya menjaga objektif syara' (maqasid syariah) yang pertama adalah menjaga agama, dengan alasan dakwa maka kaedah fiqh utama iaitu menolak kerosakan didahulukan dari mendatangkan kemaslahatan.	M5
	Tidak melampaui akidah dan perlembagaan	Kita perlu bezakan antara suatu perkara yang rasmi macam perlembagaan seperti yang kita bincangkan tadi. Perkara yang rasmi sememangnya tidak dibenarkan	M4
		Jika toleransi hanya berkaitan kehidupan ,dan kepentingan bersama seperti penjagaan alam sekitar, meningkatkan kesedaran jenayah,	M5

**Sumber : Temu bual informan Muslim**

Pengiktirafan terhadap toleransi agama di raikan oleh semua pemimpin agama Islam namun limitasi toleransi juga sentiasa diperingati dalam setiap tingkah laku. Limitasi ini dilihat menjurus kepada menjaga keimanan individu Muslim itu sendiri dan ajaran akidah Tauhid Islam.

Dalam konteks Kristian, kajian berpegang kepada persetujuan mereka dalam mengiktiraf kepelbagaian dan menolak idea John Hick. Pendirian ini dijelaskan ekoran dari penolakan mereka terhadap pernyataan “ semua agama dalah benar”. Maka keperluan dan skop limitasi toleransi agama menurut informan Kristian dilihat mempunyai persamaan dengan informan Muslim antaranya seperti tidak mengubah teologi Kristian, tidak mengutuk agama lain dan merujuk kepada panduan yang disediakan oleh World Council of Churches di dalam garis panduan yang bertajuk *Christian Witness in Multi-World Religions*. Perincian hal ini dijelaskan dalam jadual di bawah.

**Jadual 5.21: Keperluan limitasi toleransi agama menurut informan Kristian**

<b>KEPERLUAN PEMBINAAN SKOP DAN LIMITASI TOLERANSI AGAMA MENURUT INFORMAN KRISTIAN</b>			
<b>ISU</b>	<b>Perkara</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
Limitasi Toleransi	Tidak mengubah dan memperdebat teologi	The batasan is there were be something we are calling it theologically we cannot accept because there is no similarities in what we have enough, not same to you.	K1
		that all we are faith theologically, you believe don't believe you are all so haven't to debate	K1
		I think hope also celebrate our things lah. Except not worship. But if you friends Christian died, then you can go and visit. Some time visitlah tapi don't involve the worship lah.	K1
		Let different be different but so many similarities we can work on.	K2
		So it is based our Christian understanding By having this theological understanding we must say that all religion have differences. We cannot changes	K3
		Ada perkara yang dianggap suci dalam agama Kristian, yang salah adalah menggunakan nama Allah dengan sembarangan . Itu selamat tidak dipersetujui oleh Kristian apatah lagi untuk mengutuk orang lain. itu tak dibenarkan. Itu antara lain. Yang lain ialah tentang sacrament (holy communion), perjamuan suci. Itu adalah kita sangat tegas tentang itu. Termasuk orang-orang kita kerana itu adalah upacara yang rohani. bukan sacrament itu sangat penting.	K4
		Teologi boleh dibincangkan tapi bukan semua orang boleh bincang. Untuk orang awam kita boleh mula dengan sesuatu yang lebih sesuai seperti climate change.	K5
	Limitasi menghadiri perayaan agama lain	I don't see why we have a problem. The question is are we invited? Is it open? Or is it welcome. I don't fear at you. If invited I think we can't go why not. If we are invited. Is just right , we are not invited.	K1
	Rujuk kepada ethical guideline for Kristian dakwah	Cfm ada share dan telah menjelaskan di setiap denominasi ethical guideline for dakwah. Christian witness to others lebih kurang lah.	K1

		Itu ethical guideline for Christian. ethical dakwah. Thats should be at door. Dia from World Version of Cfm, Christian Witness to others. Guideline ni baru dalam 2012, dan telah dibuat hasil perbincangan dari semua denomination beberapa tahun	K5
--	--	--	----

**Sumber: Temubual informan Kristian Kajian**

Melalui analisis terhadap pandangan informan Kristian, kajian mendapati wujudnya dua pandangan dalam mengulas berkaitan keperluan mengadakan perbincangan teologi. Kecenderungan pertama adalah meletakkan perbincangan teologi hanya boleh di kalangan orang tertentu seperti yang diulas oleh informan Kristian 3 dan 5. Manakala wujud juga individu yang membenarkan perbincangan teologi secara lebih terbuka atas dasar untuk membantu dalam pemahaman agama namun tidak boleh diubah seperti yang dijelaskan oleh informan Kristian 1.

Berdasarkan penjelasan ini, kajian merumuskan bahawa wakil informan Muslim dan Kristian bersetuju bahawa pengetahuan dan kewujudan limitasi dalam pelaksanaan toleransi agama adalah satu keperluan. Hal ini bertujuan sebagai satu tanda pengaplikasian hormat dan meraikan kepelbagaian agar tidak melampaui batas kesucian sesuatu agama. Ini menunjukkan bahawa batasan ini adalah bertolak dari tema yang sama iaitu teologi atau akidah agama tersebut. Dalam hal ini kajian mendapati bahawa informan Muslim meletakkan batasan teologi dan perlembagaan sebagai penanda kebenaran toleransi agama selagi mana tidak mempunyai paksaan dan ugutan dalam agama. Hal ini turut dipersetujui oleh informan Kristian, namun dalam konteks Kristian, ia tidak bermaksud menolak perbincangan teologi. Perbincangan teologi adalah perlu dilakukan secara harmoni.

Hal yang sama turut dinyatakan oleh penganut agama. Laporan menjelaskan bahawa majoriti dari penganut agama turut bersetuju bahawa terdapat beberapa isu dalam sesuatu agama yang tidak perlu disentuh. Sebahagian besar daripada responden 67.2%



bersetuju bahawa isu sensitif mengenai sesuatu agama tidak perlu disentuh untuk mengelakkan sebarang konflik antara agama berlaku dan menggugat keharmonian masyarakat<sup>325</sup>. Limitasi di kalangan penganut agama ini dilihat berlaku dalam dua perkara iaitu limitasi perkara toleransi dengan meletakkan pengecualian dalam perkara berkaitan kepercayaan dan limitasi keterbukaan untuk bertoleransi dengan meletakkan rujukan kepada pakar sesuatu agama.

### 5.3 Penilaian Meta Agama Sebagai Panduan

Berdasarkan dapatan data dari wakil informan Muslim dan Kristian, majoriti bersetuju bahawa limitasi toleransi agama adalah teologi kerana ia tidak boleh diubah atau berubah sekalipun dalam usaha toleransi agama. Ini kerana ia adalah asas agama. Dalam hal ini, kajian mendapati bahawa pandangan informan Muslim dan Kristian merumuskan pegangan dan panduan teologi diangkat sebagai kerangka panduan dalam menentukan sejauh mana toleransi agama boleh dilaksanakan.

Berdasarkan kerangka fenomenologi al-Fārūqī, asas agama ini turut diakui sebagai panduan penilaian. Selaras dengan ini, al-Fārūqī menggunakan prinsip meta agama sebagai panduan penilaian atas beberapa sebab iaitu prinsip meta agama bukanlah hak mutlak Islam nabi Muhammad atau Kristian, ia adalah satu prinsip universal yang dibentuk dari zaman Mesopotamia di bawah ajaran Ibrahim. Islam dan Kristian serta Yahudi dikategorikan sebagai agama yang datang dari Ibrahim. Bukti-bukti ini banyak di dalam kitab suci Islam iaitu al Quran dan juga *Bible*<sup>326</sup>. Wujudnya persamaan ajaran agama yang bermula dari Ibrahim, Musa, Isa dan Muhammad malah turut dibuktikan melalui penemuan-penemuan sejarah kebudayaan dan kepercayaan kaum di dalam

---

<sup>325</sup> Laporan Toleransi Sosio Agama, (2006), 158.

<sup>326</sup> Penjelasan hubungan ajaran Ibrahim dan agama Yahudi, Kristian dan Islam telah dijelaskan dalam bab 2.

tamadun Mesopotamia tersebut. Selaras dengan ini, al-Fārūqī menyatakan adalah baik untuk meletakkan prinsip yang menjadi asas kepada Islam dan Kristian sebagai kayu ukur penilaian.

Prinsip meta agama ini dilihat merangkumi perbincangan berkaitan ketuhanan, kenabian, wahyu, fitrah manusia dan fungsi alam. Elemen-elemen ini jelas dibincangkan di bawah perbincangan disiplin ilmu akidah (*theology*). Justeru, dalam kajian ini, wakil informan Muslim bersetuju agar prinsip meta agama ini dinilai mengikut pandangan akidah Ahli sunah Waljamaah<sup>327</sup>. Berdasarkan dari enakmen negeri-negeri, kebanyakan negeri di Malaysia berpegang kepada mazhab akidah Ahli sunah Waljamaah Asha'irah<sup>328</sup>.

---

<sup>327</sup> Merujuk kepada jadual keperluan limitasi Muslim.

<sup>328</sup> Dinyatakan oleh Tan Sri Prof Dr. Abdul Shukor Hussin, Pengerusi Majlis Fatwa Malaysia dalam syaraha perdana di Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk Akidah Ahli Sunah Waljamaah, Satu Pemahaman Semula, UKM: Penerbit UKM (1998). Kenyataan beliau adalah

“Majoriti umat Islam di Malaysia malah di rantau ini telah berabad-abad lamanya menerima dan mengamalkan Islam berasaskan pendekatan aliran Ahli Sunah Waljamaah hingga menjadi begitu dominan dan berwibawa. Hakikat ini telah menjadikan Malaysia malah rantau ini paling seragam dan istikrar dalam pegangan akidah, amalan syariah dan sistem nilai (akhlak) berbanding dengan masyarakat Islam di rantau lain. Keadaan ini secara tidak langsung memberi sumbangan kepada kestabilan susunan siasah, masyarakat dan perpaduan ummah. Pendekatan Ahli Sunah yang sehati dihayati oleh masyarakat Islam di Malaysia dalam aspek akidah dan kepercayaan ialah fahaman dan aliran Asyairah dan Maturidiah. Aliran Asyairah yang diasaskan oleh Abu Hasan bin Ismail Asyaari (260H - 330H) dan aliran Maturidiah diasaskan oleh Abu Mansur Muhammad bin Muhammad Maturidi (w. 333H.). Kedua-dua aliran ini, fahaman dan pendekatan mereka sealiran an tidak mempunyai perbezaan ketara dalam menangani isu akidah, khususnya perkara usul akidah” .

Beliau juga menjelaskan bahawa:

“Bagi Negara Brunei pegangan dan amalan menurut Ahli Sunah adalah jelas dan dinyatakan di dalam Perlembagaan Negara Brunei. Agama rasmi bagi Negeri ialah agama Islam menurut Ahli Sunah Waljamaah, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya (Perlembagaan Negeri Brunei 1959). Namun demikian di Malaysia jika dilihat pada institusi fatwa dan Mahkamah Syariah pendapat yang dipakai dan menjadi hujah pada lazimnya ialah qaul muktamad dalam mazhab Syafii. Jika tidak terdapat di dalam Mazhab Syafii atau boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam maka qaul muktamad mazhab Hanafi, mazhab Maliki atau mazhab Hanbali boleh dipakai . Tokoh-tokoh di atas walaupun masing-masing mempunyai mazhab dalam fiqh tetapi dari sudut akidah mereka adalah pendokong kuat Ahli Sunah. Roh pemakaian dan pelaksanaan pendapat mazhab yang dinyatakan di atas difahami sebagai pendapat aliran Ahli Sunah atau aliran yang tidak bertentangan dengannya. Maka dalam isu-isu akidah, walaupun tidak dinyatakan secara khusus dan jelas, pemahaman dan penghayatan masyarakat Islam tetap kepada pemahaman dan pendekatan Ahli Sunah. Hakikat ini dapat dilihat dalam setiap kes penyelewengan akidah dan kerohanian yang timbul dalam masyarakat Islam, maka ukuran dan penilaian dirujuk kepada fahaman aliran Ahli Sunah. (Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Pahang 1991, Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993, Johore Administration of Islamic Law Enactment 1978; Selangor Administration of Islamic Law Enactment 1989).

Maka ajaran akidah, syariah, serta akhlak dan tasawuf adalah bertolak kepada prinsip dan pegangan di dalam Ahli sunah waljamaah khususnya kepada aliran Asha'irah<sup>329</sup>.

Manakala dalam teologi Kristian, rujukan utama yang digunakan adalah Bible dan terjemahan dengan melihat pentafsiran daripada temu bual bersama pemimpin agama

---

Dinyatakan dengan rasmi oleh kerajaan negeri Terengganu “Bahawasanya menurut Seksyen 26 (3) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan telah perkenan supaya fatwa yang terkandung di dalam ini disiarkan dalam Warta.Oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah Seksyen 25, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dengan ini membuat dan mengeluarkan fatwa berikut :1. Bahawasanya:(i) Umat Islam di negeri Terengganu hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak.(ii) Penerbitan-penerbitan dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan (<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pegangan-ahli-sunnah-wal-jamaah>)

Dinyatakan dengan rasmi dalam al Bayan , Majlis Agama islam Johor “Dirantau ini, umat Islam berpegang kepada aliran dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah; dalam akidah ia mengikut mazhab Imam Asy'ari rd, dalam Fiqh ia mengikut mazhab Syafi' dengan ttambahan yang diperlukan dari segi keputusan-keputusan fatwamengikut kaedah yang wajar dalam Ahli Sunnah; dalam huraian berkenaan dengan akhlak dan kerohanian ia mengikut Imam al-Ghazali rd. Sistem pengetahuan dan panduan ilmu dalam Ahli Sunnah ini diikutidengan baiknya dan mesti dipelihara” dalam Mufti Johor, Akidah Ahli Sunah wal Jamah dalam Al Bayan (18),Jabatan Agama Islam Negeri Johor (2011).

Dinyatakan dalam keputusan Majlis Fatwa negeri Selangor bahaw aMesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke 4/2000 yang bersidang pada 23 November 2000 telah bersetuju membuat keputusan bahawa dibenarkan menggunakan perkataan Islam pada mana-mana organisasi atau pertubuhan Islam yang mahu melaksanakan program-program Islam yang selama mana ia tidak bercanggah dengan aqidah Ahli Al-Sunnah Wa-Jamaah . Hal ini menunukkan bahawa akidah ahli sunah wal jamaah menjadi panduan pengukuran akidah Islam.

Dalam warta kerajaan Melaka, 24 Julai 1997, Perkara 1 menjelaskan bahawa “ Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di Negeri Melaka hendaklah mengikut undang-undang Islam dan ajaran Islam yang berasakan kepada ajaran akidah Ahli Sunah wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak” ([http://www.al-azim.com/jmm/components/com\\_booklibrary/ebooks/poster\\_fatwa](http://www.al-azim.com/jmm/components/com_booklibrary/ebooks/poster_fatwa)).

Dalam enakmen syarak Negeri Sembilan , ketetapan berpegang dengan pegangan Akidah Ahli Sunah wal Jamaah adalah jelas. Buktinya dalam warta enakmen syarak berkaaitan ajaran Syiah yang diwartakan pada 12hb Mac 1999 dalam ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK (NEGERI SEMBILAN) 1991. (Enakmen No. 1 Tahun 1991) “Adalah ditetapkan bahawa Umat Islam di Negeri Sembilan hendaklah mengikut undang-undang Islam dan ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunah Waljamaah dari segi ‘aqidah, syariah dan akhlak.Adalah diperakukan bahawa ajaran Islam selain pegangan Ahli Sunah Waljamaah adalah bercanggah dengan hukum Syarak dan dengan yang demikian penyebaran apa-apa ajaran lain selain pegangan Ahli Sunah Waljamaah adalah dilarang.Adalah ditetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran melalui buku, risalah, filem, video atau dengan apa-apa cara lain pun yang berkaitan dengan ajaran yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunah Waljamaah adalah dilarang” (<http://www.muftins.gov.my/index.php/component/content/article/169-himpunan-fatwa/fatwa-mufti-negeri-sembilan/524-kearah-membendung-pegaruh-syiah-di-malaysia>).

<sup>329</sup> [http://www.islam.gov.my/sites/default/files/asas\\_rujukan\\_pegawai\\_akidah\\_jakim.pdf](http://www.islam.gov.my/sites/default/files/asas_rujukan_pegawai_akidah_jakim.pdf)

Kristian. Ini selaras dengan kepercayaan yang diberikan kepada para paderi bagi mentafsirkan Bible mengikut konteks dan isu semasa.

### **5.3.1 Prinsip 1: Penerimaan Dualiti (Perbezaan *Ideal Being* (Pencipta ) Dan *Actual Being* (Makhluk).**

Kajian mendapati bahawa prinsip pertama yang dijadikan penilaian adalah kewujudan Tuhan dan Makhluk. Dalam prinsip pertama ini al-Fārūqī menjelaskan bahawa secara universal dan rasional semua sistem kepercayaan atau kepercayaan *Hānīf* akan mempercayai bahawa *Ideal* dan *Aktual* itu wujud dan seterusnya merupakan dua kejadian yang berbeza. *Ideal* yang kemudiannya dimaksudkan sebagai Tuhan oleh al Fārūqī<sup>330</sup>.

Menurut al Fārūqī <sup>331</sup>,terdapat dua bentuk kewujudan iaitu kewujudan dalam bentuk *Ideal* dan *Actual*. Kata beliau” Apabila kita mengkaji dengan teliti, kita boleh mengatakan bahawa kejadian ini melibatkan dua peringkat, peringkat hakikat dan realiti. Oleh itu, tidak ada di antara kejadian yang *Ideal* dan sebenar berlaku dalam satu masa yang sama sekalipun salah satu kejadian akan menetapkan satu yang lain”.

“ *Whats is important here is simply undeniable fact that the Ideal and the actual are different kinds of being. That they are two. Fact and value beings to two relams of being whatever the kind of wishes to assign to either*<sup>332</sup>.

Jika wujudnya fakta yang mendakwa *Ideal* dan *actual* adalah sama terjadi maka fakta ini adalah palsu dan membuktikan wujudnya percanggahan dengan prinsip ini. Penjelasan dua hakikat kewujudan yang berbeza ini ditegaskan oleh al-Fārūqī iaitu:

i. Jika *actual* dan *Ideal* adalah satu kejadian yang sama maka ia akan menimbulkan kesukaran untuk mengarahkan *actual* bertindak dalam kosmo alam ini atau timbullah persoalan bahawa siapa yang akan menentukan nilai dan siapa pula yang akan memberi

---

<sup>330</sup> al-Fārūqī , I.R, (1992); .22

<sup>331</sup> Ibid,

<sup>332</sup> Ibid ,.

nilai. Dalam erti kata lain al-Fārūqī menjelaskan bahawa *Ideal* (penilai) dan aktual adalah dua bentuk kejadian yang mempunyai hubungan perintah. Jika dualiti ini tidak benar dan satu kejadian yang sama, maka tiada alasan yang kukuh untuk membenarkan seseorang itu menilai suatu hakikat yang lain antara keduanya. Ini kerana dalam satu kejadian yang sama maka tiada wujud beza. Al-Fārūqī membincangkan dengan tegas hal ini bahawa kejadian dari dua peringkat ini akan menjadi aktual semata-mata tanpa *Ideal* atau sebaliknya jika ia dari merupakan kejadian yang sama<sup>333</sup>.

ii. Pengakuan *Ideal* dan *actual* sebagai satu kewujudan yang sama menimbulkan keraguan (*skeptic*<sup>334</sup>).

Dari konteks metafizik dan epistemologi, penafian kepada kenyataan bahawa *Ideal* itu satu kewujudan lain dari hakikat(*actual*) dapat menambahkan kekeliruan dalam pelbagai aliran yang telah sedia ada diragui. Dalam kedua-dua kes ini, ia adalah keraguan semata-mata yang sentiasa menafikan tanpa menegaskan apa-apa. Kehidupan dan kewujudan aliran *skeptic* ini lebih cenderung untuk menjadikan ia bertentangan dengan setiap pemikiran dan tindakan.

iii. *Ideal* dan Aktual dua kejadian berbeza kerana *Ideal* bersifat kekal.

Buktinya kewujudan *Ideal* ini kekal kerana ia adalah penentu nilai kepada semua yang aktual. Malah penentu nilai ini tidak perlu dinilai dan tidak bergantung kepada sesuatu yang bersifat aktual. Maka wujudnya dia adalah dalam keadaan kekal dan tiada yang lain dapat menyamai *Ideal*. Prinsip ini bertujuan untuk menjelaskan kewujudan Tuhan. Kewujudan Tuhan tidak dapat dilihat secara kejadian *actual* (sebenar), namun ia tidak boleh dinafikan. Kejadian *Ideal* boleh dibuktikan dengan perkara yang disebut

---

<sup>333</sup> Al-Fārūqī, 1967, *Christian Ethic; a historical and systematic analysis of its dominant ideas*. Chicago: Montreal University, hlm: 22-23.

sebagai bukti kewujudan iaitu melalui nilai-nilai yang wujud dalam penciptaanNya akhirnya membuktikan wujudnya pencipta iaitu Tuhan.

Kajian merumuskan bahawa hujah al-Fārūqī dalam menegaskan prinsip pertama ini bertujuan untuk :

Pertama: menegaskan kewujudan itu terdiri dari dua bentuk *Ideal* dan *actual* dan keduanya wujud dalam skop yang berbeza bukan satu kewujudan. Hujah ini adalah kebenaran yang terbukti semula jadi kerana penafian ke atasnya akan melibatkan keraguan berlaku antara satu kepada satu yang lain, atau akan berlaku pertentangan dalaman sama ada dalam proses untuk mengenal pasti *Ideal* dan *actual* atau membuat penilaian. Siapa yang berhak menilai jika kedua-duanya adalah satu kewujudan yang sama.

Kedua: menegaskan *Ideal* adalah penentu nilai manakala *actual* adalah pemberi nilai. Penentu nilai ini mempunyai pengetahuan kebenaran yang mutlak dan menyeluruh. Maka peraturan nilai yang ditentukan adalah satu keputusan sempurna dan mutlak kerana jika tidak nilai-nilai baik dan buruk akan bersifat kenisbian atau relatif.

### **5.3.1.1 Dualiti Tuhan dan Makhluq Islam**

Dalam akidah Islam, perbezaan kewujudan antara Pencipta dan Makhluq merupakan panji utama Tauhid dalam keEsaan Tuhan menurut agama Islam. Malah penegasan kepada perbezaan dua kewujudan ini juga jelas dalam lafaz kalimah syahadah dan segala praktik perlaksanaan ajaran Islam. Di dalam Islam Pengakuan ke atas kewujudan Tuhan dan perbezaan Tuhan dan makhluq adalah perkara yang yakin bukan ragu-ragu. Kewujudan Allah ini dibuktikan melalui wahyu (naqli) dan juga melalui aqli (aqal). Dalil-dalil yang digunakan untuk mengenali Allah sama ada wujudNya, nama-namaNya, sifat-sifat serta kekuasaanNya mestilah berasaskan dari dalil wahyu dan ia adalah sabit secara tetap (*qatei Thubut*) dan tidak boleh diragukan.

Allah ta'ala sendiri telah menegaskan bahawa dirinya berbeza dan tidak dapat diserupai dengan makhluk antaranya seperti dalam firman Allah seperti:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ ۚ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١١﴾

Maksudnya: Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (Zat dan sifat-Nya, dan pentadbiran-Nya) dan Dialah yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.

Surah , al-Shūrā 42: 11.

Firman Allah s.w.t:

وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٣٣٥﴾

4. "Dan tidak ada sesiapaupun Yang serupa denganNya".

Surah , al-Ikhlāṣ 112: 4.

Malah secara aqli, setiap manusia yang berakal waras juga dapat menerimanya melalui penaakulan terhadap proses kejadian manusia, proses kesempurnaan manusia , alam dan seumpamanya. Sebagai contoh, melalui penelitian kepada proses kejadian manusia Allah swt telah memerintahkan kepada manusia agar dapat mengetahui wujudnya Pencipta manusia bukan dari manusia<sup>336</sup> seperti yang dinyatakan dalam firman Allah:

أَفَرَأَيْتُمْ مَا تُمْنُونَ ﴿٥٨﴾ ؕ أَنْتُمْ تَخْلُقُونَهُ أَمْ نَحْنُ الْخَالِقُونَ ﴿٥٩﴾

Surah al-Wāqī'ah (56): 58-59

Maksudnya: Tidakkah kamu memikirkan keadaan air mani yang engkau pancarkan (ke dalam rahim)? Adakah engkau yang menciptakannya atau Kami yang menciptakannya?

<sup>335</sup> Al-Qur'ān, al-Ikhlāṣ 112: 4.

Dalam konteks akidah Ahli sunah Waljamaah, dualiti iaitu perbezaan antara kewujudan Tuhan dan makhluk adalah diakui<sup>338</sup> ia disebut sebagai Pencipta (*Khaliq*) dan Ciptaan (Makhluk). Menurut al Baghdadi, perbezaan Tuhan dan Makhluk adalah kepercayaan hakiki bukan *zanni*<sup>339</sup>. Selain dari dalil penelitian dan kesempurnaan manusia, kewujudan Tuhan juga dibuktikan dengan pemerhatian terhadap keteraturan dan kejadian alam yang lengkap dan rapi yang mana ini semestinya memerlukan seorang Pencipta yang Wujud sejak azali, Maha berkuasa dan Maha Mengetahui, Maha Berkehendak, Maha Berkuasa.<sup>340341</sup> Menurut ulama Ahli sunah waljamaah sifat-sifat Tuhan ini sekaligus menjadi titik utama yang membezakan kewujudan Allah dan kewujudan Makhluk. Sifat-sifat kekuasaan ini dijelaskan oleh Allah dalam firman-firmanNya<sup>342</sup>:

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ ۗ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾

Bermaksud: Dia lah Yang awal dan Yang Akhir; dan Yang zahir serta Yang Batin; dan Dia lah Yang Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

<sup>338</sup> Al- Baghdadi, Ibn Tahir Abd Al Qahir, menjelaskan bahawa dualiti yang diterima oleh Ulama' akidah ahli sunnah waljamaah adalah yang menjelaskan wujudnya perbezaan antara Tuhan dan makhluk. Namun dualisme (*al thanawiyah*) tidak diterima sama sekali oleh ASWJ. Menurut al Baghdadi, aliran dualisme (*al Thanawiyah*) dihukum sesat oleh ASWJ. Ini kerana aliran ini mempercayai ada dua tuhan iaitu tuhan baik dan tuhan jahat. (*al mujam al falsafi-al thanawiyah*) yang beranggapan bahawa jisim-jisim ada dua jenis: iaitu im cahaya dan jisim gelap, kebaikan daripada ahaya dan kejahatan daripada gelap, pelaku kebaikan dan kebenaran tidak melakukan kejahatan dan mbohongan, pelaku kejahatan dan pembohongan tidak melakukan kebaikan dan kebenaran.

<sup>339</sup> Al-Baghdadi menyatakan bahawa " manusia dan alam adalah sesuatu selain daripada Allah atau sesuatu yang bukan Allah. Sesuatu yang selain daripada Allah dan selain dari sifat-sifatNya yang azali adalah makhluk yang diadakan atau diciptakan. Maka sesungguhnya pencipta makhluk bukanlah makhluk dan bukan ciptaan. Pencipta alam bukan daripada jenis alam. Al Baghdadi Ibid, 27.). Penerimaan Alam ini sesuatu yang baharu akan membawa kepada kepercayaan alam ini binasa. Dalam hal ini ASWJ sepakat bahawa perkara yang baharu akan binasa. Maka Alam ini semua sekali boleh binasa atau fana melalui kekuasaan dan keupayaan Allah. Mereka juga menghukum harus Atau mungkin fana sebahagian jisim dan tidak seahagian lain. Al Baghdadi menjelaskan bahawa ASWJ menolak pegangan Al-Jubba'i dan anaknya Abu Hasyim bahawa Allah tidak berkuasa membinasakan sebahagian jisim-jisim dan tidak memfanakan sebahagian yang lain dan Allah berkuasa memfanakan semua sekali jisim dengan memfanakan makhluk yang diciptakan nya itu tanpa bertempat .

<sup>340</sup> Al Quran, rujukan lain kepada ayat Maedah 5: 120, Fussilat 41:53. al-Nahl 10:11

<sup>341</sup> AL Syuraa 42: 12, dan juga boleh dirujuk kepada ayat-ayat lain seperti al-Quran, al Hijr 15;86, Fatir 35:11, An Nisaa' 4: 166, al Mulk 67;14, Al An'am 6:103, An Nisa 4;33, 86, Yasin 36;12, al ahzab 33;52,



Ayat ini menjelaskan bahawa kewujudan Allah tiada permulaan dan tiada pengakhiran dan disebut oleh ulama' Ahli sunah Waljamaah sebagai Allah itu sedia ada (*Qidam*) dan kekal “ *baqa* ”<sup>343</sup>. Ini bermaksud kewujudan Allah itu tidak didahului dengan tiada dan tidak berubah dari tiada kepada ada ianya ada sejak azali. Ayat ini turut menjelaskan bahawa Allah itu wujud dengan diri (*Qiyamuhi bi nafsihi*) sendiri dan Esa<sup>344</sup>. Sifat ini membawa kepada penafian kebergantungan Allah kepada sesuatu yang lain. Allah tidak memerlukan sesuatu yang lain sebagai pencipta, penggerak, penyebab, penentu kepada zat dan sifatnya. Kekuasaan dan Esa Allah menjadi asas Tauhid dalam ajaran Islam.

Malah Allah turut menjelaskan bahawa kemusnahan akan terjadi sekiranya Tuhan tidak Esa seperti dalam firman Allah<sup>345</sup>:

---

Hashr 59;23, al Baqarah 2: 115, al Hasyr 59:23 . Al Quran, al Mukmin 40;56, an Nisa' 4: 164, al Baqarah 2:3. Boleh dirujuk kepada ayat-ayat lain seperti Al-Isra' 17, al HAJJ 22;75, al KAhf 18;27.

<sup>342</sup> Al Hadid 57;3

<sup>343</sup> al-Bāyjūrī , Tuhfatul Murid, hlm:54-55. Dalam perbincangan ini, Menurut al-Al Bāyjūrī, Allah itu adalah Qadim Zati iaitu tidak ada permulaan bagi wujudnya dan ini hanya berlaku bagi Allah sahaja al Bayjuri membezakan Qadim zati Allah ini dengan *Qadim Zamani* dan *Qadim Idafi*. *Qadim Zamani* adalah qidam yang khas pada makhluk yang mempunyai jangka masa dan batasan melalui tahun , hari dan sumpamanya. Qidam zamani ini mustahil bagi Allah kerana wujud Allah tidak terikat dengan tempat dan masa . Qadim idafi adalah qidam yang dinisbahkan kepada yang lain umpamanya qidam bapa jika dinisbahkan kepada anak (kajian memahami pernyataan ini bahawa adanya bapa apabila kita tahu adanya anak).

<sup>344</sup> Menurut al Bayjuri, sifat ini membawa dua makna iaitu : Pertama: Allah sw.t tidak bergantung pada mahal . Al-Ghanimi pula menyatakan mahal itu dengan makna tempat dan zat. Kedua: Allah tidak berhajat kepada yang menentukan atau yang menjadikan. Makna kedua ini didapati melalui dalil dalam mengithbatkan sifat Qidam .

لَوْ كَانَ فِيهِمَا ءِاهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا ۖ فَسُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ عَمَّا  
يَصِفُونَ ۚ<sup>346</sup>

Bermaksud: kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan Yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran keduanya. maka (bertauhidlah kamu kepada Allah Dengan menegaskan): Maha suci Allah, Tuhan Yang mempunyai Arasy, dari apa Yang mereka sifatkan.

Surah al-Anbiya (21);22

قُلْ لَوْ كَانَ مَعَهُ ءِاهَةٌ كَمَا يَقُولُونَ إِذًا لَّابْتَغَوْا إِلَىٰ ذِي الْعَرْشِ سَبِيلًا



Bermaksud: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Kalaulah ada tuhan-tuhan Yang lain bersama-sama Allah, sebagaimana Yang mereka katakan itu, tentulah tuhan-tuhan itu akan mencari jalan kepada Allah Yang mempunyai Arasy (dan kekuasaan Yang mutlak).

Surah Al- Isra' (17):42

Berdasarkan penjelasan ini, akidah Islam menegaskan aqal yang sihat tidak boleh berfikir bahawa Allah itu tidak bersifat Esa *wahdaniyyah* kerana kan membawa kepada kesukaran dalam penerimaan logik . Sebagai contoh menurut Asha'ari bahawa:

“ Dua pentadbir tidak dapat mentadbir satu perkara dengan teratur dan berkesan. Pasti akan berlaku kelemahan pada kedua-duanya ataupun salah satu daripadanya. Ini kerana, apabila salah satu daripadanya ingin menghidupkan seorang insan sedangkan yang satu lagi ingin mematikannya. Hal ini menyebabkan berlaku salah satu daripada tiga keadaan berikut, iaitu kehendak kedua-duanya terlaksana, atau kehendak kedua-duanya tidak terlaksana, atau hanya kehendak salah satu sahaja yang terlaksana. Justeru mustahil akan terlaksana kehendak kedua-duanya kerana satu jasad tidak boleh hidup dan mati pada masa yang sama. Sekiranya tidak terlaksana kehendak kedua-duanya, maka pastilah kedua-duanya itu lemah, yang lemah tidak boleh menjadi tuhan dan tidak qadīm. Sekiranya terlaksana kehendak salah satu daripada keduanya, maka lemah salah satu dari keduanya dan yang lemah itu bukanlah tuhan dan tidak qadīm. Oleh yang demikian, terbukti bahawa berdasarkan apa yang telah kita jelaskan bahawa pencipta segala sesuatu itu adalah Esa<sup>347</sup> .

---

<sup>347</sup> Keesaan Allah adalah satu perbincangan penting selain membuktikan wujud Allah. Allah pencipta / alam ini Esa {wahid} . Hal ini sekaligus menyucikan Allah dari sebarang bentuk penyamaan dengan makhluk, menyucikan Allah dari semua bentuk persekutuan (syarikatan) dan penafian ini menafikan Allah itu dari disekutukan dengan mana-mana bapa, anak dan rakan-rakan. Al Bayjuri menjelaskan bahawa wahdaniyyah merupakan satu perbincangan sifat yang Mulia, kerana ilmu Tauhid ini dibicarakan dengan

Penegasan Tauhid ini adalah ajaran utama yang disampaikan oleh Allah kepada semua nabi bermula dari Adam sehingga Muhammad untuk disampaikan kepada semua umat manusia. Di dalam wahyu al-Quran menjelaskan bahawa Para nabi dan Rasul ini bukan sahaja mengakui kewujudan Tuhan malah turut mengakui Tuhan itu Esa dan tidak menyerupai makhluk. Pengakuan ini jelas diceritakan dalam al-Quran seperti kepada

---

mengambil makna dan pemahaman wahdaniyah. Perbincangan keesaan Allah (wahdaniyah) ini dapat dirumuskan bahawa esa Allah ini adalah berlaku pada zat dan sifat. Ia menafikan lima perkara iaitu Pertama: Esa Allah menafikan zat Allah berbilang-bilang dari susunan Juzuk :. Ini bermakna Allah tidak tersusun daripada juzuk-juzuk. Kedua: Esa Allah menafikan bilangan yang bercerap padan sifat dari segi bilangan. Ini bermakna Zat Tuhan tidak ada dalam bilangan (Tiada yang menyerupai zat Tuhan). Menafikan Tuhan dua atau lebih. Ketiga: Esa Allah menafikan berbilang-bilang pada sifat-sifat Tuhan dari jenis yang satu. Ini bermakna tidak ada di sana dua sifat yang sama pada nama dan makna Seperti dua Qudrah. Keempat: Esa Allah bermakna menafikan adanya sifat selain Allah yang menyerupai sifat Allah. Ini bermakna tidak ada sifat yang dapat menyerupai sifat –sifat Allah. Seperti ada zaid bagi Qudrah sama seperti qudrah Allah. Kelima: Esa Allah menafikan pada berbilang-bilangnya perbuatannya iaitu menafikan ada bagi selain Allah satu perbuatan daripada perbuatan-perbuatan yang ada atas kewujudan Allah.

Keesaan Allah ini turut dibuktikan dengan dalil adanya Alam ini. Segai contoh, menurut al Bayjuri, dalil Wahdaniyah dengan makna esa Allah pada zat dan sifat tiada yang sebanding dengannya adalah bahawa: “ Kalau berbilang-bilang Tuhan seperti di sana dua Tuhan tentu tidak didapati suatu daripada alam ini, akan tetapi tidak wujud sesuatu di dalam alam ini adalah batal kerana ia sudah disaksikan wujud. Maka apa yang membawa kepada berbilang-bilang itu adalah batal. Apabila batal maka sabitlah Esa, yang mana ia dituntut ”.

“Lazimnya daripada berbilang itu seperti di sana ada dua Tuhan akan menyebabkan tiadanya sesuatu yang dapat wujud dalam alam ini kerana keduanya sama ada sepakat atau tidak sepakat. Jika keduanya sepakat, tidak harus keduanya mewujudkan suatu benda bersama –sama kerana akan melazimkan berhimpun (bersatu) dua benda yang memberi kesan kepada satu kesan, dan tidak boleh juga keduanya mewujudkan secara berturutan pada satu benda yang sama, kerana akan terjadi Tuhan pertama mewujudkan kemudian satu Tuhan lagi mewujudkan maka ia akan menyebabkan mewujudkan benda dari yang sedia terhasil, dan tidak harus juga satu dari mereka mewujudkan sebahagian dan yang selebihnya mewujudkan sebahagian yang lain kerana kan menunjukkan lemahnya kedua Tuhan itu kerana apabila satu dari mereka bergantung Qudrah ke atas suatu selainnya maka akan menutup ta’aluq Qudrah atas salah satu maka dia tiada kuasa untuk menyalahi maka ini membuktikan lemah. Dalil ini disebut sebagai dalil kebergantungan kerana sandar sesuatu ke atas sesuatu benda ”

“ Jika Keduanya tidak sepakat dengan maksud bahawa satu dari mereka ingin mewujudkan alam ini manakala satu yang lain ingin meniadakan “ (adam) alam ini, maka tidak akan terhadai kehendak mereka kerana tidak akan bersatu dua perkara yang berlawanan, dan tidak akan jadi kehendak dari satu dari mereka sahaja tanpa yang satu lagi kerana membuktikan lemahnya satu pihak yang tidak dapat menunaikan kehendak, dan begitu juga seumpamanya kerana wujud kesamaan antara mereka ”.

“ Dan jika diteliti tidak sah pula jika dikatakan dua Tuhan ini bertolak ansur kerana martabat ketuhanan menghendaki kemenangan yang mutlak “

nabi Nuh<sup>348</sup>, Nabi Ibrahim<sup>349</sup>, Nabi Ya'akub<sup>350</sup>, Nabi Musa, Nabi Isa dan Nabi Muhammad<sup>351</sup>.

Kekuasaan Allah ini ternyata jauh berbeza dengan sifat dan kuasa makhluk yang diciptakan oleh Tuhan. Kajian mendapati bahawa kata kunci utama yang menjelaskan wujud makhluk adalah ciptaan. Dalam erti kata lain, ulama' akidah Ahli sunah Waljamaah sepakat menegaskan bahawa semua makhluk terjadi melalui proses penciptaan dan menyebabkan makhluk adalah bersifat baharu. Semua makhluk diciptakan oleh Tuhan dan tiada satu pun yang wujud dengan sendiri. Allah menciptakan makhluk dengan kuasanya dan zat yang lain dari dirinya.

Kajian turut mendapati bahawa ulama akidah Islam Ahli sunah Waljamaah bersepakat bahawa proses penciptaan makhluk ini bermula daripada tiada kepada ada dan kemudian akan binasa. Sebagai contoh, dalam konteks penciptaan manusia, al-Quran menjelaskan bahawa proses penciptaan manusia dijadikan dari tanah dan kemudian ditiupkan roh Tuhan kepadanya. Ini membuktikan bahawa manusia itu mempunyai unsur fizikal (tanah) dan rohani (roh)<sup>352</sup>. Proses penciptaan ini berlaku

---

<sup>348</sup> Al Quran, Al' Araf 7: 59,

<sup>349</sup> Mumtahanah 60 ; 4

<sup>350</sup> al Baqarah 2: 133

<sup>351</sup> , , dan ayat-ayat lain seperti al Ankabut ; 36, Hud,; 25-26, 50, Ali Imran ;4, 51, Al Maeidah 5;72. al Naml: 45, AL Saff: 14 dan seumpamanya

<sup>352</sup>Al-Quran, al Mukminun 23;12, al Rahman 55; 14 , al Sajdah 32 :9 dan al hijr 15: 28-29,

الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلَقَهُ<sup>ط</sup> وَبَدَأَ خَلْقَ الْإِنْسَانِ مِنْ طِينٍ

Bermaksud. Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu Dengan sebaik-baiknya, dan dimulakanNya kejadian manusia berasal dari tanah(7).

خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَلٍ كَالْفَخَّارِ ﴿١٤﴾

14. ia menciptakan manusia (lembaga Adam) dari tanah liat kering seperti tembikar,

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَلِقُ بَشَرًا مِّنْ صَلْصَلٍ مِّنْ حَمَإٍ مَّسْنُونٍ ﴿١٤﴾

kepada makhluk selain manusia seperti Malaikat yang dicipta dari Cahaya <sup>353</sup>, Jin daripada api<sup>354</sup>, dan proses alam yang disebut *sunnatullah*.

Kajian mendapati bahawa penjelasan al-Quran terhadap Sifat Makhluk mempunyai dua sudut pandang. Sebagai satu ciptaan Tuhan makhluk ini merupakan satu kewujudan amat mengagumkan namun tidak menafikan ia yang bersifat terbatas. Pandangan keterbatasan ini jelas kerana tiada manusia pun yang dapat menciptakan makhluk sejenisnya sendiri, atau manusia lain ataupun alam ini secara sempurna seperti yang telah ada. Bulan dan matahari tidak boleh bergerak tanpa ada yang mengerak dan mengaturkan gerakannya. Ini menunjukkan bahawa makhluk itu lemah dan memerlukan pentadbiran suatu kuasa lain yang Maha berkuasa juga berlaku dalam kejadian alam dan isinya<sup>355</sup>.

---

Bermaksud. dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat Yang kering, Yang berasal dari tanah kental Yang berubah warna dan baunya. Manakala bgai Hujah aqli penciptaan manusia ini telah boleh dirujuk kepada pandangan asha'ari dalam mendatangkan hujah penciptaan manusia sebagai bukti kewujudan Tuhan yang telah dijelaskan sebelum ini.

<sup>353</sup> Dalam konteks Malaikat, akidah Islam meletakkan kepercayaan kepada malaikat ini sebagai rukun iman ketiga di dalam Islam dan ini bermaksud mengingkari kewujudan Malaikat akan membawa kepada kekufuran .Ulama' akidah Islam bersepakat bahawa Allah telah menciptakan Malaikat dari cahaya dan malaikat ini tidak boleh dilihat dan berpotensi untuk berubah dan menyerupa sesuatu bentuk dengan keizinan Allah sw.t seperti yang berlaku pada nabi Isa yang mana malaikat Jibrail menyerupai seorang manusia yang datang kepada Maryam untuk mengkhabarkan bahawa beliau akan dikurniakan seorang anak . Dalam peristiwa nabi Ibrahim yang mana Allah mengutuskan malaikat Jibrail kepadanya dengan menyerupai seorang lelaki untuk membawa khabar bahawa isteri Ibrahim yang telah Tuah )(sarah) akan memperoleh anak . Begitu juga bagi kejadian Malaikat, al-Quran menjelaskan bahawa Malaikat ini telah wujud sebelum adanya kewujudan Manusia dan mereka adalah makhluk yang baik sangat patuh, taat dan ma'sum , gagah (tidak membuat sebarang dosa) dan patuh mengerjakan tugas-tugas yang diberikan oleh Allah s.w.t . Kepatuhan dan ketaatan mereka ini membuktikan wujudnya Allah atau pencipta dari makhluk untuk mereka patuhi dan semestinya Allah ini bukanlah dari kejadian yang sama dnegan mereka .

<sup>354</sup> Selain malaikat terdapat juga makhluk yang disebutkan sebagai Jin yang diciptakan daripada api sebelum kewujudan manusia lagi . Jin ini sebahagian nya beriman dan sebahagian ya tidak. Bagi kumpulan yang tidak beriman al-Quran menjelaskan ia sebagai Iblis atau syaitan . Maka Jin akan dihitung perlakuannya dan amalan mereka di hari akhirat. Jin juga seperti malaikat boleh menyerupai dan mengubah rupa mereka. Walubagaimanpaun jin sama sekali bukan malaikat kerana mereka tidak semestinya taat dan patuh kepada pencipta dan ayat yang menunjukkan jin ini akan dihitung menunjukkan Jin juga terikat dibawah sistem nilai Penilai Utama iaitu Tuhan.Maka Jin adalah makhluk berbeza dari Tuhan. Asal usul kejadian manusia akan membentuk fitrah manusia dan asal usul ciptaan makhluk-lain seperti jin, tumbuhan, dan sumpamanya akan menunjukkan fitrahnya maka hal ini merupakan asas utama bagi menjelaskan prinsip ke dua shingga prinsip ke enam dalam meta agama ini.

Berdasarkan hujah di atas membuktikan bahawa Makhhluk ini Baharu (tidak kekal) dan mempunyai kebergantungan kepada penciptanya. Maka dengan sebab ini kelamahan dan sifat makhhluk ini sekali gus menjadi dalil dan bukti wujudnya pencipta yang mustahil bersifat seperti makhhluk. Dalam erti kata lain, kesempurnaan kewujudan Manusia, Alam, dan semua makhhluk ini adalah bukti akan wujudnya satu kuasa yang Maha Berkuasa dan Maha Sempurna. Maka sesuatu yang lemah dan sesuatu yang Maha berkuasa ini adalah dua pertentangan sifat yang mustahil berlaku bagi sesuatu kewujudan yang sama. Maka ini membuktikan kewujudan Pencipta (Ideal) dan Ciptaan (Actual) adalah dua kejadian yang berbeza.

### **5.3.1.2 Tuhan dan Makhhluk menurut Kristian**

Dalam konteks Kristian, kajian mendapati Informan Kristian bersetuju bahawa Tuhan Itu Wujud. Tuhan adalah punca kejadian Makhhluk. Tuhan itu Esa. Tuhan adalah asas kepada semua kejadian (*Ground of Being*). Kewujudan Tuhan adalah telah sedia ada dan bukan dicipta oleh sesuatu yang lain. Bukti kewujudan Tuhan dapat dilihat dari wujudnya Alam semesta (*Universe*). Tuhan ini yang menciptakan alam. Namun dalam hal penciptaan alam, informan Kristian 1 menjelaskan bahawa Tuhan menjadikan Alam ini bersama dengan Jesus. Kasih antara Tuhan, Jesus ini akhirnya menjadikan alam, Selaras dengan ini, antara tujuan Tuhan menjadikan alam adalah untuk menunjukkan kasihnya. Pandangan ini dijelaskan dalam jadual di bawah.

---

<sup>355</sup> Keperluan kepada pencipta dan pentadbir ini turut dapat digarap dengan rasional dan manusia. Sebagai contoh, menurut imam Asha'ari mustahil makhhluk untuk berubah tanpa Pengubah. Asha'ari berhujah dengan mengambil contoh hakikat perubahan zaman manusia. Beliau menjelaskan bahawa:

“apabila kita memerhati keadaan manusia bermula dari peringkat bayi, meningkat remaja, menjadi dewasa, dan sehingga tua, kita ketahui manusia tidak berubah daripada muda kepada tua dan uzur dengan kehendaknya sendiri. Meskipun, manusia berusaha bersungguh-sungguh untuk menghilangkan keadaan tua dan uzur dan mengembalikan semula kepada keadaan muda, dia tidak mungkin melakukan perkara tersebut. Berdasarkan apa yang dinyatakan ini membuktikan bahawa bukanlah manusia yang mengubah keadaan dirinya dalam semua keadaan tersebut, bahkan terdapat pengubah yang mengubah daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain dan yang menguruskan setiap perubahan tersebut. Ini kerana perubahan daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain tanpa ada pengubah atau pentadbir adalah suatu yang mustahil”.

**Jadual 5.22: Kewujudan Tuhan informan Kristian.**

Isu	Huraian	Kod informan
Alam bukti kewujudan Tuhan	<p>Tuhan Punca Kejadian Kepada Makhluk. God the one Who make the universe. So the Christian Thologian ask how the god make the universe? There is the trinity of god comes in lah. Where we believe that " God is Love, so He must love another. He Love another would be than He sharing Love through Jesus. So right, Jesus also prior ya.. (pre existance). Than apakah Love, can two this love each other or they can love another? so the holy spirit that one which is Love and bind God and Jesus together and it is God. So the next question is, can they love another, different from them? So they said, yes they make a universe. God is spirit the universe is material. So this universe made, and God can also share the love with universe. So tujuan kejadian universe untuk show the love of God to universe iaitu alam semesta, semua binatang, tumbuhan dan yang paling tinggi adalah manusia.</p>	K1
	<p>Saya seperti yang disebut oleh paul tillich, dia kata God is the ground a being. God is not about being, but God is foundation of being so, maybe dalam Islam kita sebut Tauhid . Yang menunjukkan Tuhan source untuk semua creation.</p>	K5
Tuhan sedia ada wujud tanpa ada pencipta	<p>so the Christian always says God exist prior to universe. (pre existance). God the one Who make the universe. So the Christian Theologian ask how the god make the universe? There is where the trinity of god comes in lah. Where we believe that " God is Love, so He must love another. He Love another would be than He sharing Love through Jesus. So right, Jesus also prior ya.. (pre existance).</p>	K1
	<p>Did God create Jesus and holy spirit?.Consistantly we said, this is God he didnt created. They were already 3. So that the 3 can love each other.</p>	K1

**Sumber : Temu bual informan Kristian**

Selain itu, berdasarkan temu bual yang dijalankan Tuhan itu wujud The One adalah satu dan bukan tiga. Namun dia memilih untuk menonjolkan diri dalam tiga bentuk.

**Jadual 5.4: Penjelasan Bagaimana Tuhan itu wujud menurut informan Kristian**

Isu	Huraian	Kod informan
Tuhan itu satu	<p>The son of God is gelaran not he is son of god. I will agree you when you say God is not have a children. Then I say yes. It just “ The” gelaran in English Language</p>	K1
<p>Satu ada Tiga verses</p>	<p>Soalan: so maksudnya 3 ini yang ciptakan alam? Bukan Allah sahaja lah, tiga-tiga bersama lah.</p> <p>Jawapan: ha how to say ya.. yang tiga ni dia memang emm...how to say ya..i juga ada problem ya. Because i dont want to say there 3 gods. Yang penting tak de 3 gods, There is one God. We always say there is one God show himself in the three verses. Tapi this 3 versus is one God. Ini bukan tiga Tuhan. Because, Christian is monotheism yes monotheism. so the problem come when they said 1 +1+1 is 3..For us, we never say 1+1+1 because the analogy tu becomes 3. so we say another versus is 1 times 1 times 1 so equally 1.</p> <p>Soalan: so ada pemisahan antara Tuhan dengan jesus?</p> <p>Jawapan: Tak ada, Tuhan Jesus dan Holy spirit tiada pemisahan. Ya one God.</p> <p>Soalan: Tuhan dengan universe ada perbezaan. Tapi kenapa nama dia ada 3?</p> <p>Jawapan: Dalam kejadian ada sign dia. Bab1 ayat 1. God Said itu maksudnya " The Word of God". He create out of nothing, he just said. Tuhan hanya said and he jadi. So dia berkata, so how does Tuhan berkata, so Jesus lah, he is the word of God. He is the Logos. So John Chapter 1: 14 adalah macam mirror (the word became flash, be father full of grace, tu mengenai Jesus. Jesus is spirit adalah flash.Jesus spirit yang terjadi sebelum universe ni.Fizikal dia, bila john chapter 1 say he took on flash barulah jesus ada fizikal di atas kosmo.</p> <p>Soalan: Maksudnya yang bersama dengan Tuhan adalah Spirit kan?Jesus yang disalib tu tetaplh manusia kan?</p> <p>Jawapan: Ya but when he came born as a baby dia dah tukar jadi flash. So sekarang ,dia dah mati dah bangkit semula. Now the Question is apa dia sekarang di ? So sebagai Tuhan as God, dia dah bawa flasfh tu untuk bawa kepada</p>	K1



	<p>union bersama holy spirit. How to explain it ya.</p> <p>Soalan: So sekarang dia dah bersama dengan Tuhan balik ya? fizikal atau spirit?          Jawapan: dia sudah bawa bersama flash dia, so secara fizikalnya dia sekarang bersama Tuhan. Ia dah mati, dah bangkit, dan sebelum pergi ke God head, so Jesus now, dia spirit dan flash menjadi satu. Dulu tak ada, dulu spirit sahaja. Masa spirit dan masa spirit dan fizikal, Jesus tetap dianggap God.</p> <p>Soalan: Masa dia baby, dia dianggap God ka?          Jawapan: Oh ya juga, tapi masa tu dia ada limit kerana dalam keadaan flash. So he have to go through the life lah.</p>	
	<p>some people were choose Christian polytheism (syirik), say how can God show himself as a father son and holy spirit?. Yes that all are god, say no that not, its say god choose himself in 3 ways,</p>	K2
	<p>I believe that's only one God. It can't be many gods. so who is the chief god? kan antara mereka nanti mesti pula ada ketua. So that's only one God. can be only one god.</p>	K2
	<p>I will say from theology perspective. Yes, I must saying that was One god.</p>	K3

**Sumber: Temu bual Informan Kristian**

Berdasarkan jadual di atas, informan Kristian setuju mengatakan bahawa Tuhan itu jadi dengan sendiri. Hujah ini menjadi tunjang kepada penjelasan perbezaan Tuhan dan Makhhluk di dalam Kristian. Dalam kajian sistematik Enss, beliau membahagikan sifat-sifat Tuhan kepada Sifat Absolut (Tetap) dan Relatif. Antara sifat-sifat Tuhan yang *absolute* adalah seperti:

- Tuhan tidak memiliki bentuk

Tuhan adalah roh, yang tidak memiliki bentuk. Bentuk memiliki batasan namun Tuhan tidak. Tuhan maha hadir dan tidak dapat dibatasi. Walaupun Tuhan tidak memiliki tubuh tetapi ia mempunyai sifat namun sifatnya tidak bersifat kebendaan (material). Ini bermaksud Tuhan tidak mempunyai fizikal .

"God [is] Spirit, and those who worship Him must worship in spirit and truth."

John 4;24

Maka terdapat larangan untuk menjadikan atau membuat apa sahaja yang bertujuan menyerupai Tuhan

"You shall not make for yourself a carved image, or any likeness [of anything] that [is] in heaven above, or that [is] in the earth beneath, or that [is] in the water under the earth;

Exodus 20;4

- Tuhan wujud dengan sendiri.

Sifat ini membawa maksud bahawa Tuhan memiliki kewujudanNya dari dirinya sendiri/ Tuhan wujud dengan sendiri dalam kewujudanNya, kehendakNya, ketentuanNya , ciptaanNya, dan semua perkara. Malah semua perkara adalah bergantung pada Tuhan. Hal ini ditekankan dalam kenyataan;

And God said to Moses, "I AM WHO I AM." And He said, "Thus you shall say to the children of Israel, 'I AM has sent me to you.'"

Exodus, 3;14

Enss menjelaskan bahawa dalam kenyataan ini Tuhan mengatakan kekuasaan diriNya bermula dengan penekanan "Aku adalah Aku"..<sup>356</sup>

- Tidak Berubah.  
Menurut Enss<sup>357</sup>, tidak berubah ini membawa maksud kesempurnaan Tuhan. Dalam hal ini, Tuhan terhindar dari sebarang perubahan sama ada dalam kewujudanNya, kesempurnaanNya, tujuanNya, janjiNya dan bebas dari kekurangan, tua, luput dan seumpamanya. Enss menyatakan bahawa prinsip perubahan adalah membawa sesuatu

---

<sup>356</sup> Enss;231. semua hal yang hidup bergantung pada benda atau orang lain dilihat boleh dihujahkan apabila ia akan menghasilkan pertanyaan adakah Tuhan tidak bersifat hidup?. Dalam hal ini kajian ini mengambil perumpamaan dengan penegasan yang diberikan oleh, dr wan adli wan rami dalam menyatakan isu Wujud Tuhan. Menurut dr wan adli, dalam konteks Islam perlu diingatkan bahawa kita perlu menyatakan bahawa semua benda yang baharu ada pencipta bukan semua yang wujud ada pencipta. Kerana Allah itu wujud tapi tiada pencipta dan Allah bersifat qadim.

<sup>357</sup> Enss, Ibid,234

kepada keadaan yang lebih baik atau lebih buruk, namun bagi Tuhan yang telah sempurna, tidak memerlukan sesuatu yang lebih baik atau lebih buruk dan ini tidak mungkin bagi Tuhan. Doktrin tidak berubah ini, dijelaskan dalam

"For I [am] the LORD, I do not change; Therefore you are not consumed, O sons of Jacob.

Malachi 3:6 :

- Kesatuan

Kesatuan Tuhan ini menggambarkan dua perkara iaitu Pertama: Sifat ini menekankan bahawa Tuhan adalah satu jumlah. Kepercayaan ini memisahkan orang Israel dari bangsa yang mempercayai *polytheistic*. Kedua: Kesatuan Tuhan itu menekankan bahawa Tuhan bukanlah satu bahagian dan tidak dapat dibahagikan mengikut bahagian-bahagian. Menurut Ens, pernyataan ini menekankan bahawa “ kesatuan bahagian dalaman Tuhan”. Hanya Tuhan saja Tuhan , tidak ada yang lain yang dapat disamakan dengan kemuliaannya

"Who [is] like You, O LORD, among the gods? Who [is] like You, glorious in holiness, Fearful in praises, doing wonders?

(Exodus: 15.11),

- Kebenaran

Menurut Ens, kebenaran ini membawa maksud fakta-fakta yang selaras dengan realiti . Apabila dikaitkan dengan Tuhan, kebenaran adalah kesempurnaan dari kewujudanNya memberikan jawapan yang sepenuhnya mengenai idea Tuhan Tritunggal di mana wahyu Nya dapat dipercayai secara sempurna dan dapat dibuktikan. Penjelasan ini bermaksud Tuhan itu benar yang dibezakan dengan semua yang lain . Tidak ada seperti Tuhan. Semua firman dan wahyu dapat dipercayai. Tuhan mengetahui hal sebagaimana adanya Ia. Tuhan adalah permulaan dari semua pengetahuan . Tuhan yang menyebabkan pengetahuan itu diketahui oleh manusia supaya manusia memiliki persekutuan dengan

Tuhan. Tuhan itu benar secara komprehensif. “ Tuhan adalah sumber semua kebenaran bukan dalam hal agama dan moral sahaja, malah dalam setiap bidang ilmu pengetahuan.

do not fear, nor be afraid; Have I not told you from that time, and declared [it]? You [are] My witnesses. Is there a God besides Me? Indeed [there is] no other Rock; I know not [one].” Those who make an image, all of them [are] useless, And their precious things shall not profit; They [are] their own witnesses; They neither see nor know, that they may be ashamed. Who would form a god or mold an image [That] profits him nothing?

Isaiah 44:8-10

- Kasih

Tuhan adalah kasih. Dalam hal ini Enns menjelaskan bahawa kasih Tuhan dapat diluaskan sebagai kesempurnaan dari fitrah Ilahi. Perkataan kasih ini selalu digunakan bagi menjelaskan Tuhan dan responsnya kepada manusia. Hubungan kasih ini dijelaskan dalam :

For God so loved the world, that he gave his only begotten Son, that whosoever believeth in him should not perish, but have everlasting life.

John 3:1<sup>358</sup>

- Kesucian (Kudus)

Secara asasnya, kudus bermaksud dipisahkan (Ibrani *Qedosh* dan Yunani *Hagiazo*) .

Kebanyakan sarjana melihat kudus ini sebagai sifat utama Tuhan kerana kekudusan ini meliputi semua sifat Tuhan yang lain dan selaras dengan kewujudannya dan semua yang dilakukannya. Kudus ini merangkumi *Transcendent*. *Transcendent* ini membezakan Tuhan dengan dari semua makhluk ciptaan Nya dan Tuhan dimuliakan melebihi mereka semua dalam kemuliaan yang tidak terbatas. Dalam kesucian ini, Tuhan lah yang menjadi panduan dan asas moral dan etika. Tuhan adalah hukum tersebut dan yang memberikan nilai ke atas sesuatu perkara seperti yang dijelaskan

---

<sup>358</sup> 38 For I am persuaded, that neither death, nor life, nor angels, nor principalities, nor powers, nor things present, nor things to come,<sup>39</sup> Nor height, nor depth, nor any other creature, shall be able to separate us from the love of God, which is in Christ Jesus our Lord. (Roman 8:38-39).

O give thanks unto the LORD; for he is good: for his mercy endureth for ever. (Psalms 136:1)

“For thus saith the high and lofty One that inhabiteth eternity, whose name is Holy; I dwell in the high and holy place, with him also that is of a contrite and humble spirit, to revive the spirit of the humble, and to revive the heart of the contrite ones.”

Isaiah 57;15.

Selain itu, Kristian juga mengakui bahawa wujudnya sifat tuhan yang relatif. Menurut Enss<sup>359</sup>, penggunaan istilah relatif bagi kategori sifat-sifat Tuhan berkaitan dengan masa dan waktu. Sifat-sifat Tuhan yang relatif ini adalah:

- Kekal

Kekal Tuhan ini membawa maksud bahawa Tuhan tidak dibatasi dengan waktu. Sifat kekalnya Tuhan ini dijelaskan dalam ayat-ayat berikut”

Before the mountains were brought forth, Or ere You had formed the earth and the world, Even from everlasting to everlasting, You [are] God.

Psalam 90; 2:

Menurut Enss, kata “ Aku adalah Aku” menurut sebilangan sarjana adalah kata kerja Ibrani (*hayah*) yang membawa maksud “ yang ada” . Oleh itu, nama Tuhan hayah ini menggambarkan kekekalanNya di mana ia adalah “ yang terus menerus ada”.

- Tidak Terbatas

Sifat Tuhan tidak terbatas. Ini digambarkan sebagai “ kesempurnaan dari kewujudan Tuhan dimana ia bersifat *Transendent* (diserap) ke atas semua batasan dan runag , dalam tetap hadir dalam, setiap titik ruang. Hal ini dijelaskan dalam ayat-ayat berikut:

---

<sup>359</sup> Enss, (1989), 236

"But will God indeed dwell on the earth? Behold, heaven and the heaven of heavens cannot contain You. How much less this temple which I have built!

1 King: 8;27

Menurut Enss <sup>360</sup>, dalam ayat ini Solomon mendeklarasikan “ Sesungguhnya langit bahkan laut yang mengatasi segala langit pun tidak dapat memuatkan Engkau.”Solomon telah menggambarkan Tuhan yang sangat besar tetapi ia menyadari bahawa Tuhan ini tidak dapat dibatasi oleh sesuatu ruang, Ia tidak sama dengan tubuh manusia yang terikat dan terbatas dengan ruang. Dalam kewujudan Tuhan, Tuhan ada dalam di semua tempat , tetapi tidak sama dengan manusia . Tuhan tidak tinggal di bumi seumpama Tuhan tinggal di syurga, tidak di dalam binatang seumpama tinggal dalam manusia, tidak di dalam yang jahat sebagaimana yang baik seperti yang dijelaskan:

Thus says the LORD: "Heaven [is] My throne, And earth [is] My footstool. Where [is] the house that you will build Me? And where [is] the place of My rest?

Isaiah 66;1<sup>361</sup>

- Tuhan Tritunggal (*Trinity*)

Tuhan Tritunggal adalah satu fundamental doktrin dalam keimanan penganut agama Kristian. Menurut Enss , kepercayaan doktrin ini membezakan antara Kristian ortodoks dan bukan ortodoks. Walau bagaimanapun Enss menekankan bahawa doktrin Tritunggal ini tidak dapat difahami oleh pemikiran manusia dan secara logik. Perkataan tritunggal itu sendiri tidak dapat ditemui dalam kitab suci Kristian dan gereja mula diarahkan untuk mengajar subjek ini dan mengukuhkan kebenarannya. Istilah tritunggal hanya membawa kecenderungan yang menekankan hubungan tiga peribadi.

---

<sup>360</sup> Enss, Ibid,236.

<sup>361</sup> Rujuk juga: (Jeremy: 23; 23-24)"[Am] I a God near at hand," says the LORD, "And not a God afar off `Heaven [is] My throne, And earth [is] My footstool. What house will you build for Me? says the LORD, Or what [is] the place of My rest? (Act 7;48-49) "However, the Most High does not dwell in temples made with hands, as the prophet says.

Definisi tritunggal yang tepat adalah membawa maksud “ Tritunggal terdiri daripada tiga peribadi yang satu tanpa pemisahan zat, secara kompleks bersatu membentuk satu Tuhan. Maka fitrah Tuhan yang satu ini adalah tiga iaitu Bapa, Anak dan Roh Kudus. Hal ini dijelaskan bahawa :

- Tuhan adalah satu berkaitan kewujudan (Kewujudan Tuhan adalah satu )

Menurut Enss, dalam zaman sejarah awal gereja , pertanyaan berkaitan apakah Jesus dan Bapa adalah sama secara *Substance* atau *Essence*. Maka , Arius mengajar bahawa Jesus sama dengan Bapa dalam *Substance* namun Bapa lebih besar dari Jesus. Kesatuan secara hakikat (*essence*) dikaitkan dengan penjelasan . Tiga peribadi itu hanya berlaku dalam konteks sifat (*attribute*) Tuhan namun secara hakikat (*essence*) zat nya tidak berbahagi. Kesatuan secara zat juga membuktikan bahawa ketiga-tiga peribadi ini bukan bertindak secara berasingan., Ini merupakan penekanan utama yang ditekankan oleh Jesus semasa menghadapi tuduhan dari Yahudi seperti dalam kenyataan:

Then Jesus answered and said to them, "Most assuredly, I say to you, the Son can do nothing of Himself, but what He sees the Father do; for whatever He does, the Son also does in like manner.

John 5;19

Tritunggal ini juga difahami sebagai Tuhan dalam tiga peribadi yang berkaitan . Sebahagian teologi menggunakan perkataan lain untuk menjelaskan perbezaan antara tiga perkara ini adalah perbezaan hubungan dan bentuk.

- (i) Setiap peribadi memiliki *essence* (zat ) yang sama dengan Tuhan.
- (ii) setiap peribadi memiliki kesempurnaan Tuhan (wujud Tuhan secara sempurna dan menyeluruh dalam setiap peribadi ).

Penegasan ini boleh dilihat sebagai “ Dalam Tuhan tidak ada tiga individu bersama dan terpisah satu sama lain, tetapi hanya ada perbezaan antara peribadi dan zat Tuhan).”

Kesatuan tiga peribadi ini dapat dilihat dalam Perjanjian Lama seperti di mana Bapa telah mengutuk Mesiah dan Roh Kudus untuk berbincang memulihkan bangsa<sup>362</sup>.

Ketiga-tiga peribadi memiliki hubungan yang berbeza. Bapa tidak dilahirkan dan tidak berasal dari mana-mana peribadi pun namun Anak secara kekal berasal dari Bapa<sup>363</sup>. Enns, mencadangkan bahawa dalam hubungan Trinitarian ini, Anak secara kekal lahir dari Bapa. Roh Kudus secara kekal berasal dari Bapa dan Anak.<sup>364</sup> Perkataan proses menjelaskan hubungan Trinitarian Bapa, Anak dan Roh Kudus.

Tiga peribadi mempunyai autoriti atau keutamaan yang sama. Walaupun digunakan istilah proses dalam menjelaskan hubungan dan kaitan fungsi antara Tritunggal, namun penting untuk ditegaskan bahawa ketiga Peribadi ini mempunyai hak dan taraf yang sama. Bapa diakui mempunyai autoriti yang paling tinggi<sup>365</sup>, Anak Tuhan juga diakui setaraf dengan Bapa dalam segala hal<sup>366</sup> dan Roh Kudus pula diakui setara dengan Bapa dan Anak<sup>367</sup>.

Dalam konteks makhluk, sifat dan kuasa Tuhan di atas jelas berbeza dengan makhluk. Melalui Temu bual yang dijalankan, informan Kristian menjelaskan bahawa Makhluk itu diwujudkan melalui proses ciptaan dari tiada kepada ada bukan secara evolusi dan makhluk itu bukan Tuhan. Hal ini dirincikan dalam jadual di bawah:

**Jadual 5.23: Kewujudan Makhluk menurut informan Kristian**

Isu	Huraian	Kod Informan
Makhluk adalah ciptaan (Creator)	We are not God. Neither a god light. We are make from image sof god to be a children of God. God created us. So if I am just a creature I am not god. But for new age, I can be God	K1
	Dalam kejadian ada sign dia. Bab1 ayat 1. God Said itu maksudnya " The Word of God". He create out of nothing, he just	K1

<sup>362</sup> Isaiah 61;1

<sup>363</sup> John 1;18, 3;16, 18. 1 John 4;9.

<sup>364</sup> John 14;26, 16;7.

<sup>365</sup> 1 kor 8;6

<sup>366</sup> John 5;21-23

<sup>367</sup> Mat 12:31



	said. Tuhan hanya said and he jadi. So dia berkata, so how does Tuhan berkata, so Jesus lah, he is the word of God. He is the Logos. So John Chapter 1: 14	
	think that we go to fundamental issue Human beings are created by God. Since they were created by God, we have to respect. So it is theological, presupposition understanding. But it must do. Respect the others.	K3
	so when we study of God, theology and the teaching on respect, men are created by God, all about love,	K3
	I think this issue must go back to the book of Genesis (kejadian) chapter 1 and 2 are very important. Chapter 1 and 2 talk about human created in the image of God. Imago dei in Latin. So Imago dei is about God created us. And of course in the new statement, it said that God created earth through Jesus.	K5

**Sumber : Temu bual Informan Kristian.**

Menurut Enns, manusia adalah ciptaan Tuhan yang paling mulia di antara semua ciptaan lain. Mazmur mengatakan bahawa manusia dibuat hampir sama seperti Allah dan di mahkotai dengan kemuliaan dan hormat<sup>368</sup>. Kejadian lain juga adalah ciptaan Tuhan<sup>369</sup>. Proses penciptaan ini khasnya bagi manusia menjelaskan bahawa Kristian mempercayai bahawa makhluk khasnya manusia dicipta dari imej Tuhan bukan secara evolusi<sup>370</sup>.

<sup>368</sup> PSALMS8:6: You have made him to have dominion over the works of Your hands; You have put all [things] under his feet.

<sup>369</sup> Psalms 8;7-9: For thou hast made him a little lower than the angels, and hast crowned him with glory and honour.6 Thou madest him to have dominion over the works of thy hands; thou hast put all things under his feet:7 All sheep and oxen, yea, and the beasts of the field;8 The fowl of the air, and the fish of the sea, and whatsoever passeth through the paths of the seas.9 O LORD our Lord, how excellent is thy name in all the earth

<sup>370</sup> Genesis 1; 26-28: 1;26Then God said, "Let Us make man in Our image, according to Our likeness; let them have dominion over the fish of the sea, over the birds of the air, and over the cattle, over all the earth and over every creeping thing that creeps on the earth.1:27. So God created man in His own image; in the image of God He created him; male and female He created them.1:28Then God blessed them, and God said to them, "Be fruitful and multiply; fill the earth and subdue it; have dominion over the fish of the sea, over the birds of the air, and over every living thing that moves on the earth.

### **5.3.1.3 Analisis Prinsip Dualiti antara Tuhan dan Makhluk menurut Islam dan Kristian.**

Berdasarkan penjelasan hujah dan dalil naqli (wahyu) dan aqli dapat dirumuskan bahawa akidah Islam sepakat mengakui bahawa Allah itu wujud dan kewujudan Allah ini adalah berbeza dengan kewujudan makhluk dalam semua perkara dari mula kejadian makhluk sehingga berakhirnya kejadian makhluk tersebut. Hal yang sama juga dipersetujui dalam Kristian bahawa Pencipta dan makhluk adalah dua kewujudan yang berbeza.

Persamaan juga berlaku antara Islam dan Kristian dalam menyatakan bahawa perbezaan kewujudan Allah dan makhluk bermula dari perkara pertama iaitu hakikat kewujudan Allah dan seterusnya dibuktikan melalui perbezaan sifat-sifat Allah dan makhluk keseluruhannya membuktikan bahawa wujudnya kebergantungan makhluk kepada Allah dan ia adalah penjelasan bahawa kewujudan Allah itu Maha sempurna dan makhluk sebaliknya.

Perbezaan utama yang wujud adalah perbezaan dari mendefinisikan Esanya Tuhan. Konsep keesaan inilah yang menjadi titik beza utama antara Islam dan Kristian kerana *wahdaniyyah* (Esa Allah) menurut Islam menafikan wujud versi atau elemen lain yang digunakan bagi menggambarkan Tuhan atau membantu dalam perbuatan Tuhan. Walau bagaimanapun dalam konteks Kristian Tuhan itu adalah satu tanpa menafikan wujudnya *the Son of God* dan *Holy Spirit* sebagai elemen bersama sama Tuhan.

### **5.3.2 Prinsip 2: *Ideal Being* (Pencipta) Dan *Actual Being* (Makhluk) Mempunyai Hubungan Yang Relevan**

Kesinambungan dari penegasan yang dilakukan oleh al-Fārūqī dalam prinsip pertama bahawa kewujudan *Ideal* (Tuhan) dan *actual* (makhluk) adalah dua kejadian yang berbeza, al-Fārūqī seterusnya menegaskan prinsip kedua iaitu dalam hakikat perbezaan alam kejadian *Ideal* dan Aktual, masih tetap wujud hubungan antara keduanya. Kajian

mendapati bahawa hubungan Tuhan (*Ideal being*) dengan makhluk (*actual being*) yang cuba dijelaskan oleh al-Fārūqī melalui tiga konteks utama iaitu:

**i. Kerelevanan hubungan *Ideal* dan Aktual dibuktikan melalui hakikat aktual adalah perlunya untuk memahami *Ideal*.**

Al-Fārūqī turut menegaskan bahawa memahami sesuatu secara asas akan memberi pemahaman kepada perkara sebenar dengan tepat (*ipso facto*). Tidak dinafikan terdapat banyak sangkaan prejudis yang tidak berasas mendakwa bahawa untuk memahami perkara yang sepatutnya akan menimbulkan masalah untuk membezakan pemahaman yang asli (*genuine*) dan yang tidak benar (salah)<sup>371</sup> dan ia menjadi masalah serius dalam epistemologi, Namun ini tidak dapat mengubah hakikat bahawa pengetahuan mengenai (the *Ideal*) sesuatu perkara adalah berkaitan dengan pemikiran dan pemahaman akan hakikat yang difahami melalui realiti ( the *actual*)<sup>372</sup>.

**ii. Cara Aktual bagi mengetahui *Ideal* bukan melalui (penyerupaan kepada makhluk (*anthromoprisme*)).**

Perkara yang sepatutnya terjadi, secara asalnya adalah seruan kepada mengenali kejadian *Ideal* melalui realiti yang diciptakan. Kejadian *Ideal* tidak akan berubah ia kekal abadi. Bagi memahami *Ideal*, realiti tidak boleh bertindak sesuka hati. Sehingga mengumpamakan atau menyekutukan aktual secara suka hati kepada *Ideal* malah ia adalah satu kegiatan *anthropomorphize*<sup>373</sup>..

---

<sup>371</sup> Kajian mendapati pernyataan al-Fārūqī ini menggambarkan masalah utama apababil wujudnya usaha manusia untuk memahami Tuhan iaitu tasyabbuh atau yang diistilahkan dalam perbincangan tajsim dan tashbih. Kajian mendapati ini disebabkan oleh kecenderungan manusia untuk memahami Tuhan secara aqli berlebihan tanpa ada panduan wahyu sedangkan di dalam akidah Islam pemahaman secara aqli terhadap Tuhan mempunyai keterbatasan.

<sup>372</sup> Ibid 23.

<sup>373</sup> In this question, **anthropomorphize** is a verb that means to ascribe human features to something. When you talk about a thing or animal as if it were human, you're **anthropomorphizing** it. The Easter Bunny is an **anthropomorphized** rabbit. to ascribe human form or attributes to (an animal, plant, material object, etc.

Dalam hal ini, al-Fārūqī menyatakan bahawa prinsip yang kedua ini merupakan hujah penolakan kepada aliran pantheism dan mana –mana aliran yang menyatukan zat Tuhan dan makhluk. Ini kerana, al-Fārūqī menjelaskan bahawa aliran monism<sup>374</sup> dalam metafizik tidak boleh berpisah dari monism etika. Maka kesannya, jika semua di sana semuanya merupakan kejadian dalam satu alam yang sama, maka semua hakikat (fakta) adalah sama baik, atau tidak bernilai<sup>375</sup>.

### **iii. Hubungan Tuhan dan Makhluk tidak bercanggah kerana nilai dan hakikat sesuatu perkara tidak bercanggah.**

Ekoran dari penegasan bahawa Kewujudan *Ideal* (Tuhan) dan *Actual* (Makhluk) mempunyai hubungan, seterusnya al-Fārūqī menegaskan penafian kepada percanggahan nilai antara Tuhan dan Makhluk. Menurut al Fārūqī, penentu nilai (hakikat) tidak akan berbeza dan atau bercanggah dengan fakta (realiti). Nilai yang sebenar dan utama dalam semua hakikat adalah baik, bermoral, dan cantik, Tiga nilai ini merupakan pengukur utama untuk menentukan ke atas perkara –perkara yang bernilai baik atau sebaliknya sama dalam kejadian alam atau manusia, Hal ini ditegaskan oleh al-Fārūqī melalui kenyataan

---

<sup>374</sup> Monisma adalah satu aliran yang berpegang kepada teori atau doktrin yang menafikan perbezaan kewujudan atau dualiti dalam sebahagian perkara seperti antara benda dan mindan ATAU Tuhan Dan Manusia. Doktrin aliran ini adalah hanya kejadian Tuhan sahaja yang wujud. the doctrine that only one supreme being exists. . Dicapai dari (<https://www.google.com/webhp?sourceid=chrome-instant&ion=1&espv=2&ie=UTF-8#q=monism%20definition>).

Menurut Collin Dictionary, “*Monism adalah “(philosophy) the doctrine that the person consists of only a single substance, or that there is no crucial difference between mental and physical events or properties . Compare dualism. (philosophy) the doctrine that reality consists of an unchanging whole in which change is mere illusion . Compare pluralism. The epistemological theory that the object and datum of consciousness are identical the attempt to explain in anything in terms of one principle only.(* <http://www.collinsdictionary.com/>), ( Oxford advanced learners Dictionary) dan <http://www.merriam-webster.com/>

<sup>375</sup> Dalam hal ini al-Fārūqī mengkritik aliran panteisme sangat bersifat optimist scholastik yang mana mereka mempercayai bahawa semua makhluk yang baik dan jahat adalah makhluk melarat. Kritikan juga diberikan kepada pasimis yang mana mereka mempercayai semua makhluk yang jahat dan yang baik adalah menjadi penghenti atau pemutus pusingan yang tidak berkesudahan (nihilation). Seterusnya al-Fārūqī juga mengkritik pendapat yang sinis mengatakan proses hidup dan kewujudan adalah tidak lebih daripada semata-mata keperluan masa dan tempat sahaja. Bagi al Fārūqī, Semua pendapat ini adalah salah, bercanggah dengan fenomena etika.

“ the value is that through which the fact is or is not valuable, means that *Ideal* value is the prius (first) of all that is good , moral or beautiful. It is the standard of valuableness, of goodness in its most general sense which facts, whether by nature or through man’s agency, are supposed to realize or embody if they are to be valuable at all<sup>376</sup>.

Penjelasan al-Fārūqī ini adalah kesinambungan dari prinsip utama yang menegaskan bahawa the *Ideal* (value atau pemberi nilai ) dan *actual* (realiti atau perkara sebenarnya ). Jadi timbul persoalan, bagaimana pula jika terjadi nilai yang wujud tidak relevan dengan fakta(*irrelevant value and fact*). Al-Fārūqī menjelaskan bahawa jika nilai tidak relevan kepada fakta maka kewujudan dalam kejadian itu tidak dapat mendatangkan apa –apa faedah malah fakta itu akan menimbulkan banyak pertentangan dan perdebatan. .

Selaras dengan penjelasan dan penegasan di atas, kajian memahami bahawa jika prinsip pertama menegaskan Kewujudan Tuhan dan Makhhluk ini berbeza, maka prinsip kedua menegaskan hubungan Tuhan dan Makhhluk. Dapat dirumuskan bahawa Al-Fārūqī memberi ukuran bahawa relevannya hubungan Tuhan dan makhhluk dengan bukti Tuhan boleh difahami oleh Makhhluk tanpa perlu *Antrophormisme* dan Tuhan dan Makhhluk tidak bercanggah pada hakikatnya.

### **5.3.2.1 Kerelevanan Hubungan Tuhan (*Ideal*) dan Makhhluk (Aktual) menurut Akidah Islam**

Relevan hubungan Allah dan Makhhluk adalah dalam hubungan Khaliq (Pencipta) dan Makhhluk (Ciptaan). Pencipta itu boleh difahami. Memahami Allah adalah fitrah manusia yang diingatkan oleh Allah sw.t, kepada makhluknya dan peringatan ini akhirnya diistilahkan sebagai satu tuntutan mengenal Allah di dalam ajaran akidah Islam Allah sehingga di hukumkan sebagai satu kewajipan utama bagi setiap *mukalaf*<sup>377</sup>. Ahli sunah waljamaah

---

<sup>376</sup> Ibid 24.

<sup>377</sup> Mukallaf adalah orang yang telah sampai masa menerima taklif Allah atau dalam fiqh manhaji makna yang digunakan kepada mukalaf adalah orang yang sudah tertuntut untuk menjalankan tanggungjawab agama. Tanggungjawab yang dimaksydkan adalah orang Mukallaf ini sudah wajib untuk menjalankan

sepakat bahawa Allah telah mentaklifkan manusia supaya mengenaliNya. Allah menyuruh manusia mengenaliNya sepertimana yang diterangkan oleh Al-Quran dan Hadis<sup>378</sup>. Antara dalil yang membuktikan bahawa kecenderungan fitrah manusia mencari pencipta atau Tuhan adalah dalam firman Allah:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ  
 أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ  
 إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ﴿١٧٢﴾

Bermaksud: . dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil ia bertanya Dengan firmanNya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), Kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya Kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".

Ayat ini menjelaskan bahawa manusia sebelum diciptakan telah membuat lafaz janji atau saksi janji untuk mengakui Allah itu adalah Tuhan yang mereka. Ini menyebabkan setelah dilahirkan, fitrah manusia untuk mengetahui dan mencari Nya. . Pemahaman mengenai Allah ini dijelaskan atau disampaikan melalui wahyu yang diaplikasikan menjadi sebuah agama. Maka secara tidak langsung semua manusia memerlukan agama kerana di dalam agama mempunyai pengetahuan berkaitan akidah

---

semua suruhan Allah dan menjauhi larangannya dengan dua syarat iaitu 1. Sudah samapai usia dewasa (akil baligh) iaitu bagi lelaki (telah keluar mani atau cukup umur 15 tahun mengikut hitungan bulan Islam), manakala bagi perempuan (telakah keluar mani, atau telah keluar haid atau telah cukup umur 15 tahun mengikut hitungan bulan. 2. Beraqal waras (orang gila tidak termasuk di dalam kategori mukalaf), 3. Telah sampai kepadanya seruan Islam.

<sup>378</sup> • Ahli sunah Waljamaah menghukum kufur golongan Al-Qadariyah dan Ar-rafidah yang mendakwa bahawa Allah tidak mentaklifkan sesiapa pun supaya mengenaliNya.

- Ahli sunah waljamaah sepakat bahawa setiap ilmu kasbi nazari harus Allah menjadikannya idikannya ilmu yang idtirari terhadap maklumat-maklumatnya.
- Ahli sunnah waljamaah menghukumkan kufur kepada mereka yang mendakwa bahawa ma'rifah ma'rifah Allah di Akhirat adalah ilmu kasbi bukan idtirari.

(Ketuhanan , wahyu Tuhan , kenabian dan janji-janji Tuhan). Berdasarkan kepercayaan akidah ini maka agamalah yang akan membentuk sistem kehidupan dan kepercayaan manusia seharian dengan sistem kehidupan yang berteraskan agama yang benar dan baik maka lahirlah perlakuan yang membentuk tabiat-tabiati manusia<sup>379</sup>. Maka dengan sebab itu didalam Islam agama itu adalah fitrah atau di istilah kan sebagai *ad din al fitrah*.

Selaras dengan fitrah ini, maka setiap manusia yang beraqal sihat dan setiap makhluk Tuhan dapat memahami Tuhan . Bagi manusia, kajian mendapati bahawa ulama' akidah Ahli sunah Waljamaah bersepakat bahawa manusia itu dapat memahami kewujudan dan kekuasaan Allah yang dapat diyakini melalui dalil naqli (wahyu) dan aqli (aqal manusia). Dalam hal ini, Ahli sunah Waljamaah menjelaskan Zat Allah itu tidak boleh dilihat namun boleh dikenali, difahami melalui penjelasan nama-namaNya yang sekali gus menggambarkan sifat-sifatNya. Al- Quran menegaskan bahawa nama-nama Allah ini merupakan nama –nama yang baik maka manusia dan makhluk lain perlu untuk mengetahui agar dapat berzikir sebagai tanda mengingati Allah<sup>380</sup>. Ulama' Ahli sunah waljamaah bersepakat bahawa nama –nama Allah adalah lebih dari sembilan puluh sembilan nama. Ia tidak dihadkan atau dibataskan kepada jumlah tertentu<sup>381</sup>. Namun di

---

<sup>379</sup> Ringkasnya, kajian mendapati bahawa dari perjanjian fitrah maka manusia mencari pencipta mereka iaitu Tuhan, pencarian kepada Tuhan membentuk pemahaman akidah yang diyakini memberi kesan terhadap , pembentukan cara hidup (syariah) dan akidah ini akhirnya turut menghasilkan tabiat-tabiati (akhlak) manusia dia tas muka bumi. Maka agama ini mestilah mengandungi elemen atau doktrin akidah, syariah dan akhlak. Jika kekurangan salah satu doktrin maka belum lah dikatakan ia sebagai sebuah agama, mungkin ia merupakan sebuah sistem pemikiran.

<sup>380</sup> Al Qurn, Al' Arf 7:180 dan Isra' 7: 110

<sup>381</sup> Menurut al baghdadi, Ahli Sunnah waljamaah menegaskan bahawa nama-nama Allah terbahagi tiga bahagian. Bahagian pertama, nama-nama yang menunjukkan zat Allah seperti Maha Esa, Maha Kaya, Yang Awal, Yang Akhir, Yang Jelas, Yang Indah dan semua nama yang layak dan sesuai disifatkan untuk diriNya. Bahagian kedua, nama-nama yang menunjukkan sifat-sifat azaliah Allah seperti Maha Hidup, Maha Berkuasa, Maha Mengeetahui, Maha Berkehendak, Maha Mendengar, Maha Melihat dan semua sifat yang diambil dari sifat-sifat wujud dengan zatNya {sifat Qaimatun biddzatih). Nama-nama yang termasuk di bahagian pertama dan kedua ini adalah sifat-sifat Allah yang azaliah. Bahagian ketiga, nama-nama ambilan daripada Perbuatan-perbuatan atau laku perbuat (af'al) Allah seperti Pencipta, Pemberi Rezeki, Maha Adil dan senpamanya. Setiap nama Allah yang diambil daripada laku perbuatannya tidak boleh disifatkan kepada Allah sebelum wujud laku-laku perbuatan atAllah (hal ini boleh dicontohkan bahawa sebelum Allah memberI nemberim rezeki maka nama Allah sebagai Pemberi Rezeki tidak ada PAda Allah.) Kadangkala ada beberapa nama Allah yang membawa dua pengertian iaitu pengertian sifat azaliah dan

dalam hadis Rasulullah S.A.W terdapat 99 nama bagi Allah bukan tujuan untuk membataskan bilangan nama Allah tapi 99 ini dijadikan sebab untuk manusia menghafalnya agar dapat memasuki syurga<sup>382</sup>.

Walau bagaimanapun, Ulama' akidah Islam Ahli sunah Waljamaah turut menjelaskan bahawa kalimah "Allah" merupakan nama bagi Tuhan yang merangkumi semua sifat dan nama Nya yang lain. Allah itu diistilahkan sebagai Nama *Lafz al Jalalah* kerana disepakati sebagai satu nama Allah yang menggambarkan semua sifat Agung Tuhan sama ada dari sudut kewujudanNya, keEsaanNya, kekuasaanNya dan semua sifat-sifatNya tanpa terkecuali dan tanpa pertentangan. Walau bagaimanapun nama-nama lain bagi Tuhan menggambarkan sifat khususnya yang lain<sup>383</sup>. Ini jelas membuktikan bahawa dalam ajaran Islam, Allah tidak difahami dengan penyerupaan kepada makhluk, tidak memerlukan perumpamaan dalam bentuk jasad atau apa sahaja bentuk dewa dan perantaraan. Hal ini ditegaskan oleh Ulama' akidah Islam Ahli sunah Waljamaah bahawa

---

pengertian sifat perbuatan seperti nama Allah; Al-Hakim di mana jika kita ambil hikmat iaitu ilmu maka ianya nama daripada nama *azaliah*. Tetapi sekiranya kita ambil aspek kesempurnaan dan kerapian perbuatan-perbuatan Allah maka ianya nama ambilan daripada perbuatanNya bukan lagi merupakan sifat-sifat azaliah Allah .

<sup>382</sup> seperti yang dijelaskan dalam hadis di bawah :

ان الله تسعة وتسعين اسما مائة الا واحدا من أحصاها دخل الجنة

Sesungguhnya bagi Allah itu ada sembilan puluh sembilan nAma, seratus kecuali satu, barangsiapa menghafalnya masuk syurga.

Dan hadith: At Tirmidzi , dalam Sunan At Tirmidzi, t,th, hlm 3507 . Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah.

إِنَّ اللَّهَ تِسْعَةٌ وَتِسْعِينَ اسْمًا مِائَةً غَيْرَ وَاحِدَةٍ ، مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ . هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ ، الرَّحِيمُ ، الْمَلِكُ ، الْقُدُّوسُ ، السَّلَامُ ، الْمُؤْمِنُ ، الْمُهِيمُ ، الْعَزِيزُ ، الْجَبَّارُ ، الْمُتَكَبِّرُ ، الْخَالِقُ ، الْبَارِئُ ، الْمُصَوِّرُ ، الْغَفَّارُ ، الْقَهَّارُ ، الْوَهَّابُ ، الرَّزَّاقُ ، الْفَتَّاحُ ، الْعَلِيمُ ، الْقَابِضُ ، الْبَاسِطُ ، الْخَافِضُ ، الرَّافِعُ ، الْمُعِزُّ ، الْمُذِلُّ ، السَّمِيعُ ، الْبَصِيرُ ، الْحَكَمُ ، الْعَدْلُ ، اللَّطِيفُ ، الْخَبِيرُ ، الْحَلِيمُ ، الْعَظِيمُ ، الْغَفُورُ ، الشَّكُورُ ، الْعَلِيُّ ، الْكَبِيرُ ، الْحَفِيفُ ، الْمُقْبِثُ ، الْحَسِيبُ ، الْجَلِيلُ ، الْكَرِيمُ ، الرَّقِيبُ ، الْمُجِيبُ ، الْوَاسِعُ ، الْحَكِيمُ ، الْوَدُودُ ، الْمَجِيدُ ، الْبَاعِثُ ، الشَّهِيدُ ، الْحَقُّ ، الْوَكِيلُ ، الْقَوِيُّ ، الْمُتَيْنُّ ، الْوَلِيُّ ، الْحَمِيدُ ، الْمُحْصِي ، الْمُبْدِي ، الْمُعِيدُ ، الْمُحْيِي ، الْمُمِيتُ ، الْحَيُّ ، الْقَيُّومُ ، الْوَاجِدُ ، الْمَاجِدُ ، الْوَاحِدُ ، الصَّمَدُ ، الْقَادِرُ ، الْمُقْتَدِرُ ، الْمُقَدِّمُ ، الْمُؤَخَّرُ ، الْأَوَّلُ ، الْآخِرُ ، الظَّاهِرُ ، الْبَاطِنُ ، الْوَالِي ، الْمُتَعَالِي ، الْبَرُّ ، التَّوَّابُ ، الْمُنتَقِمُ ، الْعَفْوُ ، الرَّؤُوفُ ، مَالِكُ الْمُلْكِ ، ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ ، الْمُقْسِطُ ، الْجَامِعُ ، الْغَنِيُّ ، الْمُغْنِي ، الْمَانِعُ ، الضَّارُّ ، النَّافِعُ ، النُّورُ ، الْهَادِي ، الْبَدِيعُ ، الْبَاقِي ، الْوَارِثُ ، الرَّشِيدُ ، الصَّبُورُ ،

<sup>383</sup> Sebagai contoh 'Alim (Mengetahui) menggambarkan sifat "ilm Tuhan, Qadir ( menggambarkan sifat kuas Tuhan ) dan seumpanya. Selain itu, ia juga melibatkan pengetahuan terhadap sifat-sifat wujud Allah seperti Ilmu, Qudrah, iradah, Hayah, Sama', Basar, Kalam seperti yang telah diejelaskan dalam dalil-dalil kewujudan Allah di prinsip pertama.



pemahaman kepada Allah oleh manusia tidak boleh berlaku dalam *tajsim* (penjisman Tuhan dalam makhluk) dan *tashbih* (perumpamaan Tuhan dan Makhluk)<sup>384</sup>.

Lanjutan dari penolakan *Tashbih* Allah dan Makhluk, ulama' akidah Islam Ahli sunah waljamaah juga menafikan kebergantungan Tuhan pada tempat dan masa. Dalam hal ini, Allah pencipta alam ini tidak bertempat dan tidak bermasa. Ia tidak terlibat dengan masa dan ruang<sup>385</sup>.

Selaras dengan itu, ulama' Ahli sunah Waljamaah menegaskan bahawa mengenali Allah ini sama ada nama-nama Allah atau sifat-sifat Allah berpandukan kepada dua sumber iaitu naqli dan aqli. Panduan naqli merupakan sumber utama ia dikenali sebagai panduan dari wahyu (wahyu iaitu wahyu dari al-Quran dan hadis nabi Muhammad s.a.w, kerana al-Quran merupakan wahyu Allah terakhir yang disempurnakan dan diturunkan kepada nabi Muhamad s.aw untuk panduan umat akhir zaman)<sup>386</sup>. Manakala sumber aqli adalah sumber kedua atau sekunder iaitu melalui aqal manusia iaitu ijmak para ulama' dan usaha individu selaras dengan naqli dan ijma' para ulama'.

Walau bagaimanapun, akidah Islam tetap menegaskan hukum-hukum akidah dan syariat dari sumber wahyu (naqli) mestilah menjadi panduan utama dan neraca bagi membenarkan dalil-dalil dari aqal (aqli) yang lahir dari manusia bertujuan agar Allah s.wt ini dikenali dan difahami oleh makhluk selaras dengan yang disampaikan oleh Allah melalui wahyu naqli (Al-Quran dan Hadis).

---

<sup>384</sup> Ulama' sepakat bahawa mustahil pencipta alam ini ada rupa dan tubuh badan dan sekaligus menafikan dakwaan bahawa pencipta Alam ini berupa manusia. Menurut al-Baghdadi ini pandangan pelampau Ar-Rawafid dan pengikut-pengikut Daud Al-Jawaribi, Hisyam bin Salim U-Jawaliqi dan pengikut-pengikutnya dari golongan Ar-Rafidah. Ini juga berlawanan dengan pegangan kumpulan Al-Mughiriah dari golongan Ar-Rafidah bahawa anggota-anggota tuhan yang mereka sembah berupa huruf Al-Hija'yah.

<sup>384</sup> Pandangan pertama merupakan pandangan hasyimiyyah dan Karamiyah, pandangan yang kedua ini bertentangan juga dengan penjelasan Amir Al-Mu'minin Ali r.a.

<sup>385</sup> Pandangan pertama merupakan pandangan hasyimiyyah dan Karamiyah, pandangan yang kedua ini bertentangan juga dengan penjelasan Amir Al-Mu'minin Ali r.a.

<sup>386</sup> Al-Qur'anul Baqarah 2: 44, 219, al-Saba' 34: 46

Berdasarkan penjelasan di atas, kajian mendapati bahawa penafian yang tegas terhadap *tashbih dan mujassim* antara Tuhan dan makhluk membuktikan wujudnya penegasan terhadap perbezaan hakikat kewujudan. Namun kecenderungan berlakunya *tashbih* di kalangan manusia kerana wujudnya fitrah manusia yang berusaha untuk mengenali Tuhan.

Dari satu sudut lain, hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa wujudnya hubungan fitrah antara Tuhan dan MakhluK. yang sering mendorong manusia untuk mencari Penciptanya sama ada dengan cara Tauhid atau *Tashbih*. Bagi manusia, secara tidak langsung secara hakikat makhluk dan Tuhan tidak akan bercanggah kecuali apabila makhluk yang terpilih diberi membuat pilihan. Percanggahan Nilai antara Tuhan dan MakhluK bukan kerana hakikat asal kejadian tetapi kerana usaha makhluk membuat pilihan. Wujud hubungan yang relevan antara Tuhan dan makhluk (khususnya manusia) kerana secara fitrahNya setiap manusia ini telah ditiupkan oleh Allah akan ruhNya maka setiap manusia secara fitrah akan mengetahui adanya Tuhan. Bagi yang menggunakan akal dengan sebaiknya tanpa menafikan wahyu ini maka mereka akan mencari Tuhan dan menyedari akan hubungan ini, jika akal digunakan tanpa gandingan bersama wahyu, maka akhirnya menyebabkan mereka tidak sedar akan fitrah ini kerana keterbatasan akal untuk menjawab persoalan ketuhanan.

Hubungan Pencipta dan Hamba merupakan tujuan Allah menciptakan Manusia dan MakhluK yang lain agar dapat menyembah Allah dan mentaatinya<sup>387</sup>. Bagi makhluk selain manusia juga mempunyai hubungan yang relevan dengan Tuhan malah ia lebih lagi

---

<sup>387</sup> Al Quran, Yasin 36: 60-61, Al Zariyat, 51: 56-57.

kerana fitrah kejadian makhluk selain manusia dan jin adalah beragama Islam dan patuh tiada kebebasan pilihan<sup>388</sup>.

Penjelasan di atas membuktikan bahawa manusia mempunyai hubungan yang relevan dengan Tuhan. Bagi mengelakkan berlaku pertentangan manusia khasnya makhluk yang istimewa mestilah memahami Tuhan dan panduan yang disediakan.

### 5.3.2.2 Hubungan tuhan dan Makhluk menurut informan Kristian

Dalam konteks Kristian, hubungan Makhluk dan Tuhan juga di dalam hubungan pencipta dan ciptaan. Hal ini dijelaskan dalam jadual di bawah.

**Jadual 5.24: Hubungan Tuhan dan Makhluk menurut informan Kristian**

Isu	Huraian	Kod Infoman
Makhluk adalah ciptaan (Creator)	We are not God. Neither a god light. We are make from image son god to be a children of God. God created us. So if I am just a creature I am not god. But for new age , I can be God	K1
	think that we go tu fundamental issue. Huma being are created b god. Since they was created by God, we have to respect. So it is theological, presupposition understanding. But it must do. Respect the others.	K3
	so went we study of God, theology and the teaching on respect, men s are created by god, all about love, K3	K3
	Theology and ethic those day are together. God is Creator and we are creation. We must submit to god the creator and take care of creation. That is based on theology. (214;15)	K5
	Manusia ni cipta untuk creator dan mesti service atau sembah kepada pencipta. 214;52	K5

#### Sumber: Temu bual informan kristian

Berdasarkan penjelasan di atas, kajian merumuskan bahawa ajaran Kristian turut menyatakan hubungan antara Tuhan dan Makhluk adalah relevan. Ia boleh dilihat dalam konteks Tuhan sebagai asas kebergantungan makhluk. Semua ciptaan ini bergantung sepenuhnya pada Tuhan .

<sup>388</sup> Al Quran, Ar ra'd 13;15 dan Ali Imran 3:83. Kalimah طَوْعًا وَكَرْهًا menggambarkan fitrah alam dan semua makhluk selain manusia dan jin adalah patuh tanpa pilihan.

Menurut Enss, Kritsian mempercayai bahawa Tuhan dan makhluk mempunyai hubungan yang relevan. Hubungan utama adalah makhluk mematuhi Tuhan. Kristian juga mempercayai bahawa Tuhan iu boleh difahami melalui nama-nama, sifat dan perbuatannya seperti yang dijelaskan dalam kenyataan:

God that made the world and all things therein, seeing that he is Lord of heaven and earth, dwelleth not in temples made with hands;<sup>25</sup> Neither is worshipped with men's hands, as though he needed any thing, seeing he giveth to all life, and breath, and all things;<sup>26</sup> And hath made of one blood all nations of men for to dwell on all the face of the earth, and hath determined the times before appointed, and the bounds of their habitation;<sup>27</sup> That they should seek the Lord, if haply they might feel after him, and find him, though he be not far from every one of us:<sup>28</sup> For in him we live, and move, and have our being; as certain also of your own poets have said, For we are also his offspring.

Acts; 17:25,28.

1:18 For the wrath of God is revealed from heaven against all ungodliness and unrighteousness of men, who suppress the truth in unrighteousness, 1:19 because what may be known of God is manifest in them, for God has shown it to them. 1:20 For since the creation of the world His invisible attributes are clearly seen, being understood by the things that are made, even His eternal power and Godhead, so that they are without excuse, 1;21 because, although they knew God, they did not glorify Him as God, nor were thankful, but became futile in their thoughts, and their foolish hearts were darkened.

(Roma 1:18-20)..

Hubungan Tuhan dan manusia adalah relevan kerana manusia diciptakan dari imej Tuhan.

Inilah yang membezakan manusia dengan makhluk yang lain kerana penciptaan manusia dari imej Tuhan membawa makna penciptaan yang sempurna. Hal ini jelas dalam ayat:

and that you put on the new man which was created according to God, in true righteousness and holiness.

Ephesian 4;24

and have put on the new [man] who is renewed in knowledge according to the image of Him who created him,

Collosians 3:10.

Dua ayat ini menunjukkan wujudnya tiga imej utama Tuhan dalam diri manusia iaitu kebenaran (righteousness), kekudusan(holiness), dan pengetahuan (knowledge). Kebenaran ini bermaksud, Sebelum kejatuhan manusia ke dalam dosa, manusia menginginkan dan melakukan semua kebenaran Tuhan di dalam ketaatan yang sempurna. Manusia menjalankan semua perintah Tuhan dalam kebenaran. Kekudusan ini bermaksud bahawa, manusia dapat hidup dan berinteraksi kepada Tuhan melalui hati yang bersih dan sentiasa takut kepada Tuhan.

- Tuhan boleh difahami

Dalam konteks pemahaman Tuhan, informan Kristian menjelaskan bahawa dalam agama Kristian Tuhan hanya boleh difahami melalui merasai kehadiran Tuhan melalui kalimah Tuhan (Jesus) atau Holy Spirit ke atas diri masing-masing dipandukan kepada Bible. Pandangan informan Kristian terhadap isu ini dijelaskan dalam jadual di bawah:

**Jadual 5.25: Memahami Tuhan menurut informan Kristian**

ISU	KRISTIAN	KOD INFORMAN
Faham Tuhan melalui ajaran Kalimah Tuhan , wahyu dan Bible	<p>Tuhan memberi perintah kepada makhluk. melalui the word of God.</p> <p>Bagaimana Christian nak mengenali Tuhan? Wahyu is revelation dan Kitab is buku. Christian theology, sebelum ada kitab , God is wahyu kepada manusia. Tapi men untuk record kan wahyu membawa kepada kitab. Ada banyak orang yang contribute terhadap kitab ni . Dari wahyu, general revelation apa yang you nampak dunia. special revelation adalah wahyu Tuhan kepada manusia, direct kepada manusia, mcm Tuhan cakap direct pada Moses. Special revelation is wahyu, dan wahyu become record yang bertulis. Dan bertulis tu later become kitab. Tapi banyak orang yang telah dapat special wahyu Tuhan ni, seperti David, Moses , etc, yang tulis all different book. They have terima wahyu . Wahyu its not jus God talking to them.</p> <p>so sekarang, we have kitab, tapi they cannot say that God was not speak. Yes god speak from the bible, tapi God also speak from general revelation atau dari</p>	K1

	<p>orang lain kepada you. Through holy spirit. Tapi apa yang Tuhan cakap kepada saya mesti consistent dengan apa yang dia kata dalam kitab. Tak boleh bercanggah.</p> <p>kita boleh pray dan tahu God . Apakah sign yang Tuhan kata okay?. I tell my friend this is the sign that i one.</p>	
Arahan dan panduan Tuhan melalui Kitab Suci	But for us, we are believe in progressive revelation. God is <i>actually</i> revealing new things to us event do we got a kitab. The kitab is fix already. But we have knew insight.	K2
	Tuhan jadi kan kita bersama pandan untuk kita ikut. Yes Christian pun ada .Torah , 10 commandment prophet, Christianity yang paling penting adalah Jesus lah. Lebih kurang Muslim refer kepada Muhammad pada Christian should refer to bible and Jesus	K5

**Sumber: wakil Informan Kristian**

Hal ini menjelaskan bahawa Kristian juga mempercayai bahawa pengetahuan tentang Tuhan sudah ada secara fitrah dalam diri manusia<sup>389</sup> .Namun pengetahuan ini berkemungkinan bukan dalam keadaan yang benar. Maka ini menyebabkan perlunya (the Word) of God (Jesus) dan Holy Spirit untuk memberi bimbingan. Selaras dengan ini, pemahaman Kristian terhadap Tuhan dijalankan melalui pemahaman ke atas *word of God*. *Word* tuhan ini bukan sahaja secara ayat, namun jelas dijelmakan dalam tubuh manusia melalui Jesus agar segala-galanya difahami dengan mudah oleh manusia . Keimanan Kristian meletakkan Jesus itu Tuhan yang hadir untuk memberi faham Tuhan.

<sup>389</sup> seperti kenyataan:

2;14 for when Gentiles, who do not have the law, by nature do the things in the law, these, although not having the law, are a law to themselves,2;15

1:1 In the beginning was the Word, and the Word was with God, and the Word was God. 1:2 He was in the beginning with God. 1:3 All things were made through Him, and without Him nothing was made that was made. 1:4 In Him was life, and the life was the light of men. 1:5 And the light shines in the darkness, and the darkness did not comprehend it.

John 1:1-5

Bagaimana *Word* ini menjadi manusia bila di bumi. Menurut informan Kristian 1 dan 5, Yesus bertukar menjadi *flesh*. Seperti dalam kenyataan

1:14 And the Word became flesh and dwelt among us, and we beheld His glory, the glory as of the only begotten of the Father, full of grace and truth. 1:15 John bore witness of Him and cried out, saying, "This was He of whom I said, 'He who comes after me is preferred before me, for He was before me.'" 1:16 And of His fullness we have all received, and grace for grace. 1:17 For the law was given through Moses, [but] grace and truth came through Jesus Christ. 1:18 No one has seen God at any time. The only begotten Son, who is in the bosom of the Father, He has declared [Him].

John 1:14-18

Selaras dengan ini kajian mendapati wujudnya usaha dari ajaran Kristian untuk memberi faham berkaitan Tuhan dengan menggunakan contoh secara fizikal manusia<sup>390</sup>. Namun, Enns menegaskan bahawa kenyataan ini bukan bertentangan dengan prinsip Tuhan tidak boleh digambarkan. Ia merupakan *antromophomisme* (iaitu bahasa gambaran di mana Tuhan telah diberi karakter manusia dan digunakan untuk tujuan kefahaman manusia<sup>391</sup>). Pendekatan dalam memahami ayat ini akan membuktikan kecenderungan pentafsir untuk bersifat *antromophomisme* atau tidak.

---

Genesis 3;8 And they heard the sound of the LORD God walking in the garden in the cool of the day, and Adam and his wife hid themselves from the presence of the LORD God among the trees of the garden.

Psalms 34;17: The righteous cry, and the LORD heareth, and delivereth them out of all their troubles.

Isaiah 35;2 I have spread out my hands all the day unto a rebellious people, which walketh in a way that was not good, after their own thoughts;

<sup>391</sup> <sup>391</sup> Enns, (1989), 230.

### 5.3.2.3 Analisis Kerelevanan hubungan Tuhan dan Makhluk dalam Islam dan Kristian

Kajian mendapati bahawa Islam dan Kristian bersama-sama meletakkan hubungan Tuhan dan makhluk sebagai satu hubungan yang relevan berasaskan kepada hubungan pencipta dan ciptaan. Islam dan Kristian mempercayai bahawa wujudnya pemahaman tentang Tuhan secara fitrah dalam diri manusia. Dalam akidah Islam, hubungan Tuhan dan makhluk khususnya manusia dilihat berlaku dalam tuntutan utama ajaran Islam iaitu tuntutan untuk mengenali Tuhan (*makrifatullah*) dan tuntutan untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai manusia makhluk yang istimewa menjadi syarat kepada setiap mukalaf melalui taklif Allah yang diberikan kepada manusia. Hal yang sama juga wujud dalam ajaran Kristian namun Tuhan itu mestilah difahami dengan dirasai .

Perbezaan timbul dalam isu penggunaan pendekatan *antromophisme* atau *tashbih* sebagai cara untuk memahami Tuhan. Dalam hal ini , Islam menolak penggunaan *antromophisme* atau *tashbih* . Tuhan boleh diperolehi melalui nama-nama sifat-sifat dan perbuatan Tuhan yang telah dijelaskan dari dalil wahyu, dan akal namun tidak sama sekali melalui pentafsiran ke atas gambaran makhluk iaitu. Tuhan boleh difahami walaupun tanpa dilihat kerana akal yang diberikan kepada manusia mampu untuk menanggapi nya dengan bantuan naqli wahyu.

Namun dalam konteks Kristian, pemahaman ke atas Tuhan juga dituntut melalui wahyu dan aqal. Namun dengan meletakkan Tuhan itu boleh dilihat dan dirasai, ajaran Kristian akhirnya melihat Jesus itu sebagai Tuhan yang diserapkan dalam bentuk manusia bagi memberi faham kepada manusia berkaitan Tuhan dan undang-undangNya. Malah perbezaan timbul apabila ajaran Kristian memberi fokus kepada keimanan kepada Tuhan merangkumi keimanan kepada Jesus dan Holy spirit sebagai sebahagian daripada Tuhan. Semua Kristian yang telah beriman dan *baptist* perlu dikira sebagai individu yang telah



dibersihkan hati untuk mengimani Tuhan. Individu ini dikira sebagai penjaga amanah Tuhan di alam semesta (trustee). Tuhan ini mempunyai dua keadaan Tuhan sebagai Pencipta dan Tuhan sebagai penebus, Tuhan Bapa dan Tuhan Anak . Ini kerana mereka beriman bahawa Tuhan Bapa telah menghantar kalam nya untuk menjelaskan diri nya kepada manusia. Kalam ini kemudiannya bertukar dalam bentuk manusia dan dianggap sebagai Anak Tuhan (The Lord atau The Master). Setelah *the Lord* disalib, maka pemahaman tentang Tuhan (God Dan Lord ) akan difahami melalui rasa kehadiran roh kudus.

Perbezaan yang besar juga berlaku dalam susunan sumber untuk memahami Tuhan dan ajaran Tuhan. Islam meletakkan wahyu al-Quran, dan kitab suci lain sebagai panduan yang Tuhan turunkan kemudian wahyu ini difahamkan kepada manusia oleh Nabi. Setelah nabi wafat, maka sunah dan ulama' di jadikan panduan dalam hal ini.

Namun dalam konteks Kristian , wahyu atau kalam tuhan ini diturunkan dalam bentuk manusia , dan kemudian manusia ini akan fahamkan kepada pengikutnya.. Kesannya panduan untuk memahami dan merasai Tuhan adalah panduan wahyu sama ada wahyu umum atau wahyu khas. Kefahaman berkaitan Tuhan boleh dididik dari awal usia namun merasai kehadiran Tuhan adalah selepas mendapat kebersihan minda iaitu melalui keimanan kepada Jesus. Ini kerana Jesus adalah *word* Tuhan yang melaksanakan kerja Tuhan di dalam alam. Setelah ketiadaan Jesus maka pemahaman dan panduan untuk merasai kehadiran Tuhan boleh dirujuk kepada wahyu istimewa yang diturunkan kepada orang tertentu seperti David, Moses dan semua penulis dalam kitab perjanjian lama dan baru, kemudian ia juga dirujuk kepada bapa-bapa gereja seperti Justin Martyr, St Augustine, Aquinas dan ramai lagi.

### 5.3.3 Prinsip 3: Kerelevanan Hubungan *Ideal Being* (Pencipta) Dan *Actual Being* (Makhluk) Adalah Satu Arahan Atau Ketentuan.

Al-Fārūqī menjelaskan kebebasan manusia ini diiktiraf bebas dan terbatas. Pengiktirafan diberikan ke atas keistimewaan manusia namun terbatas dengan disandarkan kepada konsep Allah maha berkuasa atas setiap sesuatu. Dalam hal ini, terdapat dua penegasan utama yang selalu diulang ulang dalam penulisan al-Fārūqī khususnya dalam penegasan kepada idea ini. Keperluan Tuhan kepada Yang Sebenarnya adalah satu perintah.

#### i. Alam *Ideal* mempunyai penentu nilai dalam memberi nilai kepada *actual*.

Elemen dalam *Ideal* saling lengkap melengkapi dan perlu difahami secara menyeluruh oleh manusia dan ia akan menjelaskan apa yang sepatutnya aktual perlu jadi. Seluruh kejadian *Ideal* adalah berkaitan dengan seluruh kejadian aktual. Dalam perkara ini, kajian mendapati bahawa al-Fārūqī cuba menjelaskan bahawa apa yang Tuhan jadikan dan tentukan merupakan perkara yang sepatutnya aktual itu jadi. Dalam erti kata lain *Ideal* yang menentukan sesuatu nilai bagi perbuatan aktual. Al-Fārūqī menjelaskan bahawa “ kejadian *Ideal* mempunyai hubungan kepada satu dan yang lain dalam membentuk nilai. Walau bagaimanapun kejadian *Ideal* telah memberi panduan apa yang perlu aktual jadi.

Dalam hal ini, al-Fārūqī menjelaskan bahawa *Ideal* itu adalah undang-undang semula jadi. *Ideal* tidak menghalang aktual untuk mematuhi. *Ideal* memberi arahan secara berterusan. Ini kerana ia adalah sebahagian dari perintah alam semula jadi, yang berbeza daripada undang-undang semula jadi, walaupun semua kewajipan mungkin atau tidak mungkin disedari oleh *actual*,

Dakwaan yang menafikan hubungan ini dengan mendakwa bahawa nilai aktual boleh menjadikan dirinya sendiri bertentangan dengan fakta etika kehidupan dan kejadian. Hujah al-Fārūqī dalam sistem nilai, perasaan ingin bertanggungjawab, atas kesalahan moral, atas suara hati, dan kebebasan beretika ini secara implisit nya

menunjukkan bahawa manusia berkemungkinan bertindak berlawanan. Jika nilai atau tidak dapat dinilai ini tidak dapat dielakkan, kemudiannya apa yang terjadi adalah semua perkara tidak dapat menentukan ia bernilai atau tidak bernilai<sup>392393</sup>.

**ii. Hubungan *Ideal* penentu Nilai (*Ideal*) yang menyediakan panduan untuk makhluk (*actual being*).**

Al-Fārūqī menyatakan dalam prinsip pertama bahawa kewujudan *Ideal* adalah berperanan sebagai panduan dan prinsip bagi peraturan dan penstrukturan kehidupan *actual*<sup>394</sup>. Dalam erti kata lain Tuhan sebagai pengawas, pemberi panduan dan berkuasa atas kehidupan manusia.

*“ Since the Idealm realm act as principle of classification, of the order and structure of actua bening it follows that it provide the pattern by which the actual is or not what it, the standard by which the actual is or is not valuable.”*

---

<sup>392</sup> Persoalan yang sering timbul adalah adakah Allah terlibat dalam perbuatan baik sahaja? Atau terkecuali dalam perbuatan buruk atau terlibat kesemuanya. Persoalan ini melibatkan kecenderungan besar iaitu pertama; kumpulan yang cenderung mentanzihkan sifat Allah dari sebarang bentuk kekurangan maka dengan sebab itu mereka mengatakan bahawa Allah terlibat dalam semua perbuatan baik dan terkecuali dari semua perbuatan buruk. Perbuatan buruk hanya dilakukan oleh manusia sendiri. Dari sudut lain, pendapat ini dikritik kerana seumpama melimitasi atau membataskan kuasa Allah sedangkan semua manusia Islam beriman bahawa Allah berkuasa atas tiap sesuatu dan tiada yang mustahil bagi Allah. Kedua, terdapat kumpulan yang cenderung untuk mengatakan bahawa semuanya bermula dan berlaku dengan izin Allah sama ada baik atau buruk. Maka sebagai manusia tidak perlu untuk berusaha kerana semuanya telah ditentukan oleh Allah, apa yang perlu hanya berdoa dan merapatkan diri kepada Allah. Kumpulan ini juga menerima kritikan kerana bersifat berserah semata-mata tanpa usaha dan tidak melaksanakan tugas akal yang ditaklifkan ke atas manusia dengan sewajarnya. Ketiga, wujud kumpulan yang mengatakan bahawa baik dan buruk semuanya datang dari Allah namun perkara yang buruk itu juga dilakukan oleh Allah iaitu diizinkan Allah tetapi bukan diredai oleh Allah. Hal ini dijelaskan sebagai *teori al kasb* atau usaha. Justeru kita sering dituntut untuk berlumba mencari keredaan Allah. Namun timbul pula persoalan jika Allah memberi izin atas semua perkara termasuk baik dan buruk, maka mengapakah manusia yang melakukan keburukan disabitkan kesalahan dan hukuman oleh Allah sedangkan ia diizinkan oleh Allah jua. Maka dengan sebab itu ditekankan oleh pelbagai sarjana Muslim termasuk al-Fārūqī bahawa Allah telah menjadikan manusia dan diberikan hidayah dan petunjuk berkaitan baik dan ganjaran serta perkara buruk dan hukuman. Maka aqal yang diberi dalam keadaan waras itu ditaklifkan untuk membuat pilihan.

<sup>393</sup> Pengecualian taklif ini diberikan ke dalam beberapa perkara iaitu ketika manusia itu tidur dan dalam keadaan yang tidak waras walaupun hanya satu saat. Ini menunjukkan bahawa Allah mengurniakan akal kepada manusia dan manusia ditaklifkan bersama kewarasan akal. Oleh itu manusia dituntut untuk menjaga kesihatan akal dengan baik. Kelalaian dan kealpaan manusia dalam menjaga kesihatan akal turut akan dipertanggungjawabkan. Antara cara penjagaan akal adalah seperti menjauhi perkara yang memabukkan, mengingati mati, mengingati ayat-ayat dan wahyu Allah, menggunakan akal dalam mentadbir alam dan seumpamanya.

<sup>394</sup> Al-Fārūqī, *Christian Ethic*, (1967), 22.

Dalam hal ini, al-Fārūqī turut menjelaskan bahawa sebagai asas kepada kewujudan makhluk (aktual), maka Tuhan (*Ideal*) menyediakan panduan dan bentuk bagi menjelaskan apa yang benar dan yang tidak benar bagi makhluk (*actual being*), dan memberi panduan bagi menjelaskan antara perkara yang memberi nilai dan yang tidak memberi nilai kepada makhluk (*actual being*). Tanpa prinsip-prinsip struktur yang disediakan oleh Tuhan (*Ideal*) kepada makhluk (*actual*) maka manusia tidak akan dapat menjadi sebenar (*actual*) dan tidak membuat penilaian dan memberi nilai. Hal ini ditegaskan oleh al-Fārūqī dengan kenyataan

*“indeed, in this sense by only this sense the Ideal may even be said to “cause” the actual to be what it is , without is structuralizing principle, we can neither be said to have the actual nor to make the evaluative judgement. “indeed, in this sense by only this sense the Ideal may even be said to “cause” the actual to be what it is , without is structuralizing principle, we can neither be said to have the actual nor to make the evaluative judgement.”.*<sup>395</sup>

Dalam hal ini kajian ini mendapati bahawa prinsip-prinsip struktur yang diberikan Tuhan adalah panduan kehidupan yang diberikan kepada makhluk . Bagi manusia disampaikan dalam bentuk wahyu Tuhan (undang-undang Tuhan). Mematuhi undang-undang ini akan memberi nilai baik dan melanggar undang-undang ini akan memberi nilai buruk atau tidak bernilai kepada manusia. Dalam konteks alam, kajian mendapati bahawa prinsip-prinsip struktur alam adalah dirujuk kepada undang-undang *Sunnatullah* Alam.

### **iii. Kebebasan Aktual**

Kajian mendapati bahawa al-Fārūqī menggambarkan wujudnya kebebasan manusia untuk memilih bagi mematuhi perintah *Ideal*. Kebebasan untuk memilih ini hanya diberikan kepada manusia, tidak kepada alam. Al-Fārūqī menjelaskan bahawa , bila mana ia melibatkan manusia, maka keperluan hubungan *Ideal* dan aktual merupakan satu perintah. Apabila manusia terlibat dalam hubungan tersebut, maka hubungan keduanya

---

<sup>395</sup> Ibid, 23.

dianggap lebih rapat iaitu (sepatutnya). Di sinilah ia sebagai satu perintah yang diguna pakai dalam bentuk yang sempurna tanpa mengira, sama ada manusia patuh atau tidak perintah tersebut, *Ideal* tetap berterusan menjadi satu perintah yang baik. Ia menghakimi (menilai) kejadian sebenar (*actual*) sebagai terpuji atau keji.

Berdasarkan penjelasan al-Fārūqī berkaitan prinsip ini maka kajian merumuskan bahawa hubungan *Ideal* dan *Actual* melibatkan penentuan nilai ke atas aktual dan penentuan nilai ini merupakan satu peraturan dan undang-undang semula jadi yang sepatutnya di patuhi. Kajian ini merujuk penjelasan al-Fārūqī sebagai satu perbincangan mengenai Tuhan memberikan wahyu dan undang –undang untuk dipatuhi namun dalam masa yang sama manusia diberi taklif dan kebebasan manusia untuk memahami dan memilih sama ada untuk mengikuti atau tidak undang-undang yang disediakan<sup>396</sup>. Tanggungjawab ini harus dilakukan oleh dirinya sendiri tiada pengantara, jika tiada tanggungjawab (taklif) manusia tidak berbuat apa-apa maka manusia itu tiada nilai. Tanpa usaha dari manusia itu sendiri maka nilai moral akan runtuh<sup>397</sup>..

### **5.3.3.1 Hubungan Tuhan Dan Makhluk satu arahan menurut Islam**

Berdasarkan penjelasan dalam prinsip pertama dan dua, kajian mendapati bahawa Pencipta yang sifatnya Maha mengetahui dan berkuasa atas semua perkara ini semestinya berkuasa sebagai Penentu Nilai yang menentukan semua perkara yang dikehendaki kepada ciptaannya . Hal ini selaras dengan firman-firman Allah dalam mengukuhkan bahawa Allah itu berkuasa, berkehendak, dan berilmu<sup>398</sup> antaranya seperti Allah itu penentu Nilai kerana Allah Maha Mengetahui tidak Jahil.

“Jika Allah s.w.t sejak azali bersifat dengan hidup tetapi tidak bersifat dengan *‘ālim* nescaya akan bersifat dengan lawan kepada sifat *‘ilm* seperti jahil, ragu-ragu dan lain-lain kecacatan. Jika Dia bersifat dengan lawan sifat *‘ilm*, maka mustahillah Dia berilmu kerana lawan sifat *‘ilm* itu jika ia *qadīm*, maka mustahillah ia akan terbatal. Apabila mustahil ia

<sup>396</sup> Al-Fārūqī , (2000),9, (Quran 51;56).

<sup>397</sup> Ibid.,9, Quran 2;256, 18;29.

<sup>398</sup> Rujuk dalil-dali naqli dan aqli yang membuktikan Allah maha mengetahui, berkehendak dan hidup.

terbatal, mustahillah Dia menghasilkan ciptaan yang hebat. Oleh kerana Allah s.w.t telah mencipta ciptaan yang hebat maka terbukti bahawa Allah itu *‘ālim*, dan thabitlah Dia *‘ālim* sejak azali kerana mustahil Dia bersifat dengan lawan *‘ilmu*<sup>399</sup>”.

Ini membawa maksud hubungan Tuhan dan Makhluq adalah satu arahan. Selaras dengan kebergantungan makhluk ciptaan kepada Pencipta, maka jika tiada arahan dari pencipta, makhluk (ciptaan) itu sendirinya sukar atau mungkin tidak tahu untuk melaksanakan apa yang sepatutnya<sup>400</sup>. Kajian juga mendapati bahawa Tuhan penentu nilai yang Mutlak kerana wujudnya (Iradah) Tuhan dalam kejadian makhluk. Dalam hal Iradah Allah s.w.t bermakna menghendaki sesuatu ialah Allah s.w.t menciptanya, iaitu Dia pada hakikatnya menghendaki sesuatu itu, iaitu dengan maksud Dia yang menciptanya.

“ tidak harus berlaku dalam kekuasaan Allah s.w.t perkara yang Dia tidak kehendaki. “Sekiranya wujud dalam kekuasaan Allah s.w.t perkara yang tidak dikehendaki-Nya nescaya wajiblah terjadi salah satu daripada dua keadaan berikut iaitu (i) Sama ada mengisbatkan lalai dan lupa bagi Allah s.w.t atau, (ii) mengisbatkan lemah, dan tidak berupaya mencapai apayang dikehendaki-Nya. Sekiranya demikian itu tidak harus bagi Allah s.w.t maka mustahil wujud dalam kekuasaan-Nya perkara yang tidak dikehendaki-Nya<sup>401</sup>”.

---

<sup>399</sup> Hamudah ,(1955), 26. Penjelasan *‘ālim* turut dijelaskan oleh al Baghdadi dengan memberi penekanan bahawa ‘alim Allah adalah melalui ilmunya dan ahli Sunnah bersetuju bahawa ilmu Allah satu di mana dengan satu ilmu itu Allah mengetahui semua maklumat secara tafsirannya tanpa melalui proses *Hissi* atau *Badihi* dan *Istidlali*. Hal ini sekaligus menyangkal beberapa dakwaan yang menafikan seperti golongan yang mempunyai sangkaan bahawa Allah tidak boleh disifatkan atau dikatakan la mengetahui dengan sendiriNya. Menurut al Baghdadi, ini suatu yang menghairankan di mana Allah mengetahui dengan yang lain dan tidak mengetahui dengan sendiriNya .

<sup>400</sup> pengkaji Cuma memudahkan kefahaman melalui analogi barang dan manual penggunaan barang . Apabila kita membeli barang baru di kedai maka setiap barang baru akan diberikan panduan atau manual penggunaan sama ada secara buku atau lisan dari penjual., kemudian manual atau panduan ini akan cuba difahami dan diikuti oleh pembeli mengikut kemampuan pengguna. Maka , manual diberikan namun dalam konteks pembeli (manusia yang ada akal ) maka ada ruang untuk akal itu digunakan bagi memahami manual tersebut selaras dengan panduan yang diberi. Jika tidak selaras, maka barang yang dibeli berkemungkinan digunakan dengan cara yang salah atau tidak pada kegunaan sepatutnya atau tidak langsung dapat digunakan.

Hal yang sama berlaku dalam hubungan ciptaan dan pencipta. Allah telah menjadikan ciptaan. Setiap ciptaan ini telah disediakan panduan atau peraturan untuk mentadbirkannya. Bagi pengguna ciptaan yang ada alat untuk memilih iaitu aqal dan nafsu (manusia dan Jin) maka panduan ini cuba difahami selaras peraturan yang diberikan di dalam panduan mengikut pilihan alat yang diguna sama ada aql atau nafsu .. Bagi ciptaan yang tidak diberikan aqal (selain manusia dan jin) , maka fitrah mereka mestilah mengikut dengan tepat apa yang ditentukan oleh Pencipta iaitu fitrah patuh dan taat seperti yang dijelaskan sebelum ini. Maka salah guna peraturan atau panduan tidak berlaku kepada ciptaan fitrah nya patuh dan taat. Salah guna berlaku kepada ciptaan yang mempunyai alat untuk memilih (Jin dan Manusia). Namun ini tidak menafikan adanya panduan dan arahan penggunaan panduan yang betul.

<sup>401</sup> Ibid, 48-49

Kajian mendapati bahawa penegasan ini menegaskan bahawa semua sesuatu itu terjadi di atas *iradah* Allah s.w.t kerana Allah itu bersifat 'Alim dan *Qadir* atas semua perkara<sup>402</sup>.

- **Panduan Nilai dari Penentu Nilai (Ideal)**

Islam menegaskan bahawa panduan baik buruk ini adalah apa yang disebut sebagai syariat Allah yang diturunkan kepada para nabi dan Rasul di dalam wahyu risalah kenabian<sup>403</sup>. Malah Allah taala sendiri berjanji bahawa dalam setiap umat yang lahir, akan dilantik rasul dari kalangan mereka untuk menjadi panduan<sup>404</sup>. Seterusnya nabi dan rasul

---

<sup>402</sup>. Ulama' akidah Islam Ahli sunah Waljamaah juga menegaskan bahawa Allah pencipta jisim-jisim dan sifat-sifat sama ada baik dan buruk. Allah jugalah pencipta usaha-usaha manusia Tiada Pencipta lain selain daripada Allah. Ini bertentangan dengan pegangan daripada sebahagian Al-Qadariah yang menyangka bahawa Allah tidak mencipta sesuatu usaha manusia. Ini aga berlawanan dengan pegangan Al-Jahmiah bahawa manusia tiada berusaha dan tiada berupaya terhadap usaha-usaha mereka. Pandangan ini menolak pandangan yang berpendapat bahawa Allah menghendaki apa yang tidak akan berlaku dan apa yang tidak Allah kehendaki berlaku lanya berlaku. Pegangan sedemikian membawa kepada fahaman bahawa Allah digagahi atau dipaksa melakukan sesuatu yang Allah sendiri tidak mahu melakukannya. Menurut al Baghdadi ia merupakan pandangan Qadariah cawangan Basrah.

<sup>403</sup> Menurut al Bāyjūrī, nabi dan rasul merupakan manusia yang telah dijaga sifat dan akhlak mereka. Mereka adalah manusia yang istimewa dari biasa kerana Allah telah memelihara mereka. Buktinya, nabi dan rasul adalah ma'sūm sejak dari dilahirkan. Ini membawa maksud nabi dan rasul terpelihara dari melakukan dosa. Nabi dan rasul bebas dari perkara yang boleh menyebabkan ia nampak lemah dan orang jauh daripadanya. Setiap rasul dan nabi mendapat wahyu dan risalah kenabian untuk menjelaskan panduan baik dan buruk (syariat) untuk umat Nya seperti yang dijelaskan dalam firman Allah (Al-Quran, Al Baqarah 2:213): Al Bayjuri, *Tuhfatul Murid Syarh Jauhar Tauhid*: 18-19

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّينَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِي مَا اختلفُوا فِيهِ ۗ وَمَا اختلفَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمْ الْبَيِّنَاتُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ ۗ فَهَدَى اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَا اختلفُوا فِيهِ مِنْ الْحَقِّ بِإِذْنِهِ ۗ وَاللَّهُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٢١٣﴾

Bermaksud: 213. pada mulanya manusia itu ialah umat Yang satu (menurut ugama Allah Yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang Yang beriman Dengan balasan syurga, dan pemberi amaran (kepada orang-orang Yang ingkar Dengan balasan azab neraka); dan Allah menurunkan bersama Nabi-nabi itu Kitab-kitab suci Yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa Yang mereka perselisihkan dan (sebenarnya) tidak ada Yang melakukan perselisihan melainkan orang-orang Yang telah diberi kepada mereka Kitab-kitab suci itu, Iaitu sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan Yang jelas nyata, - mereka berselisih semata-mata kerana hasad dengki sesama sendiri. maka Allah memberikan petunjuk kepada orang-orang Yang beriman ke arah kebenaran Yang diperselisihkan oleh mereka (yang derhaka itu), Dengan izinNya. dan Allah sentiasa memberi petunjuk hidayahNya kepada sesiapa Yang dikehendakiNya ke jalan Yang lurus (menurut undang-undang peraturannya).

<sup>404</sup> Al Quran, Al Haj 22: 75

bukan sahaja menyampaikan Tauhid namun menjadi pemberi panduan dalam memahami nas dan wahyu yang mengandungi syariat dari Allah sebagai set panduan untuk hidup di dunia<sup>405</sup>, dan untuk menegakkan keadilan di muka bumi<sup>406407</sup>. Namun syarat perlantikan Nabi dan Rasul adalah lantikan daripada Allah<sup>408</sup>. Allah juga telah memberikan mukjizat bagi membuktikan kerasulan mereka dan menurunkan wahyu kepada mereka. Antara wahyu-wahyu bertulis yang diturunkan oleh Allah kepada para nabi dan rasul sebagai panduan baik dan buruk adalah seperti Suhuf Nabi Ibrahim, Taurat, Zabur Injil, dan Al Quran seperti dalam firman Allah-<sup>409</sup>:

إِنَّ هَذَا لَفِي الصُّحُفِ الْأُولَىٰ ﴿١٨﴾ صُحُفِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَىٰ ﴿١٩﴾

Bermaksud:18. Sesungguhnya (keterangan-keterangan Yang dinyatakan) ini ada (disebutkan) di Dalam Kitab-kitab Yang terdahulu, 19. Iaitu Kitab-kitab Nabi Ibrahim dan Nabi Musa.

<sup>405</sup> Al Quran, Al Nahl 16;36

<sup>406</sup> Al-Quran Hadid 57;25

<sup>407</sup> Al Ahzab 33;21. Setiap rasul yang dilantik Allah mempunyai empat Sifat akhlak yang wajib bagi mereka iaitu Siddiq (bercakap benar), Amanah (Amanah), Tabligh (Menyampaikan dakwah dan Fatanah) / Empat sifat ini wajib ada pada setiap rasul yang dilantik oleh Allah. Ini kerana Rasul dan Nabi mustahil untuk bersifat dengan empat sifat lawan iaitu *al Kizb* (berbohong), *al Khiyanah* (tidak amanah dan tidak jujur), *Kitman* (berdusta) dan *Baladah* (bodoh). Sifat yang harus bagi Nabi seperti makan, minum, berpakaian, berkahwin, tiru dan seumpamanya.

<sup>408</sup> Al-QuranAl, An'am 6;124, As Shura 42;13. Semua nabi dan rasul yang dilantik oleh Allah kepada manusia adalah mempunyai ciri kemanusiaan (*bashariyyah*), dari jantina lelaki yang telah mendapat bukti dan keterangan.

<sup>409</sup> Al Quran, Al Najm 55:36-37, al A'la 87:18-19 Al Nisa' 4;163, Al Anbiya' 21:105, al Maeidah 5:44- 49



﴿ إِنَّا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ كَمَا أَوْحَيْنَا إِلَى نُوحٍ وَالنَّبِيِّنَ مِنْ بَعْدِهِ ۗ  
 وَأَوْحَيْنَا إِلَى إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطَ  
 وَعِيسَىٰ وَيُوشَعَ وَهَارُونَ وَسُلَيْمَانَ ۗ وَآتَيْنَا دَاوُدَ زُبُورًا ۗ ﴾

Bermaksud: 163. Sungguhny Kami telah memberikan wahyu kepadamu (Wahai Muhammad), sebagaimana Kami telah memberikan wahyu kepada Nabi Nuh, dan Nabi-nabi Yang diutus kemudian daripadanya; dan Kami juga telah memberikan wahyu kepada Nabi Ibrahim, dan Nabi Ismail, dan Nabi Ishak, dan Nabi Yaakub, serta Nabi-nabi keturunannya, dan Nabi Isa, dan Nabi Ayub, dan Nabi Yunus, dan Nabi Harun, dan Nabi Sulaiman; dan juga Kami telah memberikan kepada Nabi Daud: Kitab Zabur.

﴿ وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْأَنْفِ  
 وَالْأَنْفَ بِالْأُذُنِ وَالْأُذُنَ بِاللِّسَانِ وَاللِّسَانَ بِالْجُرُوحِ قِصَاصٌ ۗ فَمَنْ  
 تَصَدَّقَ بِهِ ۖ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُ ۗ وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ  
 فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ۗ ﴾

Bermaksud: 45. dan Kami telah tetapkan atas mereka di Dalam Kitab Taurat itu, Bahawa jiwa dibalas Dengan jiwa, dan mata dibalas Dengan mata, dan hidung dibalas Dengan hidung, dan telinga dibalas Dengan telinga, dan gigi dibalas Dengan gigi, dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). tetapi sesiapa Yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya; dan sesiapa Yang tidak menghukum Dengan apa Yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang Yang zalim.

﴿ وَلِيَحْكُمَ أَهْلُ الْإِنجِيلِ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فِيهِ ۗ وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ  
 اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ۗ ﴾

Bermaksud: dan hendaklah ahli Kitab Injil menghukum Dengan apa Yang telah diturunkan oleh Allah di dalamnya; dan sesiapa Yang tidak menghukum Dengan apa Yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang Yang fasik 47..

Berdasarkan ayat di atas, terdapat penegasan dari Allah di dalam al-Quran yang menetapkan bahawa syariat nabi-nabi adalah terpakai kepada zaman dan tempoh nabi

tersebut, sehingga nabi terakhir dilantik iaitu Nabi Muhammad s.a.w, maka syariat nabi Muhammad telah menyempurnakan dan membenarkan semua syariat sebelum ini dan syariat itulah yang disebut sebagai syariat (atau panduan baik buruk ) yang perlu diikuti oleh umat nabi Muhammad iaitu umat akhir zaman. Selaras dengan hal ini ulama' akidah Islam Ahli sunah waljamaah bersepakat bahawa syariat yang menjadi panduan dan ikutan umat akhir zaman adalah syariat terakhir yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w di dalam wahyu al-Quran dan ia merupakan kitab wahyu yang terakhir diturunkan Allah.

Allah menjelaskan antara kepentingan turunnya Al-Quran sebagai kitab yang terakhir kerana wujudnya penyelewengan terhadap ajaran- ajaran utusan dan nabi sebelum Muhammad sehingga perlu untuk diperbetulkan. Malah Allah s.w.t turut menjelaskan di dalam al-Quran bahawa penyelewengan turut berlaku terhadap wahyu-wahyu bertulis yang diturunkan sebelum al Quran iaitu terhadap Taurat dan Injil <sup>410</sup>: Bertolak kepada penyelewengan yang berlaku terhadap ajaran dan kitab suci nabi- nabi terdahulu sebelum Muhammad, maka al-Quran ini telah diturunkan untuk memperingatkan, menyempurnakan dan membenarkan semula ajaran-ajaran rasul dan utusan terdahulu dalam konteks akidah yang dan tiak pernah berubah dari Adam hingga Muhammad iaitu Akidah Tauhid<sup>411</sup>:

Maka dapat dirumuskan bahawa dalam konteks nilai baik dan buruk Islam, ulama' akidah Islam Ahli sunah Waljamaah bersepakat bahawa terdapat Tuhan adalah penentu nilai dan nilai ini dimaklumkan kepada manusia melalui wahyu yang mengandungi syariat. Bagi umat akhir zaman nilai-nilai ini dijelaskan dalam lima syariat utama yang disampaikan kepada nabi Muhammad untuk menegakkan perkara yang haq dan menjauhi

---

<sup>410</sup> Al Quran, al Baqarah 2: 75- 76, 78- 79 , Al Maeidah 5: 14-15

<sup>411</sup> Al Quran, Al Syura 42:13.

perkara yang batil<sup>412</sup>. Lima syariat ini mengandungi perkara yang wajib perkara yang sunat, perkara yang harus, perkara yang makruh dan perkara yang haram dilakukan dan hal ini dijelaskan sama ada secara umum dan khas melalui wahyu al-Quran, difahamkan kepada manusia akhir zaman melalui perlakuan, percakapan, perbuatan dan pemahaman yang diberikan oleh Nabi Muhammad, terdapat juga perkara-perkara yang diletakkan sebagai bersifat kontekstual agar dapat diuruskan oleh ijma' ulama berdasarkan sumber al-Quran- Hadis. Memahami kedudukan lima syariat utama ini penting agar apa yang dilakukan oleh manusia selaras dengan perintah Allah dan meninggalkan larangannya<sup>413</sup>. Ulama' akidah Islam Ahli sunah Waljamaah menyatakan bahawa panduan syariat dari Allah ta'ala ini adalah sumber ilmu<sup>414</sup>. Ilmu pula adalah sesuatu

---

<sup>412</sup> Perkara yang hak adalah perkara yang *waqi'* dan selaras dengan hak yang pertama iaitu hak Allah dan batil adalah dusta tau tidak selaras dengan hak Allah ( Ali Jumuah, *Hasyiah Tuhfatul Murid Sayrah ala Jauhar al Tauhid*, (Dar Salam, 2014), 46). Lima syariat yang disebut oleh al Bayjuri adalah Wajib, Haram, Sunat, Karahah dan Ibahah (Ali Jumua'ah, *Hasyiah Tuhfatul Murid Syrah al Jauharah Tauhid*: 66). Perkara yang wajib bermakna membuat perkara tersebut mendapat pahala , meninggalkan mendapat dosa. Perkara Sunat, mem membuat dapat pahala meninggalkan tidak berdosa. Perkara Harus membuat dapat pahala meninggalkan tidak berdosa. Perkara Makruh membuat tidak berdosa meninggalkan dapat pahala. Perkara Haram membuat mendapat dosa dan meninggalkan dapat pahala

<sup>413</sup> Selaras dengan prinsip ini, pengkaji suka untuk menegaskan bahawa Islam juga mempercayai bahawa hakikat segala sesuatu hanya Tuhan yang tahu. Walau ubagaimanapun , Tuhan telah mengurniakan aqal fikiran yang menyebabkan taklid kepada manusia. Maka ada hakikat yang Tuhan hendak manusia Tahu dan manusia boleh mampu untuk tahu dan ia disampaikan oleh Tuhan kepada Nabi yang dinamakan syariat. Maka tidaklah benar jika ada dakwaan yang mengatakan bahawa baik dan buruk milik individu kerana hakikat sebenar tiada seorang manusia yang tahu itu baik atau pun buruk. Ini kerana , di atas keistimewaan manusia Tuhan telah pun nyatakan hakikat baik dan buruk yang perlu manusia tahu dan dengan ia lah manusia akan dihakimi dan ia disebut sebagai syariat.

<sup>414</sup> Ulama' akidah Islam Ahli sunah Waljamaah menyatakan bahawa panduan syariat dari Allah ta'ala ini adalah sumber ilmu Al Baghdadi menyatakan bahawa "Pada pegangan Ahli Sunnah, ilmu manusia dan ilmu semua binatang tiga jenis. Pertama: Ilmu Badihi.(Intuitif), Kedua; Ilmu Hissi (Persepsi atau Sense) dan Ketiga; Ilmu Istidlali. Sesiapa sahaja yang mengingkari wujudnya ilmu Badihi atau Ilmu Hissi yang diperolehi melalui lima pancaindera maka ia orang yang degil dan ingkar pada pegangan Ahli Sunnah. Sesiapa yang mengingkari Ilmu-Ilmu Nazariah (ilmu aqal) yang diperolehi melalui pemikiran. Pendalillan dan penta' aqulan maka hukumnya berbeza berdasarkan darjah keingkarannya itu. Dalam hal sumber ilmu, Ahli Sunnah mempunyai pegangan bahawa pancaindera-pancaindera manusia boleh menapai dan menanggapi sensori (mahsus) ada lima fakulti:

Pertama: Fakulti penglihatan yang memahami Derkara yang dapat dilihat (al-mar'iyat).

Kedua: Fakulti pendengaran yang memahami kara-perkara yang dapat didengar (al masmu'at).

Ketiga: Fakulti pengecapan yang memahami peasa (al-dzauq) untuk mengecapi rasa melalui lidah.

Keempat: Fakulti penciuman yang memahami bau-bauan.

Kelima: Fakulti sentuhan yang memahami panas, Sejuk, lembab, basah, lembut dan kasar.

Mengikut pegangan Ahli Sunnah kefahaman :kefahaman (al-idrakat) yang berlaku melalui pancaindera itu adalah pengertian atau makna yang bergantung kepada alat-alat yang dinamakan pancaindera (Hawwas). .

Ahli Sunnah mempunyai pegangan bahawa khabar mutawatir adalah satu jalan ilmu dharuri kerana taraf perkhawaran yang dibawa secara Mutawatir ini sah dan sah apabila perkara yang khabarkan

perkara yang diterima dengan yakin bukan ragu-ragu. Ulama' akidah Islam Ahli sunah waljamaah bersepakat bahawa terdapat manhaj yang menjadi panduan dalam memahami akidah dan syariat Islam.

Sebagai contoh, Dalam konteks akidah, Imam Asha'ari di dalam manhaj akidahnya memberi penekanan tujuh manhaj (pendekatan) utama iaitu: Pertama: Meletakkan keutamaan kepada nas berbanding sumber yang lain<sup>415</sup>. Kedua yang digunakan oleh Asha'ari adalah mentafsir al-Quran dengan al Quran. Beliau tidak mendahulukan sumber aqal untuk mentafsirkan al-Quran kerana baginya tiada yang lebih layak mentafsir al-Quran melainkan dengan al-Quran<sup>416</sup>. Ketiga: Mengambil Tafsiran al-Quran dengan Hadis Nabi Muhammad S.AW. Jika tiada tafsiran di dalam al-Quran maka beliau akan merujuk kepada sumber kedua ajaran Islam iaitu Hadith<sup>417</sup>. Keempat: mengambil pandangan ijma' sebagai asas prinsip. Seandainya tidak didapati permasalahan akidah dalam apa-apa persoalan maka imam Ash'āri mengambil kira pandangan ijma' umat Muslimin keseluruhannya<sup>418</sup> Kelima: Mengambil al-Quran di atas

---

itu terdiri daripada perkara yang boleh dilihat dan difahami oleh pancaindera cara dharuri seperti mengetahui sah dan wujud sebuah negeri itu pada seorang yang belum tahu negara itu apabila ia mendengar khabar mengenainya secara mutawatir daripada pengkhabarnya. Namun jelas wujud mu'jizat Quran dari sudut suunan ayat-ayatnya dan kelemahan orang-orang Arab dan bukan Arab ('Ajam) mengadakan sempama Quran, adalah diketahui atau dimaklumi secara Mutawatir yang mewajibkan yakin daruri.

<sup>415</sup> Sebagai contoh dalam memahami ayat Mutashabihat , kalimah Allah ber Istiwa' itu hendaklah diletakkan kepada Allah dengan syart "*bila Kayf*" (Mohd Sulaiman Yasin 1997; 65).

<sup>416</sup> Sebagai contoh, beliau mentafsirkan kalimah رَبَّهَا نَاظِرَةٌ أَعْيُنُهُمْ مِنَ السَّمَاءِ أَلْقَتْنَاهَا نَزْلًا مِّنَ السَّمَاءِ كَمَا تَقْذِفُ الطُّرُقَاتُ dengan ayat al-Quran Al A'raf 7;143

قَالَ رَبِّ ارْنِيْ اَنْظُرْ اِلَيْكَ ﴿١٤٣﴾

dan Tuhannya berkata-kata dengannya,

dan al-Quran Yunus 10;26

﴿لِّلَّذِيْنَ اٰحْسَنُوْا اَلْحَسٰنَ وَاَزٰدًا مِّنْهُ﴾

26. untuk orang-orang Yang berusaha menjadikan amalnya baik dikurniakan Segala kebaikan serta satu tambahan Yang mulia dan air muka mereka pula (berseri-seri)

<sup>417</sup> Contohnya dalam mentasdir ayat Mutashabihat mengenai Istiwa' berdasarkan hadis Rasulullah:

ينزل ربنا عز وجل كل ليلة الى السماء الدنيا

Dalam riwayat imam bukhari hadith ini berbunyi:

يَنْزِلُ رَبُّنَا تَبَارَكَ وَتَعَالَى كُلَّ لَيْلَةٍ اِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا ، حِيْنَ يَبْقَى ثُلُثُ اللَّيْلِ الْاٰخِرِ ، يَقُوْلُ : مَنْ يَدْعُوْنِيْ فَاَسْتَجِيْبُ لَهُ ، مَنْ يَسْأَلُنِيْ فَاَعْطِيْهِ ، مَنْ يَسْتَغْفِرُنِيْ فَاَغْفِرُ لَهُ .

(Al Bukhari, 1145 : Sahih al bukhari )

makna yang zahirnya dan tidak berusaha memindahkan sesuatu dari al-Quran melainkan apabila datang hujah yang lebih kuat<sup>419</sup>. Keenam: Meraikan kaedah bahasa Arab beserta uslub nya kerana bagi beliau Allah swt berkata-kata dan berhujah dengan orang Arab dengan bahasa mereka iaitu bahasa Arab. Beliau juga meraikan usul bahasa dan makna lafaz dalam kaedah penggunaannya disebabkan al-Quran itu diturunkan dalam bahasa Arab maka ia meraikan bahasa al-Quran dengan usulnya. Ketujuh: meraikan *Munasabat al Nuzul* ketika mana mengisbatkan persoalan akidah<sup>420</sup>

Maka berdasarkan penjelasan di atas, Allah adalah penentu nilai. Nilai yang ditentukan ini dijadikan panduan wahyu dari Allah dan diturunkan kepada manusia melalui nabi dan rasul bertujuan untuk memandu dan memimpin manusia yang telah

<sup>418</sup> Sebagai contoh, ketika beliau ingin menafsirkan ayat alQuran

بَل رَفَعَهُ اللَّهُ إِلَيْهِ ۖ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿١٥٨﴾

Bermaksud: 158. bahkan Allah telah mengangkat Nabi Isa kepadanya; dan adalah Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Beliau menafsirkan nya dengan mengambil pandangan ijma' yang menyebut " Ulama' telah berijma' bahawasanya Allah s.w.t mengangkat Isa a.s naik ke langit" (Mohd Sulaiman Yasin, 1997: 70).

<sup>419</sup> Sebagai contoh, dalam mentafsirkan ayat (Al Quran, Al Qiyamah 72: 23):

إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ ﴿١٣﴾

Bermaksud: .melihat kepada Tuhannya.

Imam Asha 'ari mengisthabtkan ayat yang membincangkan isu ru'yat Allah ini dengan mengisbatkan ayat tersebut kepada makan zahir kerana bukti atau dalil untuk memindahkan atau menukar makna adalah tidak kuat dan tidak jelas. Metode ini dilihat diguna pakai dalam kaeda usul al tafsir yang mana tidak mengubah makna al-Quran sehingga ada hujah yang kuat (Mohd Sulaiman Yasin 1997: 71)

<sup>420</sup> Sebagai contoh beliau mengisbat ayat ru;yat Allah kepada ayat al-Quran4: 153

فَأَرْنَا اللَّهَ جَهْرَةً

153. Perlihatkanlah Allah kepada Kami Dengan nyata (supaya Kami dapat melihatnya dan percaya kepadaNya)". ayat al-Quran ini diturunkan kerana Allah s.w.t memperbanyakkan soalan kepada mereka yang suka bertanya mengenai melihat Allah sw.t dengan mata. Imam Ash'ari menjelaskan bahawa ketika Bani Israel dihadapkan dengan soalan ini maka mereka membangkitkan dan menyebut nyebut kenabian Musa. A. S . Allah mengagungkan pertanyaan mereka dengan menjelaskan bahaw Dia tidak menjadikan ru'yat Allah satu kemustahilan di akhirat kelak dengan itu Asha'ari mengambil Munasbat al Nuzul (Sebab turun Ayat) ini dalam menjelaskan isu *ru'yah* Allah (Mohd Sulaiman Yasin 1997;71).

mukalaf adalah bagi melakukan perkara yang betul atau dan meninggalkan perkara yang salah sebagai makhluk ciptaan.

### 3.5.3.2 Hubungan Tuhan dan Makhluk satu arahan menurut Kristian.

Dalam konteks Kristian, Tuhan merupakan penentu nilai. Namun dalam hal ini *the word of God* merupakan penentu nilai yang utama. Ini kerana, dalam konteks Kristian panduan ini adalah dari Kata-kata Tuhan itu sendiri iaitu melalui Jesus. Wujud perbezaan antara Katolik dan Protestan yang mana , Katolik berpegang bahawa kata-kata Tuhan ini mestilah difahami seperti mana yang gereja fahami. Walau bagaimana pun dalam konteks Protestan, kata-kata Tuhan ini boleh difahami oleh sesiapa sahaja atas bantuan ruh kudus kerana mereka mempercayai bahawa ruh kudus boleh meresapi sesiapa. Pandangan ini dirinci kan dalam jadual di bawah.

**Jadual 5.26: Panduan arahan Tuhan menurut informan Kristian.**

ISU	KRISTIAN	KOD INFORMAN
Wahyu arahan Tuhan	<p>Tuhan memberi perintah kepada makhluk through the word of God.</p> <p>Bagaimana Christian nak mengenali Tuhan?                      Wahyu is revelation dan Kitab is buku. Christian theology, sebelum ada kitab , God is wahyu kepada manusia. Tapi men untuk record kan wahyu membawa kepada kitab. Ada banyak orang yang contribute terhadap kitab ni . Dari wahyu, general revelation apa yang you nampak dunia. special revelation adalah wahyu Tuhan kepada manusia, direct kepada manusia, mcm Tuhan cakap direct pada moses. Special revelation is wahyu, dan wahyu become record yang bertulis. Dan bertulis tu later become kitab. Tapi banyak orang yang telah dapat special wahyu Tuhan ni, seperti David, moses , etc, yang tulis all different book. They have terima wahyu . Wahyu its not jus God talking to them.</p> <p>so sekarang, we have kitab, tapi they cannot say that God was not speak. Yes god speak from the bible, tapi God also speak from general revelation atau dari orang lain kepada you. Through holy spirit. Tapi apa yang Tuhan cakap kepada saya mesti consistent dengan apa yang dia kata dalam kitab. Tak boleh bercanggah.</p>	K1

	kita boleh pray dan tahu God . Apakah sign yang Tuhan kata okay?. I tell my friend this is the sign that i one.	
	But for us, we are believe in progressive revelation. God is <i>actually</i> revealing new things to us event do we got a kitab. The kitab is fix already. But we have knew insight.	K2
	Tuhan jadi kan kita bersama pandan untuk kita ikut. Yes Christian pun ada .Torah , 10 commandment prophet, Christianity yang paling penting adalah jesus lah. Lebih kurang Muslim refer kepada muhammad pada christian should refer to bible and Jesus	K5

**Sumber: Temu bual informan Kristian**

Malah Enss<sup>421</sup> menjelaskan bahawa Tuhan telah menggambarkan dirinya kepada semua umat manusia melalui aturan Tuhan sehingga manusia perlu menghargai Tuhan<sup>422</sup>. Namun begitu, Enss menjelaskan dalam ajaran Kristian mempercayai bahawa apabila semua manusia menerima wahyu umum namun tidak semua umat manusia adalah penerima wahyu khusus<sup>423</sup>. Antara contoh wahyu khusus yang dikurniakan Tuhan kepada orang tertentu adalah seperti:

- Tuhan menyatakan diri Nya melalui mimpi dan visi orang tertentu. Dalam hal ini Tuhan secara langsung berkomunikasi kepada beberapa orang dan melalui kepada yang lain (*Theophany* ini adalah manifestasi Tuhan yang dapat dilihat dan selalunya merujuk kepada apa yang dijelaskan dalam Perjanjian Lama.)
- Wahyu Tuhan khusus juga merujuk kepada wahyu yang diturunkan melalui Kitab Suci . Dalam hal ini, penulis Al-kitab dipimpin oleh Roh Kudus untuk menulis Kitab Suci sehingga menjadi bertepatan dengan apa yang ditulis. Catatan benar penjelasan

<sup>421</sup> Enss, Ibid,228

<sup>422</sup> Matthew 4;5Then the devil took Him up into the holy city, set Him on the pinnacle of the temple,” Acts 14;5-7And when a violent attempt was made by both the Gentiles and Jews, with their rulers, to abuse and stone them,14;6 they became aware of it and fled to Lystra and Derbe, cities of Lycaonia, and to the surrounding region.14;7 And they were preaching the gospel there.

<sup>423</sup> Ibid , 228.-229

tentang Tuhan tanpa ada kesalahan dan kekeliruan adalah penting untuk umat manusia bagi mendapatkan penjelasan yang benar tentang Tuhan.

- Wahyu Tuhan yang disampaikan melalui Jesus Christ (Jesus) Catatan yang benar dan tepat ini juga penting dalam menjelaskan tentang Jesus Christ dan dianggap sebagai satu dari wahyu khusus. Tujuan kedatangan Jesus juga menjelaskan tentang Bapa kepada umat manusia<sup>424</sup>.

### **5.3.3.3 Analisis Hubungan Tuhan dan Makhluk satu arah menurut Islam dan Kristian.**

Berdasarkan penjelasan di atas, kajian merumuskan Islam meletakkan Tuhan itu sebagai penentu nilai maka Sifat penentu nilai mutlak ini mestilah bersifat Maha Mengetahui. Penentu Nilai yang Maha Mengetahui ini pula mestilah wujud dan hidup, Akan tetapi, dalam konteks memilih nilai atau memberi makna akan ketentuan sesuatu nilai, Ahli sunah Waljamaah meletakkan ia adalah pilihan dan usaha dari makhluk yang menerima akal untuk memilih. Dalam erti kata lain dalam setiap perbuatan manusia dan peraturan alam, kuasa Allah dan usaha manusia berjalan seiring. Allah telah menentukan nilai namun manusia mempunyai usaha untuk memilih untuk melakukan perbuatan yang bernilai baik atau buruk. Usaha itu yang akan di nilai dengan balasan dan ganjaran.

Kristian juga meletakkan bahawa penentu nilai adalah Tuhan kerana Tuhan itu Maha Mengetahui, Maha Berkuasa dan Maha Menentukan segala-galanya. Dalam masa yang sama Kristian juga percaya manusia mesti bertanggungjawab dalam atas perbuatan. Dalam erti kata lain, dalam kehidupan di alam semesta tanggungjawab manusia dan kerja Tuhan adalah bergerak bersama. Namun manusia lebih bersikap terbatas dalam pemilihan

---

<sup>424</sup> John 1;18: No one has seen God at any time. The only begotten Son, who is in the bosom of the Father, He has declared [Him].

Pentafsiran teks John ini menjelaskan bahawa penekanan yang utama berkaitan adalah kedatangan Jesus untuk menjelaskan Bapa kepada manusia.



nilai baik kerana Kristian mempercayai manusia tidak mampu pun untuk memilih nilai baik yang ditentukan Tuhan selagi tidak beriman kepada Jesus. Ini kerana mereka mempercayai bahawa panduan dan nilai dari Tuhan hanya difahami apabila minda yang bersih. Mereka yang tidak beriman kepada Jesus dikira sebagai golongan berminda gelap dan tidak bebas dari memilih nilai-nilai buruk dalam kehidupan di alam semesta.

#### **5.3.4 Prinsip 4: Makhluk (*Actual Being*) adalah Baik**

Al-Fārūqī menjelaskan hal ini dengan menyatakan bahawa sesungguhnya kejadian aktual (sebenar) adalah satu unsur nilai yang bersandar kepada kejadian *Ideal* dan sebahagian keadaan (pensyaratan) rangkaian setiap ciptaan. Kebenaran khusus adalah penilaian *Ideal*. Dalam hal ini, setiap nilai “kasih sayang” atau baik adalah untuk disedari dan cenderung kepada kejadian *Ideal*. Kecenderungan ini adalah perkara yang sepatutnya berlaku secara hakikat.

##### **i. Kejadian aktual ini baik kerana *Ideal* (penciptanya) adalah baik**

Kejadian aktual adalah realiti kejadian di dunia. Dunia ini adalah baik, untuk memasukinya dan untuk berada di dalamnya adalah sesuatu yang berharga. Apa yang pasti, apabila manusia sudah berada di dalamnya, maka manusia sepatutnya untuk menyedari banyak nilai-nilai yang tinggi yang terlibat secara langsung ke atas kewujudan dunia dan yang boleh menafikan penafian akan adanya dunia ini.

##### **ii. Kejadian Aktual mestilah menerima hakikat bahawa dunia ini baik dan berharga.**

Al-Fārūqī menjelaskan hal ini dengan menegaskan bahawa apa sahaja agama, sistem kepercayaan, atau sistem falsafah yang mengakui dan mengiktiraf dunia ini sebagai asas, dasar kejahatan, tidak berharga, tipu muslihat, ia bermula dengan permulaan yang salah dan menafikan hak dirinya sendiri dari berdepan dengan apa yang berharga dan tidak

berharga untuk manusia. Ini kerana, manusia yang meragui nilai hubungan alam *Ideal* dengan alam *Aktual* nya tidak mempunyai apa-apa hak untuk berusaha mencari atau mengenal pasti nilai kewujudan kejadian *actual*.

Tambahan lagi, al-Fārūqī mempersoalkan bahawa atas nilai apakah yang mereka mempersoalkan atau meragui nilai atau tidak dunia ini? Ini kerana, orang yang mempersoalkan nilai *aktual* ini sendiri tidak pun menerima *aktual* ini berharga. Jika seorang mempersoalkan bahawa dia mencari untuk mengetahui untuk perkara yang diketahui sahaja, dia mungkin terlupa bahawa kemampuan untuk dia mengetahui yang dia sendiri usahakan itu adalah sebahagian dari nilai yang ada dalam dunia ini. Dengan sebab itu al-Fārūqī menegaskan bahawa semua manusia yang menafikan nilai atau berharga nya alam hakiki ini adalah semata-mata untuk hidup dalam alam yang bebas dari ikatan, tindakan dan kata-kata<sup>425</sup>.

Berdasarkan penjelasan di atas, kajian ini merumuskan bahawa prinsip ini menegaskan kejadian *actual* adalah sesuatu yang baik secara fitrahnya. Ia baik disebabkan penciptanya adalah kejadian yang baik dan ia adalah manifestasi dari kejadian *Ideal*. Namun begitu, kebaikan secara fitrah ini akan menjadi sesuatu yang tidak bermoral dan moral adalah bergantung kepada penjagaan *actual* dalam mengikuti perintah *Ideal*.

---

<sup>425</sup> Kesan buruk penafian dunia ini berharga dapat dilihat melalui contoh tokoh yang disebut oleh Al-Fārūqī dalam kes Sachopenhauer, Sachopenhauer, merupakan seorang yang menganggap bahawa menjadi *aktual* atau *real* adalah satu kejahatan, dunia adalah jahat. Dia juga berfikir dan sentiasa menonjolkan idea bahawa kematian itu hanyalah satu pemberhentian terhadap kejahatan ini “ dan dengan itu beliau mengajar mengenai nilai kematian adalah melalui penyiksaan melalui kelaparan secara sukarela (voluntary starvation) . Dalam hal ini, persoalan fitrah manusia dijelaskan oleh al-Fārūqī sebagai satu kefahaman untuk menjelaskan apakah sebenarnya kejadian asal manusia adakah dalam keadaan baik, jahat atau keduanya. Dalam hal ini al-Fārūqī menjelaskan bahawa sebaik sahaja dilahirkan, taraf manusia adalah tinggi dan manusia diberikan hukum taklif ke atas mereka. Taklif ditegaskan sebagai asas erti dan kandungan kemanusiaan. Penerimaan manusia terhadap taklif yang menjadikan manusia lebih tinggi dari makhluk lain. Ini kerana manusia sahaja yang sanggup menerima tanggungjawab ini. Inilah yang diistilahkan oleh al-Fārūqī sebagai Humanisme Tauhid. Humanisme Tauhid adalah mengiktiraf dan menghormati manusia sebagai manusia dan makhluk lain tanpa mempertuhankan mereka dan menghukum mereka. Humanisme Tauhid memulakan penghormatan kepada manusia dalam erti kebaikan dan memulakan penilai dengan positif sebagai kurniaan Tuhan secara semula jadi ke atas manusia makhluk yang suci.

#### 5.3.4.1 Aktual adalah baik menurut Islam

Islam menjelaskan bahawa secara fitrah nya ciptaan atau makhluk adalah kejadian yang baik. Dalam konteks manusia , yang mempunyai ilmu dan ingin tahu tentang Tuhan membuktikan bahawa manusia secara fitrah nya akan mempunyai hubungan dengan Tuhan dan akan mencari dan memerlukan Tuhan dalam kehidupannya. Ini sekali gus membawa maksud fitrah manusia adalah beragama (kerana mencari Tuhan , memahami Tuhan dan bergantung kepada Tuhan adalah di bawah elemen asas setiap agama). Maka fitrah beragama adalah baik. Walaupun manusia diberikan kebebasan memilih, namun fitrah asalnya tidak dinafikan<sup>426</sup>.

Walau bagaimanapun keburukan atau kejahatan muncul apabila melanggar panduan nilai baik yang ditetapkan Tuhan seperti yang dinyatakan di dalam syariat<sup>427,428</sup>.

---

<sup>426</sup> Hujah-hujah ini telah adalah berkait rapat dengan pembuktian dalil di dalam bab fitrah kejadian manusia di dalam prinsip 1.

<sup>427</sup> Dalam hal ini, perbuatan jahat ini dalam dengan menjelaskan kepada dua pembahagian iaitu pencipta perbuatan jahat dan pengusaha perbuatan jahat. Dalam konteks perbuatan salah manusia, maka Ash'ari menegaskan wujudnya kebebasan manusia dalam memilih untuk lakukan perbuatan dan ia layak diberi ganjaran atau hukuman. Ini bermaksud pengusaha perbuatan jahat adalah manusia. Namun perbuatan ini tidak menafikan wujudnya kuasa Allah dalam menciptakan perbuatan jahat tersebut. Ini bermaksud, setelah manusia memilih untuk melakukan perbuatan jahat maka perbuatan itu diciptakan oleh Allah kerana hanya Allah dapat mencipta setiap perbuatan. Menurut Asha'ari (Ibid 53-54):

“ sesorang bertanya bahawa kenapa kamu menafikan Allah s.w.t tidak boleh disifatkan dengan lemah, lalai dan tidak berupaya mencapai kehendak-Nya sedangkan Dia boleh memaksa makhluk-Nya untuk melakukan apa yang Dia kehendaki daripada mereka? Asha'ari menjawab dengan hujah “ Berdasarkan kepada prinsip kamu, Allah s.w.t menghendaki keimanan daripada makhluk dengan sukarela supaya mereka layak untuk mendapat ganjaran, akan tetapi apabila Allah s.w.t memaksa makhluk-Nya supaya beriman. Berdasarkan kepada pernyataan kamu, mereka itu tidak terdiri daripada kalangan mereka yang taat dan tidak akan mendapat ganjaran.

<sup>428</sup> Menurut al Baghdadi, dalam konteks perbuatan jahat , beliau menjelaskan hal ini tanpa menafikan bahawa segala sesuatu semuanya dari ciptaan Allah. Kebaikan juga dari usaha manusia dan ketentuan Allah dan kejahatan juga dari usaha pilihan manusai dan ketentuan Allah. Namun dalam hal ketentuan kesesatan dari Allah , al Baghdadi menjelaskan bahawa penyesatan daripada Allah mengikut pegangan Ahli Sunnah dijelaskan bahawa “Allah menciptakan kesesatan kepada ahli yang sesat manusia yang pilih untuk sesat). Ini jelas daripada firman Allah yang bermaksud “Dan baragsiapa yang dikehendaki Allah akan kesesatannya nescaya Allah menjadikan dadanya sesak lagi sempit . Dalam hal ini, Ahli Hadis menegaskan bahawa sesiapa sahaja yang disesatkan Allah maka kesesatan itu berlaku dengan keadilan Allah. Sesiapa sahaja yang dihidayahkan oleh Allah maka hidayah itu berlaku dengan limpahan dan kurnia (fadl) Allah . Al Baghdadi turut menjelaskan isu kebebasan manusia memilih perbuatan di dalam persoalan ajal dan rezeki seseorang manusia. Menurut al Baghdadi ,Ahli Sunah Waljamaah menegaskan bahawa ajal (sampai masa untuk mati), sesiapa yang mati atau meninggal dunia kerana kematian biasa (natural death) atau kerana dibunuh maka sesungguhnya ia mati dengan ajal yang telah Allah jadikan untuk yang maha berkuasa. Akan tetapi apabila orang yang dibunuh itu tidak mati maka Allah mengekalkan hidup orang

Pelanggaran dan kepatuhan ini adalah bertolak kepada hak kebebasan membuat pilihan yang diberikan kepada manusia. Maka akibat pemilihan ini maka manusia yang baik pada fitrahnya boleh berubah menjadi tidak baik. Namun kebebasan pilihan ini bukanlah secara mutlak, kerana telah terdapat peringatan dari Allah melalui syariat.

Dalam konteks alam atau makhluk selain manusia fitrah mereka adalah baik tidak berubah. Ini kerana mereka juga adalah makhluk dan dijadikan untuk beribadah kepada Tuhan. Seterusnya fitrah kejadian mereka adalah patuh dan taat (tiada pilihan). Maka makhluk selain manusia dan jin tidak akan tidak, mestilah sentiasa patuh menyembah Tuhan. Ketaatan dan patuh ini secara fitrah asal yang tetap bukan pilihan. Maka malapetaka atau bencana alam ini perlu dilihat sebagai ketentuan baik Tuhan yang mempunyai hikmah di sebaliknya. Secara keseluruhan disimpulkan bahawa Islam mempercayai bahawa semua persoalan kebebasan manusia ini berkait rapat dengan ketentuan Allah dan taklif Allah ke atas manusia.

#### 5.3.4.2 . Aktual adalah baik menurut Kristian

Pada asalnya manusia ini bersifat sempurna , akan tetapi manusia telah mewarisi dosa Adam telah dicemari (atau dianggap jahat). Pandangan ini dijelaskan dalam jadual di bawah.

**Jadual 5.27: Fitrah makhluk menurut pandangan informan Kristian.**

ISU	KRISTIAN	KOD INFORMAN
	Fitrah lahir manusia Rujuk dalam genesis kejadian bab 1 dan bab 2, dalam creation. Allah yang kata , apa yang dia sudah created, everything is good. Before the fall of men, everything is good, But after the fall of men, men telah ubahkan the creation because the sin came. Because the	K1

tersebut dan mengekalkan kerana itu bukanlah waktunya. .Dalam konteks rezeki manusia, Al Baghdadi menjelaskan bahawa ASWJ menegaskan sesiapa yang memakan sesuatu makanan atau minum sesuatu minuman maka ia memperoleh atau mengambil rezekinya sama ada yang diperolehinya halal hukumnya atau haram hukumnya .

	<p>sin we can never think good things or even change. until god again, work salvation into live of people.</p> <p>so the question is, may i will allow the god work in my life?</p> <p>So the will hanyalah untuk say.. God cannot change, please change me, Then other question, god will do the change tapi will you accepct the change? so u have to acceptlah.</p>	
Fitrah manusia	Originally Creation Created Good, Kerana dosa then ade different theory	K5
	<p>Kalau mcm tu dalam isu lepas fallen tadi, maka anak yang baru lahir ni tak tahu Tuhan lah ya?sebab kalau kami dalam Tuhan memang fitrah baik cuma bila dah lahir ada evil, ada nafs, ada syaitan yg menyebabkan dia boleh berubah jadi jahat. tapi fitrah adalah baik, cum ada kecenderungan untuk terus baik atau ajdi jahat bergantung kepada didikan .</p> <p>Jawapan: i think no. i Think they have some idea. Tapi idea of god or sense of God maybe scattered. not cover all things lah.Tak jelaslah.</p>	K1
Manusia asalnya baik boleh berubah jadi jahat sebab dosa warisan atau sebab pilihan manusia itu sendiri untuk tidak ikut peraturan Tuhan	Many of them just like spirituality. They said I am sprititual. But do you have spiritual, they said no. Sp spirituality without religion is like is we call new age religion. They believe oh they was apart which is the God and need to be listen grrek philosophy. Grrek punya religious understanding. No, we don't believe that. Because we have sin.	K1
	the sacrifice of jesus symbolic with the bread and cup (the body given) explanation untuk penyaliban jesus. Cup tu simbolik darah untuk menebus dosa. That blood comes from god himself and he is tak away sin. Man cannot only god can doing. We Christian believe Jesus is sin sacrifice.	K1
	Manusia lahir jahat sebab membawa dosa warisa	K2
	<p>1. Aaugustine; human being faault-plotinus, greek, perfect but we became imperfect. Good but we fall.(emphasize original sin).</p> <p>2. We created to go to the right path but we go to wrong parth.(So choice human: iranius).</p> <p>3. We created good, but because of sin and devil, evil, kita dalam bondage,</p>	K5

	so thats human problem, either we fall, choose wrong path, or in the bondage	
	Manusia jadi jahat sebab dia tidak lagi terhapus atau terlepas dari doa warisan.	K3
Cara untuk Manusia menjadi baik dan mendapatkan keselamatan	<p>Augustine: human is fall, we were perfect but in perfect (pengaruh dari plotinus idea).He also emphasize original sin. For him, i thik new creation (like paul in christ i become a new creation,).</p> <p>Dalam iranius idea, we are created to right path tapi kita pilih wrong path. Kita jadi wrong sebab pilihan kita sendiri as manusia. Choice .</p> <p>Third, we were created good, but because of sin , evil and syaitan kita dalam bondage. But Kristian solution todays, thos who accept Kristian we must restored and for that now we mus prepare to light. Those who was in wrong path, you came back to john chapter 14; 6, that have ligh.</p> <p>Last one is Jesus defeated a power of death. Example In creed apostle, jeses descended to death, and the third day he was arose again. So what he do when arose, mestilah defeated all the devil. Of coz the other text.</p> <p>Tidak ada satu pun biarkan salah tu sebagai salah, ia mestilah diperbaiki, Yes, that is reason kedatangan Jesus Kristus.</p>	K5
	<p>so kalau original sin mmg susah nak dapat cahaya (jadi baik). So kalau luther ,calvin semua, semua yang mengikut augustine, dia kan emphasize justification by grace.Only God Grace.Grace was important here. And Grace also important fo all res yang respect lebih jelas. This very Eksklusif that no question about that. But yang Grace is also universal. Grace is exclusive because of Jesus tapi because the holy siprit macam yang justin mytyr cakap LOGOS tu this grace is universal Ada banyak implication, if the Christian belief that, that means this grace is available to every body. Kalau di Malaysia, stm i try expose semua student pada position ini, but we not force the student to choose. Kalau Katolik of course lebih senang because they have official position, semua orang follow vatican kan. Pope francis bila dia kata mcm ni semua orang ikut. Dalam protestan, i think its dependes, ada yang lebih konservatif, lebih eksklusif, almost like you</p>	K5

	must become Christian if not you go to hell. Itu yang paling eksklusif. Tapi saya fikir bila interview dan tanya people most people not say that. They will say i dont know.	
Siapa yang boleh dpat keselamatan	Christian Solution untuk dapatkan keselamatan : 1. Buy those who accept Jesus, we are restored and bring back to life 2. Came back Chapter 14 (John 14:6) 3. Jesus defeated power (bondage)	K5

**Sumber : temu bual Informan Kristian**

Berdasarkan temu bual ini kajian merumuskan bahawa informan Kristian menyatakan asal makhluk ini baik<sup>429</sup>. Namun begitu, ciptaan Alam dilihat sebagai tempat kejahatan. Ajaran Kristian berpegang kepada makhluk dalam alam ini telah “jatuh” disebabkan dosa, dan alam ini adalah kejahatan<sup>430</sup>.

Berdasarkan penjelasan di atas menjelaskan bahawa dalam ajaran Kristian makhluk fitrah nya adalah jahat. Ini kerana bagi manusia, manusia dicipta baik namun fitrah nya adalah memilih kejahatan seterusnya manusia adalah jahat. Manusia yang dilahirkan dalam keadaan berdosa ini hanya menjadi baik dan bersih apabila mengakui keimanan bahawa Jesus adalah juru selamat, disalib untuk menebus dosa-dosa manusia.

<sup>429</sup> Genesis 1: 4: And the earth was without form, and void; and darkness was upon the face of the deep. And the Spirit of God moved upon the face of the waters.3 And God said, Let there be light: and there was light.4 And God saw the light, that it was good: and God divided the light from the darkness.

<sup>430</sup> Roman 5: 12-14: 12 Therefore, just as through one man sin entered the world, and death through sin, and thus death spread to all men, because all sinned— 13 (For until the law sin was in the world, but sin is not imputed when there is no law.14 Nevertheless death reigned from Adam to Moses, even over those who had not sinned according to the likeness of the transgression of Adam, who is a type of Him who was to come.

### **5.3.4.3 Analisis fitrah makhluk menurut Islam dan Kristian.**

Persamaan pandangan dalam menjelaskan bahawa semua ciptaan Tuhan adalah fitrahnya baik. Persamaan pandangan dalam mengatakan selain manusia iaitu alam semesta, tumbuhan, haiwan secara fitrahnya dijadikan oleh Tuhan dengan tujuan yang baik

Perbezaan berlaku apabila dalam ajaran Islam, manusia bersifat baik dan lahir dalam keadaan bersih. Berkecenderungan untuk meneruskan kebaikan atau melakukan bergantung pada keadaan nafsu, persekitaran, ibu bapa, pendidikan dan seumpamanya. Bagi Islam setiap makhluk boleh memahami Tuhan namun dan tidak mewarisi dosa-dosa dari orang terdahulu.

Manakala dalam Kristian, makhluk sebelum kejatuhan Adam sememangnya baik, namun selepas kejatuhan Adam maka secara automatik, mereka adalah jahat dan dalam kegelapan. Peristiwa Adam untuk memakan buah larangan membuktikan manusia cenderung yang kuat adalah memilih kejahatan bukan kebaikan. Dalam Kristian akibat kegelapan yang dibawa turun kesan dosa warisan, manusia tidak akan memahami Tuhan sehingga mereka membersihkan mindanya iaitu melalui keimanan kepada penebus dosa.

### **5.3.5 Prinsip 5 : Makhluk (*Actual being*) boleh ditempa.**

Al-Fārūqī menjelaskan bahawa prinsip ini bertujuan untuk menjawab persoalan sejauh mana manusia mampu memahami nilai dan melaksanakan nilai yang ditentukan. Menurut al-Fārūqī untuk memberi nilai kepada dunia atau dalam erti kata lain, untuk memberi nilai kepada aktual yang merangkumi struktur dan kandungan yang sesuai, kesedaran kepada nilai adalah penting (merangkumi kesedaran kepada penentu nilai dan nilai yang ditentukan).. Jika tidak, nilai tidak akan menjadi apa yang sepatutnya malah ini menyebabkan tiada nilai langsung. Akan tetapi timbul persoalan seterusnya pula iaitu adakah kejadian aktual ini mampu untuk mengubah karakternya untuk menjadi ilmu



pengetahuan manusia pada masa ini? Dalam hal ini terdapat beberapa penekanan yang dijelaskan oleh al-Fārūqī iaitu

**i. Aktual mampu berubah menjadi lebih baik mencapai nilai yang ditentukan *Ideal* atau menjadi jauh dari nilai yang ditentukan *Ideal*.**

al-Fārūqī menjelaskan perubahan aktual ini berbeza dalam dua bentuk. Bagi Aktual atau MaKhhluk yang disebut alam atau dunia maka al-Fārūqī menegaskan bahawa dunia ini yang diatur mengikut perintah undang-undang Alam (sunnatullah) wajib mengikut telunjuk dan perintah kerangka kejadian *Ideal*. Timbul pula persoalan, bagaimana manusia yang dah ditentukan jadi baik diajar ketetapan baik berubah jadi jahat atau alam berubah sebaliknya ?), tiada satu ruang alam ini boleh di dominasi oleh perkara lain.

Al-Fārūqī menjelaskan bahawa alam dan manusia (aktual) asalnya adalah baik, namun sifatnya berubah. Namun alam berubah mengikut ketentuan *Ideal* sepenuhnya dan bersifat universal. Jika tidak, susah untuk memberi makna kepada perbuatan Manusia kerana alam memang dijadikan untuk manusia usahakan untuk memaknakan nilai yang ditentukan *Ideal*. Namun bagi manusia yang juga bersifat berubah, perubahan yang dituntut adalah atas kuasa *Ideal*, namun perubahan yang sebenar berlaku adalah hasil pilihan *Aktual* yang turut diberikan *Ideal* dalam memberi makna nilai.

Dalam erti kata lain dirumuskan bahawa dunia memang diatur dan mempunyai aturan. Kalau tidak kita (manusia) sendiri tidak dapat memahami dunia. Namun begitu, *orderliness* keteraturan dunia ini terdiri dari ketetapan nilai *Ideal*. Dalam setiap satu fenomena di dalamnya, di sana sentiasa mempunyai justifikasi penentuan yang cukup untuk membawa atau menjelaskan sesuatu fenomena.

**ii- Fenomena alam berubah dari apa yang sepatutnya terjadi adalah sebab dan punca (punca fenomena tidak ikut aturan)**

Al-Fārūqī menjelaskan bahawa dunia dan manusia berusaha untuk membawa kepada fenomena yang telah diberikan. Tiada pertalian sebab dan akibat yang boleh membawa kepada penentuan lain untuk memintas pengeluaran akibat sesuatu fenomena. Setiap fenomena dalam kejadian alam aktual ini boleh berubah dari apa yang sepatutnya ia jadi dan ia mestilah terbuka kepada penentuan (takdir) selanjutnya sekiranya berlaku. Namun perubahan fenomena dari apa yang kita jangkakan bukanlah kekurangan *Ideal*. Apabila fenomena itu berlaku berbeza dari apa yang kita jangkakan, ini bukan disebabkan oleh takdir yang perlu dipenuhi tetapi ia adalah takdir yang tidak dapat dijangka oleh *actual*.

Prinsip ini bertujuan menyatakan fenomena Alam ini telah ditentukan takdir (*sunnatullah oleh Tuhan*) Namun, wujudnya kemungkinan fenomena ini berlaku dari yang sepatutnya berlaku mengikut jangkakan manusia (yang dinilai melalui pemerhatian bahawa secara logiknya ia kan berlaku demikian namun ia tidak berlaku sepatutnya), Maka pada ketika ini al-Fārūqī menegaskan bahawa ia bukan disebabkan salah takdir atau kekurangan takdir tersebut yang tidak mengambil kira situasi tertentu, tetapi pada saat itu ada penentuan takdir lain. Ini sekali gus menegaskan bahawa perjalanan alam adalah mematuhi ketentuan atau takdir yang ditetapkan bukan disebabkan oleh rantaian sebab akibat. Ini kerana jika disebabkan rantaian sebab akibat akan ada jawapan yang tidak dapat dijelaskan apabila fenomena itu tidak mengikut sebab rantai tersebut.

Secara keseluruhan, prinsip ini menegaskan bahawa alam ini harus diterima secara positif dan boleh berubah. Ia perlu disantuni dengan baik mengikut undang-undang Tuhan. Jika berlaku sesuatu fenomena yang tidak dijangka maka jelas ada ketentuan lain yang ingin dijelaskan oleh *Ideal*.

### 5.3.5.1 Makhluq Boleh Berubah Menurut Islam

Akidah Islam Ahli sunah Waljamaah menjelaskan bahawa didikan atau perubahan makhluk turut berbeza mengikut kategori dua yang utama iaitu manusia dan selain manusia. Perubahan manusia adalah diterima dalam Islam dan ia dipengaruhi dengan faktor persekitaran, nafsu dan hasutan syaitan . Apabila timbul persoalan bahawa manusia sebagai fitrahnya baik namun mengapa berubah melakukan kejahatan. Maka kajian menjelaskan hal ini berdasarkan pandangan ulama' Ahli sunah waljamaah yang melibatkan konsep keistimewaan manusia, tanggungjawab manusia sebagai khalifah dan kebebasan memilih yang sering menjadi panduan dan ingatan bagi manusia dalam melakukan urusan di muka bumi ini. Dalam hal ini. Manusia sifatnya berubah bergantung kepada keadaan fizikal dan spiritual yang dipengaruhi persekitaran, ketenangan hati, kekuatan iman dan paling penting adalah ilmu yang diperolehi. Manusia (dikurniakan aqal) tugasnya menyembah, menunaikan tanggungjawab (khalifah) melalui konsep pilihan perbuatan kerana tekah diberikan keistimewaan iaitu akal .

Dalam konteks manusia , kajian mendapati bahawa Ahli sunah Waljamaah bersepakat bahawa perbuatan manusia yang diistilahkan sebagai *idtirari*<sup>431</sup> (usaha manusia) adalah terhasil dari usaha manusia namun diciptakan dengan kuasa dan kehendak Tuhan. Manakala perbuatan *ikhdiyāri* adalah perbuatan manusia yang diberi pilihan atau ruang untuk berusaha bagi memilih perbuatan. Hal ini disebut oleh Ash'āri sebagai Teori *al Kasb*<sup>432</sup> iaitu Allah menciptakan semua perbuatan manusia, namun manusia mempunyai ruang untuk berusaha memilih sesuatu perbuatan mengikut panduan

---

<sup>431</sup> Menurut Ash'āri perbuatan idtirari adalah perbuatan yang dipaksakan Allah ke atas manusia untuk melakukannya sebagai contoh terketar-ketar ketika lumpuh).

<sup>432</sup> Ibid. 41.

yang telah ditetapkan<sup>433</sup>.Pemilihan ini merupakan satu ujian dan tanggungjawab kepada manusia untuk menggunakan keistimewaan aqal yang diberikan kepada mereka

### 5.3.5.2. Makhluk Boleh berubah Menurut Kristian

Melalui temu bual dijalankan, informan Kristian menjelaskan bahawa semua kebaikan telah ditentukan oleh Tuhan. Namun manusia bertanggungjawab ke atas dirinya untuk memilih bagi meneruskan kebaikan atau sebaliknya. Tuhan tidak pernah menjadikan manusia dalam keburukan. Pandangan ini dirinci kan dalam jadual di bawah.

**Jadual 5.28: Kebebasan manusia untuk berubah menurut informan Kristian**

ISU	KRISTIAN	KOD INFORMAN
Fitrah agama baik Manusia ada kebebasan berubah	tapi kita kena percaya ada human responsibility. The main responsibility adalah say God, I want to change, but i cannot change, only you can make me change". We must have human responsibility tak boleh pasrah tak berusaha. There is always two side comes together, human responsibility and God Working in our life.	K1
	semua agama, semua agama mengajar kita berbuat baik. Islam ada ethics, Kristian ethics', Hindu ethics, every religion has God and has konsep of being good. Tiada agama yang akan seseorang suruh buat jahat. Kalau ada itu bukan satu agama..	K2
Perubahan manusia	perubahan boleh berlaku, believe in god, and reality mcm mana kita believe in god. Perubahan ada human aspect ada God aspect. Thats mean ada roh yang membawa perubahan	K1

<sup>433</sup>Menurut Ash'āri ini menunjukkan bahawa Allah menciptakan perbuatan setiap manusia sama ada baik atau jahat. Beliau menolak pandangan bahawa manusia boleh menciptakan perbuatan mereka sendiri dan juga pandangan yang menyatakan manusia dipaksa oleh Allah untuk melakukan sesuatu perbuatan.

“ setiap apa yang terjadi di muka bumi ini adalah dengan kuasa dan kehendak Allah menciptakannya” (Ibid, 41)

“ telah terbukti bahawa setiap perkara yang baharu adalah ciptaan Allah s.w.t. Justeru apabila mustahil Allah s.w.t membuat apa yang tidak dikehendaki-Nya, maka mustahil berlaku apa yang tidak dikehendaki-Nya dari sesuatu yang lain, kerana semuanya adalah perbuatan Allah s.w.t. Tambahan lagi, jika terdapat di dalam alam ini apa yang tidak dikehendaki oleh Allah s.w.t, nescaya pastilah apa yang ada dalam alam ini adalah perkara yang Dia tidak sukai. Jika apa yang Dia tidak sukai kewujudannya, nescaya ia adalah perkara yang Dia enggan terima kewujudannya. Hal ini mewajibkan bahawa segala maksiat itu adalah wujud sama ada Allah s.w.t kehendaki atau tidak. Ini adalah sifat sesuatu yang lemah dan terpaksa, Maha Suci Allah s.w.t daripada segala sifat kekurangan tersebut (Ibid :50).

	<p>pada saya. Tapi saya must willing to accept. God here is Ruh Allah.</p>	
	<p>Dididik manusia.</p> <p>Tugas pastor adalah educate. Walaupun manusia lahir dalam dark tapi bila dia dah restore so dah boleh didik. Tapi pendidikan tentang agama Kristian boleh berjalan sebelum orang tu repent kerana kami da sunday school, kindergarten, ajaran kristian sudah berjalan dalam keluarga, church, youth meeting, bible study dan lepas tu dewasa dia pergi seminari dan ambil kursus, ada special meeting untuk mendidik.</p> <p>Some times problem ada child act, we have problem untuk dapatkan kebenaran dari ibu bapa yang bukan kristian. Kami x boleh paksa yang beragama lain pergi ke chapel. You re welcome, tapi kena ada permission dari parents.</p>	K1
<p>Manusia Bertanggungjawab atas perbuatan</p>	<p>Kalau manusia tu nampak susah, adakah Kristian percaya sebenarnya ada hikmah lain?</p> <p>Sure, i mean kalau skrg kita tgk dia kena banjir, maybe later . Ia bukan satu ketentuan tetap jika sakit skrg akan dapat baik nanti tapi ini adalah terpulang pada Tuhan. Dalam john suffering. Message john adalah itu semua adalah up to god. Keunggulan Allah is highest, human have no right to question. We must learn to accept. But, tapi dia tak maksudkan kita tak perlu bertanggungjawab, usaha tetap kena. So you see lah this tension</p>	K5
	<p>Perkara yang salah mesti diperbaiki, tak boleh dibiarkan. Thats the main reason kedatangan Jesus Kristus.</p>	K5
	<p>MANusia boleh dididik jadi baik atau jahat. Yes, dalam old testament very clear, manusia boleh dididik jadi baik dengan follow the way og Torah means 10 commandement. Books proverb, ibu bapa, guru, follow the law. But i think in the understanding of Christian sins is so powerful, we need someone to save. In christian understanding, thats in is so powerful. That mean you need some one to save you. To give you renew mind . Macam yang disebut dalam Roma Chapter 12 ayat 1. it talks about you changing your mind, by that change happens were we are in christ "kerana dalam language Kristian, adalah dalam kita</p>	K5

	<p>dalam kristus. untuk Ordinary language: Kalau kita percaya Yesus, ikut example dia dan dapat kuasa dari roh Kudus, (this were the hole doktrin Trinity was come in). Even kita dont have the power, kita dapat power dari holy spirit. Every one wiling to get holy spirit. Setiap orang berhak dapatkan sendiri. Of coz father, communion semua adalah alat. There was debate in Christian adakah semua orang akan dapat.</p>	
	<p>Manusia boleh berubah dengan syarat percaya jesus.          In principle seorang Kristian, boleh respon tapi respon dihalang oleh dosa, " tapi dengan kehadiran Yesus Kristus yang hapuskan dosa maka believers dapat respon dengan lebih bebas. That was martin luther believe the freedom of Christian .That time jauh dengan katolik, tapi now katolik pun dah setuju sama. So ini bermaksud dengan percaya Yesus sahaja, maka dia akan dapat kuasa untuk membentuk diri dia dengan baik . Yes Exactly.</p> <p>Soalan: SO perubahan kepada baik bermula agak lewat la maksudnya bukan dari lahir lah ya ? so bila dia boleh didik diri dia, lepas ada kematangan or mcm mana?</p> <p>From the perspective theology Dalam hubungan dengan Tuhan, Kristian percaya kedatangan Jesus changes everything.MAke its possible, Dalam kepercayaan kita sebagai Kristian dalam hubungan dengan Tuhan, kedatangan nabi Isa Changes Everything. Tapi tidak bermaksud orang yang tak percaya pada dia, tidak ada idea (have no knowledge) Remember . yang paul cakap kamu da idea tentang Tuhan tapi unknown God. let me tell you The God. So this is dekat kepada Rahner lah for fulfillment or even hans kung yang say that final fulfillment adalah dalam Jesus. Probably will be more classical position lah. Mainstream position.</p>	K5

**Sumber: Temu bual bersama informan Kristian**

Di dalam Kristian, perubahan manusia sentiasa di bawah ketentuan Tuhan. Dalam konteks syurga dan neraka, Tuhan memilih manusia untuk masuk syurga dan tidak pernah memilih manusia untuk ke neraka. Ini adalah anugerah Tuhan yang diberikan kepada

setiap manusia<sup>434</sup>. Malah ketika manusia masuk neraka, karena memang mereka memilih untuk pergi ke sana oleh kehendak sendiri. Tuhan tidak pernah menentukan orang untuk masuk neraka. Hati Tuhan sentiasa terbuka untuk manusia dan tidak pernah memilih manusia untuk dihukum atau diseksa<sup>435</sup>. Kenyataan ini menjelaskan bahawa manusia memilih untuk melakukan perbuatan. Perbuatan baik adalah di bawah ketentuan Tuhan dan perbuatan jahat adalah disebabkan manusia itu sendiri. Maka dengan sebab itu keperluan kepada taubat diutamakan agar manusia berakhir di dalam jalan keselamatan. Taubat ini lah salah satu cara untuk kembali ke jalan benar bagi mendapatkan rahmat Tuhan.

### **5.3.5.3 Analisis perubahan makhluk menurut Islam Dan Kristian**

Kajian mendapati bahawa persamaan pandangan Islam dan Kristian dalam menyatakan manusia itu boleh berubah bergantung kepada persekitaran. Islam dan Kristian bersetuju bahawa Tuhan terlibat dalam semua urusan manusia termasuk dalam urusan melakukan perubahan diri..

Perbezaan yang ketara berlaku dalam konteks kebebasan manusia. Dalam ajaran Islam semua perbuatan manusia baik dan jahat berlaku dengan kuasa Tuhan namun hasil usaha manusia memilih berdasarkan panduan yang telah diberikan. Wujudnya teori *al-kasb* sebagai agen yang dinilai dalam menentukan ganjaran syurga atau neraka.

---

<sup>434</sup> Isaiah 46:9-11: Remember the former things of old: for I am God, and there is none else; I am God, and there is none like me, 10 Declaring the end from the beginning, and from ancient times the things that are not yet done, saying, My counsel shall stand, and I will do all my pleasure: 11 Calling a ravenous bird from the east, the man that executeth my counsel from a far country: yea, I have spoken it, I will also bring it to pass; I have purposed it, I will also do it.

<sup>435</sup> Ezekiel 33:11: Say unto them, As I live, saith the Lord GOD, I have no pleasure in the death of the wicked; but that the wicked turn from his way and live: turn ye, turn ye from your evil ways; for why will ye die, O house of Israel?

Romans 2:4: Or despisest thou the riches of his goodness and forbearance and longsuffering; not knowing that the goodness of God leadeth thee to repentance?

2 Peter 3:9: The Lord is not slack concerning his promise, as some men count slackness; but is longsuffering to us-ward, not willing that any should perish, but that all should come to repentance.

Perbezaan juga berlaku dalam kepercayaan Islam bahawa manusia fitahnya baik maka perubahannya boleh jadi teruskan kebaikan atau menjadi jahat.

Walau bagaimanapun dalam ajaran Kristian, semua ketetapan Tuhan adalah baik, dan dalam isu perbuatan jahat, manusia sendiri yang memilih untuk melakukannya. Ini kerana manusia sendiri adalah dalam fitrah yang jahat kerana membawa dosa warisan. Dosa warisan bukanlah dosa yang boleh dihapuskan melalui pengakuan taubat semata-mata.

Ringkasnya, perubahan diri manusia Muslim, adalah tertakluk kepada persekitaran, didikan, dan usaha manakala dalam konteks Kristian ia tertakluk kepada “restoration” atau pengakuan keimanan sebagai bukti Tuhan telah pun membuat sesuatu perubahan ke atas diri mereka.

### **5.3.6 Prinsip 6: Kesempurnaan Alam (Kosmos) hanyalah beban kepada Manusia (Human).**

Al-Fārūqī menjelaskan bahawa hanya manusia mampu memberi kesan. Setiap ahli dalam kejadian *actual* datang dan pergi. Kewujudan alam ini wujud dibawah pengawasan atau dominasi kejadian *Ideal*. Hal kewujudan ini secara keseluruhannya adalah satu kesinambungan dari satu keadaan (A), yang telah ditentukan sepenuhnya oleh (B) dan kemudian dipenuhi oleh (C) sehingga akhir keadaan ini. Unsur-unsur, benda organik, tumbuhan dan haiwan semuanya adalah tertakluk kepada undang-undang. Manusia adalah penghubung yang mana nilai-nilai ini mestilah melalui manusia sebelum menjadi fakta. Dalam erti kata lain manusialah yang memberi makna kepada nilai yang ditentukan kerana manusia yang menjadikan nilai di alam idea itu sebagai fakta. Penegasan ini



membawa kepada penegasan Tauhid yang menentang kepaderian, pengasingan diri dari dunia, penolakan terhadap dunia dan pertapaan<sup>436</sup>.

### 5.3.6.1 . Tanggungjawab terhadap alam menurut Islam

Alam, haiwan, tumbuhan merupakan kejadian yang baik dengan tujuan yang baik. Alam tempat membuat ibadah untuk mendapatkan ganjaran baik di akhirat. Haiwan dan tumbuhan pula dijadikan sememangnya untuk manfaat manusia. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah<sup>437</sup>:

وَالَّذِينَ نَزَّلْنَا مِنْ سَمَاءٍ مَاءً طَهُرْنَا بِهِ لَكُمْ فِيهَا دِفْءٌ وَمَنْفَعٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٥٠﴾

dan binatang-binatang ternak itu, ia juga menciptakannya untuk kamu; terdapat padanya benda-benda Yang memanaskan tubuh dari sejuk dan beberapa faedah Yang lain; dan daripadanya juga kamu makan.

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لَكُمْ مِنْهُ شَرَابٌ وَمِنْهُ شَجَرٌ فِيهِ تُسِيمُونَ ﴿٥١﴾

10. Dia lah Yang menurunkan hujan dari langit; sebahagian daripadanya untuk minuman kamu dan sebahagian lagi menyebabkan tumbuhnya pokok-pokok (tumbuh-tumbuhan) untuk kamu melepaskan binatang-binatang ternak: makan padanya.11.

<sup>436</sup> Ibid, h:90 dan Rujuk firman Allah 57:27, 28:77, 2:201, 7:156, 16:30, 39:10.

<sup>437</sup> Al-QuranAl Nahl 16:5, 80 dann10-11

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنْ جُلُودِ الْأَنْعَامِ  
 بُيُوتًا تَسْتَخِفُّونَهَا يَوْمَ ظَعْنِكُمْ وَيَوْمَ إِقَامَتِكُمْ وَمِنْ أَصْوَابِهَا  
 وَأَوْبَارِهَا وَأَشْعَارِهَا أَثْنَا وَمِئْتًا إِلَى حِينٍ ﴿٨٠﴾

80. dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) tempat tinggal; dan ia menjadikan bagi kamu dari kulit binatang-binatang ternak: khemah-khemah (tempat berteduh), Yang kamu mendapatinya ringan (di bawa ke mana-mana) semasa kamu merantau dan semasa kamu berhenti; dan (ia juga menjadikan bagi kamu) dari berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternak itu, berbagai barang perkakas Rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakannya) hingga ke suatu masa.

Ayat-ayat di atas membuktikan bahawa kejadian alam semesta ini mempunyai nilai yang baik. Kejadian dunia ini merupakan pentas kepada manusia untuk melakonkan tugas moral mereka. Manusia bertanggungjawab menukarkan alam ini menjadi taman-taman yang produktif dan cantik.

### 5.3.6.2 Tanggungjawab terhadap alam menurut Kristian

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, kajian mendapati bahawa informan Kristian mempercayai bahawa alam ini dijadikan dengan tujuan yang baik. Manusia yang menyebabkan alam menjadi jahat atau tempat kejahatan. Maka semua informan mengatakan harus menjaga alam dengan baik,

**Jadual 5.29 Alam menurut pandangan Kristian**

ISU	KRISTIAN	KOD INFORMAN
Manusia bertanggungjawab terhadap alam.	<p><i>Actually</i>, manusia yang membebankan alam. Christian jadikan alam untuk tujuan baik. Manusia adalah khalifah trustee supposed to do good.</p> <p>God dah bagi dunia ini kepada kamu, so you must do Trustee. Kejadian bab 1;28.</p>	K1

	Dalam hebrew, care and protect bukan sabdu dan rule.	
	Ithink right now, bila berlaku banjir atau malapetaka, some christian will blame God like someMuslim kan. Tapi sekarang pedapa saya, Kristian perlu bertanggungjawab terhadap alam. Sekarang ada litereture christian perspective of climate change. Sebenarnya sdr micheal northcott selalu datang ke um. He is very good, he is secondary literature sebab dia adalah about climat change from christian view. Saya agree dengan dia iaitu minta manusia bertanggungjawab. Of course there was something yang mister yang kita will never know, but in overall kita tengok keadaan dunia sekarang, we are the problem.	K5

**Sumber: Temu bual Informan kristian**

Enss juga menjelaskan bahawa alam adalah satu kejadian yang baik pada asalnya kerana dicipta oleh Tuhan<sup>438</sup>. Namun ia menjadi nilai jahat disebabkan manusia telah jatuh berdosa ke dalam alam membuang dosanya ke dalam alam. Dalam hal ini Kristian menganggap kejatuhan Adam ke bumi menunjukkan alam atau bumi ini menjadi tempat kejahatan.

### **5.3.6.3 Analisis tanggungjawab terhadap alam menurut Islam dan Kristian**

Berdasarkan penjelasan di atas, kajian merumuskan bahawa semua informan Muslim dan Kristian bersetuju bahawa alam yang diciptakan Tuhan memberi kebaikan, Persamaan pandangan bahawa alam ini dijadikan untuk manusia. Dalam konteks Islam alam dilihat sebagai tanggungjawab kepada setiap individu manusia. Manakala dalam konteks Kristian

<sup>438</sup> Genesis 1; 28-31 And God blessed them, and God said unto them, Be fruitful, and multiply, and replenish the earth, and subdue it: and have dominion over the fish of the sea, and over the fowl of the air, and over every living thing that moveth upon the earth. 29 And God said, Behold, I have given you every herb bearing seed, which is upon the face of all the earth, and every tree, in the which is the fruit of a tree yielding seed; to you it shall be for meat. 30 And to every beast of the earth, and to every fowl of the air, and to every thing that creepeth upon the earth, wherein there is life, I have given every green herb for meat: and it was so. 31 Genesis 1; 28-31 And God saw every thing that he had made, and, behold, it was very good. And the evening and the morning were the sixth day.

manusia dilihat membebani alam. Secara keseluruhannya, kajian merumuskan bahawa Islam dan Kristian melihat alam sebagai satu tempat yang baik dan perlu dijaga dengan baik kerana Amanah Tuhan.

#### **5.4 Kesimpulan**

Berdasarkan penjelasan di atas kajian merumuskan bahawa Islam dan Kristian mempercayai enam-enam prinsip meta agama berasaskan persamaan pandangan terhadap enam prinsip yang dinilai. Ini membuktikan wujudnya persamaan fitrah antara kedua-dua agama ini. Walau bagaimanapun, hakikatnya wujud perbezaan dalam setiap elemen yang dinyatakan dalam setiap nilai. Maka kajian mendapati bahawa secara asasnya, enam prinsip meta agama dapat dijadikan prinsip asas dalam menilai agama Islam dan Kristian, perbezaan yang terhasil jelas menunjukkan bezanya tujuan dan kefahaman Islam dan Kristian dalam pelaksanaan agama. perbezaan inilah yang dikatakan sebagai sensitiviti yang perlu dihormati dan difahami dalam pembinaan toleransi agama kerana ia adalah limitasi dalam pengiktirafan kepelbagaian agama. Dalam erti kata lain, dari perbezaan ini yang menyebabkan kebenaran antara Islam dan Kristian adalah berbeza.

## **BAB 6: RUMUSAN DAN CADANGAN**

### **6.1 Pengenalan**

Perbincangan dalam bab ini terbahagi kepada dua aspek. Aspek pertama ialah berkaitan dengan rumusan hasil dapatan kajian yang dibincangkan berdasarkan objektif kajian. Aspek kedua berkaitan dengan cadangan panduan toleransi agama damai hubungan Muslim-Kristian Malaysia.

### **6.2 Rumusan**

Rumusan kajian ini dijelaskan dalam empat perkara utama iaitu rumusan teori dan pendekatan al-Fārūqī dalam kajian hubungan Muslim dan Kristian, rumusan pandangan wakil pemimpin agama Islam dan Kristian terhadap toleransi agama, rumusan pendekatan toleransi agama dan rumusan limitasi toleransi agama. Semua objektif yang dikaji bertujuan untuk memformulasikan panduan toleransi agama antara Muslim dan Kristian Malaysia

#### **6.2.1 Rumusan Objektif 1 : Konsep dan Pendekatan Toleransi Agama al-Fārūqī**

Berdasarkan kajian yang dijelaskan dalam bab 2, dirumuskan bahawa al-Fārūqī menegaskan toleransi agama adalah kaedah atau istilah yang sesuai untuk digunakan dalam menghadapi kepelbagaian agama. Toleransi dalam konteks al-Fārūqī telah merangkumi hormat, penerimaan kewujudan dan keadilan hak yang sepatutnya dinikmati oleh agama-agama. Dalam konteks yang sama toleransi agama juga adalah berpunca dari perbezaan kebenaran agama-agama. Ini bermaksud tiada kesamaan kebenaran antara agama malah tidak boleh untuk disamakan agama sama-sama benar. Hal ini dibuktikan melalui penekanan al-Fārūqī terhadap hasil penilaian meta agama yang membuktikan wujudnya persamaan dan perbezaan jawapan dari agama-agama yang dikaji. Maka wujudnya perbezaan kebenaran. Usaha untuk hidup harmoni tanpa menafikan perbezaan

kebenaran agama yang membawa kepada toleransi agama. Hal ini selaras dengan definisi toleransi menurut al-Fārūqī iaitu toleransi merupakan penerimaan terhadap apa yang wujud sehingga timbulnya ke tidak kebenaran.

### **6.2.2 Rumusan Objektif 2: Konsep Toleransi Agama**

Kajian merumuskan konsep dan penerimaan toleransi agama kepada tiga perkara utama iaitu:

#### **i. Penerimaan istilah toleransi agama**

Kajian merumuskan bahawa wakil informan Muslim dan Kristian bersetuju bahawa istilah toleransi bukanlah berasal dari agama Islam mahupun Kristian. Perbezaan pandangan yang besar berlaku dalam penerimaan istilah toleransi agama dalam kalangan pemimpin agama Islam dan Kristian Malaysia berkait rapat dengan sejarah dan konsep yang menjadi asas istilah toleransi. Majoriti dari informan Muslim bersifat positif iaitu toleransi sebagai interaksi positif dalam konteks memberi hak yang sepatutnya dalam kepelbagaian agama. Manakala majoriti informan Kristian meletakkan istilah toleransi sebagai satu istilah yang negatif. Lalu mereka mencadangkan beberapa perkataan lain untuk menggantikan toleransi seperti hormati, penerimaan, dan meraikan.

#### **ii. Pandangan Terhadap Agama Lain dan Peranan Agama Lain**

Kajian merumuskan bahawa semua informan sama ada wakil informan Muslim dan Kristian bersetuju bahawa agama yang benar adalah hak milik agama masing-masing. Dalam erti kata lain semua informan mengiktiraf kewujudan agama lain tapi tidak mengiktiraf kebenaran agama lain .

Dalam konteks Islam, wujudnya pembahagian antara kafir zimmi dan *harbi*. Justeru, toleransi terlaksana kepada *kafir zimmi*. Secara tidak langsung kajian mendapati bahawa informan Muslim meletakkan golongan bukan Islam di Malaysia sebagai kafir

zimmi Maka mereka layak untuk di toleransi dan ada batasannya. Hal ini dilihat berdasarkan pandangan –pandangan yang menunjukkan kesediaan mereka untuk hidup berharmoni dengan agama bukan Islam di Malaysia.

Dalam konteks Kristian, pandangan terhadap agama lain juga mengikut reaksi dari penganut agama tersebut. Kajian merumuskan bahawa dalam agama Kristian, pandangan terhadap agama lain adalah bergantung pada hierarki mereka melaksanakan konsep *love of God* yang mana penganut agama lain atau kumpulan di luar gereja dibahagi kepada tiga kumpulan iaitu sama ada ia adalah jiran (*neighbor*), musuh atau penentang (*enemy/ persecutors*). Mereka meletakkan kumpulan *persecutors* adalah kumpulan yang memberi ancaman dan menghina agama dan kepercayaan Kristian. Bagi kumpulan musuh ia melibatkan faktor peperangan. Manakala *neighbor* mempunyai dua tafsiran. Bagi Katolik pada asalnya *neighbor* adalah individu di luar gereja mereka. Namun pada masa ini *neighbor* juga merangkumi individu di luar agama mereka. Bagi informan selain Katolik mereka menggunakan ayat *love of neighbor* sebagai hujah utama sokongan untuk toleransi di Malaysia ini membawa maksud jiran adalah individu di luar gereja dan agama. Maka kajian merumuskan toleransi yang tinggi adalah kepada *neighbor*.

### **6.2.3 Rumusan Objektif 3 : Pendekatan Toleransi Agama**

Secara keseluruhan, kajian merumuskan bahawa wakil pemimpin agama Islam dan Kristian Malaysia mempunyai kehendak agar hubungan antara agama wujud dengan penuh hormat, harmoni, dengan meraikan kepelbagaian agama yang ada. Bagi konteks istilah , kajian mencadangkan agar perkataan hormat atau meraikan agama dapat digunakan sebagai gambaran keperluan hubungan yang perlu ada antara Muslim dan Kristian Malaysia. Ini berdasarkan persetujuan majoriti dari informan kajian iaitu wakil

pemimpin Islam dan Kristian yang berulang kali menggunakan hormat dan meraikan sebagai gambaran konsep interaksi yang harmoni antara dua agama ini.

Dalam konteks pendekatan, kajian merumuskan bahawa semua informan Muslim dan Kristian meletakkan pendekatan utama dalam membina hormat dan meraikan agama lain iaitu melalui proses memahami agama –agama lain dan melalui pelaksanaan dialog atau interaksi antara agama dan melakukan kajian perbandingan agama. Hal ini dilihat selaras dengan pendekatan yang diguna pakai oleh al-Fārūqī. Tidak dinafikan wujudnya perbezaan apabila al-Fārūqī mempunyai ruang limitasi yang lebih luas dalam mengadakan interaksi dengan agama lain . Namun dalam konteks Malaysia, wujudnya perbezaan syarat dalam pelaksanaan. Hal ini dirumuskan dalam jadual di bawah.

**Jadual 6.1: Rumusan Pendekatan Memahami agama**

Rumusan Pendekatan Memahami agama		
	Pemimpin Agama	Penganut Agama
Persetujuan Faham Agama dapat pupuk toleransi	Persamaan pandangan informan Muslim dan Kristian jelas dalam menyatakan persetujuan untuk memahami agama tersebut dari konteks agama itu sendiri. Bagi informan Muslim mestilah dari pakar agama dan agama Kristian menegaskan dari penganut agama yang dikaji.	Penganut Setuju memahami agama sebagai asas utama dalam memupuk toleransi turut dipersetujui oleh penganut. Tambahan lagi, dapatan laporan ini yang menunjukkan tahap toleransi penganut agama yang tinggi adalah terhasil dari pemilihan responden yang mempunyai tahap kefahaman agama yang tinggi..
Tujuan Memahami Agama	Persamaan pandangan juga berlaku dari konteks tujuan memahami agama iaitu sebagai satu proses persediaan untuk menyebarkan dakwah agama masing-masing. Ia juga penting bagi mengetahui data dan pemahaman agama dalam konteks realiti atau tempat yang dikaji . Kajian turut mendapati bahawa semua informan Islam dan Kristian mempunyai pengalaman mengkaji dan memahami agama –	Penganut agama memahami agama berdasarkan hubungan seharian dengan jiran dan urusan pekerjaan.



	agama lain dalam proses pengajian mereka.	
Pelaksanaan	Persamaan pandangan antara Informan Muslim dan Kristian bahawa kefahaman agama boleh dimulakan secara rasmi melalui sistem pendidikan atau melalui dialog kehidupan. perbezaan skop sasaran dan peringkat umur dilihat wujud apabila informan Islam meletakkan ia untuk peringkat yang lebih tinggi pengajian namun bagi informan Kristian ia seeloknya seawal umur mencari ilmu.	Penganut lebih kepada dialog kehidupan.
Syarat	perbezaan pandangan antara informan Muslim dan Kristian Malaysia dalam aspek syarat Dalam konteks syarat, informan Muslim cenderung kepada penentuan syarat layak memahami agama lain bergantung pada umur pengkaji agama dan tahap pemahaman pengkaji terhadap agama Islam. Justeru, memahami agama lain disyaratkan untuk dilaksanakan pada peringkat kajian ilmu yang lebih tinggi walau bagaimanapun dalam memahami budaya kaum lain ia boleh dilakukan dari aspek dialog kehidupan seharian. Walau bagaimanapun dalam konteks Kristian, ia boleh dilakukan seawal usia yang mungkin.	Syarat: Walau bagaimanapun laporan menegaskan bahawa mengetahui dan memahami ajaran agama lain tidak bermaksud mereka perlu campur tangan dalam hal ehwal kepercayaan agama tersebut.
Pengalaman Toleransi	Semua informan Islam dan Kristian mempunyai pengalaman dalam mempelajari agama selain yang dianuti.	Penganut tidak ada pengalaman mempelajari agama selain dianuti

**Sumber : Rumusan Data Analisis**

**Jadual 6.2: Rumusan Pendekatan Dialog agama**

Rumusan Pendekatan Dialog agama		
	Pemimpin Agama	Penganut Agama
Persetujuan Dialog Agama	Wujud persamaan pandangan bahawa dialog agama dapat memupuk toleransi	Setuju Dialog Agama sebagai agen toleransi.
Syarat Dialog.	Persamaan Syarat: pelaksanaan dialog agama perlulah dijalankan dengan komunikasi dua hala. Ini bermakna kedua-dua kumpulan Informan menegaskan wujudnya dominasi satu pihak dalam berdialog bukanlah ciri dialog agama yang baik	menjaga sensitiviti agama lain.

	<p>dan tidak akan memberikan kesan dalam memupuk toleransi agama.</p> <p>Selain itu, informan Islam dan Kristian turut bersetuju bahawa peserta dialog perlulah sedia mendengar. Ini sekali gus menunjukkan kehormatan terhadap wakil agama dalam menjelaskan ajaran agama atau respon agama yang dianuti terhadap sesuatu isu. Malah ia menyebabkan kurang timbul salah faham atau bersifat mengurangkan kekeliruan dalam perbincangan sesuatu tema yang ditetapkan.</p>	
Tema Dialog	<p>Persamaan: Dialog Kehidupan kedua-dua kumpulan ini bersetuju bahawa tema utama yang sesuai dibincangkan dalam dialog agama awam dan pakar adalah tema kehidupan</p> <p>perbezaan: Dialog teologi majoriti wakil informan Kristian tidak mempunyai halangan untuk dibincangkan dengan tujuan menjelaskan perbezaan namun dalam konteks informan Muslim, majoriti mereka meletakkan halangan dan sekatan atas tujuan mengelakkan kekeliruan.</p> <p>Sekiranya dijalankan untuk selesaikan isu, ia perlu dibuat tertutup oleh ahlinya. Ini dianggap sebagai kepatuhan kepada prinsip maqasid syariah yang mengandungi lima tanggungjawab iaitu menjaga agama, akal, harta, nyawa, dan keturunan penganut Islam tersebut.</p>	<p>perbezaan pandangan dalam kesediaan untuk berdialog kehidupan dan dialog teologi.</p> <p>Dialog kehidupan</p> <p>Dalam aktiviti kehidupan, seperti ziarah harian atau penganut agama lain yang sakit, menghormati rumah ibadah, menghadiri perayaan, menghadiri jemputan majlis perkahwinan, bersahabat dengan penganut agama lain dan menolong penganut agama lain dalam kesusahan.</p> <p>- Dialog teologi</p> <p>Dalam konteks kesediaan dan amalan berbincang isu agama dengan penganut lain, dan kesediaan menerima pemimpin agama dari agama lain purata keseluruhan penganut agama bersifat pasif atau tidak bersedia dengan purata tidak sampai majoriti yang bersetuju</p>
Pelaksanaan	Sebahagian informan Islam dan kristian pernah terlibat dalam sesi dialog agama.	Responden yang memahami ajaran dan amalan penganut agama melalui pendekatan dialog agama adalah rendah .

**Sumber: Rumusan Data Analisis**

**Jadual 6.3 Rumusan Pendekatan Perbandingan Agama**

Rumusan Pendekatan Perbandingan agama		
	Pemimpin Agama	Penganut Agama
Persetujuan Perbandingan Agama dapat pupuk toleransi	Wujud persamaan pandangan bahawa perbandingan agama dapat memupuk toleransi	laporan menjelaskan bahawa tiadanya kesediaan dan keyakinan bahawa pendekatan perbandingan agama ini akan berkesan memupuk toleransi. Keraguan penganut terhadap pendekatan ilmu perbandingan agama lebih banyak dan tinggi berbanding pendekatan memahami agama dan dialog agam sebagai jalan memupuk toleransi
Syarat Dialog.	Persamaan Syarat: Data Perbandingan Agama di nilai mengikut kerangka teori teologi masing-masing. Justeru dalam konteks ini kajian mencadangkan agar perbezaan yang dibuktikan dengan hujah dan sumber yang tepat dijadikan limitasi dan batasan toleransi agama atau dianggap sebagai perkara sensitiviti agama yang perlu dihormati.	Tiada Ulasan
Tujuan Perbandingan Agama	Persamaan: Tujuan Mengetahui pandangan agama lain terhadap agama yang dianuti. Menguatkan iman dan kepercayaan sendiri. Perbezaan: Muslim membuat perbandingan untuk mencari titik perbezaan. Kristian pula membuat perbandingan agama bagi mencari persamaan	. Tiada Ulasan
Syarat	Persamaan : Mempunyai akidah dan asas terlebih dahulu. Mengikut peringkat umur.	-Tiada Ulasan
Pelaksanaan	Majoriti informan telah melaksanakan dan mempelajari kaedah perbandingan agama	Tiada persetujuan kesediaan untuk penganut agama melaksanakan perbandingan agama.

**Sumber: Rumusan Analisis Data**

#### 6.2.4 Rumusan Objektif 4 : Limitasi Toleransi Agama

Berdasarkan penjelasan di atas, kajian mendapati bahawa toleransi dijalankan atas faktor menghormati persamaan dan limitasi berlaku dalam beberapa perbezaan di dalam jadual bawa.

**Jadual 6.4: Rumusan Persamaan dan perbezaan hasil penilaian meta agama**

Rumusan Limitasi Toleransi Agama melalui Prinsip Meta agama		
	Persamaan	perbezaan
Tuhan Penentu Nilai	Islam dan Kristian meletakkan penentu nilai baik dan buruk adalah berpandukan undang-undang Tuhan. Undang-undang Tuhan ini boleh difahami. Tuhan juga memberitahu undang-undang dan panduan ini kepada manusia.	
Panduan Nilai melalui wahyu		<p><b>Islam</b> Panduan nilai ini adalah wahyu. Wahyu daripada Allah, dan kalam Allah ia bukannya Allah. Ia diturunkan dan kemudian dikumpulkan menjadi suhuf, kitab suci dan pada masa ini ia terpelihara di dalam al-Quran. Panduan atau kalam Tuhan ini akhirnya diturunkan untuk difahami manusia.</p> <p>Dalam konteks Kristian hukum Tuhan yang diturunkan kepada manusia disampaikan dengan turunnya Tuhan sendiri ke muka bumi. Kalam dalam Kristian bukan wahyu bertulis, namun ia merupakan Jesus yang didakwa sebagai Tuhan yang transenden. Maka undang-undang tuhan difahami melalui Jesus.</p> <p>Turunnya Jesus ini sendiri sebagai undang-undang tuhan bagi memperbetulkan manusia yang berada dalam keadaan berdosa sehingga kemuncak kepada pembaharuan ini adalah penyaksian penyaliban Jesus sebagai penebus dosa warisan.</p>

<p>Nilai baik Buruk</p>	<p>Undang-undang Tuhan</p>	<p><b>Islam:</b> Nilai baik buruk bergantung pada syariat yang dibawa oleh para nabi/ Islam mempercayai bahawa syariat nabi-nabi sebelum itu hanya sesuai pada zaman tersebut dan untuk semua umat manusia akhir zaman, syariat kini adalah melalui syariat Nabi Muhammad s,a,w . yang meneruskan dan menyempurnakan syariat para nabi dan rasul sebelum mereka</p> <p><b>Kristian:</b> Maka nilai baik buruk dalam Kristian ditentukan berdasarkan undang-undang Tuhan iaitu Jesus dan pentafsiran ke atas undang-undang Tuhan yang cuba dilakukan oleh penulis-penulis Perjanjian Lama dan Baru.</p>
<p>Nabi</p>	<p>Nabi tidak boleh jadi Tuhan</p>	<p>Para nabi dan rasul dilantik dengan ciri yang istimewa bagi menyampaikan dan memberi fahaman kepada manusia terhadap panduan yang Allah bagi.. Setiap muslim wajib beriman kepada 25 orang Nabi. Maka setiap nabi dan rasul akan menyampaikan panduan ini kepada kaum dan masyarakat masing-masing sehingga membentuk set panduan hidup di muka bumi yang disebut syariat.</p> <p>Isa adalah Nabi tidak akan menjadi Tuhan selama-lamanya kerana Isa sangat bergantung pada Tuhan dan Tuhan mestilah sifatnya tidak bergantung kepada suatu apa pun.</p>
		<p><b>Kristian:</b> Nabi di dalam Kristian juga hendaklah diikuti dan dipatuhi. Nabi juga berfungsi memberi fahama ajaran Tuhan dan nabi mereka yang terakhir adalah Nabi Paulus.</p> <p>Isa bukan nabi tapi anak Tuhan atau undang-undang Tuhan</p>
<p>Fitrah manusia</p>	<p>Asalnya baik</p>	<p><b>Islam:</b> Fitrah manusia adalah baik <b>Kristian:</b> Fitrah manusia asalnya baik namun selepas kejatuhan (fall) maka seterusnya fitrah manusia</p>

		adalah jahat dan memerlukan penebus dosa.
Perbuatan baik buruk	Kuasa Tuhan	<p><b>Islam:</b> Usaha untuk memilih perbuatannya adalah manusia dengan sebab itu berhak menerima balasan atau ganjaran. Pencipta perbuatan adalah Tuhan .</p> <p><b>Kristian:</b> Semua perbuatan baik Tuhan tentukan yang jahat manusia tentukan.</p>

**Sumber : Rumusan Analisis Data**

Berdasarkan penjelasan di atas, dalam konteks toleransi agama, kajian merumuskan limitasi toleransi agama amat jelas dalam beberapa perkara:

i KeEsaan Tuhan.

Islam dan Kristian mempercayai Tuhan itu Esa. Konsep keesaan inilah yang menjadi titik beza utama antara Islam dan Kristian Malaysia kerana *wahdaniyyah* (Esa Allah) menurut Islam menafikan wujud versi atau elemen lain yang digunakan bagi menggambarkan Tuhan dan menafikan kebergantungan Tuhan kepada selainnya dalam semua perbuatan Tuhan. Dalam Islam Allah mencipta alam dengan kuasaNya dan dirinya sendiri. Walaubagaimanapun dalam konteks Kristian, Tuhan itu adalah Satu tanpa menafikan wujudnya *the Son of God* dan *Holy Kudus* sebagai elemen bersama sama Tuhan walaupun dalam satu peribadi yang sama,. Tambahan lagi , dalam konteks Kristian Tuhan yang Esa ini dilihat bersama sama dengan *element son of God* dalam menciptakan alam semesta..

Kesannya dalam isu kalimah Allah, Allah yang difahami Islam adalah *lafz al-Jalālah* yang menyebutnya dengan merangkumi semua sifatnya termasuk Esa. Akan tetapi jika Kristian ingin menggambarkan kepada *God the Father* adalah tidak tepat kerana Esanya *God The Father* adalah melibatkan pengakuan kepada son of God dan Holy Spirit. Kajian mendapati bahawa tuntutan pihak Kristian ingin menggunakan Allah sebagai satu kata nama terjemahan God dalam bahasa Melayu bagi kegunaan gereja

berbahasa Melayu (seperti yang dinyatakan oleh informan Kristian dalam bab 3), adalah tidak sesuai kerana Esa Allah dalam konsep Islam adalah tidak bertepatan dengan konsep Esa Tuhan yang digunakan dalam ayat-ayat God di dalam Bible. Atau erti kata lain konsep Allah di dalam Islam menafikan wujudnya *son of God* dan *Holy spirit*.

Berdasarkan penjelasan contoh di atas, maka kefahaman terhadap konsep dan istilah yang digunakan sama ada dalam hal akidah mahupun syariah dan akhlak antara agama perlu diperhalusi dalam kajian Ilmu Perbandingan Agama kerana kemungkinan wujudnya konsep atau nama yang sama, namun penjelasan dan kefahaman konsep yang berbeza. Hal ini penting dalam toleransi agama dengan tujuan menjaga akidah dan limitasi sensitiviti.

ii. Kefahaman terhadap Panduan yang Tuhan turunkan dalam menjelaskan penentuan Nilai

Bagi berhadapan dengan umat Islam, agama lain mestilah mengetahui bahawa nilai baik dan buruk dalam Islam berpandukan lima hukum yang wujud dalam syariat Islam iaitu wajib, sunat, harus, Makruh dan haram dan nilai ini adalah universal.. Dalam hal toleransi agama, perkara-perkara yang dihukumkan wajib dan haram adalah perkara yang dikatakan menjadi asas sensitiviti Islam. Hasil dari lima hukum ini maka Islam mempunyai penegasan kepada dua bentuk ajaran iaitu pertama yang bersifat *thabat* (tetap) dan yang bersifat *murūnah* (menerima perubahan). Perkara Thabat (tetap) ini berlaku di sekitar isu akidah sama ada asas akidah ataupun cabang akidah, namun dalam konteks Murunah (menerima perubahan) dalam konteks hukum hakam berkaitan cara hidup Islam yang tiada hukum yang asas dan boleh diijtihadkan. Penentu nilai ini adalah perkara ajaran yang tetap (*thabat*). Maka rujukan untuk memahami perkara tetap (*thabat*) tidak boleh tidak berdasarkan Quran, sunah dan pentafsiran ulama muktabar bukan melalui pentafsiran kontekstual mengikut zaman perubahan seperti isu Ketuhanan, Allah, Nabi dan Rasul, syahadah dan seumpamanya. Manakala perkara *murūnah* (menerima

perubahan ) adalah dibenarkan atau dibuka kepada kumpulan fuqaha' (ahli fiqh) untuk melihat perubahan hukum mengikut kesesuaian tempat dan konteks. Dengan sebab ini , dalam konteks Malaysia, umat Islam memerlukan majlis fatwa bagi membincangkan isu-isu dan hukum yang bersifat *murūnah* .

Walaupun bagaimanapun pembahagian *thabat* dan *murūnah* ini tidak kelihatan dalam ajaran-ajaran Kristian. Semua ajaran Kristian dilihat diusahakan untuk disesuaikan dengan konteks semasa khususnya melalui pentafsiran yang dibuat oleh paderi dan mereka yang berautoriti untuk membuat pentafsiran. Justeru dalam menentukan nilai baik buruk dalam Kristian, ia perlu mengambil kira pentafsiran semasa dan sesuatu tempat tersebut.

Perbezaan hak untuk mentafsirkan hukum memberi kesan dalam pembentukan limitasi toleransi. Sebagai contoh apabila berlaku murtad timbulnya salah faham dari pihak bukan Islam apabila wujudnya jawatankuasa untuk menasihati pelaku murtad dan wujudnya hukuman dan enakmen tertentu untuk yang dikenakan ke atas pelaku murtad . Dalam hal ini, kebebasan beragama mula dipertikaikan terutama dakwaan yang menggunakan sandaran kepada perintah *la ikraha fiddin* . Dalam ayat ini ungkapan *la ikrah fiddin* diberikan ke atas mereka yang belum memeluk Islam atau permulaan untuk mencari kebenaran, Ini kerana ia selaras dengan prinsip dalam Islam bahawa kebenaran mestilah dalam keadaan yaqin maka jika belum yaqin perlu diusahakan untuk yaqin. Islam menegah mereka mencari kebenaran dengan alasan dan bukti yang ragu-ragu. Walaubagaimanapun, apabila telah menjadi Muslim, maka kebenaran itu diletakkan kepada panduan nilai Islam. Maka , perbuatan murtad tadi adalah pilihan manusia, yang tidak mengikut panduan Tuhan dan dianggap berdosa. Dalam hal ini ganjaran atau balasan boleh dilakukan ke atas setiap umat Islam mengikut panduan yang telah ditentukan dalam syariat setiap nabi dan rasul. Bertolak dalam hal ini toleransi agama tidak sekali-kali melanggar syariat Tuhan.



iii. Peribadi Nabi Isa / Jesus

Perbezaan besar berlaku dalam dua perkara . Pertama: *Kalam* Tuhan yang diyakini Islam mempercayai adalah di dalam bentuk wahyu dan kemudian disusun dalam bentuk Mushaf (dengan syarat pengumpulan tertentu) dan kemudiannya dirujuk sebagai al-Quran. Ini berbeza dengan keyakinan Kristian. Kristian pula meyakini kalam Tuhan (atau disebut sebagai kalimat) turun dalam bentuk manusia dan kemudian manusia ini diyakini sebagai anak Tuhan. Kedua: Dalam konteks Peribadi Jesus, Islam meletakkan nya dan semua nabi yang lain sebagai makhluk. Diberikan mukjizat bagi membuktikan tanda kenabian dan kerasulan mereka .Nabi juga mempunyai martabat yang tinggi dari manusia lain namun sekali kali tidak akan menjadi martabat Tuhan. Dalam konteks nabi Isa, kelahirannya atas kuasa Allah. Islam tidak mempercayai Isa disalib namun mempercayai bahawa nabi Isa diangkat ke langit dan akan diturunkan pada akhir zaman. Namun tidak sekali-kali penjelasan Isa ke langit ini diajar sebagai kepercayaan Isa adalah anak Tuhan seperti yang dijelaskan dalam surah al Ikhlas, bahawa Tuhan tidak beranak dan Tidak diperanakkan.

Hal ini berbeza dengan keyakinan Kristian. Kristian meyakini bahawa nabi Isa( yang disebut sebagai Jesus) diletakkan sebagai Tuhan atau kalimah Tuhan atau Logos. Sebelum diturunkan ke bumi ia bersama Tuhan, apabila dia turun ke bumi dalam bentuk cahaya dan menjadi Tuhan yang berjalan di muka bumi dan menjadi anak Tuhan yang akan dikorbankan menebus kesalahan dosa warisan dan kemudian apabila telah disalib ia menjadi anak Tuhan dan sebahagian informan menjelaskan ia duduk di sebelah tuhan.

Perbezaan ini membawa kesan dalam membezakan Tuhan dan nabi serta rasul sebagai bezanya Tuhan dan makhluk. Bagi Islam Tuhan sahaja yang Qadim atau kekal. Akan tetapi dalam konteks Kristian, Jesus tidak dibezakan dari Tuhan dan Roh Suci. Kesannya, Jesus, Roh suci dan Tuhan adalah sama-sama bersifat kekal.

Dalam konteks Malaysia, perbezaan keyakinan terhadap Nabi Isa @ Jesus ini menyebabkan Islam mengharamkan untuk umat Muslim menyambut mana-mana perayaan sambutan hari Natal yang dijelaskan dalam fatwa Majlis Muzakarah Ulama' Malaysia.

#### iv. Penjagaan alam sekitar

Kajian merumuskan bahawa semua informan Muslim dan Kristian bersetuju bahawa alam yang diciptakan Tuhan memberi kebaikan. Persamaan pandangan bahawa Alam ini dijadikan untuk manusia. Dalam konteks Islam, alam dilihat sebagai tanggungjawab kepada setiap individu manusia. Namun manusia tidak boleh membuat kemusnahan kepada alam. Secara keseluruhannya, kajian merumuskan bahawa Islam dan Kristian melihat Alam sebagai satu tempat yang baik dan perlu dijaga dengan baik kerana amanah Tuhan.

### 6.3 Cadangan

Bertolak dari rumusan fenomena dan pendekatan ini maka kerangka konseptual al-Fārūqī dalam hubungan agama dapat dijadikan panduan dalam pelaksanaan sikap homat antara Muslim dan Kristian di Malaysia. Selaras dengan ini, kajian mencadangkan beberapa perkara iaitu:

- i. Cadangan kerangka konseptual kajian sebagai panduan pengkajian fenomena toleransi agama.

Kerangka konseptual toleransi agama melalui pendekatan al-Fārūqī ini dapat memberikan penilaian dan pemahaman terhadap agama dalam konteks semasa. Bagi negara yang mempunyai kepelbagaian agama yang sentiasa berlapis bersama budaya , panduan pendekatan dan limitasi ini boleh digunakan bagi mengetahui ruang dan keperluan berinteraksi dalam hubungan antara agama di Malaysia. Tambahan Lagi, data

yang diperolehi adalah dari pemimpin agama ini diperlukan untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada masyarakat Islam dan Kristian Malaysia. Hasil analisis yang dilakukan kajian mencadangkan kerangka konseptual toleransi agama di Malaysia adalah seperti dalam rajah di bawah:



**Sumber: Analisis Hasil Kajian**

ii. Cadangan Instrumen Kajian

Antara elemen yang dibincangkan dalam setiap tema adalah seperti dalam jadual di bawah:

**Jadual 6.5: Cadangan Instrumen**

Tema	Elemen	Limitasi
Pengiktirafan Kepelebagaian (Penjelasan Fenomena Toleransi Agama)	Pandangan Terhadap Punca Kepelebagaian	Persamaan Nilai merupakan perkara yang boleh ditoleransi
	Pandangan terhadap kedudukan agama lain (benar atau salah)	
	Pandangan Terhadap Kemunculan Agama Lain	
	Pandangan Terhadap Keperluan Dakwah	

Kesediaan keharmonian (Pendekatan Toleransi Agama)	Pandangan Terhadap Hak agama Lain	Perbezaan Nilai merupakan limitasi toleransi dan ia mesti diakui.
	Pandangan terhadap hidayah dari Allah	
	Pandangan untuk peluang keampunan	
Limitasi Toleransi Agama	. Hubunagn Tuhan Dan Manusia (Penentu Nilai)	
	Hubungan Manusia dan Manusia (Kebebasan Manusia)	
	Hubungan Manusia dan Alam (Fungsi Alam)	

Sumber: Hasil Kajian

### iii. Cadangan Sumber Ilmu

**Sumbangan kepada Bidang Akidah dan Agama:** Pendekatan dan limitasi dapat menjelaskan perbezaan teologi antara Islam dan bukan Islam khususnya dalam konteks Malaysia. Ini kerana selain agama Islam, semua agama adalah bersifat kontekstual. Memahami perihal secara fenomenologi dapat memberi penjelasan pegangan agama mereka yang terkini dalam sesebuah negara supaya kefahaman yang dibina lebih adil. Manakala penilaian meta agama pula dapat menjelaskan perkembangan, isu antara mazhab dan konflik dalam setiap aliran agama sama ada antara agama mahupun sesama mazhab agama.

**Sumbangan Bidang Dakwah:** Limitasi ini dapat menjadi asas kepada ilmu pemantapan akidah khususnya dalam kalangan Mualaf yang memerlukan metode perbandingan agama sebagai cara penjelasan kebenaran dan kesalahan sesuatu akidah. Ini disebabkan pihak Mualaf sendiri telah mempunyai pengalaman menganuti dua agama yang berbeza. Adalah lebih berkesan jika data perbandingan bersifat semasa digunakan agar hujah dan jawapan kepada pihak yang bertanya selaras dengan aliran mazhab yang dipegang dalam sesebuah negara.

**Sumbangan bidang Pemikiran Islam:** Pendekatan dan Limitasi yang dicadangkan juga dapat menjadi asas perbandingan dalam memahami bentuk-bentuk falsafah dan pemikiran.

**Sumbangan Kepada Pembuat Polisi:** Data-data yang diperolehi merupakan data dari sumber pakar-pakar agama yang terlibat secara langsung dalam urusan agama yang dianuti. Justeru, hasil kajian ini dapat menjelaskan pandangan pemimpin agama Islam dan Kristian dalam isu toleransi agam khususnya berkaitan pendekatan dan limitasi yang dipersetujui bersama dalam kalangan pemimpin Muslim dan Kristian Malaysia.

Ringkasnya sumbangan ini dijelaskan dalam rajah di bawah :

**Rajah 6.1: Sumbangan Kajian**



**Sumber: Rumusan dan Cadangan Pengkaji.**

#### **6.4 Kesimpulan**

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini, didapati bahawa konsep dan pendekatan toleransi agama menurut al-Fārūqī sesuai digunakan sebagai asas panduan. Namun kajian juga mendapati bahawa sasaran penulisan al-Fārūqī adalah tertumpu kepada Kristian justeru istilah perbandingan yang digunakan di dalam penulisan beliau mengambil semula istilah-istilah dalam agama Kristian. Dalam konteks Malaysia yang mempunyai kepelbagaian agama, penggunaan istilah-istilah yang digunakan oleh al-Fārūqī perlu dinilai mengikut kesesuaian istilah kefahaman agama yang digunakan di Malaysia.

University of Malaysia

## RUJUKAN

- Abdul Halim Ramli. *Pemikir Islam, Prof Ismail Raji Al al-Fārūqī*, Qubah publication. 2002.
- Abdul Hamid Othman, “Toleransi Agama sebagai Teras Dialog Perdana,” dalam *Dialog Peradaban Peranan dan Kepentingannya di Malaysia*, (Pnyt). Azizan Baharudin. Kuala Lumpur:Universiti Malaya .2005.
- Abdul Shukor Hussin . *Akidah Ahli Sunah Waljamaah, Satu Pemahaman Semula*, UKM: Penerbit UKM . 1998.
- Abdull Rahman Mahmood, Kamaruddin Hj Salleh .Penerimaan Bukan Islam terhadap proses Islamisasi di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 2:33-51.2009.
- Administration of Islamic Law (Federal Territories)Act 1993.
- Ahmad Munawar Ismail, & Kamal Mujani, W. “Themes and Issues in Research on Interfaith and Inter-Religious Dialogue in Malaysia”. *Advances in Natural & Applied Sciences*, 6(6). 2012.
- Ahmad Sabri Osman, Konsep Tauhid menurut Ismail Raji al-al-Fārūqī: Analisis dalam isu-isu Pluralisme Agama. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia,2015.
- Ahmad Sabri Osman, Mohd Farid Mohd Sharif, Raihaniah Zakaria. “Prinsip Tauhid Ideasional Dalam Hubungan Islam dan Agama-agama Lain: Analisis Peranannya Menurut Isma‘il Raji Al-Fārūqī”. *Jurnal Intelek* (7):1, 2015.
- Ahmad Sunawari Long. “Dialog Antara Agama-Agama:Pra Syarat Persefahaman Antara Agama”, (Pnyt) Ismail@ Muda Ab. Rahman & Jaffary Awang. *Agama dan Perpaduan Kaum di Malaysia*,Selangor: Universiti kebangsaan Malaysia. 2003.
- Ahmad Tarmizi Talib , Sarjit Singh Darshan Singh, Prof Jayum A. Jawan, Dr Zaid Ahmad, dr Ismi Arif Ismail, Mohd Roslan Rosnon & Nur Ayuni Mohd Isa, “Toleransi Sosio- Agama di semenanjung Malaysia” (Laporan Penyelidikan Kerjasama Universiti Putera Malaysia Dan Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional Malaysia ), Bahan tidak Terbit. 2014.
- Ahmad TarmiziTalib & Sarjit S. Gill. “Socio-Religious Tolerance: Exploring the Malaysian Experience”. *Global Journals Inc.* USA. 2012.
- Al- Asha’ari , Abu Hasan,t*Kitab al Luma’ fi rad ahli al zay’a wal bid’a.* (Pnyt) Hammudah Gharaba . Mesir: al Maktabah Azhar lil turath. T.th.
- Albert Sundarark Walter, “Issues in Christian–Muslim Relations: A Malaysian Christian Perspective”. *Islam and Christian–Muslim Relations Jurnal*, 18:1. 2007. (<http://dx.doi.org/10.1080/09596410601071139>).

- Alexander Heidel, *Babylonian Genesis; The Story of Creation* Chicago, University of Press. 1963.
- Al-Kitab Berita Baik*. Penerbitan buku Kristian: Selangor.
- Alwi Shihab .Christian–Muslim Relations into the Twenty-first Century , *Islam and Christian–Muslim Relations*, Vol. 15, January 2004.(1), 2004. (<http://dx.doi.org/10.1080/09596410310001631821>).
- Azizan Baharudin, “Cabaran-cabaran dalam dialog antara penganut agama”. Kertas Kerja Muzakarah Pakar Mencari Kesepakatan Perspektif Islam Tentang Dialog Antara Penganut Agama. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. 2012.
- Azizan Baharudin (pnyt). *Dialog Peradaban Peranan dan Kepentingannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2005.
- Azman Amin bin Hassan, Persidangan Meja Bulat Dialog Antara Agama anjuran Institut Islam Hadhari UKM pada 24 Mei 2012
- Al- Bani, Muhammad Nāsr al-Dīn, *Sahīh al-Jamī<sup>c</sup> al Saghīr wa Ziyādatihī.*, Beirut: Maktab al-Islāmī. T.th.
- Al-Baghdādī, Ibn Tahir Abd al-Qahir, *Moslem schisms and sects : al-Farq bain al-Firak being the history of the various philosophic systems developed in Islam* , (terj) Abraham S. Halkin. Philadelphia : Porcupine Press. 1977.
- Al-Bāyjurī , Ibrahim bin Muhammad. *Tuhfatul Murid Syarah Jauhara al Tauhid*. Al Qahirah: Dar al Kutub al Hadithah. T.th.
- Benjamin Schontha, Tamir Moustafa Matthew Nelson , and Shylashri Shankara . “Is the Rule of Law an Antidote for Religious Tension? The Promise and Peril of Judicializing Religious Freedom”, *American Behavioral Scientist* 1. 2015. (DOI: 10.1177/0002764215613380).
- Berchemen, Robert, M. “Greco Roman Paganisma: The Political Foundation of Tolerance”. *Religious Tolerance in world Religions*. (pnyt) Jacob Neusner & Bruce Chilton. Pennsylvania: Templeton foundation Press. 2008.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, *Al-Jami’ al Sahih al Mukhtasar*, 6 Juzu’, Bayrut : Dar Ibn Kathir. 1987.
- Chandra Muzaffar. *Islamic resurgence in Malaysia*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1987.
- Chilton, B. “Tolerance and Controversy in Classical Christianity”. *Religious Tolerance in world Religions*. (pnyt). Jacob Neusner & Bruce Chilton . Pennsylvania: Templeton foundation Press. 2008.
- Collin Dictionary. <http://www.collinsdictionary.com/>
- Creswell, J.W. *Qualitative Inquiry and Research Design Choosing Among Five Traditions* London: SAGE Publication. 1998.



- Das, Bhagavan, *The Essential Unity of All Religions*. United State of America. 1973.
- Dokumen-Dokumen Perlembagaan Negara Brunei Darussalam  
<http://Www.Parliament.Am/Library/Sahmanadrutyunner/Bruneidarussalam.Pdf>
- Eliade, M. *The Encyclopedia of Religion*. London: Colliar Macmillan Publishers. T.th.
- Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) (Enakmen No. 1 Tahun 1991)  
 .1991.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Pahang 1991.1991.
- Ewa Golebiowskan."Ethnic and Religious Tolerance in Poland" , *East European Politics and Societies* 23 :3. h. 371-391. Sage Publications .2009.  
 (http://online.sagepub.com 10.1177/0888325409333191).
- Farahwahida Mohd Yusof (Dr), "Kaedah Penyelesaian dalam menangani kes pertukaran agama dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam di Johor,Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur". Johor Bahru: UTM.2008.
- Al-Fārūqī, I.R, *On Arabism:Urubah and Religion*. Djambatan.1962.
- Al-Fārūqī , I.R (History of Religions: Its Nature and Significance for Christian Education and the Muslim-Christian Dialogue (Continuation), *Numen: international Review For the History of Religions*. 12(2). 1965.
- Al-Fārūqī, I.R . *Christian Ethics: A Systematic and Historical Analysis of Its Dominant Ideas*. Montreal: McGill University Press.1967.
- Al-Fārūqī. I. R. and Sopher, D. E., (pnyt). *Historical Atlas of the Religions of the World* . New York and London: Macmillan.1974.
- Al-Fārūqī ,I. R."Meta Religion : Towards A critical world Theology" , *American Journal of Islamic Social Science*, 3 (1), 1986.
- Al-Fārūqī. I. R & Ibsen, Louis Lamy. *The Cultural Atlas of Islam*,New York: McMillan.1986.
- Al-Fārūqī, I.R , *Islam and other Faith*, IIIT; Herdon Virginia. 1989.
- Al-Fārūqī I.R, . *Al- Tauhid: Its Impication For Thought and Life*, IIIT Publisher.1992.
- Al-Fārūqī, I.R. *Islam and Other Faiths*, Ataulah Siddique (pnyt), Leicester: The Islamic Foundation .1998.
- Fatmir Mehdi Shehu, "Nostra Aetate and Inter Religion Dialogue; An Islamic Perspective", Tesis Doktor Falsafah , international Islamic University Malaysia. 2007.

- Fletcher, Charles D. "Isma' il Al-Fārūqī(1921-1986) And Inter-Faith Dialogue: The Man, The Scholar, The Participant." Tesis Doktor Falsafah. The Institute of Islamic Studies at McGill University, Montreal. 2008.
- Garis Panduan Rumah Ibadah.<http://www.townplan.gov.my/>.
- Ghazali Basri (pnyt). *An Integreted Education System in Multi Faith and Multi Cultural Country*. Malaysia: Muslim Youth Malaysia.1991.
- Ghazali Basri, 'A Comparative Study on Religious Tolerance in post-Independent Malaysia-Nigeria with special reference to Christian Muslim Relation'(Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial, UKM).
- Hart, C. *Doing a literature Review-Releasing the Social Science Research Imagination*. London: SAGE Publication.1998.
- Hashim Hj.Musa, , "Islam dan Dialog Peradaban: Konsep dan Idealisme". *Islam dan Dialog Peradaban satu perspektif*. (pnyt).Azizan Baharuddin.Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya. 2005.
- Haslina Ibrahim. "The Feasibility Of Al-Fārūqī's Meta-Religion Principles: Sharing Of Research Experience". Seminar on Al-Fārūqī Thought. Malaysia:IIUM. 2013.
- Ibrahim Che Noh, "Pembentukan Perpaduan Masyarakat Malaysia melalui Piagam Madinah dan al-Quran dan Sunah". Tesis Sarjana Jabatan Al-Quran dan Sunnah,Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.2001.
- Ibrahim Kalin, "Sources of tolerance and intolerance in Islam". *Religious Tolerance in World Religions* , (Pnyt). Jacob Neuser & Bruce Hilton. Pennsylvania: Templeton Foudation Press).2008.
- Ibrahim Mohamed Zein, Religions As a "Life Fact": Al-Fārūqī 's Impact on The International Islamic. IIUM.
- Imtiyaz Yusuf. Introduction , In Ismā' il R. Al-Fārūqī, Islam : religions, Practice, Culture & World Order (1975) . IIIT Publisher. 2011.
- Islamic Horizon, Ogos/September (1986).
- Ismail @ Muda Ab Rahman & Jaffary Awang. *Agama dan Perpaduan Kaum di Malaysia*, Selangor:Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.2003.
- Jaffary Awang " Toleransi Agama dan Perpaduan Kaum ,Pandangan Intelek: Satu Observasi Ringkas". *Agama dan Perpaduan Kaum di Malaysia*, Selangor:Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.2003.
- Jacob Neuser & Chilton, B, Religious Tolerance in World Religions, Pennsylvania: Templeton Press.2008.
- John Azumah. Evangelical Christian Views and Attitudes Towards Christian– Muslim Dialogue . *Transformation* 29(2). 2012. (DOI: 10.1177/0265378812439946 trn.sagepub.co)

John Esposito(Pnyt). 'Ismail Raji Al-Fārūqī', *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World* Vol 2 New York: Oxford University Press.2001.

Johore Administration of Islamic Law Enactment1978

Kamar Oniah Kamaruzzaman *Religion and Pluralistic Co-Existence The Muhibbah Perspective*, Selangor:IIUM Press.2010.

Kamus Dewan Edisi 4. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005.

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. "Islam Agama Rahmah dan Toleransi Beragama: Realiti dan Cabaran" . (pnyt) Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Mohamad Kamil Abd. Majid dan Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. *Isu dan Cabaran Hubungan Antara Agama di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.2008.

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Suraya Sintang & Azmil Zainal Abidin. "Dialog Antara Agama Dalam Konteks Ilmu Perbandingan Agama Menurut Perspektif Islam". *Jurnal Tafhim*. Institut Kefahaman Islam Malaysia, Vol 6.2015.

Khadijah Mohd Khambali @Hambali & Mohd Herzalli Mohd Haled. "Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan kepada artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia" . *Jurnal Usuluddin* (27).2008.

Khadijah Mohd. Hambali dan Khairul Nizam Mat Karim. "Interaksi dan dialog agama (DialogPeradaban): Satu paparan". (pnyt) Azizan Baharuddin .*Islam dan Dialog Peradaban: Satu Perspektif*. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya. 2005.

Khairulnizam Mat Karim, Suzy Aziziyana Sali and Muhd Anuar Awang Idris. "The Role of Interfaith Dialogue in Societal Development: Malaysian Experience". *British Journal of Arts and Social* . Islamic Foundation. 2012.

King James Bible, <https://www.bible.com>.

New King James Bible, <https://www.bible.com>.

Klaus Hock . "Christian-Muslim relations in the African context" , *International Journal for the Study of the Christian Church*.. 3:2, 2003.( DOI: 10.1080/14742250308574032).

Lausen, J.C (2011), 'Blind Spot in Toleration', *Critical Review of International Social and Political Philosophy*,14:3.2011.

Luther, Martin . *Luther Reply to King Henry v111*. Buchaman E.S, (New york).1928.

Al-Munazzah al-Arabiyyah li al Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al- Ulum . *Mujam al-Arabi Al-Asasi*, Tunisia Larus .T.th

- Merriem, S.B . *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. (2 ED). San Francisco: Jossey Bass.1998.
- Mohd Sulaiman Yasin.*Akidah Ahli Sunah Wal Jamaah*., Universiti Kebangsaan Malaysia. 1997.
- Muda@Ismail Ab. Rahman @Farah Salwani.”Toleransi Agama dan Kepelbagaian Budaya di Malaysia”. (pnyt) Ismail Ab, Rahman & b Jaffary Awang. *Agama dan Perpaduan Kaum di Malaysia*. Bangi : Penerbit UKM. 2003.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-68, Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama orang Bukan Islam, dicapai pada 12 April 2005, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/garis-panduan-orang-islam-turut-merayakan-hari-kebesaran-agama-orang-bukan-islam>.
- Muzakarah Pakar Mencari Kesepakatan Perspektif Islam Tentang Dialog Antara Penganut Agama. Institut Kefahaman Islam Malaysia. 2012.
- Nazri Muslim. *Islam dan Melayu Dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia* , Selangor: PenerbitUKM. .2014.
- Nederman, C. J. “Toleration in a new key: historical and global perspectives”, *Critical Review of International Social and Political Philosophy*,14:3,2011.
- Nortcott,M.S. The Christian Muslim Relationship in West Malaysia”, *The Moslem World* Vol 81,(1).1991.
- Nostra Aetate (Declaration On The Relationship Of The Church To Non-Christian Religions)*,vatican Council II: *Constitutions Decrees Declarations*., (pnyt) Austin Flannery, O.P. *A Completely Revised Translation in Inclusive Language*. Northport, NY:Costello Publishing.1996.
- Nur Farhana Abdul Rahman, “Impak kebangkitan Semula Islam di Malaysia” Disertasi , Ijazah Sarjana Muda, Pengajian Islam, UKM. 2006.
- Nur Farhana Abdul Rahman “ Tauhid asas toleransi dalam kepelbagaian agama”. *International Journal On Islamic Thought*, 1:June 2012, 2012.
- Osman Bakar.*Islam and Civilizational Dialogue: The Quest for A Truly Universal Civilization*. Kuala Lumpur: Center For Civilizational Dialogue of Universiti Malaya. 1997.
- Othman Lebar. *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan Kepada Teori Dan Metod* Tanjong Malim, Perak : Universiti Pendidikan . 2007.
- Patton, M.Q. *Qualitative Evaluation and Research Methods*, Sage, Newbury Park.1990.
- Paul Enss. *The Moody Handbook of theology*: Chicago: Moody Bible Institute of Chichago. 1989.

Paul Tan. "Human Right, Freedom of Expression and Belief" *.Human Rights in Malaysia*, Democratic Action Party Human Right Committee. Kuala Lumpur.1986.

Perlembagaan Persekutuan. Artikel 160 Perlembagaan Malaysia  
[http://wikisource.org/wiki/Perlembagaan\\_Persekutuan\\_Malaysia](http://wikisource.org/wiki/Perlembagaan_Persekutuan_Malaysia), 20 Julai 2012.

Al-Quran.

Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad Ibn Ahmad Al-Ansari. *al Jami' lil ahkam al Quran*, penyit Salim Mustafa al-Badri. Beirut: Dar Al-Kitub al Ilmiyah. 2004.

Quraishi M.Tariq & Ahmad Shah Mohd Noor. *Ismā'īl Al-Fārūqī, Warisa Zaman Yang Abadi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.1998.

Rahimin Affandi Abd.; Ramli, Mohd Anuar; Ismail, Paizah; and Nor Hayati Mohd Dahlal. "Religious Dialogue: Its Reality and Prospects in Malaysia". *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*. Vol. 29 (2). 2011.

Ramli Awang. *Dialog antara Agama Dari Perspektif Quran* Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. 2008.

Raymond, L.M.Lee & Susan.E.Ackerman. *Sacred Tensions Modernity and Religious Transformation in Malaysia*. University of South Carolina Press.1997.

Al-Razi Fakhr al-Din. *Tafsir al-Kabir*. Beirut Dar Ihya al turah al Arabi.2001.

Reiser, W. "Roman Catholic Understanding of Religious Tolerance in Modern Time : The Second Vatican Council (Vatican II)", (pnyt) Jacob Neuser & Bruce Chilton Religious Tolerance in religious World. Templeton Foundation Press. 2008.

Richard Buttny dan Azirah hashim, Dialogue on '1 Malaysia': The uses of metadiscourse in ethnopolitical accounting. *Discourse & Society* Vol. 26(2). 2015. [sagepub.co.uk/journalsPermissions.nav\(DOI: 10.1177/0957926514556033\)](http://sagepub.co.uk/journalsPermissions.nav(DOI: 10.1177/0957926514556033)).

Rohaiza Rapeyee, "Semantik dalam peristilahan bahasa Melayu". Universiti putera Malaysia.2013.

Schuon, Frithjof *The Transcendent Unity of Religio*. New York: Harper & Row. Sciences. Vol.8 No.1, 1975.

Selangor Administration of Islamic Law Enactment (1989).

Al-Shahrastani, 'Agama dan Ideologi', Mohd Ramzi Omar (terj). Kuala Lumpur. 2006.

Shaikh Abdul Mabud, Aims and Objectives of an Integrated Science Curriculum for a multi faith, Multi Cultural Society. 'An Integreted Education System in Multi Faith and Multi Cultural Country. Malaysia: Muslim Youth Malaysia.2010

- Shamsul Amri Badaruddin. *Hubungan Etnik di Malaysia*, Selangor : Universiti Teknologi Mara Malaysia.2007.
- Shamsul Amri Baharuddin, Modul Hubungan Baharuddin. Universiti Teknologi Mara .2007.
- Shamsul, A. B. 'Islam Embedded:Religion and Plurality in Southeast Asia as a Mirror for Europe', *Asia Europe Journal*, 3:2. 2005.
- Sidjabat, W.B. "Religious Tolerance and the Christian Faith : A Study concerning the concept of Divine Omnipotence in the Indonesian Contitution in The light of Islam and Christianity". Disertasi Doktor Teologi, Fakultas Teologi , Seminari Teologi Princeton, Princeton: New Jersey. 1960.
- Silverman.D,*Doing Qualitative Research: A Practical Handbook*. London : SAGE Publication.2005.
- Silverman, D. " Qualitative Research meaning or practice?" *Information System Journal*,(8) 3.2008.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. *Qualitative Research and Nvivo 10 Expoloration*, Selangor: Aras Publisher.2014.
- Suraya Sintang, Baharuddin, A., Khambali, M., & Hambali, K. Dialogue of Life and Its Significance in Inter-Religious Relation in Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*. Vol 2. 2012.
- Syed Ali Ashraf (Prof,Dr), "Integration, Planning and Implementation Principles, Policies and Strategies". ' *An Integreted Education System in Multi Faith and Multi Cultural Country*. Malaysia: Muslim Youth Malaysia.2010.
- Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'ān 30 Juzu'. Terj. Sheikh cAbdullah bin Muhammad Basmih. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Tantawi, Muhammad Sayid. *Adab Dialog Dalam Islam*, terj. Mohd Noor Mamat. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.2008.
- Tarigan, H.D,*Pengajaran Semantik*, Bandung, Angkasa.1985.
- Tariq Maqdood. "Multicultural Politics: Racism, Ethnicity, and Muslims in Britain": USA: University of Minnesota Press.2005.
- Taylor, Steveb,J & Bogdan, R.,*Introduction to Qualitative Research Method: The Search For Meaning* . Canada:John Wiley & Sons Wiley Interscience Publication.1984.
- Thomas Michel. "Social and Religious Factors Affecting Muslim-Christian Relations" , *Islam and Christian-Muslim Relations*. 8:1.2007. (<http://dx.doi.org/10.1080/09596419708721106>).

Walters, Albert Sundararaj,” *Issues in Christian–Muslim Relations: A Malaysian Christian Perspective*” , *Islam and Christian–Muslim Relations* 18,1. 2007. .  
<http://dx.doi.org/10.1080/09596410601071139>.

Wan Sabri Wan Yusuf dan Arfah Ab. Majid. ‘Inter-Religious Dialogue Model in Malaysia’. *GlobalJournal Al-Thaqafa*. Vol. 2..2012.

Yusuf al-Qaradawi . *Golongan Bukan Islam dalam Masyarakat Islam*, Terj, Asril Ibrahim, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.1999.

Zuliza Mohd Kusrin,. “Kebebasan beragama dan implikasinya terhadap pemeluk Islam di Malaysia”. Disertasi Sarjana Fakulti Pengajian Islam (Syariah), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. 1999.

Zuriati Bt Mohd Rashid &. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi . “Al-FārūqīAnd His Views On Comparative Religion”, *International Journal Of Business And Social Science* Vol. 1 No. 1; October, .2010.

### **Temu bual Wakil Pemimpin Agama Islam Malaysia.**

Informan Muslim1, Majlis Fatwa Kebangsaan . Temu bual pada 9 Januari 2014 di USIM.

Informan Muslim 2. Wakil pemimpin agama Islam Pulau Pinang di Pejabat Mufti Pulau Pinang.

Informan Muslim 3 Sabah ,wakil pemimpin agama Islam Sabah. temu bual pada 19 Mac. 2014 di Pejabat Mufti Sabah.

Informan Muslim 4, wakil pemimpin agama Islam Melaka. Temu bual pada 11 April 2014 di pejabat mufti Melaka).

Informan Muslim 5. Wakil pemimpin agama Islam Selangor. Temu bual melalui email

Informan Muslim 6, wakil Institut Kefahaman islam Malaysia. Temu bual pada 7 Februari 2014) di Ikim.

### **Temu bual wakil Pemimpin Agama Kristian Malaysia.**

Informan Kristian 1. Wakil Christian Federation Malaysia temu bual pada 11 februari 2014),. Informan Kristian 2, Temubual pada 20 Februari 2014 di Kuala Lumpur.

Informan Kristian 3. Temu bual pada 19 Februari 2014 di Negeri Sembilan.

Informan Kristian 4. Temu bual pada 18 Mac 2014. Di Sabah.

Informan Kristian 5. Temu bual pada 5 Mei 2015 di Negeri Sembilan.

### **Temu bual wakil Akadmeik dan Agensi.**

Abdul Halim Ramli , Temu bual pada 10 Januari 2014 di UITM Kuala Pilah.

Abdul Hamyd Abu Sulayman . Temu bual pada 4 April 2014, di IIUM Malaysia

Ataullah Siddique. Temu bual pada 26 Jun 2014, Institut Islam Hadhari, UKM

Enizahura Abdul Aziz, Pegawai Penyelidik Kanan,Pusat Kajian Syariaj Undang-Undang dan Jawatankuasa dalam JKMPKA, Temubual dilakukan pada 22 Oktober 2012.

Ibrahim, Temu bual pada 2 Januari 2015.IIUM.

Mohd Nur Manuty .Temu bual pada 4 Februari 2014 di UITM Shah Alam.

Sarjit Singh Darshan Singh, Ahli Penyelidik Kajian Toleransi sosio agama , Temubual pada 11September 2014 di UPM.

Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti.Kebangsaan Malaysia (UKM), Temu bual pada 25 Febuari 2014.di UKM.

Yong, Jawatankuasa Mempromosikan Keharmonian Antara Penganut Agama Malaysia,(JKMPKA),Temubual pada 2Julai 2012. Di Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional Malaysia, Putrajaya.

Zulkifli, Penolong Pengarah, Unit Perpaduan, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional Malaysia, temu bual pada , 23 Mei 2013 di Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional Malaysia, Putrajaya.